




20
nu. 112
13/86

1137-176

PANDANGAN ALIRAN

Penghuraian terhadap
persoalan-persoalan masyarakat
seperti perpaduan negara,
perkembangan ugama, demokrasi,
pembangunan, rasuah, pendidikan,
perhubungan antarabangsa dan
sebagainya.

Aliran Kesedaran Negara
(ALIRAN)
Peti Surat 1049
Pulau Pinang
Malaysia
(Nombor Talipon: 04-830549)

Februari 1985

Pandangan Aliran (Penghuraian terhadap persoalan-persoalan masyarakat seperti perpaduan negara, perkembangan ugama, demokrasi, pembangunan, rasuah, pendidikan, perhubungan antarabangsa dan sebagainya)

ISBN 967 - 9916 - 06 - 5

Harga:

\$10.00

409421

Dicetak oleh
Ganesh Printing Works Sdn. Bhd.
10 Penang Street,
Pulau Pinang.

29 MAY 1986
Perpustakaan Negara

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN PERTAMA

Bab 1	
HUBUNGAN ETNIK DAN POLITIK PERKAUMAN	1
Masalah Perkauman Sesudah Pilihanraya ✓	
Nilai-Nilai Bersama Dalam Masyarakat Berbilang Kaum ✓	
Usaha Mengamankan Perhubungan Etnik ✓	
Orang-Orang Kulit Hitam Dan Keadaan Orang Melayu	
Perpaduan Untuk Mencapai Pembangunan	
Kemufakatan Nilai: Satu Pendekatan Terhadap Perpaduan Kebangsaan	
Kesedaran Kebangsaan Dan Perpaduan ✓	
Mengenai Kelakuan Manusia Dan Masalah Kaum	
Menyatukan Masyarakat	
Masyarakat Malaysia: Apakah Pandangan India?	
Bab 2	
HAK ASASI MANUSIA DAN DEMOKRASI	36
Bantahan Terhadap Penolakan Permohonan Aliran Untuk Mengadakan Forum	
Bantahan Terhadap Pengharaman Ke Atas Rapat Umum	
Pengesahan Undang-Undang Dharurat	
Hak Asasi Manusia Dan Pembelotan Dalam Senyap	
Hak Asasi Manusia Di Malaysia	
Peraturan-Peraturan Untuk Ahli-Ahli Akademik — Bahayanya	
Demokrasi Malaysia	
Layanan Terhadap Tahanan Politik	
Hak-Hak Asasi Manusia Dalam Demokrasi	
PAS Dan Keselamatan	
Demokrasi Harus Dipertahankan Melalui Saluran-Saluran Demokratik	
Ketaatan Politik: Satu Warisan Dari Sikap Feudal	
Demokrasi Dihukum Mati	
Makna Demokrasi	
Pindaan-Pindaan Perlembagaan 1981	

Tahanan-Tahanan Politik Dibebaskan
Punca Dan Akibat Merosotnya Kebebasan
Akta-Akta: Antara Ketahanan Negara Dan Kebebasan
Bersuara

Bab 3

RASUAH DAN PERISYTIHARAN HARTABENDA

Rasuah Di Kalangan Orang Atasan
Ucapan Tahun Baru Dari Perdana Menteri: Pembasmi Rasuah
Seruan Kepada Calon-Calon Negeri Kelantan
Penghalangan Surat-Surat Aliran
Seruan Kepada BN Melaka
Sokongan Kepada Pengisytiharan Hartabenda
Seruan Akhir Kepada Pengisytiharan Hartabenda
Kempen Anti-Rasuah
RIMV Dan Hartabenda Pekerja-Pekerjanya
Rasuah – Ancaman Kepada Negara
Bank Rakyat – Perlunya Diadakan Satu Ombudsman
Guru-Guru Dan Hartabenda
Skandal Pelabuhan Kuantan
Melawan Rasuah
Pengisytiharan Hartabenda

Bab 4

PEMBANGUNAN EKONOMI

Kemarau Melanda Kawasan Muda
Pemindahan Hakmilik Syarikat-Syarikat Awam
Pembangunan – Erti Dan Matlamatnya
Kenaikan Harga: Syarikat Besar Dan Kerajaan
Subsidi Beras
Demonstrasi Alor Star: Satu Renungan Sejenak
Kritikan Industri Berat
Penggalian Logam
Masalah Inflasi Dan Masa Depan Pekerja Di Malaysia
Pujian Kepada Syarikat-Syarikat Kerjasama
Keadaan Ekonomi Sekarang
Pembangunan Ekonomi Dan Kepimpinan Politik: Matlamat
Dan Masalah ✱
Perkembangan Perindustrian Di Malaysia

Bab 5	
DASAR KEWANGAN DAN PERTANGGUNGJAWABAN	152
Komen Ringkas Terhadap Belanjawan Yang Akan Datang	
Televisyen Berwarna: Keutamaan Yang Salah	
Padang Golf	
Banci Pasaran Harta	
Lembut Terhadap Mereka Yang Terlalu Kaya	
Kenaikan Harga Minyak	
Belanjawan 1981	
Subsidi Baja	
Harga Gula Yang Baru	
Harga Minyak DiNaikkan Lagi	
Ketidakurusan Betul Perusahaan-Perusahaan Kerajaan	
Laporan Ketua Odit Negara	
 Bab 6	
STRUKTUR PERLEMBAGAAN DAN PENTADBIRAN	167
Peristiwa Dewan Undangan Negeri Perak	
Kerajaan-Kerajaan Negeri	
Pentingnya Kerajaan Tempatan Dalam Pembangunan Negara	
Penambahan Bilangan Kawasan Pilihanraya Parlimen Dan Negeri	
Perubahan-Perubahan Dalam Cara-Cara Membangun Kerajaan-Kerajaan Tempatan Dan Pertanggungjawabnya (Accountability)	
 Bab 7	
PENDIDIKAN	180
Masalah Keciciran	
Adakah Pendidikan Universiti Melahirkan Intelektual?	
Ilmu Dan Masyarakat	
Mewajibkan Pelajaran Islam Dan Moral Di Sekolah	
Pelajaran Undang-Undang Ke Arah Keadilan Masyarakat	
Beberapa Pandangan Tentang Laporan KajiSemula Dasar Pelajaran	
Tabiat Membaca	
Sekolah-Sekolah DiCantumkan	
Latihan Kepimpinan Dan Nilai-Nilai Etika	
Dasar Pelajaran Kebangsaan: Matlamat Dan Hakikat	

Akta Universiti Dan Kolej Universiti
Apakah Corak Pendidikan Umum Di Malaysia Pada Masa
Akan Datang? -- Persoalan Dan Cabaran

Bab 8

BUDAYA, BAHASA DAN TATATERTIB MAHKAMAH

221

Tatatertib Mahkamah Mula Berubah

Apa Erti Kebudayaan Malaysia?

Bahasa Dan Mahkamah

Kebudayaan Cina Dan Cina Malaysia

Bab 9

AGAMA

232

Berdakwah Melalui Drama

Islam Dan Masyarakat Bukan Islam

Kegiatan Silat Nasrul Haq

Peranan Intelek-Intelek Islam

Peristiwa Kerling

Agama Dalam Sebuah Masyarakat Majmuk

Pencabulan Kuil Dekat Ipoh

Pemusnahan Patung-Patung Kuil Hindu

Islam Dan Sekularisme

Kemiskinan Dari Segi Islam

Generasi Baru, Politik Masa Depan Dan Islam

Majlis Antara-Agama Dan Keharmonian Agama

Islam Dan Keharmonian

Musabaqah Quran

Peristiwa Di Batu Pahat

Agama Dalam Malaysia Yang Kian Berubah

Bab 10

**PEKERJA, KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DAN
UNDANG-UNDANG BURUH**

268

Krisis MAS

Buruh Di Persimpangan Jalan

Peranan Kesatuan-Kesatuan Sekerja Dalam Suatu Masyarakat
Berbilang Kaum

Masa Depan Persatuan-Persatuan Buruh

Pergerakan Kesatuan Sekerja – Peranannya Dalam Menegakkan
Perpaduan Nasional Dan Pembangunan
Kesatuan Sekerja Dan Politik
Pindaan Undang-Undang Buruh Dan Perlunya Keutuhan
Pergerakan Pekerja
Pergerakan Kesatuan Sekerja Dalam Tahun-Tahun 80an
Perutusan Sempena Hari Buruh 1981

Bab 11

KECEKAPAN, PROFESION DAN WANITA DI DALAM MASYARAKAT

304

Kecekapan – Suatu Masalah Negara
Wanita Dan Masyarakat: Hak Dan Tanggungjawab
Kemerosotan Profesionalisme Di Malaysia
Wanita Dan Masyarakat

Bab 12

KESIHATAN AWAM DAN KEBAJIKAN SOSIAL

324

Wabak Taun Yang Sedang Merebak
Bantuan Kebajikan
Hospital Kecil Dan Kesihatan Luar Bandar
Menentang Penyalahgunaan Dadah
Tragedi Di Asrama St. Nicholas
Samsu Haram – Suatu Penyakit Sosio-Ekonomi
Masalah Orang-Orang Buta
Yang Cacat Dan Pembangunan

Bab 13

HAL EHWAL PENGGUNA DAN ALAM SEKITAR

338

Sokongan Terhadap Bantahan Endau-Rompin
Hari Alam Sekitar
Kod Pengiklanan
Krisis Tenaga

Bab 14

HUBUNGAN ANTARABANGSA DAN KEDAULATAN NEGARA

349

Orang-Orang Perahu Vietnam

"Pendatang-Pendatang Haram" Dari Vietnam

Pendatang-Pendatang Vietnam Adalah Manusia

Agensi Berita Berkecuali

ASEAN & Dasar Berkecuali

Otonomi ASEAN

Pengecualian Asia Tenggara

Rancangan Pendamaian ASEAN untuk Kampuchea

Penyerahan Diri Pengerusi PKM

Bab 15

PANDANGAN AM

363

Renungan-Renungan Pada Hari Merdeka

Sifat-Sifat Kepimpinan Dalam Dasawarsa 80an

Malaysia Di Dalam Dasawarsa 90an

Cabaran Dasawarsa 80an

Kesedaran 'Malaysian'

Asia Tenggara Di Dalam Dasawarsa 70an

Malaysia Dalam Pergolakan Asia Tenggara Masa Kini

Merdeka Dan Kebebasan Politik

Matlamat Kita

Pandangan Aliran Terhadap Perbezaan Pendapat

Perdana Menteri Yang Baru

Merdeka Dan Perpaduan Nasional

BAHAGIAN KEDUA

Bab 1

KRISIS PEMBATALAN PENDAFTARAN

402

Kenaikan Elaun-Elaun Untuk Kakitangan Perkhidmatan Awam

Surat Dari Pendaftar

Jawapan Kepada Pendaftar Pertubuhan: Kenapa Aliran

Mesti Wujud

Cadangan Membatalkan Pendaftaran Aliran
Perhatian Yang Wajar
Surat Dari Pendaftar
Aliran Dan Rukunegara
Jawapan Kepada Pendaftar: Penjelasan Tentang Rukunegara
Ke Mana Aliran?
Jawapan Kepada Karangan Jamal Nasir Yang Berjodol 'Ke Mana
Aliran'
Beberapa Pendapat yang Salah Tentang Aliran
Aliran Bimbang
Jawapan Kepada Bekas Penuntut USM
Jawapan Kepada Syed Ahmad Wafa
Siaran Radio 'Suara Revolusi': Aliran Membantah
Aliran Menjelaskan
Pas Dan Aliran?
Aliran: Jawapan Kepada Azri
Cadangan Aliran Kepada Sanusi

Bab 2	
PINDAAN-PINDAAN PADA AKTA PERTUBUHAN	465
Rayuan Terhadap Pindaan Akta Pertubuhan 1966	
Tentang Persoalan 'Persatuan Politik'	



PENDAHULUAN

Buku ini adalah sahutan Aliran kepada ketiadaan bahan-bacaan serius dalam Bahasa Malaysia yang membincangkan isu-isu semasa untuk pengetahuan umum. Ia juga merupakan usaha Aliran ke arah membentuk tabiat memikir yang sememangnya adalah satu pra-syarat utama dalam pembangunan masyarakat, khususnya pembangunan intelektual. Berasaskan tujuan inilah maka segala perbincangan dalam buku ini bersifat analitik serta rasional.

Sebahagian besar dari isi kandungan buku ini terdiri dari kenyataan-kenyataan akhbar dan komen-komen Aliran terhadap isu-isu semasa yang menyentuh kepentingan awam dari Ogos, 1977 hingga ke September, 1981. Setengahnya adalah terjemahan dari 'Aliran Speaks', salah sebuah dari buku-buku yang telah diterbitkan oleh Aliran, sementara yang lainnya adalah rencana-rencana baru.

Kami amat berterima kasih kepada saudara Ismail Hashim, Ghazali Yasin, Goh Kim Chuan, Ch'ng Teng Liang, Mustafa Kamal Anuar, Azmi Khalid, Utam Singh, P. Athimulan, Ang Boon Chong, saudari Tengku Zaitun, Mariam Zamani dan Khor Yoke Lim yang telah menjayakan penerbitan buku ini.

Dari luar Aliran kami juga berterima kasih kepada saudara Kassim Ahmad, Santa Kumar, Tengku Hamidah dan S. Rajoo. Terima kasih yang istimewa kepada saudara Mustafa Kamal Anuar yang melakukan kerja mengedit di peringkat awal dan saudara Ismail Hashim yang telah menghasilkan rekabentuk kulit depan buku ini.

Kami meminta maaf serta bertanggungjawab terhadap apa juga kelemahan yang terdapat di dalam buku ini. Sesungguhnya ini adalah perkara biasa dalam sebuah pertubuhan yang bersifat sukarela.

Walau bagaimanapun kami akan terus berusaha menerbitkan buku-buku dalam Bahasa Malaysia sebagai usaha ke arah perkembangan intelektual yang amat penting kepada kesejahteraan masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Yusoff Ahmad Shariff
Editor



BAHAGIAN PERTAMA

BAB 1

HUBUNGAN ETNIK DAN POLITIK PERKAUMAN

Seperti kami, rakyat Malaysia bertambah rungsing terhadap keadaan hubungan kaum – iaitu polarisasi kaum – di negara ini. Di sini Aliran menerangkan perlunya memahami latarbelakang sejarah Malaysia dan perlunya menerima hakikat bahawa kita mempunyai berbagai-bagai kaum dan budaya. Polarisasi kaum menonjol kerana politik parti berkaum di mana majoriti di dalam satu-satu komuniti dipergunakan oleh kepimpinan minoriti.

Beberapa ahli Aliran telah membincangkan subjek-subjek seperti rintangan dan penyelesaian terhadap perpaduan nasional; nilai-nilai sama di dalam masyarakat Malaysia; dan kesedaran kebangsaan dan perpaduan.

MASALAH PERKAUMAN SESUDAH PILIHANRAYA

(Ringkasan Ucapan)

Keputusan Pilihanraya 1978 menunjukkan bahawa Barisan Nasional mempunyai sokongan yang amat kukuh dari kalangan orang-orang Melayu dan sokongan yang memuaskan dari yang bukan Melayu. Ia juga menunjukkan bahawa penyokong PAS dari kalangan orang-orang Melayu telah berkurangan sekali berbanding dengan pilihanraya 1969. Sebaliknya DAP pula telah membentuk satu sokongan bukan Melayu yang kuat.

Pengundian di Malaysia telah sentiasa menunjukkan unsur-unsur perkauman yang nyata. Tetapi ia bukanlah satu kecenderongan yang boleh ditafsirkan sebagai chauvinisme

yang amat ketara. Apa yang dimaksudkan adalah seorang calon bangsa Cina yang bertanding di bawah sepanduk Barisan akan tetap mendapat sokongan dari pengundi-pengundi Melayu kerana parti itu, iaitu Barisan Nasional, telah dimengertikan sebagai pembela bangsa Melayu. Begitulah juga seorang India dari DAP mungkin mendapat sokongan pengundi-pengundi Cina yang lebih dari seorang calon lain berbangsa Cina dari katakan, Barisan, kerana DAP telah dilihat sebagai jaguh kepada pembawaan-pembawaan Cina. Ini menunjukkan bahawa perasaan perkauman masih ada walaupun tidak dinyatakan secara perseorangan, sebaliknya melalui sesuatu pertubuhan.

Sememangnya perhitungan perkauman adalah kadangkala dicairkan atau diubah semasekali oleh faktor-faktor lain, jika dipertimbangkan pilihanraya 1978, faktor-faktor berikut nampaknya adalah penting juga:—

- a) Kekhuatiran yang kekacauan akan meletus jika Barisan kehilangan banyak sokongan.
- b) Kehendak kepada pembangkang di dalam Parliamen.
- c) Kehendak kepada perhubungan yang stabil di antara negeri-negeri dan kerajaan pusat.
- d) Kehendak kepada kemudahan sosial dan apa yang dimengertikan sebagai pembangunan.
- e) Betapa popular atau kurang popularnya seseorang calon itu.

Keputusan pilihanraya itu yang memberikan Barisan kemenangan yang menyeluruh sememangnya telah dijangka. Selain dari apa yang telah dibincangkan, pengharaman ke atas rapat umum, penggunaan media massa oleh parti itu, keutuhan organisasi dan kedudukan kewangan, imej Hussein Onn sebagai seorang tokoh yang bersih dan jujur dan tindak-tanduk yang kurang baik serta kelemahan PAS sendiri yang didedahkan semasa krisis di Kelantan memberi sumbangan kepada kemenangan parti Barisan.

Selepas kemenangan dan tragedi pilihanraya itu adalah

jelas bahawa cabaran hebat yang dihadapi oleh negara ini adalah cabaran yang telah ada sejak 1957 iaitu:—

- a) Mengurangkan polarisasi kaum dan usaha-usaha gigih untuk meningkatkan perpaduan negara.
- b) Mengurangkan ketidakseimbangan sosial dengan menghapuskan kemiskinan dan membahagikan semula ke-
- c) Pengembangan nilai-nilai demokrasi yang tulen.

Apa yang menjadi kebimbangan adalah cabaran yang pertama. Dengan itu saya akan menghadkan diri saya kepadanya. Sebab-sebab utama polarisasi kaum, yang mana pilihan-raya hanya bertindak untuk menonjolkan, adalah terdapat di dalam polisi-polisi ekonomi dan sosial yang berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan perkauman dan di dalam struktur politik dan institusi-institusi sosial yang mencerminkan dan kadangkala menyulitkan lagi pemisihan kumpulan etnik ini. Barisan Nasional mestilah memikul sebahagian besar tanggungjawab ini. Parti-parti pembangkang seperti PAS dan DAP yang berkecenderungan untuk mengapi-apikan perasaan ketiadaselamatan dan kecemasan dan kadang-kadang memperlakukan ini untuk tujuan-tujuan politik mestilah juga didera.

Untuk memberhentikan polarisasi kaum yang meningkat, kedua-dua kerajaan dan pihak pembangkang mestilah mengambil langkah-langkah segera. Parti-parti yang berasaskan bukan Melayu samada MCA, MIC atau DAP mestilah menerangkan latarbelakang negara dari segi sejarah dan kebudayaan kepada pemilih-pemilih mereka terutamanya berhubung dengan status Melayu di dalam pentadbiran dan pelajaran dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Parti-parti yang berkenaan hendaklah memberitahu kepada para pengundi dengan jelas dan tidak disangsikan yang oleh kerana sejarah dan perkembangan Malaysia adalah seperti-nya, keadilan menuntut agar bahasa Melayu dan Islam memenuhi peranan yang lebih bermakna daripada bahasa dan agama yang lain. Ini hanya bermakna bahawa sementara

penggunaan dan pembelajaran bahasa-bahasa lain adalah dibenarkan, status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi hendaklah tidak dikurangkan dengan apa-apa cara sekalipun. Memberi jumlah masa pengudaraan yang sama kepada ketiga-ketiga bahasa atau menggunakan bahasa lain di dalam pentadbiran sebagaimana bahasa Melayu atau menubuhkan suatu Universiti dengan bahasa pengantarnya bahasa Cina yang sama status dengan Universiti yang menggunakan bahasa kebangsaan adalah sama dengan memperkecilkannya.

Dengan hal yang sama, parti-parti Melayu patut menjelaskan kepada penyokong-penyokongnya bahawa bahasa, kebudayaan dan agama kaum-kaum yang lain adalah sebahagian dari negara Malaysia. Dari pandangan yang adil dan berperikemanusiaan mereka juga mempunyai hak untuk wujud dan berkembang. Mesti ditekankan di sini bahawa kepelbagaian bangsa dan kebudayaan akan sentiasa menjadi suatu ciri dalam kehidupan sosial Malaysia dan dengan itu tiada siapa sepatutnya cuba untuk mengenakan keseragaman. Lebih dari itu, masyarakat Melayu mesti diberitahu dengan tegas cara untuk mewujudkan bangsa Malaysia bersama hanyalah dengan menganggap semua orang Malaysia sebagai bangsa Malaysia tanpa sebarang perbezaan. Layanan, anggapan dan peluang yang sama mestilah diberikan tanpa mengira keturunan bangsanya. Dalam perkataan lain, orang-orang Melayu mestilah bersedia untuk menerima suatu situasi yang mungkin di mana pemisahan bangsa di dalam pelajaran, pekerjaan dan lain-lain yang wujud sekarang ini akan beransur-ansur lenyap.

Sesungguhnya dengan sejarah kita dan jenis polisi yang sedang dituruti, untuk mencapai matlamat ini bukanlah mudah. Jalannya tidak lurus dan senang. Sungguhpun begitu ia mesti dimulakan kerana tiada jalan lain yang mana kita dapat hidup bersama. Sesungguhnya pilihan yang lainnya adalah terlalu ngeri untuk difikirkan. Ia akan menjadi suatu situasi di mana polarisasi akan berterusan, dengan ketegangan dan kebencian perkauman yang jika kita berpadukan bukti-bukti sejarah mempunyai hanya satu jalan keluar sahaja ialah rusuhan dan perang saudara.

Itulah sebabnya sebagai permulaan pihak kerajaan harus menjalankan lima program.

- a) Menggunakan radio, televisyen, akhbar-akhbar dan majalah-majalah serta sekolah-sekolah dan lain-lain pertubuhan sosial, seperti kesatuan sekerja, persatuan sukubangsa, badan agama, kumpulan kebudayaan dan seterusnya untuk menerangkan kepada masyarakat tentang hakikat-hakikat sejarah dan semasa. Ini mestilah dilakukan dengan cara yang bijak dan matang dengan mengambil idea-idea dari sejarah, sosiologi, politik dan kebudayaan supaya generasi muda khususnya akan benar-benar memahami situasi Malaysia.
- b) Dengan cara-cara yang dinyatakan di atas, cubaan mestilah diadakan untuk menekankan nilai-nilai sosial yang biasanya dijumpai di dalam tradisi kebudayaan dan agama yang berbagai di dunia ini. Adalah jarang disedari bahawa pada peringkat falsafah sosial, Melayu dan bukan Melayu, Muslim dan bukan Muslim semuanya mempunyai banyak nilai yang sama. Setengahnya berhubung dengan konsep kekeluargaan, kebencian terhadap tamak haluba dan rasuah dan pentingnya ke-pimpinan yang baik.
- c) Memasukkan pelajar-pelajar dari lain-lain komuniti dalam bilangan yang kecil ke dalam sekolah-sekolah mono-etnik dan ke dalam kolej-kolej yang kebanyakannya dipenuhi oleh sesuatu komuniti atau yang lain. Asrama-asrama yang mengambil hanya satu komuniti yang tertentu saja juga patut dibuka dengan cara yang sama.
- d) Anggapkan yang semua pelajar generasi lepas 70 di sekolah-sekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai pengantar sebagai orang-orang Malaysia muda dari semua segi. Sejauh generasi ini diperbincangkan status sosio-ekonomi dan pencapaian intelektual patut menjadi satu-satunya kriteria apabila bercakap tentang pinjaman-pinjaman biasiswa-biasiswa dan tempat-tempat di institusi-institusi pengajian tinggi.

- e) Pemimpin-pemimpin negara khasnya patut mulai memandang masalah-masalah sosial dan ekonomi melalui perspektif yang 'non-ethnic'. Tidak perlu dinyatakan lagi bahawa perspektif yang 'non-ethnic' adalah perspektif yang lebih tepat dan benar kerana dua sebab. Pertama, kemiskinan samada kemiskinan 'Melayu' atau 'bukan Melayu', ketidakseimbangan dalam kemewahan dan peluang, di dalam pencapaian dan keupayaan pelajaran, tidak bersangkut-paut dengan perkauman. Sebab-sebab yang sebenar adalah didapati di dalam perkembangan sejarah yang tertentu, di dalam struktur dan organisasi ekonomi Malaysia dan di setengah-tengah polisi yang dituruti dan perlaksanaannya. Kedua, penyelesaian-penyelesaian terhadap masalah-masalah ini juga tiada sangkut-pautnya dengan faktor-faktor kaum. Apa yang diperlukan adalah rombakan-semula organisasi ekonomi di atas dasar-dasar sosio-ekonomi yang diarahkan kepada peningkatan majoriti yang miskin dan kurang bernasib baik. Ini telah diketahui oleh beberapa golongan di negara kita selama 21 tahun! Sudah sampai masanya pemimpin-pemimpin kita menyedari akan hakikat ini, kerana sementara ia benar polarisasi kaum telah menjadi semakin buruk dengan masa, kemungkinan masih ada lagi menyongsangkan trend ini dan menggerakkan satu dasar baru bagi kerjasama antara kaum. Satu kebolihan besar yang dipunyai oleh Barisan adalah ianya masih menjadi satu-satunya kumpulan yang mendapat sokongan seluruh masyarakat. Ini adalah satu pencapaian yang dicemburui di dalam mana-mana masyarakat yang berbilang bangsa. Bolehkah Barisan menyatu dan mengharmonikan sokongan ini bagi tugas berat untuk membentuk Malaysia yang bersatu?

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Julai 1978

NILAI-NILAI BERSAMA DALAM MASYARAKAT BERBILANG KAUM

(Ringkasan Ucapan)

Apa yang dimiliki kita semua dapat dibahagikan pada tiga kumpulan:

- (a) Sebagai manusia kita mempunyai keperluan-keperluan dan cita-cita tertentu
- (b) Sebagai masyarakat yang mewarisi tiga tradisi yang teragung – Islam, kebudayaan Cina dan falsafah Hindu – dan yang terdedah pada tradisi yang satu lagi yang terkemuka – tamadun Barat – kita mempunyai nilai-nilai dan prinsip-prinsip tertentu yang sama; dan
- (c) Sebagai warganegara dalam sistem politik, ekonomi dan sosial yang sama, kita mengambil bahagian dalam institusi-institusi yang sama dan berusaha ke arah cita-cita sosial yang sama. Itulah sebabnya bahasa yang sama dan kebudayaan yang sama harus dijadikan matlamat nasional kita.

Unsur-unsur bersama ini tidak dipedulikan pada masa lampau dan terus tidak dipedulikan dewasa ini atas beberapa sebab.

- (a) Kolonialisme yang berdasarkan pada konsep 'memisah dan memerintah'.
- (b) Struktur kapitalis masyarakat kita yang mendewakan harta dan kemewahan dan oleh itu, mengujudkan persaingan di kalangan elit berbagai kaum untuk memperolehi barang-barang dan kemudahan-kemudahan yang mahal.
- (c) Banyak dasar-dasar pemerintah yang lebih memisahkan daripada menyatukan orang ramai. Melihat kebanyakan daripada persoalan-persoalan utama dari segi kaum adalah satu kecenderungan yang merbahaya.
- (d) Sikap setengah-setengah elemen dalam pembangkang Melayu dan bukan Melayu yang membuktikan kejahilannya yang ternyata terhadap sifat masyarakat

berbilang kaum kita.

- (e) Sikap kepetualangan unsur-unsur tertentu dalam kelas menengah yang mengekalkan pemikiran etnik serta menyokong dasar-dasar etnik agar mereka dapat menguasai kaum masing-masing dan menuaikan hasil daripada penguasaan tersebut.
- (f) Keengganan golongan bijakpandai kita membahaskan nilai-nilai bersama jika ia mencetuskan kemarahan pemerintah.

Oleh kerana pengaruh menyeluruh dari enam faktor tadi, perjuangan mewujudkan asas nilai yang bersama demi kepentingan negara yang bersatu dan harmonis akan mengambil masa dan akan menghadapi rintangan-rintangan yang besar.

Dr. Chandra Muzaffar
President

Oktober 1978

USAHA MENGAMANKAN PERHUHUNGAN ETNIK

(Ringkasan Ucapan)

Kemerosotan perhubungan etnik telah memberi peluang kepada Aliran memainkan peranan penting: iaitu sebagai pendamai etnik. Pendamai etnik mesti memahami keadaan berbagai komuniti dan berkebolehan berusaha ke arah mewujudkan satu kesedaran kemalaysiaaan yang sejati untuk semua. Aliran menganggap dirinya sebagai satu rahim di mana benih kesedaran Malaysia akan tumbuh dan berkembang.

Pendamai etnik mesti mempunyai ciri-ciri berikut:

- a) satu konsep mengenai sejarah, keadaan sejarah sekarang dan asal usul negara Malaysia;
- b) satu pemahaman yang mendalam mengenai berbagai kebudayaan dan komuniti yang ada dalam negara,
- c) kebolehan membezakan kepentingan murni sesuatu

komuniti daripada yang tidak benar,

- d) satu sikap yang kritis lagi membina terhadap isu-isu mengenai perhubungan etnik tanpa terikat pada mana-mana dogma atau doktrin.
- e) sikap yang benar dan ikhlas terhadap usaha mencari penyelesaian yang tidak memberi jalan kepada syak wasangka dan diskriminasi etnik,
- f) satu gambaran yang jelas mengenai negara Malaysia pada masa akan datang dengan tidak melupakan hakikat sekarang berhubung dengan isu-isu etnik.

Tugas Aliran dalam beberapa tahun akan datang adalah untuk mengadakan lebih ramai lagi individu yang mempunyai kualiti seperti di atas. Kewujudan dan pengaruh mereka ke atas situasi sosial merupakan satu kesan penentuan kepada nasib masa depan negara ini.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

November 1978

ORANG-ORANG KULIT HITAM DAN KEADAAN ORANG MELAYU

(Suara kepada Pengarang)

Sebagai seorang warganegara dan pelajar ilmu masyarakat, saya rasa cubaan Timbalan Perdana Menteri Mahathir Muhammad untuk membandingkan kedudukan orang Melayu dengan kedudukan orang Kulit Hitam Amerika Syarikat (*Far Eastern Economic Review*: April 13, 1979) perlulah dianalisa secara mendalam.

Di dalam satu wawancara beliau mengaku bahawa orang Melayu tidak seperti orang Kulit Hitam, memegang kuasa politik. Keutamaan politik itu — kerana orang bukan Melayu juga menikmati kuasa politik — mewujudkan perbezaan yang besar. Golongan elit politik Melayu menguasai dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang menentukan nasib semua orang, Melayu dan bukan Melayu. Elit politik Melayu mem-

punyai kedudukan untuk menjamin kebajikan massa Melayu dan untuk mengawal dan menentukan kegiatan-kegiatan ekonomi bukan-Melayu. Orang Kulit Hitam tidak mempunyai kuasa itu. Mereka hidup di dalam sebuah masyarakat yang politiknya dikuasai oleh orang Kulit Putih. Undang-undang ekonomi dan sosial yang boleh menguntungkan atau merosakkan kehidupan mereka terletak pada tangan badan-badan perundangan yang dikuasai Kulit Putih.

Ini sebenarnya menyingkap satu aspek lagi dari kedua-dua keadaan itu. Malaysia ialah sebuah daripada negara-negara yang jarang kepadatan di mana satu golongan terbesar di dalam negeri yang juga, seperti telah kita sebutkan, mempunyai kedudukan politik yang penting telah dibekalkan dengan quota dan hak-hak istimewa. Orang Kulit Hitam, sebaliknya, bukan saja mempunyai kedudukan politik yang lemah tetapi juga merupakan golongan minoriti; keistimewaan-keistimewaan yang diberikan kepada mereka di dalam beberapa bidang pelajaran dan pekerjaan boleh dibandingkan dengan quota yang diadakan untuk minoriti Harijan di dalam sistem politik India.

Di samping itu, ada satu lagi faktor yang memberikan orang Melayu sejenis kepuasan emosi dan jiwa yang tidak dipunyai oleh orang Kulit Hitam. Masyarakat Melayu duduk di tempat sejarah dan kebudayaannya sendiri. Bahasa kebangsaan negara ialah Bahasa Melayu; agama resmi ialah Islam (agama masyarakat Melayu); lambang-lambang penting kebangsaan yang lain berpunca dari masyarakat Melayu. Orang Kulit Hitam Amerika, sebaliknya, telah hilang akar-akar kebudayaan mereka hampir sepenuhnya. Bahasa-bahasa mereka dan di dalam kebanyakan hal agama-agama nenek-moyang mereka di benua Afrika telah tidak membantu membentuk pengenalan baru mereka di tanahair mereka sekarang.

Dari segi ekonomi pun tidak wujud persamaan di antara kedua-dua keadaan. Justeru kerana sebahagian penting daripada orang Melayu dan orang Kulit Hitam miskin, kita tidak boleh membuat kesimpulan bahawa sebab-sebab

dan keadaan-keadaan kemiskinan mereka serupa. Sebahagian besar orang Melayu miskin kerana diabaikan oleh penjajah dan kerana pimpinan politik Melayu sendiri tidak mahu melakukan satu rombakan meluas kepada sektor pertanian. Di dalam hal orang Kulit Hitam, sistem hamba-abdi yang lalu, satu susunan ekonomi yang pasti meninggalkan lapisan masyarakat terbawah (samada Kulit Hitam atau Kulit Putih) di dalam keadaan terbiar, dan sedikit sebanyak prasangka perkauman di pihak penduduk Kulit Putih telah membawa kepada keadaan buruk mereka sekarang.

Saya harap setengah daripada perkara yang ditimbulkan di sini tidak akan menggalakkan setengah orang cauvinis berhujah bahawa kedudukan bukan Melayulah yang sama dengan kedudukan Kulit Hitam! Seperti yang sepatutnya jelas, peranan bukan Melayu yang menonjol di dalam ekonomi, ramainya bukan Melayu di dalam kelas-kelas menengah dan atas, penerimaan bahasa-bahasa dan kebudayaan-kebudayaan bukan-Melayu dan pengaruh terbuka dan tertutup yang kadang-kadang dipegang oleh elit-elit bukan-Melayu melalui parti-parti politik dan golongan-golongan pendesak akan mendedahkan ketidakbenaran saranan seperti ini. Kerana sebab-sebab ini, saya menganggap kata-kata bahawa orang-orang bukan Melayu merupakan warganegara kelas dua – satu tema popular di kalangan-kalangan tertentu sekarang – sebagai tidak betul.

Semua ini menunjukkan bahawa keadaan Malaysia ialah satu keadaan yang ruwet. Dengan itu adalah penting bagi kita mewujudkan satu perspektif wajar bagi masalah kita. Tanpa perspektif seperti itu yang hanya dapat diperolehi melalui satu analisa rasional tentang sejarah dan susunan masyarakat kita, kita akan terus memburu penyelesaian-penyelesaian yang salah.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Mei 1979

PERPADUAN UNTUK MENCAPAI PEMBANGUNAN

(Ringkasan Ucapan)

Kita dapat mengatakan bahawa sesuatu masyarakat bersatu padu sekiranya kesetiaan anggota-anggotanya kepada nilai-nilai etika lebih daripada kesetiaan pada bangsa, kaum, keturunan atau agamanya sendiri. Khususnya, ini bermakna bahawa seorang lebih menghargai kebenaran atau keadilan daripada kepentingan kaumnya sendiri sekiranya ada konflik antara dua bidang ini. Sebagai contoh, kalaulah saya menerima bahawa saya mesti menolong anak daripada kaum yang lain yang miskin dan bukan seseorang daripada kaum saya sendiri yang tidak begitu miskin, jelaslah bahawa keadilan itu lebih penting bagi saya daripada kepentingan kaum. Jika kebanyakan anggota-anggota masyarakat kita mencapai darjat ini, kita dapat menyimpulkan bahwa perpaduan telah-pun dicapai. Dengan lain perkataan perpaduan adalah satu keadaan di mana kesetiaan pada nilai-nilai yang murni mengatasi kesetiaan pada kaum.

Apa pula yang dimaksudkan dengan pembangunan? Bukan jalanraya yang lebar, bangunan-bangunan yang tinggi, lapangan kepalterbang yang indah, dan sebagainya yang harus kita gunakan untuk mengukur pembangunan. Pembangunan adalah satu keadaan di mana kebanyakan anggota-anggota masyarakat memperolehi pendapatan yang sederhana, ada rumah yang sederhana, mendapat pendidikan yang baik, rawatan kesihatan yang baik, boleh menyuarakan pendapatnya dan melibatkan diri dalam keputusan-keputusan masyarakat, boleh amalkan agama dan kebudayaan menurut kepercayaan masing-masing, boleh hidup cara aman-damai, sentiasa bekerjasama dan tolong-menolong. Dalam masyarakat yang membangun, yang mungkar seperti sifat tamak-haloba, angkuh, ataupun rasuah dapat dikawal. Hanya nilai-nilai yang makruf yang digalakkan — seperti suka menolong yang menderita, suka berusaha, suka membenteras penindasan dan sebagainya.

Sekiranya kita memahami perpaduan dan pembangunan dari segi-segi yang disebutkan tadi, memang benar perpaduan

penting untuk pembangunan, sepertimana pembangunan juga penting untuk perpaduan. Kedua-dua, perpaduan dan pembangunan, mempunyai hubungan yang rapat dengan nilai-nilai yang makruf, yang baik.

Bagaimana pula kita dapat mencapai pembangunan melalui perpaduan? Kita mula dengan kawasan-kawasan luar-bandar yang diduduki oleh semua kaum, seperti beberapa daerah di Perlis ini. Setakat ini, perpaduan dan pembangunan dianggap sebagai sesuatu yang dirancang di peringkat atasan dan selepas itu dilaksanakan untuk orang biasa di peringkat bawah. Pendekatan ini kurang baik kerana orang ramai menganggap rancangan-rancangan ini sebagai sesuatu yang 'dipaksakan' pada mereka. Oleh sebab itu, penyertaan mereka tidak begitu memuaskan. Pada hemat saya, ada cara yang lain. Di peringkat atasan, hanya garis-garis panduan yang disyorkan. Lepas itu pendapat-pendapat orang biasa di peringkat bawah ditanya. Mereka mesti digalakkan menyuarakan pendapat mereka. Ini dinamakan 'participatory democracy' (Demokrasi penyertaan). Pendapat-pendapat mereka dibincang, dibahaskan. Harus dibuktikan samada pendapat-pendapat ini mewakili nilai-nilai yang baik atau sebaliknya. Sebagai contoh, katakanlah orang biasa mahukan kilang di kawasan mereka. Cadangan ini harus dibahaskan, kilang apa yang perlu? Kilang yang mengutamakan tenaga manusia atau jentera? Kilang yang menggunakan bahan-bahan tempatan atau bahan-bahan import? Kilang yang mengeluarkan barang-barang yang boleh digunakan dalam negeri atau yang dieksport? Adakah kilang yang dibina nanti membawa apa-apa kesan pada sungai-sungai yang ada, udara kawasan itu dan sebagainya? Bagaimana pula dengan pengurusannya, melalui syarikat kerjasama, atau dengan modal dan kemahiran-kemahiran yang diimport dari luar.

Sekiranya kita menggalakkan penduduk-penduduk berbilang kaum di sesuatu kawasan menghadapi soal-soal pembangunan melalui musyawara ini, saya pasti mereka akan lebih bersatu-padu. Ini adalah kerana mereka akan merasa bahawa pembangunan itu adalah sesuatu yang dirancang bersama-sama di mana mereka sama-sama memikul bebannya. Tanggungjawab pemimpin-pemimpin di peringkat bawah

mahupun di peringkat atasan dalam **participatory democracy** yang saya cadangkan di sini ialah memberi nasihat, tunjuk ajar kepada yang lain. Itulah sebabnya, pemimpin-pemimpin mesti terdiri daripada mereka yang bersih, jujur, yang bijak yang berkebolehan.

Akhir kata, yang saya syorkan di sini bukan sesuatu yang luar-biasa. Sebenarnya, konsep perpaduan dan pembangunan ini sudah pun berakar-umbi dalam tradisi kampung di Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, India dan Cina. Inilah cara yang diamalkan oleh kampung-kampung dahulu kala. Semua penduduk-penduduk sesuatu kampung membincang satu rancangan tertentu – katakanlah hendak buat jambatan. Lepas itu, mereka sama-sama bergotong-royong membina jambatan. Ini adalah satu daripada amalan-amalan masyarakat lama yang bertanggungjawab mengeratkan hubungan antara anggota-anggota kampung, yang menyatukan paduan sesuatu kampung.

Memang, keadaan dewasa ini lebih sulit kerana masyarakat kita adalah masyarakat berbilang kaum. Kebanyakan penghuni-penghuni kampung-kampung lama terdiri dari satu kaum, ataupun satu keluarga yang besar. Tetapi di tempat-tempat seperti Perlis di mana kebanyakan bukan Melayu fasih dalam Bahasa Melayu dan sudah mengubah sesuaikan dengan masyarakat tempatan, matlamat ini dapat dicapai – sekiranya ada keazaman dan kejujuran.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

November 1979

KEMUAFAKATAN NILAI: SATU PENDEKATAN TERHADAP PERPADUAN KEBANGSAAN

(Karangan)

Pendahuluan

Mentakrifkan pengenalan sesuatu bangsa merupakan satu unsur yang amat penting dalam usaha kita mencapai perpaduan kebangsaan. Tiga pendekatan yang nyata adalah

mungkin. Pertama, kita boleh memberi layanan yang sama kepada semua bahasa dan kebudayaan yang menjadikan bangsa Malaysia. Semua bahasa akan dianggap sebagai bahasa-bahasa resmi dengan taraf yang sama dengan satu daripada bahasa itu, bahasa Melayu barangkali, sebagai bahasa perantaraan. Kebudayaan-kebudayaan dan agama-agama pelbagai kaum akan menerima perhatian yang sama dalam pelajaran, akan mendapat peluang-peluang yang sama untuk dikembangkan melalui radio dan televisyen dan akan mendapat bantuan yang sama dalam belanjawan kebangsaan. Setengah golongan akan menganggap kedudukan ini sebagai demokrasi kebudayaan yang tulen. Apa yang mereka tidak disedari ialah bahawa pendekatan ini amat tidak adil kepada sejarah bumi ini. Manakala bahasa-bahasa dan agama-agama yang telah menjadi sebahagian daripada negara di dalam dekad-dekad kebalakangan akan gembira dengan pendekatan ini, ia sangatlah tidak adil kepada bahasa Melayu dan Islam kerana bahasa Melayu mempunyai satu hubungan yang lama dan berterusan dengan sejarah budaya kawasan ini sepertimana Islam telah merupakan satu faktor utama dalam perkembangan sosial Semenanjung Tanah Melayu sejak abad ke 15. Masyarakat Melayu berasa — dan benarlah perasaan ini — bahawa hubungan istimewa di antara bahasa dan agama dengan bumi ini haruslah diakui. Ia adalah satu hubungan yang tidak wujud di antara budaya-budaya lain dengan tanahair ini. Meletakkan bahasa-bahasa dan agama-agama lain setaraf dengan bahasa Melayu dan Islam bermakna tidak mengiktiraf hubungan ini. Bermakna kita menidakkan kenyataan-kenyataan sejarah. Bagi orang Melayu ia bermakna satu perubahan besar kepada pengenalan sejarah bangsa. Ini adalah seperkara yang tidak dapat mereka terima dalam keadaan apapun.

Pendekatan kedua ialah sikap yang berlawanan dengan ini. Dengan sejarah tanahair ini, hanya bahasa Melayu dan Islam patut diberikan apa-apa peranan dalam pembinaan bangsa. Bahasa-bahasa, agama-agama dan kebudayaan-kebudayaan lain hendaklah dianggap sebagai di luar pengalaman Malaysia. Pendekatan ini menekankan pembinaan bangsa berdasarkan sejarah dan pengenalan Melayu. Dasar-dasar bahasa dan kebudayaan hendaklah ditujukan bagi mengasi-

milasikan kaum-kaum lain ke dalam konsep dasar Melayu. Di samping itu, cita-cita ekonomi dan politik Melayu akan mendapat perhatian maksima. Sekali lagi nyatalah pendekatan ini berat sebelah — di sebelah yang lain. Ia tidak memberikan keadilan kepada kepentingan-kepentingan kaum-kaum lain yang telah menjadikan Malaysia tanahair mereka. Ia tidak menyedari bahawa bilangan mereka saja memerlukan kita mengadakan satu peranan yang sah bagi bahasa-bahasa dan agama-agama mereka. Kemasukan bahasa-bahasa dan kebudayaan-kebudayaan baru ke satu masyarakat yang sudah wujud, perpindahan rakyat dari satu tempat ke satu tempat dan pengiktirafan yang diberikan kepada kepentingan-kepentingan dan cita-cita mereka merupakan ciri-ciri berulang dalam sejarah manusia. Kerana ini merupakan satu kejadian yang lumrah, sedikit sekali masyarakat di dunia hari ini yang bercorak mono-etnik. Gagasan kewarganegaraan moden mengiktiraf keperluan untuk memberi hak-hak politik dan ekonomi kepada semua manusia tak kira asal bangsa mereka. Sebenarnya, hak seorang warganegara untuk menggunakan dan mempelajari bahasanya sendiri, menganut agamanya sendiri dan mengamalkan kebudayaannya sendiri telah dipandang sebagai satu hak asasi. Adalah seperkara yang agak penting bahawa Islam sendiri menerima kebudayaan majmuk dalam konsep negara dan masyarakatnya. Ia percaya kepada pemberian kesempatan-kesempatan ekonomi dan sosial yang sama kepada Muslim dan bukan-Muslim.

Dengan demikian, pendekatan kedua tidak sah samada dari segi konsep kewarganegaraan sekarang atau di dalam konsep negara moden atau di dalam gagasan Islam tentang masyarakat manusia. Ini membawa kita kepada pendekatan ketiga. Mengikut pendekatan ini, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa resmi dan kebangsaan tunggal dan kedudukan Islam sebagai agama resmi diiktiraf. Di samping itu, penggunaan dan pelajaran bahasa-bahasa lain serta pengamalan dan pengekalan agama-agama dan kebudayaan-kebudayaan lain adalah terjamin. Kaum-kaum lain akan menikmati peluang-peluang sepenuh dan sama di dalam kehidupan politik dan ekonomi bangsa. Mereka dianggap, dengan perkataan lain, sebagai warganegara setaraf dengan hak-hak yang

sama dan tanggungjawab-tanggungjawab yang sama dengan kaum Melayu. Perbezaan taraf dan kepentingan ini bagi bahasa Melayu dan Islam, di satu pihak, dan bahasa-bahasa dan agama-agama lain, di pihak lain, tidak harus dilihat sebagai bertentangan dengan kepentingan-kepentingan kaum-kaum lain. Seperti telah saya kemukakan lebih awal, kedudukan bahasa Melayu dan Islam adalah sesuai dengan kenyataan-kenyataan sejarah; ia juga membantu mendukung satu-satunya gagasan yang menasabah tentang pengenalan kebangsaan. Tidak patut timbul sebarang kebimbangan di kalangan bukan-Melayu selagi hak untuk bercakap dan belajar bahasa ibunda serta mengamalkan agama dan kebudayaan masing-masing dilindungi. Sesungguhnya, pendekatan ini malah mewujudkan ruang yang cukup untuk pertumbuhan dan perkembangan bahasa-bahasa dan kebudayaan-kebudayaan bukan-Melayu. Ada banyak contoh dalam sejarah untuk menunjukkan bahawa kewujudan sesuatu bahasa atau kebudayaan yang kerana sesuatu sebab lebih penting dari bahasa-bahasa dan kebudayaan-kebudayaan lain di dalam sesuatu konteks masyarakat tertentu tidak perlu membawa kepada kelompokan yang kedua itu. Cara pemikiran Yahudi berkembang di dalam masyarakat-masyarakat yang umumnya Islam di dalam abad-abad ke 12 dan ke 13 adalah satu contoh. Bertambahnya kepopularan bahasa Inggeris di kalangan bangsa-bangsa Eropah Barat tertentu adalah satu lagi contoh. Peranan yang dimainkan oleh unsur-unsur bukan Anglo-Saxon di dalam evolusi kebudayaan Amerika adalah contoh yang ketiga mengenai perkara ini. Apa yang harus dititik-beratkan oleh bukan-Melayu bukanlah hubungan di antara kebudayaan-kebudayaan mereka dengan kebudayaan Melayu yang telah ditentukan oleh sejarah tetapi adalah cara dasar-dasar dan program-program berhubung dengan bahasa, agama dan kebudayaan dilaksanakan. Mereka juga harus memberi perhatian kepada penekanan tidak wajar yang diberikan kepada perbezaan-perbezaan kaum dalam politik dan ekonomi.

Pendekatan ketiga yang telah dibincangkan di sini sebagai satu kemungkinan teoritis sebenarnya telah menjadi sebahagian daripada kehidupan politik Malaysia. Boleh di-

katakan inilah pendekatan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 — sebuah perlembagaan yang antara lain mengakui taraf resmi bahasa Melayu dan Islam di samping membenarkan wujudnya bahasa-bahasa dan agama-agama lain. Rukunegara juga mengandungi prinsip yang sama bagi mencapai keharmonian antara kaum. Baik pelaksana-pelaksana Perlembagaan 1957 mahupun pelopor-pelopor Rukunegara, walau bagaimanapun telah tidak berjaya untuk menterjemahkan pendekatan ini menjadi satu rangkaian dasar dan program yang diterima oleh semua kaum. Bangsa Malaysia telah tidak pun diasuh dengan pendekatan ini melalui sistem sekolah, media massa dan saluran-saluran perhubungan awam yang lain. Satu pendekatan yang mencantumkan dengan cantiknya dengan satu pandangan evolusi pembinaan bangsa telah dipertahankan sebagai “tawar-menawar di antara kaum”. Akibatnya ia telah muncul sebagai satu cara yang berkesan untuk mempertahankan kedudukan status quo dan mengekalkan satu gagasan hubungan antara kaum yang beku.

Perpaduan Nasional

Namun demikian, pendekatan ketiga boleh berkembang dengan cara lain. Dari awal lagi golongan-golongan elit patut telah memutuskan bahawa dengan selesainya soal pengenalan kebangsaan, setindak-tidaknya dari segi perlembagaan, tekanan patut diberi kepada mewujudkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang sama di pelbagai bidang masyarakat. Dalam politik, umpamanya, hak-hak kemanusiaan dan kebebasan-kebebasan, Parlimen sebagai sebuah badan yang memberi kuasa dan wibawa kepada semua kaum, birokrasi sebagai sebuah jentera yang melayani keperluan-keperluan warganegara tanpa kira asal kaumnya patutlah diberi keutamaan yang wajar. Perpaduan di antara kaum daripada perpaduan di dalam kaum patutlah menjadi cogankata.

Dalam ekonomi, penghapusan kemiskinan tanpa mengira kaum sepatutnya menjadi dasar dari 1957 lagi. Di samping itu, institusi-institusi ekonomi yang mempunyai potensi untuk mengembelikan tenaga penduduk pelbagai kaum, seperti syarikat-syarikat kerjasama, patut telah diberi

galakan yang lebih besar. Sifat bukan perkauman bagi isu-isu ekonomi dan pentingnya penyelesaian-penyelesaian bukan perkauman sepatutnya telah ditekankan.

Sama pentingnya ialah penekanan terhadap nilai-nilai bersama di dalam kehidupan kebudayaan bangsa. Kerana kita telah menjadi satu bangsa yang tidak dengan mengenal sesama sendiri dengan sedikit saja pengetahuan tentang latar-belakang budaya masing-masing, kita tidak menyedari bahawa kita mempunyai banyak perkara yang sama sebagai pewaris-pewaris tradisi-tradisi agung. Orang Melayu, Cina dan India menghargai keluarga sebagai asas masyarakat. Kita semua menekankan hormat kepada ibu-bapa, orang-orang tua dan orang-orang bijaksana. Islam, Konfucianisme dan Hinduisme menganggap moraliti sosial kolektif penting bagi kebahagiaan. Materialisme yang tidak dikongkong dan tamak haloba dikecam oleh semua kebudayaan kita. Rasuah ialah suatu maksiat di mata semua kaum kita. Nabi Muhammad, s.a.w., pernah bersabda bahawa "sesiapa yang korup akan muncul pada Hari Kiamat menggalas segala harta yang telah ia perolehi melalui rasuah". Penyusun-penyusun Huai-Nan Tzu, sebuah karya di zaman permulaan Han, mengatakan bahawa "jika pemerintah jujur dan amanah, maka pegawai-pegawai jujur akan berkhidmat dalam pemerintahannya dan penipu-penipu akan bersembunyi, tetapi jika pemerintah tidak jujur maka orang-orang jahat akan berkuasa dan orang-orang yang taat akan mengasingkan diri". Atau seperti kata Kautilya dari sejarah India zaman Maurya, "Kakitangan pemerintahan bukan saja akan dirampas harta-harta mereka yang diperoleh secara haram tetapi juga akan ditukar dari satu kerja kepada kerja lain supaya mereka dicegah dari menyalahgunakan wang pemerintahan ataupun dipaksa memuntahkan keluar apa yang telah mereka makan". Akhirnya ketiga-tiga tradisi memberatkan pimpinan yang jujur dan layak untuk mewujudkan sebuah masyarakat baik.

Di peringkat yang lain, nilai-nilai bersama lebih jelas. Orang Malaysia telah melampaui batasan-batasan perkauman dalam makanan. Makanan yang berasal dari satu kaum telah diasimilasi ke dalam makanan kaum lain. Malah cara-cara

masakan sesuatu kaum tertentu tidak lagi menjadi monopoli nya! Begitu juga orang-orang lelaki Malaysia telah mengambil pakaian kerja orang-orang Barat sepertimana kemeja batik telah menjadi pakaian petang semua kaum. Terhapusnya sekatan-sekatan kaum dalam makanan dan pakaian telah dicapai tanpa bantuan sesuatu dasar resmi. Ini hanya menunjukkan bahawa penyerapan budaya berjalan dengan cara-cara yang senyap dan halus dan oleh kerana itu kadang-kadang adalah lebih baik membiarkan ia menjalankan kerjanya sendiri! Kelaziman-kelaziman seperti ini dalam falsafah sosial dan amalan-amalan budaya yang patut dipaparkan dalam masyarakat yang mengisytiharkan perpaduan kebangsaan sebagai matlamatnya yang utama. Membesarkan perbezaan-perbezaan kaum atau mencari penyelesaian-penyelesaian kaum bagi tiap-tiap penyakit masyarakat adalah satu pendekatan yang bahaya untuk digunakan di dalam sebuah masyarakat berbilang kaum. Kajian-kajian masalah-masalah kaum dalam banyak masyarakat telah menunjukkan bahawa pendekatan-pendekatan demikian kerap kali diikuti oleh golongan-golongan yang mempunyai kepentingan-kepentingan tetap untuk mengekalkan pertentangan-pertentangan kaum. Mereka tidaklah penting untuk memelihara keharmonian dan kebajikan rakyat seperti yang kadangkali didakwa. Sebaliknya, kita memerhatikan bahawa di dalam masyarakat-masyarakat di mana pertentangan kaum sengaja dikekalkan, yang beruntung banyak ialah elit-elit ekonomi atau politik atau kedua-duanya. Kiranya elit-elit Malaysia lain orientasinya, tentulah berguna bagi kita mencadangkan beberapa langkah yang akan membawa kepada perpaduan nasional.

"Badan Analisa Hubungan Kaum"

Pemerintah patut membantu mewujudkan sebuah badan penyelidikan bebas mengenai hubungan-hubungan kaum. Ini bukanlah satu cadangan baru. Sebenarnya ia telah dibuat dalam 1968 tetapi selepas sepuluh tahun jelaslah bahawa tidak ada sedikit pun minat bagi cadangan ini dari kalangan resmi. Badan ini mestilah bebas sepenuhnya jika ia hendak menjalankan peranannya dengan baik. Kerana ia harus menyelidiki ke dalam dasar-dasar negeri yang melibat-

kan pelbagai bidang masyarakat sepertimana ia harus mengkaji interaksi di kalangan kaum, keadaan-keadaan yang menimbulkan sengketa, pendapat-pendapat umum, perkauman, kemunculan dan pengekaln prasangka, kebiasaan-kebiasaan budaya dan peranan nilai-nilai etika universal dalam proses pembinaan bangsa. Dalam banyak hal, Malaysia sebenarnya adalah makmal terbaik yang wujud bagi menganalisa hubungan-hubungan kaum. Sungguh mengecewakan sebuah badan seperti itu tidak wujud. Penyelidikan oleh sarjana-sarjana individu samada tempatan atau luar negeri tidak boleh menggantikan institusi serupa yang dicadangkan kerana apa yang sangat diperlukan ialah suatu pendekatan sistematik dan bersepadu terhadap masalah kaum yang mengembelikan kepakaran-kepakaran berlainan jenis pakar di dalam suatu usaha intelektual yang besar yang merintang beberapa dekad. Dari semasa ke semasa institut tentunya boleh membuat cadangan-cadangan kepada Parlimen tempat ia dipertanggungjawabkan.

Cadangan-cadangan ini jika diterima akan dilaksanakan oleh majlis-majlis hubungan-hubungan kaum yang sudah wujud. Walau bagaimanapun, di bawah rancangan baru ini, majlis-majlis ini akan diberi garis-garis panduan tertentu dari Institut Hubungan Kaum dibuat melalui Parlimen mengenai isu-isu seperti bagaimana keraguan dan kebimbangan kaum berkembang di pasar atau peranan sekolah-sekolah dalam menghapuskan stereotaip-stereotaip kaum. Oleh kerana majlis-majlis ini bertujuan mengembangkan hubungan-hubungan kaum yang lebih baik dalam masyarakat-masyarakat tempatan tempat mereka diwujudkan, mereka patutlah boleh memberi nasihat dan bimbingan berdasarkan cadangan-cadangan Institut. Dengan jalan ini mereka boleh memainkan satu peranan yang jauh lebih membina. Kerana majlis-majlis hubungan kaum – di bawah susunan baru – akan terlibat secara langsung dengan faktor-faktor dan tenaga-tenaga yang mengembangkan atau menghalang perpaduan kebangsaan.

Kerja majlis-majlis hubungan kaum boleh dibantu oleh akhbar-akhbar, majalah-majalah, radio dan televisyen. Saluran-saluran perhubungan awam ini, bersama-sama dengan institusi-institusi sosial yang penting seperti masjid, kuil,

gereja, kesatuan sekerja, persatuan suku, dan pentubuhan masyarakat patut digunakan secara berkesan untuk menyebarkan nilai-nilai sosial dan budaya yang sama yang telah saya sebutkan awal tadi. Jika saluran-saluran ini boleh digembelangkan untuk mewujudkan perasaan bahawa kaum-kaum yang berbeza mempunyai unsur-unsur yang sama pada peringkat falsafah sosial, tentulah akan ada hubungan yang lebih rapat di antara warganegara-warganegara pelbagai kaum kita. Ini bukan saja masalah menyedarkan rakyat kita kepada stereotaip-stereotaip mereka. Saluran-saluran yang sama boleh digunakan untuk menghancurkan pendapat-pendapat bahaya yang lumrah yang telah menjadi kebiasaan. Pendapat-pendapat seperti "Melayu malas", "Cina tamak", "India kotor" patut dibuang dari sistem pemikiran kita sepertimana dongeng-dongeng seperti "Melayu membolot kuasa politik" dan "Cina menguasai ekonomi", patutlah dihapuskan sama sekali.

Istilah-istilah Perkauman Perlu Diganti

Ini membawa kita kepada cadangan keempat. Harustah ada usaha yang gigih untuk menggantikan istilah-istilah berdasarkan perkauman dengan konsep-konsep yang lebih tepat dan neutral. Untuk melakukan ini, kita pertama sekali mestilah berhenti berfikir dan berbicara mengenai kaum-kaum seolah-olah mereka merupakan satuan-satuan yang tidak berpecah. Seperti kita ketahui, tiap-tiap kaum terdiri dari golongan-golongan dan kelas-kelas yang masing-masing mewakili kepentingan-kepentingan, gaya-gaya hidup dan pandangan-pandangan yang berlainan dan kadang-kadang bertentangan. Ada kepentingan-kepentingan ekonomi yang berbeza di kalangan masyarakat Melayu sepertimana ada pandangan-pandangan politik yang berbeza di kalangan masyarakat Cina. Ini haruslah disedari. Apabila kita bersedia untuk berbuat demikian, tidaklah beberapa sukar untuk kita menerima keperluan membezakan Melayu miskin daripada Melayu kaya atau pekerja-pekerja Cina daripada kapitalis kapitalis Cina. Kedudukan sosio-ekonomi seorang ahli kaum tertentu atau tempat duduknya atau pekerjaannya dengan demikian akan muncul sebagai kategori-kategori lebih penting

dari golongan kaumnya sebagai kaum. Kategori-kategori tidak perkauman inilah yang lebih rapat hubungannya dengan kenyataan-kenyataan — maksudnya, pendapatan, pelajaran, kepentingan-kepentingan, dan cita-cita seseorang individu.

Akhirnya, bila istilah-istilah perpecahan kaum digantikan, mestilah ditimbang semula taraf pelajar-pelajar "bukan bumiputera" yang sedang menghadiri sekolah dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai pengantar utama sejak 1970. Perhatikan bahawa saya menuju kepada satu golongan yang tertentu, golongan yang merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dalam lapan tahun lalu. Oleh kerana golongan ini mendapat pelajaran melalui bahasa Melayu sebagai pengantar utamanya, ia dari satu segi, berbeza dari angkatan-angkatan pelajar-pelajar bukan-bumiputera terdulu. Umumnya, pelajar-pelajar dalam golongan ini bercakap Melayu fasih dan telah didedahkan kepada setengah daripada amalan-amalan budaya masyarakat Melayu. Dalam proses tentulah berlaku sedikit penyerapan budaya. Kerana sebab ini bagi saya pelajar-pelajar itu patutlah dilayani sebagai orang-orang Malaysia di dalam ertikata sepenuhnya. Tidak harus ada perbezaan bumiputera bukan-bumiputera ditujukan kepada mereka. Mereka harus diberikan peluang-peluang yang sama seperti bumiputera untuk bersaing bagi mendapatkan pinjaman, biasiswa dan kemudiannya pekerjaan dan kenaikan pangkat. Bila perbezaan dipertahankan setelah penyesuaian dan pengenalan dengan tanahair diadakan maka rasa tersisih mula dirasakan. Sebenarnya telah pernah dinyatakan — dan mungkin benar — bahawa pelajar muda bukan Melayu, tidak kira ke fasihannya dalam bahasa Melayu, nampaknya bersikap permusuhan kepada apa yang di salah-pandang sebagai sebuah pemerintahan yang menjaga kepentingan-kepentingan Melayu saja. Saya yakin bahawa mengiktiraf dan memberi hadiah kepada mereka yang telah menyesuaikan diri dengan kenyataan-kenyataan sejarah dan budaya negara ialah satu cara menukarkan orientasi angkatan yang tidak patut dibenarkan mendewasa dengan perasaan benci dan kecewa. Ia malah boleh memujuk golongan-golongan bukan-Melayu lain untuk mengambil sikap yang lebih positif terhadap penyesuaian budaya. Ini dengan jelas akan

menolong pertumbuhan perpaduan kebangsaan seperti yang ditakrifkan oleh pendekatan kita yang ketiga.

Pemikiran Perkauman

Kelima-lima langkah yang dicadangkan di dalam perbincangan ini tidak memerlukan sesuatu perubahan radikal di dalam susunan yang wujud. Malah cadangan untuk angkatan pelajar selepas 1970 boleh ditimbang kerana ia terbata kepada satu kategori khas dan tidak membenarkan pemarkahan bumiputeraisme sepenuhnya, seperti yang dijalankan di bidang-bidang lain. Barang tentu kadang-kadang didakwa bahawa, walaupun pemerintah hendak melaksanakan cadangan-cadangan seperti ini, adalah sukar untuk berbuat demikian kerana massa Melayu condong kepada fikiran perkauman. Manakala adalah benar bahawa pemikiran perkauman telah menjadi kian meluas kian lama dan telah mulai meniris ke peringkat-peringkat masyarakat bawah, diragukan bahawa massa Melayu – atau bukan Melayu – mempunyai kecenderungan semulajadi kepada perkauman. Orang-orang miskin Melayu dan bukan-Melayu, samada petani atau nelayan atau pekerja-pekerja estet, tenggelam dalam mencari kehidupan masing-masing. Mereka sedar melalui kedua-dua proses sedar dan tidak sedar bahawa mereka dihadapkan dengan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan tertentu bersama Kesengsaraan mewujudkan satu ikatan persamaan yang tidak boleh diwujudkan oleh kesenangan dan kemewahan. Sebenarnya di peringkat kelas-kelas menengah dan atasan persaingan untuk kekayaan dan kuasa menimbulkan perlumbaan yang kadangkala digambarkan dalam istilah-istilah perkauman. Sepertimana pernah dinyatakan oleh Allahyarham Tun Razak, "Tetapi perasaan perkauman atau sengketa adalah lebih lazim di kalangan 'terpelajar Malaysia' walaupun kebanyakan mereka menghadiri sekolah-sekolah yang sejenis dan mempelajari mata-mata pelajaran yang sama dan mempunyai nilai-nilai dan cita-cita sosial yang sama. Petani Cina dan Melayu biasanya jarang bercakap mengenai perkauman. Setengahnya tidak pun sedar akan perkara ini dan mereka hidup sebagai orang-orang Malaysia sehingga beberapa kerat ahli politik perkauman mulai bercakap dan

menyeru kebencian kepada mereka”.

Kata-kata ini patutlah direnungkan.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Mac 1980

KESEDARAN KEBANGSAAN DAN PERPADUAN

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengambil perhatian dengan penuh minat kenyataan Datuk Hormat Rafei dalam akhbar 'The Star', keluaran 24.5.80 bahawa Malaysia masih tidak mempunyai semangat perpaduan dan tidak memiliki masyarakat yang berintegrasi.

Kami bersetuju sepenuhnya dengan Datuk Hormat dan seperti beliau juga, kami sangat menyesali kekurangan tentang kesedaran terhadap Malaysia, dalam apa jua bentuk-pun kegagalannya amat nyata. Walau bagaimanapun, kami tidak bersetuju dengan kepercayaannya bahawa mempunyai murid-murid dari berbagai kaum bercampur-gaul di sekolah atau mendapatkan usaha-usaha yang lebih serius dari guru-guru akan meningkatkan identiti dan perpaduan kebangsaan. Malaysia telah lama mempunyai penduduk sekolah yang berbilang kaum di sekolah-sekolah jenis kebangsaan, yang dahulunya menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Tetapi masih terdapat sedikit kemajuan ke arah integrasi kebangsaan di kalangan lepasan sekolah-sekolah seumpama itu yang sekarang ini merupakan sebahagian besar kelas menengah di Malaysia. Khususnya dalam tempoh 10 tahun yang lepas, harapan untuk perpaduan kebangsaan nampak menurun.

Dalam berbagai masyarakat, lebih-lebih lagi di masyarakat-masyarakat yang membangun, pemimpin-pemimpin politik mesti mengambil dayausaha utama dalam membangunkan negara dan memupuk satu kesedaran kebangsaan yang sama. Meninjau kepada dasar-dasar dan pencapaian kerajaan sejak Merdeka, kita nampak kurang

kemahuan politik ke arah ini. Sistem kuota di pendidikan tinggi, perancangan ekonomi berdasarkan garis-garis perkauman dan kekurangan dialog antara agama, misalnya seolah-olah menekankan perbezaan kaum daripada mengurangkannya.

Sesungguhnya struktur sebenar sistem politik yang berlandaskan kepada perkauman (daripada tanpa perkauman) kerajaan sebenarnya menganjurkan ke arah menginstitusikan perkauman. Di kalangan pemimpin-pemimpin kita yang dahulu, tidak siapa pun yang faham kelemahan ini lebih nyata dari Dato Onn bin Ja'afar dan amaran-amaran beliau tentang bahaya sistem parti perkauman telah membuktikan kebenaran kenyataan ini dalam jangkamasa panjang.

Sesiapa yang sesungguhnya mempunyai minat mendalam terhadap negara dalam jangkamasa panjang mestilah mengajukan persoalan ini kepada pemimpin-pemimpin kita: "Bilakah akan ada penyelesaian politik untuk membentuk satu sistem politik yang bukan-perkauman?" Dan kita mesti menerima jawapan yang awal, kerana jika terlambat mungkin tidak akan ada negara Malaysia.

Jun 1980

Gan Teik Chee
Pemangku Presiden

MENGENAI KELAKUAN MANUSIA DAN MASALAH KAUM

(Ringkasan Ucapan)

Dari banyak kajian dan teori mengenai kelakuan dan motivasi manusia, kita boleh menarik beberapa prinsip luas sebagai garis-garis panduan yang berguna bagi perbincangan tajuk kita.

- (i) Kelakuan bergantung kepada kedua-dua orang dan alam sekitar.
- (ii) Kelakuan seseorang dengan lebih mudah boleh dibimbing jika ia mengerti matlamatnya, mengapa ia

berusaha untuk mencapainya dan apakah yang diperlukan untuk mencapainya.

- (iii) Pengalaman lalu seseorang mempengaruhi pengertiannya tentang sesuatu keadaan yang kemudian mempengaruhi kelakuannya bebas dari matlamat-matlamat golongan.
- (iv) Pandangan seseorang tentang dirinya dalam hubungannya dengan individu-individu lain dan dengan dunia luar mempengaruhi kelakuannya.
- (v) Kelakuan seseorang dipengaruhi oleh keperluan-keperluannya yang berbeza dari orang ke orang dan dari masa ke masa. Keperluan-keperluan manusia ada susunannya: — keperluan-keperluan kejiwaan, keperluan-keperluan keselamatan, keperluan-keperluan sosial, keperluan-keperluan ego misalnya kehormatan diri dan keyakinan diri dan, akhirnya kepuasan diri, yakni perkembangan dan penggunaan kebolehan-kebolehan diri.

Lima prinsip di atas, walau bagaimanapun, mestilah dilihat di dalam bidang pengetahuan manusia yang lebih luas. Ada dua jenis ilmu yang terbabit di sini: mengetahui bagaimana (kepandaian) dan mengetahui mengapa (nilai). Inilah pertentangan asas di dalam semua pengetahuan manusia: pengetahuan luaran dan pengetahuan dalaman, Sains dan Agama. Di Timur pengetahuan tradisional kita memberi perhatian lebih besar kepada pengetahuan dalaman (falsafah moral atau doktrin agama, sedangkan di Barat sejak Kebangkitan, pengetahuan telah disamakan dengan kajian analisa mengenai alam, manusia dan masyarakat. Hari ini kian ramai pemikir-pemikir di Timur dan Barat mempelopori perpaduan kedua jenis ilmu, Sains dan Agama.

Biaryliah itu menjadi titik tolak kita dalam kita memeriksa kelakuan manusia di dalam konteks kepercayaan peribadi kita. Dengan perkataan lain, sementara kita belajar bagaimana hendak mendorong individu-individu bekerja kita mestilah mengemukakan soalan-soalan praktik seperti bagaimanakah isi undang-undang diputuskan, untuk tujuan-tujuan apa dan ke arah matlamat-matlamat akhir apa. Sebaliknya,

sementara membenarkan prinsip kerajaan berdasarkan undang-undang daripada berdasarkan manusia, kita mesti menanyakan diri kita bagaimanakah pemerintahan undang-undang diwujudkan dan dikekalkan. Baru demikian, saya cadangkan, usaha-usaha intelektual kita mempunyai makna.

Di Malaysia prinsip pertama Rukunegara ialah kepercayaan kepada Tuhan — anda boleh menambah bahawa kepercayaan kepada Tuhan memberi makna dan tujuan kepada manusia. Adakah ini bercakap berpusing-pusing semata-mata? Adakah kerana Manusia memerlukan makna dalam kehidupan maka ia telah merekakan Tuhan sebagai tumpuan pegangan? Jawapan agama adalah "Tuhan ialah satu kenyataan, nama, bagi Kewujudan Tertinggi yang merangkumi manusia. Dengan demikian, Tuhan wujud di dalam dan di luar setiap manusia, menjadi asas semua Kewujudan. Dalam istilah teologi, dikatakan bahwa Tuhan adalah di dalam dan di luar, dan di dalam Manusia digabungkan ruh dan jirim.

Kita tidak dapat mengetahui manusia dengan cukupnya tanpa memperhitungkan dimensi rohaniah ini. Apa juga kerja kajian yang berat yang telah kita jalankan, apa juga pengertian-pengertian kejiwaan mengenai motivasi kumpulan yang telah kita perolehi, tidaklah mungkin kita menarik kesimpulan-kesimpulan yang sah mengenai manusia tanpa mengiktiraf aspek-aspek rohaniah mereka. Misalnya, marilah kita menimbangkan konsep pertumbuhan dan kemajuan ekonomi. Sebagai warganegara-warganegara sebuah negara membangun, kita selalu didesak membantu di dalam usaha-usaha pembangunan untuk kebaikan masyarakat seluruhnya. Kita mungkin percaya bahawa kita sedang memainkan peranan kita di dalam persekitaran kerja kita dengan menggunakan teknik-teknik pengurusan moden berdasarkan prinsip-prinsip kelakuan dan motivasi manusia.

Tetapi kita tidak harus lupa bahwa manusia bukanlah semata-mata alat-alat ekonomi atau kakitangan pekerjaan. Mereka mempunyai sedikit sebanyaknya, pengetahuan tentang nilai-nilai rohaniah dan tidak akan sanggup 'diguna-

kan' berlawanan dengan kepercayaan-kepercayaan pokok mereka. Dengan demikian, dalam usaha kita menunjuk kepada orang-orang bawahan kita bagaimana mencapai tujuan kita ada hubungannya dengan mencapai tujuan mereka, misalnya, bersedialah untuk mengaku bahawa kadang-kadang ini tidak mungkin; bahawa teknik-teknik pengurusan tertentu mungkin bertentangan dengan nilai-nilai peribadi seseorang. Janganlah, walau bagaimanapun, menggunakan indoktrinasi atau muslihat untuk membuat seseorang patuh kepada tujuan-tujuan pengurusan kita.

Hidup Sederhana

Sekali lagi, ada kumpulan-kumpulan pekerja yang terdidik secara tradisi dan moden yang percaya kepada satu cara hidup sederhana di mana keperluan-keperluan asas wujud dan hasil-hasil mewah atau barang-barang sofistikated tidak diperlukan. Ini adalah satu alternatif model pembangunan yang sah. Walaupun ia mungkin bertelingkah dengan rancangan-rancangan pengurusan, pandangan orang itu patut dihormati dan ia tidak harus dihukum kerananya.

Selanjutnya saya ingin hendak menimbangkan aspek sosial dan budaya dari kelakuan manusia. Dari buaian hingga ke kubur, kita semua tertakluk kepada golongan-golongan dalam masyarakat. Corak-corak kelakuan kita dipengaruhi oleh norma-norma dan standard-standard golongan tertentu yang tiap-tiap kita anggotai. Di dalam masyarakat Malaysia pengaruh-pengaruh golongan-golongan kuat tidak syak lagi datang dari kaum kita sendiri. Adalah satu kenyataan hidup yang sedih tetapi tidak dapat dielakkan — semuanya dari sukan ke politik disusun mengikut garis-garis kaum. Jadi tidaklah menghairankan bahawa di dalam persekitaran kerja juga sikap-sikap perkauman memainkan peranan penting di dalam menentukan kelakuan manusia.

Saya suka menyentuh hanya dua perkara:

- (i) Memahami latarbelakang sejarah kepada polarisasi kaum;
- (ii) Menghadapi secara praktik polarisasi perkauman di tempat kerja.

Dari segi sejarah, negara ini ialah negara Melayu. Bila penjajah-penjajah Inggeris mula-mula menakluk semenanjung mereka mengiktiraf Negeri-negeri Melayu dan sebenarnya menguasai negara melalui susunan feudal yang wujud.

Untuk tujuan-tujuan pembangunan ekonomi, Inggeris membenarkan kemasukan orang-orang Cina dan India beramai-ramai ke dalam sistem politik Melayu ini. Di bawah dasar pecah-pecah dan perintah, para imigran ini dan penduduk asli dipisahkan dari satu sama lain. Melayu dibataskan kepada pertanian peringkat kecil dan bukan-Melayu aktif dalam perniagaan dan perdagangan. Di samping itu, perlindungan resmi (di dalam bentuk tanah-tanah simpanan, kuota dan lain-lain) diberi kepada Melayu sebagai penahan terhadap kemajuan ekonomi bukan-Melayu. Layanan istimewa demikian hanya menunjukkan kedudukan Melayu yang tidak selamat. Dengan kemerdekaan, bukan-Melayu diberi hak kewarganegaraan di dalam sebuah Malaya merdeka sebagai balasan kepada hak-hak istimewa Melayu yang diteruskan dan diperluaskan. Hak istimewa Melayu seperti yang dibuat oleh Inggeris merupakan satu langkah semberono yang juga bertujuan mengekalkan pergantungan politik kepada kaum penjajah. Dengan perluasan dasar ini setelah merdeka dan 1970 pergantungan kejiwaan diinstitusikan sedangkan sebab-sebab akar bagi ketidakselamatan kejiwaan tinggal tidak diperhatikan. Adalah sangat diketahui bahawa obat utama bagi sesiapa yang mempunyai imej diri yang lemah ialah menunjukkan kepadanya tempat-tempat kekuatannya dan menolungnya menghapuskan kelemahan-kelemahannya melalui pencapaian diri. Perhatian khas mestilah diberi kepada Melayu untuk menolong mereka mengatasi kelemahan pelajaran dan ekonomi mereka tetapi bantuan dan pertolongan hendaklah ditujukan bagi mencapai pemulihan diri dan bukan pergantungan yang kekal. Inilah kelemahan pokok dalam dasar-dasar seperti DEB dan sistem kuota dalam pelajaran tinggi yang memberi faedah kebanyakannya kepada Melayu dari kelas-kelas menengah dan atas. Bagi kebanyakan Melayu dasar-dasar ini sebahagian besarnya tidak berkesan. Sebenarnya, dakyah yang senantiasa dibuat bagi sistem sokongan palsu ini telah memperkuat perasaan ketidak-

selamatan di kalangan mereka.

Perasaan bimbang

Dari satu segi, sikap-sikap dan tindakan-tindakan satu kalangan elit-elit bukan-Melayu telah tidak menolong mengurangkan perasaan kebimbangan ini. Sebaliknya, mereka telah menambah kebimbangan Melayu. Sehingga bahasa Melayu dilaksanakan di dalam sistem persekolahan dalam 1970, sedikit sekali elit-elit bukan-Melayu menyedari dengan sepenuhnya implikasi-implikasi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan tunggal. Dalam tahun-tahun 60an sedikit sekali majikan-majikan bukan-Melayu sanggup memberi pekerjaan kepada pentadbir-pentadbir dan pekerja-pekerja Melayu yang terlalu ingin untuk bekerja. Fahaman terhadap cita-cita Melayu yang sah sangat sedikit.

Ini juga telah menyebabkan timbulnya perkauman. Pengakuan perkauman sedang menjadi-jadi di kalangan semua kaum. Sebagai satu reaksi terhadap perkauman Melayu yang dilembagakan, kumpulan-kumpulan bukan-Melayu juga cenderung untuk berkumpul di dalam lopak-lopak perkauman masing-masing. Malangnya peluasan kepentingan-kepentingan di kalangan kedua-dua elit-elit Melayu dan bukan-Melayu baru-baru ini mempertajamkan suasana sengketa. Dengan demikian kita melihat tajuk-tajuk akhbar hari ini memperkatakan tentang perlumbaan ekonomi perkauman di antara dua rakan utama di dalam gabungan pemerintah! Malaysia seumpama seorang pesakit dengan dua orang doktor bermusuhan. Seorang daripadanya telah memberi racun lambat untuk memperolehi lebih banyak bayaran daripada pesakit, dan seorang lagi, bila dipanggil, juga memberi ubat racun jenis lain, untuk tujuan jahat yang sama. Apa yang diperlukan negara ialah berhenti memakan racun, hapuskan doktor-doktor jahat dan cari penawar kepada racun yang lain. Jika tidak, polarisasi kaum akan melebar dan mendalam ke seluruh masyarakat kita dan tidak lama lagi adalah terlalu lambat untuk menyelamatkan keadaan.

Adalah menjadi kepentingan utama bagi pemimpin-pemimpin dalam perindustrian samada dari pihak pengurusan

atau kesatuan-kesatuan untuk memberi perhatian pada masalah ini. Polarisasi kaum adalah bertentangan dengan semua yang kita hargai dalam kerja dan keperibadian manusia. Kepujian, kecekapan, hormat-menghormati dan kerjasama di antara rakan-rakan sekerja semuanya akan terjejas oleh suasana perbezaan perkauman. Penyelesaian sebenar bagi polarisasi kaum mestilah datang dari masyarakat melalui usaha-usaha gigih untuk mengkaji masalah dan mengadakan jawapan-jawapan jangka-panjang. Tentunya politik mestilah dibebaskan dari perkauman, yakni perlawanan yang meracunkan mestilah dihentikan, tetapi untuk berkata demikian samalah dengan mengemukakan semula punca masalah. Sehingga penyelesaian-penyelesaian jangka-panjang diterima dan dilaksanakan, kita mestilah meneruskan usaha-usaha kita yang kecil untuk membendung perkauman. Tanpa sumbangan daripada individu-individu dan kumpulan-kumpulan kecil, tidak ada yang akan dicapai oleh masyarakat luas. Di dalam ini saya yakin anda mempunyai satu peranan kerana anda telah dengan beraninya mengisytiharkan bahawa persaudaraan manusia melampaui kedaulatan bangsa-bangsa dan kaum dan juga bahawa kekayaan dunia yang besar terdapat dalam keperibadian manusia.

September 1981

Gan Teik Chee
Penolong Setiausaha

MENYATUKAN MASYARAKAT

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan kenyataan Dato Manan Othman, Menteri Perusahaan Awam, tentang pembangunan negara di Malaysia. Beliau menegaskan tentang 3 aspek penting yang selalunya diberi perhatian oleh Aliran, iaitu (a) Pentingnya kepimpinan yang jujur dan yang mempunyai kebolehan intelek (b) kesedaran tentang nilai-nilai murni yang sama dalam semua falsafah-falsafah kebudayaan (c) Pentingnya sikap memilih dengan rapi aspek-aspek kebudayaan Barat yang baik.

Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, Aliran berpendapat bahawa kenyataan-kenyataan seperti ini mesti dipraktikkan. Misalnya, sebaran am boleh digalakkan mengambil peranan positif untuk menyebarkan ide-ide ini dikalangan umum. Rancangan-rancangan di RTM tentang keburukkan rasuah dan kebaikan pimpinan yang jujur boleh disiarkan. Filem-filem tentang individu-individu yang menegakkan kejujuran seperti Jose Rizal, Mahatma Gandhi, Omar Tjokroaminoto dan Sun Yat Sen patut ditayangkan.

Nilai-nilai murni yang umum dalam tiap-tiap falsafah kebudayaan boleh dibincang dalam ucapan-ucapan dan forum-forum di RTM. Artikel-artikel tentang ini boleh diterbitkan dalam surat khabar dan majallah-majallah. Pada akhirnya, nilai-nilai murni akan mempunyai kesan terhadap masyarakat jikalau mereka digunakan sebagai asas untuk perubahan sosial.

Ariffin Omar
Setiausaha

September 1980

MASYARAKAT MALAYSIA: APAKAH PANDANGAN INDIA?

(Ringkasan Ucapan)

Walaupun pendekatan perkauman dalam masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum India dan masyarakat Malaysia tidak dapat dielakkan dalam keadaan dewasa ini, jenerasi muda harus memikirkan tentang kesan-kesannya dari segi jangka panjang.

Pada hemat saya, ada 4 kelemahan pada pendekatan ini (a) pendekatan ini tidak mencerminkan keadaan yang sebenar dalam psikoloji pemikiran seseorang individu. Lazimnya selain daripada persoalan-persoalan kebudayaan seperti bahasa, seseorang individu mendekati masalah-masalah politik dan sosio-ekonomi dari segi pengetahuannya, pekerjaannya dan kedudukan kelasnya. Akan tetapi pendekatan perkauman menafikan wujudnya dimensi-dimensi

pemikiran yang tidak ada kena-mengena dengan kaum (b) Selain daripada itu, pendekatan perkauman tidak mengakui bahawa dalam tiap-tiap kaum ada perbezaan pendapatan antara yang kaya dan yang miskin. Jarak perbezaan ini amat ketara dikalangan kaum India. Kepentingan yang kaya dan kepentingan yang miskin bukan sahaja berbeza tetapi kadangkalanya bertentangan. Sebagai contoh, dengan menambah bilangan doktor-doktor keturunan India kita tidak dapat memperbaiki kedudukan pekerja-pekerja ladang dari kaum yang sama (c) Juga pendekatan perkauman menghalang kemunculan pergerakan-pergerakan dan persatuan-persatuan yang cuba mewakili semua kaum berdasarkan kepentingan-kepentingan yang sama (d) Akhir sekali, pendekatan perkauman, sudah pasti, akan mengakibatkan permusuhan antara kaum. Ini akan berlaku dalam keadaan dimana ekonomi negara tidak dapat menampung kepentingan golongan-golongan yang berpengaruh. Oleh kerana kekurangan sumber-sumber ekonomi ini, persaingan antara kaum akan menjadi lebih hebat.

Nyatalah bahawa pendekatan perkauman adalah merbahaya. Namun demikian, makin ramai ahli-ahli profesynal dan siswazah-siswazah India yang memilih pendekatan ini. Apa sebabnya? a) Kerana struktur politik dan ekonomi yang berdasarkan kaum. Golongan berpelajaran India juga terpaksa ikut serta b) Kerana kepentingan golongan berpelajaran sendiri. Sejak pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan yang menggantikan Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu dan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang menggalakkan penyertaan orang Melayu dalam bidang-bidang profesynal, perniagaan dan perindustrian, golongan berpelajaran India yang pada satu masa dulu kukuh kedudukannya dalam bidang profesynal mula merasa terancam. Dalam keadaan ini, mereka cuba mempertahankan kedudukan golongan mereka dengan memperjuangkan apa yang dinamakan "kepentingan kaum". Sebenarnya, apa yang diperjuangkan itu, lebih mencerminkan kepentingan golongan mereka daripada kepentingan kaum India keseluruhannya. Itulah sebabnya soal pengambilan pelajar-pelajar diperingkat Universiti, bilangan ahli profesynal India dan sebagainya kerap dibahas-

kan. Soal-soal ini mendapat perhatian yang lebih daripada kemiskinan dan penindasan diladang-ladang getah atau keciciran murid sekolah dikalangan kaum India.

Jelas sekali bahawa golongan berpelajaran dan golongan elit India amnya tidak memberi keutamaan kepada nasib kebanyakan dalam kaum India. Lebih daripada itu, golongan ini tidak memahami sejarah dan latar-belakang negara dan struktur susun-lapis masyarakat berbilang kaum. Ini dibuktikan dalam keengganan mereka menerima pelaksanaan dasar bahasa dalam sistem pelajaran dan pentadbiran. Mereka gagal memahami bahawa sebagai bahasa perantaraan dirantau ini sejak kurun 14, Bahasa Melayulah yang layak menjadi tulang belakang sistem pelajaran dan pentadbiran. Begitu juga, mereka tidak memahami bahawa keadaan tidak seimbang dalam bidang profesynal, perniagaan dan perindustrian dimana bilangan bukan Melayu jauh mengatasi bilangan Melayu adalah tidak adil. Tiada seorang pun pemimpin kaum India yang membangkitkan perkara ini dalam tahun 60an, walaupun ramai antara mereka yang sering mengutuk kerajaan kerana kekurangan pegawai-pegawai bukan Melayu dalam perkhidmatan pentadbiran negara. Itulah sebabnya saya berani mengatakan bahawa konsep keadilan golongan elit kaum India – sepertimana juga dengan elit kaum-kaum yang lain – sempit dan terbatas pada kepentingannya sendiri.

Untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul daripada keadaan ini, jenerasi muda dikalangan India, sama-sama dengan jenerasi muda dalam kaum-kaum yang lain, harus berusaha mengujudkan pendekatan baru. Pendekatan baru ini mesti memahami keadaan masyarakat berbilang kaum kita dari segi sejarah dan juga dari segi kehendak-kehendak dewasa ini. Disamping itu, pendekatan baru ini harus memberi keutamaan kepada kebanyakan dalam tiap-tiap kaum dan bukan kepada golongan minoriti. Inilah cabaran terpenting yang menghadapi kita.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

September 1980

BAB 2

HAK ASASI MANUSIA DAN DEMOKRASI

Di dalam satu forum pada bulan April 1979, Presiden Aliran, sambil membuat perhitungan tentang demokrasi terhad yang berjalan di Malaysia, telah menganalisa beberapa sebab yang tersirat di belakang sekatan ini. Di antaranya ialah ketidaksanggupan untuk menerima kritikan atau kepelbagaian pendapat; ketidaksanggupan untuk membincang isu-isu secara terbuka atau mendapatkan nasihat dari golongan-golongan yang berkepentingan; psikologi feodal yang kuat di kalangan elit yang memerintah; dan desakan untuk mendapatkan kuasa penuh sebagai tanda kestabilan. Adalah dijamalkan bahawa buat ketika ini pihak pemerintah tidak akan memaling ke arah pemerintahan diktator, tetapi rakyat haruslah sentiasa berwaspada untuk mengekal dan menambatkan amalan demokrasi.

Aliran telah mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kepada bekas Timbalan Perdana Menteri kerana seruannya kepada rakyat supaya melindungi sistem demokrasi. Satu penekanan telah dibuat bahawa demokrasi haruslah dilindungi melalui cara-cara demokrasi, kalau tidak ideal kebebasan, keadilan dan perpaduan akan terjejas. Kritikan terhadap PAS kerana mempunyai ahli-ahli yang juga menganggotai pertubuhan haram adalah satu generalisasi yang tidak adil dan bersifat anti-demokratik. Begitu juga halnya dengan pindaan-pindaan yang dibuat baru-baru ini terhadap Perlembagaan adalah satu perbuatan yang dikutuk kerana menjadikan pemerintahan berparlimen sebagai satu demokrasi olok-olok.

Akhir sekali kami telah menyiarkan kembali kenyataan-kenyataan kami membantah pengharaman terhadap rapat umum.

BANTAHAN TERHADAP PENOLAKAN PERMOHONAN ALIRAN UNTUK MENGADAKAN FORUM

(Kenyataan Akhbar)

Aliran merasa kesal bahawa Polis telah menolak permohonan untuk mengadakan forum bertema "Pilihanraya

— Persoalan-persoalan dan Perkembangan” pada 31hb. Mac, 1978. Sebab-sebab tindakan ini diambil tidak diberitahu.

Tujuan mengadakan forum tersebut adalah untuk menjelaskan isu-isu dan trend-trend politik yang penting dari segi masyarakat Malaysia. Matlamat ini selaras dengan perjuangan Aliran sebagai pertubuhan yang berhasrat mendidik rakyat agar mereka memahami keadaan masyarakat masa kini. Oleh kerana Aliran benar-benar bebas dan berkecuali, keputusan telah diambil menjemput hanya penceramah-penceramah dari badan-badan di luar gelanggang politik kepartian. Ini membuktikan dengan jelasnya kejujuran pihak kami yang tidak mahu menyebelahi mana-mana golongan yang terlibat dalam persaingan kepartian.

Itulah sebabnya Aliran menganggap penolakan permohonan kami sebagai langkah yang bertentangan dengan cita-cita demokrasi, cita-cita Rukunegara dan cita-cita perlembagaan Malaysia. Pilihanraya yang berdasarkan demokrasi berparlimen adalah satu peluang untuk rakyat biasa membincang, membahas, mengkaji dan memahami persoalan kebangsaan. Forum yang dicadangkan oleh Aliran adalah satu usaha ke arah tersebut. Salah sekali jika pilihanraya diertikan sebagai proses di mana pengundi-pengundi “dikerah” memilih calon-calon tertentu tanpa memahami isu-isu dan soal-soal penting dalam pilihanraya di mana mereka sendiri menjadi penentu nasib negara. Sekiranya pilihanraya dijadikan “Sistem Kerah” moden — kerana “Kerah” adalah amalan feodal dulu — demokrasi kita akan digelar Demo-krafi Feodal, bukan demokrasi berparlimen.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

BANTAHAN TERHADAP PENGHARAMAN KE ATAS RAPAT UMUM

(Kenyataan Akhbar)

Sebagai pertubuhan reformasi yang menegakkan cita-cita demokrasi, Aliran membantah keputusan pemerintah

mengharamkan rapat umum dalam pilihanraya. Rapat umum adalah satu saluran yang penting untuk menyampaikan pendapat-pendapat kepada rakyat jelata. Rapat umum pernah diadakan pada zaman Khalifah-Khalifah Rasyiddin untuk menerangkan soal-soal masyarakat kepada khalayak ramai.

Soal keselamatan tidak harus digunakan sebagai alasan kerana kita diberitahu oleh pemimpin-pemimpin utama bahawa keadaan keselamatan negara terkawal. Ucapan-ucapan Timbalan Perdana Menteri masa lawatannya ke Eropah baru-baru ini adalah buktinya. Dalam ucapannya beliau menyatakan bahawa kestabilan politik adalah kukuh. Pilihanraya 1955, 1959 dan 1964 diadakan dalam zaman dharurat tetapi rapat umum dibenarkan. Dalam sejarah negara belum pernah tercetus rusuhan atau terkorban nyawa akibat dari amalan mengadakan rapat umum. Lagipun dalam dua tahun yang lalu, kita diberitahu bahawa gerakan-gerakan menentang komunis seperti Cahaya Bina dan sebagainya telah mencapai kejayaan yang besar.

Pengharaman rapat umum meletakkan negara dalam keadaan yang merbahaya. Musuh-musuh demokrasi, terutama komunis, akan menggunakan pengharaman ini sebagai bukti yang nyata bahawa demokrasi yang diamalkan di Malaysia adalah demokrasi palsu. Ini akan menguatkan kedudukan komunis kerana lebih ramai rakyat Malaysia akan percaya kepada hujah-hujah komunis bahawa demokrasi Malaysia tidak dapat memenuhi hasrat mereka. Mungkin mereka yang keciwa dengan demokrasi yang tidak bermakna ini akan menyertai pergerakan komunis.

Pelabur-pelabur asing akan ragu-ragu atas kestabilan negara kerana mereka menganggap pengharaman rapat umum sebagai bukti bahawa keselamatan negara adalah dalam keadaan genting.

Aliran merayu kepada pemerintah agar menarik balik pengharaman rapat umum demi kepentingan demokrasi dan masadepan negara.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

Jun 1978

PENGESAHAN UNDANG-UNDANG DHARURAT

(Kenyataan Akhbar)

Aliran merasa penuh keciwa akan keputusan Kabinet menjadikan Undang-undang (Kuasa Perlu) Dharurat 1969 sebagai satu akta Parlimen.

Mengadakan undang-undang "decree" di bawah undang-undang Dharurat selepas Parlimen dijalankan semula dalam bulan Februari 1971 adalah sudah merupakan satu tamparan kepada kuasa dan hak Parlimen sebagai institusi tertinggi menggubal undang-undang dalam demokrasi yang bertanggungjawab ke atas rakyat. Kerajaan sepatutnya membiarkan peraturan-peraturan itu kekal sebagai tidak sah untuk mengakui kesilapannya dan keteguhan Parlimen. Sebaliknya Kerajaan telah bercadang menggunakan suara ramai di Parlimen untuk mengesahkan satu ketidaksahan perlembagaan. Soalan penting di sini ialah — apakah Kabinet sedang menuju ke arah kerajaan yang tidak bertanggungjawab bertopengkan demokrasi? Sejarah menunjukkan bahawa kuasa penuh merosakkan samasekali.

Adalah sungguh mengecewakan bahawa Kabinet memilih pencabulan akan keagungan Parlimen yang merupakan asas kuat sebuah negara demokrasi untuk mempertahankan satu peraturan yang kurang penting bertujuan menjaga maruah sendiri. Sekiranya difikirkan bahawa peraturan tertentu misalnya Rukun Tetangga patut dikekalkan, jalan yang paling wajar diambil adalah untuk menjadikan peraturan itu sebagai undang-undang Parlimen. Adalah tidak terlambat bagi Kabinet menimbang semula tindakan alternatif ini.

Satu lagi implikasi kurang jelas dari keputusan Kabinet ialah dengan mengenenipkan peranan Parlimen, Kabinet juga tidak menghormati kepada Raja yang menduduki tahap yang tertinggi dalam hirarki perlembagaan. Kerajaan Perlembagaan Beraja menganggap bahawa undang-undang yang dikuatkuasa dengan persetujuan Raja telah pun dilulus oleh kedua-dua Dewan dalam Parlimen. Di bawah akta yang dicadangkan, Kabinet menggubal undang-undang yang menggunakan nama Yang Dipertuan Agong tetapi tidak lagi

mementingkan persetujuan dari Raja. Kerajaan dengan itu akan terus berbuat demikian oleh kerana kuasa penuh Parlimen diserahkan kepadanya.

Menukar satu ordinans yang digubalkan semasa Dharurat kepada satu akta Parlimen akan selanjutnya menimbulkan soalan-soalan yang serius mengenai keadaan keselamatan sebenarnya dalam negeri. Apakah kita masih dalam dharurat? Apakah keadaan politik dalam Malaysia begitu tidak stabil? Kalau begitu — seperti yang dibayangkan oleh keputusan kabinet — kita tidak seharusnya mengharapkan pemodal pemodal asing menerkam masuk ke sini. Mengapa mesti mereka memilih untuk menanam modal tempat yang dianggap oleh kerajaan sebagai tempat yang berterusan dalam keadaan Dharurat yang buruk sejak 1969?

Disember 1978

Jawatankuasa

HAK ASASI MANUSIA DAN PEMBELOTAN DALAM SENYAP

(Kenyataan Akhbar)

Pada hari ulang tahun yang ke30 Perisytiharan Hak Asasi Manusia sejagat, Aliran mendedikasikan semula dirinya kepada prinsip-prinsip dan ideal-ideal hak manusia yang termaktub dalam perisytiharan tersebut. Manusia mestilah selalu mengingatkan dirinya tentang kehormatan dan ketinggian semangat sebagai seorang manusia.

Walaupun ujudnya kepalsuan dan kesinisan dalam mengamalkan hak asasi manusia, Aliran ingin mengingatkan semula bahawa apa yang diciptakan oleh manusia boleh dilanggar oleh manusia. Oleh itu adalah menjadi tugas yang tidak dapat dielakkan oleh setiap individu mencegah dan membetulkan undang-undang hak asasi manusia di mana ianya dicabuli.

Di Malaysia, kami menggesa kerajaan dan pihak awam menghormati dan mengambil berat tentang hak peribadi awam dan sosio-ekonomi yang termaktub dalam 30 artikel

Perisytiharan Hak Asasi Manusia. Terutamanya kami menyeru supaya membatalkan Akta Universiti dan Kolej Universiti, Peraturan Penting (Kes Keselamatan) dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Aliran menentang penahanan tanpa pembicaraan tapi menerima hakikat perlunya menjaga demokrasi daripada mereka yang inginkan perubahan politik melalui cara kejam.

Kami sungguh kecewa atas penerimaan kerajaan terhadap Akta Pemindahan Perlembagaan yang hanya digunakan sebagai tindakan sementara. Pada keseluruhannya, kami bersama-sama rakyat Malaysia yang lain menentang penghapusan hak yang dinikmati oleh semua ahli perkhidmatan awam dengan penguatkuasaannya itu. Jelaslah apa yang disebut dalam hadis bahawa mendiam diri dalam keadaan kekejaman adalah pembetulan yang terburuk sekali.

Gan Teik Chee
Ahli Jawatankuasa.

Disember 1978

HAK ASASI MANUSIA DI MALAYSIA

(Ringkasan Ucapan)

Apakah yang dimaksudkan oleh hak asasi manusia? Saya akan mencuba mengkaji konsep ini dari berbagai bidang. Dalam bidang politik, ianya bermakna hak seseorang menyertai dalam semua hal masyarakat yang ada berkaitan dengan kehidupannya. Hak penyertaan diri mesti mengandungi hak mengeluarkan pandangan yang berbeza. Tanpa memperakukan sahnya hak politik seseorang, penyertaan dalam bidang ini tidaklah membawa apa erti. Membuang undi dalam pilihanraya merupakan hak politik yang kurang penting sekali dalam sistem demokrasi. Malahnya di Soviet Union juga ada pilihanraya. Memangnyanya, kita mempunyai lebih pilihan politik yang patut dipuji. Walau bagaimanapun pilihan politik tidak ada makna jika perkembangan pandangan alternatif, pendapat yang berbeza tidak dibenarkan. Jadi media massa pada khasnya dan sistem politik pada umumnya mesti membenarkan peluang yang mencukupi untuk perkembangan

idea-idea yang berbeza.

Dalam bidang ekonomi, hak asasi manusia bermakna hak mengadakan makanan, pakaian dan perlindungan, hak mempunyai pekerjaan yang bermakna dan beretika, hak mendapat ganjaran yang berpatutan dari tenaga seseorang dan hak mobiliti sosial.

Selain dari hak-hak ekonomi tersebut, hak-hak sosial seperti hak pendidikan dan hak mendapat kemudahan kesihatan yang mencukupi mesti juga diberi pertimbangan. Penting juga ialah hak-hak budaya seseorang seperti hak seseorang mempelajari bahasa sendiri, hak mengamalkan agama sendiri dan hak mengekalkan adat istiadat seseorang itu.

Dalam tempoh beberapa tahun yang lalu, kita telah menyedari beberapa hak yang baru sebagai reaksi terhadap ciri-ciri yang ujud baik dalam sistem liberal kapitalis maupun dalam sistem marxist-sosialis.

Hak mendapat barangan dan perkhidmatan dengan harga yang adil adalah suatu hak yang penting, begitu juga hak kepada alam sekeliling yang bersih. Salah satu hak yang sama penting ialah hak supaya tidak diputarbelitkan oleh iklan dan lain-lain jenis perniagaan. Begitu juga, semua manusia mesti mempunyai hak tinggal dan bekerja tanpa ancaman politik yang tidak adil. Kuasa birokrasi tidak dibenarkan mengancam keperibadian seseorang.

Selain dari hak-hak tersebut, ada dua jenis hak yang sangat penting di masyarakat di Dunia Ketiga termasuk Malaysia. Yang pertama, kebolehan seorang untuk bertinggal bersama-sama jirannya dengan aman dan harmoni adalah hak yang mesti ditegaskan terutamanya di masyarakat yang berbilang kaum. Yang kedua, saya ingin menegaskan juga hak perlindungan saksama dari undang-undang dan hak ini mesti dipertahankan pada setiap masa. Di kebanyakan negara Dunia Ketiga, hak ini kerap dicabul oleh pemegang kuasa yang kebal dari apa-apa tindakan. Nampaknya, dua jenis undang-undang telah ujud, satu untuk mereka yang kuat dan berkuasa satu lagi untuk mereka yang lemah dan tidak berkuasa.

Mereka yang kuat dibenarkan melanggar undang-undang, yang lemah dihambat pula olehnya. Amalan "double-standard" ini dapat dilihat di perbagai keadaan, dari pelaksanaan peraturan trafik ke pendakwaan kes-kes rasuah. Saya teringat dengan hadith, "Orang-orang dulu dibinasakan kerana kepimpinan menghukum mereka yang lemah sahaja dan mengampunkan mereka yang kuat jika anak perempuan saya, Fatimah, mencuri, tangannya akan dipotong." Seorang intelek Perancis Alexis Tocqueville memberi amaran bahawa orangramai akan menentang jika pemimpin-pemimpin sendiri tidak mematuhi undang-undang yang mereka sendiri membentukkan. Jadi keadilan dan kesaksamaan dalam pelaksanaan undang-undang sangatlah penting.

Hak-hak mesti ditimbangkan bersama-sama tanggungjawab yang berkaitan, tetapi konsep tanggungjawab kerap disalahfahamkan. Walaupun konsep tanggungjawab seseorang warganegara kepada komuniti atau negara telah diterima secara luas, tetapi apa yang dikesali, terutama di negara-negara dunia ketiga, ialah konsep tanggungjawab disamakan dengan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada parti yang berkuasa. Seorang warganegara yang menyoal atau mengkritik pemerintahan digelarkan sebagai unsur yang tidak bertanggungjawab atau 'anti-nasional'.

Sebab inilah konsep tanggungjawab terhadap negara mesti berdasarkan nilai-nilai etika. Tugas setiap orang ialah untuk membetulkan kesalahan melalui tindakan atau percakapan, jika sesuatu penindasan atau rasuah berlaku. Ini adalah kedudukan semua khalifah yang termasyhur di sejarah Islam. Ini adalah juga pandangan Meng-tse, seorang falsafah Cina yang terkenal. Falsafah Hindu moden, Aurobindo, Vivekenanda dan Gandhi telah mengeluarkan hujah-hujah yang sama. Kesemua ini menunjukkan bahawa tradisi-tradisi kita telah memberi keutamaan kepada nilai seperti kebenaran, belas kasihan dan kejujuran, lebih dari pada tuntutan-tuntutan negara. Maksud ini memang patut jika prinsip Rukunegara yang pertama, Kepercayaan kepada Tuhan, mempunyai apa jua relevans untuk kita semua. Seseorang yang percayai Tuhan, memang percayai juga kepada nilai-nilai ketuhanan yang berpunca dari Tuhan.

Malangnya konsep tanggungjawab ini tidak difikirkan cara itu di negara kita. Hak asasi juga tidak dihormati walaupun kita masih menikmati beberapa kebebasan. Pada kurun pertama selepas merdeka, lebih kebebasan dibenarkan, mungkin disebabkan pemerintahan Perikatan buat masa itu lebih bersatu dan mantap. Lagipun setengah dari pemimpin utama pada masa itu masih mempunyai perasaan yang positif terhadap pemerintahan demokrasi.

Walaupun bagaimanapun, sejak dari peringkat awal lagi aspek politik dari hak asasi manusia telah dikurangkan. Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA), yang membenarkan tahanan tanpa perbicaraan, masih berkesan membatasi penyertaan politik yang aktif oleh ramai orang dari berbilang lapisan masyarakat. Asalkan hak manusia untuk perbicaraan adil dinafikan, ramai orang akan terus menerus merasa ragu sama ada ISA adalah suatu alat semata-mata untuk mengawal subversi komunis sahaja atau tidak. Meskipun pemerintah tidak boleh membenarkan perbicaraan adil kerana sebab-sebab keselamatan, sekurang-kurangnya ia mesti membenarkan mahkamah mengadakan kes-kes ISA — walaupun “in camera”. Yang penting ialah apa yang diadili oleh mahkamah hendaklah dikira sebagai muktamad. Buat masa sekarang, Menteri yang berkenaan mempunyai kuasa untuk menukarkan cadangan cadangan ‘review panel’ mengenai tahanan-tahanan. Bagi kita prinsip yang asas ialah sistem demokrasi mesti diperlindungi melalui cara-cara demokratik. Cara untuk mencapai sesuatu tidak boleh diasingkan dari tujuannya. Cara-cara tidak demokratik untuk menahan demokrasi tidak berbeza dari menggunakan cara tipu untuk mencapai kebenaran (truth).

Selain dari ISA, ada beberapa undang-undang yang lain yang menyekat perkembangan hak asasi manusia. Undang-undang yang memerlukan suratkhbar-suratkhbar dari majalah-majalah mendapatkan lesen setiap tahun untuk menerbit merupakan rintangan kepada perkembangan nilai-nilai demokratik. Undang-undang yang menghalang parti-parti politik dari mengadakan rapat umum, mempunyai lebih banyak kesan untuk parti-parti pembangkang sebab parti-parti kerajaan mempunyai saluran-saluran lain seperti media massa dan sebagainya. Pegawai-pegawai kesatuan sekerja

juga tidak dibenarkan memegang jawatan dalam parti-parti politik. Pegawai-pegawai yang aktif dalam politik tidak boleh menjadi pegawai dalam Majlis Undang-undang, Jawatankuasa Undang-undang dan lain-lain lagi.

Kemerosotan kebebasan politik pada tahun-tahun yang lalu tidak diimbangkan oleh kenaikan dalam hak-hak manusia di bidang-bidang lain. Memang benar penduduk negara kita tidak kebuluran. Ada peluang pekerjaan. Ada sedikit sebanyak mobiliti. Disebaliknya, ada kekurangan rumah; eksploitasi gunatenaga di kawasan-kawasan perdagangan; jurang perbezaan sosial makin ketara. Pengguna dan alam sekitar kurang dapat perlindungan. Birokrasi di bidang perniagaan, universiti-universiti dan kegiatan profesyen makin bertambah. Selain dari rintangan tersebut, terdapat semacam perasaan kegelisahan antara kaum-kaum bukan Bumiputra di mana mereka merasakan bahawa budaya dan bahasa mereka terancam. Walaupun setengah dari kebimbangan ini tidak berasas, hak keharmonian kaum tidak boleh diabaikan.

Bagaimanakah kita menerangkan situasi yang ada sekarang? Pertama, psikologi "feudal" di kalangan Bumiputra menghalang kewujudan nilai-nilai demokrasi. Elit pemerintahan yang terus mempunyai hubungan rapat dengan feudalisme, mengharapkan kesetiaan tanpa menyoal dari rakyat. Mengkritik kerap ditafsirkan sebagai cabaran kepada pihak yang berkuasa. Kedua, psikologi "pendatang" masih kuat di antara kaum bukan Bumiputra. Psikologi ini tidak pedulikan nilai-nilai demokrasi. Mereka lebih mengutamakan mobiliti ekonomi dan sosial dari penglibatan dalam perjuangan untuk hak politik mereka. Ketiga, golongan atasan dari kedua-dua kaum Bumiputra dan bukan Bumiputra tidak mempunyai komitmen kepada ideal-ideal demokrasi. Kemewahan mereka yang tidak ada bandingan di kebanyakan negara-negara Dunia Ketiga telah "menidurkan" mereka. Keempat, undang-undang tersebut tadi, telah menghindarkan pihak intelek dari penyertaan yang aktif dalam proses demokrasi. Kelima, penguasaan parti Barisan Nasional – menguasai empat perlima majoriti dari ahli-ahli Parlimen – telah mengakibatkan perasaan sombong dan tidak sanggup melayan apa-apa pandangan kritikal. Keenam, meskipun penguasaan parti

pemerintah masih kuat, namun perbalahan di dalam pakatan pemerintahan lebih ketara sekarang dari beberapa tahun yang lalu. Akibatnya ialah perasaan kurang selamat ini dicerminkan melalui kawalan politik dan penindasan. Dalam hal ini "Factionalism" dalaman yang berlaku juga di negeri-negeri Thailand dan Indonesia telah melahirkan reaksi yang sama dari elit pemerintah. Akhirnya, tidak boleh dinafikan bahawa model pembangunan ekonomi kita menentang hak asasi individu. Model ini bercorak elitis, berhirarki dan menghalang penyertaan ramai. Model ini terpaksa mengamalkan penindasan politik sebab keuntungan dari sistem yang berorientasikan swasta dan pelaburan asing tidak akan memberi faedah kepada kebanyakan penduduk. Pandangan kritikal yang lahir dari perasaan kecewa ini perlu dikawal supaya golongan elit politik dan ekonomi boleh mengekalkan kedudukan mereka di atas.

Mengubah ciri-ciri pemilihan cara produksi dari sistem kapitalis ke sistem sosialisme tidak akan mengakibatkan lebih peluang hak asasi manusia juga — seperti yang dibuktikan oleh kekurangan kebebasan politik di beberapa masyarakat Marxis-Sosialis. Kekuasaan elit akan terus kekal asalkan struktur masyarakat membenarkan kebanyakan kuasa dipegang oleh suatu golongan ahli politik, birokrat dan teknokrat sahaja. Hanya dengan desentralisasi kuasa dan kewilayuhan sahaja manusia dapat menyedari hak-hak mereka dalam tertikatanya yang sebenarnya. Dalam masyarakat desentralistik sahaja, manusia dianggap sebagai simbol nilai-nilai rohani yang agung.

Pemuda-pemudi mesti mencuba mencapai nilai-nilai unggul tersebut. Perasaan kepuasaan antara beberapa golongan di kelas pertengahan akan menjadi punca halangan buat masa sekarang. Tetapi profesyen undang-undang juga kurang menawarkan mobiliti untuk peserta-peserta baru berbanding dengan generasi sebelumnya. Ini akan mendorong peguam-peguam baru memikir dengan lebih serius perihak-hak asasi manusia di negara ini. Lagipun, idealisme tidak perlu dilahirkan dari keadaan ideal sahaja.

Disember 1978.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

PERATURAN-PERATURAN UNTUK AHLI-AHLI AKADEMIK – BAHAYANYA

(Karangan)

Sebagai sebuah pergerakan yang tidak bersifat kepartian yang menitikberatkan nilai-nilai demokrasi dan kesedaran sosial melalui pendidikan, Aliran amat tidak senang dengan tindakan untuk mengadakan Peraturan-Peraturan Disiplin kepada kakitangan akademik universiti-universiti kita.

Seperi setengah Pertubuhan-Pertubuhan Akademik yang telah menyuarakan pendapat mereka terhadap hal ini, Aliran juga berasa bahawa satu bentuk garis panduan untuk keseluruhan tingkah laku ahli-ahli akademik tidak seharusnya bertentangan dengan keutuhan universiti-universiti kita. Tidak salah, misalnya, untuk menentukan supaya kakitangan akademik tidak terlibat dalam pekerjaan luar, bahawa mereka tidak menanggung hutang yang besar ataupun mereka melaporkan perihal hakmilik harta benda mereka. Harus diingat bahawa jawatan seorang akademik – berlainan dengan seorang ahli politik atau pegawai kerajaan yang kanan – tidak membolehkan mengumpul kekayaan yang banyak.

Dalam dua lingkungan utama peraturan-peraturan ini patut dikritik. Pertama, ia menyekat kebolehan seorang ahli akademik memberi sumbangan kepada masyarakatnya. Kedua, ia menafikan kepada ahli-ahli akademik hak-hak yang diiktiraf oleh warganegara-warganegara lain.

Sumbangan Terhadap Sumbangan Seorang Ahli Akademik Kepada Masyarakat

Telah diakui umum bahawa seorang ahli akademik boleh menyumbang kepada masyarakatnya secara berkesan melalui penganalisaan yang serius dan rasional terhadap isu-isu masyarakat yang mungkin "bersifat politik". Mengambil bahagian di dalam seminar dan simposium serta menerbitkan buku dan rencana-rencana adalah saluran dan cara di mana seorang ahli akademik melaksanakan kewajipannya kepada masyarakat.

Peraturan-peraturan ini menentukan bahawa seorang ahli akademik mesti berdiam diri terhadap hal-hal politik melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis dari Naib Canselor atau "kerana perlu dan berkaitan dengan fungsi fungsi rasmi serta tugas-tugasnya" atau "sekiranya ia tidak bertentangan dengan kepentingan universiti". Adalah salah untuk menyangka bahawa peraturan ini hanya melibatkan ahli-ahli akademik yang mengkaji parti-parti politik atau apa yang biasanya dianggap sebagai isu-isu politik. (Ini termasuk tema-tema berkenaan perubahan sosial, pembangunan ekonomi, perhubungan etnik, kepimpinan politik dan lain-lain yang umumnya merupakan sebahagian penting dari sains kemasyarakatan). Apa yang telah dilupakan ialah bahawa setiap isu boleh diterima sebagai bersifat politik. Krisis ekologi yang telah menjadi perhatian utama pakar-pakar persekitaran dan biologi; penggunaan setengah pewarna kilang yang menjadi bahan penting kepada pakar-pakar kimia; pertelingkahan menyokong dan menentang pembinaan reaktor atom, khususnya di negara-negara Dunia Ketiga, juga bersifat politik. Pakar perubatan menyedari bahawa beberapa persoalan penting berkaitan dengan disiplinnya seperti perhubungan antara etika dan perubatan, sifat dan jenis penyelidikan perubatan dan kaitannya dengan masyarakat dan kesan serta pengaruh struktur masyarakat sekarang terhadap perkhidmatan perubatan dan kesihatan adalah hal-hal yang penuh kontroversi. Sesungguhnya, peranan sains dan teknologi dalam proses pembangunan adalah perkara yang amat penting kepada politik dan ahli-ahli politik. Adalah tidak waras untuk menganggap bahawa "isu-isu yang bersifat politik" tidak ada kena mengena dengan sains fizikal.

Sedangkan seorang pensyarah seni lukis atau muzik atau drama boleh terlibat dengan kontroversi politik. Bagaimanakah bentuk seni lukis Malaysia ataupun unsur-unsur muzik mana dalam negara ini yang harus diintegrasikan ke dalam kebudayaan Malaysia telah kadangkala menjadi bahan perbahasan politik dan perbincangan. Dan dalam bidang sejarah dan geografi, adalah sukar untuk memisahkan bahagian-bahagian penting kedua bidang ini dari persoalan sosial atau

politik. Akhirnya, semua ini bererti bahawa sekatan-sekatan terhadap sumbangan ahli akademik kepada masyarakatnya pasti melibatkan setiap orang dari mereka -- tanpa pengecualian.

Memang boleh dipertahankan bahawa untuk sebahagian aktiviti kegiatan, Naib-Canselor yang berkenaan mungkin melibatkan ahli-ahli akademik mengambil bahagian dalam memberi atau menulis rencana untuk majalah yang popular atau akhbar-akhbar. Walaupun demikian harus diingat bahawa Naib-Canselor adalah dilantik oleh kerajaan. Bagai serius sekalipun penghargaannya terhadap kebebasan akademik, dia terpaksa menyebelahi pihak kerajaan dalam isu-perakarat. Jika Peraturan-Peraturan ini dikuatkuasakan, mungkinkah ahli-ahli akademik boleh melibatkan diri dalam gerakan menentang pembalakan di Endau-Rompin? Mungkin, seorang Naib-Canselor, sebagai pelaksana utama Peraturan-Peraturan ini, membenarkan seorang dari kakitangannya bercakap dengan bebas berkenaan rasuah di pejabatnya? Seterusnya, telah diperkatakan bahawa untuk memastikan tanggungjawabnya terhadap masyarakat, ahli akademik terpaksa bergantung kepada jasa baik Naib-Canselornya. Kita semua adalah rakyat sebuah negara demokrasi. Dalam sesuatu demokrasi ada nilai-nilai, prinsip-prinsip serta amalan yang unggul. Hak atau tanggungjawab yang tidak boleh ditentukan oleh belas kasihan seorang Naib-Canselor.

Kerajaan mungkin bimbang untuk memberi kebebasan kepada ahli-ahli akademik. Kebimbangan ini, kalau diteliti dengan jujur, sama sekali tidak berasas. Pertama, berbeza dengan golongan-golongan akademik di tempat-tempat lain, ahli akademik di Malaysia adalah sangat pasif terhadap kerajaan. Sebagai satu golongan mereka tidak memperjuangkan hak rakyat. Tidak munasabah bagaimana suasana yang pasif boleh mendorong kerajaan mengadakan peraturan-peraturan yang amat mengangkong. Peraturan-peraturan ini, sekiranya, boleh menyedarkan ahli-ahli akademik dari kepatuhan mereka. Peraturan-peraturan inilah yang menimbulkan perasaan marah di kalangan mereka. Kedua, jika kerajaan bimbang kepada penyusupan komunis atau cauvinisma atau

fanatisme di kalangan ahli-ahli akademik telah ada undang-undang untuk mengatasi bahaya ini. Aliran tidak bersetuju dengan setengah dari undang-undang ini atau pelaksanaannya, tetapi hakikatnya undang-undang ini ujud dan kerajaan telahpun menggunakannya dari masa ke masa. Antaranya ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Akta Hasutan. Jika kerajaan tidak sukakan mana-mana buku ia boleh mengharamkannya; jika ia tidak mahu sebuah jurnal diterbitkan, ia boleh menarik balik KDN tanpa memberi apa-apa sebab. Dalam lain perkataan, kerajaan telah cukup bersedia untuk menghadapi apa yang dianggapnya sebagai "ancaman kepada negara". Di manakah perlunya peraturan-peraturan baru untuk menyekat ahli-ahli akademik menyumbang kepada masyarakat?

Penafian Hak-Hak Rakyat

Dalam sesuatu demokrasi di mana persaingan parti politik dibenarkan, adalah hak seorang rakyat untuk menganggotai mana-mana parti yang sah. Adalah haknya untuk mengambil bahagian dalam semua kegiatan yang berkaitan dengan proses pengundian.

Walaupun peraturan-peraturan ini tidak menghalang seorang ahli akademik menganggotai parti politik, ia tentunya melarang ahli akademik ini melibatkan diri dalam kegiatan politik termasuk menjadi calon dalam pilihanraya dan memegang jawatan dalam sesebuah parti politik. Apakah punca larangan ini? Mungkin kerajaan bimbang bahawa seorang ahli akademik yang melibatkan dirinya dalam kegiatan politik tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna atau tidak akan bersifat objektif dalam pengajaran kerana fahaman politiknya. Mari kita melihat kebimbangan ini. Sejak beberapa tahun yang lepas telah terdapat beberapa orang ahli akademik yang melibatkan diri dalam kempen parti politik — kebanyakannya di pihak kerajaan, sedikit dari pembangkang. Menteri Pelajaran sekarang adalah seorang ahli akademik pada awal tahun 1971 semasa menjadi ketua UMNO yang aktif dan Ahli Parlimen. Salah seorang dari Timbalan Menteri Pengangkutan dan dua orang Timbalan

Menteri Kewangan adalah ahli-ahli akademik semasa menjadi Ahli Parlimen. Tidak ada sebab mengapa mereka ini tidak dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik atau mengekalkan sifat objektif pengajaran mereka semasa melibatkan diri dalam politik.

Seorang ahli akademik yang baik tidak membiarkan fahaman politik mempengaruhi tugas akademiknya. Ahli-ahli akademik kita sedar perlunya dipisahkan kedua-dua jenis kegiatan ini. Inilah sebabnya dalam Piagam Universiti yang telah dirumuskan oleh ahli-ahli akademik sendiri telah dinyatakan bahawa "dalam pengajaran, kakitangan akademik akan memberi pertimbangan yang adil kepada semua sudut pandangan tanpa berat sebelah dan memberi kepada penuntut-penuntut penerangan yang tepat dan adil terhadap pandangan-pandangan yang bertentangan".

Tentunya tidak ada jaminan bahawa fahaman politik seseorang itu tidak akan mempengaruhi pengajaran atau penyelidikannya. Ini boleh juga berlaku walaupun seseorang itu tidak bergiat dalam parti politik (Peraturan-peraturan membenarkan ini) atau tidak secara rasmi menjadi ahli mana-mana parti politik tetapi mempunyai fahaman politik yang mungkin akan mempengaruhi pandangannya terhadap berbagai isu. Sebaliknya, seseorang yang mana fahaman politiknya tidak diketahui kerana dia tidak bergiat secara terbuka akan lebih merbahaya kerana pendapatnya diterima sebagai objektif. Seorang ahli akademik yang menunjukkan sentimen politiknya, sebaliknya, membolehkan penuntut-penuntut serta rakan-rakannya lebih mudah menilai hujah-hujahnya. Lagipun, seorang ahli akademik itu akan lebih berwaspada memisahkan tugas akademik dan peranan politiknya kerana dia menjadi perhatian.

Dari apa yang telah diperkatakan nampaknya peraturan-peraturan ini hanya melibatkan ahli-ahli akademik yang bergiat secara terbuka. Mereka ini mematuhi proses perlembagaan, menyokong perubahan sosial yang aman dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Demokrasi Berparlimen. Malangnya, ahli-ahli akademik seperti ini dikenakan tekanan, tapi mereka yang tidak mematuhi proses per-

lembagaan, tidak menyokong perubahan sosial yang aman dan tidak berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Demokrasi Berparlimen, boleh terus bergerak – asal saja mereka bijak mengorak langkah serta berselindung. Ada kemungkinan Peraturan-Peraturan ini boleh menggalakkan politik subversi. Kita kini boleh menyoal: apakah yang akan kerajaan cap dengan menghalang ahli-ahli akademik hak mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti politik yang sah?

Setakat ini kita telah cuba menunjukkan bahawa Peraturan-Peraturan ini tidak memanfaatkan sama ada universiti atau masyarakat. Ia hanya akan melemahkan politik masyarakat kita. Keadaan ini menjadi semakin nyata semakin nyata sejak satu dasawarsa yang lalu. Politik gabungan tahun 1971-73 yang telah melemahkan perbezaan pendapat, Akta (Pindaan) Perhubungan Perindustrian 1969 yang menyekat tokoh-tokoh kesatuan sekerja mengambil bahagian dalam politik, Akta (Pindaan) Universiti dan Universiti Kolej 1975 yang tidak membenarkan penuntut penuntut bersuara dalam hal-hal politik Akta, Akta Guaman (pindaan) 1979 yang telah menyekat tokoh-tokoh Majlis Guaman menjadi ahli politik yang aktif kesemuanya menuju ke arah itu.

Peraturan-peraturan yang sudah sedia ada mesti dilihat dalam konteks itu. Tujuan melemahkan kegiatan politik ialah untuk membendung penentangan ke paras yang minimum untuk mengekalkan Demokrasi Berparlimen pada syaratnya saja. Pilihanraya tanpa rapat umum, Parlimen tanpa perbahasan yang bermakna, parti-parti serta kumpulan-kumpulan tanpa peranan yang berkesan adalah sebahagian dari gejala dan petanda masyarakat yang telah lemah politiknya. Salah satu andaian sebuah masyarakat yang telah lemah politiknya ialah bahawa politik hanya untuk mereka yang berpolitik saja. Ini bererti bahawa tokoh-tokoh kesatuan sekerja harus memberi perhatian kepada hal-hal gaji saja, penuntut penuntut hanya belajar saja, peguam-peguam hanya dengan tugas guaman mereka dan ahli-ahli akademik hanya mengajajar dan menyelidik. Apa yang tidak disedari ialah bahawa seluruh masyarakat, setiap orang, terlibat dalam politik. Politik adalah perihal setiap orang kerana tindakan politik melibatkan

kan kesemuanya. Inilah sebabnya mengapa Al-Quran mewajibkan setiap orang "membuat kebaikan dan melarang perbuatan mungkar". Inilah inti dan erti politik.

Peraturan-peraturan ini adalah juga hasil pemikiran yang lahir di kalangan birokrat. Mereka melihat universiti sebagai sebahagian dari Perkhidmatan Awam. Sesungguhnya, Peraturan-Peraturan yang dicadangkan sama dengan Perintah Am untuk Perkhidmatan Awam. Sebuah universiti melalui pengajaran serta kegiatan penyelidikannya menolong mempertingkatkan kesedaran rakyat dan memperluaskan pemikiran masyarakat. Untuk melaksanakan tugas ini dengan berkesan perlu ada kebebasan dan kebebasan ini tidak akan diperolehi sekiranya ia adalah sebahagian dari birokrasi. Perkhidmatan awam atau Birokrasi, sebaliknya, bertugas melaksanakan dasar-dasar kerajaan dan kerana itu mesti menjadi sebahagian dari sistem pemerintahan.

Adalah diharapkan bahawa pemimpin-pemimpin politik kita khususnya Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran akan memahami pemisahan ini. Jika mereka faham, mereka tidak akan teragak-agak membatalkan Peraturan-Peraturan Disiplin Kakitangan 1979 untuk kakitangan universiti.

Februari 1979

Jawatankuasa

DEMOKRASI MALAYSIA

(Ringkasan Ucapan)

Apa yang kita dapati di Malaysia ialah demokrasi terhad — demokrasi yang dibendung oleh pelbagai sekatan. Bagaimanapun skop untuk membincang dan menentang masih ada.

Seseorang akan berpendapat bahawa tentulah sekumpulan pemerintah yang kuat, teguh dan stabil akan membiarkan sedikit sebanyak perbahasan dan perbincangan dijalankan memandangkan ia tidak akan mengancam kuasa dan kedudukan mereka.

Kumpulan pemerintah ini tidak bersedia membenarkan ini kerana dua sebab.

- a) Tidak ada penghargaan yang sepenuhnya terhadap sebarang sikap dan nilai demokratik yang seharusnya wujud dalam mengenal demokrasi. Toleransi terhadap tentangan dan perbezaan pendapat adalah di antara dua amalan terpenting demokrasi. Pemahaman tentang amalan demokrasi tidak berkembang oleh kerana ujudnya psikologi feudal di kalangan rakyat. Taat setia yang tidak berbelah bagi kepada yang berkuasa – dan bukan keinginan untuk memperbaiki yang salah – adalah dianggap sebagai satu tanda seorang warga negara yang baik.
- b) Kumpulan pemerintah seperti yang lain dalam Dunia Ketiga, menganggap dirinya stabil sekiranya ia mempunyai kuasa penuh dalam sistem politik.

“Syndrome” kuasa penuh mula berkembang kerana pada masa Kemerdekaan ramai kumpulan pemerintah mendapat sokongan yang hebat. Oleh itu segala kritikan yang diperdengarkan pada tahun-tahun berikut telah menjadi atau dipandang sebagai satu cabaran kepada kuasa mereka.

Bagaimanapun, demokrasi terhad akan berterusan buat masa ini. Tidak ada bahaya dari pemerintahan kuku besi. Tidak perlu menegakkan satu kediktatoran jika demokrasi yang ada sekarang memberi sepenuh kuasa dan kekuasaan. Lagi pun, demokrasi terhad mencerminkan imej yang baik di Barat. Inilah sebabnya kepimpinan diktator tentera juga mengadakan pilihanraya oleh kerana kuasa mereka terjamin dengan apa cara pun.

Mungkin juga boleh terjadi satu gangguan sementara dalam demokrasi terhad. Berkurangnya sokongan bagi calon pilihanraya dalam kawasan bukan Melayu atau satu cabaran kuat dari kawasan Melayu atau satu krisis serius di dalam Umno atau satu krisis ekonomi yang serius boleh mendorong sekumpulan orang merancang satu pemerintahan authoritarian buat sementara waktu.

Demi kepentingan negara, demokrasi terhad patutlah diperluaskan sempadannya. Demokrasi tulen patutlah menjadi matlamat kita kerana tidak ada kemajuan tanpa demokrasi. Makanan dan kebebasan adalah sama penting. Untuk mencapainya kita mesti memainkan peranan kita. Kerajaan mestilah lebih bertolakansur terhadap percanggahan pendapat. Pembangkang mestilah cuba menahan diri dari dorongan mempengaruhi isu-isu perkauman untuk mendapat kemenangan pencalonan secara mendadak. Orang ramai seharusnya tahu meluahkan perasaannya. Walaupun ada had-had ini, kita masih boleh berbincang dan berdebat mengenai isu-isu. Yang menyedihkan ialah golongan cerdik-pandai yang seharusnya memimpin masyarakat tidak dapat menunjukkan keyakinan atau komitmen untuk mempertahankan kebenaran dan keadilan.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

1979

II. LAYANAN TERHADAP TAHANAN POLITIK

(Kenyataan Akhbar)

Dalam beberapa minggu yang lalu, akhbar-akhbar dan majalah-majalah asing tertentu telah memuatkan artikel-artikel yang menuduh bahawa orang-orang tahanan politik di Malaysia diberi layanan yang buruk. Mereka mendakwa bahawa orang-orang tahanan ini dikurung bersendiria bagi tempoh yang panjang, disiksa cara psikologi dan kadang-kadang fizikal. Tuduhan-tuduhan ini hampir-hampir serupa dengan hujah-hujah yang terkandung dalam memorandum Penguam Malaya yang dikirimkan kepada pemerintah pada Februari 1979.

Orang ramai khuatir bahawa sebahagian daripada khalayak di Malaysia dan di luar negeri akan mempercayai tuduhan-tuduhan ini sekiranya pemerintah tidak menjawab dengan cara berkesan. Pemerintah Malaysia tidak harus berurusan dalam lingkungan yang sama dengan pemerintahan yang zalim dan kejam kerana perbincangan

politik dan perbalahan pendapat dibenarkan. Keadaan kebebasan politik di sini lebih baik daripada kebanyakan negara-negara yang lain di rantau ini. Itulah sebabnya tuduhan tuduhan mesti dijawab.

Penafian tidak mencukupi. Penafian tidak bisa meyakinkan mana-mana pihak. Aliran mengesyorkan bahawa pemerintah membenarkan suruhanjaya yang bebas dan kecuali dari Bangsa-Bangsa Bersatu menyiasat perkara. Lapornya mesti diumumkan kepada khalayak ramai.

Sekiranya suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu tidak dapat ditubuhkan, pemerintah harus membenarkan lembaga tempatan yang bebas yang dianggotai oleh orang-orang bernama yang tidak terlibat dalam parti-parti politik menyiasat tuduhan-tuduhan tadi. Lembaga ini boleh diketuai oleh Ketua Hakim Negara atau Hakim Besar Malaya.

Oktober 1979

Jawatankuasa

HAK-HAK ASASI MANUSIA DALAM DEMOKRASI

(Ringkasan Ucapan)

Hak manusia bererti bahawa seorang manusia, kerana dia manusia, mempunyai hak-hak tertentu yang tidak boleh dirampas darinya. Merampas hak-hak ini bererti memusnahkan integriti dan kemuliaan manusia.

Antara hak-hak ini yang paling utama dalam 4 bidang hidup adalah seperti berikut:—

- a) Hak mengambil bahagian dalam semua hal-hal masyarakat yang secara langsung ataupun tidak berkaitan dengan kesejahteraan individu dan memilih serta menolak pemimpin tanpa takut harap balasan dalam kegiatan politik.
- b) Hak mendapat pekerjaan, hak menerima ganjaran yang setimpal dengan usaha seseorang dan hak memajukan taraf pekerjaan seseorang dalam bidang ekonomi.
- c) Hak mengamalkan agama dan adat resam seseorang dan

mengetahui bahasa ibunda seseorang dalam bidang kebudayaan.

Hak berseorangan dan hak untuk hidup secara selamat serta gembira dengan aman bersama rakan-rakan lain dalam masyarakat.

Persoalan hak-hak manusia berhubung rapat dengan pindaan yang dicadangkan terhadap undang-undang buruh akan menyusahkan lagi pekerja-pekerja memperjuangkan gaji dan keadaan-keadaan bekerja mereka. Pekerja tidak dapat menentukan kesejahteraan sendiri dengan menggunakan kekuatan — seperti mogok — yang harus dimiliki seorang pekerja dalam mana-mana masyarakat yang menghormati hak-hak manusia. Ia hanya akan melemahkan demokrasi yang sudah banyak lemah dalam negara ini. Adalah salah untuk menyangka bahawa setelah pindaan-pindaan ini dilulus keadaan pekerjaan akan lebih baik dan negara lebih stabil. Sebaliknya, perasaan hampa yang tidak terpuaskan boleh menghasilkan keterasingan pekerja yang seterusnya membawa kepada ketidakcekapan. Akhirnya ini pasti melemahkan daya pengeluaran. Demi kepentingan negara, kita harus merayu kepada kerajaan menarik balik pindaan-pindaan ini.

Perlu kita memahami mengapa pindaan-pindaan ini dicadangkan. Pertama, untuk memastikan kepada pelabur-pelabur kita bahawa pekerja-pekerja kita mudah diawasi bagi pembangunan yang mementingkan modal, kestabilan dan pertumbuhan tentunya mengambil tindakan-tindakan kedua, kebimbangan kerajaan terhadap perkembangan ekonomi pekerja, lebih-lebih lagi kerana golongan pekerja ini bersifat berbilang kaum. Tindakan kakitangan Penerbangan pada bulan Februari tahun lepas telah mencetuskan kerajaan. Ketiga, kerana kerajaan sedar bahawa dalam sistem kapitalis Barat akan mendatangkan akibat buruk kepada kita dan kerana itu pekerja-pekerja akan semakin tenang lebih-lebih lagi bila gaji merosot dan belanja semakin melambung naik.

Apapa yang perlu bukannya menghapuskan hak-hak asasi pekerja, tapi mengkaji semula dengan waras pembangunan

kita supaya satu pendekatan baru dapat dirumuskan — satu pendekatan yang akan menerima pekerja-pekerja sebagai manusia dan tidak semata-mata mementingkan keuntungan.

Setiap pekerja mesti sedar bahawa pendekatan ini boleh dirumuskan melalui Demokrasi Berparlimen. Ia tidak memerlukan paksaan. Ia tidak memerlukan amalan sistem komunis. Lagipun, kita semua tahu bahawa negara-negara komunis tidak menerima pekerja-pekerja mereka sebagai manusia. Pekerja tidak dibenarkan menentang pihak pengurusan di kilang-kilang yang dikendalikan oleh kerajaan. Mereka tidak dapat bersuara dalam hal-hal penting kehidupan mereka. Seorang pekerja yang bersifat penentang dalam sebuah masyarakat komunis tidak tahu apa itu keamanan dan keselamatan. Bukannya sistem komunis atau kapitalis seperti yang kita miliki yang pekerja-pekerja harus berusaha mengujudkan. Kita harus mencari pendekatan ketiga yang benar-benar menilai manusia, yang menghormati hak-hak manusia.

Langkah pertama bagi pekerja-pekerja yang ingin melihat kemenangan hak-hak manusia ialah sungguh-sungguh percaya bahawa mereka tidak perlu mengorbankan hak-hak manusia dalam jangka masa pendek untuk membolehkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi agar pekerja-pekerja juga boleh mendapatkan gaji yang lebih baik kerana kesan-kesan pembangunan akhirnya dapat dinikmati oleh peringkat bawah. Fahaman pembangunan seperti ini berasaskan pandangan-pandangan yang salah. Ia mengandaikan bahawa negara-negara membangun yang menggalakkan pelaburan asing akan akhirnya menjadi negara-negara kebajikan (welfare states) seperti Eropah Barat (Sweden, Denmark, Belanda dan lain-lain). Ini tidak akan berlaku kerana 3 sebab. Pertama, negara-negara ini membangun pada awal kurun 20an berasaskan perkembangan sistem kapitalisme mereka sendiri. Ini memberikan mereka kekuatan yang menjadi sifat setiap masyarakat kapitalis seperti Jepun atau Amerika Syarikat. Bagaimanakah keadaan ini akan wujud di sini sedangkan perhatian tertumpu kepada pelaburan asing? Kedua, kita lupa bahawa negara kita telah dijajah. Ekonomi yang telah terjajah perlu terlebih dahulu mengata-

kelemahan-kelemahannya. Hanya dengan cara begini boleh kita maju. Bagaimana boleh kita maju jika kita tidak merubah ekonomi yang diwariskan dari penjajah? Ketiga, bolehkah kita bandingkan diri kita dengan negara-negara industrial ketika mereka sedang membangun mereka tidak menghadapi sistem pengeluaran, pemasaran dan kewangan yang bertentangan dengan kepentingan mereka sepertimana yang kita didunia ketiga dewasa ini?

Adalah jelas bahawa demi masa depan kita sebagai manusia kita harus mencari satu jalan keluar baru. Hanya dengan cara begini saja hak-hak manusia akan mendapat jalan baru.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

PAS DAN KESELAMATAN

(Kenyataan Akhbar)

Seruan yang dibuat baru-baru ini oleh beberapa ahli politik supaya PAS dimansuhkan atas dakwaan membahayakan keselamatan kebangsaan memerlukan analisa dan reaksi daripada semua warganegara yang berkesedaran.

Ianya telah dicadangkan bahawa oleh kerana beberapa pegawai-pegawai PAS di Kedah telah mengakui secara umum, bahawa dalam tahanan, menjadi ahli kepada pertubuhan yang bertentangan dengan tujuan-tujuan anti-kebangsaan, PAS sepatutnya harus dihalang daripada politik.

Selain daripada menerima pengakuan seumpama itu, adalah jelas bahawa tidak ada parti politik atau pertubuhan yang mengawal sepenuhnya ke atas ahli-ahli sehinggakan menghalang keahlian dalam sesuatu pertubuhan sulit. Contohnya Parti Buruh dengan elemen-elemen pelampau berhaluan kiri dan penangkapan serta penahanan agen-agen komunis yang disyaki di kalangan UMNO baru-baru ini harus diingat. Tidak siapun, yang secara adilnya mencadangkan penghapusan dua buah parti tersebut atas asas yang sama.

Aliran sesungguhnya berharap supaya Kerajaan akan membuat pengumuman ke atas perkara ini untuk menyekat salah faham selanjutnya oleh kumpulan-kumpulan anti-PAS.

Perpaduan orang-orang Melayu juga telah disebut sebagai satu sebab untuk membubarkan PAS. Aliran tidak dapat menerima sebarang asas dalam huraian-huraian ini dalam konteks demokrasi berparlimen seperti Malaysia. Tidak ada sebuah kumpulan atau parti boleh mendakwa mewakili dengan baiknya sebarang kaum — Melayu, Cina atau India. Ianya adalah semata-mata disebabkan perbalahan pendapat adalah satu tanda rahmat bahawa kita mempunyai satu sistem politik — berbagai parti. Dari kacamata pandangan Islam, perpaduan atas asas perkauman tanpa mengira nilai-nilai adalah dilarang. Telah disebut dalam Al-Quran bahawa orang-orang Islam hendaklah bersatu-padu untuk menjalani kerja-kerja yang makruf dan meninggalkan yang mungkar.

April 1980

Ariffin Omar
Setiausaha

DEMOKRASI HARUS DIPERTAHANKAN MELALUI SALURAN-SALURAN DEMOKRATIK

(Kenyataan Akhbar)

Aliran percaya bahawa rakyat Malaysia yang cintakan kebebasan tentu bergembira mendengar Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, ketika merasmikan pembukaan mesyuarat perwakilan-perwakilan UMNO Bahagian Mantin baru-baru ini, mengisytiharkan bahawa rakyat hendaklah mempertahankan sistem demokrasi di negara ini supaya terus dapat menikmati kebebasan, keamanan, keharmonian dan kesejahteraan. Tiada rakyat yang akan menafikan kebenaran kenyataan bahawa "tanpa amalan demokrasi seorang pemimpin akan bersikap diktator dan menjadi sombong, dan akhirnya dia akan digulingkan". Keamanan melalui kebebasan tentu sekali diagung-agungkan oleh rakyat Malaysia kerana kita tidak ingin mengikut jejak

langkah negara-negara membangun lain-lainnya di mana amalan-amalan kurang demokratik lambat laun hampir-hampir memusnahkan masyarakat. Negara Malaysia tentu akan terselamat jika pemimpin politik dan juga rakyat biasa sentiasa ingat akan bahaya-bahaya kecuaiian dalam tugas kita menegakkan ideal-ideal demokrasi.

Tetapi hanya mengeluarkan kata-kata manis mengenai tujuan-tujuan demokrasi tidaklah mencukupi bagi mengelakkan unsur-unsur authoritarianisme, totalitarianisme atau fascisme. Ianya telah tidak menyelamatkan negara-negara baru dari keruntuhan politik, sosial, ekonomi atau moral. Demokrasi akan wujud bukan hanya dengan kepercayaan kuat tetapi juga melalui rancangan-rancangan dan tindakan-tindakan positif untuk mempertahankan dan mengutarakan institusi, amalan dan cara hidup yang demokratik. Masyarakat kita masih lagi mengalami keburukan-keburukan merbahaya seperti politik perkauman, salahfaham etnik, eksploitasi ekonomi dan rasuah. Tentu sekali bukan idealisme romantik bagi pemerintah dan rakyat bergiat bagi menghapuskan rintangan-rintangan itu dalam usaha mendekati matlamat pilihan negara.

Aliran berasa yakin bahawa penganut-penganut demokrasi di Malaysia tidak akan membenarkan demokrasi dipertahan dan diperlindungi melalui cara-cara selain dari yang demokratik. Tentulah suatu kontradiksi jika diikrarkan sebaliknya. Walaupun terdapat ancaman-ancaman terhadap keutuhan sistem demokratik sendiri dari unsur-unsur yang tidak bertanggungjawab dan ingin memusnahkannya, namun jika langkah-langkah kurang demokratik digunakan bagi melawan ancaman ianya akan hanya merosakkan nilai-nilai yang ingin diselamatkan itu. Maka kebebasan demokratik tidak dapat dikorbankan, walaupun untuk sementara waktu. Tiada pula justifikasi bagi mengurangkan atau menggentungkan hak-hak asasi seperti kebebasan diri, kebebasan berucap dan mengeluarkan fikiran, perlindungan samarata di sisi undang-undang, dan pembicaraan bebas serta saksama. Hanya dengan mengukuhkan kebebasan-kebebasan demokratik dapat rakyat berjaya menewaskan kuasa-kuasa yang mengancam negara.

Aliran ingin mendesak rakyat Malaysia di semua peringkat sistem politik kita agar menilaikan matlamat-matlamat demokratik dengan lebih tekad dan keazaman. Marilah kita sambut panggilan untuk berjuang bagi demokrasi dengan memberi sumbangan-sumbangan positif demi menegakkan ideal-ideal suci keadilan, kebebasan dan perpaduan.

Mei 1980

Azmi Khalid
Ahli Jawatankuasa

KETAATAN POLITIK: SATU WARISAN DARI SIKAP FEUDAL

(Ringkasan Ucapan)

Di dalam masyarakat Melayu tradisional, ketaatan politik adalah berbentuk ketaatan tanpa soal terhadap raja. Berbagai episod dalam sejarah telah membuktikan perkara ini. British telah menggunakan sentimen ini dan kedudukan pemerintah yang tidak boleh dipersoalkan dalam masyarakat untuk kepentingan mereka. Tidak pernah terdapat satu bantahan secara berterus-terang ke atas konsep ketaatan yang tidak boleh dipersoalkan sungguhpun pada amalnya beberapa individu seperti Tun Hassan, Paduka Raja dan Hang Jebat di dalam situasi yang mencabar memilih untuk mencabar kekuasaan pemerintah. Ada masanya disebut bahawa Maharaja Lela, Dato Bahaman, Mat Kilau dan lain-lain menentang kuasa feudal. Ini tidak benar. Apa yang mereka lakukan ialah untuk mempertahankan tradisi kekuasaan feudal menentang pemerintahan penjajah.

Di dalam banyak masyarakat lain, hubungan antara pemerintah dan rakyat merosot dengan kebangkitan pergerakan nasionalis. Pergerakan-pergerakan seumpama ini yang dipimpin oleh kumpulan-kumpulan elit baru yang tidak ada saluran pada kuasa, telah menentang pemerintah-pemerintah tradisional yang selalunya ada kaitan dengan penjajah penjajah. Dalam hubungan ini mereka telah mendapat sokongan dari orang ramai yang juga menghadapi masalah-masalah terhadap pemerintahan penjajah. Di Malaysia, kelas el

Melayu yang bebas tidak ujud oleh kerana saluran di mana mereka boleh ujud seperti di lain-lain negeri — melalui pendidikan di dalam bahasa penjajah — adalah kebanyakannya satu keistimewaan untuk bukan Melayu. Ini adalah berpunca dari imigresen penjajahan dan dasar-dasar buruh. Di samping itu, masyarakat Melayu, sungguhpun diabaikan oleh pemerintahan penjajah, mereka tidak menjadi mangsa pemerasan penjajahan. Ini adalah satu daripada sebab-sebab mengapa elit-elit tradisional bergabung dengan istana dan melaluinya bekerjasama dengan British, dapat memimpin pergerakan ke arah kemerdekaan.

Pengaruh UMNO secara menyeluruh daripada 1946-1957 adalah satu bukti perkara ini.

Sebagai pewaris kepada pelindung pihak berkuasa feudal, kewujudan UMNO di kalangan masyarakat Melayu telah dimudahkan oleh kedudukan etnik. Kemudahan berpolitik bagi penduduk mendatang yang lebih teguh dari segi ekonominya telah mengujudkan sedikit kegelisahan di kalangan masyarakat Melayu pribumi. Kegelisahan sebegini telah membolehkan kedua pihak iaitu pemerintah-pemerintah tradisional — sekarang ini 'symbolic elites' — dan kepimpinan UMNO — 'substantive elite' — (elit yang benar-benar berkuasa) untuk memainkan peranan sebagai pelindung bagi kaum. Walau bagaimanapun, secara realitinya, ideologi perlindungan telah menjaga kepentingan kumpulan elit lebih daripada masyarakat Melayu biasa. Ini adalah ketara dalam lapangan ekonomi, tetapi ianya benar juga di dalam lapangan politik di mana dasar-dasar awam tidak langsung mencerminkan aspirasi sebenar orang-orang Melayu yang miskin. Di samping itu, ideologi perlindungan mempunyai kesan negatif ke atas pertumbuhan nilai-nilai demokratik, ke atas pembangunan bersifat sosial yang perlu untuk proses modenisasi, dan ke atas perhubungan kaum. Ianya juga melanggar citaunggul Islam tentang insan dan hubungan antara pemimpin dan yang dipimpin.

Walaupun bagaimanapun, di samping segala kekuatannya ideologi ini telah dihakis oleh beberapa faktor. Antaranya

- a) kritikan ke atas elit-elit pemerintah oleh Munshi Abdulah dalam Abad ke 19 dan reformasi Islam dan sosialisme dalam awal abad ke 20,
- b) kewujudan kumpulan-kumpulan Melayu yang menentang UMNO sejak dari 1947
- c) pengenalan kepada politik pilihanraya
- d) pembentukan pembangkang Melayu yang kukuh melalui PAS
- e) penyebaran politik secara 'clique' di kalangan UMNO dan
- f) pandangan-pandangan yang terbuka di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO.

Tidak ada di antara faktor-faktor khusus tersebut membawa sebarang makna jika ia tidak dirasai bahawa kritikan ke atas elit-elit adalah sah. Malah ini dibenarkan dalam Islam. Peranan Islam dalam menghakikan perhubungan tidak siha antara pemimpin-pemimpin dan yang dipimpin, adalah dijangka lebih bertambah di masa akan datang. Ini telah dimanifestasikan di dalam kedudukan yang didukung oleh pengkritik-pengkritik muda dari elit-elit pemerintah daripada pertambahan kelas menengah Melayu. Kesulitan-kesulitan ekonomi yang bertambah dan kelemahan-kelemahan yang dihadapi di kalangan elit-elit pemerintah adalah juga dijangka melemahkan sentimen taat-tanpa-soal terhadap pemimpin. Walau bagaimanapun, kedudukan etnik dan kebimbangan yang dirasakan mengenainya mungkin akan melanjutkan lagi unsur-unsur feodal itu untuk berterusan.

Akhirnya, terdapat perbelahan yang mana ahli-ahli akademik tempatan dan luar negeri kadangkala mendapati bahawa fenomena yang dianalisa bukanlah satu lanjutan feodal tetapi semata-mata satu contoh tentang kawalan politik yang terdapat juga dalam situasi yang lain yang jauh berbeza. Manakala adalah benar ketaatan sebagai ganjaran ganjaran untuk perlindungan adalah berleluasa, tidak dapat kita menyangkal bahawa asas-asas sejarah dan kebudayaannya mungkin berubah dari tempat ke tempat. Untuk memahami ini, seseorang itu perlu mengkaji lain-lain fenomena sosial

Membunuh diri, misalnya, adalah universal. Tetapi punca-punca kebudayaan membunuh diri itu berbeza-beza. Kekok-
nya jiwa (anomie) sebagai punca pembunuhan diri adalah
dari daripada tamaddun barat. Sama juga, kapitalisme ujud
di berbagai tempat di dunia ini dalam jangkamasa berbeza
dalam sejarah. Tetapi kapitalisme barat yang dipengaruhi oleh
 semangat Protestant adalah unik pada masa tertentu dalam
 sejarah Eropah. Kadangkalanya pemerhati-pemerhati masya-
 rakat Bukan Barat dari kalangan sarjana-sarjana Barat dan
 pengikut-pengikut setempat mereka gagal untuk memahami
 bagaimana persekitaran kebudayaan membentuk sikap-sikap
 politik dan struktur-struktur sosial.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

September 1980

DEMOKRASI DIHUKUM MATI

(Kenyataan Akhbar)

Kecaman dunia terhadap hukuman yang telah dijatuh-
kan keatas warganegara Korea Selatan, Kim Dae Jung, oleh
 sebuah tribunal tentera mencerminkan reaksi masyarakat
 antarabangsa terhadap penindasan yang boleh dan telah
 dilakukan dalam sebuah negara yang dikatakan memegang
 kepada fahaman demokrasi. Seorang tokoh politik terkemuka
 dan 23 orang pembantah lain, termasuk seorang ugamawan,
 tokoh-tokoh sastera, profesor-profesor universiti, ahli-ahli
 pembangkang dan pelajar-pelajar, telah dithabit oleh
 pentadbir-tentera atas tuduhan hasutan, pakat jahat, kegiatan
 pro-komunis dan pemberontak serta melanggar dikri-dikri
 undang-undang tentera — dengan alasan bahawa "keujudan
 negara adalah amat perlu". Hukuman mati dan hukuman-
 hukuman penjara 5-20 tahun telah dijatuhkan walaupun
 terdapat dakwaan-dakwaan penyiksaan dijalankan bagi
 memaksa pengakuan, layanan buruk dikenakan semasa
 tahanan dan penyoalan serta pembelaan guaman yang tidak
 mencukupi.

Sungguhpun pembicaraan undang-undang dalam negeri

mungkin dianggap sebagai urusan dalam bagi sesebuah negara yang merdeka dan berdaulat, namun ketidakadilan yang dialami oleh rakyatnya sendiri atas nama keujudan negara tidak dapat dibiarkan oleh umat manusia di lain-lain tempat yang sayangi perikemanusiaan. Demokrasi sendiri mengutamakan hak rakyat untuk menyuarakan bantahan terhadap tendensi-tendensi kerajaan authoritarian dan hak individu kepada keadilan melalui pembicaraan saksama dan terbuka di Mahkamah Keadilan. Kerajaan demokratik akan kehilangan segala keyakinan jika langkah-langkah keras senantiasa diambil bagi menyapakan saluran-saluran demokratik untuk bersuara dengan bebas. Tanpa jaminan kebebasan individu, asas-asas demokrasi akan tentu runtuh. Jika kerajaan sering menuduh tindakan-tindakan bantahan sebagai hasutan, pakat jahat anti-nasional atau pemberontakan pro-komunis, maka prinsip demokrasi akan hanya dilemahkan.

Pembicaraan dan hukuman hasutan di Korea Selatan telah dikutuk oleh bangsa-bangsa dan negara-negara di dunia yang mengkhawatiri tindak-tanduk kerajaan terhadap rakyatnya sendiri atas nama demokrasi. Kerajaan dan rakyat Malaysia telah berikrar untuk menegakkan demokrasi dan menyanjungkan ideal kebebasan-kebebasan demokratik bagi individu. Kita tidak harus teragak-agak mengecam dengan tegas sebarang ketidakadilan dan penafian hak-hak sedemikian di Korea Selatan. Kita harus mendesak supaya bentuk-bentuk kerajaan yang berperlembagaan dipulihkan segera — sebarang kecenderungan terhadap authoritarianisme di mana-mana tempat, walaupun oleh sahabat dan negara-negara persahabatan, perlukan perhatian dari umat manusia yang sayangkan kebebasan.

Oktober 1980

Azmi Khalid
Ahli Jawatankuasa

MAKNA DEMOKRASI

(Ringkasan Ucapan)

Rukunegara menjamin untuk mendukung satu 'cara hidup yang demokratik' sebagai satu daripada matlamat-

matlamat kebangsaan kita. Satu cara hidup yang demokratik adalah lebih daripada mengadakan pilihanraya sekali-sekala. Dalam masyarakat yang komited terhadap satu cara hidup yang demokratik, nilai-nilai, sikap, ideal-ideal, amalan-amalan, struktur-struktur, perhubungan, institusi-institusi dan organisasi-organisasi hendaklah mencerminkan penglibatan demokrasi itu. Lebih khusus lagi, ianya bermakna bahawa perhubungan-perhubungan di kalangan keluarga dan komuniti hendaklah juga bercorak demokratik; bahawa sekolah-sekolah hendaklah sepatutnya menyerap nilai-nilai demokratik di kalangan murid-murid; bahawa birokrasi hendaklah mengamati norma-norma yang demokratik; bahawa firma-firma dan industri-industri seharusnya hendaklah diselenggarakan secara demokratik; bahawa parti-parti politik, kesatuan-kesatuan sekerja dan kumpulan-kumpulan sosial hendaklah diuruskan secara demokratik; bahawa kerajaan hendaklah mentadbirkan masyarakat secara demokratik; dan bahawa orangramai hendaklah menjalankan aktiviti-aktiviti harian mereka atas asas prinsip-prinsip demokratik.

Jika inilah apa yang difahamkan dengan satu cara hidup yang demokratik; ianya jelas bahawa kita adalah amat jauh dari padanya. Walau bagaimanapun, ianya adalah satu tugas setiap kita yang mengamati Rukunegara untuk menyumbangkan secara bersama ke arah idaman-idaman demokratik itu. Ini boleh kita lakukan jika kita bersedia untuk menanyakan dua soalan. Satu: mengapakah satu cara hidup yang demokratik itu sangat mustahak? Kedua: Apakah masalah yang paling rumit ke arah satu cara hidup yang demokratik? Setelah kita mengetahui jawapan-jawapan bagi kedua-dua soalan ini, kita akan dapat bekerja ke arah matlamat-matlamat kita bagi satu masyarakat yang demokratik.

Bagi seorang pekerja, satu cara hidup yang demokratik adalah runcing atas tiga sebab. Tanpa demokrasi — tanpa hak untuk bersuara dan mengkritik — pekerja-pekerja tidak akan boleh menuntut gaji dan keadaan bekerja yang lebih baik. Mereka terpaksa menerima apa yang ditawarkan kepada mereka. Tanpa demokrasi, tanpa hak untuk menyelenggara-

kan pekerja-pekerja tidak akan dapat menubuhkan kesatuan, kesatuan sekerja yang bebas yang boleh mewakili kepentingan-kepentingan mereka atas dasar kemahuan mereka sendiri. Tanpa demokrasi, hak untuk mengambil bahagian dalam hal-hal yang melibatkan kehidupan kita, pekerja-pekerja tidak akan berupaya, dengan cara-cara yang aman, untuk membentuk satu masyarakat, lebih menumpukan kepada keperluan-keperluan dan aspirasi-aspirasi mereka. Cara hidup yang demokratik sebenarnya penting sebab melindungi hak pekerja untuk mengkritik, haknya untuk menyelenggara dan haknya untuk mengambil bahagian dalam sesuatu perkara.

Kita telah kerap kali diberitahu bahawa buta-huruf yang amat sangat, kemiskinan, tidak ujudnya kelas-menengah dan sebagainya adalah satu halangan ke arah jalan cara hidup yang demokratik. Ini mungkin ada kebenarannya. Masyarakat mungkin menjadi terpelajar, serba ada dan mempunyai kelas-menengah yang kuat. Sungguhpun begitu ia mungkin tidak menikmati cukup demokrasi. Contoh yang baik ialah Singapura. Ini menunjukkan bahawa halangan yang paling runcing ke arah demokrasi adalah lain daripada itu. Ianya adalah ketiadaan satu psikologi demokratik di kalangan elit-elit yang dominan dalam masyarakat. Jika psikologi seumpama itu tidak wujud, demokrasi tidak akan dapat berakar-umbi disebabkan bahawa ianya adalah nilai-nilai dan sikap elit-elit yang berpengaruh yang boleh memberi pengaruh kepada masyarakat yang lain. Psikologi demokratik mempunyai ciri-ciri seperti berikut:-

- a) kesediaan untuk menerima kritikan-kritikan tentang dasar-dasar dan rancangan-rancangan seseorang.
- b) kesediaan untuk membenarkan berbagai pendapat untuk berkembang.
- c) kesediaan untuk menggunakan kaedah-kaedah secara aman untuk mempengaruhi bukan dari kekerasan.
- d) kesediaan untuk membincangkan dasar-dasar secara terbuka dan mendebatkannya secara terbuka, dan
- e) kesediaan untuk meminta pendapat individu-individu dan kumpulan-kumpulan di luar dari golongan kita

sendiri atas perkara-perkara yang melibatkan kepentingan orang ramai.

Bagi permulaannya, pekerja-pekerja hendaklah cuba memerhatikan sama ada pemimpin-pemimpin kesatuan pekerja mempunyai ciri-ciri tersebut. Mereka seterusnya hendaklah menguji terhadap pemimpin-pemimpin politik. Dengan berbuat demikian, mereka akan mendidik diri mereka tentang apakah makna demokrasi. Ianya satu cara yang paling baik untuk menanamkan benih-benih demokrasi dalam psikologi seseorang itu.

Disember 1980

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

PINDAAN-PINDAAN PERLEMBAGAAN 1981

(Kenyataan Akhbar)

Aliran berasa sangat bimbang dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Perlembagaan berhubung dengan perisytiharan Darurat.

Memberi kepada Yang Dipertuan Agong kuasa untuk mengeluarkan satu perisytiharan Darurat "sebelum berlaku kejadian itu" semata-mata kerana Baginda "puas hati bahawa wujud satu bahaya yang terang bagi berlakunya kejadian tersebut" (Perkara 150, Fasal 2) memberi kepada Kabinet (yang menasihati Yang Dipertuan Agong) budibicara mutlak yang tidak wujud di dalam mana-mana demokrasi berparlimen. Tidak ada pemerintah, walau bagaimana lurus sekalipun patut dilengkapi dengan kuasa-kuasa demikian kerana ia dengan mudahnya boleh membawa kepada penyelewengan politik. Selanjutnya, kuasa "untuk mengeluarkan perisytiharan-perisytiharan berlainan di atas sebab-sebab berlainan di dalam keadaan-keadaan berlainan", (Perkara 150, Fasal 2A) mana ada perisytiharan telah dikeluarkan atau tidak, membolehkan pemerintah menggubal ordinan-ordinan di dalam keadaan-keadaan bermacam-macam yang boleh, sebenarnya, ditujukan bagi mengekalkan kepentingan-kepentingan politik dan ekonominya. Pentafsiran tersebut diperkuatkan oleh

peruntukan-peruntukan lain di dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan yang membenarkan Yang Dipertuan Agong, di bawah sebuah perisytiharan Darurat, membuat ordinan-ordinan walaupun Dewan Rakyat atau Dewan Negara bersidang. (Perkara 150, Fasal 2B).

Berhubung dengan perkara ini, haruslah diingatkan kembali bahawa kedaulatan perundangan Parlimen tidak pernah diperendahkan dengan cara ini semasa Darurat Pertama yang berakhir pada 1960 atau semasa konfrontasi dari 1964-66. Malah, di Britain, sepanjang Perang Dunia II Parlimen tetap sebagai institusi perundangan tertinggi walaupun negara senantiasia diserang. Di Iran juga majlisnya mengekalkan peranannya sebagai sumber perundangan walaupun berlaku peperangan dengan Iraq.

Dengan demikian, tidak dapat difaham bagaimana pemerintah boleh pun memikirkan pindaan-pindaan yang begitu menggugat bila negara tidak menghadapi sesuatu bahaya luar atau pemberontakan dalam negeri yang serius. Apa yang lebih buruk, bukan saja badan perundangan yang mendapat layanan kasar ini; badan kehakiman juga telah dilangkah sekali lagi. Kerana Perkara 150, Fasal 8 (a) menyatakan bahawa kepuasan Yang Dipertuan Agong berhubung dengan perisytiharan Darurat "adalah muktamad dan tidak boleh dicabar atau dipersoalkan di dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan"; dan "tidak ada mahkamah mempunyai kuasa untuk melayani atau memutuskan sesuatu permohonan, soalan atau pembicaraan, di dalam apa bentuk pun, di atas apa alasan pun, mengenai sahnyanya sesuatu perisytiharan ..." (Perkara 150, Fasal 8 (b)). Ini bermakna mahkamah-mahkamah akan menjadi saksi-saksi yang tidak berdaya kepada penyelewengan-penyelewengan badan pentadbir pemerintah. Sistem kawalan dan pengimbang yang dijalinan ke dalam struktur perlembagaan kita akan runtuh sama sekali. Pentadbiran akan menikmati kebebasan dari kawalan yang tidak pernah diketahui oleh sebuah pemerintahan yang dipilih dalam sejarah demokrasi berparlimen.

Oleh kerana sebab-sebab ini kita mulai tertanya-tanya

Apakah kita layak dipanggil sebagai sebuah demokrasi berparlimen. Tidakkah kita sebuah otokrasi yang menggunakan Parlimen sebagai tirai untuk melindungi bangkai yang busuk?

1981

Jawatankuasa

TAHANAN-TAHANAN POLITIK DIBEBAHKAN

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan pembebasan 21 tahanan-tahanan politik (tapol) pagi ini. Orangramai akan menghargai tindakan kepimpinan baru ini.

Adalah diharapkan bahawa pembebasan tapol menandakan permulaan zaman baru di mana perbezaan pendapat dianggap sebagai unsur pemerintahan demokratik yang sah dan penting.

Untuk menentukan bahawa zaman baru ini adalah benar-benar bermakna, pemerintah harus mengkaji semula alasan menahan orang-orang tanpa perbicaraan yang telah menghalang tumbuhnya nilai-nilai demokratik dalam masyarakat kita.

1981

Jawatankuasa

PUNCA DAN AKIBAT MEROSOTNYA KEBEBASAN

(Karangan)

Sebelum kita mengkaji keadaan kebebasan di Malaysia Merdeka harus saya membuat beberapa ulasan umum tentang 'Kebudayaan politik' di negara ini yang dipengaruhi perkembangan-perkembangan sejarah dan sosial tertentu. Kebebasan dewasa ini harus difahami dalam konteks sejarah.

Sepertimana juga dengan beberapa negara yang lain, tradisi tradisional dan sejarah kolonial tidak membantu pembangunan demokrasi selepas Merdeka. Sebaliknya

nya, kedua-duanya, struktur dan nilai-nilai masyarakat tradisional dan masyarakat kolonial jelas bertentangan dengan kehendak-kehendak demokrasi.

Dalam masyarakat tradisional umpamanya, kuasa simbolik Sultan dan kuasa hakikat ketua-ketua jajahan tidak membenarkan penyertaan rakyat biasa dalam proses pemerintahan. Lebih penting, amalan taat membuta tuli kepada pemerintah dalam masyarakat tradisional — yang dibuktikan dalam beberapa peristiwa dalam sejarah — menjejaskan wujudnya sikap positif terhadap kebebasan di kalangan orang ramai.

Dalam zaman kolonial, British cuba memberi gambaran bahawa mereka merundingkan hal-ehwal rakyat dengan wakil-wakil tempatan melalui majlis-majlis yang dibentuk mereka sedangkan falsafah dan sifat kolonialismenya menafikan sama sekali penyertaan golongan yang dijajah dalam proses pemerintahan ibu pertiwi mereka sendiri. Lagi pula yang terlibat dalam 'musyawara' ini bukan pemimpin pemimpin tulen yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Adalah benar jika kita mengatakan bahawa British tidak pernah memperkenalkan nilai-nilai demokrasi walaupun mereka mengadakan pilihanraya umum dan majlis-majlis tempatan yang dipilih oleh rakyat. Mewujudkan institusi institusi demokrasi untuk menghalalkan proses peralihan kuasa yang dicorakkan oleh British demi kepentingannya sendiri tidak boleh disifatkan sebagai usaha menyemaikan nilai-nilai demokrasi. Dari satu segi, sistem kolonial di mana sekali pun tidak bisa melahirkan nilai-nilai demokrasi kerana sistem itu berdasarkan pada mitos bahawa penjajah sahajalah yang mampu memerintah. Orang tempatan yang 'belum matang itu' mesti diperintah 'untuk kebajikan'.

Selain daripada peranan negatif sistem tradisional dan sistem kolonial, perjuangan kemerdekaan juga mempengaruhi fahaman kita terhadap kebebasan. Oleh kerana perjuangan untuk Merdeka tidak disertai dengan satu tenaga intelektual yang dinamis yang cuba mengertikan kebebasan dengan lebih luas dan lebih mendalam, maka fahaman kita tentang kebebasan

pada 1957 boleh ditafsirkan sebagai cetek dan cangkak. pemimpin-pemimpin Merdeka, demokrasi tidak lebih pada pilihanraya, Parlimen dan pemisahan kuasa antara perundangan, badan perlaksanaan dan badan ketahanan.

Sepertimana dengan kelembapan perjuangan kemerdekaan, 'psikologi immigran' juga adalah salah satu daripada faktor yang menyekat pertumbuhan kebebasan. Ini memerlukan penjelasan. Walaupun kaum bukan Melayu sudah mula bermastautin dalam tahun-tahun tiga-puluhan, psikologi immigrannya masih berterusan dalam aspek-aspek tertentu. Sebagai contoh, bukan Melayu pada kesesannya lebih mengutamakan keselamatan (security) menaikkan pangkat (mobility) daripada hak asasi dan kebebasan sivil. Sikap yang sama didapati di kalangan penduduk-penduduk yang baru menetap – iaitu pemastautin yang tidak melebihi dua generasi – di tempat-tempat lain juga. Kerana wujudnya sikap ini kesanggupan dan kemauan mempertahankan kebebasan sebagai cita-cita yang tinggi belum lumrah di kalangan bukan Melayu.

Di kalangan masyarakat Melayu pula, sikap taat mematu tuli dari zaman tradisional masih menghalang perkembangan nilai-nilai demokratik. Ini adalah kerana golongan yang berpengaruh ingin mengekalkan amalan ini supaya kekuasaan mereka atas masyarakat Melayu terus terjamin.

'Psikologi immigran' pada satu pihak dan 'psikologi budai' pada pihak yang lain membantutkan pembangunan yang mencintai kebebasan. Lebih daripada itu, pendekatan perkauman dalam masyarakat berbilang kaum yang begitu rumit kedudukannya juga merintang demokrasi. Kebanyakan besar daripada rakyat kita enggan menyuarakan pendapat mereka atau membahaskan persoalan-persoalan yang penting kerana takut keamanan akan terancam dan ketidakharta berlaku. Perasaan takut ini adalah akibat daripada manipulasi politik yang berlarutan di mana setiap perkara – termasuk perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengan kaum – ditafsirkan mengikut garis-garis perkauman. Hubungan perkauman dengan kebebasan berbeza dari-

pada hubungan ancaman komunis dengan kebebasan. Keganasan komunis sejak 1948 mempengaruhi kebebasan dalam dua aspek. Pertamanya, rakyat sanggup menerima beberapa sekatan-sekatan terhadap kebebasan mereka berdasarkan kenyataan keganasan komunis. Keduaanya, pemerintah dapat menggunakan ancaman komunis sebagai alasan untuk menghadkan kebebasan. Cara Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dilaksanakan adalah contoh yang paling masyhur. Dalam kedua-dua keadaan ini nilai kebebasan termerosot.

Ternyata bahawa sejarah tradisional dan kolonial kita, sifat perjuangan kemerdekaan kita, psikologi imigran dan psikologi feodal kita, pendekatan perkauman dan adanya keganasan komunis telah memainkan peranan masing-masing dalam melumpuhkan perkembangan kebebasan di negara kita. Faktor-faktor yang dibincangkan tadi boleh dianggap sebagai faktor-faktor 'tetap' atau 'kekal' yang telah mempengaruhi proses demokrasi. Kemerossotan kebebasan tidak dapat kita kaji tanpa pengetahuan ini tentang 'alam sekitar' dan 'suasana' yang menentukan rupa dan bentuk demokrasi kita. Faktor-faktor inilah yang menjadikan kebudayaan politik kita pasif pada dasarnya – iaitu kebudayaan politik yang melahirkan kebebasan yang terbatas.

Berdasarkan faktor-faktor latarbelakang ini, saya akan membandingkan keadaan kebebasan antara 1957 dan 1969 dengan kedudukan kebebasan selepas 1969 sehingga berakhirnya kepimpinan Hussein Onn pada Julai 1981.

Salah satu daripada cara-cara menilai kesungguhan kepimpinan dalam mempertahankan sistem demokrasi adalah sikapnya dalam keadaan-keadaan krisis yang mencabarkannya amalan kebebasan. Antara 1957 dan 1969, Malaya (iaitu sebelum Malaysia ditubuhkan pada 1963) dalam keadaan dharurat bersabit dengan ancaman komunis. Beberapa kawasan-kawasan masih dalam perintah berkurung. Namun pilihanraya umum 1959 diadakan sepertimana ditetapkan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Rapat umum dan kempen-kempen dianjurkan tanpa sebarang sekatan. Calon-calon dari semua parti, termasuk parti-parti sosialis yang

bebeza pendiriannya daripada kerajaan dalam soal dharurat dan ancaman komunis, dibenarkan berhujah dengan bebas.

Pilihanraya 1964 pula diadakan waktu konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia. Sekali lagi peraturan-peraturan pilihanraya sama ada tempoh kempen atau pun hak mengadakan rapat umum tidak diubah. Parti-parti pembangkang yang terang-terang menentang konsep 'Malaysia' juga menyertai pilihanraya dan berkempen seperti parti-parti pro-'Malaysia' yang lain.

Pilihanraya 1959 dan 1964 menunjukkan bahawa Kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman tidak menyeleweng daripada lunas-lunas demokrasi walaupun suasana politik pada ketika itu adalah luarbiasa. Begitu juga dengan perbandingan Singapura daripada Malaysia pada 1965. Usaha Lee Kuan Yew dan Parti Tindakan Rakyat Singapura (PAP) menggembeling pendapat dan perasaan bukan Melayu di Malaysia Barat guna mencabar peraturan-peraturan antara kaum yang menjadi asas ideologi Kerajaan Perikatan telah menimbulkan kemarahan UMNO dan masyarakat Melayu. Tetapi pucuk pimpinan enggan bertindak balas dengan cara yang mungkin merosakkan amalan-amalan demokrasi.

Harus diakui bahawa jika dibandingkan dengan 'peristiwa Singapura' tindakan yang diambil oleh Kerajaan Pusat terhadap Stephen Kalong Ningkan, Ketua Menteri Sarawak pada 1966, jelas tidak menghormati prinsip-prinsip demokrasi. Menggulingkan seorang Ketua Menteri melalui peristiwa dharurat adalah tindakan yang menjejaskan kesucian sistem demokratik.

Sekiranya peristiwa Sarawak ini tidak dihitungkan, dapat kita menyimpulkan bahawa pendirian Kerajaan dalam krisis antara 1957 dan 1969 tidak mengecewakan dari segi kacamata kebebasan. Kesimpulan yang sama boleh dibuat tentang persoalan-persoalan masyarakat yang dibahas dalam dua-belas tahun itu. Biasanya, jenis persoalan-persoalan yang dibincang oleh rakyat mencerminkan keadaan kebebasan di sesuatu tempat. Umpamanya di negara-negara autoritarian hanya 'perkara-perkara pentadbiran' yang dibangkitkan oleh rakyat. Soal-soal asasi, soal-soal yang

berkaitan dengan konsep negara, konsep pembangunan, konsep manusia jarang diperdengarkan.

Antara 1957 dan 1969, soal-soal pokok tentang ideologi, ekonomi dan kebudayaan pernah dikemukakan oleh ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja sarjana-sarjana dan sebagainya. Perbahasan yang berlaku itu terbuka dan melibatkan semua kaum dan beberapa golongan. Walaupun Kerajaan lebih berpengaruh daripada golongan-golongan yang lain dalam pembentukan fikir orang ramai, parti-parti pembangkang dan kumpulan kumpulan sosial yang lain juga diberi peluang menyampaikan pandangan mereka. Justeru, Parti Islam SeMalaya (PAS) dengan ideologi kemelayuannya, Barisan Sosialis (SF) dengan ideologi sosialismanya dan Parti Progresif Rakyat (PPP), Parti Demokratik Bersatu (UDP), Parti Tindakan Rakyat (PAP) dan pengantinya Parti Tindakan Demokratik (DAP) dengan ideologi 'Malaysian Malaysia' mereka lantang memperjuangkan fahaman masing-masing.

Kebebasan wujud bukan sahaja dari segi fahaman fahaman yang berbeza, bahkan dalam cara kritikan-kritikan disampaikan. Dibandingkan dengan tahun-tahun tujuh puluhan, kritikan-kritikan yang dilemparkan pada Kerajaan dalam tahun-tahun enam puluhan boleh disifatkan sebagai lebih 'tajam' dan lebih 'pedas'. Laporan-laporan Parlimen dan akhbar-akhbar tempatan termasuk akhbar Melayu (misalnya Utusan Melayu pada awal enam puluhan) mengandungi bukti-buktinya. Dalam hubungan ini, harus kita ingat bahawa Utusan Melayu telah menyiarkan beberapa makalah-makalah tentang kedaulatan Bahasa Melayu yang sebenarnya tidak sebatikan dengan fikiran Kerajaan dewasa itu.

Adalah nyata bahawa pandangan-pandangan yang berbeza ini bukan monopoli parti-parti politik semata-mata. Kesatuan-kesatuan sekerja juga menyuarakan pandangannya tentang kontroversi-kontroversi politik; malah mereka mengadakan mogok untuk menyokong tuntutan-tuntutan tertentu. Mogok Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Keretapi pada 1962 adalah satu contoh yang terkenal. Walaupun bilangan pelajar-pelajar Universiti dan Kolej agak kecil pada masa itu

mereka tidak ketinggalan dalam penglibatan dalam kemasyarakatan. Selain daripada menyuarakan pendapat mereka atas isu-isu tempatan seperti ISA dan isu-isu kebangsaan seperti Rhodesia, Afrika Selatan dan Vietnam, pelajar-pelajar juga pernah mengelolakan demonstrasi dari ke semasa untuk merakamkan protes mereka. Salah satu daripada peristiwa yang masyhur dalam sejarah pergerakan pelajar-pelajar yang mengharumkan nama mereka ialah peristiwa 'Telok Gong' tahun 1964 di mana pelajar-pelajar bersama dengan petani-petani dan golongan-golongan lain telah memprotes kelaparan tanah di negara kita.

Apakah faktor-faktor yang bertanggungjawab atas unsur kebebasan ini antara 1957 dan 1969? Pertama-tama Kerajaan Malaysia pada 1957 telah mewarisi dan berjaya mengekalkan sistem pentadbiran yang cekap dan teratur yang membolehkannya mengendalikan kehendak-kehendak ekonomi, pelajaran, kesihatan dan perkhidmatan sosial dengan memuaskan. Oleh kerana Kerajaan dapat memenuhi kehendak daripada keperluan rakyat, kedudukan politiknya lebih stabil daripada beberapa negara-negara lain yang baru merdeka yang kucar-kacir pentadbirannya. Kestabilan politik inilah yang memberi keyakinan kepada parti pemerintah mengadakan pilihanraya pada 1959, 1964 dan 1969. Lebih penting, kerana kestabilan politik inilah, pemerintahan bersikap toleran pada pendapat-pendapat yang berbeza. Keadaan Malaysia dalam hal ini hampir-hampir sama dengan keadaan India dan Sri Lanka dalam desawarsa awal selepas Merdeka. Mereka ini juga telah mewarisi sistem pentadbiran yang terlatih dan teratur. Salah satu sebabnya mengapa Indonesia dan Pakistan — sebaliknya — tidak dapat mengekalkan sistem demokrasi berparlimen ialah kerana kelemahan pentadbiran mereka.

Tetapi faktor pentadbiran tidak semestinya menjadi kelebihan (advantage) selama-lamanya. Sekiranya sistem pentadbiran yang pada satu ketika dulu cekap tetapi kemudian gagal mengekalkan kecekapannya kerana kehendak-masyarakat telah bertambah rumit dan sulit, faktor pentadbiran tidak bisa membantu demokrasi. Ini telah pun berlaku di India dan Sri Lanka di mana demokrasi masih

kekal tetapi kerana faktor-faktor yang selainnya.

Faktor yang kedua berkaitan dengan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang pesat yang tercapai kerana kedudukan Malaysia sebagai pengeksport bahan-bahan mentah seperti getah dan bijih timah yang sangat-sangat diperlukan oleh negara-negara perindustrian membenarkan Kerajaan kita memenuhi kepentingan-kepentingan kumpulan-kumpulan tertentu. Kumpulan-kumpulan ini seperti pegawai-pegawai birokrasi, pegawai-pegawai tentera, guru-guru sekolah, ahli profesional, pengurus-pengurus syarikat swasta dan sebagainya terus memberikan kesetiaan mereka kepada Kerajaan dan sistem yang ada. Di setengah tempat-tempat yang lain, hilangnya sokongan daripada kumpulan-kumpulan elit adalah retak awal yang lambat-laun membawa kepada kehancuran sistem demokrasi. Apakah sebabnya? Di negara-negara yang sedang membangun politik berkisar di kalangan elit dan sekiranya sebahagian daripada elit mula menentang Kerajaan, pemimpin-pemimpin akan merasa bahawa kedudukan mereka tidak selamat. Sebagai reaksi kepada kebimbangan ini, ada pemimpin-pemimpin yang pernah menghapuskan segala saluran-saluran kebebasan agar penentang-penentang mereka tidak dapat bergerak lagi. Itulah sebabnya kita memuskan bahawa kemampuan Kerajaan Malaysia memenuhi hasrat dan harapan kumpulan-kumpulan elit terutamanya dari segi kebendaan telah memadamkan semangat penentangan. Oleh kerana tidak ada penentangan daripada kumpulan-kumpulan elit keseluruhannya — walaupun individu-individu yang menentang — Kerajaan sebelum 1969 tidak khuatir tentang kuasanya. Kerana tidak khuatir mereka melayani kritikan-kritikan.

Faktor ekonomi membantu wujudnya kebebasan di satu segi yang lain juga. Pertumbuhan ekonomi yang bersarkan penggantungan kita pada kemajuan Barat membolehkan Kerajaan memperbanyakkan rancangan-rancangan pembangunan seperti pembinaan sekolah dan hospital di bandar dan di bandar. Perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang menyeluruh daripada beberapa negara-negara dunia ketiga yang lain menambahkan sokongan rakyat terhadap Kerajaan.

Keyakinan ini juga meyakinkan kepimpinan bahawa perbalahan tidak akan menggugat kedudukan mereka.

Keyakinan Kerajaan terhadap persekitaran politik dipengaruhi oleh keyakinannya terhadap politik rumahtangga sendiri. Inilah faktor yang ketiga yang harus kita kaji. Pada keseluruhannya, UMNO antara 1957 & seterusnya adalah bebas daripada puak-puak dan khemah-khemah. Mereka membuktikan darjat perpaduan yang tinggi di bawah pimpinan Tunku. Hubungan UMNO dengan MCA (Malaysian Chinese Association) dan MIC (Malaysian Indian Congress), anggota-anggota gabungan Perikatan, tidak menimbulkan sebarang masalah. Sepertimana dengan UMNO, MCA dan MIC juga adalah parti-parti yang bersatu. Perpaduan dan persefahaman di kalangan Perikatan memastikan pemimpin-pemimpinnya tidak gelisah tentang perpecahan dan perpecahan dalam gabungan mereka. Keyakinan adalah salah satu daripada sebab-sebabnya mereka sanggup menerima teguran-teguran.

Untuk memahami bagaimana politik dalam parti yang memerintah dapat mempengaruhi keadaan kebebasan, haruslah memberi contoh-contoh daripada Indonesia dan Burma. Menurut sarjana-sarjana, antara faktor-faktor yang mengancam, dan akhirnya, menggagalkan amalan demokrasi berparlimen di Indonesia dan Burma ialah politik berpuak-puak berleluasa di kalangan parti-parti yang memegang teraju kepimpinan. Sekiranya ada puak-puak dalam sebuah parti yang memerintah, puak pemimpin utama mungkin menutup saluran perbincangan dan pembidasan supaya pembantahan dari dalam tidak dapat berpakat dengan pembangkang dan pengkritik-pengkritik di luar dengan tujuan memecah dasar-dasar pemimpin utama itu. Demi kepentingan kuasa, demokrasi dikorbankan. Atau pun pertikaian perbalahan yang hebat antara puak-puak yang sama kuat mendorong tentera yang politikal bercampur tangan. Akibatnya demokrasi berparlimen digantung atau pun dihapuskan sama sekali.

Selain daripada keyakinan yang dipengaruhi oleh kebebasan, kebebasan wujud mungkin kerana sifat-sifat

tertentu yang ada pada pemimpin-pemimpin utama pada masa itu. Tidak dapat disangkal bahawa Tunku yang menyanggah sistem pemerintahan British percaya pada parlimen dan pilihanraya. Lagi pun, sebelum Merdeka pada 1957, pilihanraya kotapraja 1952, pilihanraya kuasa-kuasa tempatan 1953 dan pilihanraya umum 1955 telah memberi kemenangan yang cemerlang kepada UMNO dan rakan-rakan sekutunya. Dengan lain perkataan, pilihanraya telah mengesahkan kekuasaan Perikatan. Mungkin kejayaan ini mempengaruhi pemimpin-pemimpin Merdeka menerima pilihanraya dan demokrasi sebagai institusi pemerintahan yang patut dianuti.

Tetapi sifat yang lebih kuat mempengaruhi sikap kepimpinan 1957 terhadap demokrasi daripada orientasi Britishnya ialah sifat mengenal pembatasan (restraint). Sifat ini bermakna bahawa dalam penggunaan kuasa seseorang itu tidak melampaui sempadan-sempadan tertentu. Dia sedar bahawa kuasa yang ada padanya sementara, bahawa kuasa tidak mutlak. Dia sedar bahawa dia tidak boleh menggunakan kuasanya dengan sewenang-wenang. Oleh kerana ada kesedaran ini, demokrasi — iaitu sistem yang berteraskan pada konsep pembatasan kuasa — wujud dan hidup.

Kesedaran ini jelas terbukti dalam cara pemimpin-pemimpin 1957 menghormati peraturan-peraturan mengenai pembubaran parlimen, tarikh pilihanraya, tempoh kempunan dan sebagainya. Pada hemat saya, kesedaran ini ada kaitannya dengan latarbelakang kepimpinan Merdeka, khususnya kepimpinan UMNO. Sebagai pemimpin-pemimpin dari istana atau pemimpin-pemimpin dari latarbelakang tradisional golongan ini menganggap kuasa dan kekuasaan sebagai perkara biasa. Ini adalah kerana kuasa bukan sesuatu yang tidak pernah dinikmati mereka — sungguh pun sebagai golongan tradisional mereka asyik dengan adat dan upacara kuasa. Tetapi jika dibandingkan dengan kelas menengah Indonesia dan Filipina yang mula muncul pada zaman kolonial, yang buat kali pertamanya bertemu dengan kuasa yang begitu luas dan harta yang begitu banyak, golongan tradisional di Malaysia lebih berjaya menahan hawa nafsunya.

Antara dua faktor yang berpaut dengan peribadi yang dibicarakan — orientasi British dan sifat mengenal pemerintahan — dan tiga faktor yang bersabit dengan keadaan — keadaan pentadbiran ekonomi dan politik — saya berpendapat bahawa faktor-faktor keadaan adalah jauh lebih penting. Diartimana diterangkan dulu, keadaan yang mantap dan inilah yang meyakinkan kepimpinan bahawa mereka mengamalkan demokrasi. Sikap dan sifat peribadi saya memperkukuhkan keyakinan mereka. Itulah sebabnya keadaan berubah, pemimpin-pemimpin tertentu daripada pilihanraya 1957 ini tidak teragak-agak menggantungkan demokrasi berparlimen pada 1969. Ketaralah bahawa nilai kebebasan tidak dihargai sebagai nilai mutlak; demokrasi tidak dihormati sebagai sistem yang ulung.

Sebelum membincang peristiwa 1969 itu, kita akan menghuraikan keadaan demokrasi antara 1969 dan 1981. Pilihanraya yang dianggap oleh pemimpin-pemimpin kita sebagai bukti yang konkrit tentang kecintaan mereka kepada demokrasi telah mengalami beberapa perubahan. Pilihanraya 1974 dan 1978 tempoh kempen telah diperpendekkan pada tiga minggu. Parti-parti politik tidak diizinkan mengadakan rapat umum. Hanya ceramah diizinkan. Larangan ini adalah satu kerugian besar kepada parti-parti pembangkang yang tidak dapat menyampaikan pandangan-pandangan mereka melalui radio dan television yang dimiliki Kerajaan atau akhbar-akhbar yang dikawal oleh Kerajaan. Pada masa yang lampau mereka mengharap pada rapat umum atau kempen yang panjang — iaitu tempoh lima minggu — untuk membongkarkan kelemahan Kerajaan dan menonjolkan kebolehan mereka.

Keadaan Parlimen juga telah berubah. Beberapa perubahan-pindaan yang dibuat tahun lalu pada peraturan-peraturan parlimen mengenai persembahan usul dan pembahasan telah mengurangkan lagi peluang bagi pembangkang untuk membicarakan dasar-dasar Kerajaan dan mengemukakan pandangan-pandangannya. Jika ditinjau dari satu sudut yang lain, perubahan ini melemahkan badan perundangan dan memperkuat lagi badan pelaksanaan — iaitu Kerajaan.

Proses ini lebih ternampak dalam undang-undang tertentu yang digubalkan sejak 1978. Pindaan-pindaan yang memberi kuasa kepada Kabinet untuk meluluskan undang-undang dalam keadaan darurat di mana darurat 1969 kononnya belum tamat adalah satu daripada contohnya. Contoh yang lebih penting ialah pindaan pada perlembagaan yang dilakukan pada 1981 di mana yang DiPertuan Agong yang menerima nasihat daripada Kabinet boleh mengisytiharkan darurat sungguhpun kejadian-kejadian yang memerlukan perisytiharan itu belum berlaku. Dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kabinet dalam tempoh darurat itu tidak boleh dicabar dalam mahkamah. Kuasa Kabinet yang luas dan menyeluruh, kuasa Kabinet yang mutlak dan berdaulat inilah yang memperkecilkan dan merendahkan kedudukan Parlimen sebagai badan yang harus mengawasi fungsi Kabinet.

Selain daripada itu, pindaan perlembagaan 1981 seperti mana dengan undang-undang yang lain yang mempunyai tujuan yang sama membawa kesan-kesan yang kurang sihat terhadap sistem kehakiman. Hak kehakiman mengulangkaji tindakan-tindakan Kerajaan agar prinsip-prinsip perlembagaan tidak terjejas telah hilang maknanya — kerana mahkamah tidak dapat menilaikan keputusan-keputusan Kerajaan dalam bidang-bidang tertentu.

Tetapi antara kehakiman dan Parlimen, Parlimenlah yang lebih tersekat dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Sekatan ini terdapat bukan sahaja dalam peraturan-peraturan bahkan juga dalam hak membahaskan persoalan-persoalan masyarakat. Sejak pindaan perlembagaan 1971 Parlimen dilarang membincang konsep kewarganegaraan, kedudukan istimewa kaum bumiputra dan kepentingan yang sah kaum-kaum yang lain, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa resmi, kedudukan bahasa-bahasa yang lain serta kedudukan Raja-Raja Melayu. Oleh kerana ini adalah isu-isu yang penting dalam konteks masyarakat berbilang kaum, dapat kita mengatakan bahawa larangan tersebut dengan otomatis telah mengurangkan kekuasaan Parlimen.

Dari satu sudut yang lain, pindaan perlembagaan 1971 itu boleh dipertahankan atas nama kepentingan rakyat.

Dalam masyarakat berbilang kaum, muafakat antara kaum dalam masalah-masalah perkauman sangat diperlukan. Jika tidak muafakat ini, pertikaian antara kaum dalam soal bahasa, kewarganegaraan dan sebagainya akan berterusan. Adalah kalau persefahaman ini dapat dicapai melalui perbincangan. Tetapi di mana perbincangan telah gagal, undang-undang direstui rakyat boleh digunakan sebagai asas muafakat.

Itulah sebabnya, wujudnya sekatan-sekatan yang dibintangi tadi dapat diterima umum sekiranya dalam jangka waktu kemudiannya persoalan-persoalan masyarakat terus dibicarakan dengan cara terbuka. Tetapi ini tidak berlaku. Malahan jarang membahaskan soal-soal asasi mengenai konsep pembangunan, falsafah negara, arah perkembangan politik, bentuk kebudayaan kebangsaan. Sebarang usaha untuk menyoal dan memeriksa falsafah Dasar Ekonomi Baru (DEB) umpamanya dianggap oleh Kerajaan sebagai satu ancaman yang kurang patriotik. Begitu juga, dengan usaha yang bertujuan mengkaji semula konsep keselamatan dan konsep perpaduan. Akibatnya, Parlimen dan rakyat tidak terlibat dalam proses pembentukan negara dengan ertikata yang sebenar yang selaras dengan sifat sebuah masyarakat demokratik. Ini adalah kerana pembentukan negara melalui proses demokratik mesti bermula dengan penyertaan orang-orang dalam usaha mengtakrifkan konsep-konsep asasi. Pembentukan negara di mana rakyat hanya dibertarikan untuk menandatangani pendapatnya dalam soal-soal pelaksanaan, di mana rakyat dilarang menyoal falsafah pembangunan ekonomi dan politik bukan pembentukan negara yang diinginkan oleh bangsa yang merdeka.

Akhbar-akhbar juga mencerminkan keadaan ini. Keanihian pendapat tidak wujud dalam ruangan akhbar. Sejak kebanyakan akhbar memilih jalan yang paling selamat dengan menolak sama sekali ulasan-ulasan kritikal terhadap dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan. Memang ada satu dua akhbar yang sanggup mengkritik. Tetapi itu adalah kerana pengarang-pengarangnya berpegang pada prinsip tertentu dan bukan kerana suasana masyarakat yang bebas pada kebebasan. Lagi pun, Kerajaan boleh membatalkan kebenaran terbitan pada bila-bila masa — satu senjata

yang ada pada pemerintah sejak dulu lagi sungguh perasaan khuatir lebih jelas terbukti kebelakangan ini.

Dibandingkan dengan akhbar, kumpulan-kumpulan sosial mengalami lebih banyak kesulitan dalam dua bertahun yang lalu. Kesatuan-kesatuan sekerja, misalnya, tidak boleh menceburkan diri dalam politik. Pemimpin-pemimpin buruh dilarang daripada memegang jawatan dalam parti politik. Dalam soal-soal buruh sekali pun, kesatuan-kesatuan sekerja menghadapi masalah-masalah tertentu. Mogok — penting pekerja — sukar dilancarkan. Menteri buruh dan pendaftar kesatuan sekerja mempunyai kuasa mutlak dalam hal-hwal buruh termasuk menentukan jenis-jenis pekerja yang boleh menyertai kesatuan dan jenis-jenis kesatuan yang boleh bergabung.

Antara faktor-faktor yang menyebabkan sikap kepada kesatuan sekerja ialah penyertaan beberapa tokoh buruh dalam parti pembangkang dalam pilihan raya 1969. Juga, dalam tahun 1979, sebuah Kesatuan berbilang kaum telah mengambil tindakan industrial cara haram dan enggan mematuhi arahan-arahan Kerajaan. Sikap mencabul ini tidak bisa diterima oleh pemimpin-pemimpin yang terbiasa dengan amalan taat membuta tuli.

Sepertimana dengan buruh, penyertaan beberapa peguam-peguam dalam politik pembangkang tidak disenai oleh Kerajaan. Itulah sebabnya peraturan-peraturan mengenai profesyen guaman telah dipinda dalam tahun 1976. Ahli-ahli Parlimen, dewan undangan dan pemegang-pemegang jawatan dalam parti-parti politik dilarang menduduki jawatankuasa Majlis Peguam di peringkat pusat dan negeri. Peguam-peguam yang kurang tujuh tahun perkhidmatannya juga tidak dibenarkan menduduki Majlis Peguam. Mungkin ini adalah reaksi terhadap sikap kritikal yang lebih ternampak di kalangan peguam-peguam muda.

Di kalangan ahli-ahli akademik pula, sikap kritikal terbatas pada beberapa kerat individu. Namun, Kerajaan bimbang bahawa pendapat-pendapat mereka yang diutarakan melalui seminar dan forum akan menguntungkan pembangkang. Itulah antara sebab-sebabnya, peraturan

akademik diadakan pada tahun 1979. Mengikut peraturan ini, ahli-ahli akademik dilarang memegang jawatan dalam parti politik atau bertanding dalam pilihan raya. Mereka juga dikehendaki menjauhkan diri dari pertelingkahan antara parti-parti politik.

Sekatan-sekatan yang dikenakan pada pelajar-pelajar universiti dan kolej jauh lebih dahsyat implikasinya. Melalui Akta Universiti dan Kolej Universiti 1975, pelajar-pelajar dilarang menyokong atau membantah pendirian atau pandangan sebarang parti politik atau organisasi yang lain. Lagi, pelajar-pelajar tidak dibenarkan memasuki parti politik atau pertubuhan-pertubuhan sukarela di kampus. Forum dan seminar anjuran pelajar-pelajar harus menunjukkan kebenaran daripada Naib-Canselor atau wakilnya terhadap setiap kegiatan persatuan-persatuan pelajar dikawal rapi oleh pihak berkuasa universiti. Sebagai contoh, mereka tidak boleh berdebat mengenai masalah-masalah pelajar sekali pun dan tidak dapat diedarkan dalam kampus tanpa kebenaran.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1975 berpunca dari rasa takut dan perasaan pelajar-pelajar dalam 'peristiwa' di hujung tahun 1974 dan demonstrasi-demonstrasi mahasiswa yang diadakan sepanjang 1974. Dalam demonstrasi-demonstrasi tersebut pelajar-pelajar cuba memberi sokongan kepada golongan yang miskin dan tertindas seperti yang berlaku dengan peristiwa Baling. Adakalanya, demonstrasi digunakan sebagai saluran untuk menyuarakan bantahan terhadap rasuah pemimpin-pemimpin tertentu. Kerajaan memandang serong tindakan-tindakan ini. Demonstrasi dianggap sebagai satu cabaran yang menentang kewibawaan dan keutuhan Kerajaan. Sudah pasti, bantahan yang tidak senang dengan kritikan tidak bisa diterima dengan demonstrasi!

ikap negatif terhadap kritikan adalah akar tindakan diambil Kerajaan dalam 'krisis persatuan' yang baru. Dalam empat atau lima tahun yang lalu, beberapa pertubuhan sukarela seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM), Persatuan Alam Malaysia (EPSM) dan Aliran Kesedaran

Negara (ALIRAN) antara yang lain telah muncul sebagai 'jurucakap masyarakat' yang dipercayai umum. Sebahagian daripada khalayak ramai berpendapat bahawa penilaian pertubuhan-pertubuhan ini tentang dasar-dasar dan prestasi Kerajaan dalam beberapa hal adalah tepat dan wajar. Sebagai tindakan balas, Kerajaan telah merangkakan pindaan-pindaan terhadap akta pertubuhan yang bertujuan menyelaraskan kegiatan-kegiatan mereka.

Pertubuhan-pertubuhan yang mengulas dasar-dasar Kerajaan dan pelaksanaannya akan ditentukan sebagai 'pertubuhan politik'. Penentuan ini bertentangan dengan hak warganegara bertindak cara berkumpulan menegakkan kebenaran sepertimana termaktub dalam perlembagaan. Ini adalah kerana hak berkumpul dan bertindak dalam soal-soal yang bersabit dengan Kerajaan dan masyarakat adalah hak yang automatik, hak biasa dalam demokrasi berparlimen yang tidak memerlukan syarat-syarat yang lain. Dengan mengenakan syarat bahawa sebuah badan yang ingin mengulas dasar-dasar Kerajaan harus ditentukan sebagai 'pertubuhan politik' konsep 'kebebasan berkumpul' telah dicemarkan. Lagi pula dalam sistem demokrasi istilah 'pertubuhan politik' lazimnya digunakan untuk mentakrifkan badan-badan yang terlibat secara langsung dalam pertandingan untuk mencapai kuasa. Pertubuhan-pertubuhan sukarela di negara kita, jika ditinjau dari segi matlamat dan kegiatan mereka, tidak terlibat dalam persaingan sedemikian.

Selain daripada itu, pindaan kepada Akta Pertubuhan 1981 menafikan peluang merayu kepada mahkamah sekiranya sebuah pertubuhan tidak puas hati dengan keputusan menteri yang berkenaan. Sekali lagi, martabat kehakiman diturunkan. Di samping itu, kuasa pendaftar pertubuhan di Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri ditambahtokokkan lagi. Pendaftar kini boleh mengarahkan sebuah pertubuhan meminda perlembagaannya dan dalam keadaan-keadaan tertentu, menyingkirkan pemegang-pemegang jawatan dalam sesuatu organisasi. Satu lagi pindaan yang melumpuhkan lagi pertubuhan-pertubuhan sukarela berkaitan dengan hubungan luar mereka. Hak pertubuhan dalam bidang ini disekat.

setiap badan yang ingin menjalinkan perhubungan dengan organisasi-organisasi asing bergantung pada budibicara. Ternyata bahwa pindaan akta pertubuhan politik kebebasan dan kemerdekaan pertubuhan-badan yang ingin berkecimpung dalam hal-hal luar negeri.

Berikannya kita mengkaji perkembangan-perkembangan yang dibicarakan, dapat kita mengesani dua faktor utama yang mencirikan kemerosotan kebebasan sejak 1969. Pertama, skop dan kesempatan bagi orang ramai menyertai demokrasi makin lama makin terbatas. Kedua, langkah yang diambil telah menambahkan kuasa badan dan mengurangkan kuasa cabang-cabang yang lain dalam sistem pemerintahan kita seperti parlimen dan kerajaan.

Tetapi ini tidak bererti bahawa kebebasan politik telah sama sekali. Kebebasan yang terbatas masih ada. Kerajaan sendiri tidak berniat menghapuskan kebebasan. Keadaan yang sedia ada di mana institusi-institusi demokrasi dikawal ketat menguntungkan Kerajaan: kuasanya terancam dan imejnya sebagai negara demokratik masih terjejas. Lagi pun, tidak dapat kita menafikan bahawa dalam pelaksanaan undang-undang yang ketat, Kerajaan, pada amarahnya, bersikap sederhana. Sifat mengenal pembatasan belum hilang. Ini juga menentukan bahawa kebebasan wujud.

Namun demikian harus kita menyelidiki faktor-faktor yang mengakibatkan kemerosotan kebebasan dalam dua belas tahun yang lalu. Keputusan pilihanraya 1969 adalah salah satu daripadanya. Walaupun berjaya mengekalkan majoriti Perikatan ditewaskan di beberapa kawasan bandar dan bandar. PAS menawan banyak kerusi negeri dan negeri di Kedah, Perlis dan Terengganu sambil memperkukuhkan kedudukannya di Kelantan. Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) menawan Pulau Pinang daripada UMNO, dan pembangkang bukan Melayu hampir-hampir menguasai Perak dan Selangor. Kejayaan-kejayaan pembangkang ini menakutkan Perikatan. Ada di antara pemimpin-

pemimpinnya yang berpendapat bahawa kemerosotan pengaruh Perikatan disebabkan oleh peluang berkempen dan peluang mengkritik yang leluasa yang diberikan kepada pembangkang. Kebebasan membangkitkan persoalan-persoalan yang mirip pada perkauman juga telah memperkuatkan pembangkang.

Rusuhan tiga-belas Mei yang berlaku selepas pilihanraya dan darurat dua-puluh satu bulan memberi kesempatan kepada pemimpin-pemimpin Perikatan menyusun semula struktur politik supaya pembangkang tidak dapat mengancam kedudukan mereka. Pindaan perlembagaan 1971 yang telah kita kaji adalah satu aspek daripada penyusunan semula struktur politik. Walaupun ada kebaikan dalam pindaan tersebut sepertimana diakui saya, namun kepentingan pihak yang memerintah juga tersirat dalamnya. Penyertaan parti pembangkang dalam Kerajaan melalui satu gabungan yang luas yang dinamakan Barisan Nasional adalah satu pendekatan yang lain yang ditujukan pada matlamat yang sama. Berdasarkan langkah-langkah ini dan langkah-langkah yang lain yang diambil sejak keputusan pilihanraya 1969, kita dapat menyimpulkan bahawa nilai-nilai demokrasi benar-benar berakarumbi dalam hati sanubari sebahagian besar daripada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Peristiwa-peristiwa selepas pilihanraya bertanggungjawab atas kemerosotan kebebasan dari satu segi yang lain juga. Buat kali pertamanya, puak-puak telah wujud dalam UMNO. Keputusan pilihanraya 1969 meyakinkan pengkritik-pengkritik Tunku dalam UMNO bahawa beliau harus mengundur diri. Puak anti-Tunku lebih percaya pada Tun Abdul Razak yang dianggap sebagai pemimpin yang dapat memberi perlindungan yang berkesan pada kepentingan Melayu terutamanya dalam bidang ekonomi dan pelajaran.

Sungguh pun Tun Razak telah menggantikan Tun Abdul Razak sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri, politik berpuak berterusan sepanjang pentadbiran beliau. Penyokong-penyokongnya yang berpadu pada satu masa dulu berpecah pada puak-puak yang bertentangan sesama sendiri. Salah satu daripada sebabnya berlaku politik berpuak adalah sikap

Tun Razak sendiri yang memihak pada puak tertentu. Selepas Hussein Onn mengambil alih pucuk pimpinan, politik puak mula mereda. Walau bagaimanapun kesan-kesan puak pada zaman sebelumnya terus wujud dan menjelma dalam puak-puak dan individu-individu baru.

Apakah hubungannya politik berpuak ini dengan perosotan kebebasan? Sepertimana dijelaskan dalam bahawala awal kertaskerja ini, kegelisahan yang timbul daripada puak berpuak mungkin mendorong seorang pemimpin politik keras terhadap kritikan-kritikan. Sebenarnya, kebimbangan daripada akta-akta dan undang-undang yang dibincang — seperti akta Universiti, akta pertubuhan undang-undang buruh — tidak ditujukan pada penentang-penentang luar semata-mata. Seteru-seteru politik dari dalam penyokong-penyokong mereka juga menjadi sasaran.

Politik berpuak bersangkutan dengan satu faktor yang memerlukan penjelasan latarbelakang. Puak yang berpuak — Tunku dan pro-Tun Razak — yang disebutkan sebentar ini — harus difahami dari dua sudut. Dari satu segi, tuduhan bahawa dasar-dasar kemelayuan tidak begitu berkesan dan berasas. Cita-cita mereka ingin menolong kaum Melayu bukan omong kosong. Tetapi, dari satu segi yang lain, 'kepentingan golongan' atau 'kepentingan kelas' sendiri juga menyumbun dalam perjuangan mereka. Cita-cita politik mereka, umpamanya, untuk menduduki jawatan-jawatan tinggi mustahil dicapai selagi elit Tunku masih kekal. Mereka juga dengan hasrat mereka mengujudkan golongan profesional, perindustrian dan perniagaan di kalangan kaum Melayu, khususnya di peringkat modal dan pengurusan, yang ditentang dan terhalang oleh pendekatan Tunku yang lebih berpusat pada pelanjutan peranan ekonomi kaum Cina. Sudah nyata bahawa pendekatan golongan baru lebih menguntungkan mereka sendiri daripada massa Melayu yang memerlukan perubahan-perubahan struktur yang menyeluruh. Jika dipandang dari satu aspek, matlamat yang kedua — Dasar Ekonomi Baru (DEB) — mengujudkan golongan perindustrian dan perniagaan dalam kaum Melayu — berkecanggihan sejajar dengan harapan golongan ini.

Selepas golongan ini mengekalkan kuasanya di bawah pimpinan Tun Razak, mereka sedar bahawa kebebasan yang tulen di mana kritikan-kritikan diarahkan pada konsensus pembangunan akan menjejaskan kepentingan mereka. Itulah sebabnya mereka sering mengeji pengkritik-pengkritik DE. Itulah sebabnya juga sebarang usaha untuk menyoal dan mencabar dasar-dasar tertentu dianggap sebagai perbuatan 'anti-nasional'. Akibat daripada reaksi ini, lahirlah akta universiti, akta pertubuhan, dan akta-akta yang lain. Dengan perkataan lain, sekatan-sekatan sejak 1969 boleh disifatkan sebagai langkah-langkah yang bertujuan mempertahankan kepentingan golongan ini dari kelas menengah.

Kepentingannya terbukti dalam satu unsur yang lain dalam ideologinya — yang juga salah satu daripada punca merosotnya kebebasan. Yang dimaksudkan saya ialah unsur perkauman. Untuk mengesahkan perjuangan kepentingan golongannya soal kaum diheboh-hebohkan. Kepentingan golongan disamakan dengan kepentingan kaum. Dasar dan rancangan yang lebih banyak manfaatnya kepada golongan tertentu dihidangkan atas nama 'survival' kaum Melayu. Perbezaan-perbezaan dalam kaum — malah kepentingan kepentingan kelas yang jelas bertentangan — jarang dikemukakan seolah-olah kehendak dan keperluan ekonomi dan politik setiap lapisan masyarakat adalah sama dan serupa. Dalam suasana sedemikian cogankata yang menjadi asas fahaman golongan ini ialah perpaduan kaum Melayu.

Pendekatan berdasarkan kaum terhadap soal-soal ekonomi dan politik ini telah mempengaruhi Kaum Cina dan India. MCA dan MIC juga menafikan perbezaan-perbezaan ekonomi yang tetap wujud di kalangan kaum masing-masing. Mereka juga cuba mengerahkan kaum masing-masing untuk mempertahankan kepentingan ekonomi mereka melalui kegiatan-kegiatan yang berunsurkan kaum. Sekali lagi kepentingan golongan yang berpengaruh — dan bukan massa — yang dimajukan melalui usaha-usaha perkauman ini. Sepertimana dengan golongan yang berkuasa dalam masyarakat Melayu, mereka juga melaungkan 'perpaduan kaum'.

Memang benar, politik perkauman telah wujud tempo

Tetapi sebelum 1969, tiada golongan dari kelas menengah yang bergantung pada pendekatan perkauman untuk mencapai matlamat ekonominya. Ini adalah satu perkembangan baru. Oleh kerana penggantungan ini, mereka tidak mahu dan pendekatan perkauman itu dipersoalkan oleh mereka pun. Sesiapa yang mencabar konsep perkauman ini akan 'pengkhianat bangsa'. Dengan cara ini kritikan terhadap perkauman dianggap sebagai sesuatu yang merbahaya. Lama-kelamaan kritikan dan teguran keseluruhannya diterima lebih-lebih lagi kerana kebanyakan persoalan-masalah masyarakat di Malaysia dewasa ini tidak dapat dipecahkan daripada pertimbangan-pertimbangan kaum. Ini menunjukkan bahawa meningkatnya perkauman bermakna berkurangnya kebebasan.

Tetapi keadaan ini tidak menghentikan pengkritik-kritik daripada meneruskan tugas mereka. Sebenarnya, perkauman adalah satu daripada sebab-sebab yang memujuk golongan menyekat kebebasan. Selepas tiga atau empat tahun terlaksananya dasar-dasar ekonomi dan politik baru yang berkuasa akibat '13 Mei 1969', sebahagian daripada generasi muda kaum Melayu yang berjiwa Islam mula membidas konsep pembangunan pemerintahan. Pergerakan yang sama datang daripada kumpulan-kumpulan lain. Tindakan-tindakan Kerajaan terhadap kumpulan-kumpulan ini yang telah saya bahaskan dalam bahagian lain memerosotkan lagi kebebasan dalam masyarakat.

Tidak dapat disangkal orang bahawa sekatan-sekatan yang lebih hebat daripada sekatan-sekatan yang biasanya dikenakan pada golongan-golongan muda ditujukan pada kaum Islam yang kritikal. Ini mungkin disebabkan oleh dua faktor. Pertama, ideologi Islam mereka. Sejarah politik Malaysia telah membuktikan bahawa di kalangan kaum Melayu, Islam ialah saluran mobilisasi yang paling berkesan. Kedua, yang menentang terdiri daripada anggota-anggota kelas menengah Melayu — iaitu kelas yang memerintah, kelas yang mencipta DEB, kelas yang untung daripada DEB. Sudah pasti, penentangan daripada kelas ini tidak bisa

diterima Kerajaan kerana inilah kelas yang dijangka membuntukan kesetiaan yang tidak berbelah. Itulah sebabnya real daripada pemerintahan begitu hebat. Akibatnya, kebebasan terkorban.

Setakat ini, saya telah bincang punca-punca merosotnya kebebasan yang semuanya kena-mengena dengan pilihanraya 1969, peristiwa Mei 13 dan wujudnya golongan bar. Akan tetapi ada sebab-sebab yang lain yang tidak berkaitan dengan kejadian-kejadian tersebut. Dalam perbincangan tentang keadaan kebebasan antara 1957 dan 1969, saya pernah berhujah bahawa pertumbuhan ekonomi negara kini membantu proses demokrasi. Keadaan ekonomi dewasa ini telah mula berubah. Perbelanjaan awam dalam beberapa tahun yang lalu meningkat naik ke darjat yang tinggi. Di samping itu, inflasi makin serius. Kesan-kesan inflasi dirasakan sahaja di peringkat bawah bahkan juga di kalangan kelas menengah rendah. Kemerossotan harga bahan-bahan eksport seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan lain-lain kebelakangan ini juga menambah bebanan ekonomi negara. Perubahan-perubahan ekonomi ini mempengaruhi prestasi sistem demokrasi kita dari dua segi. Pertama, apabila ekonomi merosot, bantahan terhadap Kerajaan akan bertambah. Sebagai reaksi kepada bantahan ini, Kerajaan kita lazimnya, mengambil langkah-langkah yang keras yang menjejaskan amalan demokrasi. Inilah yang berlaku dalam peristiwa Baling yang berpunca daripada kemerossotan harga getah. Kedua, kumpulan-kumpulan yang kini puas dengan kedudukan ekonomi mereka dan sanggup memberi sokongan kepada Kerajaan akan terkecewa jika keadaan kewangan negara gagal memenuhi cita-cita mereka. Sekiranya mereka mula menentang Kerajaan — seperti yang berlaku di tempat-tempat yang lain — beberapa tindakan-tindakan untuk mengawal mereka pasti dilaksanakan. Akhirnya demokrasi akan hilang maknanya.

Kemerossotan ekonomi dan kesan-kesannya terhadap kebebasan tidak dapat difahami tanpa rujukan kepada ekonomi antarabangsa khususnya sistem kapitalis Barat. Sepertimana ditegaskan dalam bahagian awal kertas kerja ini, penggantungan kita pada sistem kapitalis Barat yang bertam-

jawab atas pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan langsung telah membolehkan kita mengamalkan demokrasi dalam tahun-tahun enam puluhan. Tetapi penggantung yang sama dalam dasawarsa-dasawarsa yang akan datang akan menyebabkan kehancuran kebebasan. Ini adalah sistem kapitalis Barat sedang menghadapi krisis yang tidak dapat diatasi. Kemelesetan ekonomi akan berterusan dalam sektor produksi dan perdagangan. Negara-negara yang bergantung pada Barat di Dunia Ketiga, yang pada satu ketika menikmati kemewahan kerana perkembangan sistem kapitalis yang dinamis dalam tiga-puluh tahun selepas perang dunia kedua, kini menanggung akibat-akibat daripada kemelesetan ekonomi Barat. Sudah pasti masalah-masalah inflasi, pengangguran, penindasan dan sebagainya yang timbul pada keadaan ini akan memaksa negara-negara ini mengekalkan institusi-institusi demokrasi agar menyelamatkan kebebasan dan kekuasaan mereka.

Cara ringkas kita dapat mengatakan bahawa keputusan Muktamar 1969, politik berpuak, golongan baru yang ingin mencapai matlamatnya tanpa kritikan, perkauman yang mengutamakan kepentingan ekonomi, keengganan menerima pandangan dari kumpulan Islam dari kelas menengah dan bawah ekonomi adalah antara punca-punca merosotnya demokrasi sejak 1969. Apakah akibat daripada keadaan ini?

Akibat-akibat tertentu telah pun dibicarakan sepanjang perjalanan ini. Dapat kita membahagikannya pada akibat-akibat negatif dan akibat positif. Akibat-akibat negatif pula dapat dibahagikan pada dua lingkungan: yang berkaitan dengan demokrasi khususnya dan yang bersangkutan dengan kebebasan umumnya.

Salah kerana kumpulan-kumpulan sosial yang harus berurusan diri dalam soal-soal masyarakat tidak dibenarkan menyertai proses demokratik satu keadaan akan wujud di mana rakyat tidak memahami inti dan erti kebebasan. Masyarakat yang sempurna adalah masyarakat di mana kebebasan sebagai nilai sejagat hidup subur dalam jiwa setiap orang. Tetapi jika penyertaan orang ramai tidak dapat dilaksanakan, idea dan amalan kebebasan akan lenyap sama

sekali. Akhirnya, rejim yang berkukubesi, yang zalim dan kejam dapat mengekalkan pemerintahannya. Saya yakin bahawa rakyat dan Kerajaan Malaysia tidak ingin melihat perkembangan sedemikian. Untuk mengelakkannya kita harus menyemaikan benih kebebasan dalam kebudayaan kita.

Bahayanya rejim yang memerintah dengan kekerasan bukan percakapan kosong semata-mata. Salah satu daripada petanda awal authoritarianisme di mana-mana pun ialah kuasa berlebihan dalam genggamannya eksekutif yang diragut daripada badan perundangan dan lembaga kehakiman. Berdasarkan perkembangan-perkembangan tempoh hari di Malaysia, harus kita berhati-hati dalam hal ini.

Begitu juga dengan kesan-kesan kemerosotan kebebasan terhadap masyarakat amnya. Sekiranya kita tidak dibenarkan membincang dan membahaskan soal-soal asasi dalam ekonomi, politik dan kebudayaan, sudah pasti masalah-masalah yang rumit itu tidak dapat diselesaikan demi kepentingan rakyat. Sepertimana telah saya tekankan, ini adalah kerana pembangunan adalah satu cabaran yang memerlukan fikiran dan tenaga setiap kelompok manusia dari seluruh pelusuk negara. Akibat daripada larangan terhadap perbincangan soal-soal asasi ialah 'negara berpentadbiran' (administrative state) yang bukan sahaja akan gagal mengatasi kepincangan rakyat, malahan akan menurunkan manusia daripada martabat insan yang berfikir kepada darjat binatang yang menurut.

Ternyata bahawa kedua-dua akibat merosotnya kebebasan — rejim berkukubesi dan negara berpentadbiran — adalah merbahaya bagi masyarakat kita. Tetapi rakyat kita telah sedar bahawa sekatan-sekatan dan larangan-larangan terhadap hak asasi mereka mesti ditentang. Dalam proses mempertahankan kebebasan, mereka telah lebih insentif tentang pentingnya kebebasan. Inilah satu-satunya akibat positif daripada kemerosotan kebebasan. Buktinya ialah tindakan pertubuhan-pertubuhan, peguam-peguam dan orangramai baru-baru ini dalam beberapa perkara yang bersabit dengan hak kebebasan mereka. Buktinya ialah

kesanggupan akhbar-akhbar tertentu memperjuangkan kebebasan. Inilah harapan masa depan masyarakat kita.

Apakah faktor yang mendorong anggota-anggota dalam masyarakat yang kebudayaan politiknya pasif bertindak demikian? Kerana, sepertimana dikatakan oleh seorang pemimpin teragung dari Timur yang diulangi beberapa kurun sebelumnya oleh seorang tokoh falsafah dari Barat: Berani-kan anda merantainya manusia sedangkan ia dilahirkan dalam keadaan bebas?

September 1981

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

AKTA AKTA: ANTARA KETAHANAN NEGARA DAN KEBEBASAN BERSUARA

(Ringkasan Ucapan)

Adalah tidak benar bahawa akta-akta atau undang-undang semata-mata dapat menjaga keselamatan negara. Malaya sendiri adalah buktinya. Kemantapannya adalah akibat daripada sistem ekonomi yang tidak mengabaikan golongan yang miskin serta membenarkan mobiliti sosial; sistem pentadbiran yang lebih cekap daripada kebanyakan negara-negara yang sedang membangun yang lain; sistem cukai yang belum menghapuskan perbezaan pendapat; dan kebudayaan yang menerima keanikaan dan kepemimpinan negara yang pada keseluruhannya bersikap sederhana.

Tinjauan negara-negara yang lain akan memperkuat apa ini. Sebagai contoh Eropah Barat berjaya mempertahankan sistemnya daripada ancaman subversif dan fizikal selepas Perang Dunia Kedua kerana rancangan-rancangan sosio-ekonominya dan kesanggupannya mengekalkan kebebasan. Sebaliknya rejim-rejim di Vietnam dan sebelum kejatuhannya pada 1975 dan 1979 masing-masing telah memperbanyakkan undang-undang yang ketat bagi menyelamatkan pemimpin-pemimpinnya. Pemimpin Indonesia, Haris Nasution, apabila ditanya sama ada

komunis menjadi musuh utama negara pernah menjawab bahawa bagi beliau, musuh utama ialah 'ketidakadilan'. Malah, kerana ketidakadilan komunis boleh berkuasa.

Ini tidak bermakna bahawa akta-akta dan undang-undang tidak perlu untuk menjamin keselamatan negara. Adakalanya, pemerintahan terpaksa menggunakan undang-undang untuk melindungi kepentingan majoriti daripada tindakan-tindakan kumpulan-kumpulan tertentu yang mungkin membahayakan dan mengancamkan keamanan negara itu. Sebagai contoh mereka yang menggunakan keganasan untuk mencapai kuasa di mana saluran-saluran perubahan yang aman masih wujud harus disekat kebebasannya. Begitu juga dengan mereka yang menghasut rakyat atas persoalan-persoalan perkauman dalam masyarakat berbilang kaum.

Tetapi pemerintahan yang mencintai kebebasan sebagai nilai mutlak akan menentukan bahawa langkah-langkahnya untuk melindungi kepentingan awam itu tidak mencekik hak bersuara masyarakat. Pemimpin-pemimpin yang memahami bahawa kebebasan itu adalah sebahagian daripada 'fitrah insaniyyah' akan memastikan bahawa undang-undang dan akta-akta mereka tidak menakuti orang ramai sehingga wujudnya "sikap bisu" yang akhirnya menurunkan manusia daripada martabat insan yang berfikir kepada darjat binatang yang menurut saja.

Itulah sebabnya pemimpin-pemimpin mesti berhati-hati dalam usaha mereka mempertahankan "kepentingan negara". Harus mereka mencontohi sikap yang wujud dalam zaman teragung Islam – sikap yang dibuktikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang membebaskan seorang yang dipenjarakan itu kerana kesnya tidak dibicarakan, sikap yang dipegang oleh Saiyyidina Ali ibn Talib yang enggan bertindak terhadap mereka yang berkomplot membunuhnya kerana mereka belum melakukan apa-apa.

Sekiranya sikap sedemikian wujud di kalangan pemimpin-pemimpin kita mereka akan menyemak undang-undang dan akta-akta yang sedia ada bertujuan mengikis aspek-aspek yang menyekat hak bersuara. Akta Keselamatan

Dalam Negeri (ISA) terutamanya akan menerima perhatian mereka. ISA harus dikaji semula agar prinsip-prinsip kebebasan tidak terjejas. Mereka yang dituduh mesti dibicarakan dalam mahkamah. Ini bermakna bahawa peraturan-peraturan mengenai bukti (rules of evidence) yang digunakan dalam pembicaraan biasa mesti dikuatkuasakan. Kes-kes mesti diperdengarkan oleh hakim-hakim biasa. Peguam berhak membela situduh. Keputusan mahkamah adalah muktamad. Dan rekod-rekod pembicaraan dapat diperiksa oleh orang ramai walaupun akhbar mungkin tidak dibenarkan membuat liputan demi keselamatan saksi-saksi tertentu.

Saya yakin perubahan-perubahan ini tidak akan menamakkan kegiatan-kegiatan komunis sama ada di peringkat fizikal ataupun di peringkat subversif. Saya yakin juga pemerintahan tidak akan menghadapi sebarang kesulitan dalam mengawal keselamatan negara asal sahaja kepincangan golongan yang tidak diberi keutamaan, rasuah dihapuskan, dan hak bersuara dihormati. Itulah pendekatan kepada ketahanan negara yang paling berkesan.

Adalah menjadi tanggungjawab kita semua menyedari bahaya nyata tentang pendekatan ini kepada ketahanan negara. Kalau tidak, satu keadaan akan wujud kelak di mana polis bertambah, askar bertambah, senjata bertambah dan undang-undang keselamatan bertambah — tetapi rakyat merasa kurang selamat.

Tetapi, dalam usaha memupuk kesedaran tentang konsep ketahanan baru yang berdasarkan prinsip kebebasan harus kita bersikap adil. Bersikap adil bererti kita cuba memahami masalah keselamatan dan kedudukan pemerintah seperti mana kita cuba memahami kepentingan rakyat dan konsep kebebasan. 'Bersikap adil' bererti bahawa kita tidak membenarkan emosi dan prejudis, dogma dan ideologi mempengaruhi penilaian kita terhadap sesuatu golongan yang mempunyai 'hak bersuara' khalayak ramai. Harus kita mengakui bahawa ada negara-negara kapitalis yang mencero-ah hak bersuara seperti mana ada negara-negara sosialis yang mencero-ah hak bersuara seperti mana ada negara-negara

Islam juga yang menceroboh hak bersuara. Pencerobohan harus ditentang walau apa pun sumbernya, walau apa pun bentuknya.

September 1981

Dr. Chandra Muzaffar
President

BAB 3

RASUAH DAN PERISYTIHARAN HARTABENDA

Dalam Pilihanraya Umum 1978, Aliran telah melancarkan satu kempen untuk menggesa semua calon Parlimen dan Dewan-dewan Negeri mengisytiharkan hartabenda mereka kepada orang ramai. Telah dijelaskan bahawa sifat yang tidak boleh digodakan dengan rasuah adalah satu ujian terhadap kejujuran, dan bahawa pengisytiharan hartabenda kepada orang ramai adalah satu cara untuk menghindarkan diri kita dari rasuah. Malangnya, hanya DAP dan beberapa calon lain sahaja yang menyokong kempen Aliran ini. Bahagian ini menganalisis beberapa kenyataan yang dikeluarkan oleh Aliran sepanjang kempen ini.

Sebagai satu langkah berjaga-jaga terhadap rasuah dalam perniagaan-perusahaan awam seperti Bank Rakyat, Aliran telah mencadangkan penubuhan satu jawatan Ombudsman dengan kuasa-kuasa penyiasatan yang penuh. Akhir sekali, terdapat satu ringkasan ucapan mengenai Rasuah dan cara untuk menentanginya.

RASUAH DI KALANGAN ORANG ATASAN

(Kenyataan Akhbar)

Biro Siasatan Negara (NBI) patut diberi tahniah kerana menangkap Keptan Udara yang telah bersara atas tuduhan menerima rasuah berhubung dengan pembelian kapal terbang dari Northrop. Walaupun penangkapan ini berlaku selepas beberapa ketika, adalah diharapkan ianya akan membawa kepada penyiasatan yang bersungguh-sungguh terhadap orang-orang ternama yang dituduh terlibat dalam kes yang sama. Tuduhan-tuduhan rasuah lain di kalangan orang-orang atasan patut diberi perhatian yang serius dan tindakan-tindakan sebegini sepatutnya patut diambil bila dan di mana perlu. Seperti dikehendaki toleransi terhadap rasuah dari pihak pemerintah

akan membawa kepada kehilangan kepercayaan kepada kerajaan.

September 1977

Siew Kam Po
Penolong Setiausaha

UCAPAN TAHUN BARU DARI PERDANA MENTERI: PEMBASMI RASUAH

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri atas ucapan tahun baru beliau. Sering terdapat pemimpin kita menekankan peri mustahaknya menghapuskan rasuah dan ketamakan harta. Di sini terletaknya keistimewaan ucapan Datuk Hussein. Walaubagaimanapun ia perlukan lebih dari perasaan (sikap) baik untuk mencapai matlamat yang beliau suarakan.

Aliran berharap kerajaan akan mengambil tindakan yang berkesan yang dapat menyakinkan rakyat bahawa rasuah dan kehalobaan sedang dilawan dengan penuh keikhlasan. Berkaitan dengan ini mungkin perlu lagi kita mengkaji semua setengah aspek ekonomi dan juga polisi-polisi dan undang-undang yang terdapat sekarang.

Bagi permulaan, Aliran mencadangkan bahawa semua ahli Parlimen, ahli undangan negeri mengisytiharkan harta benda mereka kepada orang ramai yang telah memilih dan akan terus memilih mereka melalui sistem demokrasi berparlimen yang kita sanjung tinggi.

Januari 1978

Jawatankuasa

SERUAN KEPADA CALON-CALON NEGERI KELANTAN

(Kenyataan akhbar)

Oleh kerana semua pihak yang terlibat dalam pilihan raya Negeri Kelantan telah memperkatakan peri mustahaknya

kejujuran, adalah baik bagi calon-calon ini mengisytiharkan hartabenda mereka kepada rakyat.

Pengisytiharaan hartabenda ini boleh dibuat dalam satu surat sumpah kepada Mahkamah Tinggi Kelantan. Salinan-salinan surat sumpah ini mestilah diletakkan di Dewan Undang Negeri, Pejabat-pejabat Daerah, majlis-majlis tempatan di pejabat penghulu dan penggawa. Orangramai harus diberi kesempatan untuk membaca surat-surat sumpah itu.

Aliran merasakan bahawa ini saja cara bagi rakyat meyakinkan bahawa calon-calon yang mereka pilih adalah benar-benar komited terhadap kejujuran dan ketulusan.

Ariffin Omar,
Setiausaha.

1978

PENGHALANGAN SURAT-SURAT ALIRAN

(Kenyataan Akhbar)

Pada Rabu, 14hb. Jun, 1978 8.30 pagi, Setiausaha ALIRAN, Persatuan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) mengirim hampir-hampir 300 sampul surat yang mengandungi bahan-bahan berikut:

- (a) sekeping risalah dalam dua bahasa (Melayu dan Inggeris) yang membincang beberapa perkara-perkara yang penting yang berkaitan dengan kempen ALIRAN menentang rasuah dan meminta tiap-tiap calon pilihanraya mengisytiharkan hartabenda kepada orangramai;
- (b) satu kenyataan akhbar yang menjelaskan persoalan-persoalan penting dalam kempen tersebut, termasuk kaedah mengisytiharkan hartabenda.

Setakat ini — iaitu selepas enam hari — tiada seorang yang telah menerima surat-surat tersebut. Surat-surat tersebut dialamatkan kepada tempat-tempat yang berhampiran dengan Pejabat Pos Besar Pulau Pinang pun belum diterima! Bakal penerima surat-surat ini adalah D.Y.M.M. Seri

Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung, D.Y.M.M. Raja Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Arif Hakim-Hakim Negara.

ALIRAN percaya bahawa pengirisan surat-surat tersebut telah ditahan oleh pihak yang berkuasa. Tujuannya ialah untuk menghalang pemimpin-pemimpin yang terkemuka dalam semua bidang termasuk politik, perniagaan, kebudayaan, keagamaan dan buruh daripada mengetahui dan memahami matlamat kempen pengisytiharaan harta benda. Tetapi tujuan ini gagal kerana akhbar-akhbar telah memuatkan rencana-rencana tentang kempen tersebut.

Menghalang penerimaan surat-surat yang mengandungi bahan-bahan yang sah dari sisi undang-undang adalah satu perbuatan yang membawa kesan-kesan yang merbahaya kepada negara. Pertama, semua agama dan kebudayaan di Malaysia menentang rasuah dan sesiapa yang menghalang orang lain daripada memerangi rasuah adalah berdosa dari segi agama. Kedua, Rukunegara sendiri menentang rasuah dengan cara tidak langsung dan rakyat biasa harus digalakkan mengamalkan Rukunegara dengan ertikata yang benar. Ketiga, Barisan Nasional sendiri telah menjadikan 'Kerajaan bersih' sebagai cogan kata pilihanrayanya. Apa salahnya jika satu persatuan yang ditubuhkan oleh rakyat merayu kepada Barisan Nasional membuktikan kejujurannya dengan memerlukan semua calon-calon pilihanraya mengisytiharkan hartabenda kepada rakyat jelata? Sekiranya BN menentang usaha yang suci ini, kita dapat mengatakan bahawa 'Kerajaan bersih' itu hanya satu cogan kata yang bertujuan mengabui mata rakyat jelata. Keempat, rakyat berhak menyuarakan pendapatnya atas soal-soal masyarakat. Dengan menghalang pengirisan surat-surat tersebut hak rakyat yang termaktub dalam perlembagaan telah diceroboh. Dengan perkataan lain kedaulatan perlembagaan sendiri telah diceroboh. Kelima, mengikut amalan demokrasi perseorangan berhak menerima pendapat-pendapat dan maklumat-maklumat daripada warganegara yang lain. Hak ini tidak dihormati kerana pendapat-pendapat mengenai rasuah tidak dibenarkan.

diampaiakan kepada anggota-anggota dalam masyarakat Malaysia, D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Agong sebagai pelin-
ang perlembagaan. Keenam dan akhir sekali, perkhidmatan
pos sepertimana dengan perkhidmatan-perkhidmatan awam
yang lain adalah hak rakyat. Perkhidmatan pos bukan hak
mana-mana parti atau pertubuhan. Kos perbelanjaan-
nya dibayar oleh rakyat melalui cukai-cukai yang dikutip
dari rakyat. Semua pihak dan golongan dalam masyarakat
Malaysia berhak menikmati kemudahan-kemudahan perkhid-
matan ini.

Berdasarkan enam hujjah-hujjah di atas, ALIRAN
menggesa pihak yang bertanggungjawab atas kejadian ini
menjelaskan keadaan yang sebenarnya dengan cara yang
jujur dan adil.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

SERUAN KEPADA BN MELAKA

(Kenyataan Akhbar)

Adalah difahamkan bahawa Barisan Nasional Melaka
meminta calon-calon menandatangani satu dokumen
di mana mereka berikrar tidak melibatkan diri dalam ke-
giatan rasuah dan sanggup mendedahkan rasuah di kalangan
pihak lain. Mungkin ini selaras dengan janji Barisan untuk
mengujudkan kerajaan bersih.

Bersabit dengan kempen pengisytiharan hartabenda
ini yang dianjurkannya, Aliran menghargai niat yang
mendukung dalam ikrar tersebut tetapi kami meragukan
kesanannya selain daripada bersifat cogankata kempen

Aliran menyeru Jawatankuasa Berhubungan Barisan
Nasional Melaka membuktikan secara positif kejujurannya
hal ini dengan memerlukan calon-calonnya mengisytih-
arkan hartabenda kepada umum. Tiada sebab menasabah
suatu pengisytiharan hartabenda serupa demikian

tidak dapat dilaksanakan sekiranya ikrar akan menghinda-
kan diri daripada rasuah itu telah diberi dengan semangat
kejujuran yang tulen.

25.6.1978

Gan Teik Ch
Ahli Jawatanku

SOKONGAN KEPADA PENGISYTIHARAN HARTABENDA

(Kenyataan Akhbar)

Pada 14hb. Jun, 1978 Aliran (Aliran Kesedaran Negara) telah melancarkan kempen meminta calon-calon pilihanraya mengisytiharkan hartabenda mereka kepada khalayak ramai sebagai aspek yang terpenting dalam kempen anti-rasuah yang bersempena dengan pilihanraya umum.

Aliran sangat menghargai usaha-usaha akhbar-akhbar tempatan tertentu yang menerbitkan berita tentang kempen ini. Penghargaan istimewa kepada WATAN dan Pengerusi Encik Khir Johari, yang telah membuktikan kejujurannya melalui keutamaan yang diberikan kepada kempen pengisytiharan hartabenda dan menentang rasuah ini. Sikap inilah yang akan membuka pintu kepada masyarakat bersih pada satu masa kelak.

Badan-badan kemasyarakatan di luar gelanggang politik juga telah memberi sokongan kepada kempen Aliran ini. Dalam hubungan ini, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Bahagian Pulau Pinangnya, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Pulau Pinang serta Persatuan Siswazah Selangor telah menunjukkan keikhlasan mereka melalui kenyataan kenyataan yang jelas dan tegas.

Dari segi parti-parti politik, hanya Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang mengambil pendirian yang tegas dengan penerimaannya terhadap pengisytiharan hartabenda sebagai prinsip politik yang mustahak. Tindakan ini harus disanjung tinggi oleh semua pihak. Parti-parti politik yang lain, ha

pembangkang mahupun dari kerajaan, belum mengumumkan kedudukan mereka atas soal ini walaupun ada di antara mereka yang menyatakan kesanggupan mereka mengisytiharkan hartabenda kepada pemimpin-pemimpin Aliran. Begitu dengan calon-calon tertentu yang merasakan perlunya mengadakan kempen sedemikian.

Selain daripada tokoh-tokoh politik, beberapa individu juga telah menghubungi Aliran untuk menyuarakan anjakan penuh mereka kepada kempen anti-rasuah ini. Anjakan mereka adalah satu galakan kepada perjuangan pertubuhan kecil yang ingin menegakkan kejujuran dan amalan biasa kerajaan dan masyarakat Malaysia.

Masyarakat Malaysia mesti memahami bahawa pengumuman hartabenda kepada pengundi-pengundi menganjurkan prinsip penting amalan demokrasi — iaitu hak rakyat memeriksa dan mengetahui latarbelakang kewangan orang-orang yang ingin mendapatkan sokongan mereka.

Ariffin Omar,
Setiausaha.

1978

SERUAN AKHIR KEPADA PENGISYTIHARAN HARTABENDA

(Kenyataan Akhbar)

Sejak kempen anjuran Aliran yang menggesa calon-calon negara mengisytiharkan hartabenda dilancarkan 17 hari yang lalu, hanya sebuah parti politik — iaitu Parti Tindakan Demokratik (DAP) — yang menyuarakan kesanggupannya untuk berbuat seruan Aliran.

Aliran kesal bahawa parti-parti pembangkang yang lain tidak menyatakan sokongan mereka kepada kempen ini dengan cara terbuka. Ini bermakna bahawa mereka belum membuktikan kejujuran mereka dalam soal membenteras rasuah yang sering diheboh-hebohkan mereka.

Sikap Barisan Nasional dalam soal ini juga sungguh

tidak dapat dilaksanakan sekiranya ikrar akan menghindarkan diri daripada rasuah itu telah diberi dengan semangat kejujuran yang tulen.

25.6.1978

Gan Teik Chuan
Ahli Jawatankuasa

SOKONGAN KEPADA PENGISYTIHARAN HARTABENDA

(Kenyataan Akhbar)

Pada 14hb. Jun, 1978 Aliran (Aliran Kesedaran Negara) telah melancarkan kempen meminta calon-calon pilihanraya mengisytiharkan hartabenda mereka kepada khalayak ramai sebagai aspek yang terpenting dalam kempen anti-rasuahny bersempena dengan pilihanraya umum.

Aliran sangat menghargai usaha-usaha akhbar-akhbar tempatan tertentu yang menerbitkan berita tentang kempen ini. Penghargaan istimewa kepada WATAN dan Pengerusinya Encik Khir Johari, yang telah membuktikan kejujurannya melalui keutamaan yang diberikan kepada kempen pengisytiharan hartabenda dan menentang rasuah ini. Sikap inilah yang akan membuka pintu kepada masyarakat bersih pada satu masa kelak.

Badan-badan kemasyarakatan di luar gelanggang politik juga telah memberi sokongan kepada kempen Aliran ini. Dalam hubungan ini, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Bahagian Pulau Pinangnya, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Pulau Pinang serta Persatuan Siswazah Selangor telah menunjukkan keikhlasan mereka melalui kenyataan kenyataan yang jelas dan tegas.

Dari segi parti-parti politik, hanya Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang mengambil pendirian yang tegas dengan penerimaannya terhadap pengisytiharan hartabenda sebagai prinsip politik yang mustahak. Tindakan ini harus disanjung tinggi oleh semua pihak. Parti-parti politik yang lain, bagaimanapun,

pembangkang mahupun dari kerajaan, belum mengumumkan kedudukan mereka atas soal ini walaupun ada di antara mereka yang menyatakan kesanggupan mereka mengisytiharkan hartabenda kepada pemimpin-pemimpin Aliran. Begitu juga dengan calon-calon tertentu yang merasakan perlunya mengadakan kempen sedemikian.

Selain daripada tokoh-tokoh politik, beberapa individu juga telah menghubungi Aliran untuk menyuarakan sokongan penuh mereka kepada kempen anti-rasuah ini. Sokongan mereka adalah satu galakan kepada perjuangan parti pertubuhan kecil yang ingin menegakkan kejujuran dan amalan biasa kerajaan dan masyarakat Malaysia.

Masyarakat Malaysia mesti memahami bahawa pengisytiharan hartabenda kepada pengundi-pengundi menganalisis prinsip penting amalan demokrasi — iaitu hak rakyat untuk memeriksa dan mengetahui latarbelakang kewangan orang-orang yang ingin mendapatkan sokongan mereka.

Ariffin Omar,
Setiausaha.

1978

SERUAN AKHIR KEPADA PENGISYTIHARAN HARTABENDA

(Kenyataan Akhbar)

Sejak kempen anjuran Aliran yang menggesa calon-calon Parlimen mengisytiharkan hartabenda dilancarkan 17 hari yang lalu, hanya sebuah parti politik — iaitu Parti Tindakan Demokratik (DAP) — yang menyuarakan kesanggupannya untuk mengisytiharkan hartabenda kepada pengundi-pengundi. Aliran menyambut seruan Aliran.

Aliran kesal bahawa parti-parti pembangkang yang lain tidak menyuarakan sokongan mereka kepada kempen ini dengan cara terbuka. Ini bermakna bahawa mereka belum membuktikan kejujuran mereka dalam soal membentaras rasuah yang sering diheboh-hebohkan mereka.

Sikap Barisan Nasional dalam soal ini juga sungguh

menghampakan. Rakyat diberitahu bahawa tujuan Barisan Nasional ialah mewujudkan Kerajaan Bersih. Sebenarnya 'Kerajaan Bersih' dijadikan salah satu daripada cogankata utamanya dalam kempen pilihanraya ini. Akan tetapi dalam soal pengisytiharan hartabenda calon-calon pilihanraya yang begitu penting dari segi cita-cita mengadakan kerajaan bersih Barisan Nasional terus 'bersikap bisu'.

Sikap ini akhirnya akan merugikan Barisan sendiri kerana rakyat akan ragu-ragu atas kejujuran Barisan. Itulah sebabnya Aliran menggesa sekali lagi Barisan dan parti-parti lain menentukan pendirian mereka sebelum hari pengundian.

Tunku Zaitun Mahad
Ben@ahan

Julai 1978

KEMPEN ANTI-RASUAH

(Kenyataan akhbar)

Tidak lama lagi Pilihanraya akan diadakan. Dalam sistem demokrasi Berparlimen yang kita amalkan ini pilihanraya adalah satu peristiwa yang penting kerana rakyat akan memilih wakil-wakil ke Dewan Negeri dan Dewan Rakyat. Wakil-wakil ini kemudiannya akan mengatur undang-undang dan polisi polisi yang berdasarkan kuasa yang diamanahkan kepada mereka oleh rakyat. Oleh kerana undang-undang dan dasar-dasar (polisi-polisi) ini akan mempengaruhi kehidupan berjuta-juta rakyat Malaysia, maka adalah tanggungjawab yang luhur untuk menentukan bahawa wakil-wakil yang dipilih itu adalah mempunyai keutuhan yang tidak dapat dipersoalkan.

Ujian keutuhan yang terbesar adalah kemampuan mereka untuk menghindarkan diri daripada menerima rasuah. Kerana tanpa keutuhan, rasuah akan menjalar. Pemimpin dan ahli-ahli Dewan Negeri dan Dewan Rakyat yang curang akan lambat laun memecah amanah rakyat kerana kepentingan mereka adalah kebaikan diri mereka sendiri, bukan kebajikan rakyat. Harapan dan cita-cita rakyat untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik dan bahagia tidak akan

...na sekiranya individu-individu berkenaan memegang
Itulah sebabnya mengapa mereka yang menghargai
...an dan keadilan mesti menentang rasuah dengan
...dan tabah.

ALIRAN sedang menjalankan kempen umum menen-
...uah sempena Pilihanraya. Sebagai satu pergerakan
...si yang tidak menyebelahi mana-mana pihak dan
...terlibat dalam pertandingan pilihanraya, ALIRAN
...bahawa pengekalan sistem demokrasi kita bergantung
...kerelaan kita untuk membasmikan rasuah. Kempen
...ini bertujuan untuk memupuk kesedaran ini di kala
...akyat.

Sebagai langkah pertama, ALIRAN meminta agar semua
...calon pilihanraya, apa jua pendirian atau kecenderun-
...raka, mengisytiharkan hartabenda mereka kepada orang-
... Peraturan yang dicadangkan adalah senang sahaja.
...iap calon mestilah mengisytiharkan hartabenda dan
...piutangnya dalam borang sepertimana yang dicadang-
...ALIRAN dan menyerahkannya kepada Mahkamah
...di negerinya sekiranya beliau seorang calon negeri
...kepada Mahkamah Persekutuan sekiranya beliau calon
...men. Salinan-salinan kenyataan itu mestilah dikemuka-
...kan lewat dari seminggu kepada Parlimen, semua peja-
...Dewan Negeri, pejabat-pejabat daerah, pejabat-pejabat
...dan majlis bandaraya, pejabat-pejabat bandaran dan
...tempatan. Orangramai dibenarkan memperolehinya
...mudah dan percuma. Calon yang berjaya mestilah
...mak dan membetulkan kenyataan hartabenda dan
...piutangnya dari tahun ke tahun selagi beliau menjadi
...Parlimen dan/atau Ahli Dewan Negeri.

Selain daripada perkara pengisytiharaan hartabenda,
...AN juga akan menjual pelekat kereta dan motorsikal,
...dar risalah mengenai rasuah kepada umum, menulis
...tentang rasuah untuk siaran akhbar dan melekat
...poster untuk mendidik orang ramai menentang rasuah.
...berana sumber-sumber ALIRAN terhad kempen ini
...jalankan dengan sederhana sahaja.

ALIRAN berharap pertubuhan-pertubuhan sosial lain

yang tidak terlibat dalam pertandingan pilihanraya dan rakyat Malaysia amnya akan membantu menjayakan kemp ini. Mereka dapat membuat kenyataan-kenyataan kepada akhbar tentang mustahaknya pengisytiharaan hartabenda menulis rencana-rencana tentang rasuah, mengedarkan risalah kepada orang ramai dan sekurang-kurangnya menyakinkan keluarga mereka dan sahabat-sahabat mereka akan pentingnya mengadakan ahli-ahli Dewan Negeri dan Dewan Rakyat yang jujur dan ikhlas. Berkaitan dengan hal ini sokongan dari akhbar amat berguna. Usahanya untuk mengeja kebenaran yang selalu dianggap sebagai tujuan utamanya sepatutnya menjadi daya penarik bagi akhbar bergandibahu untuk memerangi rasuah.

Akhir sekali, calon-calon sendiri sepatutnya menyambungkan seruan yang ditujukan kepada mereka ini dengan mengisytiharkan hartabenda mereka kepada orang ramai kerana orang ramai inilah yang mereka ingini. Sudah tentu adalah hak pengundi untuk menentukan bahawa calon yang dipilih untuk mewakilinya tidak akan memecah amanah. Cuma mereka yang bersedia menegakkan hak asasi pengundi berhak dipilih oleh umum.

Di Malaysia, semua parti-parti politik pernah mengutuk rasuah. Kesemuanya sedar bahawa ianya adalah satu penyakit sosial yang serius. Seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam perutusan Tahun Barunya untuk 1978, "Segala rup bentuk rasuah, walau bagaimana kecil sekalipun, mesti dilaporkan segera kerana ia merupakan penyakit masyarakat. Jika penyakit ini tidak dicegah ia akan hanya membawa kerosakan dan kebinasaan. Di samping itu nama baik kerajaan dan negara juga terjejas. Sebagai pucuk pimpinan kerajaan saya tidak akan samasekali melindungi dan memaafkan siapa jua yang melakukan kesalahan-kesalahan tersebut. Biarlah mahkamah menentukan kesalahannya dan undang-undang mengenakan hukumannya".

Keazaman Perdana Menteri untuk menghapuskan rasuah adalah dialu-alukan. Memang individu-individu yang penting telah didapati salah kerana rasuah. Akan tetapi orang ramai tidak akan yakin bahawa rasuah sedang diserang

yang jujur selagi mereka percaya bahawa keadilan secara
diamalkan. Ini bermakna rasuah merupakan satu jena-
hanya apabila tokoh-tokoh politik tertentu terlibat.
Malah mencukupi menyatakan kepada orang ramai bahawa
itu benar. Ada satu jalan sahaja untuk meyakinkan
ramai iaitu dengan mendapatkan setiap bakal ahli
Negeri dan Dewan Rakyat, tanpa pengecualian, supaya
mengisytiharkan hartabenda kepada orang ramai. Jika ini
tidak, kemusykilan dan syak wasangka akan luput.

Itulah sebabnya mengapa kempen ALIRAN patut di-
adakan yang penuh oleh rakyat Malaysia yang jujur.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden,

1978

ALIRAN DAN HARTABENDA PEKERJA-PEKERJANYA

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan langkah Ketua Pengarah RIMV
baru untuk mengarahkan kakitangannya mengisytihar-
kan hartabenda mereka. Oleh kerana kakitangan RIMV juga
pegawai kerajaan, pendedahan ini patutlah dimajukan
ke BSN. Kakitangan ini dimastikan menunjuk dan mem-
berikan keterangan yang terbaru mengenai pengisytiharan
tiap tahun.

Sebagai satu tindakan segera dalam usaha menentukan
kebersihan dan baik imejnya, kakitangan yang pendapati-
kan cara hidup yang nampaknya mewah daripada yang
biasa, mestilah diminta memberi keterangan keadaan
kehidupan itu. Sekiranya tidak ada sebarang penerangan,
patutlah dijempot menyiasat.

1978

Jawatankuasa.

RASUAH – ANCAMAN KEPADA NEGARA

(Ringkasan Ucapan)

Rasuah jelas sekali merupakan salah satu masalah yang paling serius yang dihadapi oleh masyarakat Dunia Ketiga. Ia mungkin kurang meluas di Malaysia daripada di setengah-setengah negara lain. Ini sebahagiannya disebabkan kita dapat memberi upah dan gaji yang agak baik kepada mereka yang berada dalam kedudukan mudah melibatkan diri dalam kegiatan rasuah. Upah dan gaji yang baik pula dapat diadakan terutama sekali melalui hasil kita yang begitu tinggi sekali daripada barangan eksport. Amat sedikit negara-negara lain yang menikmati keadaan seperti ini.

Bairpun begitu, masalah rasuah harus diberi perhatian yang lebih besar daripada yang diterimanya sehingga ini. Ini perlu memandangkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat Malaysia.

Pertama sekali, inflasi serta kos hidup yang meningkat telah muncul sebagai cabaran kepada ekonomi dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini mungkin bermakna bahawa pada masa hadapan, struktur upah kita tidak dapat memenuhi kehendak kumpulan-kumpulan sosial yang berlainan.

Yang kedua, ada bukti yang cukup untuk menunjukkan bahawa dalam satu atau dua dekad lagi, sebahagian daripada sumber-sumber semulajadi kita seperti timah dan balak yang mendatangkan banyak keuntungan akan kehabisan. Bila berlaku, gaji kita tidak akan naik lagi.

Yang ketiga, pembangunan ekonomi kita malangnya memandu kita ke arah satu masyarakat bersikap kebendaan di mana pengeluaran disesuaikan supaya memenuhi kehendak golongan atasan dan pertengahan yang mahu keanikan dan kemewahan.

Dalam keadaan seperti ini, keinginan seseorang untuk melibatkan diri dalam kegiatan rasuah agar dapat menikmati sesuatu cara hidup yang tertentu sudah pasti besar.

Akhir sekali, penglibatan negara secara lebih luas dalam pembangunan sosio-ekonomi, iaitu satu perkara yang sangat

dalam beberapa tahun yang berakhir, telah menyebabkan pegawai-pegawai awam berada dalam keadaan di mana tidak ada peluang untuk mengamalkan rasuah turut berbilang luas. Ini berlaku terutama sekali memandangkan projek yang besar biasanya melibatkan sesuatu benang-bungan kewangan di antara mereka dengan pengusaha-pemaha dan kontraktor-kontraktor swasta.

Memandangkan kepada alasan-alasan tersebut, maka perlu menganggap rasuah sebagai satu penyakit yang mengancam kesejahteraan negara. Pengalaman negara-negara lain di mana kegiatan rasuah telah sampai ke satu tahap yang tinggi harus membuat kita berwaspada terhadap bahaya ini. Rasuah mengubahkan rupa seluruh perhubungan sesebuah masyarakat. Apabila perkara-perkara perkhidmatan dan kemudahan yang menjadi hak orang dapat diperolehi hanya melalui rasuah, ini berakibat bahawa golongan miskin dan yang berkurangan terpinggir. Terdapat beberapa masyarakat di mana sebuah katil dalam sekolah rendah, sebuah katil dalam hospital, sebuah ambulans di masa kecemasan, bekalan air dan elektrik dan kemudahan tandas yang sesuai semuanya, disediakan hanya setelah orang-orang yang tertentu diberi rasuah terlebih dahulu. Masyarakat seumpama ini berbeda sedikit daripada masyarakat-masyarakat lain termasuk masyarakat kita, di mana kadang-kadang dikatakan lesen-lesen kereta dan teksi, rumah-rumah dalam skim kos rendah, tanah dalam skim penanaman semula, bekalan baja untuk petani dan sebagainya diberi setelah "bayaran yang dibuat".

Demikianlah terdapat berbagai bentuk rasuah. Mengambil contoh dan saudara-mara untuk bekerja dalam kedudukan sebagai jasa, kebolehan atau kriteria lain yang sepatutnya tidak kira, juga merupakan satu bentuk rasuah. Rasuah adalah yang boleh menyebabkan merosotnya kecekapan bagaimana juga perbuatan memberi rasuah kepada pegawai kastam supaya barangnya dibawa menyeberang tanpa pemeriksaan menyebabkan kehilangan hasil berjuta-juta ringgit kepada kerajaan yang berkenaan. Begitu juga, jikalau cukai

kepada kerajaan daripada para individu atau perniagaan persendirian dan syarikat-syarikat tidak dikutip dengan sempurna disebabkan pegawai-pegawai penguatkuasa menerima rasuah, orangramailah yang akhirnya menanggung penderitaan. Ini adalah kerana akan terdapat kekurangan wang untuk diperuntukkan kepada sekolah-sekolah, hospital-hospital serta rumah-rumah. Pengepian sesuatu kesalahan lalulintas serta ketidakanggupan untuk mengambil tindakan terhadap lori-lori yang membawa muatan berlebihan dan terhadap bas-bas yang tidak layak digunakan lagi semuanya kerana ada pegawai-pegawai yang menerima rasuah, membawa kesan yang serupa ke atas kebajikan orangramai.

Terdapat bentuk-bentuk rasuah yang kurang jelas kepada orangramai. Kenaikan harga barangan bukan selalunya disebabkan oleh keadaan pasaran sahaja. Kadang-kadang pengusaha atau pedagang dibenarkan menaikkan harga tepung atau roti kerana memberi rasuah kepada pihak berkuasa. Apa yang tidak disedari oleh si suri rumahtangga ialah bahawa dia secara tidak langsung membayar untuk tindakan rasuah yang dilakukan oleh orang di peringkat atas. Ada kalanya juga seorang pengusaha dapat memperolehi monopoli ke atas pasaran dan seterusnya menentukan harga-harga menurut perasaan dan kesukaannya kerana dia merupakan seorang penyumbang tetap kepada tabung parti pemerintah!

Kini ternyatalah bahawa kenaikan harga serta pengurangan dan pengekalan monopoli-monopoli tertentu, malah seluruh haluan pembangunan, tidak dapat difahami tanpa terlebih dahulu meneliti sifat rasuah. Untuk memperkukuhkan alasan ini, seseorang perlu melihat sektor luarbandar beberapa negara Dunia Ketiga. Keengganan pemimpin-pemimpin negara untuk mengadakan perubahan-perubahan dalam corak pemilikan tanah dan sistem pemasaran dan kredit dengan cara yang akan menguntungkan golongan miskin di kawasan luar bandar, iaitu mereka yang sebenarnya meletakkan pemimpin-pemimpin itu dalam kuasa, mungkin disebabkan pemimpin-pemimpin itu sendiri "terhutang" kepada orang-orang yang kaya dan kuat dalam ekonomi luar bandar. Pemimpin-pemimpin

ini yang sepatutnya menghapuskan kepentingan-kepentingan yang telah diberi kepada mereka sebaliknya menjadi adung pula kepada kepentingan-kepentingan yang menggalakan pertumbuhan satu masyarakat yang adil.

Begitu juga, kerajaan tidak akan dapat melancarkan atau menggalakan pembangunan luar bandar yang berkesan seperti membersihkan kawasan-kawasan kediaman orang-orang miskin, membina rumah-rumah murah serta menguntukkan tenaga-perniagaan kecil kepada para penganggur sekiranya golongan atas politik dan birokrat sanggup menerima lebih daripada para pengusaha dan perbadanan yang berdaya maju. Ini sememangnya berlaku di sebilangan masyarakat Dunia Ketiga.

Dengan itu, akibat-akibat rasuah amatlah buruk terutama bagi orang-orang miskin dan yang kurang berhak. Apa yang tidak menyenangkan lagi ialah bahawa rasuah kadangkala meninggalkan kesan yang kurang baik ke atas hubungan etnik dalam masyarakat-masyarakat berbilang etnik seperti masyarakat kita. Apabila harga sesuatu barang naik, mungkin ada orang dari satu keturunan yang menyalahkan orang atau pengusaha dari keturunan lain dan barangkali ada orang dari keturunan itu tanpa menyedari bahawa ada kemungkinan menteri atau birokrat dari keturunannya sendiri yang bertanggungjawab terhadap perkara tersebut. Itu juga, orang-orang dari satu keturunan mempunyai dorongan untuk menyalahkan pegawai awam dari keturunan lain kerana mengamalkan rasuah dan mungkin membuat kesimpulan bahawa semua orang dari keturunan itu terlibat dalam kegiatan rasuah tanpa mengetahui bahawa yang memberi rasuah itu mungkin merupakan seseorang kaya dari keturunannya sendiri. Keadaan seumpama ini mana hakikat yang sebenar mengenai sesuatu perkara tidak diberitahu kepada rakyat biasa, boleh membawa kepada penentangan dan ketegangan etnik.

Tidak begitu menghairankan bahawa pemimpin-pemimpin dalam kebanyakan masyarakat bercakap mengenai rasuah untuk menghapuskan rasuah. Akan tetapi ucapan itu memang sahaja, walau berapa kerap dan berkobar-kobar

pun, tidak akan berjaya menyelesaikan masalah rasuah. Malah orang-orang yang mengamalkan rasuah sendiri turut mengutuk rasuah. Seseorang juga tidak seharusnya merasa puas hati bahawa rasuah sedang diperangi apabila "ikan kecil" ditangkap dari masa ke semasa. Memang benar bahawa sekali sekala ada juga orang ternama dibicarakan dan dihukum kerana mengamalkan rasuah. Tindakan ini sah-sahaja tidak membuktikan apa-apa terutama sekali apabila kita melihat bahawa pada masa yang sama perlindungan diberikan kepada orang yang bekerja di bawahnya tetapi yang masih turut mengamalkan rasuah. Ini menunjukkan yang rasuah tidak dipandang sebagai sesuatu yang mendatangkan pendakwaan kepada rakyat. Apa yang dimaksudkan dengan ini ialah bahawa di setengah-setengah negara sesuatu tindakan terhadap rasuah mungkin bukanlah apa-apa selain daripada sekadar muslihat menjatuhkan seseorang lawan politik. "Keadilan terpilih" seperti ini ataupun melalui cara lain tidak seharusnya disalah anggap sebagai satu ikhtiar tulen menghapuskan rasuah.

Jadi apakah tanda yang menunjukkan satu usaha yang jujur melawan rasuah? Ianya ialah apabila pucuk pimpinan negara menunjukkan kemarahannya, pertama sekali terhadap mereka yang mengamalkan rasuah di kalangan pucuk pimpinan itu sendiri. Ada tiga cara bagaimana pucuk pimpinan dapat membuktikan bahawa ia sedia melakukan ini.

Satu, ia menjadikan badan yang bertanggungjawab untuk melawan rasuah bebas sepenuhnya daripada sebarang kuasa kabinet atau kerajaan. Dalam kata lain, ia akan menjadi bebas menjalankan penyiasatan yang lengkap dan adil tanpa takut atau memilih kasih. Ia akan mengutamakan hakikat, kebenaran dan keadilan. Sebagai satu badan, ia akan melaporkan terus kepada Parlimen dan ketuanya akan mempunyai pangkat dan kejaminan hak milik yang sama seperti seorang hakim. Pegawai-pegawai ternama yang lain juga tidak akan menghadapi campurtangan daripada pihak-pihak lain.

Dua, satu pucuk pimpinan yang jujur akan meminta dari tiap orang anggota Dewan Undangan Negeri serta anggota Parlimen yang dipilih oleh rakyat supaya mengisytiharkan

anda mereka kepada rakyat. Ini selaras dengan taraf sebagai pembuat undang-undang untuk rakyat. Rakyatlah merasa yakin bahawa wakil mereka yang dipilih adalah benar-benar jujur. Tanpa keyakinan dan kepercayaan ini di antara pemimpin dan yang dipimpin, kerajaan politik akhirnya akan jatuh.

Aliran, pucuk pimpinan akan meminta pihak Radio dan TV yang dimiliki kerajaan serta akhbar-akhbar dan majalah supaya mendidik orang ramai menentang Masjid-masjid, rumah-rumah berhala, gereja serta pertubuhan sosial juga akan dikerahkan bagi tujuan pelajaran sivik di sekolah haruslah membincangkan kepentingan menghapuskan rasuah.

Aliran, pergerakan reformasi yang saya terlibat bersama yakin bahawa sekiranya pucuk pimpinan negara tidak mengambil langkah-langkah tersebut, maka rakyat biasa mempunyai segala hak untuk merasa ragu terhadap keutamaan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin itu atas kejujuran dan keikhlasan. Ini penting terutama kerana pemimpin-pemimpin kita sedang mengatakan begitu banyak mengenai reformasi dan ketulusan mereka. Adakah mereka sanggup menyerahkan diri mereka untuk penelitian orang ramai? Dalam analisa terakhir, seseorang ditimbang atas perbuatannya dan bukan kata-katanya. Apakah pucuk pimpinan kita berani bertindak?

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

1978

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

Aliran

BANK RAKYAT — PERLUNYA DIADAKAN SATU OMBUDSMAN

(Kenyataan Akhbar)

Aliran berharap bahawa dengan terbitnya laporan Bank Rakyat, kerajaan tidak menganggap perkara ini tertutup. Kerajaan mesti mengambil semua langkah mengikut kuasa yang diperolehinya untuk mendapatkan balik pinjaman yang

diberikan sebilangan besar kepada individu-individu termah mereka yang berkenamaan. Menteri Pertanian mesti melaporkan kepada Dewan Rakyat setiap masa.

Hal Bank Rakyat telah menetapkan betapa penting perusahaan-perusahaan awam diuruskan dengan cekap dan ikhlas. Ada banyak badan-badan berkanun dan koperkoperasi ekonomi negeri yang tidak membentangkan laporan tahunan kepada Parlimen dan Dewan-dewan negeri. Namun bila laporan dibentangkan, tidak cukup masa diperuntukkan untuk perdebatan dan perbincangan. Akhbar-akhbar juga tidak memberi liputan berita yang cukup terhadap perdebatan. Prinsip pertanggungan awam tidak mempunyai makna jika orang ramai tidak dimaklumkan dengan jelas aktiviti-aktiviti badan-badan berkanun dan Koperasi-koperasi pembangunan.

Aliran berasa bahawa memandangkan perkara Bank Rakyat ini, adalah penting bagi kerajaan memberi pertambahan serius terhadap penubuhan jawatan Ombudsman. Ombudsman akan mempunyai kuasa mengarahkan pentaksiran terhadap cara-cara pengendalian perusahaan awam. Ianya akan dilantik oleh Parlimen dan akan bertanggungjawab hanya kepada Parlimen. Kerajaan semasa tidak boleh memecatkannya. Jawatannya akan diberikan kedudukan dan jaminan tempoh jawatan sama taraf dengan Hakim Mahkamah Tinggi atau Persekutuan. Dari segi pangkat beliau mesti diberi taraf seimbang dengan Ketua Hakim.

Laporan-laporan penyiasatan yang diselenggarakan oleh Ombudsman mestilah dapat diperolehi oleh orang ramai. Dengan cara ini orang ramai boleh dapat mengujudkan pengawasan ke atas perusahaan-perusahaan yang sepatutnya menggunakan wang rakyat untuk kepentingan rakyat.

Julai 1979

Jawatankuasa

GURU-GURU DAN HARTABENDA

(Kenyataan Akhbar)

Aliran menyambut baik langkah mendapatkan guru-guru

menyisytiharkan hartabenda mereka. Tetapi pertama sekali wakil yang dilantik oleh rakyat mesti mengisytiharkan harta mereka kepada rakyat. Ini telahpun dijalankan setengah-setengah negara dengan mengikuti cara yang betul. Satu buku daftar awam yang akan mencatatkan harta ahli-ahli Parlimen, Dewan Negeri termasuk menteri, timbalan menteri, menteri besar dan ahli-ahli mesti diadakan. Buku daftar ini mesti dapat diperolehi dengan mudah oleh orang ramai. Maklumat yang terkandung di dalamnya mestilah mutakhir bila-bila perlu.

Jika perlu bagi guru-guru menentukan amanah mereka, ia lebih penting bagi pemimpin-pemimpin untuk menentukan amanah mereka. Jika guru-guru dipaksa menyatakan hartabenda mereka kepada Kementerian Pelajaran, maka mereka, adalah lebih wajib bagi mereka yang berjanji mengisytiharkan hartabenda mereka kepada pihak yang diberi penguasaan kuasa ini.

Memang menjadi satu kesalahan moral mengharapkan kepada bawahan menentukan kejujuran jika seseorang itu tidak mampu menunjukkan tauladan. Jika kita mahu guru-guru menjadi tauladan baik kepada murid-murid sekolah, maka pemimpin-pemimpin kita mesti sanggup menunjukkan tauladan benar kepada rakyat. Ini adalah apa yang diajari kepada kita oleh dua orang yang mulia -- Kung Fu Tze dan Al-

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

SKANDAL PELABUHAN KUANTAN

(Kenyataan Akhbar)

Akhbar STAR patut dipuji atas laporan penyiasatan yang baik terhadap kegagalan pelabuhan Kuantan. Sebenarnya laporan-laporan seperti inilah yang membawa kepada perhatian ramai kos kesalahurusan yang dahsyat, perancangan yang buruk dan kemungkinan rasuah di mana orang ramai

yang menanggungnya.

Seperti kes lima buah kapal pengangkutan gas cecair yang menelan belanja sebanyak \$220 juta dari rakyat Malaysia dan hampir masakini terbiar, Aliran menyeru agar penyiasatan dijalankan oleh satu Suruhanjaya Penyiasatan bebas ke atas kegagalan sebanyak \$250 juta di Kuantan. Mereka yang bertanggungjawab mesti dihukum.

Mesti diingatkan bahawa wang yang dicurahkan ke laut boleh digunakan secara bijaksana melalui perancangan yang sempurna. Kita sering mendengar tentang tanggungjawab pemimpin-pemimpin terhadap kaum miskin dan kurang bernasib baik semasa pilihanraya yang lalu. Biarlah harap tanggungjawab ini akan dikendalikan dengan cara yang mendatangkan faedah kepada rakyat terutama sekali kepada mereka yang miskin dan kurang bernasib baik.

Ogos 1979

Ariffin Omar
Setiausaha

MELAWAN RASUAH

(Kenyataan Akhbar)

Ada dua jenis rasuah yang utama: memberi atau menerima rasuah (bribery) dan pilihkasih (nepotisme).

Rasuah berlaku bila satu pihak dapat mempengaruhi pihak yang lain, melalui wang atau cara-cara yang lain, untuk buat sesuatu yang tidak mungkin dalam keadaan biasa. Pilihkasih (Nepotisme) berkaitan dengan pemberian jawatan, penghormatan atau pangkat kepada seorang kawan atau saudara walaupun dia tidak layak mendapatnya.

Rasuah telah wujud sejak purbakala. Ia wujud di Timur dan Barat dan di dalam semua jenis sistem sosial. Rasuah dapat di mana-mana pun kerana syarat untuk wujud rasuah ada di semua masyarakat: iaitu seorang individu mempunyai kuasa yang lebih daripada individu yang lain dalam keadaan di mana sumber-sumber yang terhad harus dibahagikan.

negara yang ramai.

Di Malaysia, rasuah tidak begitu meluas dan tidak begitu jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Ia tidak begitu ketara kerana kekayaan negara dapat memarkannya. Ini bermakna bahawa walaupun pembazir-tahu rasuah tetap berlaku, kesan-kesannya kurang ter-ekiranya dibanding dengan negara-negara yang tidak kaya dengan kita.

Amun, rasuah terus wujud. Usaha-usaha menentang di kalangan golongan-golongan yang kaya dan ber-kurang memuaskan.

Untuk membenteraskan rasuah, harus kita mengambil langkah yang berikut:

- (a) Jadikan masyarakat kita kurang materialistik
- (b) Pupukkan nilai-nilai yang murni di kalangan rakyat agar mereka benci pada rasuah
- (c) Dirikan suruhanjaya anti-rasuah yang bebas
- (d) Wajibkan semua pemimpin-pemimpin politik meng-isytiharkan hartabenda mereka kepada khalayak ramai, dan
- (e) Ketatkan undang-undang anti-rasuah.

Jika kita tidak memberi perhatian yang bersungguh-h pada masalah rasuah kini, negara kita juga mungkin adapi nasib beberapa masyarakat-masyarakat yang

1980

Jawatankuasa

PENGISYTIHARAN HARTABENDA

(Kenyataan Akhbar)

haruslah dipuji keperluan yang dikenakan kepada semua ri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, menteri besar, majlis tempatan dan pegawai kanan kerajaan untuk isytiharkan hartabenda mereka kepada Perdana Menteri.

Berbanding dengan usaha-usaha seperti ini di masa lalu, sekarang ini merangkumi lebih kategori dan nampaknya lebih sistematik dan teratur.

Bagaimanapun, Aliran percaya bahawa hartabenda seharusnya dirakamkan di dalam buku daftar yang senang teliti oleh orang ramai. Ini adalah cadangan yang mula-mula kami buat pada tahun 1978. Satu buku daftar umum mengenai hartabenda dan hutangpiutang semua wakil rakyat yang dipilih – termasuk ahli-ahli Parlimen dan dewan-dewan undangan negeri – dan beberapa pegawai kanan kerajaan tertentu akan menolong mewujudkan prinsip pertanggungjawaban. Lagipun orang-orang yang memegang kuasa itu adalah pemegang amanah rakyat. Oleh itu mereka ini bertanggungjawab kepada rakyat untuk menunjukkan sama ada mereka benar-benar beramanah.

Kepimpinan sekarang sudah tentu sedar akan mustahaknya prinsip pertanggungjawapan (accountability) ini. Itulah sebabnya ia telah menerbitkan laporan Ketua Odit Negara bagi tahun 1977. Kami menggesa kerajaan supaya bersikap seperti ini dalam kes hartabenda pegawai-pegawai awam.

Di samping itu, Aliran berharap kerajaan dapat menaja kan Biro Siasatan Negara (BSN) sebagai sebuah badan bebas yang bertanggungjawab terus kepada ketua pengarah berotonomi yang lantas bertanggungjawab kepada Parlimen. Sekali lagi, prestasi Ketua Odit Negara yang bebas dari kawalan eksekutif sudah cukup meyakinkan pihak kerajaan bahawa pencapaian besar boleh didapati melalui seorang Ketua Pengarah BSN yang betul-betul berotonomi.

Kami berharap pihak kerajaan akan menimbang cadangan-cadangan kami ini. Sebuah kerajaan yang cenderung melawan ketidakcekapan seharusnya lebih bertekad untuk membasmi rasuah.

BAB 4

PEMBANGUNAN EKONOMI

Bagian ini mengumpul beberapa pandangan dan komen Aliran mengenai masalah-masalah asas dan penyelesaian yang mungkin di ekonomi Malaysia. Subjek-subjek yang dibincangkan termasuk di antara perniagaan besar dan pemerintah; reformasi terhadap ekonomi luar bandar; dan inflasi - sebab-musabab dan rawannya; dan pembangunan.

Juga terdapat kenyataan kami mengucapkan syabas kepada Menteri Pertanian kerana menekankan peranan koperatif dalam hal pembangunan perumahan.

KEMARAU MELANDA KAWASAN MUDA

(Kenyataan Akhbar)

Adalah jelas sekarang bahawa kehidupan beribu-ribu orang yang miskin di daerah Muda, Kedah Utara dan Perlis terjejas oleh sebab kemarau. Ini adalah masalah besar dihadapi oleh negara. Oleh sebab beras ialah makanan utama kita, maka adalah penting dan wajar rakyat menunjukkan simpati kepada petani-petani yang terlibat melalui tindakan yang konkrit.

Aliran cadangkan semua akhbar melancarkan tabung simpati derma dari orang ramai bagi menolong petani-petani. Ini akan menjadi sumbangan rakyat dalam meringankan petani-petani dan juga menampung usaha-usaha kerajaan. Badan Pekerja, firma swasta dan industri-industri, badan-badan, badan-badan iktisas, siswazah-siswazah, pertubuhan persetela dan individu-individu sepatutnya tampil ke hadapan dan menyokong tabung ini. Ini adalah satu cara untuk menunjukkan penghargaan kita kepada segolongan rakyat yang telah memberi sumbangan terhadap kesejahteraan kita.

Aliran menyeru kerajaan mengendali satu kajian tentang kesan-kesan kemarau ke atas golongan penanam khususnya dan ekonomi negara amnya. Laporan ini hendaklah dibentangkan kepada orang ramai.

Januari 1978

Dr. Chandra Muzar
Presiden

PEMINDAHAN HAKMILIK SYARIKAT-SYARIKAT AWAM

(Kenyataan Akhbar)

Aliran berasa cemas terhadap pengumuman oleh Menteri Perusahaan Awam baru-baru ini bahawa syarikat-syarikat awam yang menguntungkan dan yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan akan diambil alih oleh individu-individu bumiputera tidak lama lagi.

Cadangan ini pertama kali disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) sebagai sebahagian daripada Dasar Ekonomi Baru. Ini adalah rancangan yang tidak ada bandingan dalam sejarah pembangunan kapitalis. Kerajaan kerajaan tidak pernah diketahui menubuhkan syarikat-syarikat awam, membuatnya teguh dan kemudian dipindahkan kepada orang-orang individu yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan pembinaan syarikat-syarikat ini.

Rancangan-rancangan seperti inilah yang mendorong pemerhati-pemerhati yang rasional dan tidak berat sebelah memutuskan bahawa sebahagian dari matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah mengujudkan satu kelas kapitalis bumiputera tiruan. Seseorang dijangkakan berpendapat bahawa jika sesuatu syarikat milik kerajaan berjalan dengan baik, kerajaanlah yang patut terus memilikinya supaya keuntungan yang dinikmatinya dapat diguna untuk kepentingan orang-orang miskin dan yang kurang bernasib baik yang kebanyakannya ialah bumiputera.

Rancangan ini bukan sahaja tidak dipikirkan sebagai

...ia, ianya juga memberi peluang untuk disalahgunakan. Manakah individu-individu bumiputera dipilih? Apakah yang digunakan? Siapakah yang memilihnya? Adakah membuat rayuan terhadap pilihan? Jika sesebuah yang telah dipindahkan tidak berjaya mengekalkan, apakah dendaan yang akan dikenakan?

...laka dari kedua-dua sudut perancangan dan pelaksanaan tidak akan mendatangkan keuntungan kepada. Inilah sebabnya Aliran menggesa agar kerajaan mem- rancangan ini. Ada banyak cara mengujudkan perakat perdagangan Bumiputera — tanpa mengorbankan orang-orang miskin.

1979

Jawatankuasa

PEMBANGUNAN — ERTI DAN MATLAMATNYA

(Karangan)

Lebih dari masa-masa yang lalu, dewasa ini didapati bahawa kita tertanya-tanya berkenaan keseluruhan tujuan pembangunan. Apakah itu pembangunan? Apakah dia objek- akhir pembangunan? Adakah kita lebih bahagia setelah jadi lebih maju? Bagaimanakah pembangunan dikaitkan dengan erti hidup, dengan matlamat-matlamat kewujudan manusia?

Adalah bukan secara kebetulan bahawa soalan-soalan ini timbulkan di Barat — bahagian dunia yang paling 'maju' — peringkat sejarah sekarang. Di Baratlah pakar-pakar sains masyarakatan telah mula memperkatakan tentang kesan- buruk terhadap 'masyarakat selepas ... perindustrian' (mengikut istilah Daniel Bell) akibat menjadi terlalu maju. Ada itu kekhuatiran bahawa kadar pertumbuhan cemerlang yangapai beberapa dasawarsa yang lalu, kemewahan setengah golongan masyarakat, kemakmuran kelas atasan serta menen- di Amerika Syarikat dan Eropah Barat yang tidak bisa dibandingi telah tidak selaras dengan "perkembangan perasa- an, kegembiraan manusia, perpaduan masyarakat, keamanan,

kepuasan. Kejadian jenayah yang meningkat, kadar membunuh diri yang tinggi, perbuatan melanggar undang-undang oleh golongan remaja, perceraian, keruntuhan sistem keluarga di beberapa peringkat", perlumbaan yang tidak mengena batas (rat-race), perbuatan menghidupkan selera pengguna dan lebih-lebih lagi, seluruh aktiviti kehidupan yang tanpa tujuan telah menyebabkan ramai orang tertanya-tanya apakah semua kemajuan gemilang kebendaan yang dicapai beberapa dasawarsa yang lalu wajar ataupun tidak!

Berhubung dengan dasawarsa-dasawarsa selepas perang agaknya Toynbeelah yang pertama sekali mengingatkan Barat akan kesan-kesan seluruh falsafah pembangunannya. Sejak dari itu beberapa ahli-ahli masyarakat telah membicarakan natijah yang sama. Dunia Barat harus mengkaji kedudukannya, menilai semula dirinya, mencari di mana salahnya. Di antara ahli-ahli fikir ini ialah Herbert Marcuse, Ivan Illich, Paulo Friere, Theodore Rozsack, Robert Heilbroner, Denis Goulet dan Juhan Galtung.

Saya yakin bahawa krisis yang berlaku dalam Tamaddun Barat sekarang adalah hasil dari psikologi yang menekankan semata-mata aspek kebendaan kewujudan manusia. Oleh itu pertumbuhan tanpa had, kebolehan menguasai alam tabiat, konsumerisme yang buta, usaha ke arah taraf hidup yang lebih tinggi serta kemewahan dan masa lapang yang lebih banyak telah menjadi matlamat akhir tanpa tujuan-tujuan lain. Ini semestinya berlaku jika seseorang itu telah yakin bahawa apa yang penting ialah kehidupan kebendaannya — bahawa tidak ada tujuan, tidak ada erti, tidak ada matlamat selain dari kewujudan kebendaan. Malangnya, pandangan terhadap manusia serta hidup seperti ini telah menjadi pegangan beberapa golongan penting masyarakat Barat. Sains, teknologi, institusi-institusi politik, organisasi-organisasi ekonomi, hubungan masyarakat, upacara-upacara kebudayaan — kesemuanya mula mencerminkan Weltenchaung (pandangan semesta) ini.

Dalam beberapa dasawarsa, mereka yang sedar akan keadaan Barat, yang bersifat kapitalis, 'Barat yang kepenatan' seperti yang digelar oleh Solzenitzin akan berpaling kepada

... untuk mencari penyelesaian. Tetapi generasi yang lebih mengetahui. Asas-asas kedua-dua ideologi Liberalisme dan Sosialisme — Liberalisme dan Marxisme — mempunyai banyak persamaan yang terang yang mana kini fikir masyarakat baru mulai melihat. Sebelum saya ketahu hal ini, benarkan saya menerima Liberalisme dan Marxisme sebagai dua arus besar dalam pemikiran intelektual moden. Liberalisme telah melahirkan satu masyarakat baru seperti Amerika Syarikat, sementara Marxisme melahirkan Soviet Union. (Tentunya kedua-dua penyokong Liberalisme dan Marxisme akan mempertahankan melalui beberapa justifikasi, bahawa kedua-dua negara berkenaan ini tidak mewakili hakikat ideologi masing-masing). Negara-negara demokratik sosialis adalah satu percubaan untuk menyatukan Liberalisme dengan Marxisme. Hal ini menghasilkan sedikit kejayaan di Sweden.

Sejakian lama kecondongan adalah untuk melihat Liberalisme dan Marxisme sebagai "pertentangan yang tidak bersetuju". Sudah pasti seluruh pendekatan terhadap ekonomi dan sosial mempunyai perbezaan-perbezaan yang seterusnya membawa kepada percanggahan pendapat mengenai individu, masyarakat dan perhubungan di antara keduanya. Namun demikian, janganlah pula perbezaan-perbezaan ini membutakan kita akan persamaan yang ada. Kedua-dua Liberalisme dan Marxisme berkembang di zaman yang percaya bahawa kewujudan Tuhan tidak relevan kepada kehidupan sosial kita. Ini berlaku khususnya di kalangan intelektual iaitu golongan yang memimpin proses pemikiran di akhir dalam abad ke 19. Dalam satu perkataan, Liberalisme dan Marxisme adalah sebahagian daripada dunia sekular. Kedua-dua falsafah ini memberi kepercayaan kuat — yang agak realistik — kepada kebolehan manusia untuk menyelesaikan masalah sosial dengan menggunakan daya memikir. Keyakinan secara fanatik terhadap sains semata-mata adalah sebahagian dari pemujaan yang terlalu berlebihan daya memikir ini. Kedua-dua Liberalisme dan Marxisme melihat pembangunan sebagai kemajuan dari satu peringkat ke peringkat yang lebih tinggi dan lebih tinggi lagi. Kedua-duanya mengaitkan kemajuan dan pem-

bangunan kepada kebendaan dan setakat ini saja. Dimensi kehidupan yang lain adalah secara kebetulan dan ketidaksengajaan. Akhirnya, kedua-dua Liberalisme dan Marxisme hanya menentingkan satu aspek kehidupan manusia saja yang selanjutnya dianggap membawa kepada kemajuan aspek-aspek manusia yang lain. Aspek ini tentu ialah aspek ekonomi manusia. Liberalisme dan Marxisme dalam perkataan lain, menekankan **Homo Economicus** sebanyak mana pun penyokong-penyokong mereka menyangkal kenyataan ini! Akhir sekali, kedua-duanya ialah hasil dari Eropah abad ke 19. Ini bukan semata-mata rujukan kepada tempat asal kedua-dua falsafah ini. Apa yang saya ingin tekankan ialah bahawa mereka merupakan falsafah-falsafah Euro-Centric yang menganggap pengalaman masyarakat Barat sebagai satu yang sesuai untuk masyarakat lain.

Kerana sebab inilah Marxisme dan Soviet Union di Eropah Timur telah berkembang mengikut garis-garis tertentu. Tumpuan ke atas pengeluaran dan industri berat telah membentuk satu kelas teknokrat teguh yang mendapat penghormatan dan keistimewaan yang mana tidak dirasai oleh golongan masyarakat lain. Kewujudan kelas ini tidak memberi erti kepada mana-mana dakwaan bahawa negara-negara ini sedang dengan cepatnya membentuk masyarakat tanpa kelas. Apa yang harus kita sedar ialah bahawa corak pembangunan ini ialah hasil konsepsi kewujudan yang materialistik yang memandang manusia hanya dari satu dimensi saja. Perkembangan "tabiat pengguna" adalah bukti selanjutnya akan mentaliti ini. Marx bercakap berkenaan "pemujaan terhadap barangan" sebagai kutukan kepada masyarakat masyarakat kapitalis. Ya, dalam masyarakat Marxisme, bermacam kegilaan kuat terhadap Cola-Cola, seluar jeans, Texwood, gitar elektrik dan kereta laju! Selain dari semua itu, satu sebab lain mengapa belia Barat yang sedar tidak dengan mudah memaling kepada contoh Marxisme ialah kerana kekuatan yang kuat, penyekatan secara sistematik akan kebebasan asasi dalam politik, sosial, kebudayaan dan intelektual. Adalah salah untuk mengatakan bahawa penghapusan kebebasan ini ialah semata-mata kerana Soviet atau Eropah Timur, bahawa ia tidak ada kaitan dengan

sebagai satu teori, satu falsafah. Saya tidak ber- dengan pendapat ini. Walaupun sebahagian dari masa- ialah sistem negara itu sendiri, saya berkeyakinan bahwa satu falsafah yang menganggap perhubungan di "sub-struktur" dan "super-struktur" dan penguasaan "punca-punca" pengeluaran sebagai lebih penting segala-segalanya tidak mungkin membawa kepada manusia kerana ia tidak menjadikan manusia titik-permulaan usaha ke arah keadilan.

Harap saya telah menerangkan kepada anda bahawa depan kita bukanlah bergantung kepada Liberalisme, Marxisme, Kapitalisme atau Sosialisme. Kita harus mencari satu pendekatan baru, satu falsafah baru di usaha membebaskan serta menyusun semula masyarakat. Tidak ada penyelesaian yang senang. Tidak ada jalan mudah. Mereka yang menyuarakan cogan-kata-cogan serta kenyataan-kenyataan mudah tidak memahami rumitnya cabaran yang dihadapi. Bagi diri saya buat sekarang saya hanya sanggup membuat dua penelitian dengan penyusunan baru yang sedang wujud. Pertama, agak jelas bahawa selepas memerhati perkembanganisme dan Marxisme pembangunan tidak boleh dilihat melalui satu perspektif saja — perspektif kebendaan. Keduanya adalah jelas kepada saya bahawa melihat pembangunan sebagai satu usaha yang mempunyai berbagai ialah cara mengenal diri manusia yang lebih kom- dari apa yang diterima oleh kedua-dua falsafah tadi. Jika kita melihat manusia seperti ini, kita akan bermula manusia sebagai tumpuan seluruh konsep pem- an. Kita akan berusaha untuk manusia, keseluruhan adanya, seluruh kehidupannya. Ini membawa saya perhatian yang kedua dan di sinilah saya berlainan golongan humanis yang juga menuntut melibatkan manusia secara menyeluruh. Bagi saya, melibat- dengan manusia bererti menanya satu soalan yang penting berkenaan manusia. Apakah tujuan kewujudan? Mengapa dia dilahirkan di dunia? Sesungguhnya tujuan kehidupan itu sendiri? Sebagai seorang yang akan Tuhan dan agama, saya melihat asal manusia,

kewujudannya serta masa depannya sebagai bersifat rohani. Tujuannya adalah untuk mengabdikan kepada Tuhan, ungu setia kepada Tuhan. Setia kepada Tuhan bererti setia kepada sifat-sifat tabii manusia yang ideal seperti yang disebut oleh Iqbal. Setia kepada sifat-sifat ideal seseorang ialah kesetiaan kepada kesemua nilai-nilai ke Tuhanan seperti kebenaran, keadilan, kecintaan, toleransi, perpaduan, kemanusiaan, keindahan dan lain-lain lagi yang berakar-umbi dalam konsep Tuhan. Sekali nilai-nilai ini dilihat sebagai mulia, yang lainnya – pengangan kita terhadap kedudukan, kuasa, pertumbuhan ekonomi, konsumerisme, teknologi, kemewahan – mulai mengambil makna baru. Tidak ada satupun perkara-perkara ini yang lebih penting dari nilai-nilai rohani.

Dengan kemunculan penyusunan baru, perlu kita memperbaharui kepercayaan kita kepada Tuhan dan agama. Ini yang terpikir oleh Toynbee bila ia mengatakan, "Dalam kepadatan masa, apabila rumah besar yang berdiri teguh atas asasnya yang tersendiri dan rangka-rangka Barat yang sementara habis runtuh – yang mana saya yakin ia akan saya percaya akan terbuktilah bahawa asas-asas itu akhirnya teguh kerana ia telah dibenamkan hingga kepada asas agama."

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Ogos/September 1979

KENAIKAN HARGA: SYARIKAT BESAR DAN KERAJAAN

(Kenyataan Akhbar)

Kenaikan harga barang-barang bukan kerana pekedai atau pemborong-pemborong semata-mata – walaupun mereka mengambil kesempatan daripada inflasi. Tetapi juga inflasi tidak dapat dikurangkan melalui tindakan pengguna semata-mata.

Punca utama kenaikan harga barang-barang yang sedang berlaku, pada hemat Aliran, ialah keengganan kerajaan...

syarikat-syarikat besar yang telah memperolehi keuntungan yang tinggi dan masih mencari keuntungan yang lebih. kerana syarikat-syarikat ini mengeluarkan ataupun bekalkan barang-barang yang perlu dan menduduki pasaran yang berpengaruh dalam ekonomi, mereka dapat menentukan aliran perkembangan pasaran. Tindakan mereka menaikkan harga barang-barang telah mengakibatkan kenaikan harga di bidang-bidang ekonomi yang lain serta menggagalkan pekedai-pekedai mengambil kesempatan daripada deflasi.

Sebagai contoh kerajaan telah membenarkan syarikat minyak menaikkan harga walaupun syarikat Shell memperolehi keuntungan yang empat kali ganda — 16.56 juta — pada enam bulan pertama tahun 1979. Artinya keuntungan bersih Shell ini melebihi keuntungan untuk seluruh tahun 1978 yang hanya 15.2 juta! Keadaan ini hampir-hampir serupa. Pada enam bulan pertama tahun 1979, keuntungan bersihnya telah bertambah sebanyak 18.7 juta! Keuntungan ini — 18.7 juta — hanya 4 juta ringgit daripada pendapatan bersih untuk seluruh tahun 1978. Bagaimana kerajaan bisa membenarkan syarikat minyak ini menaikkan harga sedangkan keuntungan mereka telah bertambah beberapa kali ganda?

Analisa syarikat-syarikat minuman ringan menunjukkan keadaan yang sama. Fraser and Neave, umpamanya, telah menambah keuntungan bersih dengan hampir-hampir 5 juta ringgit dari April 1978 hingga March 1979 jika dibanding dengan tahun 1977 hingga March 1978. Syarikat Yeo Hiap Seng pula menambah keuntungannya dengan lebih 2 juta mengikut laporan tahunannya. Sepatutnya kerajaan harus membenarkan syarikat-syarikat ini mengurangkan harga minuman ringan dan pandangan keuntungan mereka yang meningkat.

Tandatanya yang timbul di sini: Kenapa kerajaan tidak sanggup atau tidak mampu mengawal syarikat-syarikat ini? Adakah ini kerana mereka berpengaruh dan terdapat dalam ekonomi ataupun kerana mereka mempunyai hubungan yang istimewa dengan kerajaan? Sekiranya, mereka mempunyai hubungan istimewa dengan kerajaan harus kita

menanya: Kenapa mereka menikmati hubungan yang istimewa dengan kerajaan? Mungkin inilah "anak kunci" yang dapat membuka "pintu fahaman" masalah kenaikan harga.

Oktober 1979

Jawatankuasa

SUBSIDI BERAS

(Kenyataan Akhbar)

Tindakan kerajaan untuk memberi subsidi \$63 juta kepada pesawah-pesawah kita merupakan satu usaha yang tidak mampu untuk menstabilkan harga padi dan juga meninggikan taraf hidup pesawah-pesawah yang berkeena. Sesungguhnya, ini bukanlah penyelesaian jangka panjang untuk mengatasi masalah kemiskinan pesawah kita. Tindakan yang seperti ini hanya akan membebaskan kerajaan dan akhirnya kadar cukai terpaksa dinaikkan.

Banyak negara membangun telah menggunakan subsidi untuk mengatasi masalah petani mereka. Sri Lanka, misalnya, telah lebih kurang 20 tahun berbuat begini. Hasilnya masalah kemiskinan petani tidak dapat juga diatasi. Petani masih lagi hidup melarat dan menderita.

Cara yang rasional dan adil untuk mengatasi kemiskinan pesawah-pesawah kita ialah dengan mengadakan reformasi tanah untuk menghapuskan pemilikan yang tidak ekonomik. Seterusnya, kerajaan harus sanggup mengkaji semula sistem ekonomi kita yang selama ini banyak menekan kepentingan golongan petani melalui sistem pemasaran yang tidak adil. Dalam perkataan lain, satu perubahan struktur terhadap sistem ekonomi kita mesti dilaksanakan supaya segala unsur-unsur yang bersifat menindas dihapus sama sekali. Jika tidak petani-petani kita akan selamanya hidup diselubungi oleh kemiskinan, dan keadaan ini akan hanya meyakinkan rakyat akan ketidaksungguhan pihak kerajaan untuk mengatasi masalah mereka.

Januari 1980

Yusuf Ahmad Sharif
Ahli Jawatankuasa

DEMONSTRASI ALOR STAR: SATU RENUNGAN SEJENAK

(Kenyataan Akhbar)

Setelah habisnya "ribut" yang meliputi demonstrasi petani di Alor Star pada 23hb Januari, Aliran ingin sediak pihak berkuasa untuk merenungi kembali sebab-sebab yang tersirat dari tindakan para petani itu.

Selain dari kelemahan yang terdapat pada skim kupon sebagai musabab dari kemarau panjang yang telah dibincangkan di lain tempat, Aliran berharap satu usaha serius akan untuk menganalisa kesan modernisasi di sektor terhadap komuniti di mana reformasi tani tidak pernah berlaku.

Pelajar-pelajar pembangunan tahu bahawa skim tali air, pemberian dua kali, trektor-trektor besar, baja kimia dan racun serangga tidak boleh meningkatkan taraf kehidupan petani kerana mereka masih mempunyai saiz tanah yang kurang ekonomik, sekira sistem pinjaman berlawanan dengan kesejahteraan mereka.

Perbelanjaan yang lebih disebabkan inovasi-innovasi atas telah menjadi satu beban yang menghancurkan apa-apa perbaikan yang dihasilkan oleh modernisasi terhadap hidup mereka. Kajian-kajian yang dibuat di lain-lain negara — lebih-lebih lagi Indonesia dan India — menunjukkan bahawa usaha modernisasi yang dibuat dalam sektor tani tanpa reformasi tanah akan hanya meningkatkan kesejahteraan golongan elit luarbandar semata-mata manakala golongan petani lain tetap melarat.

Untuk mengelakkan situasi ini, pola kepunyaan tanah hendaklah ditukar secara perlahan-lahan. Skim Felda dan industri-industri luarbandar telah menolong mengurangkan tekanan terhadap persoalan tanah itu. Tetapi apa yang lebih diperlukan ialah tindakan yang lebih terus menerus terhadap masalah ini. Tujuan kita haruslah menentukan bahawa hanya petani yang tulen yang dibenarkan memiliki tanah. Dan, satu minimum dan maksima terhadap milikan tanah harus ditetapkan. Jika ada perbezaan mengenai luas tanah yang

dimiliki, ini adalah kerana perbezaan keupayaan untuk menghasilkan padi — bukan lain-lain faktor.

Sayugia diingatkan bahawa reformasi tanah yang menekankan pembahagian tanah yang adil lazimnya susah dipraktikkan. Selalunya masalah ini bukanlah berat kerana ideanya, tapi adalah sebab pihak-pihak yang menghalang implimentasinya. Tuan-tuan punya tanah yang besar yang selalunya penyokong-penyokong parti pemerintah dan kadangkala pemimpin-pemimpin parti ini menghalang proses reformasi tanah ini. Di Malaysia terdapat suatu hubungan antara tuanpunya tanah sawah dan kuasa politik.

Apa yang lebih mustahak ialah pendekatan kin terhadap masalah pemasaran dan kredit di dalam sektor padi perlu diubah. Kini, pihak berkuasa telah mewujudkan berbagai-bagai agensi seperti Fama, LPP dan LPN untuk menolong petani. Adalah menjadi hakikat bahawa agensi-agensi ini telah gagal dalam melepaskan petani-petani dari genggamannya orang-orang tengah. Salah satu sebab ialah ketidakupayaan agensi pemerintah dalam memberi beberapa perkhidmatan yang hanya orang-orang tengah yang mampu memberi. Juga, peraturan-peraturan yang diadakan oleh pihak berkuasa amatlah sukar untuk difahami oleh para petani. Inilah pasalnya didapati, dari post-mortem terhadap demonstrasi Alor Star itu, sebahagian petani telah mula memandang LPN sebagai beban.

Sebagai ganti kepada usaha-usaha untuk meningkatkan lagi peranan birokrasi di sektor padi — lebih-lebih lagi bila kebanyakannya kepada petani-petani adalah terhad — pihak berkuasa haruslah memikirkan cara untuk membenarkan para petani itu sendiri menguruskan koperatif-koperatif mereka. Pihak berkuasa boleh menyediakan bantuan kewangan pada peringkat permulaan, tetapi segala keputusan mengenai pengendalian koperatif, jenis pinjaman yang ia harus beri, bagaimana dividen diberi haruslah dibuat oleh petani-petani itu sendiri. Pemikiran sebilangan pemimpin politik dan birokrat bahawa komuniti luarbandar tidak boleh mengendalikan aktiviti mereka sendiri adalah tidak benar. Persatuan koperatif yang ditubuhkan oleh nelayan-nelayan Kuala Juru

...satu contoh inisiatif luarbandar dan sikap berdikari.

Apa yang pihak berkuasa boleh dan harus berbuat ialah menguang beberapa rintangan ekonomi yang tidak boleh diatasi oleh petani-petani. Dalam hal ini, adalah lebih elok meningkatkan lagi subsidi terhadap baja, racun serangga, jentera dan mesin menuai. Segala barang ini telah menjadi mahal akibat perbuatan pihak-pihak tertentu di dalam pasaran dunia. Jika kos penghasilan padi dapat dikurangkan, petani dapat ditambah, lebih-lebih lagi jika ada inisiatif yang serius dilakukan terhadap hal-hal lain.

...mari 1980

Jawatankuasa

KRITIKAN INDUSTRI BERAT

(Karangan)

Seruan yang dibuat baru-baru ini oleh beberapa Menteri, termasuk Timbalan Perdana Menteri bahawa Malaysia patut melangkah ke dalam bidang industri berat harus dinilai secara kritis dan membena. Bagi beberapa pihak, mencebur dalam bidang industri berat dilihat sebagai satu langkah yang positif bagi menggalakkan perkembangan ekonomi kita ke arah yang dikatakan maju. Tetapi, adakah Malaysia, dalam konteks ekonomi pada masa ini, benar-benar perlu melangkah yang sebegitu dalam bidang industri berat?

Ekonomi kita pada asasnya ialah ekonomi pertanian di samping sebahagian besar daripada tukaran luar kita diperolehi melalui getah, kelapa sawit dan eksport kayu balak. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk mempelbagaikan ekonomi kita, pembangunannya masih tidak seimbang. Sektor lain pula perkembangan ekonomi tidak diikuti dengan peningkatan pendapatan yang seimbang. Malah, lebih daripada satu pertiga daripada keluarga-keluarga di negara ini yang terdiri dari sektor luar bandar terletak di bawah garisan kemiskinan dan keadaan hidup mereka hanya menentang tahap minima yang berpatutan. Tidak syak lagi masalah utama pembangunan ekonomi yang utama berlaku dalam sektor pertanian dan luar bandar. Berkaitan dengan ini

perkembangan industri berat boleh menolong meningkatkan Pengeluaran Kasar Negara (GNP) sebuah negara dengan lebih cepat lagi, tetapi biasanya ia gagal memperbaiki taraf hidup orang-orang luar bandar. Rancangan perindustrian berat, pada dasarnya, akan mengalih sumber kewangan yang sedikit dari sektor pertanian/luar bandar yang benar-benar memerlukan campurtangan aktif dari sektor awam.

Walaupun industri berat dapat didirikan dengan ja bolehkah kita berbangga sebagai sebuah negara berindustri penuh ataupun separuhnyanya walhal kita belum lagi menyelesaikan masalah-masalah pokok seperti kemiskinan, keadaan hidup yang bawah standard dan jurang yang semakin luas antara yang kaya dan miskin? Pada kebanyakan yang mis pembangunan bermegah-megahan ini tidak bermakna sekali.

Harus diingatkan bahawa industri berat menelan belanja yang banyak. Dalam keadaan di mana kadar pengangguran sedang meningkat, pelaburan-pelaburan asing dan sektor awam yang begitu berat yang tidak melibatkan kegunaan buruh yang sekadar, jelas tidak wajar. Juga jurang, dalam ekonomi yang sedang membangun, didapati industri berat menghasilkan kaitan-kaitan industri di sektor tempatan. Terdapat sektor industri tempatan yang berasaskan pengeluaran secara kecil-kecilan dan teknologi asli akan mengalami kesukaran bagi meningkatkan industri mereka oleh sebab persaingan dari hasil-hasil pengeluaran industri berat di pasar tempatan. Akibatnya bukan sahaja kekesakan perkembangan peluang pekerjaan akan tidak dirasai tetapi industri berat pada peringkat pembangunan ini lazimnya akan menimbulkan kesan-kesan negatif dan buruk atas ekonomi asli.

Sepatutnya perhatian yang berat ditumpukan kepada usaha menubuhkan industri-industri ringan yang menggunakan bahan-bahan mentah tempatan dan menggunakan tenaga pekerja yang lebih banyak. Industri-industri ini akan mengukuhkan ekonomi luar bandar dan industri-industri yang berasaskan hasil-hasil pertanian.

Selalu terdengar bahawa industri berat akan membina

pendanaan teknologi ke negara-negara membangun dengan cepat lagi. Juga dinyatakan perkembangan teknologi lebih pesat lagi akan berlaku oleh sebab industri-industri ini akan memerlukan tenaga pekerja yang lebih mahir. Satu pandangan yang optimistis malah, sempit. Harus diingat bahawa ekonomi-ekonomi yang membangun akan hanya mendapat teknologi yang lama yang memerlukan tenaga yang lebih, kurang efisien dan membawa kepada kemiskinan sekitar. Juga, akibat daripada kekekalan teknologi pergantungan ini perkembangan kemahiran-kemahiran asas di kalangan penduduk tempatan biasanya terganggu. Apa yang sangat-sangat dikehendaki ialah untuk menggalakkan perkembangan industri-industri kecil tempatan berasaskan teknologi yang sesuai yang berkurangan masyarakat kita. Satu perkara yang patut dipersoalkan sama ada pertumbuhan/keefisienan merupakan matlamat yang lebih penting daripada mewujudkan satu pembangunan yang berasaskan berdikari, dan dengan sendiri akan mewujudkan perkembangan seterusnya dengan cara menggalakkan kemahiran-kemahiran tempatan dan memupuk semangat inovatif. Bukankah matlamat ini di jangka masa yang akan lebih kekal dan menguntungkan? Lebih banyak yang patut ditumpukan bagi meningkat kemajuan dalam asas dan bagi melibatkan juru-juru teknik kita dalam penyelidikan dan pembangunan. Ini lebih bermanfaat daripada meminjam teknologi dari luar. Sekurang-kurangnya arah asas ke arah matlamat ini sepatutnya dimulakan oleh masyarakat Malaysia pada hari muka akan menikmati pembangunan yang kekal.

Industri berat hanya memberi gambaran samar mengenai kemajuan dan ini bukanlah satu ukuran yang lengkap bagi mengukur pertumbuhan ekonomi dalam sesuatu masyarakat. Industri berat yang baru ditubuh berkemungkinan besar menghadapi masalah-masalah beroperasi di bawah garisan pengeluaran yang sepenuhnya dan berakhir semata-mata sebagai satu perhiasan. Di Asia tidak kurang terdapat contoh-contoh serupa ini. Akhirnya satu konsep pembangunan yang sosialis berdasarkan hanya atas Pengeluaran Kasar akan mengakibatkan nilai-nilai kemanusiaan yang

salah sebab ia akan membawa pada mentaliti yang mem-
tingkan keuntungan diri sendiri, ketamakan pangkat
kebantutan kesedaran etika. Hasil daripada ment
pembangunan secara ini ialah keterpencilan manusia se
manusia.

Sebelum melancar ke dalam lapangan industri ba
marilah kita memikirkan semula prioriti kita dan meran
ke arah pembangunan yang sesuai dengan kepe
menyeluruh kita yang sebenar.

Mei 1980

Khoo Yoke K
Ahli Jawatank

PENGGALIAN LOGAM

(Kenyataan Akhbar)

Aliran merasa bimbang bahawa penggalian emas
intan dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta. Peng
logam harus dijalankan oleh pihak awam supaya rakyat
-- dan bukan minoriti yang berada -- dapat menik
faedahnya. Kekayaan logam sesebuah negara seperti
juga dengan bahan-bahan asli yang lain adalah hak
rakyat keseluruhannya. Adalah tidak adil jika kump
kumpulan swasta tertentu dibenarkan meraut keunt
daripada kekayaan ini. Lagipun, bahan-bahan seperti
dan intan akan berkurangan dengan perjalanan masa.
sebabnya kerajaan bertanggungjawab menentukan ba
generasi-generasi yang akan datang juga dapat menik
faedahnya. Sekiranya perusahaan bijih timah diuruskan
Perbadanan-perbadanan awam yang cekap dan bersih
merdeka dulu mungkin rakyat biasa dapat menikmati
yang jauh lebih banyak.

Ogos 1980

Jawata

MASALAH INFLASI DAN MASA DEPAN PEKERJA DI MALAYSIA

(Ringkasan Ucapan)

Inflasi adalah masalah utama yang mencabar kedudukan hidup para pekerja dewasa ini. Saya tidak dapat bayangkan bagaimana keluarga yang terdiri dari lima orang berpendapatan \$500/- sebulan dan bawah dapat memenuhi keperluan-keperluan hidup dalam keadaan inflasi

ini daripada inflasi yang diakibatkan oleh importasi dari negara-negara industrial Barat ataupun apa yang dikenali sebagai "imported inflation" fenomena ini disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut:

Pembelanjaan sektor awam yang telah meningkat berkali-kali ganda dalam 10 tahun yang lalu. Setengah daripada pembelanjaan ini perlu dan tidak dapat dielakkan. Tetapi, ada juga perbelanjaan yang tidak perlu. Sekiranya perbelanjaan yang tidak perlu dikurangkan, pembekalan akan dengan otomatis akan berkurangan. Inflasi seperti ini kita sedia maklum, adalah satu keadaan di mana pembekalan wang melebihi pembekalan barang-barang.

Di sini pun, setakat ini belum ada langkah-langkah kerajaan yang bertujuan mengurangkan pembekalan wang. Dalam keadaan yang wujud ini, golongan berada di sini digalakkan menyimpan wang — bukan menambah pembelanjaan mereka.

Ademikianlah golongan berada asyik membeli tanah dan rumah dalam musim inflasi ini. Kegiatan mereka dipengaruhi oleh suatu keadaan di mana undang-undang mengawal pembelian tanah dan rumah oleh seseorang mengikut nafsu mereka. Inilah satu daripada akibat inflasi. Ketiadaan undang-undang yang dapat mencegah golongan berada daripada membeli beratus-ratus ekar tanah dan beberapa buah rumah di merata-rata tempat yang kemudiannya disewakan kepada pihak

- d) Selain daripada itu, wujudnya syarikat-syarikat besar yang menggunakan kekuatan mereka dalam bidang pengeluaran dan pengedaran untuk menaikkan harga minyak, tepung dan sebagainya juga menyebabkan inflasi
- e) Pекedai-pekedai yang menyorok barang-barang dengan tujuan mencapai keuntungan yang tinggi harus disalahkan juga — walaupun antara pengeluar dan pekedai dosa pengeluar jauh lebih serius.

Apakah cara-cara yang sesuai untuk mengatasi masalah inflasi?

- a) Pengeluaran mesti dipesatkan supaya ia seimbang dengan pembekalan wang. Sekiranya, makanan, pakaian, bahan-bahan pembinaan rumah dan sebagainya dapat diperbanyakkan, harga barang-barang ini akan turun. Lebih penting, pengeluaran kita harus disalurkan kepada rakyat kita sendiri sebelum dieksport. Selama ini kita lebih mengutamakan eksport daripada konsumsi tempatan
- b) Pada masa yang sama, kerajaan harus mengurangkan 'projek-projek tayangan'. Membina lapangan kapal terbang antarabangsa di beberapa tempat termasuk Pulau Pinang dan Kota Kinabalu, walaupun tidak perlu dari segi kehendak-kehendak negara, adalah satu contoh yang ketara. Dengan mengurangkan projek-projek tayangan kita dapat menjimatkan wang dan memberantas inflasi
- c) Begitu juga, kerajaan harus menambah kadar faedah bank, pejabat Pos dan syarikat-syarikat kewangan yang lain sebagai galakan kepada orang ramai menyimpan wang. Syarat-syarat meminjam wang terutamanya bagi golongan kaya yang kerap menggunakan pinjaman untuk membeli rumah yang begitu banyak, harus diketatkan
- d) Selain daripada itu, kerajaan harus membuat syarat-syarat baru yang melarang orang ramai daripada memiliki tanah yang melebihi had tertentu atau memiliki lebih

daripada satu atau dua buah rumah. Syarat-syarat ini mesti dipatuhi

Untuk mengatasi inflasi kuasa yang ada pada syarikat-syarikat besar juga harus dikawal. Kerajaan harus menggalakkan kumpulan-kumpulan awam dan swasta yang lain menyertai bidang-bidang pengeluaran dan pengeluaran di mana syarikat-syarikat tersebut menonjolkan kuasa dan pengaruh mereka. Sementara itu, kerajaan mesti bersikap tegas terhadap syarikat-syarikat besar. Salah satu daripada caranya, kerajaan boleh menentukan bahawa parti-parti yang memerintah tidak menerima sumbangan wang daripada syarikat-syarikat tersebut

Akhir sekali, undang-undang pencegah sorokan mesti dikuat-kuasakan dengan jujur dan penuh-semangat. Dengan kita bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' dalam soal ini.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Mei 1980

TAHNIAH KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengucapkan tahniah kepada Menteri Pertanian dan Abdul Manan Othman kerana menitikberatkan peranan syarikat-syarikat kerjasama dalam pemajuan perumahan.

Syarikat-syarikat kerjasama harus digalakkan memainkan peranan yang lebih utama dalam pemajuan perumahan melalui pelbagai insentif dari kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

Kemudahan-kemudahan cukai dan pinjaman yang lebih banyak diperolehi adalah di antara sebahagian dari insentif-insentif yang boleh dipertimbangkan. Di samping itu, syarikat-syarikat kerjasama yang bercadang membinakan rumah-rumah harus diberikan peluang untuk memperolehi tanah dengan lebih murah.

Aliran juga sukacita dengan seruan Datuk Manan kepada ahli-ahli supaya bersifat mengkritik terhadap pengurus-syarikat-syarikat kerjasamanya. Hanya jika ahli-ahli bersedia berbuat demikian, baharulah jawatankuasa jawatankuasa pentadbir akan berfungsi dengan memuaskan. Kalau tidak, sikap tidak-apas dan penyelewengan akan bertapak.

Disember 1980

Osman Ibrahim
Ahli Jawatankuasa

KEADAAN EKONOMI SEKARANG

(Kenyataan Akhbar)

Aliran berasa bimbang tentang kejatuhan ekonomi yang telah menjadi terang di dalam beberapa minggu lalu.

Walaupun harga bijih timah telah naik, wujud tanda-tanda bahawa pendapatan-pendapatan dari barangan-barangan eksport akan terus merosot. Adalah penting bahawa di dalam suku pertama tahun ini kita mengalami lebih perdagangan hanya sebanyak \$82 juta berbanding dengan \$771 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Kemerosotan harga bagi eksport-eksport kita akan mempunyai akibat-akibat berat bagi ekonomi Malaysia seluruhnya. Ia akan mengurangkan kebolehan kita untuk mengadakan projek-projek baru dan menjalankan kemudahan-kemudahan yang wujud. Oleh kerana inflasi adalah juga satu masalah serius dengan kenaikan harga barang-barang pengguna yang perlu, mungkin sekiranya rosotan ekonomi sekarang akan memukul hebat kebanyakan rakyat Malaysia.

Bolehlah dipuji bahawa kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menghadapi keadaan ini. Menyimpan getah dan mencampur tangan dalam pasaran bijih timah adalah penyelesaian-penyelesaian jangka-pendek yang perlu. Demikian juga, untuk melawan inflasi adalah berguna untuk mengurangkan perbelanjaan awam yang membazir serta

...al keuntungan-keuntungan syarikat-syarikat besar.
...angka-panjang, bagaimanapun, kita mestilah memikir
...takulan-takulan pokok sistem ekonomi kita. Kita
...leh terus menampung carikan-carikan.

...ran selalu menyatakan bahawa kita patut berusaha
...wujudkan satu susunan ekonomi yang merdeka dan
...si yang tidak terdedah kepada pertukaran sistem
...antarabangsa. Ini memerlukan satu strategi pem-
...an yang berlainan sama sekali berdasarkan kepada satu
...yarakat yang bukan bercorak kapitalis atau sosialis.

...dalam strategi pembangunan baru ini tekanan adalah
...memperkuatkan asas pertanian ekonomi kita di
...menggalakkan perkembangan perusahaan-
...aan tempatan yang bertujuan untuk memenuhi
...keperluan penduduk tempatan. Tujuannya ialah
...mengurangkan pergantungan kepada modal luar,
...gi import dan pasaran-pasaran luar.

...dalam beberapa tahun akan datang beratnya
...kesulitan ekonomi kita akan meyakinkan kita
...kelemahan-kelemahan sesuatu ekonomi berdasarkan
...dan berorientasikan eksport dimana perusahaan-
...annya hanya mencerminkan aliran-aliran yang
...ganti dalam kapitalisme Barat. Ketika itu kita akan
...dari bahawa kemewahan ekonomi kita telah didasar-
...atas satu metos — metos pertumbuhan dan perkem-
...tak terbatas sistem ekonomi antarabangsa.

1981

Jawatankuasa

PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KEPIMPINAN POLITIK: MATLAMAT DAN MASALAH

(Ucapan)

...hubungan pembangunan ekonomi dan kepimpinan
...harus dikaji dari 3 zaman: (a) antara 57-69;
...ara 69 dan masakini; (c) dan masa depan.

Kepimpinan '57 mengekalkan sistem ekonomi yang diwarisi dari British dengan beberapa perubahan kecil. Ini adalah kerana latarbelakang tradisional mereka, komitmen perjuangan kemerdekaan yang bersifat sederhana, dan keyakinan mereka terhadap sistem kapitalis.

Justeru, Malaysia tetap sebagai pengeksport bahan-bahan asli seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan sebagainya. Oleh kerana bahan-bahan ini diperlukan oleh pasaran antarabangsa, kita berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat. Dengan perkataan lain, pertumbuhan kita – dan kemajuan kita – bergantung pada sistem kapitalis antarabangsa. Tetapi, ini dibantu oleh pentadbiran yang pada keseluruhannya cekap, kepimpinan yang memahami pentingnya perhatian kepada golongan yang daif dan keadaan politik yang stabil. Sebahagian daripada hasil pertumbuhan ekonomi yang pesat ini digunakan untuk menyediakan perkhidmatan perkhidmatan sosial untuk rakyat terutamanya dalam bidang pendidikan.

Ini salah satu daripada kejayaan kepimpinan '57. Tetapi mereka gagal memahami penting dan perlunya perubahan terhadap struktur ekonomi kolonial. Mereka tidak memahami bahawa pembangunan ekonomi yang tulen tidak bisa dicapai tanpa usaha-usaha membetulkan sistem pemilikan dan kawalan tanah, sistem pasaran, sistem pengedaran, sistem kewangan dan sebagainya. Lagipun, mereka tidak memahami bahawa perkembangan sistem pendidikan dan pertumbuhan ekonomi akan melahirkan desakan-desakan sosial tertentu yang memerlukan perubahan-perubahan pada struktur ekonomi. Kumpulan-kumpulan dan kelas-kelas baru akan wujud dengan permintaan-permintaan baru.

Ini telah berlaku pada 1969. Krisis politik 1969 yang tercetus dengan rusuhan 13 Mei, dari satu segi, adalah akibat daripada proses perubahan ini. Kepimpinan politik selepas 1969 sebenarnya mewakili dan mencerminkan hasrat dan harapan kumpulan-kumpulan dan kelas-kelas tertentu yang wujud selepas rusuhan 13 Mei.

Salah satu daripada kelas-kelas ini ialah kelas menengah Melayu. Harus ditegaskan di sini bahawa sebelum Merdeka

kelas menengah Melayu dalam ertikata yang sebenarnya. Yang ada hanya golongan aristokrat, golongan pentad-
dan beberapa kumpulan kecil yang lain pada satu pihak
massa Melayu pada pihak yang lain. Dasar pelajaran
ini menghasilkan kelas menengah bukan Melayu semata-
— iaitu suatu perkembangan yang mengakibatkan
berapa masalah-masalah tertentu selepas Merdeka.

Kembali kepada kelas menengah Melayu yang wujud
'69, adalah jelas bahawa matlamat-matlamat ekonomi
ini lah yang menerima perhatian utama daripada kepim-
politik. Objektif DEB mewujudkan golongan Melayu
dapat memiliki dan mengawal 30% daripada segala jenis
dan perindustrian adalah selaras dengan cita-cita
menengah. Lebih khusus usaha-usaha kepimpinan poli-
membahagikan lesen-lesen import-eksport kepada
Melayu, menentukan peluang-peluang kepada pen-
Melayu, menghulurkan kredit kepada peniaga Melayu,
memperbanyakkan pengurus Melayu dan sebagainya dituju-
kepada matlamat yang sama.

Dari satu sudut yang lain, pengambilalihan kompeni-
ni asing yang memiliki ladang-ladang dan lombong-
ong kita juga adalah sejajar dengan cita-cita kelas
menengah. Dalam hubungan ini, harus kita diingatkan bahawa
aulatan ekonomi ini dicapai dalam rangka sistem kapitalis-
itu sebuah perbadanan perniagaan dan perdagangan
diambilalih mengikut cara-cara kapitalis dengan
melanjutkan kegiatan-kegiatan kapitalisnya.

Usaha-usaha kepimpinan politik bagi pihak kelas
menengah Melayu mempunyai beberapa kesan sampingan —
antaranya, penambahan pekerja-pekerja Melayu di firma-
kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan bandar yang

Pada keseluruhannya, memperbanyakkan peluang-
bagi masyarakat Melayu dalam bidang perniagaan
perindustrian dan menegakkan kedaulatan ekonomi
hubungan kita dengan syarikat-syarikat luar adalah
pencapaian-pencapaian yang tidak kecil ertinya. Namun,
adalah masalah penting yang bersabit dengan kedudukan

majoriti tidak diberi perhatian yang secukupnya. Walaupun pembasmian kemiskinan adalah salah satu daripada matlamat DEB, usaha-usaha ke arah pencapaiannya tidak setanding dengan kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain diperingkat kelas menengah dan atasan. Sebagai bukti faktor-faktor yang kononnya bertanggungjawab atas pengurangan kemiskinan di desa seperti pembukaan tanah, harga yang baik bagi bahan mentah dan subsidi-subsidi bukanlah faktor-faktor yang menyentuh asas dan akar kemiskinan desa. Apakah pemberian tanah kepada 72,200 isi keluarga boleh dianggap sebagai faktor yang mengurangkan kemiskinan sedangkan kawasan MADA hampir-hampir 48,000 keluarga hampir tidak memiliki empat relong tanah? Di bandar pula, selain daripada pekerjaan baru, hujah-hujah yang lain mengenai pengurangan kemiskinan kurang kukuh. Umpamanya, rancangan perumahan murah yang tidak berkesan langsung dan bantukan kepada 5,900 penjaja kecil tidak boleh diterima sebagai faktor-faktor yang mengurangkan kemiskinan. Lagi pula masalah kemiskinan tidak harus dipisahkan daripada jurang perbezaan pendapatan dan inflasi yang sedang meningkat. Dalam hubungan ini, tiada angka-angka tentang jurang perbezaan dalam Rancangan Malaysia Ke-empat (RMK-4). Yang lebih penting tiada penjelasan tentang 'konsep kemiskinan' dalam RMK.

Salah satu daripada faktor yang menyebabkan timbulnya ini kepada kemiskinan dan jurang perbezaan ialah keruntuhan sistem ekonomi sebelum 1969 belum berubah. Selain daripada kepentingan kelas menengah Melayu, perubahan-perubahan kepada organisasi ekonomi Cina dan wujudnya beberapa kawasan-kawasan perindustrian, Malaysia masih kekal sebagai pengeksport bahan-bahan asli. Ekonomi masih berdasarkan pada pertumbuhan dan sistem produksi, pengedaran dan pemasaran masih bersifat kapitalis. Sungguhpun perubahan-perubahan berlaku pada pemilikan syarikat-syarikat asing, Malaysia masih bergantung pada sistem kapitalis antarabangsa.

Pada hemat saya, penggantungan inilah yang akan menjadi cabaran utama kepada kepimpinan politik pada masa depan. Sepertimana dibuktikan tadi, hubungan kita dengan

kapitalis antarabangsa telah membolehkan kita menye-
perkhidmatan sosial untuk orang ramai. Sebenarnya,
gaji, kenaikan pangkat, kemantapan ekonomi dan
dan beberapa aspek-aspek masyarakat yang lain ada
mengena dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat
berkaitan dengan penggantungan kita.

Tetapi sistem kapitalis antarabangsa sedang menghadapi
yang rumit. Krisis ini telahpun membawa kesan-kesan
pada ekonomi negara kita. Harga bahan-bahan
kita telah mula merosot. Pelaburan dari luar juga
mula merosot. Perkembangan ekonomi kurang pesat.
daripada keadaan ini, beberapa masalah yang
dengan perdagangan antarabangsa kita, pendapatan
kita, kemampuan kita membiayai projek-projek
angunan, kemampuan kita menaikkan gaji, dan kemam-
kita menghasilkan pekerjaan-pekerjaan baru akan
lebih serius.

Oleh kerana krisis kapitalisme kali ini tidak bisa diatasi
mudah, kita dan negara-negara yang lain harus
caracara menyelamatkan ekonomi kita. Inilah
yang menghadapi kepimpinan politik pada masa
Apakah kepimpinan politik kita mempunyai daya
masi untuk mengatasi masalah-masalah esok hari?

Berdasarkan pengalaman-pengalaman yang sudah tidak
kita menafikan bahawa kepimpinan kita telah berjaya
bahsuaikan rancangan-rancangan mereka pada
tidak-kehendak semasa. Akan tetapi, kali ini, apa yang
akan ialah perubahan-perubahan yang asas.

Saya berpendapat bahawa kita mesti merancang dasar-
yang akan menambah dan memperkuat 'sifat
ani' kita. Antara yang lain langkah-langkah yang
boleh diperhatikan: (a) memperkuat asas sains
teknologi kita sebagai suatu usaha asli; (b) menjadikan
kegiatan agrarian yang berteraskan bahan-bahan
sebagai usaha ekonomi yang penting; (c) memper-
kan industri-industri kecil dan sederhana yang
gunakan bahan-bahan tempatan; (d) menitikberatkan
dagangan dalam' lebih daripada 'perdagangan luar'; (e)

menentukan bahawa kebanyakan daripada keperluan asas rakyat dikeluarkan dalam negeri.

Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, kita menyusun semula organisasi sumber-sumber asas dalam ekonomi; industri-industri yang besar dan sistem pengedaran dan pengedaran harus dimiliki dan dikawal oleh masyarakat untuk kepentingan masyarakat seluruhnya. Hakmilik perpersendirian dan kegiatan-kegiatan ekonomi swasta harus dikekalkan juga dalam konteks kepentingan kemasyarakatan.

Tetapi susunan ekonomi baru ini harus mengutamakan desentralisasi supaya kuasa tidak dipusatkan pada kepimpinan politik atau pentadbiran.

Ternyata bahawa apa yang dicadangkan di sini ialah perubahan struktur yang akan merangkumi semua aspek masyarakat termasuk sistem tanah, pasaran, kewangan dan sebagainya. Perubahan struktur ini dapat dicapai melalui proses demokratik.

Kepimpinan politik yang mengusahakannya memerlukan beberapa sifat-sifat; (a) Ia mesti bebas seratus peratus daripada kepentingan-kepentingan tertentu. Lebih khusus bermakna bahawa kepimpinan politik mesti bersih, tidak terlibat dalam rasuah dan sanggup membenturkan rasuah. (b) Ia mesti mempunyai fahaman dan pengetahuan yang mendalam tentang proses ekonomi dan sosial di peringkat negara dan antarabangsa; (c) Kepimpinan politik mesti mempunyai pandangan yang luas tentang masyarakat masa depan yang adil, yang mengutamakan belas-kasihan, yang menjadikan insan sebagai asas pembangunan.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

September 1981

PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN DI MALAYSIA (Ringkasan Ucapan)

Ada beberapa ciri dalam perkembangan perindustrian kita yang mesti diperhatikan sebelum kita boleh menganalisisnya.

implikasi dan akibat-akibatnya. Pertama, perkembangan perindustrian sebahagian besarnya berorientasikan Hasil-hasil kayu, hasil-hasil getah, kain dan elektrotelah di antara barang-barang utama. Ekspot-ekspot pembuatan berjumlah 25.2% daripada ekspot perindustrian kasar dalam 1980. Ia membawa pendapatan sebanyak \$7,158 juta. Pasaran-pasaran utama tetap Amerika, Singapura, Komuniti Ekonomi Eropah dan Jepun. Kedua, pasaran-pasaran ekspot ini memberikan kita gambaran tentang pergantungan kita ke atas pelaburan dalam perkembangan perindustrian kita. Kerana perindustrian pembuatan kita dimiliki dan dikuasai kapitalis-kapitalis luar dari Jepun, Britain, Amerika, Jerman Barat, Singapura dan Hong Kong.

Ketiga, oleh kerana orientasi ekspot kita, pembuatan diarahkan oleh barangan-barangan pengguna dan lapisan menengah. Boleh dikatakan tidak ada perindustrian barangan berat. Walau bagaimanapun, di akhir enam puluhan dan awal tujuh puluhan ada beberapa perusahaan ganti-import khasnya untuk membuat makanan.

Keempat, pembangunan perindustrian mewujudkan 400,000 pekerjaan baru dalam tahun-tahun tujuh puluhan, mewakili 24.5 peratus daripada jumlah pekerjaan perindustrian. Akibatnya, bahagian pembuatan di dalam jumlah perindustrian bertambah dari 11.4% dalam 1970 ke 15.8% dalam 1980. Perusahaan-perusahaan kain, elektrik dan elektronik, kimia, dan hasil-hasil kayu mewujudkan kebanyakan pekerjaan-pekerjaan baru.

Akhirnya, mengingatkan ini semua, tidaklah menghairankan bahawa sektor pembuatan merupakan sektor pertumbuhan yang menonjol. Ini dijangka akan kekal dalam dua puluh tahun. Bahagiannya dalam Keluaran Kasar Dalam (KKDN) dirancang akan bertambah dari 20.5% dalam 1980 ke 23.9% dalam 1985.

Dalam lapan puluhan kerajaan mencadangkan hendak meningkatkan dua bidang perindustrian yang dulunya lemah. Pertama, sebuah perindustrian barangan berat

akan diwujudkan dengan rancangan-rancangan untuk kelengkapan besi, simen dan kilang-kilang baja. Semua ini akan dibina sebahagian besarnya oleh negara. Kedua, perindustrian perindustrian akan disebarikan ke kawasan-kawasan mundur. Ini adalah kerana kegiatan-kegiatan pembuatan kerapah ditumpukan di kota-kota besar di pantai barat Malay Barat.

Arah-arab baru ini dalam lapan puluhan menunjuki satu peranan yang lebih penting bagi negara dalam pembangunan perindustrian. Namun demikian, sektor swasta khususnya kelompok asingnya — akan terus menjadi penggerak program perindustrian kita. Pelaburan asing dalam pembangunan perindustrian kita dibantu oleh Akta Galakan Pelaburan yang mengadakan pelbagai kemudahan. Pelabur pelabur berhak mendapat pelepasan cukai, kredit cukai pelaburan, elaun susutan kira bertambah, potongan pemajuan eksport dan elaun eksport di antara galakan-galakan lain. Tentunya, ada juga peraturan-peraturan bagi pembangunan perindustrian melalui Akta Penyelarasan Perindustrian yang bertujuan sebahagian besarnya untuk menjamin tercapainya matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Manakala diakui bahawa pembangunan perindustrian telah membuat sumbangan yang tidak kecil kepada mewujudkan pekerjaan bagi tenaga kerja yang bertambah dengan cepatnya khususnya setelah 1969, adalah benar juga bahawa ia telah gagal untuk memenuhi hasrat rakyat di segi-segi lain. Pertama, seperti di negara-negara lain dalam keadaan yang sama, upahan bagi pekerja-pekerja adalah rendah berbanding dengan keuntungan-keuntungan besar yang diperolehi oleh syarikat-syarikat. Dari segi upahan tidak syak lagi wujud penindasan yang teruk yang digambarkan dalam zon-zon perdagangan bebas kita. Kedua, di setengah-setengah perindustrian — khususnya elektronik — para pekerja tidak mempunyai hak-hak asasi seperti hak untuk menyuarakan dan menuntut upahan lebih tinggi. Juga tidak ada jentakan perundingan yang diwujudkan di dalam kebanyakan perindustrian ini. Ketiga, tidak ada pemindahan teknologi yang sebenar — sekali lagi, satu keadaan yang boleh diba-

akan dengan kebanyakan negara membangun lain. Penyebaran kemahiran-kemahiran perindustrian ini bermakna bahawa pekerja-pekerja dan pengurus kita terus di dalam keadaan 'teknologi mundur'. Berlawanan dengan apa yang dipercayai ramai, tidak ada kemasukan modal yang sebenar dari luar. Apa yang berlaku ialah bahawa syarikat-syarikat asing mengembebelkan modal tempatan melalui bank-bank mereka di negara ini. Kelima, untuk menjadikan kedudukannya lebih baik, wujud perpindahan modal yang besar di dalam bentuk aliran-keuntungan yang mengalir keluar ke negara-negara lain. Ini satu masalah yang berat khasnya bila kita sedar bahawa syarikat-syarikat asing boleh mendapat keuntungan-keuntungan besar dalam masa yang singkat. Oleh itu, di samping ini semua, patutlah dijelaskan bahawa perindustrian-perindustrian pembuatan kita, sama ada asing atau tempatan, sebahagian besarnya berorientasikan kepada kehendak dan kemahuan-kemahuan kelas-kelas menengah dan atas — dan tidak kepada keperluan-keperluan rakyat jelata. Ini bermakna sama ada dari segi upahan, perumahan atau keperluan, kebanyakan tidak berada di pusat pembangunan perindustrian. Akhirnya, oleh kerana pembangunan perindustrian kita bergantung kepada pelabur-pelabur pasaran-pasaran asing, ia meletakkan kita khasnya dalam keadaan yang terdedah. Jika keadaan pasar dunia tidak begitu baik kerana dasar-dasar melindungi ataupun jika pelabur asing tidak datang kerana rosotan ekonomi dalam negara-negara perusahaan, maka perkembangan perindustrian akan menderita. Ini boleh menjadi satu cabaran serius kerana masa beberapa tahun akan datang dengan jatuhnya sistem kapitalis antarabangsa.

Semua faktor ini harus menyakinkan kita perlunya kita menilai semula strategi perindustrian kita. Dalam penilaian ini, beberapa prinsip asas patut dipegangi. Pertama, perindustrian haruslah ditujukan kepada mencapai keperluan asas penduduk ramai. Ini bermakna ia harus mampu kepada penghasilan makanan, pakaian, rumah dan sebagainya. Kalau boleh, bahan-bahan tempatan dan pengetahuan tempatan patut digembelingkan untuk tujuan

ini. Pelaburan-pelaburan asing boleh diterima di dalam konteks ini sekiranya mereka didapati sangat perlu. Kedua, perindustrian seperti ini tidak harus mengira aspek pengguanaan semata-mata. Penghasilan barang-barang berat — jenis untuk menghasilkan kain misalnya — patut diutamakan. Ketiga, tidak kita akan terus bergantung kepada teknologi asing. Ketiga, disamping membekalkan keperluan-keperluan asas sebahagian daripada barang-barang buatan kita patut dieksport juga untuk memperolehi pertukaran asing dan membantu membiayai import-import kita. Keempat, penanaman dan pengawalan kebanyakan industri-industri ini patut dipegang oleh masyarakat. Ini akan menjamin wujudnya modal yang cukup untuk dilaburkan semula kerana keuntungan-keuntungan tidak akan masuk ke dalam saku-saku persendirian. Selain itu, di dalam banyak masyarakat Dunia Ketiga, modal swasta tempatan terikat dengan pelbagai jenis kegiatan perkhidmatan seperti hotel dan perumahan dan dengan itu tidak dapat menggalakkan perkembangan perindustrian. Kelima, susunan dan pentadbiran industri-industri haruslah didesentralisasikan seberapa boleh. Ini boleh menolong meningkatkan kecekapan dan penghasilan melalui penyertaan pekerja yang lebih luas. Keenam, penyertaan pekerja akan lebih bermakna jika teknologi-teknologi yang digunakan adalah mudah dan senang dikawal. Teknologi-teknologi yang sesuai patutlah juga bersifat perikemanusiaan dan boleh menolong memajukan kerjasama dan mewujudkan perhubungan harmoni dengan alam. Akhirnya, untuk perindustrian tulen berfungsi, haruslah ada satu asas saintifik dan teknologi yang baik dan kuat. Penyelidikan saintifik haruslah disalurkan ke bidang-bidang pokok — bagaimana mengembelingkan cahaya matahari dan air, misalnya, bagaimana mewujudkan pengubatan-pengubatan baru bagi penyakit-penyakit tempatan, bagaimana membina rumah-rumah yang lebih sesuai dengan persekitaran tempatan. Hanya dengan cara ini barulah perindustrian yang benar benar menguntungkan rakyat akan berkembang.

Tidak perlu dikatakan lagi, pembangunan perindustrian atau apa-apa pembangunan lain mestilah dihubungkan kepada suatu pengertian manusia dan masyarakat yang lebih

kefahaman manusia dan masyarakat yang terkandung di
dalam semua tradisi kerohanian kita yang agung tidak syak
adalah jenis manusia yang telah dibentuk oleh
'industrian palsu' di Malaysia dan lain-lain negara Dunia
Melayu. Malah di Barat pun, perindustrian dari satu segi telah
menakutkan manusia dan memesongkan hubungan-hubungan

adalah sebabnya kita perlu mendekati pembangunan
industrian dari satu sudut yang sama sekali baru. Sudut
ini mesti berlaku adil terhadap manusia sebagai satu
makhluk rohaniah dengan asas kehidupannya yang rohaniah
dan matlamat hidup yang rohaniah. Kreativitinya, kasih
sayang, kebebasannya tidak harus bila-bilapun kehilangan
tempat di dalam kebosanan sebuah jentera tak berotak yang
menakutkan dan mematikan.

Agustus 1981

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

BAB 5

DASAR KEWANGAN DAN PERTANGGUNGJAWABAN

Pokok persoalan berkisar dari bantahan terhadap kenaikan harga minyak (yang mana para pengguna dan pemern perlu dilepaskan dari cengkaman syarikat-syarikat minyak), dan komen mengenai Belanjawan ke bantahan terhadap projek lapangan golf di Pulau Pinang, pengenalan televisyen berwarna, implikasinya terhadap prioriti pembangunan, dan Laporan Ketua Negara.

KOMEN RINGKAS TERHADAP BELANJAWAN YANG AKAN DATANG

(Kenyataan Akhbar)

Memandangkan apa yang dicapai oleh polisi kewangan dan belanjawan dalam struktur ekonomi semasa, Akhbar ingin membuat cadangan berikut.

Polisi kewangan patutlah ditumpukan kepada:-

- 1) membenarkan koperatif memainkan peranan yang lebih besar dalam perumahan, pengangkutan dan pengedaran.
- 2) menyekat keuntungan besar dari dikaut oleh perusahaan tempatan dan juga asing.
- 3) menggalakkan pengeluaran makanan dan menggalakkan pengeksportan barang makanan yang penting.
- 4) memperkembangkan industri tempatan yang berasaskan bahan-bahan asli dan tenaga sendiri.
- 5) melawan rasuah dan mengelakkan pembaziran dalam ekonomi.
- 6) menggalakkan kajian saintifik bertujuan memajukan teknologi kita.

dan dari itu, patutlah diadakan satu perubahan dalam percukaian.

Man kepada ibubapa patutlah dikecualikan dari cukai. Ini adalah satu amalan biasa di kalangan pekerja-pekerja. Pengecualian cukai akan menggalakkan orang-orang muda memelihara orang tua mereka di masa tua — nilai budaya yang menjadi tradisi di kalangan semua komuniti di Malaysia. Tambahan pula ia mengurangkan beban Jabatan Kebajikan.

Mereka yang mendapat pendapatan kurang dari \$700 setahun patutlah dikecualikan dari kena cukai pendapatan persendirian sekiranya mereka merupakan penyara utama dalam keluarga sederhana. Ini adalah memandang kos hidup yang semakin meningkat dan keadaan inflasi dalam negeri.

1978

Jawatankuasa

TELEVISYEN BERWARNA: KEUTAMAAN YANG SALAH

(Kenyataan Akhbar)

Di tengah-tengah kegembiraan pelancaraan Televisyen Warna esok, adalah mustahak bagi kita mengingatkan orang dan rakyat bahawa hampir-hampir 50 peratus daripada masyarakat kita masih miskin, bahawa sebilangan daripada penduduk kita masih belum menikmati kemudahan-kemudahan asasi hidup seperti air paip, elektrik dan das moden.

Harus kita diingatkan juga bahawa kebanyakan daripada rakyat kita yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah walaupun mereka berusaha sedaya upaya. Juga, beribu-ribu penduduk desa tidak memiliki tanah. Beribu-ribu murid sekolah tercicir setiap tahun kerana kekurangan.

Masalah-masalah asas sedemikian — dan bukan pelancaran Televisyen berwarna — harus menerima perhatian sebuah kerajaan yang berhasrat memperbaiki kehidupan orang ramai. Pelancaran televisyen berwarna hanya menunjukkan bahawa keutamaan-keutamaan kita dalam pembangunan adalah salah. Sepertimana juga dengan seteru negara-negara Dunia Ketiga yang lain, televisyen berwarna lebih merupakan sebuah projek megah. Ia memutarbelakangkan perhatian daripada persoalan-persoalan masakini yang tul

Adalah mengecewakan bahawa saluran-saluran komunikasi dan pendidikan seperti televisyen kadangkala dipergunakan untuk mengkhayalkan rakyat biasa. Ini pernah dilakukan oleh elit-elit Rumawi pada masa lampau melalui satir sarkas dan pesta-pesta mereka.

Disember 1978

Dr. Chandra Muzia
Presiden

PADANG GOLF

(Kenyataan Akhbar)

Cadangan untuk membina padang Golf 130 ekar di Bandar Bayan Baru sangat dikesali. Aliran menyokong pembantahan terhadap rancangan tersebut.

Bantahan Aliran berdasarkan tiga sebab utama:

- a) Pulau Pinang adalah salah satu daripada negeri-negeri Malaysia yang menghadapi masalah kekurangan tanah untuk perumahan dan rancangan-rancangan pembangunan yang lain. Kita sering diberitahu bahawa kekurangan tanah inilah salah satu daripada faktor-faktor yang mengakibatkan kenaikan harga rumah-rumah termasuk rumah-rumah murah. Sekiranya benar, kenapa tanah yang begitu bernilai digunakan untuk satu matlamat yang hanya menguntungkan segelintir manusia?

Pulau Pinang adalah negeri yang tidak begitu kaya. Untuk membiayai projek-projek awam adalah satu daripada kerumitan-kerumitan yang sentiasa mencabar proses pembangunan di negeri ini. Dalam keadaan sedemikian adakah wajar jika kerajaan membiayai padang golf yang memakan perbelanjaan yang tinggi bukan sahaja dari segi pembinaan bahkan juga dari segi pengurusan (maintenance)?

Penggunaan menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat pelancongan tidak bergantung pada padang golf. Mengikut kajian-kajian yang pernah dijalankan, pelancung-pelancung dari Barat dan Jepun melawat negara-negara Asia Tenggara kerana keindahan semula jadinya, konsep kehidupannya yang berbeza dan kebudayaan-budayannya yang beranika. Itulah sebabnya Aliran menganggap alasan yang dikemukakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bahawa padang golf itu penting dari segi pelancungan sebagai satu alasan yang tidak menasabah.

Rakyat mesti sedar bahawa sejak Merdeka Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri telah membazir berjuta-juta ringgit untuk pembinaan padang-padang golf di seluruh Malaysia. Ini adalah satu perbuatan yang dikutuk kerana beratus-ratus ribu penduduk kita di kawasan-kawasan desa, kampung-kampung baru dan ladang-ladang getah belum memiliki sekeping tanah pun!

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

BANCI PASARAN HARTA

(Kenyataan Akhbar)

Sebahagian daripada sebab-sebab yang diberikan untuk menentukan harga dalam pasaran harta sepertimana terkandung dalam laporan mengenai banci yang dianjurkan oleh bahagian

penilaian, Kementerian Kewangan tidak dapat diterima. Mengikut banci tersebut wujudnya setinggian dan pampasan yang diberikan mereka adalah salah satu daripada faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan itu. Akan tetapi masalah setinggian adalah akibat daripada krisis perumahan.

Banci berkenaan gagal mendedahkan sebab-sebab yang lebih penting yang bertanggungjawab atas kenaikan harga rumah di beberapa tempat dinegara kita. Antaranya ialah sebab-sebab yang berikut:

- 1) Ketiadaan undang-undang yang berkesan yang dapat mengawal spekulasi dalam pasaran jual-beli tanah dan perumahan.
- 2) Ketiadaan undang-undang yang bertujuan menghadkan pemilikan tanah dan rumah-rumah.
- 3) Kurangnya kawalan berkesan terhadap perusahaan bahan-bahan pembinaan bangunan yang dapat memecah monopoli-monopoli dan mengurangkan keuntungan besar yang diperolehi mereka.
- 4) Ketiadaan undang-undang yang dapat mengawal manipulasi agen-agen, orang tengah dan golongan-golongan yang bersifat tamak yang lain yang terlibat dalam jual-beli harta.
- 5) Kemungkinan rasuah di berbagai peringkat yang boleh mengakibatkan kenaikan yang tidak berpatutan dalam harga rumah.
- 6) Keengganan sektor awam – iaitu Kementerian Perumahan, agensi-agensi Persekutuan seperti UDA dan perbadanan-perbadanan pembangunan negeri – menguruskan rancangan perumahan secara besar-besaran untuk golongan yang berpendapatan rendah. Rancangan Malaysia Ketiga, umpamanya, menyerahkan tugas ini kepada sektor swasta yang sebenarnya mengutamakan keuntungan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan kurang bersungguh-sungguh menyelesaikan krisis perumahan.

Menyusun semula jentera pentadbiran bukannya satu penyelesaian. Kerajaan harus mengkaji kenapa dalam keadaan

ini kelas menengah-rendah yang bergaji dan kelas
yang bergaji sekalipun tidak mampu membeli

ember 1979

Jawatankuasa

LEMBUT TERHADAP MEREKA YANG TERLALU KAYA

(Kenyataan Akhbar)

Oleh kerana adalah jelas sekarang bahawa potongan
bagi kelas-kelas rendah dan pertengahan tidak
sukna besar, adalah wajar bagi kita memutuskan bahawa
belanjan 1980 adalah curahan mewah kepada mereka yang
kaya dan sektor 'Corporate'. Potongan cukai bagi
individu-individu dalam golongan pendapatan amat tinggi dan
potongan-potongan cukai bagi sektor 'Corporate'
muktikan secara muktamad pemerhatian ini.

Kita dimaklumkan struktur cukai baru bagi golongan
bertujuan menyediakan galakan-galakan bagi mereka
membang terhadap pembangunan ekonomi. Tetapi telah
bahawa golongan yang amat kaya tidak pernah
perusahaan ekonomi yang mendatangkan keun-
kepada orang ramai keseluruhannya. Kekayaan
telah digunakan untuk penggunaan kemewahan
untuk pembinaan hotel dan rumah-rumah bagi golongan
pendapatan tinggi.

Begitu juga, syarikat-syarikat getah, bijih timah dan
sawit yang menikmati faedah daripada potongan-
cukai jarang melabur balik keuntungan besar untuk
menud dan memajukan perusahaan-perusahaan yang
gunakan lebih banyak tenaga buruh. Mereka jarang
menambahkan pengetahuan saintifik atau menggalakkan
teknologi-teknologi baru dalam perusahaan masing-masing.

Bukan sahaja syarikat-syarikat yang terlibat dalam
potongan barangan yang diberkatkan oleh belanjan

baru ini. Syarikat-syarikat kilang pembuatan dan pemasangan besar juga telah menerima layanan baik secara tidak langsung. Keengganan kerajaan memotong cukai import bagi beberapa barang yang dihasilkan oleh syarikat yang ditubuh di Malaysia yang pada masa ini masih dilindungi oleh batasan cukai tinggi telah mengekalkan monopoli mereka. Jika cukai import dipotong, barangan yang lebih murah dari luar negeri mungkin memaksa syarikat-syarikat tempatan mengurangkan harganya. Dalam keadaan sekarang syarikat-syarikat yang telah mendapatkan keuntungan yang tinggi boleh terus meningkatkan harganya.

Cuma bila harga barang-barang kemudahan-kemudahan mustahak dikurangkan barulah orang miskin menikmati keuntungannya. Malah bagi kumpulan pendapatan sederhana juga tidak akan dapat membuat simpanan daripada potongan cukai sendiri jika harga barangan terus meningkat. Belanjawan telah gagal untuk mengutarakan dasar-dasar fiskal yang jelas untuk tujuan mengatasi aliran inflasi.

Itu sebabnya mengapa kesan belanjawan ini menambahkan jurang pendapatan di antara kaya dan miskin. Amat menyedihkan bahawa tidak ada satu Belanjawan pun sejak Merdeka yang cuba menggunakan pendapatan yang lumayan dari barangan eksport untuk mengurangkan jurang pendapatan. Kerajaan mempunyai khayalan bahawa dengan hanya menyediakan kemudahan-kemudahan sosial kepada kaum miskin, jurang pendapatan di antara si kaya dan si miskin akan luput.

Jawatankuasa

Oktober 1979

KENAIKAN HARGA MINYAK

(Kenyataan Akhbar)

Aliran merasa kecewa bahawa kerajaan telah meluluskan kenaikan harga minyak yang melambung tinggi buat kedua-duanya dalam tempoh 4 bulan.

membuktikan dengan jelas pergantungan kita pada lima syarikat minyak yang menguasai pengedaran dan barang-barang pengeluaran yang berdasarkan. Kita tidak dapat menerima tanpa dipersoalkan alasan 3 daripada 5 syarikat tadi mengalami kerugian wang. Keuntungan dengan keuntungan-keuntungan besar yang mereka tahun lalu.

hemat kami, sebab sebenar kenaikan harga ini adalah kerana keadaan pasaran mereka di Eropah dan Amerika. Syarikat-syarikat minyak yang disebutkan tidak dapat mengekalkan keuntungan-keuntungan atas 3 sebab: i) pengeluaran minyak yang melebihi ii) persaingan yang hebat daripada pengedar yang bebas yang tidak terikat pada syarikat-syarikat tadi iii) kesedaran yang sedang meningkat di kalangan ramai di sana tentang sikap tamak haloba syarikat-syarikat minyak. Itulah sebabnya syarikat-syarikat ini cuba kemerosotan keuntungan di pasaran Barat dengan kenaikan harga minyak di pasaran Asia.

Kerajaan dan rakyat Malaysia tidak harus dijadikan pada tipu-muslihat syarikat-syarikat yang berpenyakit ini yang sentiasa memutarbelitkan keadaan demi keuntungan mereka. Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah yang tegas untuk membebaskan rakyat daripada syarikat-syarikat ini. Pertama, kerajaan harus melikwidasikan Petronas dan pengedar-pengedar tempatan yang bebas menyertai pasaran dengan cara besar-besaran. Barisan Nasional dan parti-parti gabungannya harus membuat kenyataan kepada umum bahawa mereka tidak akan menerima sumbangan wang daripada syarikat-syarikat tadi. Ini akan membuktikan kepada masyarakat bahawa kerajaan kita benar-benar marah kepada syarikat-syarikat minyak. Lebih penting ini akan membolehkan kerajaan bertindak dengan tegas dan bebas kerana tidak terikat pada syarikat-syarikat tersebut.

BELANJAWAN 1981

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan beberapa cadangan yang terkandung di dalam Anggaran Belanjawan 1981, yang bertujuan untuk membantu 'orang-orang kecil' dalam ekonomi. Khususnya, kami mengalu-alukan subsidi kupon untuk penanam penanam padi, bantuan tanaman semula yang tinggi untuk pengusaha-pengusaha kecil getah, kadar-faedah yang rendah untuk pinjaman-pinjaman perniagaan bagi industri-industri kecil-kecilan, pengecualian cukai jualan untuk perniagaan perniagaan kecil dan sederhana dan peruntukan-peruntukan yang besar kepada kerajaan negeri untuk perumahan harga rendah.

Walaupun bagaimanapun, beberapa cadangan perlu diteliti semula. Walaupun didapati baik untuk meninggikan sumbangan dari pekerja-pekerja kepada Kumpulan Wang Simpan Pekerja, Aliran berpendapat bahawa pendekatan dua titik akan membekalkan faedah lebih baik bagi kumpulan yang miskin. Bagi mereka yang berpendapatan kurang daripada \$700/= sebulan sumbangan mereka hendak tetap pada 6 peratus dengan 14 peratus daripada majikan menjadikan sejumlah 20 peratus daripada gaji. Bagi mereka dalam kumpulan \$700/= dan kategori atas, 9 peratus yang dicadangkan daripada pekerja dan 11 peratus daripada majikan hendaklah dikekalkan. Ini akan membolehkan kumpulan yang berpendapatan rendah sekurang-kurangnya dapat mengekalkan gaji bersih pada peringkat yang sama sekarang. Ini adalah satu pertimbangan yang mustahak memandangkan kepada keadaan inflasi.

Begitu juga, ketika terdapat beberapa langkah tertentu yang dirancang untuk membentasi inflasi, Aliran amat sukacita melihat satu penilaian yang terperinci tentang kesan dari perbelanjaan sektor awam terhadap inflasi. Inilah sektor yang telah tumbuh begitu ketara di dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas, dan adalah di jangka sesuai untuk membentuk dan isi perbelanjaan dalam sektor tersebut supaya perbelanjaan yang tidak perlu tidak mengakibatkan kepada bertambahnya inflasi.

di samping itu, terdapat beberapa lapangan yang sepatutnya menerima lebih banyak perhatian. Peruntukan untuk penyelidikan yang bercorak saintifik dan teknologi bagi pertanian dan industri masih lagi kurang. Adalah mustahak jika kita menguatkan lagi asas saintifik kita sendiri jika kita mahu meresapkan teknologi barat untuk corak perindustrian yang dicadangkan. Insentif-insentif untuk pekerja dalam bentuk modal dan kemudahan-kemudahan sepatutnya digabungkan juga dalam anggaran tahunan.

Akhir sekali, Aliran merasa kuatir tentang pertambahan peratus dalam peruntukan untuk keselamatan terutama apabila \$1,700/= juta untuk pertahanan adalah cuma pembesaran angkatan tentera. Keadaan di Asia Tenggara telah jelas menunjukkan bahawa keselamatan bergantung bukan sangat di atas kekuatan angkatan tentera berbanding dengan integriti golongan elit dan aduan rakyat dalam negeri. Dalam hubungan ini, belanjanya seharusnya memasukkan peruntukan-peruntukan tertentu dan penting untuk mengawal rasuah dan meningkatkan aduan kebangsaan.

Mei 1980

Jawatankuasa

SUBSIDI BAJA

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan pemberian subsidi baja kepada petani-pekebun kecil nenas yang diumumkan kelmarin oleh Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong.

Subsidi yang merupakan 6 beg baja tiap-tiap seekor tanaman itu adalah 50% daripada jumlah keperluan pekebun-pkebun kecil tersebut. Bantuan dari kerajaan seperti inilah yang telah lama disyorkan oleh Aliran. Kerajaan seharusnya menolong golongan yang miskin dalam sektor pertanian dengan memberikan subsidi bagi bahan-bahan seperti baja

dan jentera-jentera daripada memberikan wang tunai begitu sahaja. Lagi pula, dalam aspek inilah pekebun-pekebun kecil nenas sangat-sangat memerlukan bantuan kerana kos buruh telah melambung naik dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Bantuan seumpama ini adalah selaras dengan komitmen untuk mewujudkan satu masyarakat pertanian yang berdikari.

Adalah diharapkan Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pertanian kedua-duanya akan menyediakan secara sistematik satu rancangan bantuan secara tidak langsung untuk penanam-penanam padi, pekebun-pekebun kecil getah, pekebun-pekebun kecil nenas dan lain-lain pekebun.

Januari 1981

Gan Kong Hwa
Ahli Jawatankuasa

HARGA GULA YANG BARU

(Kenyataan Akhbar)

Aliran merasa kesal kerana kerajaan telah meluluskan kenaikan 30 sen pada harga gula. Harga gula yang baru iaitu \$1.05 sekati — adalah satu bebanan yang besar kepada golongan miskin yang kini menjadi mangsa kepada kos hidup yang meningkat. Harga baru bermakna bahawa harga gula telah dinaikkan sebanyak 62% dalam tempoh 4 bulan. Sebenarnya, harga ini lebih tinggi daripada harga gula dalam pasaran gelap.

Adalah benar bahawa keadaan pasaran antarabangsa telah mempengaruhi harga gula disini, akan tetapi Aliran berpendapat bahawa faktor-faktor tempatan juga bertanggungjawab. Pengilang-pengilang gula di Malaysia sentiasa menggunakan pengaruh yang ada pada mereka untuk menuntut kenaikan harga yang menjamin keuntungan yang lebih besar kepada mereka. Lagi pun, pemborong dan penjual runcit mengambil kesempatan keadaan ini untuk menaikkan harga.

Untuk membuktikan bahawa kenaikan harga mengun-
gkan pengilang dan pemborong, kita dapat menunjukkan
bahwa setiap kenaikan didahului oleh kekurangan bahan
dalam pasaran terbuka. Ini berlaku pada gula dan
makan. Kekurangan ini sengaja diadakan supaya ia boleh
dipakai untuk mendesak kelulusan kenaikan harga.

Adalah ternyata bahawa kerajaan tidak dapat mengawal
barang-barang keperluan yang terus meningkat. Itulah
saya orang ramai mesti berusaha membentuk kesedaran
kritik tentang reformasi yang perlu dalam pengeluaran
pengedaran barang-barang asas dan dalam pengelolaan
ekonomi seluruhnya. Inilah langkah pertama dalam usaha
menentang kenaikan harga.

T. Zaitun Mahadi
Bendahari

Januari 1981

HARGA MINYAK DINAikkan LAGI

(Kenyataan Akhbar)

Alian ingin menyuarakan rasa kesalnya kerana kerajaan
sekali lagi tunduk kepada syarikat-syarikat minyak yang
minta kenaikan harga petrol, disel, minyak tanah dan gas
minyak.

Alasan bahawa OPEC telah menaikkan harga minyak
sekitar sebanyak 13 peratus pada bulan Januari ini adalah
sangat dipercayai. Sebenarnya, dengan menggunakan alasan
kerajaan sedang bertindak sebagai jurucakap untuk
syarikat-syarikat minyak yang selalunya menggunakan OPEC
sebagai helah untuk mendapatkan keuntungan yang selebih-
nyanya. Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa punca
kenaikan harga petrol adalah ketamakan syarikat-
syarikat minyak yang besar ini dan bukannya OPEC.

Adalah jelas bahawa kenaikan harga ini akan menjejaskan
sahaja kelas menengah tetapi juga golongan berpen-
ghasilan rendah.

Kerajaan tidak boleh meneruskan amalan memberi subsidi untuk hasil-hasil petroleum. Nescaya akan tiba masanya apabila seluruh struktur perusahaan minyak terpaksa disemak semula.

Oleh kerana minyak merupakan hasil asli negara kerajaan harus menimbangkan kemungkinan mengambil alih perusahaan ini. Mungkin dengan cara ini harga petrol dapat distabilkan kerana keinginan membuat keuntungan maksimum tidak akan menjadi tujuan tunggal perusahaan itu lagi.

Jika reformasi ekonomi yang asasi seperti ini tidak dijalankan, ada kemungkinan besar negara ini akan menghadapi krisis ekonomi yang teruk sebelum akhir dekad ini.

Akhir sekali, Aliran terpaksa menyatakan bahawa kerajaan nampaknya sudi menerima "pengaruh terhadap dasar-dasar kerajaan" yang dijalankan oleh syarikat-syarikat minyak tetapi usaha kumpulan-kumpulan rakyat untuk mempengaruhi kerajaan supaya dasar-dasar yang lebih adil dilaksanakan disifatkan sebagai "kegiatan politik bertopeng" yang harus didedahkan.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

April 1981

KETIDAKURUSAN BETUL PERUSAHAAN- PERUSAHAAN KERAJAAN

(Kenyataan Akhbar)

Laporan Ketua Odit Negara mengenai 'malapetaka' kewangan yang dialami oleh beberapa syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan jelas mencerminkan tentang pengurusan dan pengawasan yang tidak memuaskan dalam perusahaan-perusahaan kerajaan yang mana malapetaka makin bertambah.

Dalam kes tersebut pembaziran wang rakyat adalah begitu banyak sekali maka satu penyiasatan yang menyeluruh wajarlah diadakan. Aliran berharap pihak-pihak berkuasa

berkenaan telah pun mengambil tindakan-tindakan untuk mengelakkan berlakunya lebih banyak keru-
sepertimana juga disyorkan dalam Laporan Odit.

Ketua Odit Negara haruslah diberikan tahniah atas kerja-nya yang dijalankan dengan begitu baik sekali. Memanglah beliau hanyalah menjalankan tugas yang diberikan kepadanya sahaja. Tetapi, pada masa sekarang di mana harapan dalam perkhidmatan kerajaan tidak dapat dijamin-lagi, sesiapa yang menjalankan tugasnya dengan sempurna wajarlah menerima kepujian.

Sementara itu, perlu ditarik perhatian bahawa lebih banyak publisiti harus diberikan kepada Laporan Ketua Odit Negara memandangkan maklumat lengkap yang dikandungi dalam sektor awam yang penting ini dalam ekonomi

Gan Teik Chee
Pen. Setiausaha

LAPORAN KETUA ODIT NEGARA

(Kenyataan Akhbar)

Kali lagi Aliran memuji Ketua Odit Negara sebab telah mengemukakan laporan prestasi pentadbiran kerajaan yang ikhlas dan jujur. Akhbar "Star" juga patut dipuji kerana penerbit yang cuba memenuhi tanggungjawab kepada para pembacanya.

Aliran berpendapat bahawa laporan tahunan oleh Ketua Odit Negara mesti diberi lebih perhatian dari apa yang diberikan sekarang. Pertamanya, Parlimen mesti mengkhususkan beberapa hari untuk membincang laporan itu, terutama mengenai belanjawan tahunan pada bulan Oktober.

Kedua, setiap Kementerian mesti menubuh suatu komite khas untuk mengkaji dan menentukan bagaimana cadangan laporan odit dilaksanakan dengan tepat.

Ketiga, Biro Siasatan Negara mesti dibenarkan menjalankan tugasnya tanpa campurtangan apa-apa pihak pun, sebarang

penyelewengan sepertimana yang dibongkar oleh lapo-
odit itu.

Selain dari tindakan-tindakan tersebut, pemerintah mesti mencuba mengatasi punca-punca yang mengakibatkan sebarang penyelewengan.

Pertamanya, setiap menteri mesti memupuk perantaraan tanggungjawab atas diri sendiri, dan mereka juga mesti memberi tauladan kepada pegawai-pegawainya dengan sifat-sifat kejujuran, kecekapan dan dedikasi.

Keduanya, pemilihan pegawai-pegawai untuk jawatan pengawasan dan pengurusan mestilah dibuat berdasarkan kriteria kebolehan dan kejujuran sahaja.

Ketiganya, bagi mereka yang telah menyeleweng tidak jujur, tindakan berpatutan dan tegas mesti diambil dengan serta merta, tanpa mengira jawatan dan pangkat.

Keempatnya, pendidikan dan latihan pegawai-pegawai pemerintah mesti menitikberatkan hal etika kerja.

Akhirnya, semua rakyat, melalui akhbar, parti politik, kumpulan sosial dan badan-badan professional, mesti diberi peluang memeriksa dan menilai prestasi pemerintah.

Adalah sangat penting masalah-masalah di atas diselesaikan dengan serta merta sebab kemewahan ekonomi yang setakat ini telah menyelubungi sebarang kelemahan pentadbiran telah kian merosot.

Tunku Zaiton Ma
Benda

Ogos 1981

BAB 6

STRUKTUR

LEMBAGAAN DAN PENTADBIRAN

Perlu mustahaknya kerajaan tempatan dan desentralisasi dalam pembangunan negara merupakan satu topik syarahan oleh Presiden pada bulan Februari 1980. Reformasi-reformasi telah dicadangkan untuk mengekalkan kembali pilihanraya kepada kerajaan tempatan, banyak kuasa lagi kepada pihak berkuasa tempatan, dan mendidik rakyat mengenai hak-hak dan tanggungjawab mereka dalam kerajaan tempatan.

Monarki kerajaan (monarchy) berperlembagaan juga telah dibincang berikutan dari hal angkat sumpah di Dewan Undangan Negeri. Aliran menekankan bahawa ketaatan kepada Raja berperlembagaan adalah ketaatan kepada jawatannya, bukan orang yang memegangnya, kerana hanya Perlembagaan saja dan oleh itu rakyat yang bertanggungjawab. Manakala kuasa tertinggi adalah datangnya dari Tuhan dan bukan dari manusia manapun.

Sekali lagi, kami telah menyiarkan kembali kenyataan kami mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana melaksanakan beberapa perubahan dalam sistem pembangunan yang bertujuan untuk mendesentralisasikan pihak berkuasa.

PERISTIWA DEWAN UNDANGAN NEGERI PERAK

(Karangan)

Oleh kerana peristiwa Dewan Undangan Negeri Perak menjadi satu isu nasional yang serius, maka adalah penting supaya setiap kumpulan warganegara yang cergas dan pergerakkan kita menentukan kedudukan yang jelas mengenai isu ini. Keenam-enam Anggota Dewan Undangan DAP bersalah kerana tidak mengangkat sumpah taatsetia

kepada Sultan kerana ini adalah satu amalan yang telah diterima dalam sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan. Bagaimanapun nampaknya mereka telah menyedari akan kesalahan-kesalahan ini. Ahli-ahli Dewan berkenaan telah pun ditegur oleh parti mereka, malah mereka telahpun menyampaikan ampun maaf mereka. Dilihat dari sudut agama dapat dikatakan, bahawa mereka ini adalah benar-benar bertaubat.

Bagaimanapun isu ini mempunyai banyak persoalan-persoalannya. Speaker Dewan Undangan Negeri seharusnya telah memberitahu kepada keenam-enam ADUN yang bukan Warganegara Perak itu bahawa perlembagaan menghendaki mereka mengangkat sumpah akan taatsetia. Sebenarnya perlembagaan Perak sendiri pun seharusnya telah dipinda pada masa dahulu lagi bagi menghendaki supaya rakyat yang bukan anak negerinya juga dikenakan mengangkat sumpah. Oleh kerana perkara-perkara ini tidak dilakukan Speaker harusnya telah menerangkan keadaan sebenarnya kepada ADUN berkenaan. Pentingnya melakukan perkara ini sangat ketara kerana Speaker sebelumnya dari apa yang kami ketahui telah membenarkan rakyat bukan Negeri Perak menggunakan budibicara mereka dalam soal ini. Sebenarnya, Speaker yang ada sekarang ini juga menggunakan pandangan yang sama. Kita telah difahamkan bahawa beliau telah merujuk perkara ini kepada Penasihat Perundangan Negeri yang sekata dengan pandangan Speaker. Apakah mereka ditanya tentang peranan mereka dalam berbagai hal-hal? Kenapa mereka tidak ditegur oleh pihak berkuasa?

Ada suatu lagi unsur yang menggugat hal-ehwal Peraduan dewasa ini. Kita diberitahu bahawa bukanlah konsep ketaatan kepada sebuah kerajaan Raja Berperlembagaan yang menjadi persoalan, tetapi tradisi ketaatan orang-orang Melayu kepada Raja yang mana telah dilanggar. Yang menjadi isu sekarang ialah adat, bukannya perlembagaan. Perbezaan antara kedua-duanya mestilah dijelaskan dari awal lagi. Idea-idea mengenai orang Raja, ketaatan kepada seorang Raja yang mana telah menjadi sebahagian daripada politik Melayu telahpun dimasukkan ke dalam bentuk demokrasi dan perlembagaan yang ada sekarang.

melalui sistem Raja Berperlembagaan. Konsep inilah, mana terkandung dalam Rukunegara, Perlembagaan Persekutuan dan berbagai perlembagaan negeri. Mengangkat ketaatan kepada Raja samada di peringkat Persekutuan atau Negeri terutamanya adalah satu pengakuan dari ini. Ketaatan yang berkaitan dengan konsep ini hendaklah difahami dengan sempurna oleh setiap individu. Konsep ini sepatutnya hendaklah diberikan kepada sistem, bukan kepada seseorang. Ketaatan ini, yang mana diberikan oleh Raja-Raja berdasarkan kepada pengakuan atas faktor bahawa perlembagaan yang menghayati konsep ini yang lebih tinggi kepada rakyatnya. Dengan lain kata, Raja-Raja memperolehi kuasanya daripada perlembagaan, bukannya dari sebarang daulat yang sepatutnya berdaulat pada baginda. Bagaimanapun perlembagaan bukanlah daulat yang paling tinggi. Ini tertakluk kepada kehendak rakyat yang dipilih (ADUN dalam hal negeri dan ahli Dewan di peringkat Persekutuan) yang merupakan institusi yang membuat undang-undang yang tertinggi. Kedudukan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen bermaksud bahawa kedaulatan bertakhta pada rakyat yang memilih badan-badan ini. Inilah yang sepatutnya wujud dalam sistem demokrasi. Dengan ini, rakyatlah yang berdaulat. Kuasa Parlimen, Perlembagaan Persekutuan, Dewan-Dewan Undangan Negeri, Perlembagaan Negeri, Yang DiPertuan Agong, Sultan-Sultan dan Yang Dipertua Negeri diperolehi dari rakyat. Setiap ahli Parlimen dan ADUN, dalam analisa terakhir, akan bertanggungjawab untuk mentaati rakyat. Sebenarnya semua Raja-Raja juga bertanggungjawab untuk mentaati rakyat. Dalam hal lain, kedaulatan rakyatlah yang membenarkan ketaatan diberikan kepada Raja dalam sebuah kerajaan Raja Berperlembagaan seperti demokrasi seperti kita. Ketaatan kepada Raja-Raja hanya semata-mata satu simbol kedaulatan rakyat serta tanggungjawab mempertahankan perlembagaan. Konsep ini haruslah difahami dalam konteks ini. Ia tidak bermakna, malah tidak sah, jika di luar dari rangka dasar

Jika ketaatan kepada Raja dilihat dari sudut ini, tidak ada masalahnya. Jika sebaliknya, ia dipandang sebagai

ketaatan kepada seseorang, tidak kepada sistem, konsistensi ketaatan yang mana tidak mempunyai kena-mengena dengan sistem Raja Berperlembagaan dengan kedaulatan tertinggi kepada rakyat, maka dengan ini nampaknya kita sedar mara ke satu haluan yang sungguh merbahaya. Ini kerana ketaatan yang sebegini rupa merupakan satu khayalan zaman feudal di mana seorang Raja itu dianggapkan sebagai berdaulat, mempunyai kuasa dan wibawa serta bertindak memutar dan menentukan nasib rakyat atas asas kehendaknya. Mereka berharap serta diberikan ketaatan yang tidak berbelah bagi Zaman sejarah Melayu ini telah berlalu. Ini mula berangapudar dengan penubuhan pemerintahan British di akhir abad yang ke-19 dan ditamatkan dengan penubuhan Perjanjian Melayu tahun 1948. Para-para pengkaji aspek masyarakat Melayu tentu arif benar tentang pengertian tradisional taat kepada raja, dan sebenarnya taat tanpa berbelah bagi mereka memperhitungkan soal nilai-nilai kesusilaan telah dipupuk dan disemai ketika zaman feudal. Tetapi ia tidak mempunyai tempat dalam abad ke-20. Ada beberapa alasan untuk mengemukakan kenyataan ini, tetapi dua perkara akan dipaparkan di sini.

Pertama-tama sekali sebagaimana yang telah kita perhatikan bahawa pengertian ketaatan kepada Raja yang dipertahankan dalam zaman demokrasi, satu zaman di mana hak-hak rakyat merupakan pertimbangan yang penting dan segala-galanya adalah pengertian ketaatan yang bersifat demokrasi dan perlembagaan. Ini memang diamalkan di kebanyakan negara termasuklah Sweden, Denmark, Holland, Belgium, Britain dan Jepun. Maknanya, inilah satu-satu cara untuk mengekalkan maruah dan kesucian sistem kerajaan monarki. Telah diperkatakan, bahawa kekukuhan dan kekalnya Raja di abad ini bergantung kepada sejauh manakah mereka dapat menjalankan dengan sempurnanya peranan mereka yang terhad dalam sistem Raja Berperlembagaan.

Keduanya, sebarang pengertian lain mengenai peranan seorang Raja ataupun kuasa serta hak-haknya, dan yang tentunya sebarang pengertian yang mirip pada feudalisme bertentangan dengan Islam. Dalam Islam sebarang percubaan

mendewa-dewakan tentang pentingnya ketaatan kepada Raja akan merupakan satu pelanggaran terhadap konsepsi keislaman, iaitu ketaatan kepada Allah. Hanya Allah sahaja yang mempunyai hak dari ketaatan umatnya tidak berbelah bagi. Sebagaimana yang telah ditegaskan dalam kitab suci Al Quran, kuasa itu hanyalah pada Allah, kepada yang lain. Dia memerintahkan kamu supaya berserah kepada yang lain, melainkan kepadanya. Inilah jalan yang sebenarnya (hidup) (xii:40). Dalam contoh lain, di dalam Al Quran pula mereka bertanya adakah Allah mempunyai kuasa yang sama? Dijawab semua kuasa ada di tangan Allah sahaja (iii:154).

Sudah semestinyalah manusia boleh taat kepada ibunya, negaranya serta Rajanya di samping taat kepada Allah. Tetapi ada satu syarat di sini. Rakyat misalnya, tidak boleh taat kepada seorang pemimpin yang melanggar prinsip-prinsip keimanan yang penting. Sifat bermuka-muka, nakal, rasuah serta berfikiran mundur tidak seharusnya diterima ketaatan dari orang lain. Sebagaimana Nabi Muhammad S.A.W. bersabda "Ketaatan terhadap pihak berkuasa adalah dalam perkara kebaikan, tetapi tidak dalam perkara kejahatan".

Jawatankuasa

Mei 1978

KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI

(Kenyataan Akhbar)

Adalah betul bagi Perdana Menteri menekankan perihalnya perancangan betul dan pentadbiran yang cekap dan bersih di kalangan kerajaan negeri. Di dalam setengah abad di dalam proses pembangunan, pemerintahan yang cekap boleh mencapai banyak pembangunan berbanding dengan kerajaan Persekutuan.

Adalah diharapkan satu penilaian serius akan dibuat terhadap kelemahan-kelemahan pada Kerajaan-kerajaan negeri

pada tahun ini. Penyembuhan politik dan pentadbiran harus dilakukan.

Dalam hubungan ini, Aliran merasakan bahawa kesan Kerajaan-kerajaan negeri boleh ditingkatkan sekiranya ada pemimpin-pemimpin politik dan pentadbir-pentadbir yang jujur dan cekap. Kehormatan yang lebih dan keutamaan perlu diberikan kepada perkhidmatan dalam negeri-negeri.

Kerajaan-kerajaan negeri di dalam dekad 80an perlu mengambil perhatian berat dalam dua program yang penting: (a) penubuhan industri-industri kecil dan sederhana di kawasan-kawasan luarbandar yang boleh mewujudkan peluang pekerjaan; (b) bina banyak rumah murah untuk kumpulan pendapatan rendah yang terjejas dalam krisis perumahan.

Dalam menjalankan program ini dan yang lain, adalah perlu penyelarasan dan kerjasama di antara kerajaan-kerajaan negeri dan di antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Mungkin adalah menafaat jika dilantik seorang menteri Persekutuan untuk hal ini.

Januari 1980.

Jawatankuasa

PENTINGNYA KERAJAAN TEMPATAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

(Ringkasan Ucapan)

Di beberapa negara pemusatan kuasa di peringkat rendah adalah satu daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Masalah ini lebih rumit di negara-negara komunis kerana segala bentuk kuasa dipegang oleh pemimpin-pemimpin atasan. Ini adalah satu sebab utama kita mesti menolak sistem komunis.

Pemusatan kuasa (centralization of power) membawa akibat-akibat yang merbahaya kepada masyarakat. Pertamanya rakyat kurang berpeluang mengambil bahagian dalam urusan masyarakat. Perkara-perkara yang penting bagi rakyat ditentukan oleh birokrasi; rakyat tidak dapat menyuarakan pendapatnya atau membuat keputusannya sendiri. Ini

...dengan cita-cita demokrasi. Kedua, walaupun me-
yang mengesyorkan pemusatan kuasa mengharapkan
...yang lebih, pada hakikatnya, kecekapan sesuatu
...itu pasti merosot kerana manusia lebih suka be-
...keras untuk sesuatu matlamat di mana sumbangannya
...Itulah sebabnya peranan individual mesti diutamakan.
...pemusatan kuasa akan menambah penggantungan
...terhadap birokrasi dan akhirnya, semangat ber-
...tidak dapat dipupuk. Keempat, pemusatan kuasa,
...lazimnya, menjadikan birokrasi lebih angkuh, lebih
...dan kurang sensitif terhadap kehendak-kehendak
...Ini berlaku kerana rakyat tidak dapat mengawal
...tanduk mereka yang berkuasa. Kelima mengikut
...kajian, pemusatan kuasa juga menambah saluran-
...rasuah kerana tiap-tiap urusan memerlukan kelulusan
...birokrasi. Lebih banyak peraturan-peraturan dan
...undang, lebih banyak peluang-peluang untuk mereka
...arang.

...negara kita sejak merdeka, aliran perkembangan
...sistem pentadbiran lebih cenderung kepada pemu-
...kuasa daripada pengagihan kuasa. Itulah sebabnya,
...semua bidang, pelajaran, kesihatan, perumahan, per-
...perindustrian, pemungutan cukai dan lain-lain, kuasa
...pusat telah menambah jika dibandingkan dengan
...kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Dalam aspek-
...pentadbiran tertentu, pemusatan tidak dapat dielak-
...utamanya kalau matlamatnya ialah penyelarasan.
...dalam aspek-aspek yang lain, pemusatan kuasa
...hkan pentadbiran. Lagipun, dalam sistem bersekutu
...system) sepertimana diamalkan di Malaysia, kerajaan
...dan kerajaan tempatan mesti diberi peranan yang

...menyerahkan lebih banyak kuasa kepada kerajaan tem-
...dan memperkukuhkan kedudukannya, adalah pende-
...yang paling berkesan untuk mengatasi akibat-akibat
...bahaya daripada pemusatan kuasa sepertimana di-
...tadi. Aliran mengesyorkan reformasi-reformasi yang
...yang bertujuan untuk memperkuat kerajaan

tempatan: A) Konsep kerajaan tempatan dewasa ini diubah. Bandar dan desa tidak harus digabungkan dalam lingkungan yang sama. Tiap-tiap bandar kecil dan beberapa kampung-kampung yang dicantumkan boleh dianggap sebagai unit-unit yang berasingan. Begitu juga, bandar-bandar yang besar harus dibahagikan pada unit-unit yang kecil dan menambah penyertaan orang-biasa dalam pentadbiran mereka. Kawasan-kawasan yang miskin boleh dibantu dari segi kewangan. B) Pilihanraya harus diadakan di peringkat kerajaan tempatan supaya orang ramai dapat memilih pemimpin mereka. Sudah pasti hubungan antara pemimpin tempatan ini dan pemilih-pemilih mereka lebih rapat daripada hubungan antara wakil rakyat parlimen dengan pengundinya. C) Kuasa-kuasa tertentu mesti diserahkan kepada kerajaan tempatan baru ini. Selain daripada pengurangan beberapa cukai-cukai tempatan, kerajaan tempatan harus diberi kuasa yang lebih luas dan lebih bererti dalam bidang perumahan, pertanian, perindustrian, pelajaran dan kesihatan. D) Selaras dengan peranan baru kerajaan tempatan ini, pekerja-pekerjanya di semua peringkat mesti diberi gaji yang lebih baik. Keadaan pekerjaan mereka juga mesti diperbaiki. Dalam keadaan baru ini, penghormatan masyarakat kepada pekerja-pekerja kerajaan tempatan akan bertambah. E) Akhir sekali, dari masa ke masa, rakyat mesti dididik tentang peranan kerajaan tempatan, pentingnya sebagai pentadbiran dan pemerintahan, dan juga hak-hak yang ada pada rakyat sendiri dalam interaksi mereka dengan kerajaan tempatan supaya mereka dapat menjayakan kerajaan tempatan.

Dr. Chandra Muzia
Presiden

Februari 1980

PENAMBAHAN BILANGAN KAWASAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN NEGERI

(Kenyataan Akhbar)

Aliran menyesali Kenyataan Menteri Kewangan, T

Razaleigh selaku Ketua UMNO Kelantan, bahawa bilangan kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri di Kelantan akan ditambah.

Mengikut Perlembagaan Malaysia, hanya Suruhanjaya Pilihanraya, sebuah badan yang bebas dan tidak terikat pada pemerintah yang bertanggungjawab atas pembahagian kawasan-kawasan pilihanraya. Suruhanjaya tersebutlah yang berhak membuat kenyataan-kenyataan mengenai kerjanya. Hanya Suruhanjaya Pilihanraya yang berhak memberitahu orang lain tentang perlunya kawasan-kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri yang baru di Kelantan.

Pemimpin-pemimpin politik tidak patut menyuarakan pendapat yang menjadi hak-tanggungjawab Suruhanjaya Pilihanraya. Dengan tidak sengajanya, mereka mungkin menggambarkan bahawa Suruhanjaya itu ialah agensi Kerajaan. Peranan Suruhanjaya Pilihanraya adalah penting untuk demokrasi berparlimen. Sekiranya orang ramai berpendapat bahawa keutuhan Suruhanjaya tersebut tidak wujud lagi, maka akan hilang kepercayaan pada pelaksanaan pilihan-

Disember 1980

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

PERUBAHAN-PERUBAHAN DALAM CARA-CARA MEMBANGUN

(Kenyataan Akhbar)

Pemimpin-pemimpin merasa sukacita mengenai beberapa perubahan dalam cara dan sistem pembangunan yang diumumkan Menteri Kewangan Tunku Razaleigh Hamzah semalam. Perubahan ini adalah bertujuan untuk mendesentralisasikan kuasa. Mendesentralisasi kuasa-kuasa membuat dasar dan cara-cara menyalurkan, serta penyelarasan yang berkesan, adalah mustahak untuk memastikan kejayaan bagi satu-satu rancangan pembangunan.

Memberi lebih kuasa kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi untuk menerima dan menawar tender, untuk mengam-

bil kakitangan dan untuk mengendalikan projek masing-masing adalah merupakan langkah-langkah yang baik. Sama juga dengan memberi kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa daerah untuk menentukan penyesuaian tempat projek dan membentuk satu tribunal penilaian bebas bagi menyelesaikan kes-kes rayuan tanah, seharusnya menolong mengurangkan kelewatan dalam menjalankan program-program pembangunan.

Aliran berharap desentralisasi ini akan pada akhirnya membawa kepada penglibatan orang ramai yang lebih dalam pembentukan rancangan-rancangan pembangunan. Dalam hal ini, rancangan-rancangan pembangunan negara haruslah dalam analisa terakhirnya, menolong menggabungkan program-program pembangunan peringkat daerah, kampung dan bandar. Komuniti atau daerah tempatan haruslah menjadi asas kepada perancangan pembangunan.

Jawatankuasa

Mac 1981

KERAJAAN-KERAJAAN TEMPATAN DAN PERTANGGUNGJAWABNYA (Accountability) *(Ringkasan Ucapan)*

Rata-rata tempat di dunia, reaksi terhadap kebirokrasian, masyarakat dan pemusatan kuasa kini sedang meningkat. Serta dengan itu, orang-orang pun sedang menuntut supaya lebih banyak perhatian diberikan kepada masyarakat yang berkumpul kecil dan pihak-pihak berkuasa tempatan.

Perkara tersebut mempunyai 5 kelebihan. Pertama, akan membolehkan orang-orang menyertai secara langsung dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebajikannya sendiri. Seterusnya, ini akan menguatkan kesedaran kewajipan mereka kepada negara. Kedua, kerana mereka sendiri terlibat dalam pembentukan cara hidupnya, mereka pun akan lebih berdikari oleh sebab mengetahui iaitu mereka mestilah bertanggung kepada bekalan sumber-sumber sendiri. Ketiga, juga akan menggalakkan kesedaran bermasyarakat dan perpaduan. Oleh kerana banyak kawasan di negara

ini bertambah menjadi berbilang kaum, semua ini kesudahannya boleh membawa kepada perpaduan negara yang lebih baik. Keempat, dengan adanya kumpulan-kumpulan kecil parti tersebut, kemungkinan besar kecekapan pun akan meningkat terutama sekali jika ujudnya pentadbiran politik dan kepimpinan yang berdedikasi dan jujur. Kelima, kerana kumpulan-kumpulan itu akan dikenali oleh penduduk-penduduknya secara dekat, ianya akan mengurangkan kekusyikan hubungan dan komunikasi. Pertanggungjawabannya kepada masyarakat pun lebih mudah ditunaikan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan.

Walau bagaimanapun, terdapat 5 halangan besar dalam pertanggungjawapan berkaitan dengan pihak-pihak berkuasa tempatan. Pertama, pihak-pihak berkuasa tempatan pada masa ini adalah terlampau besar. Ianya hendaklah dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang berdikari. Satu bandaraya, misalnya Bandar Georgetown hendaklah terdiri dari berbilang majlis-majlis tempatan yang bebas api bekerjasama antara satu sama lain melalui berbagai hubungan. Apa yang diperlukan ialah kordinasi yang ketatan antara majlis-majlis tersebut. Dengan adanya kumpulan-kumpulan kecil, kemungkinan besar masyarakat dapat mengadakan kawalan yang lebih rapi ke atas majlis-majlis tempatan.

Kedua, pihak-pihak berkuasa tempatan kini tidak menyalurkan kegiatan-kegiatan yang mencukupi untuk melibatkan orang ramai secara lebih munasabah. Umpamanya, di bawah Akta Kerajaan (1976) pihak-pihak berkuasa tempatan memegang kuasa ke atas tempat-tempat awam, pencemaran sungai, makanan, pasar-pasar, pembangunan najis dan kotoran, perkhidmatan bomba, dan tempat-tempat keibatan. Adalah perlu untuk meletakkan kegiatan-kegiatan lain yang lain di bawah penguasaannya. Selain daripada memperbaiki bekalan air paip dan elektrik, pihak-pihak berkuasa tempatan juga seharusnya bertanggungjawab ke atas urusan sekolah-sekolah, rumah sakit, perpustakaan dan institusi-institusi lain yang penting dalam kehidupan masyarakat biasa. Perkara-perkara seperti pendaftaran ken-

deraan-kenderaan, penyelenggaraan perkhidmatan telefon, kebersihan alam sekitar dan memerhati harga barangan juga boleh diletakkan di bawah penguasaan pihak-pihak berkuasa tempatan. Dengan adanya tanggungjawab yang lebih, pihak-pihak berkuasa tempatan perlulah disusun semula dan juga perlu diadakan pindaan-pindaan kepada Akta Kerajaan Tempatan dan perlembagaan-perlembagaan negeri dan negara. Ini adalah untuk memperkuatkan lagi pihak-pihak berkuasa tempatan tetapi malangnya pada masa ini beberapa perkhidmatan seperti pembuangan sampah, tempat-tempat letak kereta dan pengendalian woksyp pengangkutan bandaraya di Pulau Pinang telah dikontrekkan kepada pihak swasta. Selain daripada kesan yang buruk kepada kakitangannya, dasar seperti ini hanya akan membolehkan syarikat-syarikat swasta mengumpul banyak wang sambil merugikan rakyat. Sebaliknya, sebagai contoh, sampah-sarap boleh diproseskan dan ini akan mendatangkan pendapatan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan. Pendapatan seumpama itu pula boleh digunakan demi faedah keseluruhan penduduknya.

Ketiga, kebanyakan orang ramai tidak mengetahui tugas-tugas pihak-pihak berkuasa tempatan dan apakah hak-hak orang dalam hal-hal berkaitan dengan pihak-pihak ini. Oleh kerana demikian, orang ramai tidak dapat melakukan apa-apa penguasaan pun ke atas perjalanan pihak-pihak tersebut. Berapa ramai orang yang mengetahui bahawa pasar, pasar ataupun perkhidmatan bomba terletak di bawah bidang kuasa pihak-pihak berkuasa tempatan? Atau berapa ramai orang yang mengetahui bahawa menurut seksyen 23, bahagian IV Akta Kerajaan-Kerajaan Tempatan "Semua mesyuarat kerajaan-kerajaan tempatan adalah terbuka kepada orang ramai". Ini menunjukkan bahawa kecuali adanya pendidikan untuk orang ramai mengenai peranan pihak-pihak berkuasa tempatan dan juga pendidikan untuk ahli-ahli pihak-pihak ini, selagi itulah pertanggungjawabannya menjadi kurang.

Keempat, tidak juga akan terdapat pertanggungjawab kecuali ada undang-undang bagi ahli-ahli pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mengisytiharkan hartabendanya.

tiap tahun dalam satu daftar terbuka yang dapat dilihat orangramai. Memanglah seksyen-seksyen 34 dan 35, bagian IV Akta tersebut pun adalah mengenai ketulusan ahli itu. Tetapi, semua ini tidaklah mencukupi kerana ia masih tidak memberikan pengawasan yang efektif untuk mengawasi kegiatan-kegiatan penyelewengan. Akta tersebut menganggap bahawa ahli-ahli itu akan jujur serta mengutamakan kepentingan-kepentingan diri dalam apa-apa yang dilaksanakan. Anggapan-anggapan seumpama itu tidak boleh diterima memandangkan pembiakan penyelewengan-penyelwengan dalam negara kita kini.

Akhirnya, untuk menentukan pihak-pihak berkuasa yang benar-benar mempunyai pertanggungjawapan maka telah diadakan pilihanraya bagi pemilihan ahli-ahli kerajaan tempatan. Oleh kerana kegiatan-kegiatan kerajaan tempatan ada kaitan secara langsung dengan orangramai, pilihanraya di peringkat kerajaan tempatan akan lebih berkesan kepada mereka daripada pilihanraya parlimen ataupun di negara. Apa yang terdapat dari pengalaman-pengalaman lalu menunjukkan bahawa isu-isu pilihanraya di peringkat kerajaan tempatan adalah yang lebih praktikal serta kurang rumit. Dengan ini, pilihanraya di peringkat kerajaan tempatan dapatlah mengurangkan haluan perkauman dalam negara dan dengan itu membolehkan orangramai lebih banyak perhatian kepada perkara-perkara sosio-ekonomi.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

BAB 7

PENDIDIKAN

Esei utama dalam bab ini membincangkan hal "pendidikan undang-undang menuju ke arah keadilan masyarakat" di mana beberapa perubahan telah disyorkan dalam kurikulum undang-undang. Topik-topik yang dibincangkan termasuk dimensi sosiologi undang-undang; komitmen sosial di kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar; makna hak-hak dan tanggungjawab asas; dan asas etika dalam pendidikan.

Aliran juga telah meluahkan pendapatnya mengenai kemampuan tabiat membaca dan pendidikan universiti dan intelektual. Bab ini juga menyentuh tentang corak pendidikan umum pada masa akan datang di Malaysia.

Akhir sekali terdapat analisa penuh mengenai Laporan Kaji Mula Dasar Pelajaran oleh Jawatankuasa Kabinet. Setelah mengemukakan beberapa hujah utama di dalam Laporan itu, Aliran mencadangkan kebaikan sistem penilaian berterusan berbanding dengan sistem peperiksaan; mencadangkan program pendidikan moral yang sama bagi pelajar Muslim dan bukan Muslim; dan menyokong desentralisasi dalam pentadbiran sekolah. Pada keseluruhannya, penekanan telah di buat terhadap perlunya melihat sekolah dalam konteks sosial yang luas di dalam proses pendidikan.

MASALAH KECICIRAN

(Kenyataan Akhbar)

Masalah keciciran dalam sistem persekolahan adalah satu masalah kebangsaan. Pada tahun 1973 Kerajaan telah mengeluarkan laporan Murad mengenai perkara yang penting ini. Beberapa cadangan untuk mengatasi masalah ini telahpun dikemukakan dalam laporan tersebut. Antara yang lain ialah peruntukan kewangan yang lebih banyak kepada sekolah-sekolah desa, cadangan untuk menentukan bahagian kemudahan-kemudahan sains di sekolah tersebut adalah lengkap dan sempurna, dan pengiriman guru-guru yang benar-benar layak kepada sekolah-sekolah desa.

Selepas 4 tahun harus kita tanya: Apakah kemajuan telah dicapai setakat ini dalam usaha-usaha mengatasi masalah keciciran ini? Apakah kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran dalam pelaksanaan Rancangan Murad? Apakah langkah-langkah yang telah dan yang diambil untuk menyelesaikan kesulitan-kesulitan yang dimaksudkan tadi?

Adalah diharapkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk membentangkan satu laporan yang menyeluruh tentang masalah ini dalam sidang Parlimen yang akan datang.

September 1977

Jawatankuasa

'ADAKAH PENDIDIKAN UNIVERSITI MELAHIRKAN INTELEKTUAL?'

(Ringkasan Ucapan)

Apakah seorang intelektual? Dia adalah seorang yang menggunakan inteleknya dan yang berfikir serta boleh berkritik. Universiti adalah institusi yang dianggap menggalakan pemikiran dan renungan. Inilah sebabnya mengapa kita mengharap pendidikan universiti untuk melahirkan intelektual.

Tetapi, terdapat ramai orang intelektual yang tidak disenaraikan di universiti. Di dunia Barat, salah satu orang yang terkenal ialah Bernard Shaw. Dua orang ahli abad ke 19 yang terkenal, Herbert Spencer and John Stuart Mill, juga tidak mempunyai ijazah universiti. Di Asia, ramai orang tidak memiliki ijazah universiti. Begitu juga dengan Ho Chi Minh dari Vietnam dan Mao Tse-tung dari China. Bahkan di Indonesia, Muhammad Natsir, merupakan seorang pemimpin tanpa pendidikan universiti. Di sebaliknya terdapat ramai orang yang lain, baik di Barat mahupun di Timur Tengah dan di negara kita sendiri, yang walaupun ada di dalam universiti tetapi tidak seharusnya dipandang sebagai intelektual kerana tidak mempunyai kemampuan

berfikir.

Dengan itu adalah jelas bahawa latarbelakang pendidikan seseorang tidak menentukan tarafnya sebagai seorang intelektual. Walaupun demikian, memandangkan kepaifungsi universiti seseorang akan beringin untuk mengetahui sama ada pendidikan universiti di Malaysia sedang menghasilkan para intelektual. Yang dapat saya mengatakan ialah bahawa kita sedang mengeluarkan semakin banyak graduan. Kita sedang mengeluarkan semakin ramai orang yang memiliki pendidikan tinggi yang formal. Saya tidak sanggup berani untuk mengatakan yang kita sedang mengeluarkan semakin ramai orang terdidik kerana pendidikan merupakan satu konsep mendalam yang merangkumi keperibadian, kecerdasan dan pengertian. Walau bagaimanapun, saya pasti bahawa kita tidak mengeluarkan intelektual atau orang yang dapat berfikir.

Apakah buktinya? Jika kita mengkaji tiga cabang kehidupan negara kita, iaitu politik, ekonomi dan hubungan etnik, kita akan menyedari betapa kurangnya pemikir dilakukan. Dalam bidang politik, hampir tiada pemikir yang dibuat mengenai ciri sistem politik kita. Kita diberitahu pada tahun 1969 bahawa demokrasi Westminster tidak sesuai untuk Malaysia dan sebaliknya kita harus mempunyai demokrasi cara Malaysia. Adakah demokrasi Westminster yang kita amalkan di antara tahun 1957 dan 1969? Apakah demokrasi cara Malaysia? Apakah konsep dasarnya mengenai kebebasan dan mengenai penyertaan politik? Bagaimana ia digambarkan dari segi institusi-institusi? Sekiranya kita ingin mewujudkan demokrasi cara Malaysia apakah pula yang kita tahu mengenai kebudayaan politik ataupun tentang sikap, nilai dan orientasi yang merangkumi kehidupan politik kita? Adakah anggapan kebebasan individu lebih penting daripada konsep persamaan pendapat dalam kebudayaan tersebut? Adakah wujudnya konsep perbezaan pendapat dalam kebudayaan politik kita? Apakah pengaruh-pengaruh yang menentukan kebudayaan politik kita?

Soalan-soalan tersebut serta yang lain jarang ditanya oleh para graduan universiti kita, tidak kira sama

Mereka berada bersama perkhidmatan awam, media massa maupun universiti. Ini disebabkan mereka itu tidak berfungsi sebagai intelektual.

Mereka juga tidak pernah bertanya soalan-soalan asas tentang hubungan dengan ekonomi. Bagaimana dan dengan cara apakah ekonomi Malaysia melahirkan ciri-ciri yang membezakannya daripada latarbelakang penjajah? Apakah desakan-desaan terhadap perubahan dalam ekonomi itu? Apakah pentingnya sebuah sektor eksport serta bahagian kawasan bandar, yang kedua-duanya secara bandingan merupakan yang terbesar daripada yang terdapat dalam kebanyakan ekonomi selepas zaman penjajahan? Apakah kewajaran untuk mengembangkan perindustrian sambil mengorbankan sektor pertanian? Apakah sifat perindustrian di negara kita? Apakah mewujudkan satu masyarakat pengusaha dan masyarakat Melayu merupakan sesuatu yang begitu perlu demi kesejahteraan masyarakat tersebut? Apakah faktor-faktor yang telah menyebabkan ini menjadi matlamat kerajaan yang begitu penting? Adakah jalan lain untuk memperolehi kemajuan bagi masyarakat Melayu dan bagi negara secara keseluruhannya? Apakah sosialisme merupakan jalan itu? Jika tidak, apakah kelemahan-kelemahannya baik dari segi ekonomi mahupun dari segi polisi dan programnya yang berkaitan dengan Malaysia dengan berdasarkan sejarah ekonominya? Tiada satu pun daripada isu-isu tersebut yang pernah diberi pemikiran. Surat khabar, siaran-penerbitan parti politik dan jurnal-jurnal akademik jelas membuktikan hal ini.

Demikian juga halnya dalam soal hubungan etnik. Amat jarang sekali terdapatnya pemikiran terhadap sikap dan tingkahlaku yang wujud di kalangan masyarakat dan yang merupakan sangat penting dalam mengatasi masalah hubungan etnik. Umpamanya kita belum menyelidiki tentang sejauh mana perlunya konsep 'bentuk pemerintah Melayu' bagi masyarakat Melayu dalam pengertiannya mengenai kedudukan bumiputeranya. Begitu juga, kita belum pernah bertanya tentang setakat mana struktur sosial kita semasa zaman penjajahan dan selepas penjajahan telah menyekat orang-

orang bukan Melayu daripada mengamalkan satu pandangan yang lebih baik terhadap masyarakat Melayu. Kita juga tidak tahu bagaimana sikap kebudayaan membawa kesan ke atas hubungan etnik ataupun setakat mana ia dipengaruhi oleh sistem ekonomi atau oleh kepentingan-kepentingan pemimpin-pemimpin politik. Lebih penting lagi, apakah budaya dan kebudayaan identiti Malaysia yang kita inginkan? Negara Malaysia bagaimanakah yang kita hendakkan dari segi sistem etniknya? Soalan inipun, iaitu satu soalan nasional yang penting, tidak pernah dianalisis secara intelektual.

Bagi ketiga-tiga masalah tersebut serta untuk isu-isu penting yang lain, apa yang kita lihat sehingga ini hanyalah pernyataan-pernyataan, peringatan, beberapa analisis yang cetek dan sekali sekala percubaan untuk memakai satu atau dua konsep bagi keadaan di Malaysia. Tidak terdapat pemikiran yang sistematik dan renungan yang berlanjutan. Hal ini dapat difahami dengan lebih jelas apabila kita membandingkan Malaysia dengan Indonesia dari segi soal ideologi kebangsaan masing-masing. Panca Sila Indonesia sudah diperdebat dan dibincangkan dengan penuh minat intelektual oleh berbagai-bagai jenis kumpulan sejak ia diisytiharkan pada tahun 1945. Di sebaliknya, Rukunegara hampir tidak pernah dianalisa dan dikaji, secara intelektual.

Ketiadaan suasana intelektual bukan disebabkan oleh pihak pemerintah sahaja. Pihak pembangkang, iaitu golongan sosialis dan golongan Islam turut bertanggungjawab terhadap keadaan tersebut. Pihak sosialis masih belum menghasilkan satu analisa sofistikated mengenai sejarah ekonomi, struktur dan arah penjujukan negara kita. Syor-syor mereka biasanya dikemukakan secara umum tanpa menghubungkan kepada keadaan sosio-ekonomi sebenar yang kita hadapi. Sama juga halnya dengan golongan Islam yang telah menunjukkan pemahaman yang amat kurang mengenai dimensi sosiologi, jikalau dibandingkan dengan dimensi falsafah tentang masalah mewujudkan negara Islam di Malaysia. Ini disebabkan mereka belum membuat sebarang pemikiran yang mendalam mengenai perkara tersebut berhubung dengan keadaan yang sebenar.

Apakah sebabnya tidak terdapat kemajuan intelektual? Sebab pertama ialah dari segi sejarah, Tanah Melayu tidak mempunyai penduduk yang kukuh dan menetap. Kali terdapat pemindahan penduduk dengan orang pelarian serta penghijrah bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Penduduk yang sudah lama menetap bukan satu daripada faktor-faktor yang membawa kemajuan tamadun dan kebudayaan. Daripada ini muncullah sedikit aktiviti intelektual. Tamadun-tamadun agung dalam sejarah yang juga menjadi pusat-pusat pemikiran yang agung seperti Sumeria, Mesir, daerah Indus di India serta kerajaan utara China membuktikan hal ini. Pusat-pusat kemajuan Islam yang terkenal di antara abad ke 8 dan ke 12 seperti Damasyik dan Baghdad juga merupakan kawasan-kawasan yang mempunyai sejarah yang panjang.

Sebab kedua, walaupun kerajaan-kerajaan yang kukuh dari Melaka dan kemudiannya Johor-Riau dan Patani wujud namun mereka tidak wujud cukup lama untuk membolehkan perkembangan intelektual. Lain-lain kerajaan Melayu di antara abad ke 14 dan 19 sukar dianggap sebagai negara jika dilihat dari segi bidang kuasa, wilayah, pemerintahan dan sebagainya.

Sebab ketiga, apabila penjajahan British ditubuhkan di Tanah Melayu, ia mula menyekat usaha-usaha membangkitkan kesedaran sosial oleh berbagai kumpulan yang ada kaitan dengan pergerakan-pergerakan intelektual di tempat-tempat yang lain.

Sebab keempat, selepas penjajahan, "psikologi feudal" kerajaan penuh tanpa soal kepada pucuk pimpinan politik. Balasan untuk perlindungan masyarakat Melayu telah menghalang penilaian susunan sosial, iaitu satu aspek penting dalam perkembangan kesedaran intelektual. Perlu ditekankan di sini bahawa yang menjadi masalah bukanlah kewujudan pemerintah beraja. Ini jelas kerana terdapat banyak masyarakat dengan pemerintah beraja yang subur dari segi intelektual. Di sebaliknya, yang menjadi isu ialah percubaan-percubaan oleh pucuk pimpinan politik untuk menjamin

kesetiaan terhadap pemerintahannya dengan manipulasi ciri tradisional.

Sebab kelima, psikologi 'penghijrah' yang baru masta tin mementingkan keselamatan dan mobiliti dan yang mawujud di kalangan beberapa penduduk bukan-Melayu jua menghalang perkembangan pemikiran. Ini disebabkan mereka lebih mengutamakan sikap memperkukuhkan kedudukan mereka daripada melibatkan diri dalam aktiviti intelektual.

Sebab keenam, berbilang etnik yang keadaan komposisi masyarakat yang begitu sulit juga telah merangsang minat untuk mengadakan analisa intelektual kerana takut bahawa ketegangan etnik akan berlaku jika terdapat banyak sangat penyiasatan walaupun pada isu-isu yang tidak berhubung dengan soal etnik. Pucuk pemerintah tidak meragu-ragu untuk mengeksploitkan keadaan seumpama ini.

Sebab ketujuh, kesejahteraan hidup yang dibawa oleh kemajuan ekonomi kepada golongan menengah, iaitu golongan yang biasanya menghasilkan para intelektual telah menyebabkan kebanyakan daripada mereka merasa cukup puas hati. Oleh sebab kesejahteraan hidup mereka terjamin, mereka tidak berminat pada idea-idea dan isu-isu. Di samping itu, kebanyakan daripada mereka baru sahaja 'menjadi' sebahagian daripada golongan menengah dan mereka asyik menikmati kebesaran kedudukan serta kekayaan yang baru diperolehi itu.

Sebab yang terakhir, kawalan politik serta penekanan terhadap idea-idea dan ke atas para intelektual, walaupun tidak sebegitu serius seperti di banyak negara yang lain, telah membawa kesan yang menakutkan 'bakal' pemikiran dan penganalisa.

Keadaan seperti ini berterusan disebabkan juga oleh sistem pendidikan kita yang tidak menggalakkan pemikiran, sistem keluarga yang tidak membenarkan kanak-kanak menyoal dan sistem agama yang tidak membenarkan mereka mencabar kepercayaan othodoksnya. Semua ini boleh dianggap sebagai sebab-sebab tambahan tetapi kurang penting yang mengakibatkan kemunduran intelektual kita. Akibat

perlu ditekankan bahawa jika pemimpin-pemimpin mempunyai sikap yang berlainan dan jika golongan tengah mengutamakan kebebasan, sesuatu halangan terhadap authoritarianisma dalam keluarga tidak akan wujud. Sikap demokratik di Eropah Barat umpamanya muncul tengah-tengah halangan seperti itu.

Mengenai pendidikan pula, di semua peringkat termasuk universiti tidak terdapat sebarang usaha untuk menanamkan semangat pemikiran secara serius. Dalam matapelajaran-pelajaran kemanusiaan dan sains kemasyarakatan, contohnya, para penuntut didedahkan kepada berbagai data dan contoh dan diminta menaksirkan hubungannya dengan keadaan di Malaysia. Ini tidak menggalakkan pemikiran yang asal dan bebas terhadap keadaan tempatan. Hanya sahaja dengan syarikat tempatan memasang bahagian-bahagian komponen yang dikeluarkan di tempat lain!

Satu pendekatan baru terhadap pendidikan universiti diperlukan. Penekanan mestilah dibuat ke atas pemikiran kritis. Para pelajar hendaklah diminta supaya melihat berbagai isu dalam sejarah, politik, sosiologi dan ekonomi secara kritikal. Dalam pada itu, mereka harus diberi penerangan yang secukupnya dan data mengenai Malaysia, Asia Tenggara dan Dunia Ketiga, di samping mendedahkan mereka kepada sejarah dan falsafah Eropah dan Amerika. Dengan pengajaran yang rapi itu, mereka hendaklah diminta mengkaji beberapa keadaan sosial yang tertentu dalam masyarakat mereka dan menyediakan laporan serta esei mengenai. Setelah mereka menjadi matang melalui latihan itu, barulah kita memperkenalkan kepada mereka teori-teori serta contoh-contoh sosiologi dan politik, yang berasal dari Barat. Dengan cara ini seseorang pelajar akan menjadi manusia yang bebas dari segi intelektual dan mempunyai fikiran yang tidak dikuasai oleh idea-idea serta nilai-nilai yang tidak ada kena mengena dengan latarbelakangnya. Pada masa yang sama, ia akan memahami maksud penyerapan dan terpilih konsep-konsep dan teori-teori daripada luar.

Walau bagaimanapun, universiti-universiti di negara kita

ataupun di kebanyakan negara Dunia Ketiga yang lain tidak mungkin bersetuju menjadikan 'pemikiran kritikal' sebagai asas sukatan pelajaran mereka. Ini adalah kerana universiti universiti ditubuhkan dengan tujuan supaya mengekalkan sistem — bagi kita yang sedia ada — ini bermakna satu sistem tanpa tradisi intelektual.

Dr. Chandra Muzaffar
Preside

Februari 1978

ILMU DAN MASYARAKAT

(Ringkasan Ucapan)

Usaha mencari ilmu sangat disanjung tinggi dalam semua tradisi kita — dalam Islam, pemikiran Cina dan falsafah Hindu.

Nabi Muhammad (s.a.w.) menganggap usaha ini sebagai kewajipan manusia dari kelahiran hingga kematiannya. Seorang ahli falsafah Cina yang terkenal, Kung Futsi pernah menasihatkan bahawa kita jangan berjalan dengan dua orang yang lain kecuali salah satu daripadanya dapat mendidik kita. Menurut semua tradisi, ilmu adalah teras kepada tingkah laku dan tindakan yang baik.

Ada persamaan yang ketara dalam konsep ilmu yang termaktub dalam tradisi Islam, Cina dan Hindu. Ilmu yang paling asas ialah mengenai peribadi sendiri. Ilmu ini diperolehi melalui sembahyang, semadi, renungan dan penganalisan diri sendiri.

Ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan agama. Melalui ilmu diri kita lebih sedar tentang pentingnya etika dan perlunya hubungan manusia dan Tuhan. Sebenarnya pengetahuan ini akan menghasilkan kesedaran mengenai kelemahan dan kekuatan seseorang. Inilah saluran untuk menambah fahaman kita tentang soal-soal rohani, khususnya tentang kewujudan Tuhan — iaitu ilmu yang mulia sekali.

Satu lagi jenis ilmu ada kaitannya dengan duniawi. Ilmu duniawi merangkumi kedua-dua, alam fizikal dan masyarakat manusia. Ilmu ini yang menjadi asas sains dan amat penting.

Kedua-dua jenis ilmu ini saling bergantung. Melalui diri, seseorang itu menyediakan diri untuk berkhidmat kepada masyarakat. Misalnya, jika teras etika seseorang itu kukuh, jika perasaan benci terhadap tamak haloba rasuah itu tinggi, dia akan cuba membenteraskan kemungkar-kemungkaran tersebut yang wujud dalam masyarakat.

Dengan demikian juga, oleh sebab keadaan masyarakat mempengaruhi keperibadian individu, pengetahuan perseorangan kita memang penting untuk perkembangan diri. Malah, di dalam suatu masyarakat di mana perkauman diutamakan ataupun sikap mementingkan diri wujud, luas keperibadian seseorang akan juga diputarbelit oleh perkauman dan kepentingan diri.

Walaupun kedua jenis ilmu ini wujud dalam masyarakat tradisional, ilmu duniawi tidak berkembang secara sistematik dan saintifik. Di dalam masyarakat kini, terutamanya di Barat, ilmu duniawi telah maju dengan berlipat ganda tetapi ilmu diri telah diabaikan.

Kita mesti memajukan kedua jenis ilmu dengan cara yang seimbang. Ini tidak boleh dicapai dengan mengajar agama ataupun etika di sekolah-sekolah semata-mata -- disamping mengajar ilmu geografi, sejarah dan sains. Apa yang diperlukan ialah suatu fahaman yang mendalam tentang falsafah manusia dan masyarakat yang menggabungkan ilmu diri dengan ilmu duniawi. Sistem pendidikan kita gagal dalam hal ini. Malah, masyarakat Malaysia keseluruhannya belum mengujutkan falsafah sedemikian.

Jika kita mengkaji keadaan di Malaysia, beberapa cubaan untuk memajukan ilmu diri telah berlaku antara tahun 13 dan 16. Kebanyakan dari percubaan ini di jalankan oleh ahli-ahli sufi dan guru-guru agama. Penulisan mengenai masyarakat, terutamanya yang melibat masalah-masalah

utama, jarang wujud. Sumbangan yang ulung dalam bidang ini terbit dari kalam Munshi Abdullah dalam kurun 19

Kini, kedua jenis ilmu wujud dalam semua kaum. Walau bagaimanapun dalam kedua bidang, kita belum menghasilkan kerja-kerja yang boleh dibandingkan dengan tulisan-tulisan dari jiran-jiran kita di Indonesia dan Filipina.

Dengan perkataan lain, meskipun ilmu disebar luas, kita masih lemah dari segi intelek. Hal ini boleh disamakan dengan masyarakat yang kaya tetapi belum mencapai pembangunan ekonomi yang tulen. Ataupun ianya seperti seorang gemuk tetapi kurang sihat badannya.

Di Malaysia, kita mempunyai beratus sekolah, beberapa kolej, 5 Unviersiti dan beberapa saluran yang lain untuk menyampaikan ilmu. Namun demikian, kita masih belum maju dari segi intelek. Sebab-sebabnya hanya dapat diketahui melalui satu penganalisan yang asing.

Sementara itu, harus kita sedar bahawa kemunduran intelek boleh menyebabkan kemunduran politik, kemunduran ekonnomi dan kemunduran kebudayaan. Oleh sebab ini, ia merupakan suatu penyakit yang mesti dirawat dengan segera. Kalau tidak, negara akan hancur lebur.

Dr. Chandra Muzaffar
President

Mei 1979

MEWAJIBKAN PELAJARAN ISLAM DAN MORAL DI SEKOLAH

(Kenyataan Akhbar)

Beberapa persoalan perlu dipertimbangkan berhubung dengan perlaksanaan mewajibkan matapelajaran Islam kepada semua murid-murid Islam dan matapelajaran Moral kepada murid-murid yang bukan Islam.

Pertamanya, isi-kandungan mata-mata pelajaran harus dihebahkan supaya dapat diberi perhatian bersama

erti dibincang-bincangkan untuk diperelokkan, sebelum diumumkan. Kebaikan mengumumkan isi-kandungan di dalamnya ialah untuk mengelakkan sebarang syak-wasangka tentang apa yang akan diajarkan kepada anak-anak kita. Kita semua bagaimana penganutan atau agama seseorang itu adalah sesuatu yang sensitif, dan bilamana misalnya di dalam ajaran moral kita tak dapat tidak akan menyentuh/majar nilai-nilai moral yang baik yang terdapat di dalam setiap agama, kelak tidak akan timbul prasangka yang menyenangkan. Pula, bilamana diteliti isi-kandungan pelajaran Moral, setidaknya-tidaknya diri si peneliti akan bertambah pengetahuannya tentang nilai-nilai moral agama yang lain daripada yang dianutnya. Akhirnya dari segi matlamat perpaduan yang akan menenangkan tenggelam timbulnya negara, adalah terlebih maklum). Demikian juga bagi matapelajaran Islam. Kalaupun kita berurusan rakyat, khasnya yang bukan beragama Islam, mengetahui sedikit sebanyak tentang agama rasmi Malaysia, mengumumkan isi-kandungan matapelajaran akan membantu arah ini.

Keduanya, pengumuman sedemikian akan memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kita tidak akan hanya mengajarkan pelajarannya dengan "cerita-cerita lama", khususnya dalam pengajaran agama Islam, akan tetapi menekankan juga segi hikmahnya, misalnya sikap/pandangan/ajaran Islam terhadap ilmu pengetahuan (termasuk kemajuan dan perubahan. Termasuk juga nilai-nilai yang telah terterap di dalam ajaran Islam seperti kasih-sayang menghormati ibubapa, bahawa nikah-kahwin itu suci, kebencian Islam terhadap amalan-amalan rasuah, sewenang dan diskriminasi. Begitu juga nilai-nilai moral berkaitan dengan hidup bermasyarakat seperti adab terhadap jiran dan memberi pertolongan kepada setiap orang yang di dalam kesusahan.

Suatu lagi perkara yang ingin disarankan ialah supaya enam tahun pertama di sekolah, iaitu dari darjah satu ke darjah enam, disekalikan murid-murid Islam dan bukan Islam dalam pendidikan moral — yakni bercampur bahu. Menyatupadukan kaum-kaum menjadi matlamat

kita; mengasing-asingkan anak-anak berdasarkan agama merupakan pendekatan yang tidak sihat, apatah lagi menaruh ini di lingkungan umur 'formative period'. Padahal sebenarnya tiada rintangan bagi mereka ini disedari bagi mengambil Matapelajaran Moral. Teras nilai-nilai yang kedapatan dalam Islam sudahpun merangkumi nilai-nilai yang terdapat pada agama-agama lain. Kalaupun baru ini Timbalan Menteri Penerangan Malaysia membangkitkan hasrat kerajaan mahu lebih-mengiratkan kaum-kaum Malaysia secara menyedarkan titik-titik persamaan yang kedapatan pada agama dan falsafah hidup masing-masing, maka peluang ke arah ini, yang boleh dicapai dengan belajarnya di peringkat sekolah, tidak haruslah diabaikan. Mengasing-asingkan anak-anak kita di peringkat awal mereka bersekolah adalah menanamkan bibit-bibit perpisahan yang merugikan dan menghampakan negara. Bibit-bibit ini harus dibawa-bawa ke peringkat menengah dan seterusnya ke peringkat dewasa.

Bagi murid-murid Islam bolehlah diwajibkan mengambil Matapelajaran Islam, asal saja isi-kandungannya terhad terbatasi kepada "cerita lama" sepertimana yang disebutkan tadi. Di samping itu bidang pelajaran kita perlu memikirkan mengadakan peluang untuk anak-anak kita yang bukan beragama Islam mengikuti pelajaran agama mereka walaupun bukan secara wajib, di sekolah. Di samping termaktubnya di dalam Perlembagaan bahawasanya agama-agama lain adalah juga diperlindungi, peluang ini akan menghasilkan lebih ramai rakyat yang berkewajiban kerana lebih ramai yang mendukung prinsip pertama Rukun negara, iaitu percaya kepada Tuhan.

Akhir sekali, apa yang dipelajari oleh anak-anak kita baik di dalam pendidikan agama mahupun di dalam pelajaran moral, hendaknya biarlah dapat dilihat diamalkan oleh semua pihak di negara dalam realiti sehari-hari. Adakalanya menesia-sia dan mengecewakan bilamana lain yang dipelajari lain pula yang dialami.

November 1979

Ismail Haniffah
Ahli Jawatankuasa

PELAJARAN UNDANG-UNDANG KE ARAH KEADILAN MASYARAKAT

(Ringkasan Ucapan)

Adalah menjadi satu mitos di zaman kita bahawa orang semata-mata boleh menuju ke arah keadilan masyarakat. Sudah tentu idea dan ideal yang dikumpul dari pelajaran formal boleh membuat seseorang itu sedar perlunya keadilan masyarakat, tetapi sama ada beliau mengambil tindakan ekoran dari kesedaran ini tertakluk kepada beberapa faktor. Personaliti seseorang itu, statusnya dalam masyarakat, fahamannya terhadap tujuan-tujuan mempunyai pengaruh yang besar terhadap kesungguhan seseorang itu untuk berkhidmat untuk keadilan.

Walaupun bagaimanapun, tidak syak lagi timbulnya keperluan yang mendesak untuk memastikan bahawa pelajaran undang-undang — tidak kira batasannya — akan meningkatkan tanggungjawab kita terhadap keadilan masyarakat. Dari segi pelajaran undang-undang, lima perkara memerlukan perhatian.

Setiap pelajar harus diberi kesedaran terhadap hubungan antara undang-undang dengan beberapa kuasa sosial. Walaupun benar bahawa pembentukan undang-undang dalam politik massa selalunya mengambil kira tentang kepentingan orang ramai, terdapat juga undang-undang yang mengutamakan kepentingan kumpulan dan kelas tertentu. Sekiranya kepentingan ini boleh berlawanan dengan kepentingan majoriti yang sendirinya memerlukan banyak perhatian dan perlindungan daripada kumpulan berstatus tinggi itu. Seorang pelajar undang-undang akan diberi perhatian mengenai hal ini jika pelajarannya merangkumi kursus dari sains kemasyarakatan seperti pengkaji masyarakat, perubahan sosial, sosiologi politik, peraturan dan adat dalam masyarakat, dsb. Dengan kata lain, apa yang ditawarkan ialah lebih dari menawarkan satu atau dua kursus dalam pengantar sosiologi atau antropologi. Elemen penting di dalam pelajaran mengenai masyarakat

mesti diserapkan ke dalam kurikulum. Dengan cara ini, mereka akan sedar tentang bagaimana undang-undang kadang-kadang boleh digunakan untuk mengekalkan ketidakadilan terhadap masyarakat di atas nama mengekalkan ketenteraman masyarakat. Dia akan sedar, misalnya, kenapa undang-undang mengenai buruh di dalam negara kita dibentuk begitu rupa hingga pihak pemodal dan pengurusan mendapat manfaat yang banyak dari pihak buruh sendiri!

Selain daripada perubahan dalam isi-kandungan, kurikulum itu juga perlu diubah dalam hal-hal lain. Pelajaran undang-undang seperti lain-lain pelajaran di sini dan di tempat lain, adalah bersifat terlalu teoritis. Pelajaran undang-undang dihubungkan dengan situasi yang benar wujud; teori undang-undang boleh dipisahkan dari amali. Adalah tidak memadai jika seseorang hanya membaca buku-buku tentang bagaimana undang-undang tanah, misalnya, tidak boleh melindungi orang-orang miskin; tentang bagaimana kemiskinan menyukarkan orang-orang yang dieksploitasikan dan susah untuk mengubah tindakan guaman walaupun pertolongan guaman ini ada.

Adalah mustahak bagi pelajar-pelajar kita didedahkan kepada situasi-situasi kemiskinan. Hidup dan bekerja dengan orang-orang miskin dan kemudian menyediakan laporan akademik tentang peninjauan mereka sepatutnya menjadi sebahagian dari kurikulum setiap pelajar, sama ada dia dalam undang-undang atau disiplin yang lain. Dalam hal ini, saya tidak bermaksudkan projek gotong-royong di sebuah kampung atau kampung baru. Apa yang saya bayangkan adalah satu program di mana pelajar-pelajar dalam satu masa setahun dapat hidup dengan komuniti miskin di bandar-bandar luar bandar. Adalah diharapkan pengalaman ini akan melengkapkan mereka dengan pengertian-pengertian yang baru dalam jangka panjang. Dengan menggabungkan amali dengan teori, teori dengan amali dengan cara ini, mereka akan mula sedar tentang wujudnya penyakit-penyakit sosial yang serius yang memerlukan ubat.

Tetapi isi-kandungan sosiologi maupun pendidikan sosial tidak akan mencapai banyak sekiranya kaedah-kaedah mengajar dan kedudukan guru juga tidak dinilai semula.

undang-undang maupun sejarah atau ekonomi boleh diajar sebagai alat yang wujud di dalam masyarakat. Tetapi undang-undang maupun ilmu kemanusiaan atau sains sebagai disiplin-disiplin yang hanya mempergunakan bukti-bukti, episod-episod dan peristiwa-peristiwa. Nilai-nilai dan ideal sosial ada hubungan rapat dengan undang-undang ini. Oleh kerana itu bila seseorang mengajar undang-undang harus "hak sivil dan kebebasan asas", persembahkan kepada masyarakat seharusnya menenggelamkan penglibatan manusia dalam keadilan dan kebebasan. Seorang guru yang bagus akan memberi penekanan kepada penglibatan ini; dia akan menunjukkan bagaimana kekuatan dan kezaliman telah berlaku dalam perjuangan untuk memelihara kebebasan asas manusia. Dia akan cuba meyakinkan para pelajar bahawa manusia adalah berharga kepada kehormatan diri.

Begitu juga sekiranya beliau mengajar kursus Undang-Undang Antarabangsa dan Hubungan Antarabangsa, beliau akan membincangkan ketidakseimbangan kuasa di antara kuasa-kuasa besar dan lain; negara-negara Barat yang "industri" dan Dunia Ketiga yang "bertani"; Utara yang maju dan Selatan yang kurang maju, dengan cara yang menunjukkan dia hanya mementingkan fakta dan angka. Apa yang perlu penting ialah ketidakadilan situasi itu yang

itu juga bermakna jika pelajaran undang-undang hendaklah relevan kepada keadilan sosial, kita memerlukan jenis guru yang baru. Dia mestilah seorang guru yang bertanggungjawab sosial. Adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa seorang guru yang komited akan kehilangan objektiviti akademiknya. Objektiviti akademik adalah di dalam pengajaran guru yang jujur dan saksama yang mengambil kira semua sudut pendapat. Tetapi ini tidak bermakna seseorang itu tidak boleh membuat pendiriannya sendiri. Seorang hakim yang, setelah mengikuti pendakwaan dan pembelaan, mengambil keputusan yang menyebelahi pihak atau yang lain tidaklah boleh dituduh kehilangan objektivitinya. Begitu juga dengan seorang guru yang

berpendirian, dia masih lagi mengikuti peraturan perguruan nya. Jenis guru beginilah yang kita perlukan — seorang guru yang komited, guru yang menyebelahi kebenaran dan keadilan tanpa mengirakan akibatnya. Hanya guru seperti inilah yang akan dapat memberi inspirasi kepada murid-muridnya bekerja untuk keadilan masyarakat.

Setakat ini kita telah meninjau masalah-masalah yang berkaitan dengan kurikulum dan pengajaran. Pelajaran undang-undang juga perlu difahami dari segi yang lebih luas, lebih-lebih lagi jika ia dilihat dalam hubungannya dengan keadilan sosial. Keperluan untuk menjadikan undang-undang lebih senang difahami oleh orang biasa adalah mendesak sangat. Bagi saya, ini adalah berkait rapat dengan soal keadilan itu. Istilah dan konsep hendaklah dipermudahkan. Sememangnya setiap profesion membentuk bahasa golongannya (jargon). Tetapi terlalu banyaknya bahasa golongan di kalangan disiplin telah mengakibatkan pembelajaran lengguan. Ini berlaku kerana cara pemikiran kita belum disesuaikan dengan permintaan masyarakat massa. Kita masih menganuti psikologi elit yang “dibekalkan” oleh orang yang dulu.

Bagaimanapun, ini bukan hanya persoalan istilah dan idea. Sambil kita beralih dari bahasa golongan elit ke “istilah massa”, kita juga bergerak dari bahasa Inggeris (yang dipandang sebagai bahasa elit di sini) ke Bahasa Malaysia yang sentiasa menjadi lingua-franca rakyat. Ini perlu mengambil masa dan harus dicapai dengan teratur. Bagi kepentingan keadilan undang-undang, ini merupakan satu matlamat yang kita mesti tuju.

Selain dari itu, penekanan berlebihan yang diberikan terhadap peraturan dalam undang-undang hendaklah dikurangkan manakala kepentingan utama mestilah dibekalkan kepada inti satu-satu isu. Ini juga berkait rapat dengan persoalan keadilan tadi. Ada ketika terdapat ketaatan kepada peraturan telah mengakibatkan pengurangan keadilan.

Akhir sekali, pelajaran undang-undang untuk keadilan masyarakat mestilah merangkumi pengajaran kepada rakyat jelata tentang hak-hak mereka sebagai manusia dan warganegara.

Media massa, keluarga, sekolah, institusi agama, organisasi komuniti, kesatuan sekerja, persatuan sukarela dan lain-lain cara berkomunikasi sesama manusia hendaklah digunakan untuk tujuan ini. Sekiranya seorang manusia sedar hak kebebasannya, hak untuk mendapatkan keperluan hidup, sekurang-kurangnya dia akan merasa kecil hati kepada orang yang ingin membataskan kebebasan ini atau hindarkannya dari mendapatkan mata pencarian yang patut. Jika dia sedar bahawa sebagai seorang warga, dia mempunyai hak untuk menilai pemerintahnya, maka pemerintah itu wujud untuk kepentingan dan keselamatannya; jika dia sedar bahawa sebagai pembayar cukai dia mempunyai hak untuk mengharapkan perkhidmatan baik birokrasi; jika dia sedar bahawa sebagai pengguna dia mempunyai hak untuk mendapatkan barang-barang bermutu dan air yang bersih; jadi saya kira dia akan lebih berjaga-jaga, berwaspada dan akhir sekali, lebih bersuara. Itulah sebabnya kenapa mengajar seorang manusia tentang hak-haknya adalah mustahak dalam usaha kita mencapai kemajuan masyarakat.

Ini adalah paling mustahak di dalam masyarakat seperti ini kerana tidak ada konsep jelas mengenai hak-hak warga. Kebebasan asas yang terkandung di dalam Perlembagaan kita dipandang sebagai keistimewaan — yang boleh hilang bila-bila masa — yang diberikan kepada rakyat sebagai buah pemerintahan yang baik hati. Sayugia diingatkan, jangan melihat dirinya sebagai pemberi yang baik hati kerana keupayaannya (atau ketidakupayaan) untuk memberi tidak boleh dipersoalkan. Itulah sebabnya kritikan terhadap birokrasi yang tidak digemari. Begitu juga dengan birokrasi yang menawarkan perkhidmatannya sebagai “perbuatan baik” kepada rakyat yang seharusnya bersikap terima kasih. Begitu juga dengan firma-firma dan syarikat-syarikat besar yang tidak menghiraukan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan warganegara.

Sebaliknya, apa yang selalu ditekankan ialah tanggungjawab warganegara kepada masyarakat yang disalahtafsirkan sebagai tanggungjawab kepada pemerintahan yang berkuasa. Itulah tanggungjawab ini bermakna menjauhkan

diri dari mengkritik dasar-dasar pemerintah.

Adalah perlu disedari bahawa seseorang yang tidak mengkritik sesuatu dasar pemerintah atau amalan yang buruk bila dia tahu kebenaran dan keadilan adalah menyebelahi. Ialah seorang warganegara yang tidak bertanggungjawab kerana dia tidak menjalankan tugas-tugasnya kepada rakyatnya. Memenuhi kewajipan seseorang terhadap rakyat warganegaranya dengan berpandukan perhitungan etika — mana kepentingan kebenaran haruslah menjadi perkara yang mustahak setiap waktu — ialah apa yang dimaksudkan dengan “tanggungjawab kepada masyarakat”. Sesudah konsep “tanggungjawab” ini (yang dikaitkan dengan fahaman semasa mengenai “hak-hak”) difahami oleh orang ramai, pencairan terhadap keadilan sosial akan memperolehi pengaruh dan makna baru.

Lima inovasi terhadap pelajaran undang-undang yang telah disarankan di sini mestilah disokongi dengan perubahan-perubahan besar dalam sistem pelajaran pada keseluruhannya. Segala inovasi ini tidak akan mendapat pencapaian besar jika pelajar tidak mempunyai minat dalaman terhadap keadilan sosial. Pembentukan minat terhadap keadilan merupakan sebahagian daripada masalah besar; bagaimana kita membina satu asas etika untuk individu dan komuniti supaya kesedaran mendalam mengenai pentingnya kebenaran, keadilan, kebebasan dan perasaan belas kasihan dapat diserapkan dalam masyarakat? Para pemikir di setiap tamadun telah cuba menyelesaikan masalah ini bertahun-tahun lamanya.

Mungkin agama mempunyai peranan di sini kerana agamalah yang telah melengkapi manusia dengan satu set etika yang lengkap yang pernah diketahui olehnya. Mungkin kurikulum sekolah dan universiti kita, seluruh sistem pendidikan kita, perlu dirombakkan agar kita dapat mempercerca kebenaran dan keadilan sebagai nilai-nilai ketuhanan, sebagai sifat-sifat Tuhan. Lebih dari ini, hubungan politik, ekonomi dan sosial, malah segala-segalanya perlu diubah, jika sifat ketuhanan ini mahu diserapkan ke dalam aspek-aspek kehidupan kita.

Ini mencerminkan kepentingan persekitaran sosial dalam

kekalkan nilai-nilai etika yang diperolehi melalui sistem pendidikan. Ini juga bermakna bahawa bagaimana cocoknya pendidikan undang-undang kepada keadilan sosial, apa yang jadi faktor utama ialah kedudukan sosial yang akan diperolehi oleh peguam-peguam muda itu. Buat ketika ini, kaum di sektor swasta dijamin pendapatan yang buatkan cara hidup mewah berbanding dengan peguam sektor awam.

Seseorang itu tidak boleh mengharapkan kumpulan parti ini menjalankan tugas sebagai pembela keadilan sosial secekal hati – lebih-lebih lagi kerana keadilan sosial berkesan pengorbanan terhadap pendapatan dan status mereka. Yang boleh kita harapkan ialah kemunculan peguam individu di sana sini yang akan setia kepada idea keadilan yang diperolehi dari pendidikan mereka. Di setiap arah manusia, individu-individu seperti inilah yang akan menyalaikan lilin yang akan memecahkan kegelapan dan membuka lembaran baru.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Mei 1979

BEBERAPA PANDANGAN TENTANG LAPORAN KAJISEMULA DASAR PELAJARAN

(Kenyataan Akhbar)

Selepas mengkaji laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan dan setelah menilai reaksi terhadapnya, Aliran berpendapat ada beberapa isu perlu dibawa ke pengetahuan orang ramai.

Laporan ini mempunyai beberapa pendirian yang positif lainnya. Di antaranya ialah kesedaran terhadap penting-

penggunaan matapelajaran 3R di peringkat sekolah rendah.

Memajukan peralatan matapelajaran sains di sekolah-

sekolah luar bandar

- (c) menekankan pentingnya pelajaran teknik dan dagangan
- (d) menyediakan lebih banyak politeknik-politeknik
- (e) mengurangkan bilangan murid di darjah
- (f) menggunakan dengan lebih meluas alat pandang-dengar apabila mengajar
- (g) menjadikan Bahasa Inggeris pelajaran wajib di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia
- (h) meningkatkan lagi pengajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris
- (i) menyediakan kemudahan-kemudahan bagi pelajar tradisional enam aliran sains mengambil matapelajaran matapelajaran sastera dan sebaliknya, dan
- (j) memastikan yang persatuan-persatuan bahasa sekolah-sekolah tidak bersifat keanggotaan sesuatu kaum sahaja.

Dalam pada itu terdapat syor-syor lain yang sangat pentingnya yang perlu diberi perhatian dan dirumuskan semula. Pelajar-pelajar Islam dan bukan Islam tidak seharusnya di asing-asingkan berlandaskan pendidikan agama Islam dan pelajaran moral. Sebaliknya, seeloknyalah pelajaran moral itu dirancangkan bagi kedua-dua kumpulan ini. Walaupun banyak nilai-nilai yang serupa di antara pelajar tradisi agama dan budaya yang dapat dijadikan teras rancangan sedemikian. Yang pentingnya ialah kedua-dua kumpulan pelajar-pelajar Islam dan bukan Islam sama-sama mengimani dan menginsafi prinsip-prinsip moral bersama ini untuk menjadi asas etika hidup mereka. Bukankah (lebih-lebih lagi) sebuah masyarakat berbilang kaum itu amat memerlukan suatu asas etika bersama? Akan pelajar-pelajar Islam, samping itu bolehlah dimestikan mengambil pelajaran agama Islam.

Laporan ini juga mengambil perhatian besar tentang kurangnya minat membaca di kalangan pelajar-pelajar

tersebut, ini merupakan masalah serius, tetapi meng-
nya bukan dengan sekadar membanyakkan perpustakaan
guru-guru perpustakaan. Supaya wujud minat mem-
nosti tersemadi dahulu sikap ingintahu (intellectual
ity). Sikap ini sukar terpupuk selagi institusi-institusi
dalam kehidupan pelajar seperti sekolah dan rumah-
menyekat atau tidak menggalakkan sikap menyoal
ingintahu. Laporan ini dikirakan tidak mempertimbang-
hal seperti ini.

Terupalah jua, laporan ini tidak mempertimbangkan
apa yang diperlukan bukanlah kaedah mengajar yang
efektif akan tetapi suatu rombakan atau susunan-
(overhaul) pendekatan terhadap cara pengajaran.
ikan di sekolah-sekolah kita memperkirakan pelajar
bagai penerima pasif akan maklumat dan ilmu. Sekira-
ita mahukan satu generasi yang boleh dipertanggung-
kan, apa yang perlu kita buat ialah menggalakkan sikap
aktif dan melibatkan diri (di kalangan pelajar); nescaya
lah pendidikan itu dinilai sebagai suatu proses penemuan
dan bukan sebagai penerimaan maklumat semata-mata.
pendekatan pendidikan yang baru sewajarnya pula
dengan pendekatan yang wajar mengenai peperik-
dan penilaian perlakuan atau prestasi pelajar. Laporan
menampakkan adanya kesedaran terhadap kelemahan-
sistem yang berorientasikan peperiksaan. Laporan
tidak menyedari bahawa sistemnya dapat pula dialihkan
nya. Dewasa ini peperiksaan itu menjadi sebegitu penting
rakan darinya dijadikan penentuan keupayaan intel-
seseorang serta sebagai penentuan hidup masadepan.
Nasib seorang pelajar tidak seharusnya terserah bulat-
kepada ukuran sebegini; sebaliknya perlu disusun
sistem yang menyediakan sejenis pengukuran kebolehan
tiap pelajar. Ukuran kebolehan ini yang tersusun se-
ng masa persekolahannya akan dapat memberikan
tentang kekuatan dan kelemahan-kelemahan per-
angan kecerdasannya (intellectual growth). Di akhir 9
11 tahun, akan wujud ukuran kebolehan atau profail
ang, kebolehan hisabnya, kemahiran membacanya,

minatny di dalam tiap-tiap matapelajaran, sikap sosial, nilai-nilainya dan keperibadiannya. Penilaian begini bererti dalam menyediakan hidup dewasanya daripada keping sijil peperiksaan. Maka tentu saja mengikut pendekatan baru ini pelajar-pelajar tidak lagi dikelas-kelaskan berdasarkan pencapaian peperiksaan akan tetapi dikumpulkan mengikut mata pelajaran-matapelajaran tertentu yang mereka kirakan minat pelajar serta keupayaannya mengikuti subjek ini. Keresahan jiwa yang berbangkit hasil peperiksaan dan mengkelas-kelaskan (streamlining) pelajar akan dikurangkan. Untuk mengendalikan pendekatan baru ini, pentadbiran pelajaran tak dapat tidak mestilah disemula. Pendekatan yang bercita-cita mahu setiap pelajar itu menjadi seorang manusia yang bisa berfikir dan berfikir rasa tentulah memerlukan suatu pentadbiran yang 'centralised' atau bukan bercorak pemusatan. Pentadbiran tempatan yang memikul tanggungjawab menyelenggarakan perjalanan sekolah-sekolah di wilayah masing-masing. Laporan ini tidakpun menampakkan langkah-langkah ke arah desentralisasi ini. Padahal pentadbiran yang didesentralisasikan jua yang akan dapat menyalurkan dan berkesannya khidmat-khidmat persatuan ibubapa-guru, pertubuhan-pertubuhan masyarakat serta badan-badan tempatan yang lain, di samping khidmat ahli psikologi masyarakat dan sosiologis dalam pendidikan anak-anak kita.

Pada hakikatnya, guru dan sekolah merupakan hanya satu segi pendidikan jua. Sepertimana kita ketahui, peranan rumah tangga dan masyarakat adalah sama pentingnya. Bila mana kita menyedari peranan sekolah dalam perspektif yang sewajarnya, kelak kita akan berminat memupuk perkembangan saluran-saluran lain ini yang juga berperanan terhadap pendidikan anak-anak. Laporan ini, malangnya, tidak memperhitungkan peranan sekolah yang sewajarnya dalam konteks pendidikan, satu penyelidikan yang menjadi minat utama di kalangan pendidik-pendidik yang terkemuka dewasa ini.

Sesungguhnya, di sinilah terletakny kelemahan laporan ini: ianya merupakan suatu laporan pentadbiran semata-mata.

nya tidak mengkaji andaian-andaian yang menjadi pelajaran negara.

Jawatankuasa

TABIAT MEMBACA

(Kenyataan Akhbar)

Bahasa-usaha Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menggalakan tabiat membaca adalah baik. Ini adalah amat baik kerana kita tidak mempunyai tradisi intelek. Minat idea-idea dan perbincangan dan juga pembacaan adalah asing dari tradisi intelek ini. Atas beberapa sebab tradisi intelek ini tidak menapak di negara kita.

Malah usaha untuk memupuk tabiat membaca ini, kita belum memahami sebab-sebab asas kenapa tidak ada tradisi ini dan cuba memperbaikinya. Aliran merasakan langkah perlu diambil:

1. Keluarga, sekolah, institusi-institusi agama dan komuniti lain-lain tempat bagi perubahan tabiat haruslah digunakan dengan berkesan agar dapat melahirkan anak-anak dan orang-orang muda yang berfikiran kritis. Pemikiran kritis membuahkan "intellectual curiosity" atau intelek yang ingin tahu — iaitu asas kepada tabiat membaca.

2. Satu program pembinaan perpustakaan besar-besaran haruslah diadakan agar bandar-bandar kecil dan kawasan-kawasan luar bandar mempunyai perpustakaan-perpustakaan yang baik.

3. Buku-buku yang bermutu hendaklah dikurangkan harganya supaya ramai penduduk dapat menikmatinya.

Oleh kerana Bahasa Malaysia akan dijadikan bahan penggunaan masyarakat, sudah sepatutnya diadakan program besar-besaran untuk menterjemahkan buku-buku bagus ke dalam Bahasa Malaysia. Penulisan-

penulisan termasyhur dalam Bahasa Inggeris dan lain bahasa Eropah, Cina, Jepun, India dan haruslah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia.

- e) sekolah perlu mengadakan satu sistem yang memberi "ganjaran" kepada pelajar-pelajar yang membaca buku bermutu, selain daripada buku-buku diwajibkan dibaca.
- f) kesan-kesan TV perlu dipertimbangkan dan jika program-program perlu dirancang semula untuk kanak-kanak dan orang-orang muda digalakan membaca dari menonton TV.
- g) akhbar, majalah dan juga RTM perlu memberi ruang dan masa untuk membincang penulisan-penulisan termasyhur yang datang dari berbagai budaya di dunia ini.

Ariffin Othman
Setiausaha

Ogos 1980

SEKOLAH-SEKOLAH DICANTUMKAN

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan kenyataan Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam, tempoh hari bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang kecil akan dicantumkan supaya kemudahan-kemudahan moden dapat disediakan.

Aliran menganggap pemusatan sekolah-sekolah yang dicadangkan itu sebagai suatu langkah yang progresif dan menyeru Kementerian Pelajaran melaksanakannya dengan secepat mungkin.

Sekian lama sekolah-sekolah berkenaan telah diabaikan. Kebanyakan daripada sekolah-sekolah ini dirumahkan dan bangunan-bangunan yang tidak boleh diistilahkan sebagai 'sekolah'. Keadaan di sekolah-sekolah ini tidak sesuai sekali untuk proses pembelajaran. Oleh kerana bilangan pelajar yang kecil, kebanyakan sekolah-sekolah ini men-

beberapa darjah dalam bilik kelas yang sama. Ini
tut pembelajaran. Selain daripada itu, pelajar-pelajar
daripada golongan miskin; ini juga menjadi satu

dasarkan keadaan ini, cadangan tentang pemusatan
sekolah boleh disifatkan sebagai satu usaha untuk
kemudahan-kemudahan pendidikan yang lebih

ak dapat dinafikan bahawa ibubapa pelajar-pelajar
paksa menaiki kenderaan ke sekolah akan mengha-
nanan kewangan. Adalah diharapkan bahawa kerajaan
menyediakan pengangkutan percuma demi kepentingan

bagai alternatif Aliran ingin mengesyorkan bahawa
srama dibina supaya suasana yang sesuai untuk
kan dan rekreasi pelajar-pelajar dapat diwujudkan.

P. Ramakrishnan
Ahli Jawatankuasa

1981

LATIHAN KEPIMPINAN DAN NILAI-NILAI ETIKA

(Ringkasan Ucapan)

Kepimpinan?

lebih dahulu adalah sangat penting untuk menjelas-
konsep kepimpinan. Kepimpinan boleh ditakrifkan
satu hubungan di antara seseorang individu dengan
kumpulan. Hubungan ini terbentuk dari sesuatu
saman bersama dan ianya bertindak sepertimana diarah-
tentukan oleh individu itu. Bagaimanapun ini harus
dari dua lagi konsep yang mempunyai beberapa
man.

antaranya, terdapat konsep kepimpinan sebagai
yang terkemuka yang memegang kuasa menerusi adat
undang-undang dan sebagainya. Misalnya, seseorang

guru dalam bilik darjah, seorang guru besar di sekolah, sebagai ketua keluarga dan ketua-ketua pejabat tidak semestinya terdiri dari pemimpin. Orang-orang yang mengetuainya terdiri dari mereka yang menurut perintah bukanlah pengikut-pengikutnya dalam erti kata sebenarnya. Yakin saudara akan bersetuju dengan saya bahawa ramai ketua-ketua tersebut tidak akan mempunyai pengikutnya sekiranya kuasa yang diberikan kepada mereka itu ditarik balik.

Konsep yang kedua pula adalah berlawanan dengan konsep pertama yang tersebut di atas. Sekiranya ketua kan seseorang pemimpin hanya bergantung kepada ketahuannya menarik pengikut-pengikutnya dengan menggunakan emosi mereka serta menghulurkan selera kepada mereka, orang tersebut bukanlah seorang pemimpin tetapi seorang penghasut. Sejarah dapat memberikan banyak contoh penghasut-penghasut seperti tersebut ini. Biasanya penarikan mereka adalah berdasarkan kepada perkara-perkara seperti agama, kaum dan bahasa.

Jadi, kita dapatlah melihat bahawa asas bagi kepemimpinan yang tulen haruslah merupakan satu perhubungan yang rasional di mana pengikut-pengikut akan memilih ketua dengan menggunakan ketaatkulan dan pemikiran mereka.

Apakah Dia Kepimpinan Simbolik?

Semua situasi ataupun kumpulan memerlukan seorang pemimpin. Apabila terdapat sekumpulan orang mempunyai beberapa kepentingan bersama (misalnya — 'Interaktif', 'Pengakap', dsb.) seorang pemimpin pasti akan muncul untuk mewakili kumpulan tersebut. Pahlawan-pahlawan zaman purba yang telah memusnahkan raksaksa-raksaksa dan menyelesaikan pertikaian-pertikaian di antara suku bangsa adalah contoh pemimpin simbolik yang bertindak bagi sesuatu pihak. Pemimpin-pemimpin simbolik boleh didapati dalam semua lapangan kehidupan kita: tentera, politik, ekonomi, teknologi, kedudayaan dan agama. Pemimpin-pemimpin ini tidaklah mencuba menukarkan haluan asasi kumpulan-kumpulan yang mereka pimpin, tetapi hanyalah mengukuhkan lagi nilai-nilai yang terdapat

masyarakat.

Di Mana Kepimpinan Kreatif?

Pemimpinan kreatif atau dinamis muncul apabila sesuatu menjadi seseorang agen untuk menyebarkan nilai-nilai tertentu yang tidak terdapat dalam masyarakat semasa. Seseorang yang kreatif akan mempunyai bersamanya sekumpulan orang yang akan mengujudkan pengaruh yang lebih besar dibandingkan dengan mana-mana individu lain untuk menyebarkan nilai-nilai baru tersebut. Nilai-nilai atau perubahan-perubahan yang kumpulan ini hendak dikenalkan boleh jadi merupakan kebendaan — fizikal atau teknikal — ataupun moral, keagamaan, kesihatan, kerohanian dan kesenian.

Pemimpinan kreatif adalah berlainan dari kepemimpinan tradisional kerana ianya mencuba untuk mengkayakan atau mengubah nilai-nilai yang dipunyai oleh masyarakat untuk mempopularkan pembaharuan dicipta oleh pemimpin-pemimpin yang dipinjam dari kebudayaan yang lain.

Pemimpin-pemimpin kreatif adalah kurang. Di antara tokoh-tokoh Mahatma Gandhi adalah satu contoh yang terkemuka. Beliau menentang secara damai adalah satu-satunya yang telah bertambah menguatkan pejuang-pejuang kemerdekaan India sementara melemahkan penjajah-penjajah. Pemimpin kreatif bukan sahaja dikenali kerana kreativiti mereka tetapi juga kerana nilai-nilai etikanya yang membolehkannya melahirkan pemimpin-pemimpin lain dari generasi yang diketuainya. Dukacitanya bagi kita, pemimpin-pemimpin dalam sejarah Malaysia belum lagi dapat kita kenal sebagai pemimpin kreatif yang sebenar.

Adakah Kita Dapat Melatihkan Pemimpin-pemimpin?

Adalah sukar untuk melatih kepimpinan seperti yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin hari ini menitikberatkan teknik-teknik tertentu yang dipunyai oleh pemimpin-pemimpin. Di antaranya ialah kebolehan bercakap dengan baik, kebolehan menulis dengan baik, kebolehan menggunakan teknik-teknik mengorganisasi yang tertentu. Misalnya, seseorang pemimpin dalam perniagaan adalah dikehendaki dapat menganalisiskan

perangkaan dengan baik. Dengan kedatangan komputer merata-rata tempat, saudara sebagai bakal pemimpin masa depan dijangka mengetahui sedikit-sebanyak tentang mesin-mesin ini juga.

Bagaimana pun, kebanyakan program latihan kepimpinan yang formal itu tidak menyedari akan satu aspek penting kepimpinan iaitu aspek etika. Nilai-nilai etika seperti kebenaran, kejujuran, belas kasihan, kesederhanaan, keadilan, tidak berkekejaman, dan kebebasan telah diketepikan. Apakah gunanya kebolehan bercakap dengan baik jika bercakap benar, jika tidak menganalisa dengan jujur, jika tidak menghendakkan kebebasan bagi pengikut-pengikut kerana kepimpinan itu lebih mementingkan kedudukan sendiri?

Beretika itu bukanlah bermakna penolakan kesemuanya segala-gala yang moden dan saintifik itu. Apa yang kita mencapai ialah sedikit-sebanyak kesederhanaan dan penolakan kesemuanya dan penerimaan kesemuanya. Sebenarnya apa yang dimaksudkan dengan beretika supaya berkreaitif, iaitu laparkan ilmu pengetahuan mana dapat membantu manusia yang lain.

Mengapa Nilai-Nilai Etika Itu Penting?

Nilai-nilai etika adalah memenuhi aspirasi seseorang yang sempurna. Terlalu banyak keutamaan telah diberikan kepada aspek ekonomi seseorang manakala aspek kerohanian telah dilupakan sehingga mengakibatkan adanya krisis kerohanian yang dihadapi di seluruh dunia pada masa ini.

Lebih penting lagi ialah dengan adanya pemimpin yang lebih beretika, sekurang-kurangnya kita dijamin akan ada satu kepimpinan yang bersih dan jujur. Kepimpinan seperti inilah yang akan cuba membantu kesemua pengikutnya dan bukannya diri sendiri yang hanya menikmati kemewahan-kemewahan. Misalnya dalam kerajaan saudara, segala kegiatan sepanjang tahun diadakan semata-mata untuk mendapatkan wang untuk membolehkan ahli jawatankuasanya membuat satu "lawatan sambil belajar" ke negeri Thai. Di sini saudara perlulah mula meragu-ragu

pemimpin-pemimpin itu beretika atau tidak. Sekiranya benar-benar beretika, mereka akan menumpukan kepada kegiatan-kegiatan yang akan mendatangkan kepada semua pengikut-pengikutnya.

Kita Mengajar Etika?

Jawapannya ialah 'ya' dan juga 'tidak'. Di sini adalah beberapa faktor yang praktikal:

1. Media (suratkhabar, TV, dsb) hendaklah menonjolkan orang-orang yang bersejarah dan mempunyai mutu yang tinggi. Rancangan-rancangan mengenai Gandhi, Martin Luther King, Buddha dan Khalifah-khalifah bolehlah disiarkan.

2. Media juga harus menonjolkan kelakuan etika orang-orang biasa. Misalnya, seorang pemandu teksi yang jujur yang telah mengembalikan dompet yang mengandungi wang kepada tuan yang punya haruslah dijadikan 'pahlawan'.

3. Pendidikan etika dan moral hendaklah diwajibkan di semua institusi pelajaran (mulai sekolah rendah hingga ke universiti). Ianya mestilah diajar oleh guru-guru yang betul-betul berminat dengan cara penyampaian yang dapat menarik minat penuntut-penuntut.

4. Cara yang paling sesuai untuk menanamkan etika ialah menerusi keluarganya. Ibubapa mestilah beretika dan mereka janganlah bercakap bohong kepada kawan-kawan mereka sementara menyuruh anak-anaknya supaya bercakap benar. Sekiranya saudara ada adik-adik lelaki dan perempuan, saudara bolehlah menanamkan nilai-nilai etika dalam fikiran mereka menerusi contoh etika yang saudara tunjukkan dalam segala perhubungan dengan mereka.

Yang tersebut ini hanyalah beberapa contoh sahaja untuk mencapai matlamat kita, dan saya yakin saudara dapat mencari lebih banyak cara lagi.

Subramaniam Sithambaram
Ahli Jawatankuasa

DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN: MATLAMAT DAN HAKIKAT

(Ringkasan Ucapan)

Lazimnya, Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK) diert sebagai dasar bahasa. Ini tidak tepat kerana DPK mempu matlamat-matlamat yang lain juga, antaranya, mening taraf hidup rakyat, memupukkan perpaduan kaum menyemaikan nilai-nilai demokrasi. Keempat-empat mat ini akan dikaji dari segi hakikatnya.

Dengan menjadikan Bahawa Malaysia sebagai ba pengantar utama dalam sistem pelajaran kita, kerajaan telah berjaya memudahkan komunikasi di kalangan gen baru. Ada kemungkinan bahawa proses komunikasi ini mengujudkan nilai-nilai kebudayaan yang sama dalam ja panjang sekiranya faktor-faktor yang lain t menghalangnya.

Walaupun ada pencapaian ini, kita tidak dapat m fikan bahawa pelaksanaan dasar bahasa menghadapi kesul kesulitan tertentu. Pertama, Bahasa Malaysia belum menga masalah istilah dan terjemahan. Keduanya, mutu Ba Inggeris terus merosot. Ketiganya, masa depan bahasa-ba yang lain dalam sistem pelajaran kebangsaan belum p

Pada hemat saya, tidak perlu kita menumpu perhatian khusus pada soal istilah dan terjemahan. Masa ini dapat diselesaikan cara otomatis sekiranya Bahasa Ma sia digunakan sebagai Bahasa sosial di mana bahasa menjadi bahasa pergaulan dan pertuturan di semua pering. Setakat ini, bahasa Malaysia tidak digunakan dengan lu peringkat elit, termasuk di kalangan elit Melayu, walaupun digunakan untuk urusan-urusan resmi. Kegagalan elit da perkara ini membawa kesan-kesan yang negatif p peringkat bawahan dalam masyarakat kita.

Tentang Bahasa Inggeris pula, fokus kita dalam u mengajarkannya sebagai bahasa kedua kurang tepat. De ini, kita mengajarkan Bahasa Inggeris dengan tujuan m bolehkan pelajar-pelajar kita bertutur dalam bahasa

bertuturan pada masa depan sudah pasti akan berlaku bahasa kebangsaan. Yang diperlukan bukan *communication English*, tetapi *comprehension English* yang akan membolehkan pelajar-pelajar memahami teks-teks yang tinggi bahasa Inggerisnya. Ini adalah kerana kita tidak mampu memahami kebanyakan buku-buku Inggeris yang sedia ada. Selain perkataan lain, "*comprehension English*" lebih penting pada kita daripada "*communication English*".

Matlamat juga, lebih baik bagi negara jika semua sekolah menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Bahasa-bahasa yang lain seperti Cina dan Tamil boleh diajar sebagai mata pelajaran. Tetapi perubahan sedemikian sukar diterima oleh kaum bukan Melayu selagi mereka belum dalam sistem kemasyarakatan kita melalui *bumiputera* – bukan *bumiputra*'.

Matlamat yang kedua, meninggikan taraf hidup melalui pendidikan, adalah satu matlamat yang baik tetapi fahaman tentang matlamat ini kurang mendalam. Adalah benar sejak Merdeka kita telah memperluaskan peluang pendidikan bagi golongan-golongan yang kurang bernasib seronoknya di desa melalui pembinaan beratus-ratus sekolah rendah dan menengah dan beberapa kolej dan universiti. Dengan cara tidak langsung, kerajaan telah meninggikan taraf hidup beribu-ribu keluarga.

Tetapi, pelajaran bukan saluran yang paling berkesan untuk meninggikan taraf hidup rakyat. Pengalaman Filipina, Thailand dan Sri Lanka menunjukkan bahawa selagi halangan-halangan yang lain dalam sistem ekonomi termasuk pemilikan tanah tidak di atasi, pelajaran tidak akan menguntungkan. Pendidikan yang benar-benar daif yang biasanya tercicir dari masyarakat. Hanya reformasi-reformasi yang bersungguh-sungguh dalam sistem ekonomi yang dapat meninggikan taraf hidup rakyat.

Matlamat yang ketiga, perpaduan kaum, membuktikan *brotherhood* dalam pembangunan negara kita. Walaupun saluran komunikasi – iaitu bahasa Malaysia – telah diwujudkan, perhubungan antara kaum makin lama makin renggang.

Kegiatan, pergaulan, sikap dan pandangan pelajar-pelajar adalah buktinya.

Punca masalah ini adalah di luar kawalan pelajaran. Dasar-dasar ekonomi dan politik yang membolehkan pendekatan kaum yang menyebabkan keadaan ini, daripada faktor-faktor sejarah, persaingan di peringkat menengah dan atasan dan sikap kepetualangan beberapa golongan-golongan elit dari semua kaum.

Melalui sistem pelajaran, kita boleh cuba mengurangkan polarisasi kaum walaupun kita tidak bisa mengatasinya dengan usaha-usaha yang lain. Nilai-nilai sosial yang bersesuaian seperti belas kasihan, kejujuran, keadilan dan kebebasan boleh diajar di peringkat sekolah. Ini akan menunjukkan kepada pelajar-pelajar bahawa walaupun ada perbezaan dalam budaya dan kebudayaan, terdapat juga nilai-nilai dan prinsip-prinsip hidup yang bersama. Di samping itu, harus kita menggalakan kegiatan-kegiatan di peringkat sekolah di mana pelajar dari semua kaum dapat menceburkan diri. Daripada sukan, lebih banyak persatuan pengguna persatuan alam sekitar mesti ditubuh.

Matlamat yang keempat dan terakhir, iaitu menanamkan nilai-nilai demokrasi masih belum dicapai. Sekiranya sistem pelajaran bukan punca kegagalan ini. Tetapi pelajaran boleh berusaha mengubah sikap pelajar-pelajar tentang apa yang dimaksudkan dengan demokrasi.

Demokrasi bukan pilihanraya semata-mata. Demokrasi ialah penerimaan akan perbezaan pendapat masyarakat sebagai suatu unsur hidup yang sah dan bermakna. Lagi, demokrasi bermakna penyertaan orang ramai sukarela dalam proses membuat keputusan.

Nilai-nilai demokrasi ini harus disampaikan kepada pelajar kita melalui sivik, sejarah dan mata pelajaran lain. Lebih penting, generasi muda tidak akan memahami demokrasi selagi kaedah-kaedah pengajaran kita bersifat authoritarian. Dalam sistem pengajaran dewasa ini, pelajar-pelajar hanya dianggap sebagai penerima maklumat yang pasif.

Adalah ini harus digantikan dengan satu pendekatan yang menganggap pelajar-pelajar sebagai peserta yang dalam proses pembelajaran. - Paulo Friere dan Ivan Mernah membincang perkara ini. Mereka berpendapat melalui cara ini kita dapat menyakinkan si pelajar kebolehan dan kemampuannya. Dengan keyakinan pelajar akan menyoal dan mencabar, mengkritik dan sebagainya. Kesanggupan kita menyoal amat penting dalam pendidikan.

Akhir kata, yang dibincangkan saya hanya aspek-aspek dalam sistem pelajaran. Yang jauh lebih penting ialah sistem pelajaran kita dan falsafah masyarakat kita. Pelajaran mesti mempunyai satu konsep manusia dan konsep yang jelas dan jitu. Apakah konsep manusia yang dalam sistem pelajaran? Manusia apa yang dilahirkan dalam sistem pelajaran kita? Apakah dia manusia yang suci, yang mulia dan murni? Atau pun apakah kita melahirkan manusia yang tamak, yang mementingkan diri, mengejar kemewahan? Tanpa falsafah yang bernas, yang akan nilai-nilai rohaniah sistem pelajaran akan terus

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI

(Ringkasan Ucapan)

Kita dapat menentukan sifatnya Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) berdasarkan dua soalan

Apakah AUKU menyekat perkembangan dan pertumbuhan demokrasi?

Apakah AUKU menghalang pembangunan intelek masyarakat kita?

AUKU tidak membenarkan pelajar-pelajar menyuarakan pendapat mereka atas soal-soal masyarakat. Walaupun saya

tidak setuju dengan penglibatan pelajar-pelajar dalam parti-kepartian, menyokong atau membantah sesuatu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat adalah hak mereka sebagai warganegara dalam sistem demokratik. Penafian hak ini sebenarnya berkaitan dengan sikap tertentu yang lumrah di kalangan pemimpin-pemimpin kita: bahawa hanya ahli-ahli parti yang berhak mengkritik dasar-dasar kerajaan. Kumpulan-kumpulan di luar gelanggang politik yang berminat dengan soal-soal masyarakat tidak berhak menilaikan prestasi kerajaan.

Satu lagi unsur dalam AUKU yang menyekat amalan demokrasi ialah kuasa yang luas yang diberikan kepada pentadbiran universiti dalam menentukan kegiatan-kegiatan pelajar. Pelajar-pelajar terpaksa tunduk pada keputusan-keputusan pentadbiran sama ada pendirian mereka mengenai sesuatu hal itu benar atau tidak. Ini bertentangan dengan konsep berdikari yang digalakkan oleh kerajaan sendiri. Dapatkah pelajar-pelajar kita memahami konsep berdikari dari segi praktiknya, jika mereka tidak dibenarkan mengemukakan daya utama dalam beberapa perkara yang bersangkutan dengan kedudukan mereka? Sekali lagi, sikap ini berakar dari pandangan kerajaan terhadap peranannya dan apa yang dianggapnya sebagai peranan yang harus dimainkan oleh pelajar-pelajar dan kumpulan-kumpulan sosial yang lain. Kerajaan berpegang kepada fahaman bahawa kerajaan ialah pelindung. Sebagai pelindung kerajaan yang merancang kerajaan yang melaksanakan, rakyat hanya ikut. Rakyat tidak dapat merancang, mengikut pandangan ini, kerana mereka masih jahil, mereka harus dibimbing. Konsepsi sedemikian menghalang penyertaan tulen dari orang biasa dalam pembangunan negara.

Begitu juga saya berpendapat bahawa undang-undang yang menekankan 'criminal liability of office-bearers', 'suspension', 'expulsion' dan sebagainya tidak akan membahayakan proses pertumbuhan demokrasi. Tujuannya ialah untuk menakutkan pelajar-pelajar. Walaupun dari segi pelaksanaannya, tidak begitu agresif — mungkin disebabkan oleh sikap kesederhanaan kerajaan dan ketidakceapan pentadbiran

wujudnya undang-undang yang ketat telah
suarasana bimbang' di kampus-kampus. Pelajar-
tidak mahu ambil tahu tentang perkembangan-
masyarakat kerana itulah jalan yang paling

undang-undang yang ketat sering membawa
ini. Itulah sebabnya negeri German pada per-
kurun ini tidak berjaya mengamalkan sistem demo-
tupun dari segi pra-syarat-pra-syarat demokrasi yang
berkatakan seperti kelas menengah yang kukuh, asas
erian, taraf pendidikan dan sebagainya negeri
lebih maju daripada negara-negara yang lain pada
Sebaliknya, negeri Perancis yang tidak mempunyai
pra-syarat tadi lebih subur demokrasinya pada
kurun 20 ini. Antara sebab-sebabnya ialah
undang-undang yang terlalu ketat.

Bagaimana pula dengan pembangunan intelek? Kesan-
begitu teruk walaupun ada akibat-akibat tertentu.
Pembangunan intelek tidak biasa dicapai melalui buku-
mata-mata. Pelajar-pelajar mesti diberi peluang
untuk menandakan diri dalam soal-soal masyarakat. Ini adalah
teori tidak dapat dipisahkan daripada praktifik, idea
tidak dapat diasingkan daripada amalan. Dalam negara-
yang sedang membangun penggabungan idea dan
itu amat penting lebih-lebih lagi kerana kebanyakan
teori-teori sosial yang dipelajari oleh penuntut-
kita berdasarkan pengalaman asing. Untuk mengu-
teori-teori yang lebih sehati dengan keadaan kita,
kita mengamalkan *praxis*, atau pun proses renungan
pemikiran yang berdasarkan pada praktik. Itulah sebab-
pelajar-pelajar mesti digalakkan melibatkan diri dalam
pembangunan masyarakat kita. Sebagai contoh pelajar-
tidak dibenarkan mengutip derma untuk golongan
daif — satu perbuatan yang tidak memudaratkan se-

berdasarkan hujjah-hujjah ini, AUKU mesti disemak.
yang paling berkesan ialah penyemakan fasal demi

fasal. Sudah pasti kerajaan tidak akan memansuhkan AUKU. Kita mesti cuba mencapai sesuatu yang mungkin, bukan sesuatu yang mustahil. Di samping itu kita mesti menasihati sikap pelajar-pelajar sendiri. AUKU tidak boleh dipertanggungjawabkan atas segala kecacatan yang ada di kampus kita. Pelajar-pelajar juga harus disalahkan terutamanya atas kegagalan mereka membangunkan intelek dan etika mereka.

AUKU tidak membantut segala jenis kegiatan intelektual. Pelajar-pelajar masih boleh membaca buku-buku yang diminati mereka, mengaturkan perbincangan-perbincangan sukarela dan mengedarkan karangan-karangan terhadap cabaran-cabaran masyarakat di kalangan kumpulan mereka. Ini tidak dilakukan bukan kerana AUKU tetapi kerana wujud semangat berfikir di kalangan mereka yang 'pelajaran' di masyarakat kita. Ini pula disebabkan beberapa faktor-faktor sejarah dan kemasyarakatan. Satu daripada akibat keengganan kita berfikir dan memperkatakan persoalan-persoalan penting ialah sikap 'membuta mata' di mana kita mengikut sesuatu arus atau aliran tanpa faham yang mendalam. Pada satu masa dahulu, arus sosialisme dianuti; kini arus Islam yang dianuti. Itulah sebabnya kecerdasan intelek dalam kebangkitan semula Islam masih berkurang.

Sama penting dengan intelek ialah sikap etika. Sikap etika ini bermakna pelajar-pelajar mesti memperjuangkan kebenaran dan keadilan walaupun jalan itu penuh dengan liku-liku. Mereka yang beretika tidak akan putus asa. Setelah tamat universiti, setelah mereka mula bekerja, mereka akan menghargai nilai-nilai yang murni dalam kehidupan mereka. Walaupun keadaan pekerjaan mereka mungkin tidak memuaskan, mereka meneruskan perjuangan suci mereka tetapi kecintaan pada keadilan dan kebenaran tidak terpadam dalam hati sanubari mereka.

Malangnya, kebanyakan daripada pelajar-pelajar mengenyahkan nilai-nilai etika setelah tamat sahaja pelajaran mereka. Ini mungkin disebabkan oleh peluang naik pangkat dan kemewahan hidup yang masih boleh diharapkan oleh wazah-siswazah kita jika dibandingkan dengan negara-negara

yang kurang bernasib baik.

Itulah sebabnya saya percaya bahawa tanpa penekanan khusus terhadap kedudukan ekonomi pelajar-pelajar pada suatu keadaan sosial yang menggugat dan mengancam kepentingan beberapa golongan-golongan yang berkepentingan, kaum pelajar tidak dapat membawa perubahan bermakna kepada masyarakat. Dengan lain perkataan, masyarakat lebih penting daripada kesedaran pelajar. Oleh kerana keadaan masyarakat telah berubah, pelajar dapat memainkan peranan yang penting dalam gerakan-pergerakan nasionalisme di Filipina, Indonesia dan sebagainya. Oleh kerana keadaan masyarakat tidak berubah, pelajar di Amerika Syarikat dalam tahun-tahun puluhan dan pelajar-pelajar di Perancis pada tahun awal dalam usaha mencapai perubahan. Sebaliknya, pelajar Thai berjaya pada 1973 kerana keadaan yang ditentukan oleh faktor-faktor yang lain yang berbeza dengan persaingan elit membenarkan mereka berjaya mencapai matlamat mereka.

Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tidak harus terpedaya pada satu anggapan yang palsu tentang kekuatan mereka. Itulah sebabnya juga, saya berpendapat bahawa banyak manfaat jika pelajar-pelajar menganggap 'kampus' mereka sebagai satu persiapan di mana mereka boleh melengkapkan intelek mereka dan meningkatkan semangat mereka. Perjuangan bermula dari kampus. Kampus adalah tadika — bukan kubur — perjuangan kita untuk mencapai kebenaran dan keadilan.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

1981

APAKAH CORAK PENDIDIKAN UMUM DI MALAYSIA PADA MASA AKAN DATANG? — PERSOALAN DAN CABARAN.

(Ringkasan Ucapan)

Pendidikan Umum bermakna pendidikan disediakan untuk khalayak ramai — dan bukan kumpulan tertentu dalam bidang-bidang khusus. bermakna perbincangan kita akan tertumpu pada persekolahan dari darjah satu sehingga tingkatan lima.

Pada hemat saya, ciri-ciri pendidikan umum dibahagikan pada (a) ciri-ciri struktur dan (b) ciri-ciri logikal. Dalam sepuluh tahun yang akan datang ciri struktur akan berkekalan — iaitu, jangkawaktu pendidikan umum, bahasa-bahasa pengantarnya di peringkat rendah, bahasa pengantarnya di peringkat menengah, kedua bahasa keduanya, mata-mata pelajarannya dalam jurusan sastra dan sains, saiz kelasnya, sistem pengajaran dan belajarnya, sistem latihan guru dan sebagainya. Hanya perubahan yang mungkin berlaku. Masa yang ditentukan untuk pengajian Islam mungkin ditambah — sebagai reaksi kepada kebangkitan Islam dalam masyarakat Muslim.

Yang saya bimbangkan ialah ciri-ciri sosiologikal yang pasti wujud esok hari berdasarkan perkembangan-perubahan dewasa ini. **Pertamanya**, kebolehan pelajar-pelajar menguasai pengetahuan akan terus merosot. Ini adalah kerana dalam peralihan daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malay, kecekapan pelajar-pelajar dalam kedua-dua bahasa telah menjadi tandatanya. Mereka kurang fasih dalam bahasa Malay kerana bahasa Malaysia belum menjadi bahasa perantaraan dan bahasa sosial dalam ertikata yang benar. Kelemahan mereka dalam bahasa Inggeris bermakna mereka tidak dapat menambah pengetahuan mereka melalui pembacaan yang luas. **Kedua**, keadaan ini juga akan menghalang mereka daripada melahirkan manusia yang cekap dalam bidang-bidang kerja mereka. Prestasi perkhidmatan awam dan sektor swasta akan terus merosot akibat daripada kelemahan pelajar semasa di bangku sekolah dahulu. **Ketiganya**, pel-

yang tidak bisa menguasai pengetahuan, yang tidak dapat berfikir dan membentuk pandangan dengan cara yang rasional dan waras. Mereka akan bertindak berdasarkan emosi dan sentimen. Mereka akan ikut arus tanpa penyelidikan, tanpa fahaman yang mendalam. Keempatnya, oleh kerana kurang berfikir dan mengkaji saya rasa matlamat perpaduan – iaitu salah satu daripada matlamat sistem pelajaran kita – tidak dapat tercapai. Emosi yang sempit akan mendorongkan pelajar-pelajar kita memperjuangkan, apa yang dinamakan 'kepercayaan kaum' atau agama masing-masing. Suasana seperti ini mungkin menggalakkan perasaan-perasaan kebencian.

Dalam keadaan yang pesimis ini, cuma dua perkara yang memberi sedikit harapan. **Pertamanya**, kemelesetan ekonomi yang dasawarsa lapan puluhan mungkin memaksa sebilangan pelajar-pelajar kita menumpu perhatian pada aspek kehidupan selain daripada gaji dan pangkat. Dengan lain kata, oleh kerana mereka tidak boleh mengharapkan kehidupan yang mewah, mereka akan mula memikirkan tentang keadaan ekonomi mereka dan negara mereka. Dalam keadaan ini, kesedaran sosial mungkin timbul. **Keduanya**, jika kesedaran terhadap kebebasan individu dan kumpulan terdapat, besar kemungkinannya pelajar-pelajar akan menambah insaf tentang pentingnya kebebasan sebagai nilai yang amat penting. Keinsafan ini sudah pun wujud di kalangan beberapa golongan muda.

Nyatalah kedua-dua perubahan yang dibincangkan bergantung pada keadaan. Bukan kerana sistem pendidikan akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar akan memahami bahawa matlamat hidup adalah mencari gaji dan pangkat semata-mata. Bukan kerana sistem pendidikan akan menghargai kebebasan. Ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan tidak boleh dipuji kerana perubahan-perubahan yang mungkin berlaku. Malahan, sistem pendidikan yang sedia ada tidak boleh dikecualikan daripada tuduhan bahawa ia telah gagal menanam nilai-nilai yang menghargai idealisme dan kebebasan di kalangan pelajar-pelajar kita.

Itulah sebabnya perancang-perancang pendidikan harus memberi perhatian kepada masalah nilai dan falsafah dalam sistem pendidikan kita. Ini adalah soal pokok. Di samping masalah bahasa — iaitu kefasihan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris — harus diperhatikan juga. Dalam hubungan ini, masalah bahasa Inggeris, pada pendapat saya, adalah yang rumit.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

September 1981

BAB 8

BUDAYA, BAHASA DAN TATATERTIB MAHKAMAH

Hubungan di antara tatatertib Mahkamah dan kepercayaan Islam telah menjadi berita pada bulan Mei 1978 merupakan item bagi bab ini.

Pada bulan Jun 1979, Presiden Aliran telah membuat ucapan di luar mengenai "Apa dia Budaya Malaysia?" yang mana ulasannya di sini. Setelah menyiarkan tiga pendekatan popular terhadap budaya nasional, kami tonjolkan pula pendekatan Aliran – Budaya Malaysia haruslah berdasarkan kepada nilai-nilai sama yang di semua komuniti di negara ini.

Nilai dan bentuk budaya pribumi akan mempunyai pengaruh manakala bentuk seni dan bahasa-bahasa bukan pribumi pula akan menjadi elemen-elemen kedua yang boleh juga dimasukkan ke dalam budaya nasional kita.

Bagi persoalan bahasa Malaysia sebagai bahasa dalam sistem perundangan, Aliran menyokong kegunaan bahasa ini di dalam mahkamah sebagai ukuran bagi otonomi intelek kita, tetapi memberi pandangan terhadap perlaksanaannya yang terlalu mendadak akibat dari politik.

TATATERTIB MAHKAMAH MULA BERUBAH

(Keterangan Akhbar)

Aliran memandang dengan minat atas usaha Hakim Hakim Sani untuk memperkenalkan beberapa perubahan dalam sistem kehakiman.

Aliran memang benar penggunaan istilah "My Lord" dan "Your Lordship" menunduk sebagai tanda hormat kepada Hakim

adalah bukan unsur Islam. Berhubung dengan ini, ka direnung semula, bila seorang Hakim bangun sebagai ta hormat kepada Khalifah Saiyyidina Ali, beliau men Hakim itu: "Dengan berdiri menghormati hamba, tuan t membuat kesalahan sebagai seorang Hakim." Nabi kita t suka orang bangun menghormatinya bila baginda tib sesuatu perjumpaan.

Pandangan begini, baik bagi orang Islam maupun bu Islam, adalah sejajar dengan semangat demokrasi dan patu dialu-alukan. Ia tidak hanya dianggap sebagai sebah daripada tradisi Islam; tetapi juga menambahkan lagi ma manusia.

Bagaimanapun, rasa bertanggungjawab terhadap ubahan tidak sepatutnya ditumpukan kepada hanya tertib. Ada isu-isu asas yang telah diketepikan. Apa anggapan bahawa seseorang itu bersalah selagi ia b dibuktikan tidak berdosa sejajar dengan nilai-nilai l Apakah penahanan tanpa pembicaraan satu unsur Isl

Dalam sejarah Islam, hakim-hakim yang betul-betul adalah mereka yang lebih mementingkan masalah-mas ketidakadilan, penindasan dan rasuah. Dalam usaha mel kejahatan ini, hakim-hakim seperti Ibn Hanbal dan Hanifa telah mengalami berbagai kesukaran. Aliran per bahawa semangat kejujuran seperti ini patut dihargai dicontohi.

Sekiranya tidak, rasa tanggungjawab terhadap tata tidak akan mencapai hasilnya melainkan menimbulkan ke gilaan terhadap bentuk daripada isi.

Mei 1978

Dr. Chandra Muzaf
Presid

APA ERTI KEBUDAYAAN MALAYSIA?

(Keterangan Akhbar)

Setakat ini, ada tiga pendekatan kepada soal kebudayan nasional: a) Kebudayaan nasional sebagai hasil darip

yang samarata kepada semua kebudayaan di Malaysia. Kebudayaan nasional yang berteraskan seratus-peratus kebudayaan pribumi. c) Kebudayaan nasional yang bukan kebudayaan pribumi, tetapi di samping itu memasukkan unsur-unsur tertentu daripada kebudayaan-kebudayaan yang bukan pribumi.

Perbincangan tentang tiga-tiga pendekatan tadi adalah kompleks. Lebih banyak perhatian diberi kepada rupabentuk, cara dan amalan-amalan tertentu daripada nilai-nilai, pandangan dan institusi-institusi yang terdapat pada kebudayaan. Kecetekan ini mungkin diakibatkan oleh adanya suatu tradisi intelektual yang kukuh.

Tiga-tiga pendekatan mengandungi kelemahan-kelemahan tertentu. Pendekatan a) mengenenipkan pengaruh Islam dalam evolusi masyarakat Malaysia. Ia tidak mengakui bahawa Bahasa Melayu adalah lebih penting daripada bahasa-bahasa yang lain dan Islam adalah lebih penting daripada agama-agama yang lain dalam pembentukan kebudayaan. Pendekatan b) tidak memahami bahawa kebudayaan Melayu mempunyai unsur-unsur yang jauh berbeza sesama sendiri — seperti unsur-unsur tertentu dalam kebudayaan Melayu berbanding dengan kebudayaan Melayu. Juga, tidak ada kebudayaan yang jati seratus-peratus. Proses penyerapan budaya sering berlaku. Lebih daripada itu, kebudayaan Melayu yang jati seratus-peratus tidak dapat dijadikan asas kebudayaan Malaysia dalam masyarakat berbilang kaum. Pendekatan c) tidak mengakui bahawa unsur-unsur dalam kebudayaan pribumi sendiri yang bertentangan dengan Islam — seperti taat buta kepada pemimpin — harus disingkirkan. Aspek-aspek yang mana daripada kebudayaan pribumi dapat dijadikan sebagai teras kebudayaan nasional dan bagaimana percantuman antara kebudayaan pribumi dan kebudayaan Melayu dapat dicapai tidak diterangkan.

kerana kelemahan-kelemahan ini, Aliran mengemukakan pendekatan yang keempat. Nilai-nilai sejagat seperti keadilan, kebebasan, perikemanusiaan, kasih sayang dan kejujuran harus diterima sebagai teras kebudayaan nasional. Nilai-nilai sedemikian adalah sesuai untuk semua

kaum di Malaysia. Selain daripada itu, nilai-nilai ini adalah asas kepercayaan Islam kerana ianya berakarumbi dalam konsep Tauhid.

Tetapi nilai-nilai semata-mata tidak dapat menghidupkan sesuatu kebudayaan. Sastra, lukisan, muzik, drama, institusi politik, organisasi-organisasi ekonomi juga harus memberi 'nafas dan nyawa' kepada nilai-nilai. Dalam hubungan ini, saluran-saluran kebudayaan yang tumbuh dan berkembang di negara ini — sama ada sastra ataupun seni — sudah pasti akan memainkan peranan yang lebih berkesan pada saluran-saluran kebudayaan yang mencapai kematangan dalam keadaan yang lain. Sebagai contoh, Bahasa Melayu lebih layak menjadi saluran sastra kita daripada bahasa-bahasa yang lain sepertimana juga pantun atau Boria lebih layak menjadi saluran sesuatu nilai seperti kebebasan atau kemanusiaan lebih berakarumbi dalam masyarakat daripada Opera Cina dan Kathakali yang telah menjadi 'Kedewasaan' mereka dalam suasana dan persekitaran masyarakat yang lain.

Tetapi, Aliran percaya bahawa bahasa-bahasa sebagai saluran-saluran kebudayaan bukan pribumi juga harus diiktiraf sebagai unsur-unsur kebudayaan Malaysia yang sah walaupun bukan saluran-saluran yang utama. Sebab-sebabnya adalah berikut: a) Konsep kebudayaan yang dicadangkan di sini menganggap nilai — bukan saluran — sebagai unsur kebudayaan. Nilai yang termaktub dalam sesuatu kebudayaan jauh lebih penting daripada saluran persembahannya yang menjadi soal kedua. Khususnya, ini berakarumbi pada nobel yang tulis oleh seorang warganegara Malaysia dalam Bahasa Mandarin yang mengecam rasuah dan penindasan adalah unsur kebudayaan Malaysia yang lebih penting daripada sebuah nobel dalam Bahasa Melayu yang mengkritik dewakan feudalisme atau cauvinisme. b) Pada lazimnya sesuatu unsur kebudayaan yang bukan pribumi dari luar akan menjadi unsur pribumi selepas proses interaksi yang berkesinambungan dengan alam tempatan. Ini telah berlaku kepada kebudayaan Melayu pada masa lampau di mana unsur-unsur dari luar akhirnya menjadi unsur-unsur dalam. Harus kita mem-

proses yang sama berlaku dalam interaksi antara pribumi dan bukan pribumi. Faktor utama proses ini – sepertimana ditegaskan dulu – adalah kejayaan yang dapat membantu usaha mengujudkan kebudayaan Malaysia yang teragung yang mengandungi adicita-adicita yang mulia yang pernah dijelmakan dalam tamaddun manusia.

Dr. Chandra Muzaffar.
Presiden.

BAHASA DAN MAHKAMAH

(Keterangan Akhbar)

Man percaya bahawa penggunaan Bahasa Malaysia secara yang lebih luas di mahkamah dan dalam sistem perundangan adalah satu matlamat kebangsaan kami. Matlamat ini harus disokong oleh tiap-tiap warga Malaysia. Adalah menjadi kewajipan hakim-peguam-peguam dan golongan-golongan yang lain terlibat dalam sistem kehakiman dan perundangan ke arah matlamat ini dengan penuh azam.

Bagaimanapun, pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam sistem kehakiman dan perundangan mesti bebas dari tekanan-tekanan politik dari mana-mana pihak. Ia dianggap sebagai satu langkah pentadbiran yang perlu dilaksanakan secara rasional dan sistematik. Dari masa ke masa ramai mesti diberitahu tentang kemajuan yang terdapat dalam pembentukan istilah-istilah baru dan penulisan buku-buku dan naskah-naskah perundangan. Laporan juga harus dibentangkan kepada Parlimen.

Man berpendapat bahawa majlis peguam-peguam mesti diadakan dan menyeliakan kelas-kelas tutorial untuk ahli-ahlinya agar mereka dapat mencapai kefasihan dalam Bahasa Malaysia. Keengganan sebahagian daripada peguam-peguam untuk menyesuaikan diri pada 'keadaan bahasa yang baru' merupakan satu daripada halangan-halangan utama dalam kemajuan Bahasa Malaysia.

Adalah tidak benar bahawa Bahasa Malaysia tidak digunakan dengan lebih luas kerana sistem perundangan berdasarkan 'English Common Law'. Waktu Jepun memodenisasinya dalam pertengahan abad 19, negara telah meminjam daripada sistem-sistem perundangan Eropah tetapi tetap menggunakan Bahasa Jepun dalam mahkamah-mahkamah. Begitu juga di Indonesia, sejarah kolonial Belanda tidak menghalang negara itu daripada menggunakan Bahasa Kebangsaan di mahkamah-mahkamah. Beberapa negara Asia Barat, bahasa Arab digunakan di mahkamah walaupun sistem perundangan kuat dipengaruhi oleh sistem perundangan Perancis.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

November 1979

KEBUDAYAAN CINA DAN CINA MALAYSIA

(Karangan)

Walaupun masyarakat Cina merupakan lebih seperempat daripada jumlah penduduk negara ini, salah faham mengenai sistem nilai dalam tradisi Cina dan pengaruhnya kepada Cina Malaysia adalah meluas. Salah faham ini wujud serumpun kalangan Cina dan bukan-Cina sehingga hubungan antara kaum terganggu dan tersekat. Tentunya Cina Malaysia yang jahil atau berprasangka dalam pandangan mereka terhadap kebudayaan Melayu dan India walaupun ketiga-tiga masyarakat ini telah hidup bersama dalam negara ini lebih dari satu abad. Kita boleh menyalahkan sejarah khazanah kolonialisme kerana susunan perkauman dan tiadanya perhubungan, tetapi adalah tanggungjawab kita sekarang untuk mengubati penyakit-penyakit masa lalu.

Satu salah faham yang meluas ialah bahawa Cina menganut satu pandangan hidup yang materialistik. Mereka mengutamakan kejayaan dunia dan kemajuan diri; mereka menyalami satu sama lain dengan salam keberuntungan dan kemakmuran; dan mereka berusaha terutamanya untuk kemajuan diri mereka sendiri dan sanak-saudara mereka tanpa memperhitungkan kepentingan masyarakat yang lebih luas.

demikian mereka menceburkan diri dalam perniagaan perdagangan dan tidak suka kepada perkhidmatan awam bekerja makan gaji. Pandangan seperti ini telah muncul sekali kerana melihat tingkah laku dan kegiatan-kegiatan kalangan masyarakat Cina Malaysia yang terkenal, dunia perniagaan, di dalam urusan dan interaksi di antara mereka sendiri dan dengan lain. Ini adalah dua perkara yang berguna untuk dikaji.

Pertama, dari segi falsafah sosial Cina, berusaha untuk perubahan dan kejayaan material jarang sekali dikemukakan sebagai satu pekerjaan yang dikehendaki. Tekanan kepada meningkatkan diri dari, dan membuang kegiatan-kegiatan dalam, kedua-dua Taoisme dan Buddhisme telah meninggalkan satu kesan yang kuat dalam pemikiran Cina. Bahkan bahawa pemikiran Cina mengandungi lebih banyak idealisme tetapi lebih banyak ketawa dari keyakinan. Sebenarnya sebahagian besar dari peribadi adalah sikap 'menghadapi hidup secara falsafah'.

Lagipun di dalam pandangan hidup Cina wujud satu sistem darjah yang menentukan darjah sosial. Mengikut yang disukai, susunan ini ianya sarjana-pegawai, petani, pedagang, peniaga dan akhirnya askar. Kekayaan nampaknya sangat berharga sangat. Confucius misalnya mengajar bahawa:

"Kekayaan dan kemuliaan dikehendaki oleh setiap orang, tetapi jika ini semua diperolehi hanya dengan melanggar jalan yang betul, ianya tidak boleh diregut. Kemiskinan dan keterpencilan adalah dibenci oleh setiap orang, tetapi ianya boleh dielakkan hanya dengan mencero bohi jalan yang betul, ianya tidak harus dielakkan."

Sama ada kita bersetuju atau tidak dengan tingkatan ini, kita harus bersetuju bahawa penceburan diri dalam perniagaan dan perdagangan bersama dengan cemuhan dalam birokrasi tidak kena-mengena dengan tradisi Cina. Cina Malaysia yang meningkat dewasa antara Merdeka 1970, sifat-sifat bakti dan kesedaran masyarakat sedang berkembang tetapi terganggu dengan kedatangan DEB dan kuota perkauman dalam pelajaran tinggi.

Kedua, angkatan tua Cina Malaysia terdiri dari angkatan pertama dan kedua keturunan mendatang dan memperlihatkan sifat-sifat 'menengahkan diri' yang dihubungkan dengan pendatang-pendatang di seluruh dunia, khasnya jika mereka tercebur di dalam perniagaan dan perdagangan. Sifat-sifat demikian timbul dari rasa tidak selamat kerana berada dalam satu persekitaran baru dan sebuah ekonomi baru. Ini bukanlah satu perkara yang terbatas kepada orang Cina dalam respons terhadap suatu keadaan yang asing. Dengan kemasukan keluarga mendatang dan pengenalan yang lebih dengan keadaan sosial, satu pandangan hidup yang lebih terjamin dan kurang menonjolkan diri akan muncul. Hubungan dengan angkatan baru, tekanan dasar-dasar pembangunan sekarang yang terang-terang materialistik malayunya telah menghidupkan satu semangat perlumbaan yang tinggi di kalangan mereka, yang membawa semua kaum memburu kekayaan dalam satu suasana saling mencuri.

Satu lagi salah faham yang meluas ialah berhubungan dengan kebudayaan Cina dan falsafah Islam. Dikatakan bahawa tidak ada jambatan perhubungan di antara agama tauhid Islam dan kepercayaan-kepercayaan Cina kepada banyak tuhan. Ini adalah satu kesimpulan yang cetek yang harus dinafikan bila-bila ia dilontarkan. Agama-agama berbilang di kalangan Cina adalah Taoisme dan Buddhisme dan bentuk-bentuk popular agama-agama ini memang mempunyai sederetan tuhan. (Konfuciunisme bersandarkan hukum Langit yang lebih banyak merupakan satu perintah moral semulajadi). Tetapi tuhan-tuhan adalah lambang-lambang kepada satu pandangan hidup yang lebih mendalam — sistem nilai di belakang simbol-simbol inilah yang patut kita perhatikan. Dari segi ini harus diambil perhatian bahawa Islam, Taoisme dan Buddhisme dan juga Hinduisme mempertahankan nilai-nilai yang sama khasnya pada peringkat falsafah sosial. Nilai-nilai seperti kesederhanaan, pengetahuan diri, keadilan dan kebenaran sama-sama ditekankan dalam agama-agama ini. Malah keunggulan satu sistem moral (sama ada dalam Taqwa atau Dharma atau Tao) yang mendukung kepercayaan kepada Tuhan, dengan apa nama juga dipanggil.

dalam sebuah negara pelbagai agama seperti Malaysia ditekankan bahawa rakyat patut dibuka kepada aliran pokok keempat-keempat agama besar, Islam, Kristian dan Hinduisme, supaya mereka boleh kesedaran tentang persamaan-persamaan daripada kepada kesimpulan-kesimpulan yang lapuk. Perpolitik masyarakat Malaysia dulunya telah menolong untuk menentang mitos-mitos perkauman, tetapi adalah tanggungjawab semua warganegara yang berfikir untuk meruntuhkan sekat-sekatan dan salah faham-salah faham sebagai langkah ke arah pemahaman cita-cita dan nasib kita bersama.

Kali lagi, keuniversalan Islam kadangkala dibezakan dengan apa yang dinamakan pandangan dunia Cina yang berorientasikan perkauman, iaitu kepercayaan bahawa Tiongkok pusat dunia dan tamaddun Cina adalah lebih unggul daripada yang lain. Idea ini yang diperkembangkan di Tiongkok dalam keadaan purbanya yang terasing dan merupakan hasil dari keadaan. Dari segi ilmu alam, Empayar Cina terletak di antara padang pasir dan gunung-ganang di barat, iklim sejuk dan salji di utara dan lautan-lautan luas di timur dan selatan, merupakan sekat-sekatan yang hebat terhadap hubungan dan perhubungan. Dengan demikian, tidak ada tamaddun yang boleh dibandingkan dengan tamaddun Cina pada padan-sempadan Empayar. Tetapi kepercayaan kepada tamaddun Cina ini mestilah dibezakan dari nilai-nilai Confucius mengenai manusia. Orang Cina tidak pernah menganggap wajar untuk melayani orang lain tanpa pertimbangan dan kehormatan. Confucius sendiri telah berkata, "Seorang lelaki yang tidak bersikap hormat dan tidak berkelakuan sopan dan biarlah ia sopan terhadap orang lain serta berakhlak baik menurut tata-susila. Kemudian semua di dalam lingkungan itu akan berakhlak baik". Beliau juga telah berkata, "Menurut fitrah, manusia kira-kira sama: pengetahuan dan akal yang membezakan antara mereka."*

*Pernyataan ini telah diterima oleh UNESCO dalam kenyataannya mengenai tahun 1950. Tidak ada beza dari idea yang terkandung dalam Surah Huj

Di luar kedudukan ilmu alam khas yang tersebut di masyarakat-masyarakat Cina segera membuang faham bahawa mereka lebih bagus, kecuali barangkali sebagai muslihat membela diri. Malah di Melaka pada abad ke-16, masyarakat Baba yang telah lama bermastautin menyesuaikan diri mereka kepada sistem politik Melayu dengan mudahnya, sama ada dalam makanan, pakaian, bahasa. Penjajahlah dengan dasar pecah-pecah dan perpecahan dan kemasukan imigran yang tidak terkawal, yang menghentikan proses adaptasi.

Satu lagi sebab utama mengapa memburu kekekalan ditekankan di kalangan Cina Malaysia ialah kebalikan kepada pengaruh kebudayaan tradisional — kerana kemerosotan kebudayaan tradisional. Ini adalah satu kejadian yang berlaku bagi semua kebudayaan bukan-Barat yang tidak menyesuaikan diri dengan perubahan masyarakat, terutamanya pertembungan dengan sains dan teknologi, menyebabkan menjadi reput dan mundur. Tentunya kegagalan untuk berubah dan maju dengan sendirinya adalah akibat terasing tenaga luar. Masyarakat-masyarakat Dunia Ketiga yang ditimpa kolonialisme, sama ada langsung atau tidak langsung, dan penyisihan budaya mendapati sukar untuk memulakan kembali perimbangan mereka dan dinamika evolusi.

Dengan demikian, aliran-aliran kebendaan, kapitalisme, sifatnya sebagai unsur paling bawah yang dimiliki bertumbuh muncul sebagai etos yang menguasai dalam masyarakat-masyarakat yang terpesong. Pembangunan demikian menimpa masyarakat-masyarakat Cina dan juga Melayu, India di Malaysia, dan tragedi ini dicampur-baur dengan tekanan materialistik sekarang dalam dasar-dasar pemerintah.

Bercakap mengenai kemunduran kebudayaan Malaysia, kita bersua dengan soalan apakah rawatan penyakit ini. Patutkah kita dengan tegasnya mencipta cara hidup tradisional dan menolak semua pengaruh-pengaruh moden atau asing? Atau haruskah kebudayaan-kebudayaan Asia, sebaliknya, mencuba cipta satu rangkaian norma-norma dan ukuran-ukuran yang samasekali baru, tak kira bagaimanapun teruk usahanya? Jawabnya tidak. Nilai

Islam, Cina dan India adalah universal dan abadi, manifestasi-manifestasi luarannya haruslah ditukar. Jika kita terlalu berpegang kepada adat-resam dan amalan yang timbul dari satu keadaan sejarah yang telah ditinggali zaman kita akan tersasar. Selanjutnya, di dalam proses pembaharuan dan mungkin ada beberapa nilai yang harus dipinda. Tekanan Confucius kepada kesetiaan kepada yang, hormat kepada kuasa dan memberi muka, menjadi halangan kepada perkembangan individu yang berimbang. Semua ini tidak ada tempat dalam warisan kebudayaan Cina, sama ada di Malaysia tempat lain.

Di samping itu, langkah penting untuk menyepadukan tradisi agama kita dengan sains dan masyarakat moden dilakukan dengan keberanian dan kebijaksanaan. Ada banyak di dalam tamaddun saintifik moden yang menolong menguatkan pandangan hidup spiritual. Sama kata Einstein dengan padatnya, "Agama tanpa buta dan sains tanpa agama adalah tempang."

Gan Teik Chee
Penolong Setiausaha

BAB 9

AGAMA

Aliran mengutuk sepenuhnya pemusnahan patung-patung di kuil-kuil Hindu di Kerling dan dekat Ipoh. Adalah dimaklumkan bahawa gangguan terhadap amalan agama-agama bukan Islam adalah dilarang oleh agama Islam sendiri dan Perdana Menteri sendiri telah menyokong toleransi dalam agama. Seruan telah dibuat kepada semua kumpulan Muslim untuk bersama-sama mengutuk perbuatan pemusnahan ini.

Dalam hubungan ini juga, saranan telah dibuat agar Pemerintah mengkaji kembali pendidikan Islam dan agar media massa membina nilai-nilai sejagat dan pandangan progresif di kalangan golongan Islam. Cadangan juga dibuat agar satu Majlis antara-agama dibentuk untuk mengawasi interaksi yang baik di kalangan golongan agama di negara ini.

Termasuk juga di dalam bab ini ialah kutukan kami terhadap serangan menggiila terhadap balai polis Batu Pahat oleh kumpulan fanatik Islam, serta pandangan mengenai agama dalam Malaysia yang kian berubah.

BERDAKWAH MELALUI DRAMA

(Kenyataan Akhbar)

Rupanya, Televisyen Malaysia telah mula menyiarkan drama berunsur agama. Sebagai usaha ke arah dakwah Islamiah, percubaan ini harus dialu-alukan. Tetapi malangnya sekali pendekatannya kurang memuaskan.

Untuk menonjolkan keagungan Islam tidak perlu kita menghina-hina agama-agama yang lain. Perbuatan sedemikian bertentangan dengan cita-cita Islam sendiri kerana Islam adalah agama yang mengakui perpaduan seluruh umat manusia, Islam dan juga bukan Islam (Surah Al-Hujarat, Ayat 13).

Muhammad s.a.w. sendiri cuba mengujudkan perasaan bah di kalangan Islam dan bukan Islam di Madinah. Piagam Madinah yang mengandungi beberapa prinsip hidup bersama yang sesuai bagi masyarakat berbilang dan agama seperti di Malaysia ini.

Perkara-perkara dari sejarah Islam seperti inilah yang kita utamakan dalam dakwah kita. Aliran mengesyorkan di sini bahawa komitmen Islam terhadap toleransi, bapaian dari segi corak kebudayaan, keadilan, kebebasan kesamaan dan kepimpinan yang jujur dan bijak harus bukan tema-tema drama televisyen. Aliran sebagai satu gerakan reformasi yang benar-benar menghargai peranan nilai Islam dalam pembangunan masyarakat Islam di Malaysia, yakin dan percaya bahawa pendekatan yang di gunakan di sini dapat menarik perhatian bukan Islam pada agama kita.

Sesungguhnya, nilai-nilai adil, rasional dan universal Islamlah yang bertanggungjawab atas pertumbuhan perkembangannya pada masa lalu. Dapatkah kita menghidupkan nilai-nilai ini di negara Malaysia yang kita cintai ini?

November 1977

Yusoff A. Shariff
Ahli Jawatankuasa

ISLAM DAN MASYARAKAT BUKAN ISLAM

(Ringkasan Ucapan)

Pada keseluruhannya tanggapan masyarakat bukan Islam terhadap Islam adalah tidak positif. Beberapa sebab boleh diemukakan untuk menjelaskan keadaan ini. Ketika zaman kolonial dahulu suatu struktur etnik telah timbul di mana British telah berada di puncak dan kaum-kaum yang lain kepada kepentingan mereka diletakkan di bawah mereka. Akibatnya orang-orang Serani, Cina dan India ditempatkan di atas dari komuniti Melayu dalam sistem perlembagaan kaum ini. Ini adalah kerana kaum Melayu bukan sebahagian daripada ekonomi sistem kolonial.

itu. Di Jawa juga orang-orang Jawa Asli ditempatkan bawah manakala orang-orang Cina, yang pihak Belanda gunakan untuk perdagangan, dan orang-orang Serani, mereka gunakan untuk pentadbiran, telah menduduki tabat yang lebih tinggi. Oleh kerana struktur kaum kolonial ini, orang-orang bukan Islam tidak mewujudkan suatu yang positif tentang Islam sebab Islam merupakan agama orang-orang Melayu. Ini juga menerangkan mengapa mereka tidak menunjukkan minat dalam Bahasa Melayu atau kebudayaan Melayu walaupun ada faktor-faktor yang lain yang patut pertimbangkan. Sebaliknya, orang-orang bukan Melayu lebih berminat dalam Bahasa Inggeris, kebudayaan Barat dan agama Kristian. Ini diakibatkan oleh kekuasaan pihak British. Dengan lain perkataan, asimilasi selalunya bergerak arah atas, bukan ke bawah. Untuk memahami hakikat ini dengan lebih jelas, kita harus membandingkan keadaan kolonial dengan zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka. Orang-orang bukan Melayu pada masa itu memakai makanan dan memakai pakaian seperti orang-orang Melayu dan juga bertutur dalam Bahasa Melayu dengan fasih. Kita tahu yang pada masa itu suatu orientasi yang positif wujud terhadap Islam. Malah kahwin campur antara orang Islam dengan bukan Islam banyak berlaku pada masa itu.

Masalahnya bukan hanya struktur etnik kolonial pada masa itu. Cabaran yang lebih serius ialah usaha pentadbiran pentadbir kolonial untuk memburuk-burukkan Islam pada pandangan kedua-duanya orang-orang bukan Islam dan orang-orang Islam sendiri. Pihak kolonialis telah mempunyai tujuan politik untuk berbuat demikian. Islam telah berulang kali menjadi tentangan kepada ideologi kolonialisme yang mereka tidak dapat musnahkan dengan senang. Sikap generasi-generasi orang-orang bukan Melayu yang berpelaian dikesali kerana untuk mereka segala yang dituturkan oleh pihak kolonialis itu diterima tanpa ragu-ragu. Akibatnya ini mereka telah mempercayai segala kata-kata dusta tentang Islam.

Pada suatu segi, kelas-kelas menengah dan atasan orang-orang bukan Melayu dan bukan Islam, yang mempergunakan

kuat atas sikap masyarakat secara menyeluruh, dalam pembentukan pendapat-pendapat mereka Islam melalui media berita Barat. Media berita Barat mencela Islam dalam penyampaian berita mereka. Peristiwa berhubung dengan poligami dan hukuman seperti potong tangan seorang pencuri dan seorang yang berzina dibesar-besarkan dengan perkawin. Sebahagian daripada keadaan ini disebabkan penarahan kapitalis-kapitalis Barat atas kuasa minyak Arab.

Yang lebih teruk dalam lapisan berpengaruh masyarakat Melayu dan bukan Islam, hanya terdapat segelintir intelektual yang faham agama Islam dan rela memberi interpretasi yang adil dan jujur kepada masyarakat mereka. Penjelasan-penjelasan seperti ini adalah dalam satu masyarakat di mana dikotomi masyarakat bukan Islam selaras dengan dikotomi-dikotomi yang sebaliknya, ahli-ahli politik yang bukan Islam dalam dan juga pihak pembangkang kerap kali menunjuk-prasangka mereka terhadap Islam.

Walaupun sejarah kolonial, media Barat dan kelas pertengahan dan atasan masyarakat bukan Islam boleh bertanggungjawabkan atas berlakunya perkara tersebut, orang Islam juga harus menerima sebahagian besar tanggungjawabnya. Apabila satu parti pembangkang Melayu berat ke arah cauvinisme mengakui diri sebagai parti tentunya masyarakat bukan Melayu akan melahirkan negatif tentang Islam. Mereka mula merasa bahawa adalah agama yang bersikap kurang toleran dan menentang agama-agama yang lain. Demikian juga apabila masyarakat Islam yang memegang kuasa menggunakan kuasa ini untuk memajukan simbol-simbol dan ritual Islam hingga masyarakat bukan Melayu merasa takut, kita boleh pasti bahawa lama-kelamaan mereka akan negatif terhadap Islam.

Itulah sebabnya kenapa fikiran orang-orang Islam Islam mesti berubah juga. Kalau masyarakat Islam parti pembangkang rela menekankan isu-isu yang dasar

kepada Islam dan kebaikan tamaddun Islam, maka se-
guhnya perspektif masyarakat bukan Islam tentang
akan mengalami suatu perubahan besar. Misalnya, kalau
parti pembangkang mengambil berat tentang isu-isu
rasuah, halobaan sosial, penyalahgunaan kuasa, perbe-
perbedaan ekonomi, perkauman, dan penindasan poli-
semuanya isu-isu yang penting kepada Islam dan masya-
Islam di Malaysia — masyarakat bukan Islam akan
mengaitkan Islam dengan perjuangan untuk keadilan
dan keharmonian nasional. Ketika ini mereka menga-
Islam sebagai satu kuasa yang memundurkan yang
mengakibatkan kekacauan antara-kaum. Sudah tentu
adalah tanggapan yang tidak adil tentang satu agama
pada beberapa ketika dalam sejarah telah membeb-
manusia dari penganiayaan dan menyatukan masya-
masyarakat yang berlainan melalui prinsip-prinsip
yang sama.

Serupa dengan apa yang telah disebut di atas,
elit-elit Islam yang berkuasa menentang rasuah
berani, menghapuskan kepentingan-kepentingan
(vested interests) dengan berazam dan mengga-
kebebasan bersuara dengan giat serta mengaitkan ke-
usaha ini dengan nilai-nilai Islam, maka masyarakat
Islam akan memberi penghormatan yang tinggi ke-
Islam. Lebih daripada ini, kalau seorang pemimpin
menentang suatu manifestasi perkauman orang-orang
yang menggunakan nama Islam, maka ini akan mengha-
satu kesan yang lebih besar daripada seribu desakan
perlunya sikap toleransi keagamaan.

Ternyata lah bahawa syarat pokok membetulkan
Islam kepada kedua-duanya masyarakat Islam dan
Islam adalah suatu keinsafan terhadap Islam yang dib-
dengan perbuatan-perbuatan adil dan berpatutan oleh
elit Islam dalam kerajaan dan dalam pihak pemban-
Usaha-usaha elit terusnyanya harus diperkuatkan oleh
tulisan intelektual Islam yang mesti mengemukakan per-
an hidup Islam dengan penuh keadilan dan belas
yang terdapat dalam inti agama tersebut. Intelektual

pula mesti menghargai kebaikan dalam tradisi-tradisi Islam.

Orang-masyarakat bukan Islam pula perlu suatu kum-intelektual yang sepakat — seperti yang kita telah per-
— yang berusaha untuk memahami Islam dan
interpretasi kepada masyarakat. Juga intelektual-
bukan Islam harus mempelajari tradisi-tradisi
sendiri dengan mendalam supaya falsafah asas atau
universal akan dikemukakan. Melalui proses ini
Orang-masyarakat Islam dan bukan Islam akan pada
nanti memahami bahawa nilai-nilai dasar yang
mereka itu lebih penting daripada adat-adat
yang cetek yang menceraikan mereka.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

KEGIATAN SILAT NASRUL HAQ

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan keputusan persidangan Ketua-
tan Agama Islam Negeri-negeri bahawa Nasrul Haq
pada ajaran Islam. Keputusan ini selaras dengan
Islam sebagai agama yang rasional. Nabi Muhamad
bersabda “akal itu agama”.

Aliran kegiatan yang cuba memutarbelitkan ajaran-
an dan firman-firman Tuhan harus dikutuk oleh
Aliran. Dalam hubungan ini Aliran menyokong cadangan
nyiasat seni silat mempertahankan diri yang lain
di Malaysia.

Jawatankuasa

PERANAN INTELEK-INTELEK ISLAM

(Kenyataan Akhbar)

Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Semenanjung (MUINS), Datuk Mohammad Taha Talib, telah memuji kebijaksanaan Islam menyebarkan ajaran-ajaran Islam merata-rata tempat semasa beliau mengucap melancarkan Kerja Penyelidikan, Perkembangan dan Kemajuan Agama Islam pada 10hb April yang lalu.

Seruan seperti ini memang sudah kena pada masyarakat memandangkan keadaan komuniti Islam khususnya masyarakat Malaysia yang lain amnya yang sedang dihadapi oleh bermacam-macam jenis masalah sosial, ekonomi dan politik. Kita sekarang sedang berada di dalam peringkat sejarah di mana segala usaha harus menuju ke arah meningkatkan rasionaliti di dalam pemikiran dan tindak-tanduk masyarakat ramai. Dengan ini saya tidak bermaksud bahawa keadaan seperti ini telah wujud di masa-masa yang lalu. Elok diingatkan bahawa di dalam sejarah kita tidak pernah ada tradisi intelektual dalam ertikata yang sebenarnya. Inilah sebabnya masyarakat kita sekarang begitu pasif serta kaku menghadapi oleh masalah, sama ada dari dalam ataupun luar.

Dalam keadaan seperti inilah para intelektual Islam memainkan peranan yang positif untuk menggerakkan kembali masyarakat Islam supaya bersifat aktif dan rasional. Sesungguhnya merekalah yang akan menentukan keadaan masyarakat kita di masa yang akan datang. Di masa yang akan datang kita tentu sekali akan menghadapi cabaran yang lebih hebat, yang lebih merbahaya.

Intelektual-intelektual Islam boleh memulihkan 'penyakit' masyarakat kita ini dengan menyebarkan secara luas ajaran Islam. Yang dimaksudkan di sini bukanlah ajaran-ajaran Islam yang bersifat 'particularistic' saja, tetapi juga ajaran yang bersifat sejagat (universal). Yang harus mendapat tekanan wajar ialah soal-soal kemasyarakatan seperti adilan sosial, kepimpinan, rasuah, kemiskinan dan kehidupan dalam masyarakat berbilang kaum dan agama. Inilah merupakan masalah pokok di dalam masyarakat kita.

Soal-soal ini sangat kurang mendapat perhatian golongan pandai Islam oleh kerana sebab-sebab sejarah, politik dan masyarakatan sehingga ianya tidak menjadi isu-isu yang boleh dibahas ataupun dianalisa secara waras. Yang menjadi isu-isu ialah soal-soal remeh-temeh seperti khalwat, perzinaan, ratu cantik, pakaian menjolok, pergaulan bebas muda-mudi dan lain-lain lagi.

Salah satu masalah utama yang kita sedang hadapi ialah masalah perkauman – iaitu bagaimana untuk mencapai integrasi nasional yang tulen. Dalam usaha mengatasinya masalah ini Islam boleh digunakan dengan berkesan. Banyak contoh serta nilai-nilai di dalam sejarah Islam boleh ditonjol untuk menghapuskan perkauman. Di Madinah (semasa Rasulullah memimpin masyarakat di Madinah dahulu) umpamanya ada mempunyai sistem untuk menjaga kepentingan orang-orang bukan Arab. Surah Al-Hujarat, ayat 13 juga menuju ke arah perkauman umat manusia, Islam dan juga bukan Islam.

Contoh-contoh di dalam Islam berkenaan kepimpinan bijak dan adil boleh juga disebar. Begitu juga dengan Islam mengatasi rasuah, kemiskinan dan keadilan sosial. Contoh berkenaan di dalam Islam yang dapat digunakan untuk membentuk nilai-nilai serta norma-norma sosial.

Harus diketahui bahawa selagi nilai-nilai adil, rasional dan universal dalam Islam tidak diberi tekanan, di samping nilai lain, tidak mungkin kita dapat membentuk komuniti yang unggul. Ini juga bererti bahawa masyarakat kita keseluruhannya tidak dapat dimajukan. Keagungan hanya dapat dikekalkan jikalau kita sanggup mempergunakan rasionaliti Islam dengan segala daya upaya kita. Ini adalah cabaran kepada golongan bijak pandai Islam. Adalah untuk menghadapinya!

Yusoff A. Shariff
Ahli Jawatankuasa

PERISTIWA KERLING

(Kenyataan Akhbar)

Aliran memuji pihak Polis kerana tindakan tegas diambil menentang penganas yang telah merosakkan rapa berhala Hindu di Kuil di Kerling dekat dengan Kubu Bharu hari Sabtu lalu.

Dalam masyarakat berbilang agama seperti masyarakat kita ini toleransi adalah satu prinsip penting yang dipegang teguh oleh semua komuniti setiap masa. Agama rasmi negara ini, juga menegakkan toleransi belas kasihan dalam perhubungan dengan agama lain, mereka menghormati Islam. Oleh kerana inilah maka agama yang minoriti diberi kebebasan penuh beragama mereka di Madinah, sebuah negara Islam pertama dalam sejarah. Kebebasan ini telah termaktub dalam satu perlembagaan yang disediakan oleh tidak lain dan bukan Nabi Muhammad S.A.W. sendiri!

Sepanjang hidupnya, Nabi kita berpegang teguh kepada sifat jujur dalam toleransi beragama. Orang Islam sepatutnya tahu bahawa Nabi Muhammad S.A.W. telah berikrar kepada satu komuniti Kristian yang tinggal dalam masyarakat Islam bahawa orang-orang Islam akan menolong membina gereja-gereja mereka sekiranya ia dirosakkan! Umar, Khalifah yang kedua, memberi jaminan yang tidak satu pun tentara menyembah di semua negeri yang telah ditaklukinya akan dicemarkan atau diganggu.

Berhubung dengan negara kita, patutlah kita ingat bahawa komuniti bukan Islam telah menerima kenyataan bahawa Islam sebagai agama rasmi. Mereka juga memberi sokongan kepada Rukunegara yang menegakan kepercayaan kepada Tuhan sebagai satu prinsip utama. Terserahlah kepada orang Islam untuk menunjukkan kepada komuniti-komuniti lain yang toleransi dan belas kasihan adalah nilai-nilai istimewa seorang Muslim yang tulen.

Organisasi-organisasi Islam patutlah mengecam tindakan yang bukan berprinsip Islam, oleh perosak yang tidak bertanggungjawab yang telah mencemarkan nama baik Islam.

mereka mengenai isu ini akan menunjukkan sama ada benar-benar orang Muslim atau tidak oleh kerana Muhammad pernah bersabda, "mereka yang menyinggung seorang yang bukan Islam yang tinggal dalam Perak Islam telah sebenarnya menyakiti perasaan juga."

1978

Jawatankuasa

AGAMA DALAM SEBUAH MASYARAKAT MAJMUK

(Ringkasan Ucapan)

Pada tahun-tahun kebelakangan ini beberapa bahagian dalam di bandar telah menunjukkan minat yang besar kepada agama mereka. Minat ini telah menimbulkan rasa serupa di kalangan belia Buddhist, Hindu dan Kristian.

Dalam masyarakat berbilang kumpulan etnik seperti Perak kita, minat serupa ini boleh menjadi negatif atau positif. Ini akan bergantung kepada berbagai faktor politik, ekonomi dan sosial. Ia juga bergantung kepada anggapan mengenai kumpulan keagamaan terhadap agama di kalangan masyarakat yang mempraktikkannya.

Pada masa ini agama dipergunakan untuk menegaskan sempadan etnik. Ia digunakan untuk menegakkan pemisahan etnik dan penguasaan dan mempertahankan polisi ekonomi dan pendidikan yang memisahkan komuniti yang ada. Ini bertentangan dengan semangat dan falsafah setiap agama. Dalam keadaan ini minat dalam agama adalah negatif.

Di Malaysia terutamanya, "inti sejagat" dalam agama Islam ditonjolkan. Sifat kesatuan dalam makhluk manusia, keadilan dan keadilan untuk semua, kemurahan hati dan kasih, tidak mementingkan diri dan sifat mengutamakan kesenangan orang lain adalah di antara nilai-nilai yang terkandung dalam sesuatu agama. Ianya adalah asas penting dalam kehidupan manusia mencari keimanan yang tulen.

Dalam Islam semua nilai-nilai ini didapati dari keesaan

Tuhan (Tauhid) — kepercayaan yang menjadi asas dalam Islam sendiri. Kerajaan, sistem pendidikan, massa dan berbagai organisasi sosial yang lain patut gaskan aspek universal dalam Islam. Orang-orang Islam akan dapat mengenal nilai-nilai ini kerana ia terdapat dalam tradisi kepercayaan mereka juga. Ini adalah satu cara bagaimana keharmonian antara-agama dapat dipupuk. Dengan cara inilah agama akan muncul sebagai suatu faktor positif dalam sebuah masyarakat berbilang kumpulan etnik.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Januari 1979

PENCABULAN KUIL DEKAT IPOH

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengecam perbuatan-perbuatan memusnahkan patung-patung di kuil Hindu dekat Ipoh sepertimana dilaporkan dalam akhbar tempatan semalam (Star 22hb Januari 1979).

Memusnahkan patung-patung adalah satu tindakan yang bertujuan mengganggu cara-cara beragama yang dianuti oleh penganut-penganut agama-agama yang lain. Islam tidak membenarkan umatnya mengganggu penganut-penganut agama lain dalam amalan-amalan mereka asal sahaja mereka tidak mengganggu Islam.

Apa yang berlaku di Ipoh adalah bertentangan dengan falsafah dan semangat Islam. Al-Quran melarang kita daripada mencerooboh kedaulatan agama yang lain. Ada beberapa contoh dalam sejarah Islam yang membuktikan sikap toleransi yang termaktub dalam ajarannya.

Mereka yang mencerooboh kedaulatan agama-agama yang lain adalah mereka yang jahil tentang Islam dan jahil tentang agama-agama yang lain. Sebagai contoh mereka ini tidak memahami falsafah Hinduisme yang mendukung konsep ketuhanan yang begitu mendalam. Ahli-ahli falsafah Islam

asyhur seperti Syed Hussein Nasr mengakui hakikat

kejahilan tentang Islam dan agama-agama yang lain
musuh utama Islam. Ini yang harus kita basmikan –
cara beragama golongan-golongan lain.

Aliran merayu kepada semua badan-badan Islam ter-
Yayasan Dakwah Islamiah, ABIM dan PERKIM
tuk perbuatan mereka yang mencerooboh kedudukan
agama yang lain atas nama Islam. Hanya melalui cara
dapat melindungi kesucian dan keagungan Islam.

Ariffin Omar
Setiausaha

PUSNAHAN PATUNG-PATUNG KUIL HINDU

(Kenyatan Akhbar)

Aliran mengucapkan tahniah kepada Timbalan Perdana
atas pendiriannya terhadap pemusnahan patung-
di kuil-kuil Hindu. Pendiriannya adalah selaras dengan
Islam.

Kali lagi, Aliran menggesa badan-badan Islam meng-
menceroobohan terhadap kedaulatan agama-agama yang
nama Islam. Ini akan membuktikan sama ada badan-
tersebut benar-benar memahami prinsip-prinsip Islam
ak.

Aliran juga menggesa pemerintah mengambil langkah-
yang berikut bertujuan mengujudkan fahaman yang
dalam tentang Islam dan agama-agama yang lain:

ngubah pendidikan Islam di sekolah-sekolah dan
yasan-yayasan pelajaran tinggi supaya penekanan
beri kepada nilai-nilai asasi yang sejagat dan bukan
pada upacara dan rupabentuk luar agama.

anakan sebaran am dengan lebih berkesan untuk
bangunkan suatu konsep Islam yang bersifat
gresif, dinamis dan reformis supaya dapat menentang

fahaman Islam yang konservatif, statik dan res yang makin popular di kalangan belia Islam.

- c) Galakkan dialog antara agama melalui pertukaran antara-agama Malaysia (MIRO). Forum-forum perbincangan-perbincangan mesti diadakan badan-badan Islam dan badan-badan bukan Islam dengan matlamat tertentu iaitu mengutamakan nilai dan adicita-adicita yang sama yang didukung setiap agama. Ini adalah usaha yang direstui oleh kerana Sura Al-Imran ayat 64-66 meminta mencari prinsip-prinsip yang sama antara agama. Peristiwa Medina juga adalah satu percubaan untuk menekankan prinsip-prinsip yang sama antara penduduk Islam dan bukan Islam.

Mei 1979

Dr. Chandra Murugesu
Presiden

ISLAM DAN SEKULARISME

(Ringkasan Ucapan)

Sekularisme bermakna doktorin yang menganggotakan bahawa kesejahteraan manusia dan masyarakat harus dicapai tanpa rujukan pada Tuhan. Dengan perkataan lain konsep Tuhan dipisahkan daripada pembangunan masyarakat dan kelompok. Segala-segalanya ditentukan melalui akal dan kehendak masyarakat.

Islam dan agama-agama yang lain menganggap Tuhan sebagai sumber nilai-nilai yang menjadi teras hidup bermakna bahawa kita menegakkan kebenaran, kebebasan, perpaduan dsb. kerana Tuhan. Konsep Tuhan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan kita. Islam sebabnya Islam bertentangan dengan sekularisme.

Selain daripada konsep hidup yang berkaitan dengan Tuhan, bagi mereka yang beragama ada realiti-realiti yang sama penting dengan akal dan mantik. Wahyu adalah satu daripadanya. "Insight", "Intuition", dan pengalaman beragama masuk dalam lingkungan yang sama.

menolakkan sekularisme tidak bermakna kita menolak atau penggunaan akal sama sekali. Antara agama-lah yang memberi keutamaan kepada akal. Allah anugerah Allah kepada manusia. Ada beberapa dalam Quran yang menggesa manusia menggunakan akal memahami hakikat Illahi. Nabi Muhammad pernah bersabda, "Akal itu agama". Pencapaian Islam dalam bidang sains antara kurun 8 dan 12 hasil daripada penggunaan akal. Ahli-ahli reformis sejak kurun 19 seperti Syed Jamaluddin Al-Afghani dan Muhammad Abduh juga merayu kepada umat Islam mengenai peranan akal (role of reason) dalam pembangunan Islam.

Menolakkan sekularisme juga tidak bermakna bahawa kita menolak tamadun Barat seluruhnya. Pencapaian Islam dan kejayaan-kejayaan Barat dalam beberapa bidang dapat dipisahkan daripada sekularisme dan dikaitkan dengan lunas-lunas masyarakat kita. Yang dimaksudkan ialah pencapaiannya dalam bidang perubatan, keadilan sosial dan hak manusia.

Kita memerlukan fahaman yang mendalam tentang sekularisme; begitu juga kita memerlukan fahaman mendalam tentang apa yang dimaksudkan dengan agama atau tamadun yang berdasarkan Tuhan. Sekali, konsep 'tamadun yang berdasarkan Tuhan' diberi makna yang sempit iaitu tamadun yang menguatkuasakan hukum dan peraturan-peraturan yang termaktub dalam Quran. Tetapi konsep ini mempunyai makna yang luas sekiranya kita kaji tulisan Iqbal atau Hussein. Tamadun yang berdasarkan Tuhan adalah tamadun di mana segala nilai-nilai, prinsip-prinsip yang berkaitan dengan wujud sebagai asas hidup individu dan masyarakatnya. Oleh kerana tanggungjawab utama manusia dan masyarakat menurut Quran, ialah penerimaan nilai-nilai murni dan dalam proses meninggikan taraf kerohanian kita. Dalam proses ini, kita membuktikan kesetiaan kepada

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

KEMISKINAN DARI SEGI ISLAM

(Ringkasan Ucapan)

Islam tidak mahu melihat umatnya dalam kemiskinan. Rasullallah pernah bersabda "Hasrat saya ada pada masyarakat dimana kemiskinan dan penindasan dihapuskan sama sekali". Pada satu masa yang lain Baginda pernah bersabda juga, "Kemiskinan membawa pada kekufuran".

Islam berpendapat bahawa kemiskinan tidak terikat pada sesuatu kaum atau keturunan. Ada manusia yang miskin dalam semua kaum. Dan kemiskinan tidak disebabkan oleh faktor-faktor keturunan, kaum atau kebudayaan.

Keadaan masyarakatlah yang bertanggungjawab terhadap kemiskinan. Itulah sebabnya Islam menganggap dasar-dasar pemerintah sebagai faktor utama yang dapat mengurangkan kemiskinan. Sebagai contoh Al-Quran menyeru pemimpin-pemimpin menentukan bahawa,

"Ianya (Kekayaan) tidak tersibar hanya di kalangan yang kaya sahaja" (Surah Hasr. 7)

Ini bermakna bahawa sumber-sumber kekayaan dan negara — seperti tanah, lombong-lombong, ladang-ladang yang besar, bank-bank, syarikat-syarikat yang besar — tidak dimiliki atau sekurang-kurangnya dikawal oleh rakyat seluruhnya. Kalau tidak, jurang perbezaan antara kaya dan miskin akan menjadi lebih luas.

Selain daripada dasar-dasar pemerintah yang ditujukan kepada yang miskin, pemimpin-pemimpin dan pentadbir pentadbir mesti adil, jujur, bijak dan tegas. Al-Quran menunjukkan melalui peristiwa-peristiwa sejarah bagaimana kaum-kaum hancur-lebur kerana rasuah dan penyelewengan. Kerana rasuah, pemimpin-pemimpin pernah mengabaikan perhatian yang lebih kepada kepentingan kumpulan yang mewah daripada kedudukan golongan yang miskin. Itulah sebabnya, Rasullallah pernah bersabda bahawa, "Seseorang yang mengamalkan rasuah akan muncul pada hari kiamat dengan segala barang-barang yang diperolehinya melalui rasuah".

Akhir sekali, sikap individu juga dapat membantu mengatasi kemiskinan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu untuk bekerja, berusaha dengan rajin dan gigih agar dapat meninggikan taraf hidupnya. Ini diterangkan dalam Quran dengan kata-kata yang berikut, "Tuhan tidak akan mengubah keadaan sesuatu umat selagi mereka tidak mengubahnya pada jiwa mereka". (Surah Rad:

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

1979

GENERASI BARU, POLITIK MASA DEPAN DAN ISLAM

(Karangan)

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur atas undangan ini. Oleh kerana simposium ialah 'Kepimpinan baru Melayu cabaran dan harapan,' saya akan menumpu perhatian pada soal generasi di kalangan masyarakat Melayu.

Bagi saya generasi baru dari segi 'politik masa depan' makna generasi yang belum berkecimpung dalam lapangan politik masakini – iaitu generasi dalam lingkungan 20an yang belum memerhatikan perkembangan-perkembangan masyarakat. Sebahagian daripada generasi ini ada di depan saya; sebahagian besar yang lain ada di luar sebagai pekerja di bidang-bidang tertentu atau sebagai penganggur.

Pada hemat saya, politik masadepan di kalangan masyarakat Melayu akan menyaksikan satu persaingan hebat antara golongan yang dinamakan oleh seteru politiknya sebagai 'golongan sekular' dan golongan yang menggelarkan dirinya sebagai 'golongan Islam'. Golongan sekular, secara kasar, adalah golongan yang akan cuba mengekalkan pendekatan-pendekatan dan peraturan-peraturan politik, ekonomi dan kebudayaan yang dipertahankan oleh UMNO dewasa ini. Apabila golongan Islam akan cuba menggantikannya dengan pendekatan yang berdasarkan Quran dan Sunnah – mengikut petunjuk Allah dan Rasulullah tentang Quran dan Sunnah.

Kekuatan golongan sekular bergantung pada satu faktor utama antara beberapa faktor-faktor yang lain iaitu perkembangan ekonomi yang pesat yang selama ini telah membolehkan pemerintah menjaga kepentingan-kepentingan sebahagian besar daripada kelas menengah Melayu dan bukan Melayu dan membolehkannya memenuhi keperluan-keperluan dengan bawah terutamanya dalam bidang pelajaran dan kesihatan.

Saya berasa sangsi sama ada perkembangan ekonomi yang pesat ini dapat dikekalkan dalam 20 atau 30 tahun yang akan datang. Selain daripada harga-harga eksport yang tidak stabil, ahli-ahli ekonomi telah meramalkan bahawa sekurang-kurangnya tiga daripada bahan-bahan asli kita — bijih timah, bauksit dan minyak — akan habis digunakan dalam dua atau tiga dasawarsa. Ini mungkin tidak jadi masalah sekiranya asas ekonomian kita kukuh. Tetapi Malaysia sepertimana yang ada dengan kebanyakan negara-negara yang sedang membangun belum mencapai taraf itu. Dalam hubungan itu, pergantian kita terhadap pelaburan asing dalam bidang perindustrian adalah satu kelemahan. Selain daripada itu, soal perkembangan ekonomi negara kita tidak dapat dipisahkan dari perubahan-perubahan yang mungkin berlaku pada sistem kapitalis Barat. Mengikut pengkaji-pengkaji ekonomi tertier, krisis demi krisis demi krisis yang sering menyerang sistem kapitalis Barat akan menjadi lebih teruk dalam tempoh 20 tahun yang akan datang berdasarkan apa yang disebut "Kondratiev downswing". Sudah pasti keadaan ini akan mempengaruhi perkembangan ekonomi kita.

Sekiranya pendapat ini betul, kemantapan golongan sekular tidak dapat dijamin. Analisa saya tentang golongan Islam akan memperkuat pendapat ini. Kebangkitan golongan Islam berkaitan dengan urbanisasi masyarakat Melayu. Urbanisasi ini yang berlaku di tengah-tengah masyarakat bukan Melayu telah menimbulkan perasaan gelisah di kalangan generasi muda Melayu. Ini adalah satu perkara biasa dalam interaksi antara kaum yang baru mastautin dan kaum lama menetap di sesuatu kawasan tertentu. Oleh kerana kegelisahan ini, kesedaran etnik di kalangan generasi

meningkat. Struktur politik dan ekonomi yang beretnik merumitkan lagi keadaan ini. Dalam suasana sebegini, Islam sebagai lambang identiti Melayu yang paling kuat telah menjadi saluran utama untuk menyampaikan aspirasi etnik ini. Perkembangan kelas menengah Melayu melalui sistem pelajaran dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) membantu, cara tidak langsung, golongan Islam. Sudah dengan tambahnya anggota-anggota dalam kelas menengah Melayu, proses penampungan akan menjadi lebih sukar. Tercicir — dan ada tanda-tanda yang menunjukkan — para siswazah-siswazah Melayu dari jurusan sastra terpaksa menunggu selama dua tahun sebelum mendapat pekerjaan — dan terasing menyertai golongan yang menentang mereka yang berkuasa. Tidak mustahil golongan ini disokong juga oleh elemen-elemen dari generasi baru yang kecewa kerana mobiliti mereka tidak setanding dengan mobiliti generasi masakin. Pertentangan golongan ini akan menjadi lebih berkesan jika mereka dapat menggunakan persoalan-persoalan masyarakat seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, kemiskinan, penindasan, pencerobohan hak rakyat dan sebagainya. Dalam keadaan begini, Islam akan wujud sebagai 'ideologi alternatif' yang mencabar kedudukan kepimpinan sekular. Harus kita sedari di sini bahawa sepanjang sejarah Melayu dari zaman kerajaan Melaka sehingga zaman PAS dan ABIM hanya Islam sah yang diterima sebagai ideologi "dissent" yang sah oleh Masyarakat Melayu. Selain daripada perubahan-perubahan struktur masyarakat, minat terhadap Islam yang dibuktikan oleh golongan muda di beberapa negara Islam termasuk Singapura juga akan mempengaruhi perkembangan Islam di Semenanjung kita. Kebangkitan kesedaran ini dalam perihalan Singapura telah mendorong generasi muda kita menyoal sistem kapitalis dan sistem sosialis. Ini adalah satu perkembangan yang sihat — walaupun saya sendiri berpendapat bahawa ada unsur-unsur tertentu pada dua-dua sistem tersebut yang boleh diterima. Belia Islam insaf bahawa kedua-dua ini, kapitalis dengan konsep pertumbuhan tanpa pemerhatian, kapitalis dengan konsep persaingan yang tidak patuh kepada kemanusiaan, kapitalis dengan konsep keuntungan tanpa menghiraukan kemewahan pada satu pihak, dan Sosialis

yang telah menceroboh hak manusia dalam bidang politik, kebudayaan dan intelektual atas nama maruah manusia. **Sosialis** yang telah menghasilkan kelas-kelas baru atas nama usaha menghapuskan kelas, **Sosialis** yang telah mengabdikan manusia pada parti yang memerintah atas nama usaha membebaskan manusia daripada rantai-rantainya, pada pihak yang lain, tidak bisa mengatasi masalah-masalah manusia dan masyarakat. Belia Islam sedar bahawa asas manusia dan masyarakat ialah nilai-nilai yang murni dan mulia seperti cinta pada kebenaran, cinta pada keadilan, cinta pada kebebasan, antara nilai-nilai yang lain yang termaktub dalam Quran.

Memandang dari segi keinsafan ini, wujudnya golongan Islam adalah satu rahmat pada masyarakat. Tetapi cara perjuangan-pejuang Islam yang baru ini memikirkan, membincakan dan membahas tentang masyarakat dan negara Islam yang menjadi cita-cita mereka belum menyakinkan saya bahawa mereka memahami kerumitan cabaran-cabaran sezaman. Bagi Malaysia sepertimana juga dengan beberapa negara Islam dan bukan Islam yang lain, antara cabaran-cabaran yang utama ialah — a) Bagaimana kita dapat mencapai keadilan sosial dan b) Bagaimana kita dapat menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Saya masih ragu-ragu tentang keupayaan mereka menghadapi persoalan-persoalan tadi, kerana sikit mereka kepada idea-idea dan konsep-konsep dari dalam dan di luar Islam yang tidak secucuk dengan pemikiran mereka. Mereka ini berpendapat bahawa hanya aliran pemikiran yang diwakili merekalah yang sah dalam Islam. Ini tidak benar. Di Indonesia pada tahun-tahun 50an dan 60an, di Pakistan dan di beberapa negara di Timur Tengah masih ada aliran-aliran pemikiran yang berbeza tetapi aliran-aliran ini dianggap sebagai sah dari segi kacamata Islam. Pada keseluruhannya kita dapat mengatakan bahawa aliran yang diwakili oleh golongan pemuda Islam dewasa ini di Malaysia adalah aliran konservatif. Sekiranya kita kaji perkembangan Islam di Mesir, di Syria, di Libya, di Algeria — sekiranya kita kaji apa yang berlaku di kalangan Ikhwan-ul-Muslimin sendiri — jelas sekali bahawa aliran konservatif itu hanya satu aliran perkembangan. Untuk memahami pemikiran aliran ini, harus kita membina

dan ciri-ciri yang ada pada satu aliran lagi iaitu aliran progresif dalam Islam yang bertentangan dengan aliran konservatif. Selain daripada Tauhid, soal-soal ibadah, dan beberapa peraturan-asasi dalam agama, di mana tiada perbezaan pendapat, aliran progresif mempunyai ciri-ciri yang berbeza yang membezakannya daripada aliran konservatif. a) Aliran progresif mengutamakan al-Din agama — iaitu hati dan jiwa agama lebih daripada minhaj atau nuskah — iaitu cara dan upacara b) Aliran progresif percaya bahawa perubahan dan pertukaran yang sentiasa berlaku adalah sama sah dengan nilai-nilai abadi yang menjadi teras agama. c) Aliran progresif membezakan nilai-nilai asasi dan nilai universal daripada konsep-konsep dan peraturan-peraturan yang dipengaruhi oleh keadaan dan zaman. Oleh kerana itu, ia boleh diketepikan, jika perlu, demi kesejahteraan agama. d) Aliran progresif menghargai ijtihad — iaitu kebebasan bebas berdasarkan nilai-nilai Quran dan Sunnah. e) Oleh sebabnya aliran ini memberi perhatian yang sewajarnya kepada peranan akal dalam soal-soal agama. f) Aliran progresif sanggup menerima idea-idea dan konsep-konsep dari luar asalnya asal saja ia selaras dengan nilai-nilai asasi Quran. Berikutan ukuran tersebut, aliran ini menggalakkan komunikasi dengan tamaddun-tamaddun yang lain. Ini bermakna bahawa unsur-unsur yang sihat dari sains fizikal dan sains sosial 'Barat' boleh diterima dan adalah penting untuk pembangunan dunia Islam. g) Aliran progresif menganggap peribadi sebagai usaha yang sama penting dengan pendidikan moral yang bertujuan mengujudkan insan yang berakhlak. Dua-dua mempunyai matlamat yang sama: mencapai mabrutul Fadillah. h) Dan akhir sekali, Aliran progresif berpendapat dalam madinahtul Fadillah itu penduduk-penduduknya tidak boleh dibeza-bezakan mengikut jantina, keturunan, bangsa atau agama. Pertimbangan utama kedudukan manusia — Khalifah Allah — sebagai manusia. i) Terdapat ada ciri-ciri lain yang harus disebutkan. Saya mengemukakan ciri-ciri yang ada boleh diperbaiki.

Untuk menunjukkan bahawa aliran progresif ini benar-benar berakar-umbi dalam tradisi pemikiran Islam saya akan memberi beberapa contoh-contoh. Perbezaan antara jiwa

agama dan upacaranya — Din dan nusk — termaktub dalam sura al-Baqara: 177 sepertimana hakikat perubahan dalam sura Ankabut: 20. Begitu juga Rasullallah bersabda, "Seseorang yang berjihad dan gagal dalam jihadnya akan menerima satu pahala; seseorang yang berjihad dan berjaya dalam ijtihadnya akan menerima dua pahala. Bahawa pengetahuan dari sumber-sumber di luar Islam adalah sah disampaikan melalui hadith yang berbunyi, "Orang yang mempunyai pengetahuan meski pun di negeri Cina". Sayyidina Omar al-Khattab telah membuat beberapa perubahan pada hukum dan masyarakat berdasarkan nilai-nilai asasi Quran dan kehendak-kehendak zaman. Ahmad Ibn Hanbal telah memberi tafsiran baru kepada hukum-hukum berdasarkan kepentingan umum. Al-Farabi pernah membincangkan tentang umat mengubahsuaikan konsep-konsep masyarakat dan waktu dan zaman. Ibn Khaldun telah menunjukkan hubungan akal dan agama dan kenapa struktur masyarakat perlu dikaji dan diselidiki. Dalam kurun 18, Shah Wali Allah menegaskan bahawa peraturan-peraturan dan upacara-upacara agama yang berbeza adalah hasil daripada keadaan-keadaan masyarakat yang berbeza. Tetapi yang penting ialah nilai universal yang menjadi teras agama. Dan akhir sekali, Al-Afghani dalam kurun 19 dan Muhammad Natsir dalam kurun 20 menyeru umat Islam menguasai pengetahuan dari sains. Al-Afghani memberi keutamaan pada sains sementara Natsir berkata, "Seorang pendidik Islam tidak usah memperdebatkan dalam dan memperbesarkan-besarkan antagonisma antara Barat dengan Timur itu. Islam hanya mengenal antogoni antara hak dan batil. Semua yang hak ia akan terima, biarpun datangnyanya dari 'Barat', semua yang batil akan ia singkirkan walaupun datangnyanya dari 'Timur' ". Tidak syak lagi bahawa yang progresif yang mengandungi ciri-ciri yang saya sebut tadi adalah bahagian yang sah dalam tradisi Islam yang tua.

Tetapi Islam yang progresif adalah lebih daripada itu. Jelas sekali Islam inilah yang mampu menghadapi cabaran keadilan sosial. Ini adalah kerana aliran itu menerima perubahan, penyusunan semula struktur dan idea-idea dari luar sebagai aspek-aspek yang penting dalam falsafahnya — berbeza pendekatannya daripada Islam yang konservatif.

mengenai keadilan sosial – satu tentang keadilan politik – satu lagi tentang keadilan ekonomi – akan membukakan. Konsep-konsep tentang keadilan politik terkandung dalam beberapa sura-sura antaranya sura as – Syura: 38, meminta pemimpin mengadakan mesyuarat dengan rakyat dan sura Al-i-Imran: 104 yang menyeru manusia beramal agar menegakkan yang makruf dan mencegah yang mungkar. Untuk melaksanakan konsep-konsep ini, apakah yang kita hanya patuh kepada cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Al-Mawardi atau Ibn-Taimmiyah umpamanya tentang cara menubuhkan majlis-majlis yang selaras dengan konsep-konsep tadi? Di sinilah letaknya perbezaan antara Islam yang konservatif dan Islam yang progresif. Islam yang konservatif kita mesti ikut cadangan-cadangan yang dikemukakan. Yang progresif berpendapat bahawa kita harus mengkaji cadangan-cadangan tadi kerana ia dipengaruhi oleh tahap pengetahuan dan keadaan masyarakat dewasa ini. Kadangkala ia tidak sesuai harus kita menerima pendekatan-pendekatan sezaman tentang perundingan antara pemimpin masyarakat atau hak bersuara walaupun institusi-institusi yang berkenaan itu adalah hasil tamadun Barat. Begitu juga dengan keadilan ekonomi. Al-Quran mengandungi beberapa prinsip asas tentang kesamaan perekonomian, perbezaan pendapatan dari segi taraf hidup, hak si-miskin atas kekayaan masyarakat, hak milik masyarakat, hak milik perseorangan, kebebasan, pembahagian kekayaan (sepertimana diterangkan dalam sura hasr: 7) dan sebagainya. Apakah kita yang mengikuti Quran mesti melaksanakan konsep-konsep tadi tanpa menghiraukan apa yang dibicarakan oleh Ibn Khaldun atau Muhammad Hassan Nadwi? Memang ada kekuatan dalam tulisan-tulisan mereka –tetapi mungkin ada kelemahan juga yang diakui oleh aliran konservatif. Kenapa kita tidak boleh mengkaji dunia pengetahuan ekonomi moden dan memilih kaedah organisasi ekonomi yang dapat memastikan keadilan?

Prinsip yang kedua, perpaduan rakyat, juga tidak bisa dilaksanakan oleh golongan konservatif. Selama ini golongan konservatif mempertahankan dan memperkukuhkan dikotomi antara-bukan Bumiputra atas nama Islam walaupun

dikotomi itu bertentangan dengan agama kita yang tidak membenarkan soal kaum atau keturunan dijadikan asas dan dasar awam yang berkaitan dengan kebajikan rakyat. Golongan progresif dalam Islam faham bahawa dalam Sura al - Baqara: 213, Sura Hujurat: 13 dan ayat-ayat yang lain, Quran menegaskan kuat pada konsep perpaduan manusia. Diskriminasi berdasarkan kaum, keturunan ataupun agama dilarang sebagaimana disebutkan dalam sura al - Baqara: 272. Pihak Medinah yang dirangkakan oleh Rasullallah, contoh-contoh dari pemerintah Umar & Ali, dan tulisan tokoh-tokoh Islam sepanjang sejarah, semuanya membawa pada kesimpulan yang sama: iaitu Islam percaya pada perpaduan manusia. Aliran progresif dalam Islam yakin prinsip perpaduan dapat dilaksanakan di Malaysia. Kemiskinan kebanyakan Bumiputra tidak menjadi masalah asal sahaja kita mengimalkan konsep kebajikan dalam Islam di mana perhatian mesti diberi pada manusia yang dhaif tanpa mengira keturunan. Tetapi pra-syarat melaksanakan prinsip perpaduan sepertimana saya selalu menitikberatkan pada bukan Melan dan bukan Islam ialah kesanggupan mereka menerima menyokong dengan penuh keikhlasan peranan Bahasa Melan dan Islam sebagai bahasa dan agama nasional.

Akhirnya, saya harap saya telah berjaya menunjukkan betapa pentingnya sikap progresif, sikap rasional, sikap terbuka, sikap yang tidak dogmatis dan tidak chauvinis di kalangan generasi baru jika mereka ingin memimpin rakyat kita ke arah keadilan dan perpaduan. Sebaliknya jika golongan Islam yang konservatif dengan segala kelemahannya berkuasa saya khawatir masyarakat kita akan hancur-lebur. Sekiranya ini berlaku — percayalah! tiada esok bagimu.

Dr. Chandra Muzia
Presiden

Julai 1979

MAJLIS ANTARA-AGAMA DAN KEHARMONIAN AGAMA

(Kenyataan Akhbar)

Aliran merasa bimbang bahawa pembinaan patung, dan masjid dijadikan aspek persaingan antara kaum. 1957 lagi, pembinaan masjid digunakan sebagai perpolitik dalam pertandingan antara parti-parti Melayu. Tempat ibadah tidak harus dijadikan persoalan politik atau parti. Ini akan membawa kesan-kesan yang buruk kepada keharmonian agama dalam masyarakat berbilang

Aliran ingin mengesyorkan di sini bahawa kerajaan akan majlis antara agama di bawah kekuasaan Perdana Menteri. Majlis ini boleh menggantikan Organisasi antara-agama Malaysia yang kurang aktif dewasa ini. Majlis antara-agama ini mesti ditubuh di peringkat kebangsaan dan di peringkat negeri. Tujuannya ialah menentukan garis-garis untuk penempatan dan pembinaan tempat-tempat untuk perarakan agama dan untuk upacara-upacara yang mungkin menyentuh perasaan kaum-kaum yang beragama. Majlis ini juga memberi nasihat dalam semua soal yang berkaitan dengan interaksi antara agama-agama yang dianuti di Malay-

Malaysia dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi, dan majlis ini mestilah seorang Muslim yang berpengetahuan dalam falsafah Islam dan falsafah agama-agama yang lain. Separuh daripada anggota-anggota yang lain mesti terdiri daripada orang-orang Muslim dan separuh daripada orang-orang bukan Muslim. Semua agama-agama bukan Islam mesti diwakili dalam majlis ini.

Untuk mengelakkan kemungkinan konflik-konflik agama pada masa depan, Aliran menggesa kerajaan untuk pertimbangan yang serius kepada cadangan ini.

Disember 1979

Jawatankuasa

ISLAM DAN KEHARMONIAN

(Ringkasan Ucapan)

Tema forum hari ini iaitu Keharmonian Agama dan suatu Masyarakat Berbilang Agama sememangnya sangat sesuai. Terutama sekali begitu, sejak agama telah muncul sebagai satu alat politik yang penting dalam negara ini. Bukan sahaja merujuk kepada "peningkatan aliran Islam" yang setakat ini kita semua sudah tahu, tetapi juga kepada kemunculan agama-agama lain selain daripada Islam sebagai satu tindakbalas terhadap peningkatan Islam sebagai kuasa politik.

Saya perhatikan dengan perasaan ironi bahawa kita menekankan keharmonian agama dalam masyarakat berbilang agama. Sekarang di manakah keharmonian itu? Di tengah-tengah kejadian kemusnahan kuil-kuil, tekanan halus berbagai-bagai ancaman, di manakah keharmonian yang dikatakan itu?

Sebagai seorang Muslim, dan saya bukan mendedahkan keimanan untuk diri saya, saya memerhatikan dengan hampaan yang semakin bertambah mengenai pencecah yang membabi buta oleh setengah-tengah orang Muslim dalam negara terhadap kefanatikan agama, pemikiran yang sempit, chauvinisme dan kemunafikan yang keterlaluan yang akan menyebabkan Nabi Islam gementar dalam makam.

Adakah mungkin Islam yang dihutbahkan oleh Muhammad s.a.w. yang menjamin hak-hak orang-orang bukan Muslim di dalam Piagam Medina dan menempatkan setara dengan orang-orang Muslim, yang mendesakkan orang-orang Muslim mempertahankan tempat-tempat sembahyang walaupun dengan nyawa mereka, boleh diputarbelikan dalam negara ini, sehingga tidak dapat dikenali? Sedikit saya hanya dapat mengganggu kepala saya dan berkata: ia telah terjadi!

Namun begitu, agama Islam yang saya ketahui, dan yang dikisahkan adalah begitu beza sekali daripada apa yang saya lihat di sekeliling saya. Agama Islam yang sepatutnya disanjung

adalah satu agama yang menerima kepercayaan bahwa itu hanyalah satu, perpaduan manusia dan kewajiban buat kebaikan. Bertentangan dengan kepercayaan orang yang dikatakan Muslim dan bukan Muslim. Mengakui semua agama. Merujuk kepada ini, ada dalam Koran bahwa, "Dan sememangnya kita antar Rasul sebelum kamu. Setengah daripada mereka kami sebutkan." Dengan itu, pengakuan agama dalam negara merupakan Rasul yang dikurniakan oleh Allah. Dalam pertalian Rasul-Rasul ini, Adam merupakan yang pertama dan Muhammad yang terakhir dan antaranya terdapat hampir-hampir 124,000 orang Rasul dan watak agama. Mengikut Koran, tidaklah seorang pun yang boleh menafikan Nabi Isa, Nabi Musa, Rasul-Rasul dari negara India, China, Parsi dan negara-negara yang lain. Sebaliknya penerimaan Rasul-Rasul ini adalah satu unsur keimanan di mana tanpanya seseorang itu tidak dapat digelar sebagai seorang Muslim yang benar.

Saya mungkin menghadapi soalan seperti mengapa sepatunya begitu banyak perbezaan di antara agama Islam, Kristian atau agama Buddha dan Hindu? Tetapi sebenarnya apakah perbezaan-perbezaan ini dan di peringkat mana-mana mereka wujud?

Tiap-tiap agama percaya kepada Tuhan, percaya kepada Allah yang akan datang dan semua agama percaya dalam berbuat kebaikan. Tidak ada agama yang akan menerima pembunuhan, perompakan, peperangan atau lain-lain kegiatan-musnahan dalam ajarannya. Sesiapa yang menerima kepercayaan kepada Tuhan, kepada Dunia yang akan datang membuat kebaikan, percaya kepada agama yang betul kira apa yang kamu panggil — Islam, Kristian, Yahudi, Hinduisme atau Buddhisme.

Ini adalah begitu jelas sekali dalam Koran. Biarlah saya berikan petikan ayat yang berkenaan:

"Mereka yang percaya, mereka yang merupakan orang-orang Yahudi dan Kristian, dan mereka yang merupakan orang-orang — sesiapa yang percaya kepada Allah, dan kepada Muhammad yang terakhir, dan membuat kebaikan — untuk mereka ini

terdapat ganjaran daripada Tuhan, dan tidak akan ada ketakutan atau penderitaan untuk mereka.

Jadi, daripada satu komuniti manusia, wujudnya agama-agama yang berlainan. Tetapi sebenarnya semua manusia adalah di bawah satu Tuhan yang sama dan diarahkan kepada agama Tuhan yang sama. Dalam tiap-tiap abad dan tempat, Rasul-Rasul datang untuk berkhotbah tentang kesatuan Tuhan dan mengarah orang ramai kepada jalan yang benar dan menuju ke matlamat yang tertinggi.

Koran mengiktirafkan buku-buku suci orang-orang Yahudi dan Kristian di antara yang lain-lain. Jikalau cara-upacara beberapa agama atau corak pemujaan dan bahasa yang digunakan adalah berlainan, ini adalah wajar. Jikalau Krishna datang ke India, dia bertutur dalam bahasa yang difahami oleh orang-orang di sana, jadi Hindu mempunyai ciri-ciri yang khas dan bersesuaian dengan benua India. Begitu juga boleh dikatakan untuk Nabi yang bertutur dalam bahasa yang difahami oleh orang-orang Yahudi pada masa itu. Nabi Muhammad s.a.w. bertutur dalam bahasa Arab kerana dia adalah seorang Arab. Tze bertutur dalam bahasa Cina dan simbolismenya melibatkan pandangan hidup orang-orang Cina.

Tetapi pada asasnya, ajaran yang dikhotbahkan adalah sama. Adat mungkin berbeza tetapi ajaran adalah sama. Dengan itu daripada pandangan Islam, manusia adalah sebagai satu; setiap orang menyembah Tuhan, sepatutnya buat kebaikan dan mesti menerima akibat perbuatannya dalam dunia yang akan datang.

Sekarang, jika begitu, mengapakah terdapatnya banyak perselisihan dan pergolakan dalam masyarakat manusia? Memandangkan Malaysia, saya berasa Islam sempurna untuk satu negara berbilang kaum kerana menerima agama yang lain dan memberi hak yang sama kepada orang Muslim dan bukan Muslim. Tetapi ini tidak demikian. Islam yang diamalkan oleh sebahagian orang yang tertentu adalah berfikir sempit dan, apa yang lagi, chauvinisme telah menjadi sebahagian daripada

manusia. Pertama sekali adakah ini Keislaman dan adakah ini kebaikan atau keharmonian, dalam negara berbilang agama seperti Malaysia? Sebaliknya jika beberapa orang yang dipanggil Muslim memutarbelitkan Islam dan membangunkan pemikiran berkelompok seperti menuntut sebagai mereka yang terpilih dan menyingkirkan yang lain daripada rancangan hidup mereka, mestikah kita mengalaminya?

Adakah adil mengatakan bahawa Hinduisme adalah agama yang tidak mudah berubah dan berfikiran sempit semata-mata kerana seorang fanatik seperti Nathuram Godse, pada satu ketika yang gila, membunuh Gandhi yang saya lihat sebagai seorang Hindu yang benar dan seorang yang lebih dekat dengan Tuhan daripada kebanyakan orang-orang Muslim yang saya telah bertemu? Tentu tidak. Dalam agama juga, akan terdapat segolongan orang gila yang membuat apa sahaja untuk memburuk-burukkan agama mereka menganuti. Sedihnya, cukup ramai orang akan menghukum kepada sesuatu dan menilainya berdasarkan tindakan beberapa orang fanatik.

Di Malaysia, jauh daripada mendapat keharmonian yang diperlukan sangat, yang saya berasa boleh ditanam melalui agama yang baik, sebaliknya kita telah berasa tegang, curiga dan kurang percaya. Mengapakah ia begitu? Untuk menjawab soalan ini saya terpaksa membuat satu analisa yang terperinci mengenai aliran Islam yang telah meningkat dalam akhir tahun ke70an dan yang akan menjadi satu kuasa yang terpaksa dikenali dalam tahun 1980. Malangnya Islam di Malaysia dipandang dalam perspektif komunal. Mungkin kita dapat dielakkan memandangkan keadaan di mana orang Melayu adalah Muslim, Islam akan dipandang sebagai satu agama Melayu oleh orang-orang Melayu dan bukan Melayu. Definisi Melayu di dalam Perlembagaan Malaysia mempunyai pertalian yang begitu rapat dengan Islam sehingga jika seseorang Melayu tidak menjadi Muslim, saya tidak tahu bagaimana menggolongkannya.

Seorang bukan Muslim yang menjadi seorang Muslim dikatakan masuk Melayu — penekanan bukan pada

agama tetapi pada kaum. Perubahan ekonomi dan telah membawa kepada perubahan yang sangat besar dan antaranya adalah penghijrahan orang-orang Melayu bandar. Lebih dan lebih ramai orang Melayu telah di akarnya daripada kampung dan cara hidup tradisi masyarakat Melayu telah mencul sebagai satu komuniti yang jelas dalam alam sekitar bandar. Sehingga 1981, penduduk bandar akan merupakan orang-orang Melayu.

Dalam sesuatu masyarakat di mana kesedaran merebak, orang-orang Melayu yang baharu menjadi se gian daripada segolongan besar orang-orang bukan M sudah tentu akan mengembangkan kesedaran yang jelas tentang latar-belakang etnik mereka. Untuk orang Melayu generasi pertama yang mengalami perub ke cara hidup kota dalam satu tempat yang asing, kesedaran tidak selamat, satu perasaan curiga atau ke percaya adalah beberapa unsur bertambahnya kesed etnik. Islam memberikan satu saluran yang berguna meluahkan kesedaran ini kerana ia menyentuhi kebiasaan seseorang Melayu yang biasa dalam banyak cara. ada lambang kebudayaan masyarakat Melayu yang lain begitu merebak. Dengan itu Islam sebagaimana yang difa boleh digunakan sebagai satu rasional untuk cara berpu tertentu, menjauhkan diri daripada kumpulan tertentu mengelakkan diri daripada tempat tertentu dan lebih lagi menganuti kepercayaan dan pendapat yang ter Dengan itu kita dapat lihat mengapa sebilangan Muslim Musliman di kolej-kolej dan Universiti-Universiti meng berat tentang berpakaian "cara Islam yang betul", mengapa sebilangan Muslimin mengelakkan teman lelaki atau menjauhkan diri dari panggung wayang "tempat berdosa" yang lain. Ini juga menjelaskan me dengan tiba-tiba terdapat begitu banyak kebim tentang sama ada tanda "tanggung halal" ditunjukkan kedai makan bukan Muslim itu benar atau tidak.

Sebagaimana semua yang telah dikatakan dan di kan, satu jurang yang semakin besar atau satu penga di antara orang-orang Muslim dan bukan Muslim nyata. Orang-orang Muslim, terutama mereka yang

memandangkan agama mereka lebih unggul daripada
lain. Nilai dan pertalian umum yang wujud di antara
dan agama lain dan di antara Muslim dan orang-orang
Muslim telah diabaikan. Dalam media massa juga,
penekanan yang keterlaluan dalam adat Islam
ke takat di mana lebih ramai orang Muslim yang
rasional berasa agak kurang senang. Keharmonian
telah menjadi satu kata-kata yang tidak bererti.
tahun yang lalu kerajaan telah mendirikan organi-
sara-agama Malaysia untuk memupuk pertalian yang
di antara berbagai-bagai agama. Tidak ada sesiapa
apa yang terjadi pada organisasi itu pada hari ini.

ma ada kita suka atau tidak Islam akan wujud
satu kuasa hebat di mana tiap-tiap manusia terpaksa
dipunya. Supaya kita bersedia menghadapinya kita
memahami Islam yang benar dan progresif agar kita
menentang pemikiran sempit dan kepercayaan fanatik
pegang oleh beberapa golongan yang tidak menghirau-
urukan ke atas orang lain. Tidak sesiapa pun di
kita, untuk kepentingan keharmonian agama dalam
ini, mampu bertindak seperti burung Kasuari yang
tukkan kepalanya ke dalam pasir, dengan harapan
masalah ini akan hilang. Rayuan saya kepada anda
anda mesti mengetahui apakah itu Islam yang
aya. Adalah asas dalam satu negara berbilang agama,
ara seperti negara kita supaya setiap orang memahami
dan falsafah beberapa agama yang diamalkan dalam
ini.

au bagaimanapun, apa yang dilihat pada hari ini
ialah kekerasan hati di kalangan setengah-setengah
Muslim kepada kefahaman agama Islam. Se-
engah tidak mahu membaca dan meluaskan penge-
mereka tentang Islam atau apa-apa agama lain. Pemi-
sama juga terdapat di kalangan setengah-setengah
Muslim. Biarlah saya memberi contoh. Bila setengah-
orang Muslim atau organisasi memberi pendapat
perkauman, peluang sama dan keadilan untuk
bukan Muslim, tidak terdapat balasan daripada
orang-orang bukan Muslim. Adakah ia keterlaluan

untuk berkata, "kami menyokong anda dalam perjuangan anda". Jika sikap ini berlanjutan, organisasi Islam yang itu akan berdiam diri dan pentas itu akan dikuasai golongan fanatik. Kesunyian di sini tidaklah merugikan keemasan. Jika adanya sokongan, ia akan menjadi dorongan kepada golongan Muslim progresif itu sahaja muncul ke hadapan.

Apabila kuil-kuil dicerobohi, Aliranlah yang menjadi golongan pertama yang mengutuk perbuatan seperti itu. Barulah golongan-golongan lain, termasuk kerajaan, mengutuk perbuatan itu. Akhirnya pencerobohan jadi dikawal. Ini menunjukkan kekuatan sokongan umum.

Saya terpaksa membangkitkan isu ini kerana jika kita semua mengambil satu sikap yang tidak peduli, lama lagi seorang penyelamat yang agung seperti Zia-ul-Haq atau Imam Khomeini akan menunjukkan diri dan meroketkan porak-perandakan negara ini.

Sebelum saya akhiri, biarlah saya menekankan beberapa perkara selain daripada berhujah tentang keharmonian agama. Kita berusaha untuk keharmonian dalam diri kita. Kita jujur kepada prinsip-prinsip agama kita dan memelihara nilai-nilainya, dan dengan demikian, dapatlah kita mempengaruhi orang-orang lain. Gandhi disayangi oleh orang-orang, sama ada Muslim atau Hindu kerana kualiti peribadinya. Jika kita memegang prinsip-prinsip agama yang benar, anuti, keharmonian akan diterima sebagai satu hadiah dari Tuhan.

Ariffin
Setia

Februari 1980

MUSABAWAH QURAN

(Kenyataan Akhbar)

Mengikut Watan (1 Ogos 1980), ada tanda-tanda menunjukkan bahawa minat terhadap musabaqah Qur'an telah mula merosot. Sekali imbas, kejadian ini

ini kerana satu kesedaran baru tentang keagungan
yang meresapi jiwa umat Islam.

Itu mungkin membuktikan bahawa minat sebenar umat
tidakkan terhadap musabqah membaca Quran tetapi
penerapan Quran dalam konteks membentuk pandangan
dan pandangan masyarakat yang baru. Pada dewasa ini,
tersebut dijemakan melalui konsepsi Islam yang
yang cuba menyelesaikan masalah-masalah moden
cara-cara tradisional. Cara penyelesaian tradisional
di bidang pembangunan ekonomi ataupun di bidang
nasional, menunjukkan kejahilan tentang keru-
perumitan masyarakat-masyarakat moden.

Yang diperlukan ialah pendekatan reformis ter-
Islam yang sanggup menerima pengetahuan moden
akan nilai-nilai kekal yang termaktub dalam Quran.
mencapai matlamat ini, kerajaan harus berusaha
menyempulkan sarjana-sarjana dan ahli-ahli fikir Islam dari
dunia yang mirip pada interpretasi Quran yang pro-
upaya mereka dapat mengkaji persoalan-persoalan
pembangunan dan perubahan sosial dari perspektif
Ini boleh diadakan cara seminar tiap-tiap tahun -
pacara-upacara yang gilang-gemilang.

kalangan kumpulan-kumpulan tertentu dalam kaum
Buddhist dan Catholic di tempat-tempat yang lain,
tasi semula asas-asas agama sudah pun bermula.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

PERISTIWA DI BATU PAHAT

(Kenyataan Akhbar)

ran mengutuk keganasan yang dilakukan oleh
kecil golongan fanatik agama di Batu Pahat pada
Oktober 1980.

berangan lanjut mengenai peristiwa tersebut oleh

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah tidak langsung mengisytiharkan bahawa pihak polis terpaksa bertindak secara terpaksa terhadap orang-orang yang telah mereka lakukan demi untuk mempertahankan nyawa-nyawa orang yang tidak bersalah.

Di mana ajaran-ajaran agama yang memesonakan norma-norma, dan fahaman yang dibedung dalam bentuk mistik, telah menjadi sebahagian daripada sejarah agama-masa-masa dahulu, kecenderungan bagi pengikut-pengikut pergerakan-pergerakan pinggiran untuk bertindak dengan keganasan adalah merupakan satu fenomena baru.

Adalah mustahak bahawa ahli-ahli sosiologi dan ahli-ahli pandai Islam mengkaji fenomena ini secara mendalam supaya punca akarumbinya akan dapat difahami. Hanya selepas itu boleh kita memikirkan sesuatu tindakan yang sesuai untuk mengatasinya.

Oktober 1980

Dr. Chandra Murugesu
Presiden

AGAMA DALAM MALAYSIA YANG KIAN BERUBAH

(Ringkasan Ucapan)

Perubahan-perubahan penting yang sedang berlaku dalam masyarakat Malaysia pasti akan menjadikan peranan agama bertambah penting pada masa-masa akan datang. Dalam masyarakat Melayu, pembandaran akan menyebabkan bertambahnya kesedaran mengenai identiti keagamaan disebabkan sedikit-sebanyak kerana bandaraya-bandaraya yang ada sekarang kebanyakannya terdiri dari bukan Melayu. Bagi penghuni bandar yang baru, agama akan memberikan sandaran psikologi. Sandaran ini dapat memberikan masa kepada kedudukannya menerusi berbagai cara. Lagi pula dalam sekitarnya yang sekular itu dan mementingkan kebendaan dalam bandaraya akan mendorongkan penghuni bandar itu mencari akar-umbi agamanya sebagai satu respon kepada situasi yang baru itu.

...dari pambandaran tersebut, perkembangan
menengah Melayu yang merupakan satu lagi
terkemuka, juga akan mengukuhkan lagi
keagamaan. Sementara golongan menengah ini
perkembang, politik semasa tidak dapat memberikan
dan status dengan begitu mudah bagi mereka yang
pangkannya itu jika dibandingkan dengan generasi yang
boleh menjadikan mereka yang kecewa itu cuba
ideologi yang lain (ideologi ini sudah pastilah Islam
memandangkan latarbelakang politik Melayu) sebagai
mulaan dalam usahanya mencabar mereka yang kini
kuasa dalam politik. Ketidakseimbangan dalam
kat Melayu yang kini makin meningkat — yang juga
satu lagi akibat dari mengadakan perubahan —
memberikan lebih banyak modal kepada mereka untuk
katkan lagi cabarannya.

...perkembangan-perkembangan ini sedang berlaku
negeri, situasi di lain-lain negara Islam terutama sekali
kebangkitan semula semangat keagamaan turut akan
inspirasi kepada masyarakat Melayu. Di pihak
juga telah ada reaksi terhadap peningkatan keseda-
Islam ini. Gambaran yang kerajaan memberikan
ianya juga terikat dengan Islam dapat dilihatkan
berbagai polisi dan kegiatannya yang bertujuan untuk
talkan genggamannya ke atas kubu politik Melayu.
semua ini akan memperkuat lagi semangat kebang-
semula Islam.

Kesedaran Keislaman yang meningkat di kalangan orang-
Melayu akan menyebabkan satu reaksi di kalangan
orang bukan Melayu dan mereka ini pula akan sedari
identiti agama dan kebudayaan mereka. Didapati
ini telahpun mula berlaku. Ada dua faktor lain yang
menyumbangkan kepada berlakunya perkara ini.
zaan antara Bumiputra dan bukan Bumiputra dalam
dasar kerjaan telah meyakinkan sebilangan besar
bukan Melayu bahawa mereka perlulah memegang
kepada tradisi agama dan kebudayaannya. Pemegangan
menjadi bertambah penting kepada mereka disebabkan
peraksanaan dasar pelajaran kebangsaan di mana Bahasa

Melayu tidaklah lagi menjadi satu faktor pembezaan terutamanya sekali bagi generasi muda. Kemungkinannya di kalangan orang-orang Melayu, kewujudan Melayu sebagai kaum umum telah mendorong mereka yang lebih muda mengalih kepada Islam kerana ini dapat memperlihatkan perbezaan di antara kaum. Akhir sekali, nampaknya kebangkitan semula semangat keagamaan di Barat juga telah menimbulkan kesan di kalangan orang-orang bukan Melayu.

Kebangkitan semula semangat keagamaan di kalangan orang-orang Melayu dan bukan Melayu boleh mendatangkan akibat yang positif atau pun negatif. Ianya boleh jadi negatif sekiranya unsur-unsur perkauman mula mengeksploitasi kesedaran keagamaan yang baru ini untuk memperkukuhkan kepentingan-kepentingan yang berfikir sempit dalam politik, ekonomi dan kebudayaan. Unsur-unsur seperti ini yang sentiasa mengagung-agungkan perpaduan kaum dan sebaliknya mencuba menghancurkan segala usaha perpaduan berbentuk berbilang kaum. Sebaliknya, jika unsur-unsur Melayu dan bukan Melayu yang rasional dan universal adalah berpengaruh maka mereka dapatlah mempergunakan kebangkitan semula keagamaan ini untuk matlamat-matlamat yang positif. Misalnya, mereka bolehlah mengusahakan dialog antara agama-agama sebagai satu jalan untuk meredakan kecurigaan dan wasangka serta mengujudkan persefahaman di antara kaum. Beberapa kumpulan Hindu Kristian dan Muslim — selain dari Aliran sendiri — telah mula mengadakan dialog-dialog seperti tersebut. Pegawai kerajaan terutamanya mereka yang terdiri Lembaga Perpaduan Negara juga menyambut baik perpaduan ini; dan Lembaga ini telah pun menubuhkan jawatankuasa antara-agama dan telah mengeloa mesyuarat-mesyuarat antara agama-agama.

Akan tetapi, supaya dialog antara agama ini berkesan maka terdapat dua syarat yang hendak diperhatikan. Pertama, para intelek dalam sesuatu agama itu mesti bersedia menitikberatkan asas falsafah dan nilai-nilainya bukan hanya berbangga begitu sahaja dengan simbol-simbol upacara-upacara agamanya. Jika asas-asas agama dititik-

pengikut-pengikut berbagai kepercayaan akan mendapati ada banyak persamaan-persamaan di antara agama. Pertama, terhadap kesabaran dan belas kasihan sehinggalah kepada mengenai orang dan alam semulajadi. Kedua, para agama hendaklah bersedia menguasai ilmu moden sains fizikal dan sains sosial. Hanya dengan ilmu ini mereka akan dapat menentukan perlunya dalam dunia moden.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

PEKERJA, KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DAN UNDANG-UNDANG BURUH

Ketika berlakunya krisis buruh pada permulaan tahun Aliran telah melafazkan simpati dan sokongannya kepada pekerja MAS yang mengalami keadaan yang mencabar.

Masa depan Kesatuan-kesatuan Sekerja, lebih-lebih lagi satu kuasa menyatupadukan kaum-kaum di negara ini, merupakan pokok perbincangan utama bagi semua warganegara Malaysia. Aliran telah mengemukakan masalah-masalah masakini dan belamatlamat jangkamasa panjang bagi pergerakan ini. Penekanan dibuat terhadap pendidikan sosial bagi pekerja dan sebagai satu orde sosial yang berasaskan nilai-nilai rohaniah. Lagi menyekat kemungkinan perpecahan kaum, biro-biro hal ehwal dan budaya haruslah ditubuhkan di dalam Kesatuan-kesatuan. daripada potensinya menyatupadukan kaum, Kesatuan-kesatuan telah digesa supaya menubuh kedai-kedai runcit koperatif dan syarikat perumahan dengan pengurusan yang jujur dan baik.

Pada permulaan tahun 1980, Aliran telah membuat bantahan terhadap pindaan-pindaan kepada undang-undang buruh. Dalam buat demikian, kami telah mendedahkan implikasi-implikasi dengan beberapa sekatan terhadap hak-hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan-persatuan, untuk mendapatkan pemimpin-pemimpin yang kaliber, dan untuk mengambil tindakan mogok.

Di sini kami telah menyiarkan beberapa esei mengenai Kesatuan-kesatuan Sekerja di dalam masyarakat pelbagai kaum ditulis bersempena dengan Hari Buruh 1979.

KRISIS MAS

(Keterangan Akhbar)

...melahirkan rasa simpati yang kuat terhadap pekerja MAS dalam memastikan keadilan dan memulakan maruah mereka.

...merasakan bahawa Pendaftar Kesatuan Sekerja bertindak secara terburu-buru dan kasar dalam mem... keahlian beberapa orang ahli Kesatuan Sekerja ... (AEU - Airlines Employees Union) dan dalam ... kesatuan itu menyatakan sebab mengapa ia tidak ... mansuhkan pendaftarannya. Penggantungan kerja ... menerus beberapa orang pekerja MAS oleh majikan ... penggunaan pekerja dari luar juga telah mengeruhkan ... Dengan mengambil langkah-langkah sebegini, ... telah memberi gambaran bahawa peraturan formal ... formal yang melibatkan hubungan majikan dan ... tidak diikuti di sini.

... jalan keluar ialah mengembalikan sepenuhnya hak ... kesatuan kepada ahli-ahli yang telah dibatalkan ... arannya, menarik balik surat meminta sebab musabab ... memberhentikan penggantungan kerja pekerja-pekerja ... na perbuatan ini akan diikuti oleh majikan-majikan ... ka semua ini dijalankan segera, para pekerja MAS ... itu akan balik bekerja seperti biasa.

... MAS mesti sedar bahawa adalah wajar bagi ... pekerja meminta gaji dan keadaan kerja yang baik, ... angkan sumbangan mereka terhadap kejayaan MAS ... keuntungan tahun lepas. Apabila pihak berkuasa di ... dengan kesedaran ini maka segala rundingan akan ... lkan keputusan yang boleh diterima oleh semua

... bagi satu penawar jangka panjang kepada perselisihan ... ini, Aliran ingin mencadangkan penubuhan sebuah ... il Kebangsaan (National Wages Council) yang terdiri ... il wakil buruh, kewangan dan kerajaan. Guna majlis ... bagi mengadakan satu garis panduan bagi menyela ... gi dan bonus dalam sektor awam dan juga swasta

dan dalam organisasi tertentu seperti MAS, berdasarkan keseluruhan prestasi ekonomi negara pada setiap tahun.

Februari 1979

Jawatankuasa

BURUH DI PERSIMPANGAN JALAN

(Karangan)

Pada tahun ini Hari Buruh telah diraikan pada saat yang penting dalam sejarah Gerakan Kesatuan Sekerja. Sejak Gerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia belum lagi berhadapan dengan cabaran seserius ini terhadap kedudukannya. Soalan peralihan ialah sama ada kerajaan bersedia menerima bahawa sesuatu demokrasi kesatuan-kesatuan sekerja mempunyai hak-hak abadi yang tertentu. Apakah ia bersedia menerima hakikat bahawa dalam mempraktikkan hak-hak buruh, buruh akan pada masa tertentu menerima perselisihan pendapat dengan modal atau kerajaan ataupun kedua-duanya.

Soalan ini timbul kerana jelas bahawa kerajaan tidak pernah menganggap Gerakan Kesatuan Sekerja sebagai satu elemen penting dalam keadaan sosial keseluruhan. Bukti yang nyata ialah konsep mengenai kemajuan ekonomi. Model struktur politik yang mengekalkan kuasa kumpulan pemerintah mempunyai faktor etnik sebagai asas — kesedaran pekerja — dan oleh sebab itu permintaan buruh sekerja tidak mendapat kesan yang sepatutnya. Ini juga menerangkan kenapa Pergerakan Kesatuan Sekerja banyak mendapat kejayaan dalam perjuangannya menentang undang-undang anti-buruh. Kalau iapun, sifat-sifat dan semi-bandar gerakan ini mencerminkan bahawa ia tidak mendapat sokongan sebahagian besarnya dari kawasan bandar, dan oleh itu kerajaan mengurangkan perhatiannya kepada buruh.

Memang benar hakikat ini boleh berubah terus-menerus kali dengan kemasukan orang Melayu dalam bidang perniagaan di bandar. Tetapi buat masa ini ia kekal sebagai satu masalah hidup yang sukar. Ini patut mempengaruhi keputusan

an Sekerja membuat suatu renungan kembali mengenai
at jangka panjang gerakan ini. Peranan Kesatuan
sebagai pembela gaji dan keadaan kerja baik seharus-
ruskan oleh kerana ia merupakan "rationale" bagi
gerakan ini. Bagaimanapun perlulah diingat di
Ketiga di mana penduduk miskin luar bandar me-
unsur besar masyarakat, permintaan pekerja bagi gaji
arus dipertimbangkan mengikut keadaan keseluruhan-
itu juga mestilah kita berhati-hati dalam menentukan
ekonomi bagi Kesatuan Sekerja. Usahasama dengan
awasta, sama ada tempatan atau asing atau dengan
akan akhirnya mengakibatkan keresapan gerakan
dalam perancangan ekonomi yang akan melemahkan
annya mempertahankan kepentingan buruh apabila
an dengan kapitalis atau pengurusan yang tidak
ati. Berhubung dengan penglibatan dalam politik
li, pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja kini sedar
racun perkauman yang menyelubungi dan meresapi
politik kita pasti akan memusnahkan dan menguasai
na gerakan berbilang etnik yang ada.

membawa kita kepada satu-satunya peranan yang
ah dimainkan oleh Kesatuan Sekerja dengan ber-
aitu sebagai pendidik. Pendidik kepada buruh mesti
n tertentu. Ia mesti melengkapi pekerja dengan nilai-
idea-idea yang akan membolehkan ia menolong
sebuah masyarakat yang berbelah bagi dari segi
ada sebuah negara yang bersatu dan berharmoni.

ah bahawa kaum buruh mempunyai peranan pen-
menghapuskan komunalisme. Ia musuh terbesar
erja. Ia satu ancaman kepada syarat asas untuk per-
satu pergerakan pekerja yang kuat dalam masya-
bilang etnik - kebolehan seorang pekerja mengiden-
ri dengan rakan-rakan sepekerjaan dari rakan-rakan
a. Selagi pekerja dalam masyarakat etnik tidak
suasana ini, selagi itulah akan ujud bahaya perpe-
dalam pergerakan pekerja.

itulah satu program pendidikan yang berkesan
Melalui program yang demikian kekuatan menen-

tang komunalisme bolehlah dipupuk dalam jiwa dan pekerja. Seminar hujung minggu dan satu dua forum memadai untuk tujuan ini. Apa yang perlu ialah satu pengajian yang tersusun, analisa dan renungan kembali berterusan hingga beberapa kali buat sesuatu masa. Sebab ramai pekerja yang ada haruslah dibenarkan mengikuti kursus ini. Saya telahpun menyampaikan satu kertas yang komprehensif mengenainya kepada MTUC dua yang lepas. Cadangan itu ialah supaya ditubuhkan Institut Pendidikan Sosial yang akan mengelola kursus dan lain-lain lagi. Saya sedang menghidupkan cadangan ini.

Hari ini adalah juga hari yang baik mengemukakan buah cadangan lain. Sekali lagi tujuannya ialah mengurangkan skop perpecahan kaum. Pergerakan mestilah cuba menubuhkan biro mengenai hal agama dan kebudayaan. Biro ini akan dapat mengelolakan majlis dan kebudayaan untuk ahli-ahlinya. Dengan ini tidak sahaja dapat mempertahankan pembentukan organisasi yang terhad kepada satu komuniti semata-mata dalam persatuan.

Cadangan-cadangan ini dibuat oleh kerana Aliran saya bahawa pergerakan pekerja mempunyai potensi usaha untuk mencapai perpaduan nasional. Ikatan ekonomi yang telah mengeratkan hubungan di antara berbagai komuniti setakat ini mempunyai kuasa tersendiri. Sesungguhnya ia adalah ikatan yang dapat mempengaruhi hubungan etnik. Demi kekuatan negara dan kemakmuran, pergerakan pekerja tidak harus gagal.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Mei 1979

PERANAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DALAM SUATU MASYARAKAT BERBILANG KAUM

(Karangan)

Peranan-cabaran yang dilahirkan oleh masyarakat berbilang kaum tiba-tiba menjadi suatu perbincangan yang gamat bagi ahli-ahli kesatuan sekerja. Mungkin ada dua sebab untuk perkara ini. Pertama komposisi etnik dalam negara sudah mula berubah. Ia mula mencerminkan komposisi yang terdapat dalam masyarakat umum. Ini telah disebabkan oleh Dasar Ekonomi Baru yang telah menambahkan ramai pekerja-pekerja Melayu dalam kilang-kilang dan firma. Kesatuan-kesatuan sekerja dalam sektor ini sudah tentunya akan mempunyai lebih ramai ahli Melayu. Pada masa yang lampau hanya dalam kesatuan-sekerja sektor awam terdapat ramai orang-orang Melayu dan oleh yang demikian kesatuan-kesatuan sekerja ini merupakan kesatuan-kesatuan yang lebih berbilang kaum. Walau bagaimanapun Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), suatu kesatuan sekerja swasta, telah sedia mempunyai bilangan keahlian orang-orang Melayu yang banyak. Kedua, sejak tahun 1970 terdapat suatu proses 'pengkayaan' dalam hidup masyarakat umum. Terdapat lebih ramai kaum dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan dan bidang-bidang berkenaan yang lain. Pertimbangan mengenai etnik rupanya menguasai semua tindakan dan keputusan-keputusan umum. Sebagai suatu akibat dalam masyarakat, pergerakan kesatuan-kesatuan sekerja tidak boleh mengasingkan diri dari pengaruh politik yang merbahaya itu. Isu-isu etnik sudah bermula untuk menjadi isu kesatuan-kesatuan sekerja. Ahli-ahli kesatuan sekerja yang juga merupakan warganegara dan pengundi, mula mengaitkan masalah perkauman dengan perkara-perkara seperti kepimpinan dalam pergerakan buruh itu sendiri. Bentuk pertalian yang pergerakan buruh itu patut ada dengan pihak pemerintah. Memang benar bahawa kini isu-isu ini belum menjadi terlalu sensitif tetapi perkauman itu memang ada terutamanya kalau kuasa-

kuasa luar daripada kesatuan-kesatuan sekerja ber-
untuk memasukkan pertimbangan-pertimbangan etnik d
perkara-perkara yang berkaitan dengan buruh. Malah
akan menunjukkan sebentar lagi bahawa perkara ini
pun mula berlaku.

Bagaimanakah harus pergerakan kesatuan-kesatuan
kerja bertindak terhadap cabaran bercorak perkauman
merbahaya ini? Hakikat bahawa pemimpin-pemimpin
harus bertindak dan sekian lama mereka belum bertindak
memang jelas kepada sebarang peninjau politik Mal
Ahli-ahli kesatuan sekerja jarang-jarang membuat se
keterangan tentang masalah etnik dalam ceramah-cer
dan perbincangan mereka. Belum ada satu ucapan pun
sebarang pemimpin buruh yang matang membincang
tentang keadaan etnik pada masa ini dan cara-cara yang
digunakan untuk perpaduan negara. Kalau saya tidak
tiada satu kesatuan pun yang pernah menganjurkan
seminar yang betul-betul bersifat nasional tentang ma
masalah perpaduan nasional dengan tekanan istimewa k
peranan buruh. Ini bermakna bahawa kesatuan sekerja
mengujudkan perspektif mereka sendiri tentang perpa
nasional.

Oleh yang demikian tujuan utama pergerakan Kes
Sekerja Malaysia adalah untuk memahami isu-isu pokok
kenaan dengan perpaduan nasional dengan cara men
dan membentuk suatu garis panduan umum untuk
capai matlamat ini. Pada fikiran saya syarat yang p
sekali untuk pembentukan konsep perpaduan nasional
boleh diterima oleh semua adalah kesudian orang-
bukan Melayu menghargai kenyataan-kenyataan sejar
pula harus diikuti oleh suatu kerelaan orang-orang M
untuk menerima hakikat-hakikat masakini. Ini berm
bahawa sebagai tanda permulaan kepada proses dua-h
masyarakat bukan Melayu mesti cuba memahami
sebabnya bahasa Melayu menjadi bahasa resmi dan
kebangsaan serta Islam menjadi agama resmi negar
'Cuba memahami' bermakna lebih daripada suatu peng
yang tidak sepenuh hati atas peruntukan perlembagaan

dan agama. Masyarakat bukan Melayu mesti yakin sepenuhnya bahawa dengan sedia adanya peranan Melayu dalam sejarah perkembangan sosial rantau ini sepatutnya bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan bahasa resmi yang unggul. Bahasa Melayu tidak bersama-sama dengan bahasa-bahasa yang lain yang telah menjadi sebahagian daripada bahasa-bahasa yang digunakan di Malaysia sejak pertengahan abad ini. Bahasa Melayu telah dikaitkan rapat dengan perniagaan dan perniagaan, undang-undang dan politik, sains dan falsafah rantau ini sejak beberapa kurun. Bahasa Melayu telah membicarakan di lain-lain risalah bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa utama pemerintahan Melayu — dari abad ke-15 di Melaka ke abad-abad ke 17, 18 dan 19 di Johor dan Kedah. Dengan kata lain, setelah kedatangan orang-orang Portugis dan Belanda pun bahasa Melayu merupakan bahasa resmi dan bahasa kebangsaan. Pada zaman pemerintahan British bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa pentadbiran. Bahasa Melayu hanya digantikan dengan bahasa Inggeris setelah penjajahan British menjadi lebih luas dan menyerap. Perhubungan sejarah di antara bahasa Melayu dengan negara Malaysia inilah yang menjelaskan kenapa lama sebelum tahun 1957, bila bahasa Melayu telah dikembalikan kedudukannya sebagai bahasa resmi dan bahasa kebangsaan negara ini, orang-orang bukan Melayu dari berbagai masyarakat atau dari loghat yang berbeza dalam masyarakat etnik yang sama memilih bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan jika mereka tidak tahu bahasa Inggeris. Lebih khususnya, ia telah menjadi bahasa komunikasi antara orang-orang Cina dan Tamil dan antara orang-orang Tamil dan Punjabi.

Terdapat juga ada perhubungan yang lama dan berterusan antara bahasa Melayu dan rantau ini. Sejak zaman kerajaan Melaka pada kurun ke-15 hingga hari ini, Islam kekal sebagai agama orang-orang Melayu. Malah sifat keIslamanlah yang membolehkan kita mengenal seseorang Melayu itu. Ia adalah inti identiti orang Melayu. Ia adalah pusat dan inti kepada kebudayaan Melayu. Sebelum kedatangan penjajahan Inggeris, Islam telah menjadi agama yang dianuti oleh ramai orang Melayu. Pendatang-pendatang baru sebagai agama mereka

sendiri dan dalam proses ini mereka diserap dan diasimilkan ke dalam masyarakat Melayu.

Memandangkan semua ini adakah adil untuk orang bukan Melayu dan bukan Islam untuk mencadangkan bahawa agama-agama dan bahasa-bahasa mereka diberi kedudukan yang sama dengan Islam dan bahasa Melayu? Apakah perkara ini tidak membelakangkan sejarah dan keadilan itu sendiri? Menempatkan bahasa-bahasa dan agama-agama lain setaraf dengan bahasa Melayu dan agama Islam akan merendahkan bahasa Melayu dan Islam itu sendiri kerana bahasa Melayu dan Islam diperkaitkan dengan masa lampau dan masa depan negara ini. Walhal cara perkaitan ini tidak sama dengan bahasa dan agama yang lain. Tentunya orang-orang bukan Melayu dan bukan Islam akan mengambil sikap yang berbeza seperti orang-orang Melayu kalau soalnya adalah bahasa mereka dan agama mereka dalam negara asal mereka.

Memang tidak patut dan adil untuk menentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa unggul yang resmi dan Islam sebagai agama resmi. Selepas menerangkan hakikat berhubung dengan kefahaman yang sepatutnya orang-orang bukan Melayu tahu tentang kenyataan-kenyataan sejarah, benarkan saya menekankan betapa pentingnya untuk orang-orang Melayu pula menghargai keadaan masa kini. Harus diketahui bahawa bahasa-bahasa seperti Tamil dan Cina dan penganut agama-agama seperti Buddhisme, Confucianisme dan Hinduisme adalah ramai, ternyata bahawa agama-agama dan bahasa-bahasa ini akan kekal untuk selamanya. Berbagai kebudayaan yang timbul hasil daripadanya patut dianggap sebagai suatu elemen positif dalam pembentukan negara Malaysia yang baru. Tiada siapa pun yang harus cuba mengenakan persamaan melalui penghapusan secara sistematik perbezaan-perbezaan yang wujud. Sebagai penting masyarakat Melayu mesti faham bahawa mereka yang bukan Melayu yang menerima kedudukan orang-orang Melayu dan Islam dan sudah menyesuaikan diri kepada kenyataan-kenyataan sejarah tentang Islam harus diterima sebagai rakyat Malaysia sepenuhnya. Juga tidak patut wujud perbezaan etnik dalam peluang-peluang sosial atau ekonomi.

dalam penyertaan politik. Mereka adalah kepunyaan
Malaysia adalah kepunyaan mereka sama seperti
orang Melayu, mereka adalah putera-puteri tanah air.
adalah inti persoalan kefahaman orang-orang Melayu
aspirasi-aspirasi yang sah mereka yang bukan

Gerakan Kesatuan Sekerja harus meluaskan kesedaran
tentang kenyataan-kenyataan sejarah dan sezaman.
ini mesti serap ke seluruh gerakan tetapi mesti
dengan ketaranya di tahap pemimpin. Malangnya saya
menemui seorang pemimpin Kesatuan pun yang mem-
konsep holistik tentang Malaysia — suatu konsep yang
kepada kedua-dua kaum Melayu dan bukan Melayu,
yang cuba menyatukan dan sintisiskan masa dulu dan
upaya menimbulkan satu masa depan yang cerah.

Maka kepimpinan yang betul-betul memahami keadaan
kaum di negara kita adalah syarat kedua yang mesti
sebelum kaum buruh boleh memainkan peranan
efektif dalam masyarakat kita. Syarat yang pertama
penghargaan kenyataan-kenyataan sejarah dan se-
yang saya telah jelaskan dan saya boleh ulangi peng-
ini mesti ada pada semua peringkat dalam pergerakan
kepimpinan walau bagaimanapun mesti menunjuk-
kebolehan yang lain juga. Ia mesti sensitif kepada keper-
keperluan kebudayaan golongan-golongan etnik. Ia mesti
kebolehan untuk berkomunikasi dengan berbagai kom-
etnik dalam pergerakan buruh supaya semua kumpu-
yang terlibat tidak akan merasa terasing. Dan mungkin
yang sama pentingnya ialah kepimpinan buruh itu mesti
fasai bahasa Melayu. Pada keseluruhannya, pemimpin-
pin Melayu tidak ada apa-apa masalah dalam perkara
tapi beberapa pemimpin Bukan Melayu yang terkenal
pergerakan ini tidak berbuat demikian. Sebahagian
ada mereka masih mengalami kesusahan untuk mema-
bahasa Melayu pasar manakala yang lain hanya berjaya
memahami bahasa Melayu pasar ini. Ini adalah
yang memalukan khususnya apabila mereka
tuai kesatuan-kesatuan sekerja yang mempunyai ramai
Melayu. Kegagalan mereka untuk bertutur dengan

baik dengan ahli-ahli mereka sendiri mempengaruhi sikap dan pandangan ahli-ahli kaum Melayu terhadap pemimpin-pemimpin mereka, dan apa yang lebih teruk, terhadap pergerakan buruh secara menyeluruh. Mereka dengan tentunya akan rasa ragu-ragu tentang penglibatan pemimpin-pemimpin ini kepada negara dan tentang kerelaan mereka untuk berbangga dengan negara ini. Malah ahli-ahli mungkin merasa diasingkan dari pergerakan tersebut. Dan lama-kelamaan ahli-ahli politik yang berkepetualangan dari luar akan menumbuhkan kecurigaan antara ahli-ahli Melayu dan pemimpin-pemimpin mereka dengan menggunakan isu-isu yang diketahui akan menimbulkan reaksi emosi.

Inilah sebabnya kenapa pemimpin-pemimpin Melayu bukan Melayu harus mempelajari bahasa Malaysia dan bahasa Melayu dengan ikhlas dan sungguh-sungguhnya. Kita sedar bahawa dari sudut pandangan daripada mereka ini tidak terdedah sedikit pun kepada bahasa Melayu semasa mereka belajar dan sebagainya. Tetapi kita berbual tentang kenyataan-kenyataan semasa. Kita harus mencari jalan lain daripada mencuba dan berikhtiar walaupun pada masa ini memang susah.

Selepas faktor kebudayaan ini diselesaikan sesuatu pemimpin yang berkebolehan akan bersedia untuk mencapai matlamat. Pertamanya ia akan mencuba dengan sedaya-upaya untuk mengekal dan memperlanjutkan orientasi sosio-ekonomi terhadap pemimpin-pemimpin mereka, dan apa yang lebih teruk, terhadap pergerakan buruh secara menyeluruh. Mereka dengan tentunya akan rasa ragu-ragu tentang penglibatan pemimpin-pemimpin ini kepada negara dan tentang kerelaan mereka untuk berbangga dengan negara ini. Malah ahli-ahli mungkin merasa diasingkan dari pergerakan tersebut. Dan lama-kelamaan ahli-ahli politik yang berkepetualangan dari luar akan menumbuhkan kecurigaan antara ahli-ahli Melayu dan pemimpin-pemimpin mereka dengan menggunakan isu-isu yang diketahui akan menimbulkan reaksi emosi.

Inilah sebabnya kenapa pemimpin-pemimpin Melayu bukan Melayu harus mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Malaysia dengan ikhlas dan sungguh-sungguhnya. Kita sedar pun kenapa

delayu semasa mereka belajar dan sebagainya. Tetapi soal tentang kenyataan-kenyataan semasa. Tiada jalan kepada mencuba dan berikhtiar walaupun perkara ini susah.

Apas faktor kebudayaan ini diselesaikan sesuatu ke- yang berkebolehan akan bersedia untuk tiga matla- tamanya ia akan mencuba dengan sedaya-upaya untuk dan memperlanjutkan orientasi sosio-ekonomi kesatuan sekerja. Ini akan menentukan bahawa dalam pergerakan ini seperti perjuangan untuk gaji- lebih menasabah dan keadaan kerja yang lebih serta pilihan pemimpin-pemimpin tidak dipandang perpektif perkauman. Ini telah merupakan satu ke- buruh di Malaysia selama ini. Walaupun suasana etnik api semua bidang, kesatuan sekerja pada umumnya berpegang teguh kepada penglibatan mereka kepada fungsi sosio-ekonomi dengan tidak dipengaruhi oleh tekanan etnik. Inilah keadaan yang sepatutnya. Oleh kerana pergerakan buruh adalah satu-satunya berbilang kaum yang penting di negara ini yang untuk menyatukan ahli-ahlinya yang berbilang atas dasar matlamat-matlamat sosio-ekonomi yang pui dikotomi-dikotomi etnik. Tetapi, berapa lama ini akan kekal adalah satu soalan yang besar.

ada pendapat saya terdapat dua ancaman yang sedang kepada penglibatan sosio-ekonomi buruh. Satu, an oleh ahli-ahli dari beberapa kesatuan untuk me- rakan-rakan mereka untuk mengundi berdasarkan pada hari mengundi kesatuan mereka masing-masing. contoh saya pernah lihat satu dokumen yang cauvi- yang diedarkan di kalangan ahli satu kesatuan sektor menggesa ahli-ahli dari satu kaum tertentu untuk sokongan pada calon dari kaum tersebut itu. Nasib indakan kejam ini telah gagal. Dua, baru-baru ini se- an persatuan-persatuan kebajikan Islam telah timbul nya dalam perkhidmatan awam. Persatuan-persatuan mana kesemua ahlinya adalah orang Islam menyediakan an-pinjaman dan bantuan-bantuan lain serta meng-

anjurkan majlis-majlis agama. Oleh kerana persatuan ini terhad kepada satu komuniti seagama dan sebahagian dari aktiviti-aktiviti mereka sama dengan satu peranan utama kesatuan sekerja, ada kemungkinan kedua mereka akan bersaing untuk mendapat kegunaan orang-orang Islam dalam perusahaan atau pekerjaan berkenaan. Lama-kelamaannya persatuan-persatuan ini mungkin mengembang menjadi 'kesatuan dalam kesatuan' keagamaan mereka mungkin akan memberi mereka kelebihan yang ketara daripada kesatuan-kesatuan lain. Ada kemungkinan besar bahawa kumpulan-kumpulan politik akan cuba menggalakkan tindakan-tindakan seperti ini. Pernah dikatakan bahawa di beberapa ketika persatuan-persatuan ini dimulakan oleh tokoh-tokoh politik luar dan gerakan buruh. Ini tidak menghairankan kerana seperti saya telah tunjukkan perbezaan-perbezaan etnik dipergunakan sebagai satu alat politik untuk mengekalkan kekuasaan kumpulan-kumpulan tertentu.

Memandangkan perkembangan-perkembangan ini, ia adalah penting untuk pemimpin-pemimpin kesatuan-kesatuan sekerja untuk memberitahu pekerja-pekerja beragama Islam bahawa mereka tidak dilarang bekerja dengan orang-orang bukan Islam dan mereka digalakkan supaya menubuhkan pertalian persahabatan. Untuk menjelaskan ini kepada pekerja-pekerja Islam pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang beragama Islam mesti bersedia dengan idea-idea hujah-hujah dari falsafah sosial Islam. Adalah sedih tetapi benar bahawa ini bukan apa yang berlaku pada masa-masa mengakibatkan ahli-ahli kesatuan beragama Islam yang tidak bersetuju dengan dikotomi etnik atau agama dalam gerakan buruh tidak berupaya membuat apa-apa bila berhadapan dengan kecenderungan-kecenderungan yang baru.

Sebenarnya kecenderungan-kecenderungan baru ini hanyalah suatu bayangan tekanan ke atas perspektif-perspektif Islam dalam masyarakat umum. Sememangnya yang telah menekankan seringkali perspektif-perspektif etnik dalam ekonomi dan politik dan malahannya masyarakat umum telah merupakan sebahagian daripada pemikiran mereka yang ber-

Merdeka. Kepada pemegang-pemegang kuasa ini ke atas Islam adalah satu lanjutan mentaliti yang hanya bawanya kaitannya hanya sedikit dengan proses nilai-nilai etika umum dalam perkembangan sosial, taburan-cabaran terhadap matlamat kerohanian dan manusia, dengan keadaan manusia. Isu-isu inilah yang kepada kecenderungan-kecenderungan tertentu dalam. Ulasan ringkas saya tentang bagaimana tekanan ke atas Islam ini bermula akan menjelaskan perkara-bezaan yang unggul antara kecenderungan baru ini dengan soalan-soalan etnik adalah dalam cara ia melakukan usaha-usaha memecah-belah dalam organisasi yang hingga sekarang tidak mengalami masalah yang timbul daripada sikap perkauman.

Malapun ada beberapa sebab untuk timbulnya penekanan ke atas Islam, hasrat untuk memelihara dan menyerikan Melayu dan kedudukan orang-orang Melayu rupanya paling mustahak sekali. Selepas kedudukan bahasa sebagai bahasa resmi yang unggul dan lebih penting sebagai bahasa pengantar yang utama dalam pendidikan diperkukuhkan melalui pindaan-pindaan perlembagaan tahun 1971 dalam satu ketika, dan melalui Dasar Pendidikan 1970 pada ketika yang lain, ia menjadi jelas bahawa bahasa ini akan hilang daya penarik emosi yang ada pada tahun-tahun enam puluhan. Tetapi politik etnik hilang dengan pertukaran-pertukaran dalam perlembagaan dan sistem pendidikan. Dasar Ekonomi Baru dengan penekannya ke atas urbanisasi orang-orang Melayu dan pengambilan orang-orang Melayu ke dalam institusi-institusi tinggi berdasarkan sistem kuota yang memberikan hak kepada kaum ini telah meninggikan kesedaran etnik. Kesedaran ini yang ternyata melalui hasrat untuk menguatkan kedudukan sosial dan ekonomi orang-orang Melayu, Islam telah muncul sebagai tanda perbahasan. Pemimpin-pemimpin buruh mesti cuba memahami perkaitan antara Islam, kesedaran Melayu dan apa yang dianggap sebagai kedudukan kaum dalam masyarakat. Atas kefahaman ini bergantunglah kebolehan mereka untuk mengatasi

kecenderungan-kecenderungan yang timbul dalam perger-
buruh.

Kerana persepsi kedudukan ekonomi dan sosial orang Melayu adalah menjadi dasar masalah ini adalah ting-
bahawa pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja men-
kan ahli-ahli mereka bahawa meninjau isu-isu dengan
menggunakan sikap perkauman tidak akan membah-
kepentingan-kepentingan masyarakat Melayu. Keyakin-
tidak terhad kepada pergerakan buruh sahaja; ia haru-
liputi seluruh masyarakat. Ahli-ahli kesatuan-kesatuan
kerja mesti berani menggunakan pendekatan tanpa
untuk menentang cabaran-cabaran sosio-ekonomi di ka-
kumpulan-kumpulan yang lain dalam masyarakat. Ka-
sumber penyakit ini adalah dalam masyarakatnya. Ka-
Selain dari ini ahli-ahli kesatuan sekerja boleh ber-
dengan kewibawaan dalam perkara ini kerana hanya
gerakan buruh boleh menuntut bahawa mereka telah me-
bulkan satu organisasi berbilang kaum yang berpegang
pada matlamat-matlamat sosio-ekonomi seperti yang
telah jelaskan sebentar tadi.

Jika kesatuan-kesatuan sekerja memilih untuk men-
bangkan kesedaran baru ini berdasarkan kepada konsep ka-
etnik tentang isu-isu sosial mereka boleh yakin bahawa
konsep tanpa etnik ini adalah sangat kuat. Malah cab-
cabaran yang paling serius yang menentang masyarakat
Melayu dalam bidang sosio-ekonomi tidak ada sebarang
kaitan dengan soal etnik. Diketahui bahawa ramai orang
layu miskin kerana memiliki harta benda yang tidak men-
tungkan. Ini adalah kerana sistem pemasaran dan kred-
kawasan-kawasan luar bandar bertentangan dengan ke-
tingan-kepentingan mereka kerana kapitalisme mengeka-
pembahagian harta dan peluang serta menghindarkan or-
orang miskin dari hasil-hasil pembangunan kerana sis-
ekonomi Malaysia pada keseluruhannya, menyediakan
gantungan kepada Barat, menolong mengekalkan kemundu-
dan pembangunan yang tidak sempurna. Juga prestasi da-
bidang pelajaran sebahagian daripada penuntut Melayu da-
kawasan-kawasan tertentu dan dalam mata pelajaran-mata

seperti sains tulen dan fizikal, rupanya lebih lemah dibandingkan dengan pelajar-pelajar bukan Melayu. Ini kerana pelajar-pelajar Melayu menghadiri sekolah yang tidak mempunyai kemudahan, guru, dan peralatan yang sederhana belaka. Kekurangan orang-orang dalam bidang perniagaan dan industri juga akibat satu ekonomi yang berdasarkan kepada modal — iaitu satu yang pada teorinya bebas daripada masalah perkauman. Dengan perkataan yang lain apakah perhubungan perkauman dan rasuah atau kehalobaan sosial ataupun eksploitasi? Misalnya rasuah adalah satu masalah berbilang kaum di Malaysia. Terdapat orang-orang Melayu dan bukan Melayu melakukan rasuah dan juga ada orang-orang Melayu dan bukan Melayu yang bersih. Begitu juga dengan mangsa akibat rasuah yang terdapat di kedua-dua belah pihak. Eksploitasi juga tidak ada rintangan-rintangan kaum yang diperhatikan oleh Ungku Aziz 20 tahun yang lalu. Kedua-dua kumpulan — mereka yang melakukannya dan mereka yang menjadi mangsa kepadanya — terdapat di dalam semua kaum yang melakukan eksploitasi itu tidak bersimpati kepada ahli kaumnya sendiri kerana mereka menganuti agama yang sama atau bertutur dalam bahasa yang sama. Adakah orang Melayu yang berbangsa India itu kurang tamak dengan simpati terhadap Indianya?

Kefahaman kenyataan-kenyataan sosio-ekonomi seperti ini yang pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja mesti cuba menanamkan dalam semua lapisan masyarakat. Selepas sahaja masyarakat mula memikirkan begini, hal mengekalkan organisasi berbilang kaum yang berdedikasikan kepada matlamat-matlamat sosio-ekonomi akan menjadi lebih senang. Melalui Suara Buruh dan lain-lain risalah selain daripada majalah, seminar dan ceramah harus digunakan untuk maksud ini. Institut Pendidikan Sosial jika ianya dapat ditubuhkan — ia adalah pertubuhan yang bertujuan untuk mendidik pekerja dalam isu-isu sosial dan masalah-masalah yang kekal — institut juga digunakan untuk tujuan ini.

Saluran komunikasi yang sama boleh digunakan untuk tujuan yang kedua yang memerlukan satu kepemimpinan

buruh yang berkebolehan dalam keadaan berbilang. Matlamat ini berkaitan dengan tujuan menubuh dan meluaskan nilai-nilai moral dan sosial yang bersama diterima oleh semua kaum di Malaysia. Bahawasanya nilai tersebut wujud haruslah jelas kepada sebarang analisa yang tajam kepada kejadian-kejadian di negara Kita boleh bermula dengan perkara-perkara yang mudah. Dalam beberapa hal, warganegara Malaysia telah menaruh 'rintangan-rintangan' makanan. Orang Melayu gemar makan 'koay teow' dan 'bee hoon' seperti juga orang Cina makan 'chapati' dan 'thosai' dan orang India pula makan 'satay' dan 'chap chai'. Tidak ada sebarang arahan resmi tentang makanan; malah tidak ada dasar kerajaan tentang makanan. Proses penyatuan kebudayaan dalam bidang makanan adalah hasil daripada kebebasan bergaul antara kaum yang membolehkan mereka belajar tentang warisan makanan kaum-kaum lain. Pengujudan perkataan-perkataan metafora Inggeris yang bersifat 'Malaysia' adalah gabungan yang harmonis. Gabungan ini bersifat 'Malaysia' dan ini juga hasil daripada proses yang sama. Ada beberapa gejala yang lain dalam kebudayaan-kebudayaan yang berlainan yang menolong menonjolkan keistimewaan dalam kesamaan-kesamaan daripada perbezaan-perbezaan kebudayaan kita. Gejala ini tidak diberi kemuliaan yang sesuai. Misalnya semua kaum di Malaysia menganggap institusi keluarga sebagai satu institusi yang sangat penting sebagai satu unit asas dalam masyarakat. Dalam semua kebudayaan ibu-bapa, orang-orang tua, dan orang-orang berpelajaran diberi penghormatan yang tinggi. Kesemua kebudayaan kita menegaskan perlunya tanggungjawab terhadap menjaga orang-orang sakit dan cacat sebagai suatu aspek penting dalam etika sosial. Suatu penyelidikan yang mendalam tentang beberapa aspek agama Islam, kebudayaan Cina dan falsafah Hinduisme akan menunjukkan bahawa kesemuanya mengutuk rasuah dan kehalobaan sosial, melarang kebendaan yang berlebihan, menganjurkan sifat kesederhanaan dan mempertahankan dengan setinggi-tingginya konsep moral umum. Nabi Muhammad telah berkata bahawa si pemberi penerima dan orang tengah yang terlibat dalam rasuah

nya dikutuk; Meng-Tse, ahli falsafah Cina yang telah memberi amaran kepada raja-raja tentangnya memuaskan nafsu dalam rasuah. Ahli fikir India, juga telah menasihatkan raja-raja dalam menentang

belum sesuatu kesatuan sekerja boleh menyibarkan sosial yang bersama seperti ini pemimpinnya mesti dan memahami idea-idea ini. Kesatuan sekerja yakin bukan sahaja dengan kebenaran tetapi juga mempraktikkan idea-idea ini. Ini merupakan satu masalah kebanyakan kesatuan sekerja. Kerana latarbelakang mereka yang tidak memberi perhatian yang kepada tradisi-tradisi Asia dan kerana suasana mereka tidak mengaitkan tindakan-tindakan dan matlamat dengan nilai-nilai etika yang dipetik kebudayaan mereka sendiri, ahli-ahli kesatuan sekerja menghargai makna pendekatan 'nilai bersama' yang ariskan di dalam esei ini. Ini juga satu daripada sebabnya mengapa mereka tidak sedar tentang potensi matlamat yang saya akan analisis sebentar lagi. Pemimpin kesatuan sekerja mesti mengambil berat tentang keperluan-keperluan keagamaan atau kebudayaan ahli-ahli. Perayaan keagamaan atau kebudayaan mesti diberi oleh kesatuan-kesatuan sekerja. Biasanya buruh lupa meraikan 'Hari Buruh' dan kerana kesatuan wujud dalam suatu masyarakat yang berbilang kaum mesti juga memperingati perayaan keagamaan dan perayaan yang lain. Apakah salahnya jika kesatuan-kesatuan menganjurkan suatu ceramah atau forum pada hari Maulid Nabi atau Hari Wesak atau Hari Deepavali Tahun Baru Lunar ataupun Hari Natal? Pekerja-pekerja menganuti agama-agama lain harus dijemput untuk hadir majlis-majlis ini. Ada banyak faedah yang boleh melalui cara ini. Pertamanya, ia mendedahkan pekerja di Malaysia kepada nilai-nilai dan kepercayaan-kepercayaan keagamaan dan kebudayaan kaum-kaum yang. Keduanya, ia boleh menolong meninggikan antara kaum pada setakat tertentu yang mungkin hasilkan persefahaman dan harmoni yang lebih erat.

Ketiganya, persefahaman ini boleh digunakan untuk menjadkan perpaduan antara pekerja-pekerja dalam perjuang untuk mempertingkatkan keadilan sosial. Keempat sebagai hasil daripada fungsi tersebut pekerja-pekerja Malaysia, yang pada umumnya sedar akan tradisi keagamaan dan kebudayaan mereka, mungkin akan merapatkan tali persahabatan yang lebih mendalam kepada persatuan sekerja. Dan akhirnya, ini adalah suatu pendirian yang akan menghapuskan sebarang hujah yang mengemukakan bahawa persatuan-persatuan kebajikan orang Islam itu kerana tiada cara lain untuk menganjurkan perayaan-perayaan Maulid Nabi atau Hari Raya.

Saya selalu berkata bahawa jika pergerakan kesekerja betul-betul ingin menjalankan aktiviti-aktiviti yang mengikut cara-cara yang telah saya sebut di atas, ia bersedia untuk menggalakkan badan-badan gabungan untuk menubuhkan apa yang saya panggil biro-biro dan unit urusan keagamaan dan kebudayaan secepat mungkin. Sesungguhnya Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MKS) harus mengadakan biro seperti ini. Tujuan utamanya adalah untuk mengelolakan fungsi-fungsi yang telah saya sebut di atas. Selain daripada ini ia boleh menjalankan penyelidikan atas nilai-nilai kebudayaan dan sosial dan lebih khusus tentang pertalian antara Islam dan agama-agama lain dan peranan agama masakini dan masa depan dalam suatu masyarakat yang berbilang agama seperti Malaysia. Biro seperti pada pendapat saya sama pentingnya kepada pergerakan kesatuan sekerja dengan, misalnya, biro yang lebih khusus seperti biro pelajarannya.

Walau bagaimanapun satu biro pelajaran merupakan bahagian yang lebih beriktiraf dalam perkembangan pekerja buruh moden dan ahli-ahli kesatuan kita memang mengahui benar akan fenomena ini. Di sebaliknya kesatuan-kesatuan di Eropah Barat menjauhi diri dari biro seperti ini dalam urusan keagamaan dan kebudayaan ini. Kononnya apa yang mereka menganggap sebagai tidak penting dianggap tidak penting juga kepada kita! Ini adalah mentaliti pergerakan kesatuan sekerja di Malaysia dan di beberapa negara Dunia Ketiga.

meniru konsep, falsafah, dan amalan pergerakan kesekerja di Eropah Barat dengan cara terburu-buru dan ragu-ragu. Bukti-bukti psikologi seperti ini memang ia meliputi perhubungan antara buruh dan modal, dengan penglibatan mereka dalam isu-isu luar bandar dan cara hidup individu dalam kesatuan. Semen- beberapa daripada sikap-sikap ini boleh dipertahankan, yang masih kekal adalah bahawa relevannya suatu atau dasar harus ditentukan dengan menggunakan penilaian yang berotonomi dan bebas atas keadaan dan sosial individu itu. Ketiadaan satu penilaian ini ketara dalam kes agama. Pergerakan Kesatuan Se- Eropah Barat timbul dalam suasana sekular apabila agama Kristian, khususnya di kalangan kelas-kelas mulai merosot. Pergerakan kesatuan sekerja, seperti sosialisme, yang telah wujud sebagai suatu reaksi kepada isme dan Gereja (dalam beberapa kes), dengan cepat memperkukuhkan sifat tanpa agamanya itu. Pada keselu- nya aspek personaliti kesatuan keseluruhannya telah Di Asia pula agama mempunyai sejarah yang lain. Ia rapat dengan revolusi-revolusi nasionalisme. Semen- agama telah digunakan untuk mengesahkan kuasa raja- mungkin lebih benar kalau kita katakan bahawa ia akan suatu tuntutan dalam perjuangan menentang isme dan penguasaan asing. Di kebanyakan tempat di an Afrika agama masih menjadi bantuan kepada pem- dan pembaharuan yang kesatuan-kesatuan sekerja kong — seperti juga ia kadang-kadang menjadi pem- kepada kemunduran dan konservatisme. Oleh kerana ialah bahawa agama memang mempunyai nilai potensi satu daripada asas keadilan. Soalnya ialah cara ia di- dan aspek-aspek yang ditekankan. Tetapi ini hanya diusahakan oleh mereka yang sedar bahawa Malaysia nyai identitinya sendiri dan oleh kerana ini mereka harus meniru model-model asing dengan tidak menun- sebarang penghargaan kepada impak sejarah.

laka fikiran yang bebas juga menjadi prasyarat untuk tiga matlamat yang akhir yang saya telah syorkan. yang diberikan kepada kepimpinan pergerakan kesatu-

an sekerja memangnya besar. Ia bukan hanya hal satu peranan dalam masyarakat berbilang kaum. S penganalisaan kita telah menunjukkan, buruh ditent cabaran dalam melahir dan menghidupkan evolusi masyarakat berbilang kaum yang betul-betul han Tetapi ia tidak boleh mengharapkan kejayaan yang malah mereka mungkin tidak akan menerima sok simpati yang sememangnya mereka patut terima bagaimanapun ia tidak boleh mengundur diri atau ber la tidak boleh menyerah diri atau mengaku kalah. Ini kerana dalam perjuangannya terletak harapan pada depan mereka yang tinggal pada masakini.

Dr. Chandra M
Pr

Mei, 1979

MASA DEPAN PERSATUAN-PERSATUAN BURU (Ringkasan Ucapan)

Gerakan Persatuan Buruh di Malaysia amat m pada masakini. Beberapa sebab yang mengakibatkan k ini dapat diperturunkan:

- a) 'Kesedaran etnik' lebih meluas dari 'kesedaran pada masa ini dibandingkan dengan masa dulu. K an etnik ini menghalang pengujudan kesedaran Selagi suasana ini berkekalan, gerakan persatuan tidak mempunyai harapan menjadi teguh.
- b) Teman yang dominan dalam pemerintahan B Nasional - UMNO - mendapatkan kuasanya dan kawasan luar bandar. Persatuan-persatuan buruh banyak tertumpu ke bandar. Bagi persatuan-pert yang mempunyai hubungan dengan kawasan desa pertalian ini tidak penting bagi perhitungan UMNO. Umpamanya, NUPW adalah organisasi berdasarkan luar bandar atau separuh desa, tetapi tidak ada kepentingan terhadap keteguhan keselu politik UMNO.

Seharian besar buruh sendiri masih tinggal tanpa berorganisasi. Ini melumpuhkan lagi kedudukan buruh yang lemah ini. Kedua-dua faktor, undang-undang yang mengkongkong dan politik 'puak' di dalam Pergerakan Persatuan Buruh menjejaskan aktiviti persatuan ini berkesan.

Pemerintah tidak pro-buruh. Malah, rekod undang-undang dan lebih penting lagi layanan buruk yang diberikan kepada ketidakpuasan yang dibangkitkan oleh buruh menunjukkan bahawa parti pemerintah berazam menghalang kemunculan pergerakan buruh yang kukuh. Pergerakan buruh yang dapat diterima ialah pergerakan yang lemah dan tanpa bersemangat. Ini disebabkan bahawa kecenderungan ekonomi pemerintah ialah ke arah kapitalisme. Pelaburan individu, keuntungan, pertumbuhan dan perkembangan pemasaran adalah lebih penting kepadanya daripada kebajikan buruh yang memerlukan penganalisaan akhirnya ialah kebajikan orang-orang ramai. Selagi parti pemerintah berpegang teguh kepada kearah ekonomi sekarang, pergerakan persatuan buruh akan tetap lumpuh.

Malaysia, dalam beberapa tahun ini, pihak utama dalam UMNO nasional khususnya telah bertambah khuatir terhadap perubahan-perubahan yang sedang berlaku dalam pergerakan buruh. Oleh kerana kuasa buruh semakin bertambah lebih kemelayuan dan dengan bertambah ramainya penyertaan orang Melayu dalam pergerakan persatuan buruh, kumpulan elit UMNO mula bimbang bahawa buruh Melayu juga akan mengujudkan sikap kritikal terhadap pimpinan nasional. Tindakbalas yang keras terhadap AEU bulan Februari tahun ini adalah satu bukti keraguan ini.

Pemimpin Pergerakan Persatuan Buruh juga bertanggungjawab terhadap kelemahan pergerakan sekarang ini. Nampaknya ianya tidak mampu memberi bimbingan, arahan dan erti kepada pergerakan buruh dalam keadaan yang makin bertambah amat sukar. Satu tahap kelemahan kecenderungan politik dan sosial dan perse-

fahaman dengan gabungan-gabungan dan pekerja biasa adalah apa yang amat diperlukan pada masa

- g) Akhirnya, oleh kerana ketidakberkesanan umum an persatuan buruh, tenaga buruh juga kurang percayaan terhadap Persatuan Buruh amnya. Kata lain, ketidakberkesanan membawa kepada ketidakberkesanan. Jika Persatuan-persatuan dapat membuktikan kesan-kesan yang nyata, tentu buruh-buruh yang tanpa beroganisasi ini nyertai persatuan. Oleh sebab keadaan sekarang diakibatkan oleh semua faktor di atas tidak men kan persatuan-persatuan bergerak dengan berkes lah diragui jika mereka dapat mencapai apa-apa masa depan.

Sungguhpun begini, saya tidak percaya bahawa per tah akan cuba meluputkan gerakan Persatuan Buruh. Seperti Parlimen yang akan kekal untuk tujuan men kan bayangan demokrasi, begitu juga persatuan Buru lemah akan dibenarkan berlanjutan.

Betapa besarnya halangan-halangan, adalah tugas bagi buruh dan pemimpin-pemimpin mereka memperkukuhkan gerakan ini. Dalam masa 10 atau 20 akan datang, beberapa perubahan sosial yang tidak dielakkan akan memberi peluang memperkuat golongan buruh.

- a) Dengan bertambah majmuk bilangan buruh kesedaran etnik akan hilang genggamannya sek ini. Ini tidak berlaku serta merta kerana generasi tua buruh — dan orang-orang Melayu yang sekam bekerja dalam firma-firma dan kilang-kilang perub kebanyakannya ialah generasi pertama — dalam di mana masyarakat lain adalah dominan, akan membuktikan kesedaran etnik yang kuat buat sero waktu. Ini lebih-lebih lagi benar kerana buruh M dipaksa merasa bahawa oleh sebab kuota etnik yang disediakan oleh pemerintah di bawah NEP, m memperoleh keadaan sekarang. Akan tetapi, propo seperti ini akan hilang kesannya dengan muncul

generasi baru dan dengan bertambah tetapnya pergerakan buruh Melayu di bandar. Kemudiannya mereka sedar bahawa adanya perbezaan dan pemisahan di dalam masyarakat mereka, di antara orang kaya dan miskin. Dalam keadaan sebegitu, gerakan buruh perlahan-lahan akan mula wujud.

Keadaan ekonomi Malaysia dalam delapan puluhan begitu cerah. Dengan bertambah kurangnya kadar pengangguran, dengan bertambah nyatanya peningkatan, kekurangan kenaikan pangkat dan lain-lain kesan ekonomi buruk, maka akan wujudnya kerelaan mengkaji buruh dari perspektif sosio-ekonomi. Ini akan menolong gerakan buruh.

Apatah lagi sama ada gerakan buruh akan mendapatkan keadilan dari perubahan-perubahan ini atau tidak bergantung kepada kepimpinan mereka, selain dari faktor-faktor berkenaan dengan kepimpinan, sifat yang terpenting yang mesti diperolehi dalam keadaan baru ini ialah kerelaan menentang sebarang tawaran dari majikan pemerintah.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

Mei 1979

PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA – PERANANNYA DALAM MENEGAKKAN PERPADUAN NASIONAL DAN PEMBANGUNAN

(Ringkasan Ucapan)

Jelaslah bahawa pergerakan kesatuan sekerja belum mengamalkan falsafah perpaduan atau falsafah pembangunannya. Kenyataan di sana-sini mengenai perpaduan dan pembangunan bukanlah dimaksudkan dengan falsafah. Sebarang falsafah biasanya mengandungi konsep-konsep yang jelas, matlamat-matlamat, cara-cara mencapai matlamat-matlamat tersebut, dan fahaman-fahaman tentang manusia

dan masyarakat yang ada di sebalik konsep, cara dan mat tadi.

Bukan tujuan saya menggariskan falsafah per untuk kesatuan sekerja. Itu adalah tanggungjawab ke sekerja sendiri. Akan tetapi saya dapat mengesyorkan berapa ciri-ciri perpaduan yang harus diberi pertimbangan a) Kepercayaan kepada Tuhan, sebagai konsep yang me kan penganut-penganut semua agama. b) Penerimaan dap kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Keb dan Islam sebagai agama rasmi di samping menjaga l tingan-kepentingan yang sah bahasa-bahasa dan agama- yang lain. c) Kebudayaan nasional yang berteraskan nilai yang murni yang boleh diterima oleh semua d) Sistem politik yang tidak membeza-bezakan antara tetapi menjamin hak politik yang sama kepada anggota masyarakat. e) Sistem ekonomi yang tidak me bezakan berdasarkan kaum tetapi melindungi keper semua anggota masyarakat terutamanya golongan yang

Bagaimana pula dengan falsafah pembangunan? bangunan tidak bermakna pengeluaran kasar negara (National Product) yang tinggi atau pendapatan per (per capita income) yang membanggakan semata Masyarakat yang telah membangun adalah masyarakat mana: a) tiap-tiap anggotanya disediakan segala kepe asas — pekerjaan, rumah, makanan, pakaian, pelajaran, dahan-kemudahan perubatan dan sebagainya, b) tiada wan dan tiada yang miskin, kebanyakan anggotanya cara sederhana walaupun ada perbezaan-perbezaan pen an berdasarkan kebolehan yang berbeza, c) rakyat benar terlibat dalam proses membuat keputusan-kepe politik dan dapat menyuarakan pendapat-pendapat n tanpa sebarang ketakutan, d) tiap-tiap individual mengasah bakat dan mencapai keupayaannya teruta dalam bidang kebudayaan dan intelek, e) unsur-unsur yang berkekalan seperti agama, perkahwinan, keluarga mat pada ibu-bapa diberi perlindungan, f) manusia menggunakan teknologi dengan cara yang matang sup tidak menjadi hamba kepada jentera-jentera yang dib

tidak hilang nilai-nilai yang baik yang ada padanya teknologi, g) manusia dapat menjalin perhubungan harmonis dengan alam semulajadinya supaya dia tidak mangsa pada pencerobohan-pencerobohan pada alam ini yang sedang berlaku, h) segala nilai yang murni berteraskan Tuhan seperti kebenaran, keadilan, kebebasan, perpaduan, kasih-sayang, belas-kasihan, dan sebagainya menjadi prinsip-prinsip hidup yang baik dan sifat-sifat yang buruk seperti materialisme, individualisme yang melampau, penindasan, rasuah, rasuwa, dan sebagainya dapat dibenteraskan.

dua falsafah perpaduan dan pembangunan yang ada di sini hanya dapat dicapai melalui perubahan politik dan pendidikan sosial yang akan mengambil kira kerana beberapa konsep yang termaktub dalam perpaduan dan pembangunan ini melibatkan sikap manusia, sudah tentu perubahan masyarakat dan politik yang diinginkan harus diusahakan melalui proses demokrasi. Sebenarnya tiada jalan lain untuk menamatkan perpaduan dan pembangunan.

pasti, falsafah perpaduan dan pembangunan yang ada di sini bertentangan dengan beberapa konsep yang diperjuangkan oleh golongan yang memerintah yang pembangkang. Tetapi sekiranya kesatuan sekerja benar percaya pada garis-garis panduan yang dikemukakan kertas-kerja ini, mereka akan cuba mempertahankan prinsip mereka walaupun menerima tentangan hebat dari sudut.

menandakan anggapan bahawa garis-panduan ini sesuai untuk kesatuan sekerja, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menegakkan falsafah perpaduan dan pembangunan yang didukung mereka? a) Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja mesti berusaha menyebar dan memasyurkan falsafah ini di kalangan ahli biasa. Seminar, forum, bengkel, dan sebagainya diorganisasikan untuk tujuan ini. Yang dimaksudkan adalah sahaja menerangkan konsep-konsep akan tetapi juga menunjukkan kepada ahli-ahli bagaimana keadaan yang berbeza berbeza daripada cita-cita yang termaktub

dalam falsafah kesatuan sekerja. Ini memerlukan pemimpin kesatuan yang berani, jujur dan bijak. b) daripada itu, jentera kesatuan sekerja juga mesti semula. Setakat ini, kesatuan sekerja belum membahagian yang khusus kepada masalah perpaduan bahagian mesti diberi tugas mengelola dan menyelia rancangan-rancangan perpaduan. Sebagai contoh, penyertaan yang ilmiah harus diadakan untuk menyiasat sikap pekerja dalam soal-soal yang bersabit dengan perhubungan kaum. Melalui penyelidikan ini kita dapat mengetahui unsur positif dan negatif dalam sikap mereka. Selepas prasangka dan syak-wasangka boleh dibetulkan. Penting bahagian perhubungan kaum dalam kesatuan boleh mengambil tindakan atas kes-kes diskriminasi berdasarkan kaum. Ini adalah satu masalah yang rumit harus diperhatikan dari sekarang kerana komposisi pekerja kilang-kilang dan firma-firma sudah mula berubah. Kaum pun sudah ada dakwaan-dakwaan dari pihak-pihak tentang perbezaan gaji berdasarkan kaum dan sebagainya. Kalau keadaan ini dibiarkan, keutuhan pergerakan kesatuan sekerja akan terjejas. Itulah sebabnya kesatuan sekerja menitik-beratkan penubuhan bahagian perhubungan kaum. c) Dalam bidang pembangunan pula, kesatuan harus mengkaji semula kegiatan-kegiatan ekonominya bertentangan dengan falsafah pembangunan yang dibincangkan di sini. Pada hemat saya, penglibatan kesatuan dalam pelaburan-pelaburan swasta dan awam yang dapat memperkuat kedudukan ekonomi kebanyakan ahli yang miskin akan memesongkannya daripada tujuan asalnya. Melalui kegiatan-kegiatan ekonomi kesatuan sekerja akan menjadi sekutu dalam pakatan yang mempunyai matlamat-matlamat yang bertentangan dengan falsafah pembangunan kertas kerja ini.

Apakah alternatif kepada keadaan ini? Pergerakan kesatuan sekerja harus menimbang kemungkinan menubuhkan syarikat kerjasama yang besar, dan kukuh, yang merangkul semua kesatuan-kesatuan sekerja yang ada. Syarikat sama ini mesti diuruskan mengikut prinsip utama syarikat kerjasama — yaitu sebagai perkhidmatan kepada ahli-ahlinya.

berpendapat syarikat kerjasama sedemikian boleh
menjadikan kedai-kedai di seluruh negara yang menjual
barang keperluan kepada ahli-ahlinya dengan harga
murah. Ini adalah kerana syarikat kerjasama yang besar,
dikongkong oleh beribu-ribu ahlinya mampu membeli
barang daripada pengeluar-pengeluar dan pengedar-
pengedar. Perkhidmatan inilah yang saya maksudkan — satu
perkhidmatan yang pasti membawa menafaat kepada
ahli biasa dalam keadaan inflasi ini.

Daripada penubuhan kedai-kedai, syarikat kerja-
sama dicadangkan itu boleh membina rumah-rumah
untuk ahlinya dengan harga yang murah.

Apa yang saya sedar bahawa sudah ada syarikat-syarikat kerja-
sama yang diuruskan oleh kesatuan-kesatuan sekerja tertentu
untuk membuat rumah untuk ahlinya. Tetapi, apa yang disyor-
okkan ini ialah syarikat kerjasama yang meliputi semua
ahli. Syarikat kerjasama, anjuran pergerakan
sosial, telah dicuba di negara-negara seperti Swe-
den dan Denmark. Di Malaysia, bank buruh adalah satu
kesatuan yang melibatkan tenaga beberapa kesatuan
sekerja. Sudah pasti, syarikat kerjasama akan membawa
manfaat lebih kepada ahli biasa daripada bank. Tetapi, seper-
tanya dibuktikan oleh peristiwa bank buruh, yang penting
dalam menjayakan sesuatu usaha ialah pengurusan yang
baik dan jujur.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

1979.

KESATUAN SEKERJA DAN POLITIK

(Ringkasan Ucapan)

Kesatuan sekerja tidak harus menyertai politik kepar-
tisan kerana politik kepartian dikuasai oleh unsur-
perkauman. Sekiranya kesatuan sekerja memasuki ge-
ran politik kepartian pada saat ini, ia akan tenggelam
dalam perkauman. Lebih baik jika kesatuan sekerja

cuba mengurangkan perkauman dalam politik melalui pendidikan sosial yang hanya dapat dilangsungkan di gelanggang politik kepartian.

Adalah menjadi tanggungjawab kesatuan sekerja dididik ahli-ahlinya dalam semua persoalan yang penting bagi masyarakat. Setakat ini, belum ada rancangan pendidikan yang sistematik, yang teratur, yang berdasarkan falsafah yang jelas dan ditujukan pada matlamat-matlamat yang jitu. Ceramah dan seminar dianggap sebagai kegiatan semata-mata tanpa suatu konsepsi tentang pendidikan dan maklum-balas yang lebih luas. Pendidikan sosial pekerja tidak diberi keutamaan oleh kepimpinan kesekerja.

Untuk mencapai matlamat pendidikan sosial, yang paling berkesan yang boleh diambil oleh kesekerja ialah membentuk sebuah Institut Pendidikan. Institut ini boleh mengendalikan kursus-kursus untuk kerja-pekerja sepanjang masa kerana ia adalah badan tetap. Penilaian dan rancangan-rancangan lanjutan boleh diadakan. Sebahagian besar daripada pekerja-pekerja kini dididik melalui cara ini. Dua tahun dulu saya telah membangkang satu kertas-kerja tentang pembentukan ini kepada kepimpinan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Sekiranya Institut ini tidak dapat ditubuh, kepimpinan MTUC patut memperkuat biro-biro penyelidikan pendidikan yang sedia ada. Siswazah-siswazah sekolah — yang antaranya menghadapi masalah pengangguran — boleh bekerja di biro-biro ini. Ada beberapa masalah harus dikaji dan diselidiki oleh biro penyelidikan kesekerja dari perspektif buruh.

Pada hemat saya, ada lima soalan utama yang dijadikan bahan penyelidikan: a) Apakah kesan-kesan terhadap golongan pekerja? b) Apakah kesan-kesan perumahan terhadap golongan pekerja? c) Komposisi bandar sedang berubah : apakah kesan-kesannya terhadap perhubungan kaum di firma-firma dan kilang-kilang? d) Apakah kesan 'pergerakan dakwah' terhadap pekerja-pekerja?

dan pekerja-pekerja yang lain amnya? e) Adakah gaji pekerja bertambah baik, kekal seperti biasa atau terus dinaikkan dibandingkan dengan keuntungan yang dicapai oleh firma dan industri-industri sejak permulaan perindustrian?

Apakah kesatuan sekerja sanggup mengkaji persoalan-persoalan penting dengan cara mendalam sudah pasti ia dapat memahami kepentingan kaum buruh dengan lebih berkesan.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden.

UNDANG-UNDANG BURUH DAN PERLUNYA KEUTUHAN PERGERAKAN PEKERJA

(Kenyataan Akhbar)

Memandang berat cadangan-cadangan bagi undang-undang buruh yang dikemukakan baru-baru ini oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat di suatu mesyuarat bersama Penasihat Buruh Kebangsaan. Cadangan-cadangan sedemikian tidak hanya melibatkan secara langsung kerajaan, majikan dan pergerakan pekerja tetapi mempunyai kesan ke atas seluruh proses pembangunan negara ini. Oleh itu, implikasi-implikasinya adalah amat besar bagi masyarakat Malaysia.

Ini menghairankan bahawa cadangan-cadangan itu mengalami upacara-upacara perundangan yang tergesa-gesa dan dibentangkan di Parlimen. Berdasarkan tujuan bagi "mengadakan suatu imbalan saksama setakat mungkin di antara kepentingan majikan dan pekerja, serta kepentingan negara", haruskah tujuan itu ditundukkan kepada kemudahan sesi Parlimen yang akan datang ini? Kepantasan begitu tidak berapa jelas, dan keadaan ini tidak mewajibkan tindakan perundangan yang tergesa-gesa kerana pindaan-pindaan dikatakan telah lama berlaku, maka sudah tentu itu lebih memerlukan pertimbangan yang cermat menurut peraturan-peraturan rundingan.

Undang-undang buruh perlu dikaji dalam perspektif luas kebebasan-kebebasan asasi yang termaktub dalam Perlembagaan kita. Walaupun sekatan-sekatan diperlukan dalam konteks negara membangun, namun hakisan satu lagi kebebasan individu hendaklah dipertahankan oleh keperluan mengatasi masalah serius yang menghadapi kepentingan negara. Kebebasan berpersatuan telah dijamin kepada kesatuan-satuan sekerja bagi membantu kebajikan dan pertumbuhannya serta membolehkan kaum buruh memberi sumbangan terhadap kemajuan ekonomi negara. Perundangan ketat dan mengawasi aktiviti yang mengancam kebaikan awam terdapat dalam undang-undang tidak seharusnya menyekat perkembangan keutuhan suatu pergerakan pekerja yang boleh menawarkan sumbangan-sumbangan positif terhadap kemajuan ekonomi negara.

Aliran merasa bimbang tentang masa depan suatu kumpulan penting dalam masyarakat Malaysia yang dihadapi oleh kiaman banyak undang-undang yang mungkin membantut keutuhannya dan memusnahkan kesannya. Ketika negara menikmati kemajuan ekonomi, bukankah sepatutnya hak pekerja juga sama-sama diperbaiki?

Perhubungan perusahaan di negara kita boleh dikatakan aman, dan hubungan antara majikan dan pekerja telah menjadi merupakan ancaman merbahaya kepada keselamatan negara dan ketenteraman awam. Undang-undang yang mencetus wujud bagi mengawal sebarang ancaman-ancaman dan mencegah daripada bangkitnya aktiviti-aktiviti anti-nasional. Pindaan kepada undang-undang itu dianggapkan perlu, dan seharusnya menjamin dan membolehkan kemajuan bukan membantut pertumbuhan-pertumbuhan pergerakan pekerja. Walau bagaimanapun, sekiranya wujud kelemahan dan kecacatan-kecacatan dalam pergerakan sendiri yang dianggap bertentangan dengan suasana ekonomi yang harmonis, maka galakan dan perangsang patut diberikan demi mengubati dan menghapuskan kelemahan-kecacatan dari dalam pergerakan itu sendiri. Dengan pergerakan pekerja dapatlah memainkan peranan kemasyarakatan yang lebih positif dan kepimpinan serta anggota

nya akan lebih lagi berdedikasi serta berkewajipan kepada kebaikan awam. Kawalan undang-undang dan disiplin yang lebih ketat tidak semestinya merupakan jalan kepada setiap masalah.

Aliran mempercayai bahawa matlamat keadilan sosial dapat dicapai secara membina melalui perbincangan cermat dan teliti di meja perundingan dalam suasana saling hormat-menghormati serta persefahaman. Hanya dengan cara itu tindakan perundangan selanjutnya benar-benar mencerminkan interaksi harmonis di antara kuasa-kuasa sosial berbilang. Tekanan ke atas atau oleh mana-mana pihak yang tidak berfaedah untuk memupuk suatu peranan yang lebih bermakna lagi bagi suatu kumpulan penting masyarakat kita dalam proses pembangunan dan pembentukan negara.

Februari 1980.

Azmi Khalid
Ahli Jawatankuasa.

PERGERAKAN KESATUAN SEKERJA DALAM TAHUN-TAHUN 80AN

(Ringkasan Ucapan)

Adalah nyata bahawa pergerakan Kesatuan Sekerja akan dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan sosial yang berlaku di dalam tahun-tahun 80an. Perkembangan yang akan mendatangkan kesan besar terhadap pergerakan itu adalah seperti berikut.

Perlanjutan strategi pembangunan di mana pemerintah akan menekankan permodalan swasta asing sebagai asas ke program industrialisasi kita. Oleh kerana motivasi politik kapitalisme swasta ialah mendapatkan keuntungan sebanyak yang boleh, pihak pemerintah akan menentukan syarat-syarat para pekerja berkelakuan baik agar pemodal-pemodal akan berminat. Ini bermakna lebih banyak sekatan akan diadakan terhadap pergerakan kesatuan sekerja. Bentuk-bentuk tindakan lain akan menjadi penting dalam masa-masa akan datang.

Bagaimanapun, strategi pembangunan pemerintah yang mungkin masih menerbitkan pembangunan ekonomi tidak akan dapat merapatkan jurang di antara kaya dan miskin. Bagi pekerja di dalam ekonomi kapitalis, perbezaan pendapatanlah yang membuahkan permintaan gaji yang lebih baik. Ini adalah kerana gaji yang baik adalah perlu untuk menghadapi kenaikan kos hidup yang tidak dapat dielakkan dalam kapitalisme dan juga untuk membeli segala barang dan perkhidmatan yang wujud di dalam masyarakat yang berorientasikan kepenggunaan. Oleh kerana kapitalis swasta maupun pihak pemerintah yang tidak boleh memenuhi permintaan yang tidak kehabisan terhadap gaji yang baik, hanya ada pilihan saja yang wujud iaitu mengawal segala bantahan dari pihak pekerja. Jadi, kritikan dan perbezaan pendapat akan menghadapi sekatan yang lebih besar. Hal ini juga akan menyentuh sebahagian masyarakat yang kurang bernasib baik secara keseluruhannya kerana strategi pembangunan masa kini sudah tentu membentuk jenis ketidakadilan yang membukakan penentangan.

Selain dari strategi pembangunannya, pendekatan pemerintah kita terhadap hubungan kaum akan juga mempengaruhi pergerakan Kesatuan Sekerja. Oleh kerana kebanyakan masalah sosio-ekonomi dilihat dari segi perkauman, pekerja-pekerja sudah mula memandangi isu-isu buruh yang mudah dari sudut perkauman. Malah kesedaran Bumiputra — bukan Bumiputra di dalam pergerakan pekerja sudah menjadi-jadi. Ini akan hanya menghasilkan polarisasi di dalam pergerakan pekerja di masa akan datang.

Kebangkitan "Dakwah" juga boleh memperhebatkan polarisasi di kalangan pekerja. Ini adalah kerana kebanyakan orang Muslim adalah Melayu manakala kebanyakan orang bukan Muslim adalah bukan Melayu. Oleh sebab pergerakan dakwah secara umum telah gagal dalam menekankan perihaknyanya menjangkau batasan kaum dan agama, apa yang boleh kita anggap ialah pengukuhan sentimen kaum. Kumpulan-kumpulan pembangkang tertentu — dan bukannya pemerintah — yang bertanggungjawab terhadap situasi

...mungkin akhirnya mengakibatkan penubuhan Kesatuan-
Islam di dalam pergerakan pekerja.

Apabila polarisasi dan penekanan bertambah, beberapa
dan golongan yang dahagakan kuasa dalam pergerakan
akan membesar. Ini selalunya berlaku apabila satu-satu
gerakan menjadi lemah. Pecahan jenis ini sudah tentu
mahkan lagi pergerakan ini. Dalam situasi seperti ini
dua pihak pemerintah dan golongan-golongan pem-
ang akan berjaya dalam mempergunakan puak-puak
bercakaran tadi untuk kepentingan masing-masing. Bila
terlaku, pergerakan kesatuan sekerja akan hilang keper-
an orangramai.

Bagaimanapun, kesatuan sekerja seperti ini masih lagi
lukan untuk tujuan mengabui mata umum, atau
"low-dressing".

Hanya satu harapan cerah di dalam ramalan muram ini
kemungkinan bahawa para pekerja muda akan boleh
munikasi dengan lebih baik di antara satu sama lain
tidak kira latar-belakang kaum. Ini mungkin terjadi
dari dasar pendidikan kebangsaan. Komunikasi yang
seperti ini menelurkan kebaikan bagi mereka berbanding
generasi pemimpin sekarang yang mana kebanyakan
para mereka tidak mempunyai imej publik pelbagai
Ini adalah kerana di antara lain, ketidakupayaan mereka
gunakan bahasa yang sama — Bahasa Malaysia — de-
lebih fasih. Bagaimanapun, komunikasi antara-kaum
baik tidak berguna jika para pekerja tidak berkongsi
ilai, ideal dan pandangan yang sama.

Adi demi menyiapkan diri untuk dekad yang sukar
hadapan, ahli-ahli kesatuan sekerja perlulah menum-
perhatian mereka kepada beberapa perkara seperti

menyedarkan para pekerja tentang hak-hak mereka se-
bagai pekerja dan warganegara.

menyedarkan mereka perlunya untuk mendapatkan
su orde sosial baru bagi menggantikan sistem kapi-

tal. Alternatif yang dianggarkan bukanlah komunis. Ini adalah kerana di dalam sistem kom perbezaan pendapat bukan saja dikawal, tapi dihapus sama sekali. Tujuan kita ialah untuk membina satu syarakat yang dinamis dan progresif yang dipandu oleh nilai-nilai rohaniah di mana perhitungan tidak dibuat terhadap pembangunan kreatif manusia total.

- d) menyedarkan mereka tentang mustahaknya mem rakan sekerja sebagai seorang manusia, bukan dari gabungan kaum dan agama mereka.
- d) memberi kesedaran kepada pekerja tentang sifat pemimpin pekerja yang baik dan menggalakkan mereka untuk memilih pemimpin seperti ini bagi membina pergerakan pekerja itu.
- e) sedarkan mereka dengan hakikat situasi di Malaysia juga antarabangsa yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka agar mereka tidak boleh dipergunakan mana-mana golongan.

Dari semua ini, adalah jelas bahawa tugas utama pergerakan Kesatuan Sekerja dalam tahun-tahun 80an pendidikan sosial. Lagipun, perjuangan untuk mendap hari esok yang baik mestilah bermula dari pemikiran ma

Dr. Chandra Muz
Pre

Februari 1980.

PERUTUSAN SEMPENA HARI BURUH 1981

(Kenyataan Akhbar)

Aliran berharap bahawa kedua-dua majikan, iaitu sektor awam dan swasta, akan memberikan perhatian kepada dua masalah penting — inflasi dan perumahan.

Demi kepentingan pekerja-pekerja, pemerintah harus mengatasi inflasi dengan mengkajisemula keseluruhan pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan. Ia juga

entang monopoli-monopoli yang membuat keuntungan-untungan yang begitu besar. Elaun khas kesusahan haruslah ditimbangkan bagi mereka yang berkeluarga sederhana pendapatannya kurang dari \$700/- sebulan.

Dalam soal perumahan pula, pemerintah patutlah memperuntukan yang lebih banyak kepada Kementerian Binaan dan kepada badan-badan kemajuan negeri untuk bina lebih banyak rumah murah. Ianya juga mesti cuba mengurangkan harga bahan-bahan binaan rumah yang mana ia menyebabkan harga rumah-rumahnya naik kerana ia jadi halangan secara aktif dalam aspek pengeluaran binaan perumahan.

Aliran juga menyaran kepada pekerja-pekerja supaya membangkitkan satu kesedaran bahawa golongan-golongan ini tidak akan mengenangkan hasil yang diperolehi oleh tenaga pekerja-pekerja yang halal itu. Golongan-golongan komunis yang kononnya memelihara kepentingan-kepentingan pekerjaanya meniadakan pula hak untuk kesetiaan sekerjanya wujud. Jadi, kedua-dua jenis golongan tidak dapat memberikan sebarang penyelesaian. Kebangkitan pekerja-pekerja di Poland baru-baru ini telah mencerminkan betapa pentingnya kebebasan bagi seseorang pekerja

Ariffin Omar
Setiausaha.

KECEKAPAN, PROFESION DAN WANITA DI DALAM MASYUARAKA

Dalam bahagian ini, satu usaha telah dibuat untuk menggariskan masalah kecekapan. Walaupun ditulis pada tahun 1978, ia masih relevan terutama bagi tahun 1981, dalam konteks pendedahan-pendedahan baru Ketua Odit Negara. Ucapan-ucapan mengenai kecekapan wanita mencerminkan komitmen Aliran terhadap hak-hak wanita manakala pandangan mengenai profesionalisme adalah sebagai akibat daripada pertimbangan kami bagi kesejahteraan negara kita.

KECEKAPAN – SUATU MASALAH NEGARA

(Karangan)

Apakah dia kecekapan? Pengertian ilmiah yang diberikan mengenainya tidak pula menjelaskan konsepnya untuk orang biasa. Mungkin takrif yang tepat ialah sebagai berikut: sepertimana kebanyakan orang memahaminya. Kita berkata terdapatnya kecekapan kalaulah surat-surat tidak ikut jadualnya, kalaulah sesuatu kerosakan bekalan air elektrik dapat dibaiki dengan pantas, kalaulah kereta tiba ikut jadualnya, kalaulah undang-undang dan peraturan untuk faedah orang ramai dilaksanakan dengan patuh.

Kita merasa bahawa perkhidmatan-perkhidmatan awam kita adalah semakin kurang cekap. Dapat pula kita menguji kebenaran hal ini melalui kajian yang sistematik saintifik ke atas prestasi dan daya pengeluaran (produktiviti) perkhidmatan awam dengan memberi pertimbangan yang cukup tentang pertumbuhan dan perkembangannya dan juga kerumitan (kompleksiti) tugas-tugas yang dipikul.

Oleh sebab tiadanya kajian sebegini – yang sebaiknya akan memakan masa yang panjang – kenalah kita bersandar kepada pengalaman-pengalaman sendiri,

...man orang lain, bukti surat-surat yang dikirim ke
...lidah-lidah pengarang akhbar, contoh-contoh ketidak-
... yang diterima umum serta kepada laporan-laporan
... yang berasas seperti Laporan Tahunan Ketua
...dit Negara.

... Kita lihat dahulu jabatan-jabatan kerajaan yang di bawah
... kementerian, disusuli dengan perusahaan-perusahaan
... dan akhirnya kita meneliti di antara sebab-sebab
... kekurangan.

Laporan Ketua Juruaudit 1971 menyatakan akibat
... orang mengelak memperbaharui lesen radio dan
... di akhir 1970, negara kerugian sebanyak
... \$424 bagi radio dan \$1,023,264 bagi televisyen. Tegas
... undang-undang masih belum diperketatkan untuk
... kuasa mengatasinya. Laporan Ketua Juruaudit
... sebutkan lagi satu contoh tentang merosotnya
... napan. Peraturan tunggakan pungutan hasil untuk
... imatan telefon meningkat dari 9.5% bagi tahun 1969
... 18.8% bagi 1970. Tunggakan untuk 1970 berjumlah
... 14.2 juta ringgit. Begitu besar sekali jumlahnya!

Kementerian Kewangan juga seperti kementerian-
... terian lain, dalam hal-hal tertentu telah menunjukkan
... upaya melaksanakan undang-undang yang boleh
... bahkan hasil negara. Sebagai bukti, Laporan Ketua
... dit 1973 menyatakan pemeriksaan rekod firma-firma,
... paskan bahawa bagi catatan pendapatan di bawah Akta
... Jualan 1972 hanya 280 dari 1,962 buah firma yang
... a oleh pegawai-pegawai jabatan bagi negeri Pulau
... dan 267 dari 2,131 buah firma di Johor. Kedudukan
... negeri-negeri Kelantan, Melaka dan Pahang pun agak
... keadaan yang serupa. Terkurangnya penelitian oleh
... pegawai berkenaan membuatkan ketepatan catatan
... mata bergantung kepada ketulusan firma-firma.
... hal yang demikian, berkemungkinanlah sejumlah
... lah terlepas kalaulah catatan yang dibuat berkurangan
... benarnya, sama ada secara sengaja atau tidak disengaja-

Laporan tahun 1973 juga nampaknya menyarankan

yang kecekapan Jabatan Hasil Dalam negeri juga merendahnya. Mengikut Laporan ini tunggakan dari akhir tahun 1972 ke 1973 telah meningkat dari \$191,081,112 menjadi \$227,226,986!

Di antara sebab-sebab utama kegagalan memungut cukai dengan berkesannya bagi mana-mana sistem kerajaan ialah kekurangan kakitangan dan ketiadaan penyeliaan yang sempurna — kedua-duanya berbalik kepada soalan perancangan. Contoh yang jelas ialah pembinaan Jalan Raya Timor Barat di bawah Kementerian Tenaga dan Kerja Raya. Pelaksanaan projek ini telah terjejas kerana kekurangan kakitangan di semua peringkat. Kekurangan ini menjejaskan penyeliaan dan kontrol, meningkatkan masa luang akibat menunggu pembaikan jentera-jentera lantas melembapkan kerja. Akibatnya juga ialah kos projek jadi bertambah. Seyogianya dinyatakan, 40% dari alat kejenteraannya telah menjadi luang kerana menunggu pembaikan disebabkan kekurangan kakitangan penyeliaan, kakitangan setor serta kekurangan alat ganti.

Kerugian wang yang serius berlaku di beberapa Kementerian. Hanya jumlahnya mungkin berbeza. Bagi Kementerian Pelajaran misalnya pembayaran berlebihan atau berkurangan terus berlaku di tahun 1973 akibat pengawasan yang kurang dalam pembayaran gaji dan pemberian baucer ke sekolah-sekolah oleh pegawai-pegawai Jabatan. Rekod kira-kira tidak dijaga sebetulnya atau dikemaskinikan. Bagi Kementerian Kesihatan pula Laporan 1973 menyatakan bahawa kelewatannya mengutip bayaran yang beribu-ribu ringgit jumlahnya, bayaran-bayaran yang dibuat sebelum kontrak rasmi dilaksanakan, bayaran berlebihan atau bayaran yang tak sepatutnya dibuat, bil-bil telefon yang tidak dijaga, dan pengawasan yang tidak rapi ke atas setoran merupakan beberapa bukti semakin bertambahnya ketidakecekapan. Laporan yang sama mendedahkan yang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta beberapa buah kedutaan yang di bawahnya telah gagal mentaati pengawasan tentang kewangan dan pentadbiran. Misalnya, laporan audit Suruhanjaya Tinggi di Wellington untuk bulan Mac, 1975 menyatakan yang buku wang runcit (petty cash) serta buku daftar utang telah tidak diuruskan dengan memuaskan dan tiada tarikh

catatannya telah diperiksa dari masa ke masa oleh pegawai yang bertanggungjawab. Prestasi Kementerian Dalam Negeri pun menarik juga. Kisah denda kesalahan lintas yang tidak dikutip, kisah bot-bot Polis Laut yang tidak disiapkan mengikut masa yang ditentukan padahal senjata 1.8 juta telah pun dibayar kepada kontraktor, kisah senjata api yang dibeli untuk kegunaan bot-bot tetapi tidak diserahkan sekian lama kerana pembelian telah dibuat lebih awal dari masa yang diperlukan. Padahalnya ketidakcekapan nyatalah disini. Rakyat jua menanggung beban akibatnya kerana apa yang terlibat wang yang seharusnya untuk kepentingan rakyat. Itulah rakyat berhak tahu apa yang berlaku di jabatan-jabatan kerajaan. Dalam hal ini, satu-satunya pegawai awam harus dipuji kerana membolehkan rakyat mengetahui bahawa ialah Ketua Juruaudit yang atas pendedahannya jujur dan berterus-terang yang membuatnya muncul sendiri di dalam suatu situasi yang kebiasaannya disorok-sesuai kalaulah ianya mendatangkan aib kepada orang-pemegang kuasa.

Pendedahan yang dibuat oleh beliau menjadi lebih mungkin kerana ianya mempunyai kaitan dengan apa yang sering disungut dan dirungutkan oleh orang ramai. Beliau mendapatkan kad pengenalan, paspot, lesen niaga dan sebagainya, misalnya, memakan masa begitu lama untuk proses. Ada kalanya pemohon untuk rumah murah terpaksa menunggu bertahun-tahun lamanya hanya untuk mendapat surat pengesahan penerimaan permohonannya kepada pihak berkuasa. Pesakit-pesakit luar di klinik hospital-hospital besar kena berbaris memanjang; rawatan bagi pesakit-pesakit khususnya di wad-wad percuma masih jauh memuaskan. Di beberapa buah sekolah bilik-bilik darjah diduduki oleh 50 hingga 60 orang murid padahal Laporan Tahunan tahun 1956 dengan jelas menyatakan bilangan murid seharusnya 40 orang. Dari semasa ke semasa kita tahu tentang kekurangan guru-guru sains atau Bahasa Inggeris atau geografi. Kurangnya guru, melimpahnya bilik, akan timbul sekiranya jika ada kecekapan dalam perancangan dan pelaksanaan. Serupalah jua, telegram yang

lewat dikirim dan telefon yang dipasang 4 tahun selepas dipohon — sebagai menyedut sedikit rungutan yang mungkin di akhbar — adalah kejadian yang boleh dielakkan melalui penyeliaan yang cekap seperti mana jua kesesakan kenderaan awam dan lalu lintas yang mencerminkan gejala atau banal yang cucar-kucir dan tidak cekap urusannya.

Cerita yang serupa terdapat jua bila kita beralih kepada prestasi perusahaan awam kita — di antaranya badan-badan berkanun dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDC). Sesungguhnya, beberapa buah badan berkanun khasnya yang ditubuhkan dalam dekad terakhir, untuk membantu dalam penyusunan semula masyarakat telah tidak ditadbirkan dengan sempurna. Kebanyakannya menjadi terbelat dan tidak cekap dan disamping mengalami kerugian yang banyak, adalah jauh dari mencapai tujuan-tujuan sosio-ekonomi. Badan-badan ini walaupun bertanggungjawab kepada Parlimen tetapi jarang pula menyerahkan laporan analisa yang terperinci mengenai prestasi mereka. Perbadanan perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri pun serupa jua. Walaupun ada di antaranya mendapat keuntungan di tahun lepas seperti yang dilaporkan oleh lidah pengarang Warta pada 23hb Januari, 1978, akan tetapi yang lainnya mengalami kerugian sahaja. Perbadanan-perbadanan yang beroleh keuntungan pun, seperti bagi negeri Pulau Pinang, Selangor dan Johor, tidak terlepas dari menerima kecaman-kecaman atas ketidakcekapannya.

Memanglah, berbanding dengan kebanyakan negara dunia ketiga kedua-duanya badan-badan perusahaan dan perkhidmatan kerajaan kita boleh dikatakan agak cekap. Tetapi kita tidak seharusnya berpuashati begitu sahaja manakala kita menyedari bahawa kita tidak menghadapi masalah-masalah yang dialami mereka seperti gaji yang rendah yang diperolehi oleh kakitangan awam mereka — ini merupakan faktor yang boleh membawa kepada ketidakcekapan.

Maka, berdasarkan bukti-bukti yang dibentangkan, kita mesti bersedia mengakui bahawa kita adalah tidak secepat seperti yang diharapkan. Apakah sebab-sebab ketidakcekapan ini atau ketidakcekapan umumnya? Orang b

hujah bahawa ketidakcekapan berlaku di banyak negara membangun adalah suatu akibat yang tak dapat dielakkan hasil pertumbuhan dan perkembangan pesat fungsi-fungsi kerajaan yang berbangkit kerana perlunya menyahut cabaran yang semakin kompleks dalam membina negara moden, adil dan kukuh sistem politiknya. Beban yang dipikul negara menjadi semakin berat kerana institusi-institusi sosial yang diharapkan dapat memberi bantuan di dalam proses pembangunan lumrahnya pula lemah, dan, yang lebih penting, tidak seperti di Eropah di mana revolusi politik dan ekonomi berjalan berasingan selama lebih dari satu abad, tapi bagi Dunia Ketiga, kedua-dua revolusi ini memerlukan perhatian serentak. Maka dalam hal ini ketidakcekapan amatlah dimaafkan. Namun begitu hujah begini mempunyai lemahannya. Di Eropah Barat, kerajaan-kerajaannya telah berupaya menyahut permintaan yang meningkat bagi perkhidmatan-perkhidmatan awam tertentu — seperti misalnya sistem pengangkutan yang lebih baik — tanpa mengorbankan kecekapan. Ini terjadi kerana sistem pemerintahan serta sistem sosial mereka umumnya sedia cepak, mereka berkemampuan menguruskan keperluan-keperluan rakyat. Demikianlah sebaliknya jika sistem sosial sudah sedia ada, ia tidak cepak maka tidaklah dapat ia menghadapi perubahan-tekanan pembaharuan.

Walaupun tiada 'tradisi kecekapan', pertumbuhan dan pembangunan fungsi tidak semestinya berakhiran dengan ketidakcekapan seperti yang telah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya sebuah negara Asia Tenggara. Walaupun permintaan perkhidmatan-perkhidmatan awam bertambah dengan pantas, ia dapat menghadapi keperluan-keperluan rakyat dengan jayanya. Negara-Bandaraya ini mencapai kejayaan dalam keupayaannya memasang perkhidmatan telefon dalam masa dua minggu selepas sesuatu permohonan dibuat untuk membina sebuah flet setiap 30 minit! Walaupun negara-bandaraya ini kecil tetapi tidak seharusnya pula diperkecil keupayaannya kerana apa yang penting di sini ialah banyaknya permohonan-permohonan yang di buat oleh rakyat. Dan permohonan untuk mendapatkan rumah bagi bandaraya ini pula kurang dari bandaraya-bandaraya Asia Tenggara

yang lain yang setengahnya mempunyai satu pertiga penduduknya tinggal dalam kawasan sesak!

Satu-satunya faktor terpenting untuk mencapai cekapan ialah sifat kepimpinan politik dan birokrasi. Untuk memastikan kecekapan para pemimpin yang dimaksudkan ialah para elit politik yang berkuasa dan pihak tertinggi birokrasi — perlu merancang dengan siuman dan cekap awal lagi. Mereka perlu mempunyai keupayaan menyelenggarakan rancangan-rancangan dan perlakuan perkhidmatan awam seluruhnya. Yang lalai dan lembap dihukum tanpa memilih bulu. Ini merupakan perkara penting dalam penyeliaan yang baik dalam sebarang pentadbiran. Ketidakekapan perlu ditentang dengan tegas. Mungkin ada kakitangan awam gementar khususnya peringkat awal, tetapi nilai kecekapan perlu dinilai. Khidmat yang baik dan jujur pula perlu diberi ganjaran. Kadangkalanya seorang pekerja cekap perlu dinaikkan pangkat melewati yang lain yang lebih kanan.

Oleh kerana ganjaran atau hukuman yang setimpal memainkan peranan penting dalam memupuk suatu khidmatan awam yang cekap, kepimpinan yang memberi ganjaran atau hukuman itu sendiri perlulah adil dan beradab sama sekali. Hubungan politik atau parti, pertalian sauk kaitan negeri, kenalan peribadi dan sebagainya jangan dibenarkan langsung dalam memberi ganjaran atau hukuman. Tidak timbul soal seperti sianu itu seorang pemain golf yang baik atau pun ianya budak suruhan keluarga ketua pejabat. Dalam hubungan ini pertimbangan kaum jua perlu diketepikan. Seorang kakitangan awam dari keturunan lain boleh dinaikkan pangkat kalau ia berhak; demikian jua seorang kakitangan dari kaum sendiri bisa diturunkan pangkat kalau terbukti ketidakcekapannya. Dalam pada itu, pentingnya mempunyai birokrasi berbilang kaum tidak seharusnya mengurangkan kita dari tugas yang tidak kurang pentingnya, iaitu membina norma-norma kecekapan supaya rakyat-rakyat yang miskin dan kurang bernasib khususnya menerima khidmat yang baik.

Kepimpinan politik dan birokrasi perlu juga mem-

sifat-sifat kerajinan, dedikasi, kebijaksanaan, kearifan dan maruah. Maruah penting kerana ketiadaan maruah atau maruah yang boleh membawa kepada toleransi terhadap rasuah atau mengabaikan rasuah, akan menghasilkan ketidak-berhasilan. Kita jarang sekali menginsafi bahawa kerja-kerja yang kelewatan dalam membuat sesuatu bayaran, akaun yang kucar-kucar, dan kenaikan yang tak beralasan untuk projek-projek tertentu yang dapat dianggap sebagai tanda ketidakcekapan sebenarnya bisa disebabkan kerana itu. Sebab itulah kepimpinan politik dan birokrasi yang perlu dilihat sebagai mutlak untuk mendapatkan kemajuan.

Perbincangan mengenai sifat-sifat yang perlu ada pada pemimpin akan tidak lengkap jika tidak ditekankan perlunya memberi teladan yang baik kepada orang lain. Seorang pentadbir kanan walau bagaimana cecap dan cekap sekalipun adalah tidak bermakna jika sekiranya ia tidak kerja jam 10.00 pagi, berehat pada jam 11.30 pagi, makan tengah hari sehingga jam 2.30 dan akhirnya pergi ke padang golf pada jam 4.00 petang. Ia tentu tidak mendorong orang bawahnya ke tahap prestasi kerja yang lebih tinggi kalau mereka mengetahui bagaimana ia lebih banyak melibatkan diri di dalam pasaran saham daripada di jalan untuk menyediakan suasana kerja yang lebih baik untuk mereka. Ia tidak dapat menjadi contoh untuk orang lain jika minat utamanya ialah memburu kereta-kereta mewah dan rumah tersergam, tanpa mengambil pusingan harapan dan cita-cita pekerja-pekerjanya.

Dari analisa yang dibuat, jelaslah bahawa kepimpinan politik dan birokrasi yang berupaya membawa teladan sihat akan asas untuk kemunculan perkhidmatan awam yang baik. Namun, kepimpinan sahaja belum lagi mampu memantulkannya tanpa wujudnya barisan pekerja yang berdisiplin serta berpuashati. Sepertimana yang dinyatakan di sini, struktur gaji birokrasi kita — suatu perkiraan yang rendah dalam melahirkan perkhidmatan awam yang berprestasi — adalah lebih baik dari beberapa negara lain. Ketiga yang lain.

Tetapi masih perlu dikurangkan lagi jurang di antara yang bergaji tertinggi dengan gaji terendah. Mereka yang di dalam kategori bergaji rendah perlu ditingkatkan pendapatan mereka. Peluang-peluang naik pangkat diperbanyakkan lagi bagi kategori rendah dan pertengahan. Sekarang pun mereka yang dari kategori pertengahan mendapati peluang-peluang yang wujud sebelum ini menjadi tipis kerana kemasukan lulusan-lulusan universiti. Kini semakin sukar untuk para siswazah memohon jawatan tinggi, maka mereka terpaksa mencari jawatan di tingkat setangga atau dua di bawah. Akibatnya mereka yang di tingkat pertengahan yang sudah berkhidmat 10 hingga 20 tahun menjadi 'terhenti di tengah-tengah' yakni ke atas tidak ke bawah pun tidak. Golongan ini tentu akan kecewa. Bayangkanlah kesannya ke atas kecekapan.

Penyelesaiannya? Tiada penyelesaian mudah. Tetapi pada perhitungan terakhir sistem pengajian jua yang sedang menjalani rombakan. Jurang perbezaan pendapatan dikurangkan — seharusnya hanya mencerminkan perbezaan bakat dan kebolehan. Dalam sistem begini kelulusan tidak lagi berfungsi sebagai anasir yang mempertahankan meneruskan kelas istimewa atau elit di dalam masyarakat. Dalam pada itu perlu diperbanyakkan kemudahan latihan-latihan dalam perkhidmatan untuk golongan yang terhenti di tengah ini, menggalakkan mereka melanjutkan pelajaran, supaya mereka berpeluang bersaing dengan siswazah untuk naik pangkat.

Peri perlunya rancangan latihan/pendidikan berterusan jenis ini tak payahlah ditegaskan lagi. Birokrasi bisa menjadi kaku, terencat serta hilang tenaga dan kreativiti. Akibat ini berlaku prestasi merosot. Maka birokrasi yang menghadapi persoalan sudah tidak upaya lagi menghadapi cabaran-cabaran baru. Adalah malang tetapi benar bahawa sehingga puluhan-lulusan universiti yang menjadi pegawai pentadbiran awam di Malaysia dan di Dunia Ketiga sudah tidak lagi membaca penulisan-penulisan serius dan intelektual dan usaha berterusan untuk mencari pengetahuan sebagai modal dikan dalam tamadun manusia yang berpendidikan. Bacaan mereka

terhadap kepada kertas kerja, laporan-laporan, buku yang berkaitan terus dengan kerja mereka, majalah-majalah popular dan sekali-sekala novel. Bolehkah kita sangkal bahawa seorang pentadbir yang hanya dan pengetahuannya begitu terbatas merupakan tantangan kepada aspirasi-aspirasi rakyat, bilamana pembangunan ekonomi, tugas menegakkan institusi politik dengan berkesan, tugas mencapai peningkatan yang bermakna adalah begitu kompleks dan rumit? Oleh itu menanamkan nilai-nilai moral, intelektual dan disiplin kepada pegawai awam melalui suatu rancangan adalah penting bagi membinakan suatu perkhidmatan yang cemerlang.

Malaysia dan banyak negara-negara lain kini semakin sedar bahawa sistem birokrasi menjadi begitu terpusat (centralised) sebegitu lama. Kerapkalinya, akibatnya ialah keperluan rakyat tidak sebegitu diperdulikan. Oleh itu meniadakan pemusatan (decentralisation) sahaja mencukupi bagi mengatasi masalah ini. Apa yang berlaku dalam jangka masa panjang ialah suatu konsep baru iaitu sistem pentadbiran yang bertolak dengan mengiktiraf peranan manusia di dalam persekitarannya sendiri – suatu sistem di mana struktur pentadbiran masyarakat dibina dari bawah membawa ke atas. Di samping kedapatan manusia yang lebih, cara begini akan membuatkan setiap manusia biasa lebih berminat mengambil peranan yang lebih dengan hal ehwal hidupnya. Sebagai permulaan, boleh serahkan kuasa yang lebih kepada majlis-majlis tempatan di negara kita. Berikutnya kita dapat menempatkan khidmat birokrasi seperti pemerosesan permohonan, pemberian kad pengenalan, passport, lesen-lesen, dan sebagainya bagi kawasan luar bandar dan kampung-kampung supaya mereka yang miskin dan daif tidak perlu menunggu masa yang bukan-bukan berbaris menunggu di setengah pejabat-pejabat kerajaan.

Bercakap tentang latihan dalam perkhidmatan awam kita kepada perkara ketiga dan terakhir dalam mendapatkan birokrasi yang lebih cekap. Ianya ber-

hubung dengan aspek struktur dan pentadbiran perkhidmatan awam yang perlu diperhati dengan serius kalau kita mahu memperoleh kecekapan. Setakat ini kita tidak begitu memberi perhatian yang berat tentang latihan dalam perkhidmatan yang baik. Latihan ini mesti bukan sahaja melibatkan latihan pentadbiran tetapi juga latihan dalam membina moral dan intelek. Setiap orang dalam setiap peringkat perlu menjalani aspek ini, walaupun sifat dan kandungannya mungkin berbeza dari peringkat ke peringkat dan dari bidang ke bidang. Ia mesti merupakan suatu usaha berterusan yang memerlukan setiap kakitangan awam diperuntukkan beberapa jam setiap bulan menjalani latihan ini. Penilaian harus dilakukan bagi sekian masa secara sistematis untuk mengukur keupayaan setiap pelatih menyerap pengetahuan dan idea baru dan tindak-balasnya terhadap kursusnyanya.

Tiga faktor utama ke arah kecekapan:—

- a) kepimpinan politik dan birokrasi yang baik,
- b) keadaan kerja yang memuaskan bagi kakitangan kakitangan kerajaan, dan
- c) peningkatan menyeluruh bagi kualiti moral, intelektual dan pentadbiran birokrasi yang lebih berorientasikan rakyat —

kesemuanya ini memerlukan tindakan oleh pihak yang berkuasa serta pihak elit pentadbiran. Dalam pada itu, untuk menjadikan reformasi yang dicadangkan di dalam perancangan ini benar-benar bermakna, kenalah dicipta institusi baru yang di luar penguasaan pemegang-pemegang kuasa dan pentadbir-pentadbir. Cadangan ini bukan perkara baru — kita perlukan suatu sistem apa yang dinamakan Ombudsman. Fungsi utama ombudsman adalah menerima aduan-aduan daripada orang ramai mengenai perjalanan birokrasi, memastikan bahawa jabatan-jabatan dipersoalkan bertindak di mana perlu, dan membentangkan cadangan-cadangan pada Kabinet atas cara-cara meningkatkan prestasi perkhidmatan awam dan perusahaan-perusahaan awam keseluruhannya. Ombudsman dilantik

yang di-Pertuan Agung dan bertanggungjawab kepada
men. Tarafnya dan bidang tugasnya adalah serupa seperti
Hakim. Ini bererti ia tidak dapat dipecat oleh
perintah yang berkuasa, oleh kerana kedudukannya yang
bebas dari Eksekutif.

Ombudsman yang benar-benar bebas dapat melakukan
nya dengan jaya. Ia mempunyai kuasa menjamin-
rintihan rakyat didengari dan dilakukan tindakan.
Ombudsman yang bebas berserta dengan reformasi
adbiran yang sepenuhnya sahaja masih belum menjamin-
kecekapan jika tiada kewaspadaan di pihak rakyat.
yay yang waspada yang menyuarakan pandangannya
menai perkhidmatan dan perusahaan awam kita melalui
sur, majalah dan saluran-saluran lain, dalam perhitungan
akhir, merupakan jaminan terbaik untuk mendapatkan
kecekapan. Seorang ahli falsafah Yunani pernah berkata,
"waspadaan yang berkekalan jua yang menjamin
kebasan". Nampaknya demikian jua halnya untuk
kecekapan.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

WANITA DAN MASYARAKAT: HAK DAN TANGGUNGJAWAB

(Ringkasan Ucapan)

Dalam masyarakat-masyarakat tradisional, tanggung-
jawab-tanggungjawab wanita selalunya ditekankan. Seseorang
wanita bertanggungjawab kepada suaminya, anak-anaknya,
saudaranya, keluarga mertuanya, sanak saudaranya; malah
kepada semua orang kecuali dirinya sendiri. Tidak seperti
dalam masyarakat tradisional (umpamanya kaum India
dan Afrika serta pelbagai suku kaum Afrika), wanita dalam
masyarakat tradisional China, India atau Jawa tidak diterima
sebagai orang yang mempunyai hak-hak tertentu. Ini tidak
bermakna yang mereka itu tidak mempunyai sebarang

hak atau tidak mempunyai pengaruh. Sebenarnya, menurut ahli-ahli antropologi, dalam beberapa masyarakat tadi, wanita mempunyai kuasa yang amat besar. Tiada keputusan diambil tanpa persetujuan daripada kaum wanita. Adalah memang sekali bahawa kuasa ini lebih ketara dalam masyarakat-masyarakat pertanian, di mana kaum wanita berganding bahu dengan kaum lelaki bekerja di ladang atau di sawah. Jadi fungsi ekonomi ada kaitannya dengan kedudukan setaraf bagi lelaki dan wanita.

Di antara tamadun-tamadun agung yang kita ketahui di Malaysia, barangkali Islamlah yang mula-mula sekali menerima hakikat bahawa wanita pun mempunyai hak-hak tertentu. Al Quran mengakui bahawa lelaki dan wanita adalah setaraf. Lelaki dan wanita dibentuk daripada unsur yang sama. Wanita tidak dicipta daripada lelaki. Kedua-duanya mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab batin yang sama. Perbezaan jantina tidak penting dalam hal-hal ibadat. Tambahan lagi, 1400 tahun yang lalu, Islam telah menentukan bahawa wanita mempunyai hak dalam soal pendidikan, hak untuk memiliki dan mewarisi hartabenda, hak untuk berniaga, hak untuk membuat perjanjian, hak untuk bekerja serta hak untuk menyimpan ganjaran hasil daya usahanya untuk dirinya sendiri. Islam juga menyatakan bahawa seseorang wanita haruslah memberi persetujuannya sebelum dia diperkahwinkan kepada sesiapa. Dia juga boleh memakai nama sendiri walaupun sesudah berkahwin.

Malangnya, semangat kebebasan yang dimulakan oleh Nabi Muhammad ini berkurangan selepas Khalifah Keempat, Ali. Sungguhpun tamadun Islam mencapai kejayaan yang cemerlang dalam bidang-bidang sains, perubatan dan seni, tetapi di antara kurun kelapan dan kedubelas, ia tidak dapat membawa balik wanita kepada kedudukan asalnya. Hari ini kedudukan wanita masih tidak memuaskan.

Di Barat, revolusi perindustrianlah yang membawa kepada perubahan radikal dalam taraf kaum wanita. Apabila wanita mula menjadi bebas dari segi ekonomi, maka mereka memperolehi semakin banyak hak-hak politik dan sosial. Hari ini, wanita-wanita Barat menikmati banyak hak. Nama-

diskriminasi terhadap wanita masih wujud dalam beberapa keadaan. Umpamanya, prasangka terhadap wanita yang berkedudukan eksekutif masih berterusan.

Wanita Malaysia dan Asia yang berasal dari keluarga menengah serta mempunyai sedikit pendidikan Barat mencontohi rakan-rakan mereka di Barat dalam hak-hak wanita. Pada masa yang sama, dia sedar akan tanggungjawab-tanggungjawab tradisionalnya. Maka timbul satu dilema baginya. Ini menghasilkan beberapa ketegangan dalam pengertian peranan dan identitinya.

Salah satu cara untuk mengatasi dilema ini ialah dengan menganggap hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab sebagai sesuatu yang berpadu. Ada setengah hak yang dimiliki sama oleh lelaki dan wanita sebagai manusia; begitu juga mereka memikul bersama setengah tanggungjawab. Dalam keadaan-keadaan seperti ini, tidak harus wujud sebarang diskriminasi. Umpamanya, kedua-dua mereka mempunyai hak yang sama untuk mengambil bahagian dalam hal-hal umum; kedua-dua mereka ini juga mesti bersama-sama menanggung tanggungjawab menjaga masyarakat. Walau bagaimanapun, kaum lelaki dan kaum wanita masing-masing mempunyai setengah hak dan tanggungjawab yang tersendiri. Wanita sahaja yang boleh menjadi ibu; lelaki sahaja boleh menjadi bapa. Peranan masing-masing tidak boleh diubahkan; hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab yang menjadi bahagian daripada peranan tersebut tidak boleh ditukarkan.

Tanggungjawab seorang ibu adalah amat besar dan penting. Lebih daripada bapa, ibulah yang mempengaruhi pembentukan nilai-nilai pada anak sejak ia masih kecil lagi. Menurut setengah ahli psikologi, nilai-nilai ini kekal sebagai asas peribadiannya seumur hidup. Inilah sebabnya mengapa seorang ibu dengan anak-anak kecil harus diberi setiap peluang untuk tinggal di rumah dan menjaga anak-anaknya sekurang-kurangnya untuk tahun-tahun permulaan. Dengan cara ini, dia dapat menyumbang lebih banyak kepada masyarakat berbanding dengan sumbangannya jika dia bekerja di pejabat dan pukul lapan hingga lima.

Pada masa ini, struktur ekonomi masyarakat serta ertian "kerja" begitu rupa sehingga wanita tidak menjadi ibu-ibu yang sempurna. Ini adalah satu keadaan yang maha besar terhadap umat manusia. Tiada siapa atau apa jua pun yang dapat menggantikan ibu. Jadi masyarakatlah yang perlu mengubahsuai untuk ibu, dan bukannya sebaliknya. Maka apa yang diperlukan sekarang ialah perubahan sepenuhnya dalam masyarakat. Sesungguhnya hanya menerusi perubahan seperti inilah dapat wanita capai hak-hak mereka yang sebenar serta memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab mereka yang sebenar kepada masyarakat.

Jun 1979.

Dr. Chandra Muzumdar
Presiden

KEMEROSOTAN PROFESIONALISME DI MALAYSIA

(Ringkasan Ucapan)

Profesionalisme adalah falsafah kerja yang mengutamakan nilai-nilai positif dalam sesuatu bidang pekerjaan. Nilai positif yang dimaksudkan saya ialah seperti berikhtik kejujuran, kerajinan, kebijaksanaan dan sebagainya. Profesionalisme tidak semestinya terbatas pada pekerjaan-pekerjaan seperti kedokteran, perguruan, kejuruteraan dan lain-lain lagi. Mengikut erti yang sebenarnya perniagaan dan perindustrian juga mempunyai lunas-lunas profesional.

Dalam tahun-tahun awal selepas Merdeka, nilai-nilai profesional dapat dikekalkan kerana pentadbir-pentadbir yang mewarisi perkhidmatan awam daripada British dilatih dengan lengkap dan mereka sendiri sedar tentang pentingnya sikap-sikap profesional. Lagipun, peralihan kuasa dalam bidang pentadbiran berlaku dalam suasana teratur.

Adalah nyata sekali bahawa dalam 10 atau 15 tahun yang lalu, profesionalisme sudah mula merosot. Ada beberapa sebabnya: a) Perkembangan pesat dalam perkhidmatan awam

dan selepas Merdeka yang memerlukan tenaga mahir
 banyak. Dalam proses memenuhi keperluan ini, nilai-
 profesional terpaksa dikorbankan. b) Dasar yang meng-
 siswazah-siswazah dalam jawatan-jawatan yang
 memerlukan kecekapan penyeliaan dan peng-
 pada lazimnya, kecekapan-kecekapan ini tiada pada
 siswazah muda. Lebih baik, jika mereka yang
 siswazah tetapi berpengalaman dan berpengetahuan
 memegang jawatan-jawatan tersebut. c) Nilai-
 masyarakat kita dan sistem susun-lapisnya yang lebih
 kemewahan material, pangkat dan jawatan dari-
 prestasi dan kebolehan. Dalam masyarakat sedemikian
 profesional tidak akan dihormati — kerana masya-
 tidak memberi ganjaran dan galakan yang sesuai kepada
 seperti kebolehan dan kerajinan. d) Oleh kerana
 pangkat kita lebih mementingkan kemewahan material
 pangkat, maka besarlah kemungkinannya bahawa pentad-
 atadbir dan pengurus-pengurus dalam bidang awam
 swasta akan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan
 keji seperti rasuah. Rasuah, sepertimana juga dengan
 amak haloba akan menghancurkan nilai-nilai profesio-
 e) Tetapi kesan-kesan rasuah terhadap profesionalisme
 dikawal sekiranya, media massa dan orangramai dapat
 peranan yang wajar. Malangnya, di Malaysia, media
 kita kurang bebas dan orangramai, terutamanya golo-
 berpelajaran, kurang berani mendedah dan menentang
 nangan di kalangan ahli-ahli profesional. f) Selain dari-
 apa yang disebutkan, penekanan yang diberi kepada kri-
 kriteria kaum dalam pengambilan dan kenaikan pangkat
 membawa kesan-kesan yang kurang memuaskan kepada
 nilai profesional. Sudah tentu, dengan menitikberatkan
 ia kaum, pertimbangan-pertimbangan yang lain seperti
 kapian dan kebolehan akan diketepikan. Keadaan ini
 dielakkan sekiranya kaum-kaum yang mundur ditolong
 ui cara yang lebih adil bagi semua pihak. g) Akhir sekali,
 an-desakan oleh perseorangan dan kumpulan di mana
 majikan digesa mengenepikan profesionalisme demi
 antingan kaum juga menjadi satu ancaman kepada nilai-
 seperti kerajinan, kejujuran dan sebagainya. Sungguhpun
 an-desakan sedemikian biasanya dibuat atas nama

kaum, penyiasatan yang mendalam akan menunjuk bahawa apa yang diperjuangkan adalah kepentingan perorangan atau kumpulan tertentu. Tetapi malangnya, majikan, sama ada di bidang awam atau swasta, akan menunduk pada desakan-desakan ini kerana takut tokoh-tokoh politik yang kerap kali ada di belakang petualang yang buat desakan-desakan yang tidak bertanggungjawab ini.

Apakah cara-cara yang berkesan untuk mengatas merosotan profesionalisme ini? **Pertama**, contoh yang daripada elit-elit dalam semua bidang — contoh yang membuktikan bahawa mereka menghargai nilai-nilai profesional. **Kedua**, tindakan-tindakan yang tegas terhadap yang menyeweleng.

Dr. Chandra Muzar
Presiden

September 1980

WANITA DAN MASYARAKAT

(Ringkasan Ucapan)

Dilema paling besar yang dihadapi oleh wanita moden ialah bagaimana hendak mengaitkan peranannya sebagai seorang ibu di samping meneruskan pekerjaannya. Masyarakat tradisional Asia dan juga masyarakat Barat semasa kedua-duanya tidak dapat memberikan satu jawapan yang memuaskan mengenai masalah ini.

Dalam masyarakat tradisional Asia peranan wanita sebagai seorang isteri dan ibu dititikberatkan tetapi peranan keperibadiannya sebagai seorang manusia yang sempurna telah diabaikan. Akibatnya, wanita terpaksa merendahkan diri dalam masyarakat yang semuanya dikuasai oleh lelaki. Di Barat hari ini, pelajaran dan perolehan ekonomi telah mengurniakan wanita dengan sedikit-sebanyak kebebasan yang mana telah membolehkannya pula menuntut beberapa aspek keperibadiannya. Walau bagaimanapun, dalam pada itu satu anggapan yang mengelirukan tentang tuntutan hak kesamaan dengan lelaki telah muncul.

kesamaan itu sedang ditafsirkan sebagai hak wanita membuat semua kerja yang lelaki boleh buat. Hak kesamaan juga ditafsirkan sebagai hak wanita untuk berkecimpung dalam segala kejahatan yang masyarakat membolehkan lelaki itu melakukan. Tetapi, kedua-dua pendapat adalah salah. Perbezaan fizikal dan biologikal yang terdapat kadang-kadang menentukan jenis kerja yang dilakukan lelaki dan perempuan. Perempuan tetaplah berlainan dalam beberapa aspek. Hak kesamaan haruslah jangan diartikan dengan keseragaman. Sekiranya wanita tidak dibenarkan melibatkan dalam mana-mana kejahatan, lelaki pun seharusnya jangan dibenarkan berbuat demikian. Nilai moral yang sama hendaklah diamalkan oleh perempuan dan lelaki. Jadi, apa yang wanita di Barat harus buat adalah cuba menghapuskan — bukan mencontohi — kejahatan yang dilakukan oleh lelaki. Sekarang ini pun wanita Barat dalam bidang ekonomi dan sosial telah menyebabkan kedudukannya sebagai isteri dan ibu banyak merosot.

Oleh kerana demikian, keadaan yang sebaik-baiknya adalah di mana wanita itu dapat menunaikan perannya sebagai seorang isteri dan ibu dengan sepenuhnya serta memelihara keperibadiannya dengan sepenuhnya supaya menjadi manusia yang sempurna. Kedua-dua matlamat ini akan diharmonikan jika kita sanggup mengadakan beberapa perubahan sosial.

Pertama, masyarakat perlulah disusun semula berdasarkan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang berdikari. Dengan itu, kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial akan berpusat dalam kumpulan-kumpulan kecil itu sendiri. Banyak jenis pekerjaan dapat diadakan dalam kumpulan-kumpulan tersebut yang, katakanlah, mengandungi sepuluh atau lima puluh orang. Ini akan membolehkan wanita menyelaraskan tugas di rumah dengan pekerjaannya di luar dengan lebih mudah. Kedua, jika masyarakat disusun semula mengikut cara ini maka akan lebih mudah untuk mengubahkan konsep kita mengenai kerja dan jumlah waktu bekerja. Kerja tidaklah harusnya dipandang sebagai satu daya pengeluaran yang harus diukur berdasarkan kepada jumlah waktu bekerja.

sehari di sesuatu tempat pekerjaan. Lebih banyak lagi ubahsuaian dalam konsep kita mengenai jumlah waktu kerja perlu diadakan supaya ibu-ibu yang anaknya khususnya, dapat menghabiskan lebih banyak masa di rumah. Ketiga, supaya kumpulan-kumpulan kecil tersebut wujud dan juga dapat diadakan waktu bekerja yang lebih ubahsuaian, teknologi moden hendaklah dipergunakan dan lebih berkesan. Dengan ini beban kerja di rumah dan kilang atau pun di pejabat akan dapat dikurangkan ke peringkat di mana daya pengeluarannya tidak tergunai dan pun kurang tenaga buruh digunakan. Ini akan memberi masa yang lebih banyak kepada wanita untuk meningkatkan kemahiran-kemahiran dan bakat-bakatnya di samping mendidik anak-anaknya. Keempat, apabila perubahan-perubahan ini hendak diadakan, lelaki haruslah digalakkan membiarkan isterinya membuat kerja-kerja rumah. Tugas menguruskan kebajikan rumahtangga haruslah dianggap sebagai satu tanggungjawab bersama suami-isteri. Demi tujuan ini, anak lelaki hendaklah disemaikan dengan sikap yang positif terhadap kerja-kerja rumahtangga dan dengan itu mengubah anggapannya bahawa bidang ini adalah khas untuk wanita sahaja. Kelima, sebagai sebahagian dalam percubaan untuk mengubah orientasi psikologi lelaki, berbagai pernyataan seperti "wanita adalah kurang intelek" atau "wanita tidak boleh memimpin" hendaklah dihapuskan. Bukan hanya lelaki sahaja malahan wanita sendiri pun mempercayai akan anggapan-geng-dongeng ini. Beberapa peranan yang dimainkan oleh wanita sebagai alat-alat keseronokan dan hiburan mesti dihapuskan lagi pendapat tersebut oleh masyarakat terhadap wanita. Keenam, maruah wanita tidak dapat dipulihkan selagi mereka tidak dapat menikmati hak kesamaan yang tulen berdasarkan kepada prinsip-prinsip etika bersama yang perlu dimajukan dengan kukuh ke dalam fikiran lelaki dan juga fikiran perempuan. Sekolah-sekolah, badan-badan agama dan pertubuhan-pertubuhan lain — selain dari keluarga — patut membantu menanamkan perkara ini pada generasi muda. Akhir sekali, supaya reformasi-reformasi ini boleh bertukar menjadi beberapa kelemahan yang terdapat dalam masyarakat hendaklah diperbetulkan. Perkara-perkara seperti individu

persaingan, ketamakan sosial mestilah dikurangkan. Ada keraguan lagi bahawa perkara-perkara ini dan lain-lain kejahatan sosial yang lain telahpun mula mengada-kan kesan-kesan kepada perhubungan lelaki-wanita dan dalam masyarakat-masyarakat Asia. Hanya dalam masyarakat yang mengamalkan perpaduan, mempunyai saluran untuk bekerjasama, menggalakkan sifat saling batas, dan tidak mementingkan diri sendiri boleh wanita — dan juga lelaki — dapat menjadi manusia yang sempurna.

Reformasi dalam ketujuh-tujuh bidang yang disyorkan hanyalah merupakan satu titik permulaan sahaja. Yang terpulanglah kepada pertubuhan-pertubuhan wanita-wanita individu untuk merenung dan menganalisa masalah-isu yang dihadapinya dengan lebih mendalam. Tidak cukup berjuang untuk hak kesamaan antara lelaki dan perempuan tanpa memahami situasi sosial keseluruhannya. Untuk memahami semua ini, pertubuhan-pertubuhan wanita perlu mewujudkan satu kekuatan intelek yang lebih

Dr. Chandra Muzaffar,
Presiden.

Januari 1981

KESIHATAN AWAM DAN KEBAJIKAN SOCIAL

Aliran menyambut baik skim untuk menubuh hospital-hospital kecil bagi menampung keperluan-keperluan luarbandar sebagai usaha baik program kesihatan awam perintah. Di sini juga dicadangkan bahawa ahli-ahli perubatan diberi pendidikan sosial luarbandar dan antropologi budaya untuk menyiapkan mereka dalam hal bekerja di kalangan orang luarbandar.

Bab ini juga memuatkan kenyataan-kenyataan yang mengenai tragedi di asrama St. Nicholas, samsu haram dan sebuah artikel mengenai masalah-masalah orang-orang buta yang ditulis bersempena dengan Tahun Antarabangsa bagi Orang-Orang Cacat.

WABAK TAUN YANG SEDANG MEREBAK

(Kenyataan Akhbar)

Aliran memandang dengan beratnya akan penyakit taun yang merebak dewasa ini. Hingga hari Sabtu lalu, terdapat lebih kurang 143 kes taun telah disahkan berlaku. Kawasan yang begitu teruk ditimpa penyakit ini ialah di Krian dan Baling.

Nyatalah bahawa faktor yang utama yang menyebabkan merebaknya penyakit taun di kawasan ini serta di kawasan lain adalah kerana kurangnya kemudahan-kemudahan membuang najis. Sebahagian besar penghuni-penghuni di kawasan-kawasan ini tidak dibekalkan dengan kemudahan air paip. Selain itu sebab yang mungkin ialah kerana tidak ada rancangan pendidikan awam yang teratur yang dapat menekankan kesedaran tentang pentingnya penjagaan yang rapi dari segi kesihatan dan kebersihan. Sungguhpun ada kawasan di mana terdapat kemudahan tandas yang sempurna, masih terdapat

keempurnaan perkhidmatannya.

Kedadaan ini sangatlah dikecam bagi sebuah negara yang membelanjakan sebahagian besar belanjawan negaranya kesihatan awam. Negara-negara yang kurang punca-kewangannya tetapi lebih banyak jumlah penduduklah berjaya mengawal wabak seperti taun ini.

Dengan sebab-sebab ini, Aliran menggesa kerajaan untuk menumpukan sepenuhnya usaha menghapus-penyakit seperti yang ternyata menggugat kebajikan golongan besar golongan miskin dari membahagikan sumber hasil terhadap projek-projek yang kurang seperti menubuhkan Unit Perubatan Sukan.

Subramanian Sithambaram
Ahli Jawatankuasa

1978

BANTUAN KEBAJIKAN

(Kenyataan Akhbar)

Baru-baru ini ada beberapa kes penyakit 'jantung ber-gegar' di kalangan kanak-kanak dari keluarga-keluarga miskin. Mereka ini memerlukan rawatan perubatan di luar negeri. Oleh kerana kemiskinan mereka, kanak-kanak ini terpaksa bergantung pada sumbangan-sumbangan kewangan dari orang ramai untuk membiayai kos tambang dan rawatan perubatan di luar negeri.

Aliran berpendapat bahawa Kementerian Kebajikan Amalan memberi bantuan kepada kanak-kanak yang miskin dan pesakit-pesakit yang lain yang memerlukan rawatan di luar negeri. Ini harus dijadikan sebagai dasar Kementerian.

Di samping itu, Aliran mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk membina unit rawatan penyakit jantung ber-gegar di Hospital Besar Kuala Lumpur dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Maryam Abdul Kadir,
Ahli Jawatankuasa

1979.

HOSPITAL KECIL DAN KESIHATAN LUAR BANDAR

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-ngalukan langkah yang diambil Kementerian Kesihatan untuk membina hospital-hospital kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Langkah-langkah untuk memperbaiki kesihatan luar bandar seperti sistem kesihatan untuk kanak-kanak luar bandar, rancangan pelan secara beramai-ramai dan kempen penghapusan nyamuk adalah juga sangat dipuji.

Walau bagaimanapun, Aliran berpendapat bahawa latihan pegawai kesihatan yang akan menguruskan hospital kecil ini hendaklah jangan dikhususkan kepada disiplin-disiplin perubatan konvensional. Ianya hendaklah meliputi perkara-perkara seperti sosiologi luar bandar, anthropologi kebudayaan supaya kakitangan akan lebih sempurna dilengkapi untuk berfungsi di kawasan-kawasan luar bandar. Elaun-elaun insentif hendaklah digabungkan dalam gaji mereka untuk menolong meningkatkan tingkatan komitmen mereka.

Di masa yang lampau rancangan-rancangan pelalian kempen-kempen penghapusan nyamuk tidak berjalan dengan baik oleh beberapa sebab, yang antaranya ialah, (a) tidakupayaan untuk merancang dalam bentuk yang menyeluruh; (b) ketidakupayaan untuk menyelia rancangan-rancangan dan kempen-kempen yang diadakan secara berkesan; (c) kekurangan sokongan kewangan dan teknikal; (d) kekurangan maklumat kepada orang ramai mengenai rancangan-rancangan dan kempen-kempen yang diadakan.

Adalah diharapkan supaya masalah-masalah seumpamanya itu tidak akan timbul di masa akan datang.

T. Zaitun Mah
Bendah

Ogos 1980.

MENENTANG PENYALAHGUNAAN DADAH

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan langkah-langkah yang keras mencegah penyalahgunaan dadah yang dicadangkan Unit Eksekutif Jawatankuasa Kabinet tentang penyalahgunaan dadah yang dipimpin oleh Tan Sri Ghazali Shafie. Ia tertarik hati khususnya dengan cadangan untuk perlukan semua penagih dadah untuk melaporkan kepada berkuasa untuk rawatan. Cadangan supaya hartabenda bandar-pengedar dadah dirampas perlu juga disokong.

Aliran berharap bahawa bidang-bidang seperti berikut juga mendapat perhatian unit tersebut:—

Kecekapan badan-badan yang diamanahkan dengan penyekatan ke atas pengedar-pengedar dadah terutama di pintu-pintu masuk yang penting ke negara ini.

perhubungan antara rasuah dan pengedar dadah.

perhubungan antara pihak-pihak berkuasa yang mempunyai kepentingan tertentu dan pengedaran dadah.

perhubungan antara golongan berpendapatan rendah dan penagih dadah.

perhubungan antara sikap bosan dan penagih dadah.

perhubungan antara kemerosotan disiplin dalam sistem persekolahan dan penagih dadah.

perhubungan antara sistem persekolahan yang bersifat persaingan yang mengakibatkan ramai bilangan murid-murid yang cicir dan individu-individu yang telah hilang harga diri dan penagih dadah.

perhubungan antara keghairahan “kebudayaan-disko” dan penagih dadah.

Pada masa yang sama, unit tersebut perlu juga mengkaji lanjutnya peranan moral dan nilai-nilai keugamaan dalam rancangan-rancangan pemulihan penagih dadah.

Oktober 1980.

Ariffin Omar,
Setiausaha.

TRAGEDI DI ASRAMA ST. NICHOLAS

(Kenyataan Akhbar)

Aliran begitu terkejut dan dukacita mendapat bahawa seorang yang cacat penglihatan telah terbunuh beberapa yang lain telah cedera parah di dalam kemalangan jalanraya di luar Asrama St. Nicholas orang-orang buta.

Adalah memalukan bahawa permohonan-permohonan yang berulang kali dibuat oleh pegawai-pegawai St. Nicholas untuk kemudahan lalulintas yang lebih baik telah diterima dengan sebarang sambutan yang positif dari Majlis Perbandaran. Sesungguhnya amat memalukan apabila disedari bahawa tempat lalulintas orang ramai dengan "beepers" dan lampu isyarat hanya menelan belanja sebanyak \$500/=. Kegagalan pihak Majlis Perbandaran untuk membekalkan kemudahan ini adalah mencerminkan kekurangan perhatian terhadap mereka yang kurang bernasib baik.

Aliran dengan kerasnya menggesa supaya pihak berkuasa Majlis Perbandaran berhubung dengan pegawai-pegawai St. Nicholas untuk mengetahui apa-apakah keperluan daripada orang-orang buta berhubung dengan kemudahan-kemudahan lalulintas. Mestilah ada tindakan yang segera.

Aliran menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Encik Ismail dan berdoa supaya mereka yang tercedera segera sembuh.

Subramaniam Sithambaram

Oktober 1980.

Ahli Jawatankuasa

SAMSU HARAM — SUATU PENYAKIT SOSIO-EKONOMI

(Kenyataan Akhbar)

Tragedi samsu di Kulim tidak boleh dibenarkan lenyap sahaja dan tidak harus lama kelamaan dilupai oleh masyarakat.

Malaysia. Perimustahaknya masalah yang dibawa oleh samsu haram sangat-sangat perlu ditegaskan kepada semua rakyat dengan cara yang serupa dengan masalah dadah dan merokok.

Perbagai pertubuhan awam dan persendirian telah pun membuat keras mengecam bahaya samsu. Ini jelas membuktikan betapa meluasnya pandangan perikemanusiaan telah dihapuskan suatu masalah sosial.

Aliran berasa yakin bahawa langkah-langkah yang diambil harus lebih daripada semata-mata menghapuskan pembuatan dan penjualan samsu.

Aliran menyokong sepenuhnya semua desakan yang dibuat bagi mendidik orang-orang awam mengenai bahaya samsu haram. Disinilah terdapat peranan amat penting yang boleh dipenuhi oleh media massa, kumpulan sukarela, kesatuan sekerja, badan-badan sukarela dan lain-lain pertubuhan sendiri dari segenap lapisan masyarakat dan semua kaum.

Kajian-kajian mendalam mengenai masalah ini harus juga dilakukan aktif mempertimbangkan kaitan rapat faktor-faktor ekonomi seperti kemiskinan, keadaan hidup dan kemudahan-kemudahan masa lapang serta rekreasi penagih. Hanya demikian dapat langkah-langkah pencegahan jangka panjang menjamin kejayaan sebarang kempen terhadap samsu haram dan alkohol.

Azmi Khalid
Jawatankuasa Kerja
Februari 1981.

MASALAH ORANG-ORANG BUTA

(Karangan)

Tidak ada satu justifikasi pun untuk sebarang masyarakat untuk tidak mengindahkan rakyatnya yang cacat. Semestinya satu masyarakat yang adil dan berperikemanusiaan mesti mencari penyelesaian-penyelesaian supaya orang-orang

cacat dapat hidup seperti orang yang tidak cacat yang Masyarakat umum seharusnya tidak melupakan bahwa seorang cacat itu juga mempunyai keperluan-keperluan sama seperti makanan, tempat tinggal, dan kerja.

Ramai daripada mereka yang cacat penglihatan mungkin dapat diselamatkan jika kecacatan mereka dikesan peringkat awal. Yang lain pula boleh menjadi warganegara yang mempunyai pekerjaan yang berguna jika mereka diberi latihan yang sesuai. Walaubagaimanapun pengesanan peringkat awal dan jagaan yang sesuai serta latihan hanya boleh diberi jika kita dapat menentukan orang-orang cacat.

Malangnya tidak ada sebarang daftar untuk orang-orang cacat (buta, pekak, bisu, atau cacat anggota) yang lengkap. Kementerian Kebajikan mempunyai sistem pendaftaran sukarela dan mulai dari tahun 1978 ia telah mendaftarkan seramai 7,294 orang-orang buta. Angka ini mungkin sepertiga daripada kesemua orang-orang buta di negara ini.

Tidak seorang pun yang tahu dengan tepat jumlah orang-orang buta di negara ini. Penyelidikan seluruh negara yang terakhir adalah pada tahun 1958. Penyelidikan ini telah menganggarkan bahawa 1% daripada seluruh rakyat adalah orang-orang cacat dan daripada peratus ini 32% adalah buta, 42% cacat anggota, 18% pekak dan bisu, dan 8% terencat akal. Menggunakan nisbah yang sama, untuk menganggarkan jumlah orang-orang cacat pada masa kini, mungkin terdapat seramai 130,000 orang dan daripada jumlah ini mungkin 41,000 orang buta. Apakah yang terjadi kepada mereka yang tidak mendaftarkan dengan Kementerian Kebajikan dan tidak diberi pertolongan? Kita hanya boleh meneka.

Sejak tahun 1965 suatu Jawatankuasa Antara Kementerian, yang ditubuhkan untuk menilai perkhidmatan kebajikan, telah mengesyorkan pendaftaran wajib untuk orang-orang cacat. Syor ini juga telah dikemukakan oleh Persatuan Orang-orang Buta di Malaysia Barat beberapa kali. Persatuan ini adalah organisasi berdaftar untuk orang-orang buta. Ia mempunyai lebih daripada 400 ahli.

Kementerian Kebajikan Masyarakat mempunyai

program untuk menolong orang-orang buta. Ia meng-
bengkel-bengkel yang melatih orang-orang buta
mayam bakul, tikar dan lain-lain kerja mahir yang
ia juga menjalankan perkhidmatan penempatan untuk
orang-orang buta mencari kerja di luar dan mem-
elaun tambahan untuk mereka yang mendapat gaji
daripada \$400 sebulan serta memberi bantuan-
dan pinjaman kecil untuk membolehkan orang buta
beli alat-alat pembantu.

Program-program seperti ini memang penting tetapi
apa yang perlu adalah suatu dasar nasional yang
bolehkan implimentasi suatu perkhidmatan yang
ini juga akan menolong menyelaraskan
khidmatan-perkhidmatan yang mesti diselenggarakan oleh
kementerian-kementerian dan agensi-agensi selain daripada
Kementerian Kebajikan. Satu peristiwa yang dikemukakan
presiden Persatuan Orang-orang Buta Malaysia Barat,
John Kim, akan menunjukkan perlunya pendidikan
pegawai-pegawai kerajaan di semua peringkat dan
kementerian dalam keperluan-keperluan orang-orang cacat.

Menurut beliau, Persatuan ini telah memohon kepada
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk
beri keutamaan kepada orang-orang buta yang memohon
rumah murah berdasarkan kepada kriteria yang lain
pada yang dikenakan untuk orang-orang bukan cacat.
daripada kriteria untuk kelayakan mendapatkan rumah-
murah ini adalah saiz keluarga dan kedudukan per-
man. Kebanyakan daripada ahli-ahli Persatuan ini adalah
dan mereka terpaksa tinggal jauh daripada rumah
oleh sebab jenis pekerjaan dan latihan mereka. Walau-
Persatuan ini telah memberi penjelasan yang panjang
kementerian tersebut tetap dengan pendiriannya bahawa
orang cacat terpaksa bersaing dengan orang-orang lain
berdasarkan kriteria-kriteria yang sama. Masalah perumahan
orang-orang buta adalah satu masalah yang besar.
orang ramai tidak memberi kerjasama dalam perkara
tuan-tuan rumah pula sering kali menolak permohonan-
ohonan orang-orang buta untuk menyewa rumah tetapi

apabila orang-orang bukan cacat memohon mereka dan tidak ragu-ragu memberi rumah kepada mereka. Oleh demikian orang-orang buta ini terpaksa tinggal di tempat yang jauh dari tempat kerja mereka.

Satu lagi masalah besar yang dialami oleh orang-cacat penglihatan adalah pelajaran. Pada masa ini ada agensi utama yang mengadakan latihan pendidikan vokesyenal. Agensi-agensi ini adalah Persatuan Orang-Buta Malaysia, Rumah dan Sekolah Orang-orang Buta Nicholas di Pulau Pinang, Sekolah Princess Elizabeth Johor, Pusat Latihan Gurney untuk Orang-orang Buta Kementerian Kebajikan. Kesemua agensi ini menawarkan perkhidmatan untuk lebih kurang 400 tempat. Selain pada perkhidmatan Kementerian tersebut agensi-agen lain adalah agensi tersendiri sukarela yang bergantung sokongan dari kerajaan dan sumber-sumber bukan kerajaan.

Laporan Tahunan Perbendaharaan tahun 1979 Rumah dan Sekolah Orang-orang Buta St. Nicholas menunjukkan bahawa sebilangan besar daripada perbelanjaan untuk gaji guru-guru. Walaubagaimanapun derma tahunan daripada kerajaan-kerajaan negeri amat sedikit. Kerajaan negeri Kedah telah menderma \$1,000, Perlis dan Perak \$3,750 untuk tahun 1979. Lain-lain kerajaan negeri tidak memberi apa-apa bantuan kewangan.

Peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti pun terhad. Hanya Universiti Malaya yang menerima orang-orang buta. Universiti yang lain kali menolak permohonan-permohonan dari pemohon-pemohon buta. Alasan yang biasanya diberi adalah bahawa mereka tidak ada kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh orang-orang buta ini. Mereka yang telah lulus dari Universiti Malaya telah berjaya melalui ketekunan dan pertolongan dari kawan-kawan mereka.

Jika pihak Universiti-universiti sanggup menyediakan musik 'piped-in' untuk pelajar-pelajar semasa mereka belajar, mungkin tidak akan menjadi perbelanjaan yang besar. Pihak universiti menguntukkan sedikit perbelanjaan untuk kemudahan seperti alat-alat "braille".

berdasarkan semua ini, satu bidang perkhidmatan yang khas untuk orang-orang buta harus diberi perhatian yang segera.

Perkhidmatan Pencegahan Kebutaan

- a) Pemakanan di kalangan kanak-kanak harus diperbaiki. Pendidikan dalam bidang ini sangat penting.
- b) Pemeriksaan darah untuk bayi yang baru lahir mesti diperkenalkan.
- c) Penguatkuasaan yang efektif atas penggunaan wajib alat-alat keselamatan mesti dijalankan.
- d) Penyelidikan dalam sebab-sebab kebutaan harus ditekankan.
- e) Pemeriksaan visual untuk kanak-kanak pra-sekolah dan juga orangramai akan menolong dalam pengesanan kecacatan yang masih awal. Rawatan yang awal pula akan mencegah kebutaan. Ini boleh dijalankan melalui klinik mata bergerak.
- f) Pendidikan memainkan peranan yang penting. Orangramai mesti disedarkan melalui berbagai program pendidikan seperti penyebaran penulisan-penulisan yang relevan dalam semua bahasa.
- g) Bantuan kewangan untuk membeli alat-alat pembantu visual harus disediakan untuk mereka dalam kategori pendapatan rendah.

Elaun Kecacatan

Satu elaun harus diberi kepada orang-orang buta yang bekerja untuk menambahkan pendapatan rendah mereka serta bantuan untuk orang-orang cacat yang tidak bekerja. Negara ini tidak mempunyai Elaun Keselamatan Sosial. Apa yang diberi pada masa ini adalah Elaun Intensif untuk orang-orang cacat yang berpendapatan rendah. Suatu elaun kecacatan seperti ini akan merangkumi kesemua orang-orang cacat samada mereka bekerja atau tidak.

III. Bantuan Semasa Bekerja

Majikan enggan memberi kerja kepada orang-orang buta atas sebab-sebab perbelanjaan yang lebih mahal. Menyediakan kemudahan-kemudahan dan alat-alat pembantu untuk mereka semasa mereka menjalankan tugas. Oleh kerana ini suatu sekim memberi pinjaman kemudahan-kemudahan dan alat-alat pembantu kepada orang-orang buta memang perlu. Jadi hal-hal demikian menyediakan kemudahan-kemudahan ini bertanggongjawab pihak majikan. Oleh yang demikian pihak majikan tidak ada sebarang alasan untuk menentang permohonan orang-orang buta. Sekim seperti ini menanggung semua perbelanjaan termasuk kos untuk ubahsuaikan alat-alat tersebut mengikut keperluan orang-orang buta itu supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan cekap.

Geran juga harus diberi kepada semua orang-orang yang baru mula bekerja.

IV. Perumahan

Dalam soal perumahan adalah sangat penting bagi pihak sekim perumahan kerajaan untuk menimbang-nungkan masalah-masalah orang-orang buta dan orang-orang cacat. Suatu pindaan atas syarat-syarat dan kriteria untuk menyediakan rumah-rumah harus dibuat untuk membantu orang cacat.

V. Perkhidmatan Sosial

- (a) Parit-parit yang terbuka harus ditutup. Ini akan mengelakkan kemalangan dan kebersihan jalan boleh dijaga.
- (b) Jambatan 'overhead' adalah perlu di jalanraya-jalanraya besar dan sibuk.
- (c) Alat-alat yang lain membolehkan orang-orang melintas jalanraya seperti sistem odia yang mempunyai alat tekan butang.
- (d) Tiang-tiang lampu, tiang-tiang telefon dan kerusi jalanraya harus tidak diletakkan di kaki

dan jalan-jalan kecil supaya bahaya kepada orang-orang buta dapat dielakkan. Benda-benda ini harus diletakkan samada di kawasan luar atau dalam di jalan-jalan tersebut. Lubang-lubang periksa yang terbuka harus diberi perhatian yang segera. Syor-syor ini adalah mengikut keperluan masyarakat umum dan bukan merupakan suatu perkhidmatan istimewa untuk orang-orang cacat.

Semua yang telah disebut di atas akan membolehkan orang buta menikmati hasil pembangunan danolong mengujudkan suatu masyarakat yang berbakti tujuan keadilan, perpaduan, dan kesamaan untuk

G.V. Lakshmi dan
Khor Yoke Lim,
Ahli-Ahli Jawatankuasa

YANG CACAT DAN PEMBANGUNAN

(Ringkasan Ucapan)

Seperti dijangka, Tahun Antarabangsa Orang-Orang telah menimbulkan sedikit minat untuk mereka yang. Walau bagaimanapun, apa yang kita buat selepas 31ember 1981 yang akan berkesan dalam jangka panjang. na hanya mereka yang jujur yang akan meneruskan kerja besar yang ada di depan.

Di sini di Malaysia lebih banyak boleh dibuat untuk ka yang cacat. Sebagai permulaan, perlulah dijalankan wajaran wajib bagi semua orang cacat. Tanpa data yang eluruh, adalah sukar untuk membuat rancangan-an untuk membawa orang-orang cacat ke dalam an masyarakat Malaysia.

Adalah juga perlu untuk mengembangkan peluang-pelajaran, akademik dan pekerjaan, untuk orang-

orang cacat. Universiti-universiti tertentu didapati menolak permohonan-permohonan dari pemohon-pemohon buta yang layak. Kemudahan-kemudahan untuk latihan pekerjaan adalah terbatas juga. Bagi mereka yang cacat matanya misalnya ada lima buah institusi besar yang mengadakan latihan pekerjaan. Kesemuanya mengadakan tempat untuk kira-kira 400 orang pelatih, satu jumlah kecil yang membolehkan memandangkan besarnya masalah.

Seperti dengan pelajaran, begitu juga dengan pekerjaan. Telah tidak ada satu usaha yang serius dan berterusan untuk menambah peluang pekerjaan bagi orang-orang buta. Tetapi ada usaha untuk menghapuskan prasangka-prasangka orang ramai mengenai pemberian kerja kepada orang buta. Inilah salah satu daripada sebab mengapa orang-orang buta tetap di dalam pekerjaan-pekerjaan tradisional seperti menganyam tikar dan menjaga perhubungan telefon.

Bukan saja mereka yang cacat mata yang telah menerima perhatian yang cukup, tidak pula ada langkah-langkah yang cukup untuk mencegah penyakit buta. Ujian darah bagi bayi-bayi yang baru lahir, pemeriksaan bagi kanak-kanak pra-sekolah secara wajib, bantuan-bantuan dan alat-alat keselamatan di tempat-tempat kerja dan penyelidikan mengenai sebab-sebab buta adalah setengah daripada rancangan-rancangan yang boleh dititikberatkan.

Kerap kali telah dikatakan bahawa negara-negara membangun yang menghadapi cabaran-cabaran lain yang lebih menekan tidak mampu memberi perhatian kepada masalah warganegara mereka yang cedera anggotanya. Hal ini tidak beralasan. Mereka yang condong kepada fikiran sempit adalah juga mereka yang suka mencadangkan bahawa cita-cita seperti persamaan dan perpaduan patut dikepetikan hanya apabila 'pembangunan' telah dicapai. Kita patut bertanya apakah jenis pembangunan yang memaksakan keadilan, kebebasan atau belas kasihan menunggu gilirannya dan barisan? Kerana jika manusia menjadi pokok pembangunan maka tidak perlulah yang tidak berada dan yang menunggu giliran mereka. Di dalam sebuah masyarakat yang menitikberatkan belas kasihan dan berkongsi, merekalah yang

diutamakan.

Kebetulannya seruan untuk membuka pintu dan bagi yang cacat adalah juga cogan kata perjuangan yang tertindas di mana-mana. Inilah sebabnya mereka cacat harus menganggap perjuangan mereka untuk jalan sebagai satu dimensi yang sepadu kepada satu perjuangan yang lebih luas untuk pembebasan manusia. Bagi mereka yang cacat – dengan keadaan kesisihan penderitaannya – kadang-kadang mampu menukarkan halaman khasnya kepada satu perjuangan yang lebih bagi pihak manusia seluruhnya.

Masanya telah tiba untuk memikul bebanan mereka. Apakah kita akan menyahut panggilan ini?

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Mei 1981.

HAL EHWAL PENGGUNA DAN ALAM SEKITAR

Dalam bab ini, topik utama membincangkan kesan sosial Krisis Tenaga di mana dikemukakan hal-hal pemeliharaan dan sumber tenaga yang baru; satu alternatif cara hidup untuk pengeluar dan cara untuk menyebarkan konsep alternatif pembangunan.

Turut disiarkan di sini ialah komen-komen Aliran mengenai beberapa nilai kurang sihat yang ditonjolkan oleh pengiklanan.

SOKONGAN TERHADAP BANTAHAN ENDAU-ROMPIN (Kenyataan Akhbar)

Aliran memberi sokongan penuh kepada bantahan umum terhadap pembalakan yang berterusan di kawasan Endau-Rompin.

Perhatian umum atas isu ini telah menimbulkan rasa kesedaran untuk:

- a) mengutamakan kepentingan komuniti amnya daripada kepentingan beberapa individu;
- b) membendung ketamakan sosial;
- c) melindungi kekayaan nasional yang semakin berkurangan untuk generasi yang akan datang; dan
- d) memperbaiki mutu keadaan alam sekitar.

Ini adalah sikap-sikap rakyat yang boleh dibanggakan oleh pemerintah. Aliran dengan itu menyeru Kerajaan Negeri Pahang memberhentikan pengeluaran lesen-lesen pembalakan di kawasan itu. Kerajaan Pusat boleh membuat tekanan berat atas Kerajaan Negeri Pahang. Tindakan perlu dibuat sekarang.

Sekiranya pemerintah menghampakan rakyat dalam hal rakyat akan merasa ragu-ragu tentang kelicinan tindakan politik iaitu apa yang ingin dilihat oleh musuh berseberang dan Rukunegara. Biarlah Endau-Rompin menjadi bukti kepada umum bahawa demokrasi negara kita adalah dinamik.

Disember 1977

Ariffin Omar
Setiausaha

HARI ALAM SEKITAR

(Kenyataan Akhbar)

Aliran memandang berat tentang pencemaran alam yang disebabkan oleh hampasan industri, tumpahan minyak di Melaka, serta asap dan gas dari kenderaan berjentera sama sekali bas, lori dan motokar.

Beberapa undang-undang telah diadakan. Tetapi, sayang sekali, undang-undang ini tidak dikuatkuasakan dengan tegas dan teratur — sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja.

Oleh itu masanya sudah tiba bagi pihak berkenaan melaksanakan undang-undang yang ada supaya alam sekitar dapat dipelihara.

Disember 1979

Hamima Dona Mustafa
Ahli Jawatankuasa.

KOD PENGIKLANAN

(Kenyataan Akhbar)

Usaha-usaha memperbaiki kod pengiklanan seperti yang diumumkan baru-baru ini oleh Kementerian Penerangan

akan lebih wajar sekiranya Kementerian ini telah menimbangkan terlebih dahulu pandangan-pandangan dari atau badan-badan yang mewakili kepentingan masyarakat seperti persatuan-persatuan pengguna yang selalu memberi berat tentang isu-isu ini.

Dalam hubungan ini, demikian juga dalam perkara lain, pihak yang menggubal dasar-dasar nampak menepikan pentingnya berunding perkara ini dengan masyarakat. Dengan mengalah kepada tekanan-tekanan kumpulan-kumpulan yang vokal tetapi kekurangan pengetahuan tentang masalah yang dihadapi, bukanlah cara yang baik dalam memperelokkan lagi kod pengiklanan yang ada pada masa ini.

Peranan iklan terhadap masyarakat tidak dapat diabaikan lagi. Kalaupun iklan-iklan itu mengumum dan menghebatkan tentang wujudnya barang-barang keperluan jawatan/perkhidmatan, maka peranannya adalah disanjung. Akan tetapi, kalaupun ianya mengeksploitasi peranan dengan bergerak mengikut gaya dan caranya yang merugikan orang awam padahal ianya seharusnya membawa kebaikan, maka kegiatan sebegini perlulah dikawal dan dibendung.

Kerapkali bukan sesuatu barang atau khidmat yang diiklankan itu yang memudaratkan, tetapi cara iklan itu yang memujuk. Misalnya, "kanak-kanak hanya dibenarkan dalam iklan-iklan barang-barang untuk kegunaan kanak-kanak" mengikut Kod Pengiklanan yang baru. Katakan sesuatu iklan memujuk penggunaan sejenis syampu untuk mendapatkan rambut yang berkilat dan lurus. Inikah yang dinamakan kebenaran? Inikah nilai-nilai yang kita hendak tanamkan kepada anak-anak kita? Nyatalah pujut sedemikian adalah mengeksploitasi jiwa anak-anak dan 'bertopengkan' kelulusan yang diberikan mengikut kod pengiklanan pemerintah.

Oleh itu, yang lebih memudaratkan ialah bukan seseorang pelakon itu lebih berwajah mirip 'kulit putih' atau tidak, akan tetapi ialah caranya iklan-iklan itu memujuk dan mengeksploitasi kementahan kanak-kanak, 'menjadikan

... sebagai objek seks, menyampaikan maklumat yang
... lirikan, juga maklumat yang tidak tepat tentang
... bahan bagi pengguna, serta penyemaian nilai-nilai yang
... diingini. Contohnya, kedapatan beberapa iklan-iklan
... menonjol dan membesar-besarkan peri pentingnya
... bermewahan dan berlebihan sebagai ukuran kejayaan
... kehidupan bahagia seseorang. Ini akan membawa kesan
... merugikan dari segi usaha-usaha kita mahu menyemai-
... nilai-nilai etika pada masyarakat. Kami rasa pemerintah
... harusnya memberi pertimbangan utama atas perkara-
... ara sepertimana yang tersebut di atas.

Khor Yoke Lim
Ahli Exco.

KRISIS TENAGA

(Karangan)

Kenaikan harga hasil-hasil petrolium baru-baru ini telah
... gikis apa-apa keraguan yang telah timbul tentang
...ujudan krisis tenaga. Dengan setiap tahap kenaikan harga
... berapa perbincangan diadakan untuk mengatasi masalah
...gekalan tenaga. Tetapi bolehkah krisis ini diatasi?

Sebelum kita menjawab soalan ini kita harus memeriksa
...ksi masyarakat terhadap krisis ini dengan cara mendalam.
...tamanya, banyak usaha untuk memelihara tenaga telah
...alkan cara sukarela dan juga cara tidak sengaja.

Pengekalan tenaga secara sukarela berlaku apabila
...ividu-individu dan organisasi-organisasi yang bertanggung-
...ab cuba mengurangkan penggunaan tenaga untuk
...aikan seluruh masyarakat. Sikap baik ini dipupuk oleh
...pen-kempen awam, contoh-contoh yang baik dari elit-elit
... peninggian kesedaran orangramai tentang perkara
...ebut.

Pengekalan tenaga secara tidak sengaja berlaku apabila
...gekalan itu dipaksakan atas orangramai dengan berbagai
...a. Satu cara yang digunakan adalah dengan meninggikan

harga tenaga. Satu lagi cara adalah dengan mencatukan tenaga kepada orangramai.

Walaubagaimanapun semua usaha ini terbelak dengan pengekelan tenaga tidak terlalu berkesan. Usaha-usaha ini selalunya hanya menghasilkan kesan-kesan yang sementara sahaja.

Apakah sebabnya orangramai tidak menjimatkan tenaga dengan sukarela? Satu sebabnya adalah kerana kewujudan sifat individualisme dalam masyarakat kita ini. Sikap orang ini seolah-olah berkata, "Kalau saya mampu kenapa saya tidak boleh gunakan lebih banyak lagi? Adalah lebih demokratik saya untuk membeli kereta yang lebih banyak menggunakan lebih banyak kuasa elektrik supaya hidup saya lebih senang dan mewah," dan sebagainya . . .

Kempen-kempen menjimatkan tenaga pula tidak dijalankan dengan sepenuh hati. Misalnya, dalam televisyen dan radio sebaik-baik sahaja selepas iklan pemerintah yang membolehkan kita menjimatkan tenaga, kita dapati iklan-iklan pihak swasta yang memujuk kita membeli lebih banyak barang-barang elektrik yang menggantikan usaha manusia dengan tenaga elektrik. Perkara ini memusnahkan usaha menjimatkan tenaga.

Tambahan pula pemimpin-pemimpin masyarakat, badan-badan pemerintah, badan-badan perniagaan dan lain-lain organisasi yang berpengaruh kerap kali tidak menunjukkan contoh yang baik dari segi penjimatan tenaga supaya orangramai dapat contohi. Satu lagi gejala yang menyulitkan masalah ini adalah kekurangan semangat masyarakat. Tetapi saya akan menunjukkan bahawa ini hanya manifestasi satu penyakit yang lebih teruk dalam masyarakat kita.

Penjimatan tenaga yang dipaksa oleh kenaikan harga tenaga tidak adil kepada mereka yang miskin. Mereka yang miskin itu menerima kesan yang lebih teruk kerana sebilangan besar daripada pendapatan mereka digunakan untuk tenaga.

Juga kenaikan harga tenaga mungkin tidak dapat merendahkan jumlah penggunaan tenaga dengan banyak kerana golongan berada, yang menggunakan lebih banyak

ada tenaga yang sedia ada, mampu menyerapi kesan
an harga dan dengan ini tidak mengurangkan peng-
na tenaga.

Pengekalan tenaga dengan cara pencatuan barangkali
adil tetapi keadilannya bergantung kepada kewujudan
birokrasi yang cekap dan jujur. Walaubagaimanapun
seperti ini hampir mustahil untuk ditunaikan di
nyakan negara, termasuk Malaysia.

Reaksi kedua terhadap krisis tenaga adalah dengan
kaji perkembangan sumber-sumber tenaga baru — yang
diperbaharui dan yang tidak boleh diperbaharui.

Sekurang-kurangnya untuk jangkamasa pendek,
aknya ada sedikit kejayaan dalam usaha memajukan
banyak sumber-sumber tenaga yang tidak boleh
baharui.

Kita telah menjumpai lebih banyak sumber minyak dan
dan juga kita telah mengusahakan cara-cara baru untuk
eluarkan minyak. Di beberapa negara lain arangbatu
muncul kembali sebagai satu-satu bahan semulajadi
penting.

Tetapi rintangan yang besar adalah kos memajukan
ber-sumber ini. Ini meliputi kedua-duanya kos ekonomi
kos sosial seperti penambahan pencemaran.

Nampaknya masalah ini bersangkut dengan idea-idea
kini tentang ekonomi dan pembangunan.

bangunan ekonomi dan krisis tenaga

Pada masa kini kita menyamakan kemajuan dengan
bangunan ekonomi, khususnya dengan pertumbuhan
aran Negara Kasar (GNP). Tetapi bagaimanakah per-
bahan ekonomi ini diteruskan? Ia diteruskan dengan
tambahkan penggunaan tenaga.

Barry Commoner, seorang pakar bidang ekologi, men-
gkan dalam bukunya, *'The Poverty of Power'*, bahawa
la aktiviti manusia dikuasai oleh interaksi yang kompleks

antara tiga sistem dasar, iaitu, sistem kajialam hayat (ecosystem), sistem produksi, dan sistem ekonomi — bersama dengan sistem politik dan sosial.

Berikut adalah petikan dari buku beliau: "Keadaan keadaan saling bergantung ini — sistem ekonomi bergantung kepada kekayaan yang diperolehi daripada sistem produksi dan sistem produksi pula kepada hasil-hasil yang dibekalkan oleh sistem kajialam hayat — memerlukan sistem ekonomi menyesuaikan diri kepada keperluan-keperluan sistem kajialam hayat. Penguasaan pengaruh harus mengalir dari sistem kajialam hayat melalui sistem produksi kepada sistem ekonomi. Ini adalah satu rasional yang unggul. Tetapi dalam keadaan sebenarnya, hubungan antara ketiga-tiga sistem adalah terbalik. . ."

Beliau seterusnya mengatakan bahawa, "Tenaga memainkan peranan yang penting dalam interaksi-interaksi antara ketiga-tiga sistem ini. Tenaga matahari mengusahakan pusingan-pusingan kajialam hayat. Tenaga dari bahan mengerjakan hampir semua proses produksi. Kebanyakan peningkatan dalam hasil sistem produksi dan dalam perkembangan ekonomi adalah disebabkan oleh penggunaan tenaga dengan intensif untuk mengerjakan jentera-jentera yang lebih produktif. Penggunaan tenaga dengan intensif mengakibatkan penghabisan bahan bakar dengan pesat. Ini juga telah menyebabkan banyak daripada masalah-masalah pencemaran alam masakini."

Jadi perkembangan ekonomi masakini berdasarkan kepada teknologi pengeluaran yang bergantung kepada adanya sumber-sumber tenaga yang murah dan banyak.

Pertambahan dalam Keluaran Negara Kasar (GNP per capita) sahaja bukanlah merupakan perkembangan dalam ekonomi di sesebuah masyarakat. Ia mesti diikuti dengan pembahagian pendapatan yang adil. Bukan sahaja ia lebih berperikemanusiaan, tetapi ia juga melibatkan penggunaan tenaga.

Kumpulan pendapatan tertinggi itu lebih banyak membazirkan tenaga daripada kumpulan pendapatan rendah.

adalah kerana cara susunan masyarakat. Tetapi adakah masyarakat kita menimbang hakikat ini dengan sungguh-sungguh?

Satu lagi kecacatan yang dasar dari idea-idea ekonomi kini adalah anggapan bahawa manusia lebih bahagia hidupnya dengan penggunaan kebendaan yang berlebihan.

Ini wujud dalam kedua-dua sistem usaha bebas dan sistem ekonomi Marxisme. Kedua sistem ini menggalakkan aman kebendaan.

Fahaman ini diamalkan dengan cara lebih terbuka di negara-negara kapitalis melalui iklan-iklan dan lain-lain cara jualan.

Konsep ini dihasilkan daripada satu andaian yang dasar dalam teori ekonomi, iaitu ketidakpuasan keperluan manusia.

Kita tidak boleh mengesan apa-apa usaha untuk memisahkan antara keperluan-keperluan yang dasar dan kehendak-hendak ('wants'). Kita tidak boleh menafikan bahawa banyak daripada 'keperluan' kita itu memangnya 'kehendak' yang menjadi 'keperluan' selepas kita didedahkan kepada iklan-iklan dari media massa.

Kalau kita setuju dengan konsep 'ketidakpuasan keperluan manusia' maka krisis tenaga tidak boleh diselesaikan.

Pandangan alternatif tentang pembangunan

Pembangunan yang membenarkan sistem ekonomi menguasai seluruh sistem hidup manusia tidak boleh berjaya dalam jangka masa panjang.

Pembangunan ekonomi harus menjadi hanya satu aspek dalam pembangunan keseluruhan sesuatu masyarakat, namun aspek pembangunan ekonomi itu merupakan satu aspek yang lain seperti kebudayaan dan kerohanian.

Pembangunan yang tulen mesti mempunyai sifat-sifat berikut:

- a) Keperluan-keperluan asas dalam kehidupan — keperluan rumah, makanan, pakaian, pelajaran, dan kesihatan mesti tersedia kepada semua.
- b) Ketidaksamaan pendapatan mesti dikurangkan hingga darjat perbezaan antara pendapatan wujud hanya sebagai satu ganjaran kepada kebolehan dan bakat individu.
- c) Orang ramai harus menyertai diri mereka secara aktif dalam proses membuat keputusan dan mengeluarkan pandangan mereka dengan cara tidak takut dan tidak memihak.
- d) Bakat dan kebolehan-kebolehan intelektual dan kebudayaan tiap-tiap individu mesti digunakan dengan sepenuh mungkin.
- e) Institusi-institusi seperti keagamaan, keluarga, dan perkahwinan perlu dipelihara.
- f) Teknologi mesti menjadi hamba kepada manusia dan bukan sebaliknya.
- g) Pembangunan itu harus memelihara dan berharmonis dengan sistem kajialam hayat.
- h) Nilai yang dipetik dari tradisi kerohanian kita seperti kebenaran, keadilan, kebebasan, kesamaan, kesatuan, kasih-sayang, belas kasihan, dan kerjasama harus timbale balik sebagai prinsip-prinsip unggul dalam kehidupan dalam masyarakat. Nilai-nilai yang rendah darjatnya seperti kebendaan atau individualisme yang keterlaluan, kehalobaan, eksploitasi dan rasuah patut dikawal.
- i) Unit-unit ekonomi yang dibahagikan kuasa patut menjadi pusat ekonomi kita supaya amalan demokrasi berpenyertaan dan penggunaan teknologi yang kecil dan sederhana akan menjimatkan tenaga dalam pertanian dan industri.

Senarai sifat-sifat ini bukan lengkap tetapi hanya beberapa cadangan dari banyak lagi yang lain.

Bagaimanakah semua ini dapat menyelesaikan masalah tenaga? Dalam sebuah masyarakat seperti ini tempat-tempat kediaman boleh disusun semula. Pengganti kepada bandar-bandar besar ialah bandar-bandar yang kecil di mana seorang individu itu dapat bekerja di sebuah tempat yang tidak jauh dari rumahnya, supaya tenaga manusia boleh digunakan untuk pengangkutan dan bukan tenaga petrolium.

Industri dan pertanian pula akan menggunakan teknologi padanan supaya dapat hidup dengan cara harmoni dengan alam kajialam hayat. Ini pula akan menghasilkan pengekelan tenaga.

Cara hidup yang menekankan sikap sederhana juga dapat menolong kita dalam pengekelan tenaga.

Pandangan alternatif ini adalah satu pandangan yang lengkap tentang pembangunan. Pandangan ini padat dengan faedah kerohanian negara-negara Timur. Misalnya, Buddhisme menekankan 'middle path' atau jalan tengah dalam segala aspek hidup.

Idea-idea ini bukanlah baru. Malah baru-baru ini Schumacher telah mengemukakan idea-idea ini dalam bukunya, *Small is Beautiful*.

Tetapi 'propagator' idea-idea tersebut yang terkemuka sekali abad ini adalah Mahatma Gandhi. Beliau telah membuat penganjuran yang banyak kepada mengurangkan keperluan manusia kepada yang pokok sahaja.

Konsep memaksimumkan faedah sebagai tujuan asas dalam kehidupan manusia diganti dengan kebebasan moral dan kerohanian. Konflik dan persaingan diganti pula dengan kerjasama.

Bagaimanakah dapat kita mencapai cita-cita unggul ini? Pada mulanya memang ternyata bahawa perubahan-perubahan struktur dan pertukaran sikap perlu dalam masyarakat kita.

Dalam satu masyarakat demokratik ini hanya boleh dicapai dengan pendidikan sosial. Ini pula boleh dilakukan

dengan mengadakan seminar, forum, dan perbincangan dan lain-lain. Sifat-sifat tafakur dan memikir patut digalakkan di kalangan rakyat jelata.

Proses ini memang akan mengambil masa yang lama tetapi keazaman kita akan membolehkan kita mende-

cita-cita unggul ini.

Januari 1981

S. Subramaniam
Ahli Jawatankuasa

BAB 14

KUBUNGAN ANTARABANGSA DAN KEDAULATAN NEGARA

Kesengsaraan "orang-orang perahu" Vietnam telah mendapat perhatian sedunia sejak akhir tahun 1978 hingga ke pertengahan 1979. Dalam hal ini Aliran, sambil mendesak aspek-aspek kemanusiaan dalam menghadapi masalah ini, menyarankan agar Asean sekelompok membuat tekanan terhadap Vietnam dan Soviet agar mereka menghentikan pengaliran imigran ini ke beberapa negara Asean.

Hal ehwal Asean serta dasar pengecualian telah dianalisiskan dan dikomen selanjutnya. Pada bulan Julai 1980, Aliran telah mengingatkan bahawa negara-negara Asean perlu mengekalkan kedudukan pengecualian; bekerja ke arah pengecualian Asia Tenggara; dan mengukuhkan otonomi ekonomi dan budaya di kalangan mereka.

Akhir sekali disiarkan kenyataan kami mengenai penyerahan Musa Ahmad, pengucapan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana pencapaiannya serta bantahannya terhadap campurtangan China dan Parti Komunis China dalam hal ehwal negara ini.

ORANG-ORANG PERAHU VIETNAM

(Kenyataan Akhbar)

Orang-orang perahu dari Vietnam telah mengemukakan masalah yang rumit. Keinginan kerajaan kita mengawal kemasukan manusia yang tidak berhenti-henti dari Vietnam adalah berdasarkan sebab-sebab yang menasabah. Dari sudut kemanusiaan menyediakan kemudahan-kemudahan sementara pada masa ini, Malaysia telahpun menyumbang mungkin lebih banyak kepada negara-negara lain. Jika aliran kemasukan ini tidak dikawal, ianya mungkin akan menimbulkan kesan sosial yang negatif yang lebih-lebih lagi sebab lebih-kurang 40,000 pelarian Vietnam telahpun berada di negara ini.

Juga, telah jelas sekarang bahawa kebanyakan daripada orang-orang perahu ini bukan sebenar-benarnya orang-orang pelarian. Mereka terdiri daripada orang-orang yang meninggalkan Vietnam secara sukarela, kadangkala dengan galakkan aktif daripada kerajaan Hanoi. Sindiket-sindiket yang dikelola dengan rapi mengambil kesempatan ini untuk mendapat keuntungan kewangan. Memang patut Kerajaan Malaysia mensifatkan orang-orang perahu ini sebagai pendatang haram.

Tetapi, masalah ini boleh dilihat dari sudut yang lain. Memang wajarlah bagi Tunku (The Star, 20hb Nov. 1979) dan juga Biskop Pulau Pinang (Starmail, 25hb Nov.) untuk membangkitkan dimensi perikemanusiaan. Jika kita melihat orang-orang perahu ini pada masa ini — semasa monsun di laut — ini bermakna kita membiarkan mereka menjadi mangsa laut yang pincang. Banyak pasti akan mati. Tiga perahu minggu lalu memberi kita gambaran tentang apa yang boleh berlaku.

Sebuah negara yang berasaskan kepada kepercayaan kepada Tuhan tidak boleh membenarkan ketidakperikemanusiaan ini. Belas kasihan dan berbudi adalah nilai-nilai yang paling tinggi dalam semua agama. Atas dasar perasaan belas kasihan Aliran ingin mencadangkan suatu cara untuk mengatasi dilema ini. Pertama, Asean sebagai kumpulan negara-negara serantau sepatutnya berikhtiar menyediakan tempat-tempat perlindungan sementara bagi orang-orang perahu ini. Dengan lain perkataan, kesemua lima buah negara Asean mesti sama-sama memikul beban menjaga orang-orang ini semasa musim monsun. Masalah ini tidak boleh dianggotakan sebagai beban Malaysia sahaja. Sebaik sahaja musim monsun berakhir mereka yang tidak diterima oleh negara ketiga mesti disuruh meninggalkan negara Asean.

Kedua, negara-negara Asean dengan bersatu harus sepatutnya memberi tekanan ke atas Amerika Syarikat dan Perancis supaya mengambil lebih ramai lagi orang-orang perahu ini. Kedua-dua negara ini mempunyai tanggungjawab yang istimewa terhadap Vietnam. Keadaan masa kini, bagaimanapun, dikatakan, secara tidak langsung adalah akibat daripada

portangan mereka dalam hal ehwal negara ini. Berbagai negeri Eropah Barat dan Komonwel seperti Kanada, Australia dan New Zealand sepatutnya meningkatkan bantuan mereka dalam hal ini.

Ketiga, Asean hendaklah mengguna tenaga kumpulan untuk menyakinkan Kerajaan Hanoi bahawa ia tidak menggalak orang-orangnya keluar beramai dengan tidak menghiraukan kesan tindakan ini ke atas jiran-jirannya. Oleh Kerajaan Hanoi dan Russia mempunyai hubungan yang rapat, negara-negara Dunia Ketiga yang rapat dengan mereka hendaklah memberi tekanan ke atas mereka.

Jadi penyelesaiannya adalah dalam tangan Asean. Russia hendaklah mengambil inisiatif untuk mengadakan pertemuan menteri-menteri luar Asean untuk membincang masalah ini. Masalah ini cukup serius dan perlu mendapat perhatian yang segera oleh semua pihak.

Banyak telah diperkatakan mengenai kekukuhan Asean dan keyakinan bertambah; inilah peluang untuk membuktikannya.

1979

Jawatankuasa

"PENDATANG-PENDATANG HARAM" DARI VIETNAM

(Kenyataan Akhbar)

Aliran bersetuju dengan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa masalah "pendatang haram" dari Vietnam mesti diatasi di punca – iaitu di Hanoi.

Kerajaan Malaysia dan kerajaan-kerajaan daripada negara-negara ASEAN patut menegaskan dengan jelas kepada Hanoi bahawa mereka tidak boleh bersabar lagi jika kedatangan ini berterusan ke wilayah ASEAN. Kedatangan sebesar ini daripada negara-negara jiran hasil daripada keadaan dalam negeri Vietnam sendiri dan perhubungannya dengan China adalah tidak mempunyai bandingan dalam sejarah politik antara-

Memandangkan kedatangan beramai yang dijangkakan dalam beberapa bulan akan datang, Aliran menggesa kerajaan-

kerajaan ASEAN mempertimbangkan langkah-langkah berikut:

- 1) Satu persidangan kemuncak bagi semua pemimpin kerajaan negara-negara ASEAN diadakan untuk membincangkan masalah "pendatang haram." Ini dapat membayangkan kebimbangan sekumpulan negara-negara ASEAN dengan cara yang amat dramatis.
- 2) Berikutan dari persidangan kemuncak ini, satu rombongan tertinggi ASEAN dihantarkan ke Hanoi untuk mengujudkan tekanan diplomatik ke atas Vietnam untuk menghentikan pergerakan pendatang.
- 3) Satu rombongan yang serupa juga harus dihantarkan ke Russia untuk memintanya menggunakan pengaruhnya ke atas Hanoi supaya tidak membenarkan keadaan ini menjadi semakin buruk. Memandangkan minat yang semakin bertambah terhadap ASEAN, Russia terpaksa memberi perhatian berat kepada masalah ini.
- 4) Ahli-ahli negara-negara berkecuali dari kalangan ASEAN — iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura — melancarkan satu kempen besar-besaran di antara kalangan sahabat-sahabat Hanoi di dalam pergerakan untuk membuat mereka memahami kedudukan ASEAN. Kempen ini patut ditujukan kepada perhimpunan negara-negara berkecuali yang akan diadakan di Hanoi tidak lama lagi.
- 5) Kerajaan-kerajaan ASEAN patut berusaha untuk mengadakan satu sesi istimewa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu bagi membincangkan masalah ini. Tiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dilaporkan cenderung kepada langkah seperti ini. Sesi istimewa Perhimpunan Agung dapat memberi kesempatan untuk menerangkan keadaan ASEAN kepada negara-negara lain di dunia.

Hanoi perlu mepedulikan tekanan bersama ASEAN. Tujuan tekanan ini ialah untuk menyakinkan Hanoi, Russia, gerakan negara-negara berkecuali dan seluruh dunia bahawa ASEAN tidak rela dipergunakan sebagai 'tempat pembuangan' oleh Vietnam.

Tidak boleh dinafikan bahawa ASEAN masih belum memperhatikan lagi kehendak sekelompok, dan keazaman terhadap perkara ini. Cuma apabila ianya berbuat demikian barulah Hanoi dapat menghargai nilai-nilai kejiwaan. Yang sudah tiba masanya bagi ASEAN bertindak.

Tindakan sebaliknya bukanlah bermakna bahawa Malaysia dan negara-negara ASEAN lain mesti mengambil langkah nekat — umpamanya menembak "pendatang haram". Langkah seperti ini akan mengakibatkan Malaysia menjadi perhatian sedunia padahal tumpuan perhatian sepatutnya ke arah Hanoi. Hanoi lah yang mesti ditempatkan dalam gelanggang mahkamah — bukan Kuala Lumpur.

Janganlah kita menyediakan peluru kepada elemen sempit fikiran dan berprasangka di kalangan media yang telah gagal memahami keadaan keseluruhannya dialami oleh Malaysia dan Negara-negara Asean lain.

1979

Jawatankuasa

PENDATANG-PENDATANG VIETNAM ADALAH MANUSIA

(Kenyataan Akhbar)

Jika kerajaan memutuskan untuk menembak pendatang-datang Vietnam, ianya akan memenuhi kehendak Hanoi, kerana Kuala Lumpur akan menjadi sasaran kritikan-kritikan keras antarabangsa. Kuala Lumpurlah yang terdapat di dalam gelanggang mahkamah, dibicarakan di hadapan dunia. Sebenarnya Hanoi yang patut dikutuk kerana meramalkan satu strategi yang licin untuk mengancamkan kestabilan keadaan etnik di Asia Tenggara. Hanoi lah yang sepatutnya didicela dan dihukum.

Berasaskan latarbelakang ini Aliran mengulangi seruan kepada semua kerajaan ASEAN agar menggunakan tekanan kolektif ke atas Hanoi. Tujuan langkah ini ialah a) menggesa Hanoi supaya berhenti menjalankan penganihahan dan b) menggesa Hanoi menerima balik "penda-

tang-pendatang haram" yang telah sampai ke wilayah ASEAN yang akan dihantarkan kembali ke negara asalnya. Pendatang hantaran balik pendatang-pendatang Vietnam' mesti dijajahkan cuma apabila ASEAN telah mengujudkan tekanan melalui langkah-langkah ini.

Hanoi dapat ditekankan melalui perundingan secara langsung, pengaruh Rusia, negara-negara berkecuali dan melalui forum-forum antarabangsa. Hanoi memerlukan persahabatan ASEAN tetapi ia juga menguji kesepakatan ASEAN dan keupayaannya menahan tekanan. ASEAN mesti tidak membayangkan bahawa ianya mudah digugup.

Sudah tiba masanya bagi ASEAN menunjukkan tekad sekumpulan. Kita terpaksa berkeras tetapi berperikemanusiaan. Adalah tidak menjadi penting sama ada pihak-pihak lain menghargai perikemanusiaan kita atau tidak. Kita terpaksa berperikemanusiaan oleh kerana kita juga manusia dan pendatang-pendatang Vietnam juga manusia seperti kita.

Jun 1979

Jawatankuasa

AGENSI BERITA BERKECUALI

(Kenyataan Akhbar)

Persidangan-persidangan negara-negara berkecuali pada masa yang lalu sering menghasilkan haba dari cahaya. Aliran berharap bahawa persidangan kemuncak yang akan diadakan di Havana akan menghasilkan program-program yang berfaedah.

Adalah menjadi satu kepentingan besar untuk mematahkan dominan agensi-agensi berita barat ke atas Dunia Ketiga. Agensi-agensi inilah yang membekalkan berita kepada negara-negara Dunia Ketiga berkenaan dengan negara-negara Ketiga. Ada kalanya laporan berita dan penganalisan keadaan dengan sengajanya diputar-belitkan untuk mengagalkan kepentingan-kepentingan kuasa-kuasa Barat. Kelas-kelas terdidik bagi banyak negara Dunia Ketiga membentuk pendapat mereka terhadap kejadian-kejadian di negara-

...ra lain berdasarkan informasi yang diputar belitkan itu.

"Imperialisme informasi" ini ialah ancaman yang amat besar kepada perkembangan perhubungan antara-negara di kalangan Dunia Ketiga. Sebagai satu blok yang dominan dalam Dunia Ketiga, gerakan berkecuali mesti melancarkan pertubuhan agensi berita Dunia Ketiga. Matlamat ini ialah untuk menerima dan membekalkan berita informasi di kalangan negara-negara di luar blok Barat Timur. Ianya mesti dibiayai dan diuruskan keseluruhan oleh negara-negara Dunia Ketiga. Lebih penting, ianya mesti mewakili pendekatan bebas yang tidak terkongkong pada sama ada kapitalisme antarabangsa atau komunisme antarabangsa.

Aliran menggesa agar delegasi Malaysia dapat membuat perni di persidangan negara berkecuali.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

...ps 1979

ASEAN & DASAR BERKECUALI

(Kenyataan Akhbar)

Aliran menyambut baik panggilan dari kedua-dua Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri supaya Asean terus menjalinkan hubungan sosial, budaya dan ekonomi di kalangan negara-negara ahli dan bukan menumpukan tenaga ke arah pakatan militer seperti apa yang dicadangkan oleh beberapa golongan. Masa depan Asean bergantung pada kebebasan dan perkecualiannya dari persaingan kuasa-kuasa besar. Jadi, amatlah mustahak bagi negara-negara Asean untuk ditekankan oleh golongan tertentu dari dalam atau luar Asean yang inginkan sikap militer ini.

Subramaniam Sithambaram
Ahli Jawatankuasa

...c 1980

OTONOMI ASEAN

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan kenyataan Menteri Luar Negara kita, Tengku Ahmad Rithaudeen, baru-baru ini bahawa tujuan Asean tetap kerjasama ekonomi, sosial dan kebudayaan walaupun isu-isu politik di Afghanistan dan Kampuchea menjadi perhatian umum sekarang.

Asean telah sepatutnya mengecam campurtangan tentera di kedua-dua buah negara ini dan patut menuntut ditarik keluar askar-askar asing, sambil mempertahankan dasar tidak berkecualinya dalam politik internasional. Malaysia, yang telah berhati-hati dalam hal ini, boleh mendatangkan pengaruhnya ke atas negara-negara anggota Asean untuk mewujudkan sikap berkecuali dan membuka pintu perhubungan dengan Vietnam. Di samping itu, kita patutlah terus berjaga-jaga terhadap putar-belit dan kekejaman rejim Vietnam sekarang seperti yang ditunjukkan pelayanan mereka terhadap orang-orang pelarian.

Pengecualian Asia Tenggara di bawah konsep Zopfi Malaysia patutlah diperjuangkan di kalangan Asean dan langkah-langkah tegas diambil untuk membawa Burma, sebagai pemimpin kalangan berkecuali yang dihormati, ke dalam urusan-urusan Asia Tenggara. Kerana pengecualian perubaaan Kuasa Besar, di antara Amerika Syarikat, Soviet Rusia, China dan Jepun, dari Asia Tenggara merupakan satu-satunya penyelesaian yang sebenar bagi masalah-masalah kawasan sekarang.

Demi mempertahankan dasar berkecuali, negara-negara anggota Asean mestilah selanjutnya melaksanakan langkah-langkah kerjasama dengan tujuan untuk memperkuatkan berdikari ekonomi dan kemerdekaan budaya. Misalnya usaha usaha serantau dalam bidang perdagangan dan perusahaan dan juga penerimaan satu sistem nilai Asean dalam mengukuhkan kemajuan dan pembangunan adalah penting untuk mencapai otonomi yang tulen.

Julai 1980

Gan Teik Chuan
Pemangku Presiden

PENGECUALIAN ASIA TENGGARA

(Ringkasan Ucapan)

Keadaan di Kampuchea dan Afghanistan memberi beberapa pengajaran kepada kita. Malaysia perlu memikirkan halus-halusnya cara untuk ia memelihara kemerdekaan dan integritinya memandangkan ia sebagai negara yang makmur yang terletak secara strategis di kawasan Asia Tenggara yang biasanya bergelora dan, selama tiga dekad, telah menjadi kawasan perang bagi kuasa-kuasa besar.

Adalah jelas bahawa masadepan kita bergantung kepada taraf berkecuali. Peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam Laos, Kampuchea dan Afghanistan adalah disebabkan hal ini. Di Kampuchea, Amerika Syarikat menggalakkan penggulingan pemerintahan Norodom Sihanouk dan menyokong penubuhan rejim boneka yang berkuku besi di bawah Lon Nol. Dasar-dasar rejim ini menguatkan Khmer Rouge yang akhirnya berkuasa mewujudkan satu pemerintahan komunis pro-China di bawah Pol Pot dan Ieng Sary. Soviet Union dan Vietnam berjaya menubuhkan rejim di Phnom Penh yang berpaling kepada mereka kerana rejim Pol Pot ini yang bersikap pro-China dan juga kerana program penyusunan semula nasionalnya yang tidak berperikemanusiaan itu. Dari gambaran ini nampaknya terdapat kuasa luar yang mempengaruhi perubahan dalam hal negeri Kampuchea. Di samping itu juga ia menyaksikan kesediaan pemimpin-pemimpin yang bersaing untuk mendapatkan bantuan luar untuk menyelesaikan konflik dalaman.

Di Afghanistan, perebutan kuasa Nur Taraki dari Presiden Daoud pada tahun 1978 adalah diselenggarakan dengan bantuan aktif dari Soviet Union. Sebelum ini juga kita melihat penglibatan Soviet meningkat di sebuah negara yang mengamalkan sistem kerajaan yang pro-Amerika. Reformasi yang radikal telah menghasilkan penentangan kuat dari golongan-punya tanah yang kaya, yang dibantu oleh golongan-golongan yang mempunyai penderitaan tulen. Mereka telah melawan pemerintah dengan menggunakan mereka sebagai faktor perpaduan.

Cukup bukti telah menunjukkan bahawa Amerika Syarikat, China dan beberapa pemerintahan Muslim tertentu yang rapat dengan Amerika Syarikat telah memberi bantuan militer dan kewangan kepada gerila-gerila. Apabila Hafizullah Amin (pengganti Taraki) telah mula menunjukkan kekecewaannya kepada penentang-penentang itu, Soviet Union memasuki dengan bala tentera dan kereta kebalnya untuk menentukan Afghanistan tetap menjadi negara satelitnya. Penyerangan Soviet terhadap Afghanistan – lebih tragik dari segi akibatnya berbanding dengan pelanggaran Soviet terhadap Hungary dan Czechoslovakia – patut dikutuk oleh setiap manusia yang berfikiran waras. Sekali lagi polanya adalah jelas: golongan dalam negeri mencari bantuan dan kuasa luar untuk melawan golongan yang lain, yang kemudiannya menerima pertolongan dari kuasa luar saingan.

Inilah sebabnya betapa mustahaknya integriti moral kedua-dua elit pemerintah dan pembangkang di negara-negara merdeka yang kecil. Seorang pemimpin yang mempunyai integriti tidak akan meminta bantuan luar untuk memelihara atau mencapai kuasa. Ini adalah keperluan kepada dasar berkecuali.

Berikutan dari ini, sistem politik dalam negeri perlu direka di mana para pemimpin boleh dikuasai dengan berkesan; jadi segala penyelewengan yang akan menjejaskan kedaulatan negara dapat dikesan oleh orang ramai. Oleh itu kita perlu memelihara dan menguatkan sistem demokrasi pemerintahan. Kepimpinan yang demokratis, yang matlamatnya sentiasa diawasi oleh rakyat, tidak mungkin boleh “mempelawa” kuasa asing untuk menolong menstabilkan keadaan dalam negeri tanpa mencetus reaksi dari kalangan penduduk.

Yang sama mustahak dengan sistem politik ialah hal-ehwal ekonomi dan budaya sesebuah masyarakat. Sesebuah negara tidak boleh mengaku berkecuali jika perdagangan, pembangunan industrinya, saluran informasinya, sainsnya adalah seiring dengan, dan bergantung rapat dengan satu blok atau yang lain. Melepaskan diri kita dari satu jenis “hubungan” tidak bermakna kita harus membina

...ngan" yang lain. Tujuan utama kita seharusnya ialah meningkatkan keberdikarian kita dan kemerdekaan kita dalam semua hal yang berdasarkan satu konsep pembangunan yang otonomos. Hanya selepas ini maka boleh kita mengamalkan dasar berkecuali dalam hubungan-hubungan negeri kita.

Dasar berkecuali yang tulen memerlukan kita mengamalkan "Jarakadil" (Equidistance), satu dasar yang disokong oleh Pemerintah kita bila ia pertama kali mencadangkan "zon damai, bebas dan berkecuali" untuk Asia Tenggara. Itu perlu dijalankan sekarang. Ia perlu diperkuatkan melalui usaha sedar untuk menjalinkan hubungan kita dengan negara-negara bukan-Asean di Asia Tenggara, dengan Italia dan New Zealand, dengan Negara-negara Eropah dan Timur dan dengan beberapa negara berkecuali di Afrika dan Amerika Latin.

Dalam hal ini, Malaysia perlu melihat dirinya sebagai hubung di antara Asean dan negara-negara komunis di China. Dewasa ini juga kita mempunyai hubungan yang baik dengan Vietnam dari mana-mana negara Asean. Hubungan baik ini mesti dipertahankan di masadepan supaya sangat kemerdekaan yang tradisional, yang mana Vietnam menunjukkan di dalam sejarah, boleh digunakan untukujuk Vietnam agar ia mengadakan hubungan rapat dengan negara-negara jirannya yang bukan-komunis di Asia Tenggara. Ini adalah untuk kebaikan Vietnam sendiri untuk melepaskan dirinya dari pengaruh Soviet. Bagaimanapun, ini hanya terjadi sekira Asean juga mempraktikkan dasar berkecuali yang tulen.

Sekira Asean dan negara-negara Indochina dapat menunjukkan sesama sendiri bahawa mereka benar-benar mengamalkan dasar berkecuali, ini akan membolehkan pencapaian dapat satu pengecualian Asia Tenggara — satu idea mula-mula dicadangkan oleh Tun Ismail pada tahun 1965. Sebuah Asia Tenggara yang mempunyai pengecualian dijamin oleh kuasa-kuasa besar merupakan satu harapan bagi keselamatan setiap negara di rantau ini. Itulah yang pemerintah Malaysia mesti memulihkan idea ini

dengan penuh semangat dari masa-masa yang lalu. Sejak permulaan, kita perlu mengadakan perbincangan dengan Burma — sebuah negara yang mempunyai berkecuali yang tidak boleh dipersoalkan — mengenai cualian Asia Tenggara. Penglibatan Burma dalam hal ini menolong sedikit dalam meyakinkan negara-negara Indonesia akan keikhlasan dalam tujuan kita ini.

Sayugia diingatkan bahawa keupayaan Malaysia memainkan peranan penting dalam mengecualikan Tenggara bergantung kepada sama ada ia boleh menyelesaikan masalah-masalah dalam negerinya. Menyatukan pendirian yang berbilang golongan etnik dan mengurangkan perbezaan sosial merupakan cabaran hebat kita. Kita masih memerlukan merangkakan penyelesaian asas kepada kedua-kedua masalah.

Dr. Chandra Muzia
Presiden

Ogos, 1980

RANCANGAN PENDAMAIAN ASEAN UNTUK KAMPUCHEA

(Kenyataan Akhbar)

Rancangan perdamaian Kampuchea anjuran negara ASEAN mengandungi beberapa unsur-unsur membina. Namun demikian, Aliran kurang yakin bahawa suatu persidangan antarabangsa yang membincang masalah Kampuchea semata-mata dapat diadakan. Sudah Vietnam dan Soviet Union tidak akan menghadhiri persidangan yang akan membicarakan campurtangan Vietnam yang tidak sah dan tidak adil dalam hal-ehwal Kampuchea. Tanpa kehadiran Vietnam dan Soviet Union, persidangan mengenai Kampuchea tidak akan mencapai matlamatnya.

Masalah Kampuchea tidak bisa diasingkan dari masalah Asia Tenggara lainnya. Itulah sebabnya kita mengadakan persidangan mengenai Asia Tenggara yang dihadhiri oleh Amerika Syarikat, Soviet Union, Cina, dan semua negara-negara dirantau ini. Selain daripada gunduran tentera Vietnam dari Kampuchea, masalah

dan-pangkalan tentera di Asia Tenggara, pakatan-
militer dan ekonomi dengan kuasa-kuasa asing dan
persoalan antarabangsa yang lain yang bersabit
rantau ini, juga harus dibincang. Matlamat persidangan-
mengenai Asia Tenggara ini ialah untuk mencari jalan
paling berkesan guna mengujudkan kawasan damai,
dan berkecuali sepertimana dicadangkan oleh ASEAN
tahun 1972. Persidangan ini boleh diadakan di ibu kota
Asia yang benar-benar berkecuali seperti Rangoon.

ada hemat kami, inilah saat yang paling sesuai untuk
adakan suatu persidangan antarabangsa mengenai Asia
Tenggara: a) Keadaan 'tak tentu arah' yang wujud dirantau
mungkin memujuk semua pihak mengambil bahagian
persidangan yang dicadangkan itu. b) Kesulitan
kami yang dihadapi oleh Vietnam dan keadaan yang
mantap di Thailand mungkin membuktikan penting-
perundingan antara Vietnam dan Thailand, Asia Tenggara
Komunis dan Asia Tenggara yang bukan Komunis.
Malupun hubungan antara Vietnam dan ASEAN tidak
rapat Vietnam dan Malaysia terutamanya, masih dapat
alog. Ini bermakna bahawa asas untuk mengadakan
undingan masih wujud. Kita harus mengambil kesempatan
untuk mengesyorkan persidangan Asia Tenggara kerana
kemungkinannya keadaan akan berubah dan hubungan
Malaysia dan Vietnam juga akan terus merosot.

ember 1980

Jawatankuasa

PENYERAHAN DIRI Pengerusi PKM

(Kenyataan Akhbar)

Penyerahan diri Encik Musa Ahmad, Pengerusi Parti
Komunis Malaya (PKM) adalah satu pencapaian bagi Kemen-
tanan Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah pimpinan Tan Sri
Ali Shafie. Yang dikesalkan ialah beberapa kenyataan
berbau perkauman dalam pengakuan Encik Musa
Ahmad.

Tetapi perkara yang jauh lebih penting ialah pendapat beliau tentang cara Parti Komunis China mengarahkan kegiatan-kegiatan PKM. Sekiranya ini benar, kita menganggapnya sebagai campurtangan yang ketara dalam ehwal negara ini. Ini adalah kerana dalam sistem kom parti dan kerajaan adalah sama. Sebuah negara yang berda dan berkecuali yang menghargai maruahnyanya tidak harus membenarkan keadaan ini.

Walaupun menjalinkan hubungan diplomatik dengan negeri China pada tahun 1974 adalah satu langkah yang Aliran merasa kecewa bahawa dalam 6 tahun yang kerajaan Peking tidak dapat dipujuk menghentikan campurtangannya dalam hal-ehwal negara kita. Dalam hubungan Aliran kurang bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew, bahawa satu perubahan sikap mungkin berlaku di Peking. Jika ditinjau dari jenis pembangunan yang digalakkan di negeri China, sudah jelas bahawa negara itu mungkin wujud dalam beberapa dekad yang akan datang sebagai gergasi militer-industri. Biasanya gergasi militer-industrial akan cuba mengimpah pihak lain sepertimana dibuktikan dalam dasar luar Amerika Syarikat dan Soviet Union. Ini adalah akibat dari kepentingan ekonominya. Proses yang sama berlaku di Jepun — satu lagi gergasi industrial — yang kini telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperkuatkan kedudukan militernya.

Memandang kepada keadaan ini, negara-negara kecil Asia Tenggara harus berwaspada kepada negeri China dan kuasa-kuasa besar yang lain yang cuba memperluas pengaruhnya dirantau ini. Tentang campurtangan China khususnya, ASEAN boleh menggunakan kuasa diplomatik untuk menentukan agar negeri China tidak meneruskan peranannya sebagai 'pelindung' kepada parti-parti komunis di Asia Tenggara.

Januari 1981

Jawatankuasa

BAB 15

PANDANGAN AM

Bab ini bertajuk "Pandangan Am" kerana ia mengandungi pandangan meluas, memandang ke hadapan dan belakang, mengenai pembangunan Malaysia sebagai sebuah negara. Ucapan-ucapan utama dibuat pada waktu-waktu seperti Mesyuarat Am Tahunan Aliran, Merdeka dan Hari Tahun Baru. Sebahagian dari tema-tema yang terdapat di sini ialah arah diambil oleh pembangunan ekonomi, aliran ke Malaysiaan yang berasaskan nilai-nilai etika sejagat, dan sebagainya. Yang paling relevan buat ketika ini ialah ucapan mengenai Merdeka dan Kebebasan Berpolitik" yang dibuat oleh Dr. Chandra Shekhar di Jamuan Merdeka 1980 Aliran yang menonjolkan kekurangan kebebasan berpolitik dan bahaya ketidakstabilan akibat dari frustrasi yang ramai.

RENUNGAN-RENUNGAN PADA HARI MERDEKA

(Karangan)

Hari ini kita berusia 22 tahun. Hari jadi nasional kita merupakan waktu perayaan. Ia juga merupakan masa untuk renungan. Kita mesti mengambil kesempatan untuk merefleksikan kekuatan dan kelemahan-kelemahan kita.

Sumber-sumber semula jadi yang banyak, permintaan luar negara terhadap barangan eksport, pertumbuhan ekonomi yang cemerlang, penyediaan kemudahan-kemudahan kesihatan dan pelajaran kepada sebilangan besar rakyat, peningkatan kecekapan yang agak meningkat dalam pentadbiran dan komitmen terhadap terhadap keadilan sosial dan kebebasan-kebebasan awam dari pihak pemimpin — ini kesemua merupakan kekuatan-kekuatan kita.

Akan tetapi ada beberapa kelemahan yang kita tidak dapat nafikan.

Selepas 22 tahun, seseorang kurang mengetahui sejauh mana ada kita bergerak ke arah satu kesedaran Malaysia.

Setengah-setengah elit bukan-Melayu masih tidak memahami pentingnya Bahasa Melayu sebagai bahasa tunggal dan bahasa kebangsaan seperti juga yang mereka tidak memahami kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Mereka tidak memahami bagaimana Bahasa Melayu dan Islam akan membentuk dan mencipta identiti Negara Malaysia masa depan. Pada masa yang sama juga, sedikit elit Melayu yang sedar terhadap implikasi perpaduan masyarakat majmuk — apa ertinya dari segi peranan bahasa bukan-Melayu dan agama-agama mereka dan kepentingan bagi kita berusaha dengan penuh kesedaran untuk mencapai matlamat persamaan di antara kaum-kaum? Selagi elit Melayu dan bukan-Melayu yang mempunyai pengaruh besar ke atas masyarakat keseluruhannya tidak dapat memupuk persefahaman ini, maka tidak akan wujudnya kesedaran Malaysia dan tidak akan terbentuk perpaduan negara. Ini adalah kerana inti perpaduan nasional ialah tanggapan umum terhadap bentuk dan identiti nasional yang dipegang oleh semua masyarakat.

Selepas 22 tahun, kita masih lagi ragu sama ada kita telah menggunakan pendekatan yang wajar terhadap kemiskinan ekonomi. Memang benar, ekonomi kita telah berkembang dan terdapat pengagihan semula dari segi peluang-peluang. Tetapi bolehkah kita berharap merapatkan jurang di antara si kaya dengan si miskin melalui teknik sekarang ini? Bolehkah kita mengurangkan jurang perbezaan apabila kita bersedia mengkaji secara kritis pola hakmilik tanah di sini, pengawasan terhadap sumber-sumber semula jadi, perbankan, taburan barangan dan kemudahan-kemudahan lain-lain aspek asas ekonomi? Bolehkah kita mengukuhkan masyarakat yang adil dan saksama apabila kita telah mengutamakan pengeluaran, pertumbuhan dan keuntungan — dan mengabaikan manusia pada keseluruhannya — sebagai tumpuan untuk masa depan.

Selepas 22 tahun, seseorang mula menanya sama ada sistem politik kita sebenarnya telah matang. Adakah demokrasi tidak lebih dari pilihanraya, parti, sedikit debat di parlimen dan sedikit pertentangan pendapat dalam ahli-

ah demokrasi juga bermakna penglibatan penduduk
penyelenggaraan hal-hal kita sendiri? Tidakkah demo-
bermakna menyediakan lebih banyak peluang kepada
untuk membincangkan isu-isu utama yang dialami oleh
? Tidakkah demokrasi bermakna menghapuskan
undang dan peraturan-peraturan yang mengujudkan
tan di dalam dada bagi mereka yang benar-benar
kong demokrasi supaya mereka yang mencintai demo-
apat bercakap dengan bebas dan terus-terang.

lepas 22 tahun, seseorang mempunyai keraguan serius
ada sistem pelajaran kita telah membantu mencipta
ya yang sedar terhadap nilai-nilai etika yang patut men-
antuan bagi hidup mereka. Dari segi fizikal, sistem
an kita telah maju. Ada lebih banyak sekolah dibina
ng. Kita tidak mempunyai sebuah universiti pada tahun
sekarang kita mempunyai lima buah universiti. Tetapi
kita berjaya membimbing otak dan hati yang sebenar-
jadi matlamat pendidikan ? Tidakkah benar bahawa
ian besar bilangan terpelajar kurang mengindahkan
an orang-orang lain, kurang memberi pemikiran
o masa depan masyarakat kita? Tidakkah benar
an tunggal mereka ialah untuk diri sendiri, bahawa
perhatian mereka ialah menimbunkan kekayaan
membolehkan mereka menikmati kemewahan-
an orang-orang yang betul-betul kaya? Akhirnya,
benar bahawa orang yang 'terpelajar' dengan nilai-
atif ini yang menentukan tahap (standard) untuk
golongan masyarakat mengikutinya?

apas 22 tahun seseorang mula merasa kepimpinan
tidak menonjol sebagai golongan yang mempunyai
tinggi terhadap kejujuran awam. Memang ada
individu dalam pimpinan nasional kita yang ber-
pada nilai baik ini. Tetapi sebagai satu golongan,
belum membayangkan keazaman untuk meng-
rasuah, ketamakan sosial dan penyalahgunaan
utama sekali di tempat-tempat tinggi. Banyak
berani telah diutarakan tentang pentingnya
rasuah. Akan tetapi, tindakan tidak selari dengan
rajaian seseorang pemimpin terhadap kejujuran

awam akan terbukti apabila ianya membuat keputusan cegah rasuah di kalangan rakan-rakan sejawat sendiri. Jika ini tidak dilakukan, celaan terhadap kebolehan pemimpin menunaikan janjinya akan terus bertambah.

Ini adalah apa yang diperhatikan oleh Aliran lima kelemahan yang penting dalam masyarakat kita: di antara elit Melayu dengan bukan-Melayu terhadap identiti nasional kita; perbezaan jurang ekonomi di antara yang kaya dengan yang miskin hasil dari keajaiban mengkaji perkara-perkara asas sistem ekonomi kita; keperanan orang ramai dalam pengurusan masyarakat; ketiadaan teras etika dalam pelajaran; dan akhirnya ketiadaan komitmen sekumpulan terhadap kejujuran.

Sebagai satu persatuan yang mengambil berat untuk mewujudkan kesedaran sosial, Aliran merasa bahawa ini adalah hari yang istimewa untuk menjemput pemimpin kita dan orang ramai memulakan perbincangan serius terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh kita.

Ogos 1979

Jawat

SIFAT-SIFAT KEPIMPINAN DALAM DASAWARSA 80'AN

(Ringkasan Ucapan)

Ada beberapa sifat kepimpinan yang mesti diutamakan dalam apa masa jua. Sepuluh sifat-sifat yang boleh diutamakan ialah a) kejujuran b) nilai tak mementingkan diri sendiri c) kebijaksanaan d) ketabahan e) keinginan membela orang yang kurang berada f) komitmen kepada keadilan g) menghormati kebebasan h) menghormati pandangan orang lain i) menghormati kepelbagaian sosial budaya dan agama j) komitmen kepada keamanan dan keharmonian.

Selain daripada sifat-sifat tersebut, pemimpin-pemimpin akan memerlukan beberapa sifat yang lain mengikut ka-

dan ekonomi yang sedang berubah. Berdasarkan aliran masakini, 5 kejadian yang penting boleh diutarakan.

Kesedaran agama yang lebih tinggi di kalangan belia-belia Islam yang akan mengakibatkan kesedaran yang makin tambah di antara belia-belia bukan-Islam mengenai agama mereka. Ini akan menghasilkan satu polarisasi agama.

Kesedaran belia-belia bukan-Melayu mengenai hak-hak mereka di negara ini, yang mungkin akan menyebabkan tuntutan yang lebih terhadap pemerintah untuk pembelaan yang saksama. Ini akan mengakibatkan masalah-masalah perkauman.

Kesedaran di setengah golongan masyarakat Melayu mengenai perbezaan yang sedia wujud di antara orang-orang Melayu yang kaya dan mereka yang miskin. Hal ini mungkin menyebabkan beberapa golongan memperkukuhkan kepimpinan politik Melayu yang sedia ada.

Pertumbuhan ekonomi yang makin tinggi akan memperingkatkan kemewahan golongan-golongan menengah dan atasan tetapi, ia telah juga menimbulkan kesedaran orang ramai bahawa pembangunan belum memperbaiki taraf kehidupan orang-orang miskin.

Berdasarkan (a), (b), (c) dan (d) ada kemungkinan besar bahawa pemerintah akan cuba mengenakan kawalan yang lebih ketat atas perbahasan dan perbezaan pendapat. Jika lebih kawalan dilaksanakan, amalan demokrasi akan makin merosot.

Suasana yang wujud oleh sebab kelima-lima aliran itu yang mempunyai perkaitan antara satu sama lain adalah baik untuk negara ini. Dalam keadaan seperti ini, itulah bahawa suatu jenis kepimpinan sangat-sangat mendaki. Kepimpinan mesti mempunyai sifat-sifat yang berikut:

Ia mesti boleh menukarkan kesedaran agama yang makin bertambah kepada usaha-usaha mencari nilai-nilai dan prinsip-prinsip agama yang sama.

- b) Ia mesti menekankan tanggungjawab golongan muda-mudi bukan-Melayu bahawa mereka mesti memahami sejarah dan latarbelakang kebudayaan negara sebelum mereka membuat tuntutan untuk meniadakan keadilan. Ianya mesti meyakinkan golongan-golongan muda, baik orang Melayu maupun orang bukan-Melayu bahawa keadilan sosial sangatlah penting untuk kemajuan negara.
- c) Ia mesti meyakinkan muda-mudi Melayu dan bukan-Melayu bahawa perbezaan sosio-ekonomi wujud di antara kedua-dua komuniti. Oleh sebab itu, tidak harus cuba mewujudkan perpaduan Melayu, Cina atau India. Usaha menyatukan harus berasaskan nilai-nilai dan matlamat-matlamat yang sama.
- d) Ia mesti juga menjelaskan kepada golongan-golongan muda-mudi sebab-sebab arah pembangunan sekular tidak boleh mengelakkan jurang di antara kaum kaya dan kaum miskin. Walau bagaimanapun, ia mesti meyakinkan muda-mudi bahawa penyelesaian bukan datang dari sosialisme. Jawapannya terdapat dalam pembentukan masyarakat berdasarkan nilai-nilai budaya kita yang berbeza dan diperkayakan dengan elemen-elemen sihat dari tamadun Barat -- satu gambar masyarakat yang dapat menjadi model untuk membentuk perhubungan politik, ekonomi dan sosial.
- e) Akhirnya, kepimpinan dalam 80'an mesti dapat ditunjukkan di kalangan muda-mudi, cinta terhadap kebebasan dan hak-hak mereka sebagai seorang manusia. Demokrasi akan dapat kekal di negara kita.

Dr. Chandra Murugesu
Presiden

Oktober 1979

MALAYSIA DI DALAM DASAWARSA 90AN

(Ringkasan Ucapan)

Oleh kerana 1990 merupakan tahun akhir bagi Pelan Objektif Dasar Ekonomi Baru, maka eloklah kita jadikan sebagai fokus kepada analisa kita. Soalan utama ialah akan jadi selepas era DEB.

Sekira DEB gagal dalam mencapai dua objektifnya, membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, sudah tentu ada akibatnya terhadap kedua-dua komuniti Melayu dan bukan Melayu. Dan nampaknya DEB akan lagi mula melawan kemiskinan pada peringkat dasar kerana kemiskinan adalah berkait-rapat dengan masalah bahagian pendapatan. Menyediakan kemudahan-kemudahan sosial, meluaskan kemudahan-kemudahan pendidikan, membekalkan baja dan anak-anak pohon, memperkenalkan teknologi baru, membuka skim tanah adalah usaha-usaha yang boleh dipuji tetapi semua tidak mengatasi sebab-musabab asas kemiskinan. Untuk mengatasi kemiskinan, sistem hak milik tanah; sifat penguasaan terhadap sumber-sumber alam; pola pemilikan peribadi; sistem bank dan kewangan; cara membahagikan barang-barang dan perkhidmatan; cara memberi ganjaran kepada pihak buruh; konsep keuntungan; malah pengertian mengenai keadilan sosial dan masyarakat akan perlulah diteliti kembali.

Prestasi pemerintah dalam dua dekad yang lalu menunjukkan ia tidak begitu bersedia untuk menilai kembali terhadap hal ini. Disebabkan ini, kemiskinan akan masih menjadi masalah serius.

Berkenaan dengan penyusunan semula masyarakat, sudah difikirkan tercapai pada tahun 1990 matlamat untuk membentuk suatu kumpulan buruh di sektor perdagangan dan perindustrian yang datang dari pelbagai kaum dengan pertambahan besar dari orang-orang Melayu. Di peringkat atas sektor perdagangan dan perindustrian dan kerja-kerja profesional terdapat penyertaan orang-orang Melayu yang meningkat. Ini berlaku kerana pendidikan telah di

demokrasikan dan sebab kuota kaum. Bagaimanapun, agak sukar untuk mencapai 30 peratus pemilikan modal orang-orang Melayu. Ekonomi kapitalis yang menekankan pembangunan dan perkembangan, dan kemiskinan masih meluas di kalangan orang-orang Melayu telah menghalang pencapaian ini. Itulah sebabnya pemerintah memilih untuk menjadi pemegang amanah kepentingan kapitalis orang-orang Melayu yang berpelembap. Jadi bolehlah dijangkakan bahawa tahun-tahun 90an akan digunakan untuk membentuk usahawan-usahawan Melayu boleh mengambil alih syarikat-syarikat yang dipunyai pemerintah.

Ketidakupayaan untuk memerangi kemiskinan dan berkesan dan menyusun semula pola pemilikan telah membuahkan ketidakpuasan di dalam dan luar UMNO. Kebangkitan kesedaran Islam sebagai merintanginya UMNO boleh menguatkan perasaan tidak puas ini. Begitu halnya pecahan kelas menengah Melayu yang pesat berkembang. Adalah mungkin — jika dilihat trend sekarang dalam situasi sebegini sebahagian kelas menengah Melayu akan menyuarakan dan menyokong pembentukan sebuah pemerintahan Islam. Jika, seperti diramalkan, masalah kemiskinan dan pembahagian pendapatan masih menjadi serius peringkat ini, sokongan itu sudah tentu merangkumi kelas bawah dan di kalangan orang Melayu yang tidak berada. Kelas menengah dan yang ketara sebuah kumpulan orang Melayu yang — di antara lain, akibat dari DEB — boleh membuarakan pecahan orang-orang Melayu berada/orang-orang Melayu tidak berada pada zaman selepas DEB. Kesedaran Islam merintanginya, pecahan kelas menengah Melayu, dan pecahan berada/tidak berada boleh membawa tekanan kuat terhadap elit pemerintahan. Akibat dari konflik di antara elit pemerintah dan elit yang bercita-cita merupakan perkembangan penting di dalam tahun-tahun 80an dan 90an. Juga faktor ekonomi dan politik luaran mempunyai pengaruh dalam konflik ini.

Bagaimana dengan komuniti bukan Melayu? Itu akan kerana dasar menyusun semula di bawah DEB ini akan

hingga ke tahun-tahun 90an, adalah dijangkakan orang etnik bukan Melayu akan juga meningkat. Sayugia akan bahawa ini adalah lebih dari dasar-sasar menyusun dan DEB. Sebahagian dari kelas menengah Melayu telah mendapat faedah secara langsung dari dasar-dasar antara akan inginkan dasar seperti ini diteruskan manakala kelas menengah bukan Melayu yang mahukan mobiliti perlu dikekalkan tanpa memahami situasi total, akan akan dasar-dasar itu dihentikan. Ini sudah tentu mem-kan keadaan perhubungan etnik. Kesedaran etnik Melayu yang meningkat boleh timbul melalui dua

dalam penolakan, segala konsesi atau kompromi dengan elit pemerintah Melayu. Ini boleh memberi kesan terhadap kedudukan undi kawan-kawan bukan Melayu minoriti; dan

dalam pencarian terhadap cara-cara tindakan sosial yang bebas dan berotonomi, lebih-lebih lagi bagi komuniti Cina. Kedudukan ekonomi komuniti ini akan digunakan sepenuhnya dalam pencarian ini. Adalah merupakan suatu paradoks bahawa kesedaran etnik ini boleh ber-sembang di dalam satu situasi di mana Cina dan orang-orang bukan Melayu yang lain akan fasih dalam bahasa kebangsaan. Ini menunjukkan kegunaan medium komunikasi yang sama akan hanya dirasakan jika lain-lain pemisahan/dikotomi dibuangkan.

Haruslah diingatkan bahawa selagi ada situasi etnik dan respons etniknya, selagi itulah tidak akan berlaku akan di antara Cina yang berada dan Cina tidak berada. di dalam mencari satu cara tindakan yang berotonomi, pergantungan orang Cina miskin terhadap orang Cina kaya akan meningkat.

Dalam keadaan seperti ini, polarisasi etnik akan jadi serius. Malah jika elit pemerintah Melayu menyerah kepada tekanan-tekanan kumpulan Islam, mungkin akan dapat perubahan keras dalam pimpinan politik. Bagaimanapun, kepimpinan Islam masih perlu menghadapi masalah

memimpin masyarakat yang berbilang agama dan
babkan ini, perlu bekerjasama dengan elit bukan M
Bolehlah dikatakan beberapa kumpulan Islam tertentu
punyai konsep yang toleran dan sesuai mengenai masyarakat
berbilang kaum jika dibandingkan dengan beberapa
Umno tertentu. Tetapi, desakan mereka untuk mem
Negara Islam boleh – memandangkan idea popular me
Islam – mengasingkan penduduk bukan Muslim. Sem
bermakna ketidakstabilan politik bukanlah satu perkara
boleh difikirkan tidak mungkin berlaku. Pengalaman
negara-negara lain telah menunjukkan bahawa ke
stabilan telah membolehkan rejim autoritarian men
kuasa. Apa-apa perbincangan mengenai Malaysia
tahun-tahun 90an perlu mengambil kira kemungkinan

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Oktober 1979

CABARAN DASAWARSA 80AN

(Ringkasan Ucapan)

Saya akan menghadkan perbincangan saya ke
tiga cabaran utama dasawarsa 80an. Ketiga-tiga ini
bersangkut-paut. Pertama, cabaran kepada polarisasi etnik
kedua, cabaran terhadap pengurangan jurang pendapatan;
ketiga, cabaran dalam melawan dan mengawal rasuah.

Apabila memperkatakan polarisasi etnik sebagai
cabaran dasawarsa 80an yang serius, kita tidak seharusnya
mengharapkan integrasi total di kalangan kaum selepas 22
tahun merdeka. Mungkin integrasi total adalah satu ke
tahilan. Bagaimanapun, kita berharap banyak usaha di
ke arah perpaduan negara selepas dua dekad berbe
kebangsaan, dan sedekad dasar pelajaran baru, dasar ekon
baru dan polisi-polisi budaya yang baru. Ada tanda-tanda
yang menunjukkan bahawa harapan-harapan ini dihampur
saja – ketidakwujudan satu persepsi bersama meng
bentuk dan identiti negara ekoran dari isu Universiti Mar
dan permintaan kepada pentadbiran Islam; pola pengund

yang dilafazkan dan cara-cara pengembeligan parti-politik; isi-kandungan akhbar-akhbar dan majalah-majalah popular; hubungan sosial di sekolah dan universiti; hubungan kumpulan etnik (perkauman); hubungan antara kaum dan akhir sekali, sikap terhadap kumpulan "yang"

Di antara faktor-faktor yang mewujudkan polarisasi ialah:

Ketiadaan pandangan jelas mengenai bentuk dan identiti negara yang dikongsi oleh semua golongan elit, Melayu maupun bukan-Melayu, pemerintah dan pembangkang. Memandangkan sifat dan sejarah masyarakat Malaysia, satu pandangan yang boleh diterima ialah siasah Melayu yang berkembang ke dalam negara Malaysia. Ini bermakna bahasa Melayu dan agama Islam akan mempunyai peranan yang besar berbanding dengan bahasa-bahasa dan agama-agama lain. Bagaimanapun, matlamatnya adalah bercorak keadilan politik, ekonomi dan sosial untuk semua orang. Jadi bukan-Melayu dan Melayu haruslah membuat penyesuaian psikologi terhadap kedudukan masing-masing.

Ketidakupayaan untuk meneliti kedudukan ekonomi orang-orang Melayu dengan jitu telah menghasilkan pencarian kepada penyelesaian yang cenderung memburukkan keadaan etnik. Kemiskinan di kalangan majoriti Melayu, kekurangan orang-orang Melayu di dalam bidang perdagangan, perindustrian dan profesion-profesion adalah tanda-tanda kepada masalah yang mendalam — masalah struktur ekonomi dan pelajaran-penjajah, masalah melalaikan kepentingan luarbandar, masalah jurang-jurang kedaerahan, masalah diskriminasi kelas, masalah kapitalisme. Penumpuan diberi kepada tanda-tanda penyakit dan bukan penyembuhan penyakit itu. Inilah sebabnya kenapa "ubat" yang salah diberikan. Misalnya, ada hujah mengatakan bahawa wujudnya kelas usahawan Melayu adalah mustahak bagi keharmonian negara. Ini tidak betul. Apa yang mustahak ialah kemajuan rakyat majoriti yang sebahagian

besarnya terdiri dari orang-orang Melayu, dan kan terhadap sikap tamak haloba sebilangan usah tertentu.

- c) Pengukuhan dan pertumbuhan kepentingan-kepentingan (vested interests) sedia ada dan baru akibat dari dasar yang dihasilkan oleh penelitian (diagnosa) salah ini. Kepentingan-kepentingan ini mahukan misahan etnik dikekalkan. Ini bukan saja merana beberapa bahagian dari golongan menengah M tetapi juga golongan bukan Melayu yang merana sistem ekonomi kapitalis akan diteruskan dan keuan boleh diraut dari keadaan ini selagi persoalan dilihat dari segi ini.
- d) Kehendak yang mendesak dari sebahagian menengah bukan-Melayu untuk mendapatkan perik ekonomi, sosial dan pendidikan yang akan membakan kumpulan-kumpulan yang "established" dan bernasib baik mengekal dan memperbaiki kedudukan mereka tanpa menghiraukan keadilan yang melu misalnya, desakan terhadap penggunaan kriteria (prestasi) saja bagi kemasukan universiti tanpa meraukan faktor-faktor sosio-ekonomi yang menentu prestasi.

Oleh kerana empat sebab-musabab ini akan wujud n beberapa ketika, saya jangkakan hubungan etnik meleset.

Bagi jurang pendapatan pula, telah dinyatakan bahwa kemiskinan telah dikurangkan dari 43.9% pada tahun 197 lebih kurang 36.6% pada tahun 1978. Ini adalah satu pene an yang menakjubkan bagi ekonomi pasaran. Tetapi tentu ini sukarlah untuk diterima bulat-bulat tanpa diketahui ap ia garis kemiskinan. Bagaimanapun, jika ini benar, maka jurang pendapatan masih wujud. Kita mungkin telah m rangkan kemiskinan tetapi jurang di antara kaya dan m mungkin menambah. Ulasan pertengahan (mid-term rev Rancangan Malaysia Ketiga dan laporan-laporan sel Laporan Perbendaharaan 1975 tidak mempunyai angka mengenai pembahagian pendapatan! Bagaimanapun, jika

dari data-data Ulasan Pertengahan dengan lebih dalam, kita akan mendapati beberapa statistik yang menarik. Misalnya pendapatan bulanan purata bagi famili bandar di antara 1970 dan 1976 telah tambah dari \$286 manakala pendapatan purata bandar untuk luarbandar yang sama telah tambah dari \$428 ke \$642. Dari segi ini menunjukkan bahawa pendapatan luarbandar jauh dibandingkan dengan pendapatan bandar dari .47. Juga, Kajian Kembali itu telah menunjukkan bahawa antara tanda-tanda kemiskinan telah berkurangan, jumlah sebenar bagi famili miskin di bidang perusahaan, perkhidmatan dan sektor-sektor lain telah bertambah. Lebih jauh lagi, faktor-faktor yang bertanggungjawab terhadap kemiskinan seperti pekerjaan, pendidikan, subsidi, jenis-jenis bijian baru, teknologi baru, skim tanah dan lain-lain lagi — walau pun ianya berguna — tidak menggarap akar-umbi masalah ini. Hanya dengan mengupas pemilikan tanah, kawalan terhadap sumber-sumber asli, perusahan industri-industri besar, rangkaian kewangan, bahagian barang-barang dan perkhidmatan dan struktur maka boleh kita mengatasi masalah kemiskinan dan mengurangkan jurang pendapatan. Ini merupakan pengalakan beberapa negara Dunia Ketiga yang telah gagal dalam mengatasi masalah dalaman ini.

Prestasi pemerintahan kita yang lalu telah menunjukkan ketidakmampuannya untuk membuat perubahan-perubahan. Selagi hakikat ini wujud, perbezaan pendapatan akan meningkat, dan akhirnya ini akan menjejaskan kestabilan masyarakat kita.

Cabaran ketiga — melawan rasuah — mempunyai kaitan dengan cabaran kedua. Perubahan-perubahan asas angkala tidak mungkin boleh di buat kerana mereka yang mempunyai kepentingan sendiri boleh mengekalkan kedudukan mereka melalui hubungan mereka dengan pemerintahan. Mungkin tidak berlaku di Malaysia. Memanglah rasuah di Malaysia tidaklah sebegitu serius seperti apa yang wujud di negara-negara lain. Ini mungkin kerana pendapatan kumpulan pimpinan mustahak — ahli-ahli politik, birokrat, pegawai atasan dalam tentera — adalah bagus. Ini juga boleh

disebabkan Malaysia adalah sebuah negara kaya dan apa pembaziran melalui amalan rasuah tidak mempunyai kaitan sosial yang sama seperti di sebuah negara miskin.

Walau apa sebab sekalipun, terdapat keperluan untuk memerangi rasuah dengan lebih serius. Setakat ini, hanya laungan (untuk melawan rasuah) yang kuat dari amalan. Sudahlah tiba masanya bagi kita untuk mempraktikkan laungan ini. Sebagai permulaan, eloklah Badan Pencegah Rasuah dijadikan satu badan bebas yang bertanggungjawab terus kepada rakyat.

Jika kita tidak mengambil langkah-langkah yang berkesan dari sekarang, mungkin kita akan terlambat untuk berbuat sesuatu kemudian kelak. Ini mempunyai beberapa sebab: Peranan besar pemerintah dalam aktiviti-aktiviti ekonomi; pertumbuhan birokrasi yang pesat; perkembangan "mentaliti membeli-belah" di kalangan kelas menengah-tinggi. Faktor-faktor seperti pembangkang politik yang lemah, kumpulan-kumpulan tindakan sosial yang lemah, dan akhbar (Press) yang lemah hanya membuat amalan rasuah menjadi menarik dan menggodakan.

Ketiga-tiga cabaran tahun-tahun 80an di atas tentu membawa kesan-kesan politik tertentu. Kesan utama ialah pengekuatan kumpulan-kumpulan Melayu dan bukan Melayu yang menentang pemerintah. Pergerakan Islam yang bergiat dalam tahun-tahun 70an sudah tentu akan menjadi kuat dalam tahun-tahun 80an jika perbezaan pendapatan dan rasuah tidak disekatkan. Apa yang akan membuatkan cabaran pergerakan Islam ini lebih serius dari yang lalu ialah penglibatan individu-individu dari kelas menengah Melayu. Bila kelas menengah Melayu berkembang, bila ruang untuk menampung segala elemen dalam kelas ini menjadi sempit, sebagian dari anak-anak muda Melayu yang berpelajaran ini akan mencari jalan untuk meluahkan perasaan politik mereka. Islam merupakan satu pilihan mereka. Tekanan-tekanan dan kuasa-kuasa Islam baru ini akan menjadi satu cabaran serius bagi elit yang memerintah.

Dari pihak bukan-Melayu pula, situasi seluruhnya akan membuahkan satu jenis perenggangan seperti orientasi D

politik Malaysia. Ini juga akan menjejaskan elit memerintah kerana kedudukan elektoral komponen Melayu di dalam Barisan Nasional boleh berada di keadaan merbahaya. Nampaknya tidak ada tempat untuk di antara golongan Islam yang berkembang dan cabaran yang mempunyai orientasi DAP. Ini adalah walaupun ada sebahagian dari golongan Islam yang mempunyai konsep yang lebih toleran dan menyesuaikan (moderate) terhadap keharmonian kaum berdasarkan prinsip Islam – berbanding dengan satu elemen besar Umno, misalnya.

Jadi, satu kumpulan yang memerintah yang tidak dapat menghadapi cabaran-cabaran asas dan pihak pembangkang tidak dapat menyediakan satu alternatif boleh mengancam ketidakstabilan politik. Pengalaman dari negara-negara membangun yang lain menunjukkan kumpulan-kumpulan memerintah yang tidak mampu menghadapi cabaran itu lazimnya memerintah secara kuku-besi. Pengalaman yang sama ini juga memberitahu bahawa selalunya selepas pemerintahan kuku-besi ini, situasi akan bertambah buruk. Di sinilah letaknya peranan anda. Yang berpendidikan, intelligentsia, mestilah berbuat apa yang boleh untuk melindungi sistem demokrasi. Golongan ini mestilah berusaha untuk mengekalkan hak untuk mengkritik, hak untuk mengemukakan pendapat.

Kenapa hak ini mustahak? Kerana hanya melalui kritikan dan komen saja kita boleh membina satu falsafah dan satu pendekatan baru terhadap masalah membina masyarakat yang adil, bebas dan padu. Adalah jelas bahawa pendekatan sekarang tidak akan berjaya. Pendekatan Islam tidak akan menemui kejayaan. Selain dari perseimbangan yang halus di antara Muslim dan bukan-Muslim, rintangan yang lain ialah ketiadaan konsep Islam yang dinamis yang "evolutionary" terhadap keadilan sosial di kalangan golongan yang menyokong sistem Islam. Sosialisme juga bukan merupakan jawapan. Konsep manusianya yang kurang menyeluruh dan beberapa kelemahan lain dalam teori dan praktiknya telah membuatkan ia satu alternatif yang kurang baik. Satu alternatif yang tulen ialah membentuk satu

orde sosial baru berdasarkan kepada konsep menyeluruh (wholistic) mengenai manusia seperti yang terdapat dalam kesemua agama ternama di dunia. Nilai-nilai etika yang datang dari konsep ini – nilai-nilai yang sama dari agama-agama yang berlainan – haruslah digunakan untuk membentuk struktur-struktur dan hubungan-hubungan politik, ekonomi dan budaya yang baru. Untuk mencapainya ini memerlukan kebebasan. Itulah sebabnya kita mesti mempunyai keberanian dan komitmen untuk mengekalkan nilai demokrasi walau apa pengorbanan sekalipun. Tidak ada generasi yang telah dihadapakan cabaran sebegitu besar. Tidak ada dekad di dalam sejarah negara kita yang muda ini sebegitu genting. Kita tidak boleh teragak-agak. Kita tidak boleh gagal.

November-1979

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

KESEDARAN 'MALAYSIAN'

(Ringkasan Ucapan)

Golongan yang berpengaruh dalam sesuatu masyarakat ialah golongan yang mempunyai lebih banyak kuasa, pengetahuan dan maklumat daripada golongan-golongan yang lain. Golongan inilah yang menentukan corak pembangunan sesuatu masyarakat.

Golongan berpengaruh di Malaysia mempunyai unsur:

- a) unsur kesedaran perkauman Melayu,
- b) unsur kesedaran perkauman bukan-Melayu, dan
- c) unsur kesedaran antara-kaum Melayu dan bukan Melayu.

Tiga-tiga unsur tidak dapat menyatupadukan masyarakat berbilang kaum ini atau menegakkan keadilan sosial dan kebebasan politik.

Itulah sebabnya penting dan perlu kita mengukuhkan satu unsur yang baru di peringkat 'Golongan berpengaruh'.

unsur yang benar-benar bersikap ke Malaysiaan, yang tentang pentingnya keadilan dan kebebasan. Unsur ini wujud sebagai 'tenaga yang keempat' di dalam Masya-Malaysia demi kesejahteraan negara kita. Sekiranya kita melahirkan unsur baru ini dalam tahun-tahun 80an, percaya masa depan kita pasti gelap-gulita. Aliran ini berusaha sedaya-upaya melahirkan 'tenaga keempat' dalam kesedaran rakyat Malaysia. Kedudukannya sebagai yang benar-benar berbilang kaum, kebolehanannya mengkaji garis-garis panduan falsafah masyarakat yang diterima oleh semua kaum di Malaysia jelas membuktikan bahawa Aliran mampu memainkan peranan yang penting dalam usaha mengujudkan kesedaran baru ini.

Dalam hubungan ini, Aliran mempunyai tiga tugas yang

membenteraskan perkauman, rasuah dan kapitalisme dan menunjukkan kepada rakyat jelata kenapa pemerintahan authoritarian, Islam yang konservatif dan sosialis yang dogmatis juga tidak bisa mengatasi masalah-masalah kebangsaan;

menyebarkan falsafah Aliran — iaitu falsafah yang terkandung dalam 10 dasar-dasar asasnya;

mengesyorkan reformasi-reformasi tertentu dalam bidang-bidang tertentu termasuk reformasi tentang kedudukan wanita, perhubungan kaum, ekonomi dan politik dan pentadbiran.

Dalam usaha ini, Aliran akan terus berpegang pada tiga

prinsip: persoalan-persoalan penting akan disuarakan melalui saluran-saluran undang-undang dan mengikut cara-cara demokratik;

kedudukannya sebagai badan yang bebas daripada parti-parti politik akan dikekalkan;

perbincangan dan perbahasan akan dilakukan cara didik dan analitik — dan bukan cara politik dan polemik.

Tetapi usaha-usaha Aliran semata-mata tidak men-

cukupi. Kita memerlukan sokongan daripada individu-individu dan kumpulan-kumpulan dalam golongan berpengantar. Yang dimaksudkan saya ialah mereka yang tidak menyokong tiga unsur yang lain. Saya percaya beberapa individu dan kumpulan sedar tentang pentingnya suatu pendekatan baru. Tetapi mereka tidak mahu menyuarakan perasaan mereka kerana takut atau kerana asyik menjaga kepentingan diri. Keengganan mereka menyuarakan pendapat agak ketara dalam tiga perkara yang berlaku tahun ini:

- a) Bukan Melayu yang matang gagal mengkritik bukan Melayu yang lain yang sering menggunakan pendekatan perkauman dalam persoalan-persoalan masyarakat;
- b) Orang Melayu yang rasional enggan mencabar orang Melayu yang lain yang menggunakan 'negara Islam' dan 'pandangan hidup Islam' sebagai cogan-kata supaya menerangkan apa yang dimaksudkan mereka dengan cogan-cogan kata tersebut;
- c) Kedua-dua Melayu dan bukan Melayu yang rasional dan matang tidak sanggup meminta pemerintah mengurangkan pembaziran dan ketidakcekapan yang sedang berlaku dalam badan-badan berkanun.

Keengganan mereka yang matang dan rasional menentang apa yang perlu demi kepentingan kebenaran dan keadilan akan merugikan masyarakat kita dalam jangka panjang. Saluran-saluran demokratik yang terbatas yang masih ada harus digunakan untuk menilai dan mengawal perkembangan-perkembangan masyarakat. Sekiranya kita gagal menggunakan saluran-saluran yang ada untuk memperjuangkan apa yang benar, sudah pasti sejarah akan menghukum kita!

Disember 1979

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

ASIA TENGGARA DI DALAM DASAWARSA 70AN

(Ringkasan Ucapan)

Kewujudan pemerintahan-pemerintahan komunis di China berikutan dari kekalahan Amerika Syarikat di Vietnam merupakan satu peristiwa yang mustahak di benua Asia dalam dasawarsa 70an. Bagaimanapun selepas empat puluh tahun, nampaknya tidak ada negara-negara komunis di Asia Tenggara yang mempunyai daya imaginasi atau kebolehan untuk menyusun semula masyarakat supaya kebebasan politik, keadilan ekonomi dan keharmonian budaya dapat dipercepatkan untuk kepentingan orang ramai. Ini boleh berakibat dari penekanan terhadap perbezaan pendapat, kekuasaan birokrasi, kemiskinan yang meluas dan ketegangan hubungan etnik.

Dasawarsa 70an juga telah menyaksikan prestasi yang baik di kebanyakan negara-negara kapitalis di kawasan ini. Penghasilan pendapatan telah menambah walaupun mutu kehidupan kumpulan kecil di kalangan orang-orang miskin telah bertambah baik dalam beberapa hal. Pergantungan yang lebih tinggi terhadap modal asing, teknologi, informasi dan model pembangunan; pengukuhan kedudukan golongan elit lintah dengan sifat rasuahnya yang berleluasa; kehadiran sistem industri yang tidak padu dan kehancuran pertanian; diikuti oleh sikap negatif terhadap kritikan dan hubungan etnik yang tidak harum adalah sifat-sifat yang dihadapi oleh negara-negara kapitalis ini.

Krisis yang berlarutan ini dalam penyusunan semula masyarakat telah mendedahkan lagi kawasan ini kepada ancaman kuasa-kuasa besar di dalam dasawarsa 70an. Pada satu sisi, peranan politik kuasa-kuasa besar itu telah mula merosot selepas kekalahan Amerika di Vietnam. Tapi di sisi lain, penguatan Asean sebagai kumpulan kawasan, masalah golongan komunis di Indochina dan persamaan objek-objektif dasar luar negeri di Asia Tenggara di antara Amerika dan China, telah memberi Amerika Syarikat peranan yang tidak langsung. Dan, penubuhan pemerintahan komunis di Vietnam pada 1975 dan "pentabalan" pemerintahan

Heng Samrin di Kampuchea telah menjadikan Soviet Union sebagai satu elemen yang mustahak dalam politik Asia Tenggara. Sayugia diingatkan, penglibatan Amerika dan Soviet seperti ini tidaklah baik bagi masa depan kita.

Sebagai satu cara penyelesaian ialah supaya kita memperbaiki keadaan diri kita sendiri supaya ini boleh membolehkan kebebasan diri kita. Adakah ini mungkin selagi model penyusunan semula datangnya dari komunisme dan kapitalisme? Tidakkah kita perlu membualkan gambar alternatif mengenai masyarakat? Atau, formula ini lari dari pandangan kita? Dostoyevsky pernah berkata "Lebah tahu formula sarangnya dan semut formula busuknya tapi manusia tidak tahu formula dirinya."

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Januari 1980

MALAYSIA DALAM PERGOLAKAN ASIA TENGGARA MASA KINI

(Ringkasan Ucapan)

Pergolakan Asia Tenggara disebabkan oleh dua faktor utama

- a) keadaan politik, ekonomi dan kebudayaan di negara-negara di rantau ini, dan
- b) matlamat-matlamat politik kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara.

Di negara-negara komunis di semenanjung Indo-China beberapa perubahan politik telah mengujudkan kehancuran. Perpecahan di kalangan parti-parti komunis Indo-China — terutamanya konflik antara Vietminh dan Khmer Rouge — selepas kejayaan komunis di Indo-China pada tahun 1975, permusuhan etnik antara Vietnam dan orang Kampuchea dan juga permusuhan antara Thailand dan namelese dan minoriti Cina yang menetap di negara tersebut. Perancangan perubahan sosial yang terlalu ekstrim di

negara yang sebenarnya bertanggungjawab atas pembunuhan kurang daripada dua juta penduduknya, penggantungan nam terhadap Soviet Union dan kegagalan ekonomi nam mengatasi masalah-masalah asasnya adalah antara faktor-faktor yang melemahkan negara-negara komunis di Tenggara.

Di kalangan negara-negara bukan-komunis pula, jurang bezaan yang luas antara elit dan orang biasa, kawalan yang terhadap kritikan-kritikan dan rasuah yang berleluasa antara faktor-faktor yang menyebabkan keadaan kacir. Buat sementara ini, keadaan Malaysia dalam ungan ini lebih baik daripada negara-negara yang lain antau ini.

Dari segi kuasa-kuasa besar dan matlamat-matlamatnya, Amerika dan Jepun ingin memastikan bahawa Asia Tenggara wujud sebagai kawasan perlaburan dan perniagaan yang bawa keuntungan yang lumayan kepada mereka. Itulah onya mereka akan cuba menentukan bahawa pemerintah-pemerintahan di rantau ini mengikut dasar-dasar ekonomi dan politik yang akan membolehkan mereka mencapai matlamat-matlamat mereka. Bagi negeri China pula, Asia negara adalah sempadannya dan dari segi sejarah, China ah menaklukinya. Lagi pun, kebimbangannya terhadap Union yang giat berusaha memperluaskan pengaruh di rantau ini mungkin mendorong China mengambil langkah-langkah tertentu. Oleh kerana cita-citanya di Asia negara, di mana persahabatannya dengan Vietnam makin ah, Soviet Union juga menjadi suatu ancaman kepada manan di rantau ini.

Dalam pergolakan ini, Malaysia harus mengambil beberapa langkah:

menganuti dasar luar yang benar-benar berkecuali di mana kita tidak menyebelahi empat-empat kuasa besar yang mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu di Asia Tenggara.

berusaha mencapai konsep 'kawasan aman, bebas dan berkecuali'. Dalam hubungan ini, kita mesti meneruskan dialog dengan Vietnam dan mengadakan perbin-

cangan dengan Burma kerana Burma adalah negara berkecuali yang tulen.

- c) Memperluaskan hubungan perdagangan dengan Eropah Barat, Eropah Timur, dan negara-negara yang lain di Dunia Ketiga sambil mengurangkan perdagangan dengan kuasa-kuasa besar. Ini memerlukan perubahan-perubahan kepada ekonomi negara.
- d) Dalam perancangan perindustrian, kita mesti lebih mengutamakan manusia, bahan-bahan tempatan, perbekalan-pembekalan yang cukup untuk rakyat sendiri daripada modal, keuntungan, teknologi asing dan eksport. Ini akan mengurangkan penggantungan terhadap kuasa-kuasa ekonomi yang berpengaruh.
- e) Mengujudkan perpaduan yang tulen di kalangan rakyat yang berbilang kaum. Perpaduan ini lebih penting daripada kekuatan tentera yang tidak dapat menjamin keutuhan negara jika tiap-tiap penduduknya tidak merasai bahawa inilah ibu pertiwinya. Untuk memainkan peranan ini harus kita memberi layanan yang sama kepada rakyat tanpa mengira kaum atau keturunan.
- f) Perkara yang sama penting ialah penghapusan rasisme dan meninggikan darjat kecekapan. Sekiranya rakyat tidak menganggap pemimpin-pemimpin mereka sebagai manusia yang jujur dan berkebolehan, penglibatan (commitment) mereka kepada negara akan merosot. Rasuah ialah faktor utama yang menyebabkan kejatuhan rejim-rejim tertentu dalam sejarah.
- g) Selain daripada itu, pemimpin-pemimpin mesti menerima teguran-teguran dan kritikan-kritikan. Rakyat lebih sanggup mempertahankan kedaulatan sebuah negara di mana pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan mereka dihargai dan disanjung tinggi. Rakyat tidak akan mempertahankan sistem politik di mana mereka dipaksa mengikut satu arus pemikiran tanpa soal. Dalam perang dunia kedua, umpamanya, rejim rejim diktatorial kalah pada rejim-rejim demokratik.

...kata, Malaysia telah buat satu pilihan yang bijak pada 1957, apabila kita memilih sistem demokrasi berparlimen. Sistem demokrasi berparlimen jauh lebih baik daripada sistem komunis tetapi untuk menjayakannya harus kita menentukan bahawa melalui perbincangan dan perbahasan, melalui dasar-dasar dan undang-undang yang digubalkan oleh rakyat sendiri, kita dapat mencapai keadilan ekonomi, kebebasan politik dan perpaduan kebudayaan. Inilah harapan kita dalam pergolakan Asia Tenggara: bahawa melalui demokrasi berparlimen kita dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni.

Tetapi malangnya, kita belum menggunakan proses-proses demokratik untuk melakukan reformasi-reformasi asas dalam bidang tanah, pemasaran, kewangan, pengangkutan, pemilikan sumber-sumber asli, pengangkutan, perumahan, kesihatan, pendidikan, kebudayaan, keagamaan, hak pekerja, hak wanita, perpaduan rakyat dan sebagainya. Inilah satu perkara yang tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat-masyarakat post-kolonial memerlukan reformasi-reformasi yang mendalam dalam semua bidang demi kesejahteraan rakyat. Dalam pergolakan Asia Tenggara masakini, apakah kita mempunyai masa untuk melaksanakan reformasi-reformasi tersebut?

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

Mac 1980

MERDEKA DAN KEBEBASAN POLITIK

(Ringkasan Ucapan)

Merdeka adalah lebih daripada cuma membebaskan negara daripada belenggu pemerintahan penjajah. Tidak ada kebebasan bagi sesebuah negara kecuali rakyatnya bebas jiwa dan raga, kecuali rakyatnya mempunyai hak untuk menyertai sepenuhnya dalam hal-hal negeranya, untuk memberi komen, untuk mengkritik, untuk mengetahui dan untuk menyuar. Hampir-hampir setiap pejuang pembebasan berjanji

untuk melindungi hak itu. Hampir-hampir kesemua daripada mereka melupakan janji-janji itu.

Dari negara-negara yang ujud daripada penjajahan dalam 3 dekad yang lalu cuma sebilangan kecil yang membenarkan rakyat mereka sedikit ruang untuk percanggahan pendapat dan ketidaksetujuan. Malaysia adalah daripadanya. Selepas 23 tahun Merdeka, adalah jelas bahawa masih ada satu sistem pertandingan pilihanraya, parti-parti pembangkang dibenarkan untuk bergerak, ahli-ahli parlimen dan pihak pembangkang adalah dibenarkan untuk membicarakan dasar-dasar kebangsaan, kehakiman menikmati sedikit kebebasan, akhbar-akhbar menikmati sedikit kebebasan dan kumpulan-kumpulan yang berkepentingan boleh mengemukakan pandangan-pandangan yang berbeza daripada kerajaan. Masih ada sedikit demokrasi di Malaysia. Kerajaan layak menerima 'setengah kalongan' untuk kejayaan ini.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh menghadiahkannya kalongan yang penuh. Kita merasakan bahawa bagi sesebuah kerajaan yang begitu kuat kedudukan politiknya ianya belum lagi memberikan cukup peluang untuk peningkatan dan perkembangan kebebasan. Kita menolak sebab-sebab yang diberikan kerana penghakisan yang kerap dan berterusan terhadap hak-hak demokrasi di Malaysia. Bertambahnya kebebasan politik tidak akan mengakibatkan kepada kacau-bilau dalam masyarakat. Jika berlaku beberapa rusuhan di India atau Sri Lanka, ianya bukan disebabkan demokrasi. Penekanan, pemerasan, rasuah dan perkauman adalah punca-punca politik kepada ketegangan sosial dan anarki sosial. Jika kebebasan memuncak kepada huruhara, jadi Iran di bawah pemerintahan Shah sesungguhnya telah menjadi sebuah negara yang paling kukuh dan selamat di dunia! Oleh kerana kurang kebebasan di Iran maka ianya mengalami satu Revolusi. Disebabkan ketiadaan kebebasan dan bukannya kebebasan yang telah mencetuskan Revolusi. Begitu juga, terdapat ketegangan dan rusuhan di Korea Selatan hari ini. Sebab-sebab utamanya adalah kerana ianya disebabkan keengganan kerajaan untuk membenarkan hak-hak berpolitik kepada rakyatnya. Ada anarki di beberapa tempat di Filipina, sungguhpun kerajaan di sana memen-

... dengan kuku besi. Kacau bilau berlaku di Poland hari
— iaitu sebuah negara di mana terdapat kurang kebebasan
politik dalam 3 dekad yang lalu — oleh kerana rakyatnya
kehendakkan lebih kebebasan. Sesungguhnya, dalam
alisa keseluruhan, kekurangan kebebasan dari kebebasan
ng berlebihan yang menjadi punca keadaan yang tidak
kukuh.

Kami menyedari bahawa kebebasan politik tidak ber-
akna kebebasan akan menghancurkan kebebasan. Itulah
babnya mengapa ianya sah bagi kita menjauhi kebebasan
politik untuk mereka yang berhasrat mencapai peruba-
an melalui pertumpahan darah. Dalam negara demokrasi,
ubahan hendaklah dicapai melalui percubaan yan aman.
lagai 'kaedah-kaedah aman' seumpama itu masih ada,
ereka yang mengamalkan keganasan hendaklah diketepikan
dipada proses demokrasi. Begitu juga bagi mereka yang
percaya untuk mengujudkan pemerintahan secara diktator
lepas memegang kuasa — sebagai contohnya komunis —
hendaklah juga diketepikan dari kebebasan berpolitik. Bagi
diktator takrifnya ialah penolakan hak dan kebebasan orang
amai.

Walau bagaimanapun, di Malaysia kita telah mengenepi-
an bukan sahaja dua kategori ini daripada proses demokrasi,
tapi telah mengenakan berbagai sekatan terhadap amalan
demokrasi pada keseluruhannya. Kesatuan-Kesatuan sekerja
yang bercorak demokrasi mendapati sukar untuk mewakili
kepentingan-kepentingan sebenar pekerja-pekerja. Tindakan
perindustrian boleh dikatakan mustahil sungguhpun gaji
yang dibayar didapati tidak adil. Parti-parti politik pembang-
ang tidak dapat untuk berhubung secara berkesan dengan
orang ramai. Mereka mempunyai sedikit saluran kepada
media massa, khususnya radio dan televisyen. Mereka tidak
boleh mengadakan perhimpunan. Kumpulan-kumpulan
tertentu terpaksa mengatasi berbagai halangan sebelum
mereka boleh menganjurkan forum untuk orang ramai
atau seminar khususnya mengenai isu-isu sosial yang
penting seperti hak asasi manusia, kemiskinan atau
nasuah. Ianya sama juga kesulitannya bagi individu-individu

dan kumpulan-kumpulan yang mempunyai pandangan bebas untuk memperolehi permit daripada kerajaan untuk menerbitkan satu jurnal atau majalah. Pada masa yang sebahagian daripada kumpulan-kumpulan ini — pelajar-pelajar — tidak boleh langsung melibatkan diri di dalam proses politik. Mereka dikehendaki supaya berdiri terhadap segala isu-isu nasional. Akhbar-akhbar tidak dapat bertindak bagi memperjuangkan sungguhan orang ramai. Bagi Akhbar ianya dikawal oleh satu undang-undang yang memerlukan akhbar-akhbar untuk membaharui lesen-lesen mereka pada penghujung tiap-tiap tahun. Ini menghalang semua pengarang dari menyentuh isu-isu yang mungkin mencerminkan kelemahan pihak kerajaan. Lebih daripada itu, terdapat satu ketakutan secara psikologinya di negara ini yang menghalang nilai demokrasi dari bertapak. Orang ramai adalah takut untuk memberi komen, untuk mengkritik, untuk melibatkan diri mereka dalam isu-isu yang amat menjejaskan keselamatan diri mereka sendiri oleh kerana Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Boleh dikatakan setiap warganegara Malaysia tahu apa makna ISA dan tahanan tanpa bicara. Ia dengan sendirinya menunjukkan bagaimana berkesannya menyuar 'democratic dissent'.

Sekatan-sekatan begini telah mengakibatkan satu demokrasi yang lebih dikenali melalui simbol daripada isi sebenarnya. Selepas 23 tahun merdeka, sistem demokrasi kita masih lagi perlu memupuk ketahanan dalaman. Ini adalah tidak baik untuk masa hadapan kita, sesungguhnya jika kita ingin selamat dalam rantau di mana kesemua negara lain di bawah pemerintahan komunis atau 'non-communist dictatorship', ianya wajar bagi kita memupuk satu demokrasi yang kuat, selamat dan teguh.

Aliran menyeru kerajaan untuk menggerakkan dua langkah yang mustahak untuk menguatkan demokrasi di negara kita. Pertama, satu Suruhanjaya Kehakiman mengandungi hakim-hakim kita yang paling berpengalaman hendaklah ditubuhkan untuk mengkaji segala undang-undang yang telah dibuat dalam masa 23 tahun dahulu yang memberi

kepada hak-hak yang paling asas dan kebebasan (liber-
mana undang-undang yang difikirkan tidak lagi perlu,
undang-undang yang senang disalahgunakan, patutlah
dibuang samasekali. Kedua, Suruhanjaya hendaklah mene-
rangkan konsep insan yang terkandung di dalam falsafah
dan juga bukan-Islam dan gunakan konsep itu sebagai
untuk membentuk hak-hak dan tanggungjawab-tanggung-
jawab yang harus dijadikan suci supaya tidak ada kerajaan
tidak ada kuasa yang boleh menghapuskannya dalam
keadaan. Kita perlukan konsep seumpama itu
di teras Perlembagaan kita. Kita perlukan konsep
seumpama itu untuk membentuk satu masyarakat di mana
kebasan insan akan menjadi tujuan murni kita.

Adalah menjadi tugas kita semua — terutama kumpulan
berpelajaran di dalam masyarakat kita — untuk mem-
perbaiki kerajaan supaya bekerja ke arah matlamat ini.
Tugas mereka untuk menyedari betapa pentingnya
kebasan insan. Haruslah kita ingat bahawa apabila api
kebasan yang terkuyu-kuyu itu padam, ianya tidak mung-
kin menyala lagi di bumi ini.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

1980

MATLAMAT KITA

(Ringkasan Ucapan)

Sebagai permulaan, izinkan saya menyatakan bahawa
ini ialah satu pergerakan sosial yang bersifat berbilang
dan tidak berkepartian yang mementingkan pening-
katan kesedaran sosial dan memupuk satu rasa cinta yang
terhadap negara.

Dengan bersifat pelbagai kaum kita berpendapat bahawa
menerima ahli-ahli dari kalangan warganegara Malaysia
berbagai kaum, agama atau kepercayaan. Keahlian pada
ini terdiri daripada berbagai kaum dan dari berbagai

bentuk arah hidup. Sebenarnya, dasar-dasar dan pandangan pandangan Aliran mencerminkan ciri-ciri yang bercorak bukan-perkauman dalam meneliti setiap isu awam dan keutamaannya sebagai isu kebangsaan dan jarang sekali yang berupa isu perkauman. Kami percaya bahawa organisasi bukan-perkauman yang sebenarnya adalah yang penting di Malaysia memandangkan kepada sistem politik yang beza-membeza berdasarkan parti-parti perkauman yang kerap kali memanipulasikan sentimen-sentimen perkauman untuk memenangi undi atau untuk mengekalkan kuasa.

Dengan tidak-berkepartian kita maksudkan bahawa Aliran tidak terlibat dengan sebarang parti-politik, kesatuan sekerja atau pertubuhan yang lain dan Aliran kekal di luar proses pilihanraya. Dengan cara ini kita kekal bebas untuk memerhati dan memberi pendapat tentang isu-isu kebangsaan dari sudut pandangan yang bebas tanpa mengemukakan kedudukan pelbagai parti-parti politik tentang isu-isu yang sama.

Sebagai sebuah badan pergerakan reformasi, Aliran adalah sebenarnya mementingkan keadaan keseluruhan masyarakat dan cara-cara yang sesuai untuk kebaikan Kepentingan sebegitu rupa menganjurkan kami untuk memerhati dan memperhitungkan tentang agama, nilai-nilai kerajaan, pelajaran, kesihatan, alam sekeliling, dasar negara dan perihai-perihai ekonomi — sesungguhnya keseluruhan bidang hal-ehwal awam. Tetapi ini tidak bermakna bahawa kami melibatkan diri dalam politik, kecuali dalam erti kata luas yang boleh dibandingkan dengan proses memilih dalam Parlimen yang menjadi hak tiap-tiap rakyat.

Dalam menumpukan kepada persoalan kesedaran sosial, ianya seharusnya jelas bahawa untuk mendapatkan orang ramai memikirkan dan mengalihkan pandangan ke arah masalah negara adalah keutamaan yang pertama tentulah sebarang percubaan untuk membentuk semula (reformasi) masyarakat. Kerana kesedaran mendahului penilaian dan penilaian mendahului tindakan. Kesedaran mengandungi penyingkiran dan penghapusan sepertimana juga ia melu-

belajaran dan penyerapan, iaitu kesedaran palsu harus ditetapkan sebelum kesedaran tulen dapat diwujudkan.

Oleh itu Aliran adalah terlibat dalam menghapuskan mitos-mitos dan mendedahkan kepalsuan-kepalsuan dan masa yang sama menganjurkan idea-idea dan menawarkan cara-cara untuk menyelesaikan masalah-masalah. Dalam meningkatkan kesedaran sosial, seseorang itu berhadapan terutamanya dengan realiti tentang polarisasi kaum. Tugas yang utama bagi reformasi sosial adalah sebenarnya penghapusan perasaan tidak-harmoni antara kaum supaya dapat menyatukan rasa yang sama cintakan negara dan mencapai perpaduan kebangsaan. Kita mungkin mempunyai ekonomi yang teguh dan kerajaan yang kuat tetapi tanpa perpaduan kebangsaan, tidak ada apa yang akan dapat menyelamatkan kita dari malapetaka. Semasa kita bergerak ke arah tahun 2000-an yang sukar diramalkan, marilah kita mengingatkan bahawa mereka yang berkelahi pada waktu yang baik akan pasti akan berperang dalam saat-saat yang buruk.

Pendekatan Aliran terhadap kesedaran sosial dan perpaduan kebangsaan adalah berasaskan kepada keteguhan iman moral dan kepercayaan dalam nilai-nilai rohaniiah manusia. Kumpulan yang menaja Aliran mempunyai konsep yang jelas bahawa nilai-nilai kemanusiaan wujud dalam sumber-sumber suci yang menjadi kekuatan setiap agama dan aspirasi-aspirasi kerohanian. Oleh itu, kami dengan tegas sekali membezakan diri kami daripada sebarang aliran politik yang tidak menghiraukan manusia sebagai makhluk rohaniiah yaitu baik kapitalisma mahupun Komunisma. Kami kadangkala menghuraikan pandangan kami berdasarkan perspektif Islam untuk berhubung dengan lebih banyak dengan orang-orang Muslim di dalam masyarakat kita. Aliran bukanlah pertubuhan Islam. Sebaliknya, baru-baru ini kami telah menerbitkan beberapa pandangan-pandangan dari seminar tentang pentingnya Tuhan di dalam masyarakat yang berbilang agama bertajuk 'One God, Many Paths'.

Kerja-kerja yang dijalankan oleh Aliran mengandungi terbitan buku-buku dan risalah-risalah, menganjurkan

seminar dan menjalankan kempen-kempen umum. Kami juga mengadakan program pendidikan untuk ahli-ahli kami dengan tujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kalangan ahli-ahli kami serta juga memperbaiki daya analisa mereka. Dalam usaha untuk menyebarkan pandangan tersebut kepada orang ramai yang mempunyai pendidikan formal yang agak rendah, kami ada menerbitkan satu set buku-buku kecil yang ditulis dalam bahasa yang mudah difahami mengenai isu-isu kebangsaan yang asas. Buku kecil yang kami telah terbitkan setakat ini ialah: "Kah Asia Tenggara Selamat?" dan "Mengapakah kemiskinan?"

Kami bernasib baik dan berterimakasih kerana dapat kerjasama dari beberapa akhbar yang telah memberi liputan yang menggalakkan kepada kenyataan-kenyataan aktiviti-aktiviti kami, sungguhpun ada beberapa penapis. Kami tidak pernah tunduk kepada mana-mana kumpulan atau mereka yang berkepentingan sendiri. Jika mereka melakukan sesuatu yang baik terhadap sesuatu perkara, kami akan menyokong mereka; tetapi jika mereka telah bertentangan dengan kepentingan umum kami, kami akan menyuarakan kritik-kritik yang membina.

Kami sesungguhnya menghargai tentang penghargaan dan simpati yang telah ditunjukkan oleh orang ramai kepada pertubuhan kaum ujud tiga tahun yang lalu. Kami berharap supaya dapat terus menyebarkan pandangan kami untuk memenangi keyakinan dan kerjasama daripada semua warga negara Malaysia yang berfikiran waras dan yang mengutamakan berat kepada perkara-perkara awam di masa-masa akan datang.

31 Ogos 1980

Gan Teik G
Penolong Setiausaha

PANDANGAN ALIRAN TERHADAP PERBEZAAN PENDAPAT

(Ringkasan Ucapan)

Krisis peristiwa yang berhubung dengan langkah hendak membatalkan pendaftaran Aliran telah memberi erti dimana pentingnya wujud sebuah pergerakan berbilang kaum yang tidak memihak ke mana-mana di dalam masyarakat kita. Sesungguhnya demi kepentingan masyarakat Malaysia jua maka kami perlu dibenarkan meneruskan kegiatan kami.

Peranan kami jika diteruskan akan merupakan suatu langkah jua ke arah pencapaian 3 matlamat seperti yang ditetapkan di dalam Rukunegara. Pertama, ianya menuju ke arah pencapaian sebuah masyarakat yang bersatu oleh kerana Aliran sebagai sebuah kumpulan berbilang kaum dan tidak memihak, yang wujud di luar kancah pilihan raya, akan berupaya mengasaskan suatu ikatan bersama dengan orang-orang Melayu dan bukan Melayu tanpa terperangkap dengan tarikan dan tekanan politik berparti. Dua, oleh sebab Aliran tidak terlibat dalam politik berparti akan berupaya menyuarakan konsep sebuah masyarakat dengan pendekatan yang rasional dan tidak berat sebelah terhadap setiap kaum dan negara seluruhnya. Ketiga, oleh kerana kami pertubuhan berbilang kaum yang tidak memihak, kami ikhti hak kekuasaan yang tidak kedapatan pada seseorang parti politik atau pertubuhan perkauman, maka sanya keyakinan Aliran akan memperkukuhkan urat saraf masyarakat demokratik kita. Kerana selagi Aliran membuat analisis dan perbincangan ke atas berbagai isu masyarakat, selagi itulah pula kesedaran dan penglibatan rakyat dari berbagai kaum akan bertambah.

Di kalangan pihak kerajaan pun terdapat penerimaan yang berfaedahnya peranan Aliran. Sesungguhnya, apaknnya tiada sebarang permusuhan terhadap kami dari kalangan kebanyakan pentadbir-pentadbir serta pemimpin-pemimpin politik. Namun, ada jua sekumpulan kecil tetapi berpengaruh yang menentang Aliran. Mereka merasakan pendekatan berbilang kaum yang didukung oleh kami

potensinya membahayakan tindak-tanduk dan penggemblingan perkauman yang dianut oleh mereka. Mereka ini mempunyai kepentingan dalam penerusan politik perkauman. Lagi, mereka percaya bahawa penekanan kami yang mahu kekayaan negara diagihkan dengan adil akan membawa paksaan ke atas dasar 'bertaruh pada pihak yang kuat' (betting on strong) mereka. Yang ketara sekali ialah mereka ini tidak sukakan kritikan — terutamanya bila sesuatu kritikan membawa kesan tertentu.

Namun, memusnahkan Aliran dan kumpulan-kumpulan lain yang serupa akan membawakan padah jua. Pertama, pelampau-pelampau perkauman akan makin berkembang sebab cara yang paling berkesan menentang mereka ialah melalui kekuatan daya fikiran jua. Bagaimanakah idea yang tidak perkauman dapat menentang perkauman kalau idea-idea ini tidak dibenarkan wujud? Kedua, bilamana sudah tiada lagi suatu suara yang bukan mempunyai kepentingan politik untuk membuat penganalisaan yang rasional dan analitikal terhadap ketidakadilan sosial, maka tidak mustahil pula muncul saranan penyelesaian-penyelesaian ekonomi secara naif dan dogmatis. Ketiga, bilamana penyertaan sosial demokratik ini pun sudah tidak dibenarkan lagi, takutnya akan berlipat ganda lagi kegiatan sulit dan subversif. Perbezaan pendapat akan beralih menjadi pergerakan bawah tanah.

Sebab itulah bukan setakat Aliran sahaja yang terlibat didalam isu ini. Sebenarnya perbezaan pendapat (dissemination) itu yang dihakimi. Maka di sini hal yang terpenting ialah apakah pula had batasan perbezaan pendapat itu? Jawabannya, ini dapat ditafsirkan sekiranya pihak pemerintah dapat membezakan di antara suara-suara yang mahu merobah ketidakadilan susunan sosial yang wujud dengan cara adil dari suara yang mahu merobahkannya dengan cara kekerasan. Cara yang pertama itu sah cara yang kedua salah. Juga, pihak pemerintah perlu tahu membezakan kritikan-kritikan yang dibuat ke atasnya daripada tindakan yang merupakan ancaman ke atas keselamatan negara.

Bagi kebanyakan masyarakat dunia ketiga, pihak pemerintah tidak mahu membuat perbezaan begini. Akibatnya, kritikan demokratik yang sihat, yang jelas menampakkan

ketiaan terhadap sistem demokrasi, ditindas sama seperti
yang menganjurkan perubahan secara kekerasan.
pentingan sesuatu kumpulan disamakan dengan kepen-
negara. Dan hidup-mati atau survival kumpulan itu
survival negara disatu dan disamakan.

Malang sekali kalau perbezaan pendapat mahu dihakis-
di negara ini. Kerana salah satu rahsia kestabilan politik
selama ini adalah toleransi kita terhadap perbezaan
pendapat. Selagi kritikan-kritikan dapat diterima, selagi itulah
kritik-pengkritik dan penyokong-penyokongnya akan
menyokong sistem yang ada. Dengan mempunyai
yakinkan terhadap sistem, serta menolak kekerasan, mereka
membuat sumbangan ke arah kestabilan politik. Jangan
kita lupakan bahawa sejarah manusia penuh dengan
contoh-contoh bagaimana negara-negara tertentu yang oleh
mana telah menghapuskan perbezaan pendapat kesudahnya
menghancurkan dirinya juga.

Mei 1980

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

PERDANA MENTERI YANG BARU

(Kenyataan Akhbar)

Buat kali ketiganya dalam tempoh 11 tahun, satu
perubahan telah berlaku di peringkat jawatan politik yang
tinggi di negara kita. Setiap perubahan yang berlaku
ini adalah aman dan teratur selaras dengan peraturan-
aturan dan amalan-amalan berperlembagaan. Ini adalah
pencapaian yang luar biasa di Dunia Ketiga di mana
pamasan dan kacau-bilau biasanya mengiringi 'pemindahan
kuasa'. Ini menunjukkan bahawa dalam pemindahan kuasa,
kurang-kurangnya, kita telah mencapai sedikit kematangan.

Ketika mengalu-alukan Dato Seri Dr. Mahathir Moha-
mad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat, kami
nyertai rakyat Malaysia yang lain dalam mengucapkan
selamat dan selamat sejahtera kepada Datuk Hussein

Onn yang telah bersara. Rakyat jelata akan mengenali Dr. Hussein sebagai seorang insan yang baik dan bersopan telah membebaskan UMNO daripada perbalahan puak. Dia melaksanakan tanggungjawabnya, beliau membuktikan berhati-hati dan sanggup menerima pembatasan-pembatasan.

Aliran berharap bahawa Perdana Menteri baru juga menerima pentingnya pembatasan-pembatasan. Masyarakat berbilang kaum yang rumit keadaannya seperti Malaysia memerlukan pemimpin-pemimpin yang mempunyai sifat kebijaksanaan, belas-kasihan dan keadilan sepertimana mereka mesti membuktikan kebolehan dan kepintaran.

Berdasarkan kerajinannya, Aliran berharap Dr. Mahathir akan menumpu tenaganya pada usaha mencari penyelesaian pada masalah-masalah asasi yang menghadapi kita dan dasawarsa yang penuh dengan cabaran.

Aliran berpendapat bahawa empat cabaran yang berikut perlu diperhatikan:-

- a) Mencegah penghakisan hak sivil dan kebebasan berperlembagaan supaya rakyat kita dapat mewujudkan kebudayaan yang memahami makna kebebasan dan penyertaan
- b) Merobah struktur-struktur ekonomi agar golongan yang miskin menikmati sebahagian besar daripada manfaat pertumbuhan ekonomi
- c) Mengurangkan polarisasi kaum supaya kepentingan-kepentingan bersama dan nilai-nilai bersama akan meyakinkan masyarakat kita yang berbilang agama tentang masa depan mereka yang sama.
- d) Mengurangkan rasuah dan ketidakcekapan agar perkhidmatan awam yang lebih jujur dan bersungguh-sungguh dan sektor swasta yang lebih etikal dan bertanggungjawab akan wujud kelak.

Sebagai pergerakan reformasi yang tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam persoalan-persoalan sosial, Aliran berikrar menyumbang pada usaha mencari penyelesaian

pelelesaian melalui pengucapan idea-idea yang dibentang-
dengan cara yang waras dan analitik.

1981

Jawatankuasa

MERDEKA DAN PERPADUAN NASIONAL

(Ringkasan Ucapan)

Setelah 24 tahun tibalah masanya kita menilai keadaan perpaduan nasional di negara kita. Apakah yang telah kita lakukan sehingga ini? Di manakah kita telah gagal? Apakah yang akan datang di depan kita?

Tidak boleh dinafikan bahawa wujud sedikit sebanyak muafakat antara kaum. Di kalangan sebahagian penduduk Melayu yang penting, peranan bahasa Malaysia sebagai bahasa pelajaran dan pentadbiran dan kedudukan Islam sebagai agama utama dalam negeri telah diterima. Ada sedikit kesedaran di kalangan mereka tentang kesusahan ekonomi sebahagian besar Melayu. Di kalangan Melayu sekarang ini telah diterima kenyataan bahawa penduduk-penduduk bukan-Melayu akan terus menetap di sini, bahawa bahasa-bahasa dan agama-agama mereka akan terus wujud dan bahawa mereka juga mempunyai hak-hak dan cita-cita politik dan ekonomi.

Namun demikian, di sebalik ini semua, perkauman semakin kian bertambah. Wujud perlumbaan perkauman semakin lebih banyak sekarang daripada yang pernah wujud. Perasaan penindasan perkauman lebih meluas dari dahulu. Akibatnya, pengakuan perkauman sedang merebak. Ini berlaku di pelbagai sektor masyarakat termasuk dalam sekolah dan universiti-universiti, jabatan-jabatan kerajaan dan firma-firma swasta.

Ini menjelma paling terang dalam sengketa-sengketa perkauman yang sentiasa berlaku di antara parti-parti gabungan dalam gabungan kerajaan kerana parti-parti ini mewakili aliran perkauman yang tertentu dalam badan politik.

Tentunya dalam semua masyarakat majmuk tetap wujud kesedaran kaum sedikit sebanyaknya. Dalam masyarakat-masyarakat di mana masalah-masalah kaum mempunyai hubungannya dengan satu latarbelakang kolonial, di mana lopak-lopak perkauman yang lalu sedang dihapuskan, kaum-kaum mula berhubung satu dengan lain, boleh difaham perkauman akan bertambah dalam sedikit masa akan datang. Tetapi, demikianpun, tidak ada sebab mengapa ia harus mewujudkan syak wasangka dan kebimbangan kebencian dan keadaan tidak selamat.

Satu analisa yang teliti akan menunjukkan bahawa permusuhan perkauman di Malaysia kebanyakannya disebabkan oleh wujudnya kepentingan-kepentingan tertentu dalam lapangan-lapangan ekonomi dan politik. Kepentingan-kepentingan ini duduknya di lapisan-lapisan menengah dan atas kedua-dua masyarakat Melayu dan bukan-Melayu. Masalah ini disalurkan melalui kedua-dua parti-parti politik kerajaan pembangkang.

Di pihak Melayu, kemunculan satu kelas menengah yang ingin hendak memajukan kepentingan-kepentingannya dalam perdagangan, perindustrian dan profesyen atas nama memajukan kedudukan kaum telah tidak syak lagi memuktamadkan semangat perkauman. Begitu juga di sebelah pihak bukan-Melayu, satu kelas menengah dan atas yang telah sedia wujud yang bukan saja tidak mahu menerima golongan lain tetapi juga mempunyai nekad untuk membangkitkan kekuatannya dalam perniagaan dan politik atas nama mempertahankan kebajikan masyarakat telah tentu menyumbangkan kepada permusuhan kaum. Inilah sebenarnya, intisari masalah perkauman dalam negara ini. Ini adalah satu keadaan merbahaya yang boleh membawa kepada kacau-bilau masyarakat.

Aliran percaya bahawa masalahnya terletak pada pandangan empat mata kepada masalah perpaduan kebangsaan. Pertama, dasar-dasar dan rancangan-rancangan ekonomi tidaklah patut dirancang dan dilaksanakan mengikut garis perkauman. Kerana ia tidak menggambarkan kenyataan. Di dalam tiap-tiap kaum, wujud kepentingan-kepentingan

ekonomi yang berbeza yang harus diakui. Ambil perumahan sebagai contoh, yang merupakan satu isu ekonomi penting. Bagaimanakah boleh kita menguruskan masalah perumahan sebagai masalah Melayu atau bukan-Melayu? Kerana ada Melayu dan bukan-Melayu yang mampu membeli rumah-rumah mahal dan ada dimana ada ramai Melayu dan bukan-Melayu yang tidak mampu membeli walaupun rumah-rumah berharga murah. Oleh kerana ini benar bagi hampir semua masalah besar ekonomi di bandar dan bandar. Sesudah kita mengiktiraf perkara ini, kita boleh memindahkan perhatian kita dari isu-isu tidak bermakna seperti menambah modal Melayu dan memperkayakan kelompok-kelompok pemodal bukan-Melayu dan berpaling kepada cabaran-cabaran asas seperti mewujudkan kemudahan-kemudahan sosial asas bagi semua, menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum, membahagikan kekayaan dan bahan-bahan kekayaan kepada majoriti yang tak berdaya, mengurangkan jurang pendapatan di antara kelas dan menghapuskan tamak haloba dan rasuah di kalangan yang miskin dan yang kaya biar apapun kaumnya. Mengenai semua perkara ini kebanyakan orang Malaysia bersatu-padu di atas kepentingan-kepentingan bersama.

Kedua, dalam politik kita tidak harus menghiraukan siapa ramaikah wajah-wajah Melayu atau bukan-Melayu yang terdapat dalam Parlimen atau Dewan-Dewan Undangan Besar. Kerana pada akhirnya perkara ini tidak ada makna. Kalau majoriti Melayu yang selamat dalam Parlimen selama ini telah tidak membawa pembaharuan-pembaharuan ekonomi yang penting yang diperlukan oleh masyarakat Melayu. Yang yang perlu kita usahakan ialah kuasa politik yang diserahkan kepada majoriti tanpa mengira kaum. Ini hanya dapat dicapai melalui disentralisasi politik dan pentadbiran. Ia sahaja boleh berlaku bila kita sanggup memikirkan politik yang fair penyertaan dari bawah di mana rakyat menyusun agenda mereka berdasarkan kampung dan daerah. Dengan cara ini kita mungkin boleh menyisihkan perkauman dari sistem politik kita.

Ketiga, dalam kebudayaan bukanlah perbezaan yang membahagikan kita tetapi persamaan yang menyatukan kita yang harus ditonjolkan khususnya sekarang bila hubungan

antara bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa lain dan ia dengan agama-agama lain boleh dikatakan telah diselesaikan. Sesungguhnya, wujud banyak nilai bersama di antara Islam dan kebudayaan-kebudayaan bukan-Islam di Malaysia. Walaupun pengertian bersama tentang pentingnya pimpinan bermoral, perlunya asas moral bagi masyarakat, peranan ilmu pengetahuan, bahaya dari materialisme keterlaluan, keburih-rasuah dan tamak-haloba, pentingnya kesederhanaan dan malah mengenai hubungan-hubungan dengan alam semesta menjadi. Kerana nilai-nilai ini penting kepada kehidupan masyarakat, ianya boleh mewujudkan satu dasar yang teguh untuk kerjasama dan ketenteraman antara agama. Dasar inilah yang patut diperkuatkan. Ia akan membawa lama-kelamaan kepada satu perpaduan nilai-nilai makruf — berlawanan dengan 'kerjasama' yang diwujudkan melalui saling bimbang dan curiga. Inilah sebabnya perlu dibedakan perpaduan berdasarkan ciri-ciri positif dan perpaduan yang diwujudkan dengan ciri-ciri negatif.

Akhirnya, untuk mendatangkan perubahan ini dalam bidang-bidang ekonomi, politik dan kebudayaan, penting kita menghasilkan pemimpin-pemimpin Melayu dan bukan Melayu yang mempunyai satu pandangan hidup tidak perkauman dan universal.

Mereka mestilah pemimpin-pemimpin yang terikat bukan saja kepada nilai-nilai dan kebajikan-kebajikan bersama tetapi juga yang berpegang teguh kepada satu nilai bersama yang ditujukan untuk mencapai satu nasib bersama. Lebih dari itu, mereka mestilah bersedia untuk melawan chauvinisme di dalam masyarakat mereka sendiri. Kita jarang memiliki pemimpin-pemimpin yang sanggup mengekalkan perkauman di kalangan kaum mereka sendiri dengan ketegasan dan kekuatan seperti yang mereka lakukan bila mereka menentang chauvinisme orang lain. Begitu juga, tidak banyak terdapat pemimpin-pemimpin bukan-Melayu yang berani untuk menyatakan kepada kaum mereka kebenaran tentang latarbelakang sejarah negara sepertimana tidak banyak terdapat pemimpin-pemimpin Melayu yang berani mengajuk kaum mereka tentang kenyataan-kenyataan yang sedang berubah — iaitu sebuah masyarakat pelbagai kaum.

Tentunya, walaupun pemimpin-pemimpin seperti ini
cul, tenaga-tenaga perkauman yang menguasai masya-
at kita akan memburu untuk menghancurkan mereka —
nya apabila tempoh kemewahan ekonomi yang lama
telah memberikan kita semacam ketenteraman kaum
ang menghampiri tamatnya. Kerana satu pendekatan pel-
ai kaum yang tulen kepada perpaduan kebangsaan nyata-
akan bermakna kejatuhan dan kehancuran kepada tenaga-
aga gelap ini.

Itulah sebabnya kami dalam Aliran sanggup bersabar
bekerja terus. Kami tidak akan berhenti berusaha dan
juang. Kami akan terus menjalani perjalanan yang diperlu-
dan kami akan menyeberang jambatan yang akhir dalam
ha kami untuk mencari perpaduan dan harmoni. Inilah
ar kami untuk hari ini dan janji kami untuk besok dan ka-
akan berjaya — kerana akhirnya kebenaran mesti menang.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

ptember 1981

BAHAGIAN KEDUA

BAB 1

KRISIS PEMBATALAN PENDAFTARAN

Sepertimana pembaca-pembaca sedia maklum, pada hujung tahun 1980, Aliran diminta memberi sebab-sebab mengapa pendaftaran tidak patut dibatalkan. Satu kenyataan akhbar tentang kenaikan elaun bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam menjadi alasan untuk tindakan tersebut. Jawapan Aliran kepada Pendaftar Pertubuhan serasi ulasan-ulasan kami yang lain terhadap kritikan-kritikan dan bidasan-bidasan yang tidak berasas juga disiarkan dalam bab ini.

Serangan-serangan terhadap Aliran tamat pada bulan Mac 1981. Aliran masih bergerak sebagai pertubuhan yang berdaftar. Akan tetapi, sehingga saat ini Pendaftar Pertubuhan belum menjawab samada beliau berpuashati atau tidak dengan penjelasan-penjelasan dari Aliran.

KENAIKAN ELAUN-ELAUN UNTUK KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM

(Kenyataan Akhbar)

Mungkin terdapat beberapa asas untuk kajian menaikkan pelbagai elaun bagi kakitangan perkhidmatan awam. Aliran walau bagaimanapun, amat tidak puas hati dengan kenaikan elaun-elaun dan gaji baru pada bulan Julai 1980.

Pertamanya, oleh kerana kenaikan sara hidup adalah sebab yang diberikan bagi kenaikan elaun-elaun dalam sektor awam, Aliran pula hairan mengapa Kerajaan telah cukup enggan untuk menggesa majikan-majikan sektor persendirian untuk menaikkan gaji bagi para pekerja mereka. Sesungguhnya, langkah ini memberikan sokongan secara tidak langsung

kepada majikan-majikan yang enggan dan tidak mahu bertolakansur mempertimbangkan kenaikan gaji bagi pekerja-pekerja mereka. Dalam apa jua pun, tanggungjawab Kerajaan juga meliputi keseluruhan kaum pekerja. Atau, adakah Kerajaan percaya bahawa kenaikan sara hidup hanya melibatkan pekerja-pekerja awam sahaja?

Keduanya, elaun-elaun baru, seperti juga dengan kenaikan gaji dalam bulan Julai, seolah-olah beranggapan, atas sebab-sebab tertentu, bahawa kenaikan sara hidup hanya memberi kesan kepada kakitangan-kakitangan awam dalam golongan yang berpendapatan tinggi lebih daripada mereka yang dalam golongan berpendapatan rendah. Bagaimana pula dapat diterangkan kemudahan-kemudahan pinjaman yang baik untuk mereka dalam kumpulan berpendapatan tinggi? Tentunya Kerajaan mesti menyedari bahawa kenaikan sara hidup lebih memberi akibat yang buruk bagi mereka dalam golongan yang berpendapatan rendah.

Ketiganya, 4% kadar faedah untuk pinjaman perumahan, kenderaan dan lain-lain elaun dan kemudahan menunjukkan dengan jelasnya bahawa taraf hidup bagi kakitangan perkhidmatan awam adalah diberikan subsidi yang begitu banyak. Anggapannya ialah bahawa kakitangan perkhidmatan awam memperolehi hak semulajadi untuk subsidi-subsidi seumpama itu. Dari kacamata pandangan keadilan sosial, tidakkah ada justifikasi yang lebih untuk menambahkan dengan lebih besar subsidi untuk perumahan bagi kumpulan-kumpulan berpendapatan rendah atau subsidi untuk pelajaran dan kesihatan atau subsidi-subsidi untuk kejenteraan pertanian dan baja?

Akhirnya tidak dapat tidak orang awam terpaksa membuat kesimpulan bahawa kenaikan-kenaikan tersebut dikenakan pada ketika aduan-aduan mengenai ketidakcekapan dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan penyalahgunaan badan-badan awam dan perbadanan-perbadanan pembangunan telah mula sampai ke puncak yang paling tinggi.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

3hb Oktober 1980

SURAT DARI PENDAFTAR

11hb Oktober, 1980.

AKTA PERTUBUHAN, 1966

KENYATAAN SEBELUM PENDAFTARAN DIBATALKAN DI BAWAH SEKSYEN 13

Nama Pertubuhan: Persatuan Aliran Kesedaran Negara
(ALIRAN)

Bilangan Pendaftaran: 1544 (Pulau Pinang)

Alamat Berdaftar Pertubuhan: 58, Jalan Mayang Pasir, Bayan
Baru, Pulau Pinang.

Mengikut Seksyen-kecil (2) kepada Seksyen 13 Akta Pertubuhan, 1966, maka dengan ini diberi kenyataan kepada pertubuhan yang namanya disebutkan di atas ini bahawa adalah maksud Pendaftar hendak membatalkan pendaftaran pertubuhan itu pada 10.11.80 kecuali sebelum itu diberikan sebab-sebab mengapa pendaftaran itu tidak patut dibatalkan dengan memuaskan hati Pendaftar Pertubuhan.

2. Adapun pembatalan pendaftaran yang dimaksudkan itu telah disebabkan Dr. Chandra Muzaffar selaku presiden Aliran telah mengeluarkan kenyataan sebagaimana yang disiarkan oleh The Star pada 9.10.80 mengenai satu perkara yang boleh mengelirukan orang ramai dan oleh yang demikian Pendaftar telah berpuashati bahawa pertubuhan

- (i) Mungkin digunakan bagi maksud-maksud yang memudaratkan atau yang bertentangan dengan keamanan di dalam Persekutuan; dan
- (ii) Berusaha hendak mencapai tujuan-tujuan, lain daripada tujuan-tujuan yang ia didaftarkan
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD KAMAL BIN MOHD. SAHAJA)
Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia.

Kepada: —

Persatuan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN),
58, Jalan Mayang Pasir,
Bayan Baru — PULAU PINANG.

JAWAPAN KEPADA PENDAFTAR PERTUBUHAN: KENAPA ALIRAN MESTI WUJUD

Tuan,

Adalah dengan perasaan amat sedih Aliran membalas surat tuan yang meminta pihak kami memberi sebab-sebab kenapa pendaftaran Aliran tidak patut dibatalkan menjelang 10hb November 1980. Pihak tuan akan memahami perasaan kami bilamana tuan meneliti bahawa kami mengambil berat mematuhi objektif-objektif yang tertulis di dalam undang-undang Tubuh dan Perlembagaan Aliran serta menjunjung prinsip-prinsip dan cita-cita Rukunegara.

Penjelasan tentang kedudukan kami ini kami bahagikan kepada dua bahagian — a) jawapan khusus kepada tuduhan pihak tuan sebagaimana yang terkandung di dalam surat tuan yang bertarikh 11hb Oktober 1980 dan b) analisa tentang peranan Aliran dalam masyarakat Malaysia dan peri pentingnya sebuah pergerakan reformasi seperti kami yang tidak semihak mana-mana parti politik, tidak terlibat dalam penganjuran, lagi berbilang kaum, di dalam titik waktu sejarah negara kita.

Jawapan Kepada Tuduhan

Kami telah dimaklumkan bahawa kenyataan yang saya buat selaku Presiden Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) mengenai pemberian elaun-elaun kepada kakitangan awam, pertimana yang tersiar di akhbar Star 9hb Oktober 1980 menjadi sebab yang akan membawa Aliran akan dibatalkan. Pihak tuan telah menyatakan yang kenyataan saya “mungkin digunakan bagi maksud-maksud yang memudaratkan atau

yang bertentangan dengan keamanan di dalam Persekutuan" dan seterusnya Aliran adalah "berusaha hendak mencapai tujuan-tujuan, lain daripada tujuan-tujuan yang in didaftarkan".

Adalah termaktub di dalam undang-undang tubuh dan perlembagaan kami bahawa "the aims of Aliran shall be to promote a common sense of nationhood and a genuine understanding of development in accordance with the aspirations of the Rukunegara".

Rukunegara menyarankan pembentukan "sebuah masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama". Di sinilah kami berpandangan bahawa pemberian elaun-elaun baru seperti kenaikan gaji bulan Julai 1980 dirasakan tidak membantu ke arah pencapaian cita-cita yang berkenaan. Itulah sebabnya kami membuat teguran tentang tambahan elaun-elaun itu. Sanjungan dan dukungan kami terhadap cita-cita Rukunegara jua yang menggerakkan kami membuat pandangan sedemikian. Kami rasa tanggungjawab kami sebagai rakyat yang taat setia jua yang meminta kami menegur pelaksanaan yang, pada hemat kami, kurang adil.

Jika diteliti kenyataan atau teguran itu sendiri, akan tersirat tentang bagaimana berminat kami mendukung idea "di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama". Kami menghujahkan jika sekiranya kenaikan kos hidup menjadi justifikasi menambahkan gaji dan elaun kakitangan awam, pihak Kerajaan harus pula menyokong tuntutan yang serupa di kalangan sektor swasta kerana mereka juga menerima akibat keadaan inflasi yang serupa. Jelaslah, apa yang kami tegurkan ialah untuk keadilan atau justice. Kami juga kurang bersetuju dengan sifat tidak seimbangnya atau tingginya elaun dan kemudahan bagi mereka yang di peringkat pendapatan tinggi berbanding dengan mereka yang berpendapatan rendah, disebabkan sudah menjadi lunas yang diterima umum bahawa ahli-ahli masyarakat yang berpendapatan rendah yang sewajarnya mendapat perhatian dan jagaan yang lebih. Di samping itu, jika perhatian yang lebih tidak diberi kepada yang

berpendapatan rendah, jurang ketidakseimbangan atau dispariti antara yang berada dan tak berada kelak bertambah luas. Jadi bagaimanakah akan tercapai sebuah "masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati secara adil dan saksama?". Demikianlah jua, subsidi besar yang kakitangan awam menerima akan membawa ke arah ketidakseimbangan sosial yang serius, walaupun secara tidak langsung, jika barang-barang dan perkhidmatan yang perlu bagi mereka yang kurang berada tidak dibekalkan dengan lebih mudah melalui subsidi-subsidi yang lebih tinggi.

Dengan wujudnya ketidakseimbangan ini, si miskin di dalam sektor-sektor lain masyarakat kita akan terasa yang diri mereka tidak menerima bahagian yang wajar akan kemakmuran negara. Oleh yang demikian, kami adalah bangga kerana Kerajaan kita sedar bahawa penanam padi dan pekebun kecil berhak menerima subsidi yang berpatutan. Oleh sebab inilah Aliran mengalu-alukan pemberian demikian serta cadangan-cadangan tertentu yang lainnya yang terkandung dalam belanjawan tahun 1981 (lihat kenyataan kami dalam Star 19hb Oktober 1980).

Apa yang diambil-beratkan oleh Aliran yakni "pembahagian kemakmuran negara dengan adil", pada tempat-tempatnya pun tergambar pada dasar-dasar nasional — Dasar Ekonomi Baru (NEP) pun adalah terutamanya mementingkan penyusunan semula (supaya adil) pembahagian kemakmuran negara di kalangan rakyat. Maka, kami tidak nampak yang pihak kami telah melakukan sesuatu kesalahan bilamana kami berpandukan prinsip ini dalam memperkatakan elaun-elaun kakitangan awam. Bukankah kami telah mencuba memberi makna kepada salah satu cita-cita mulia Rukunegara? Dengan berbuat demikian, kami adalah betul-betul menegakkan tujuan-tujuan perlembagaan kita.

Dengan menyedarkan rakyat akan apa yang dimaksudkan dengan pembahagian yang saksama (equitable sharing) kami juga adalah pada waktu yang sama memupukkan "a genuine understanding of development in accordance with the aspirations of Rukunegara". Tidak payah diulangi di sini betapa pembangunan itu merangkaui setiap bentuk

perubahan sosio-ekonomi, politik serta budaya di dalam sesebuah masyarakat, termasuklah perubahan struktur pendapatan yang mana pula adalah berkaitan dengan gaji dan elaun. Lebih daripada itu, kenyataan kami yang bertarikh 8hb Oktober 1980 adalah juga selaras dengan bahagian pertama tujuan Aliran yang menyebutkan "to promote a common sense of nationhood". Terlebih maklum, tidak akan timbul kesedaran "a common sense of nationhood" selagi jurang perbezaan dan dispariti yang ketara di antara sektor-sektor dan kelas-kelas di dalam masyarakat tidak diusahakan bagi merapatkannya. Dengan menyedarkan orang ramai akan adanya jurang ini Aliran adalah sebenarnya membawa rakyat insaf akan rintangan-rintangan yang menghalangi cita-cita kita untuk mendapatkan "a common sense of nationhood". Contoh ini sendirinya membuktikan dengan amat jelasnya tentang penglibatan kami menjunjung cita-cita yang termaktub di dalam perlembagaan kita.

Kesimpulannya, setakat ini pun sudah menjadi nyata bahawa kenyataan kami mengenai pemberian elaun-elaun baru adalah selaras dengan tujuan Aliran yakni memupukkan "a common sense of nationhood". Maka, kami adalah kebingungan kenapa kenyataan kami itu telah ditakrifkan sebagai "berusaha hendak mencapai tujuan-tujuan, lain daripada tujuan-tujuan yang ia didaftarkan."

Berdasarkan hujjah di atas, maka suatu kenyataan yang dibuat dengan tujuan memupuk konsep suatu masyarakat adil sepertimana yang dikatakan oleh Rukunegara tentulah tidak dapat dicapkan sebagai "memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan di dalam Persekutuan". Selain daripada itu, hasil daripada kenyataan kami tidaklah bangkit sebarang hasutan atau kemarahan daripada pihak orang ramai. Sebenarnya, tiada pun sebarang reaksi positif mahupun negatif bersabit dengannya. Akhbar yang berkenaan — Star, tidak pula memuatkan sebarang komen atau surat dari orang berseorangan ataupun dari mana-mana pertubuhan yang melahirkan sokongan mahupun bantahan terhadap kenyataan kami.

Di samping itu, kami tidak nampak kenapa kenyataan kami bisa dianggap "memudaratkan atau bertentangan dengan keamanan di dalam Persekutuan" walhal wujud pertubuhan-pertubuhan sosial lain seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang mengkritik kenaikan gaji bulan Julai 1980, yang mana bisa dianggap mempunyai kesan yang lebih berbanding dengan sesuatu kenyataan umum mengenai kenaikan gaji. Sesungguhnya, kesemua unsur-unsur penting yang dibangkitkan di dalam kenyataan kami telah pun dibawa ke pengetahuan umum di hari-hari sebelumnya, oleh orang-orang berseorangan atau pun pertubuhan-pertubuhan lain. Sebagai contoh, kekurangan sokongan kerajaan terhadap tuntutan kenaikan gaji dalam pihak swasta sudah pun dibangkitkan oleh tokoh-tokoh awam, demikian jua teguran dibuat terhadap apa yang difikirkan wujudnya kemerosotan kecekapan di jabatan-jabatan kerajaan serta perbadanan-perbadanan negeri. Hal ini dibincangkan oleh orang-orang keseorangan, badan-badan tertentu serta akhbar-akhbar tempatan sepanjang tahun lepas. Sayugia diberitahu di sini bahawa komen-komen mereka tidak pula dianggap sebagai "memudaratkan atau yang bertentangan dengan keamanan di dalam Persekutuan". Sebenarnya, Aliran sendiri, beberapa kali di masa lalu, membincangkan hal kecekapan perkhidmatan awam kita (contohnya, sila lihat Star 8hb September 1980), tetapi perbincangan sedemikian oleh kami tidak pula dikatakan mengancam keamanan di dalam Persekutuan. Sebab itulah kami rasa heran kenapa kritik dan teguran yang selama ini telah diterima sebagai aspek yang sah dalam proses demokratik, tiba-tiba telah membawa implikasi yang jahat.

Sesungguhnya, dapat pula diujjahkan bahawa salah satu cara yang berkesan bagi mengekalkan keamanan di dalam Persekutuan adalah dengan menerima teguran orang ramai mengenai berbagai masalah sosial, termasuklah jua kedudukan gaji dan elaun kakitangan awam. Selagi orang ramai yakin bahawa adalah menjadi hak mereka melahirkan pandangan dan kadangkalanya menegur dasar-dasar kerajaan, selagi itulah mereka akan yakin terhadap saluran-saluran

demokrasi sepertimana yang terjamin di dalam Perlembagaan. Orang ramai akan menyuarakan dan mencari perubahan secara aman dan teratur. Bilamana cara pengucapan begini tidak lagi terupaya, orang ramai, yang sediakalanya mempunyai sikap atau pandangan yang berbagai, akan beralih kepada kegiatan-kegiatan sulit, atau lebih buruknya, berpaling kepada keganasan. Pada ketika itulah keamanan Persekutuan menjadi terancam. Maka, dalam lain-lain perkataan, pandangan-pandangan oleh Aliran yang selalunya bertujuan membimbing serta bersifat analitikal tidaklah mungkin dianggap sebagai memudaratkan keamanan.

Demikian pula adalah tidak adil menyarankan bahawa kenyataan kami telah "mengelirukan orang ramai". Di samping hakikatnya bahawa kesemua isi-isi pentingnya telah terlebih dahulu dibincangkan oleh orang lain atau badan-badan lain, dan telah tidak pula menimbulkan apa-apa kekeliruan, adalah sukar bagi kami memahami kenapa hujjah-hujjah yang menyuarakan kebenaran boleh mengelirukan orang ramai. Memang tidak dapat disangkal misalnya, bahawa tanggungjawab kerajaan menjangkaui seluruh rakyat yang bekerja, bahawa pihak majikan sektor swasta masih enggan mempertimbangkan kenaikan gaji yang wajar, bahawa golongan bawah dalam perkhidmatan awam memerlukan lebih banyak bantuan dalam menghadapi inflasi daripada mereka yang di golongan atas, bahawa miskin di dalam bidang-bidang masyarakat yang lain lebih memerlukan subsidi daripada kakitangan awam golongan atas, dan bahawa pemberian elaun yang lebih seharusnya berlandaskan prestasi (performance) yang tinggi mutunya. Menyuarakan kebenaran-kebenaran ini akan menginsafkan orang ramai jua. Tetapi, kalaulah kami telah mengemukakan data-data statistik yang salah bagi menyokong hujjah-hujjah kami, maka barulah dapat dituduh bahawa kami sedang berusaha mengelirukan rakyat.

Peranan Aliran

Ini membawa kepada bahagian kedua penjelasan kami.

Kenyataan kami bertarikh 9hb Oktober, 1980 seharusnya dilihat dari latarbelakang peranan Aliran di dalam

masyarakat Malaysia. Ini amat perlu sekali, oleh kerana keputusan membatalkan pendaftaran sesebuah pertubuhan merupakan keputusan yang penting dan seharusnya dibuat setelah dipertimbangkan dengan jujur serta menyeluruh akan perannya di dalam masyarakat kita.

Sepertimana pihak tuan sedia maklum Aliran ialah sebuah pertubuhan kecil, ahli-ahlinya terdiri daripada 55 orang sahaja dan kebanyakannya dari Pulau Pinang. Saiznya yang kecil tidak akan menarik minat pihak-pihak tertentu, manada orang berseorangan atau mana-mana kumpulan, untuk meresapinya atas muslihat-muslihat tertentu. Di samping itu Aliran mempunyai ciri-ciri tersendiri yang membantu menjaga keutuhannya — Aliran merupakan pertubuhan sosial yang pertama di negara ini yang meluluskan satu pindaan (di Mesyuarat Agung Tahunan 1978) kepada perlembagaannya, yakni ia melarang ahli mana-mana pertubuhan politik dari memegang sebarang jawatan penting di dalam Aliran, sama ada sebagai ahli jawatankuasanya, atau sebagai penyelaras mana-mana bironya. Larangan ini amat dipatuhi sekali. Sebenarnya, tiada seorang pun dari ahlinya yang mempunyai hubungan dengan mana-mana parti politik. Juga, Aliran adalah salah satu daripada beberapa kerat badan-badan sosial yang aktif, yang tidak menerima sebarang bantuan kewangan dari luar negeri walaupun kami pernah ditawarkan oleh sebuah yayasan yang diketahui membiayai projek-projek kendalian beberapa persatuan yang disanjung di negara ini. Ini menjadi dasar kami. Akibatnya, kedudukan kewangan kami selalunya merosot oleh sebab sumber-sumber yang kami harapkan ialah yuran ahli-ahli, derma ahli-ahli, jualan kad-kad ucapselamat, buku-buku dan risalah-risalah, dan, bagi tahun ini, kutipan yang didapati hasil jamuan kerana mengingati Merdeka.

Kami memang betul-betul mengambil berat tentang kebebasan kewangan dan intelektual persatuan kami supaya terhindar dari dipengaruhi oleh mana-mana badan atau orang berseorangan yang mempunyai cita-cita atau tujuan yang bercanggah dengan nilai-nilai yang termaktub di dalam perlembagaan kami. Tidaklah sebuah badan yang berpendirian

begini, jujur dan bebas, berhak dibenarkan terus memainkan peranannya untuk masyarakat Malaysia?

Selain daripada itu, kami merupakan sebuah pertubuhan yang berbilang-kaum — mungkin salah satu daripada banyak berbilang-kaum yang tidak berapa kerat yang terdapat di negara ini. Oleh kerana harmoni antara kaum, perpaduan kaum, bukan saja merupakan salah satu daripada lima tujuan Rukunegara, malahan menjadi objektif penting Dasar Ekonomi Baru (NEP), maka kami dapat menyatakan dengan penuh keyakinan bahawa wujudnya Aliran adalah merupakan sumbangan kepada masyarakat Malaysia jua. Selagi ia merupakan sesebuah badan berbilang-kaum, biar kecil sekalipun, yang berusaha menjalankan kegiatannya untuk kebaikan semua kaum, maka negara keseluruhannya akan menerima faedahnya.

Dan kegiatan-kegiatan yang kami jalankan, sejak ditubuhnya Aliran di bulan Ogos 1977, merupakan jenis kegiatan yang dijalankan oleh kebanyakan badan sosial yang lain. Kami telah adakan beberapa majlis forum, seminar dan syarahan, serta menerbitkan buku-buku dan risalah. Seminar pertama kami "Democracy in Malaysia" yang berlangsung di bulan Disember 1977, misalnya, telah diresmikan oleh bekas Perdana Menteri, YTM Tunku Abdul Rahman, manakala seminar "Belief in God; its significance in a multi-religious society" pula diresmikan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Y.B. Dr. Ling Liong Sik. Seminar kami yang akan datang "Corruption and Malaysian Society", yang dijadualkan berlangsung pada 2hb. November 1980, akan diresmikan oleh Ketua Hakim Negara, Y.M. Raja Tan Sri Azlan Shah.

Jelas darinya tajuk-tajuk seminar kami adalah selaras dengan prinsip dan cita-cita Rukunegara. Cara hidup demokratik, misalnya, adalah sebahagian dari Rukunegara; dan "Belief in God" pula ialah prinsip pertama Rukunegara; dan "Kesopanan dan kesusilaan" yang bermaksud, di antaranya, penolakan terhadap amalan rasuah menjadi prinsip kelima. Melalui penerbitan buku-buku, kami telah cuba menganalisiskan isu-isu sosial yang disentuh oleh Rukunegara. Penerbitan pertama kami *Basic Beliefs* adalah bermula dengan Percaya

kepada Tuhan sebagai prinsip pertamanya. Buku-buku kami seperti *The Universalism of Islam* dan *Islam yang Tulen* adalah merupakan penentangan terhadap amalan keagamaan yang melampau dan fanatik, manakala buku *The Merdeka University: the real issues* membincangkan kelemahan-kelemahan konsep sebuah universiti berbahasa Cina dan perihalnya menggabungkan pertimbangan-pertimbangan sosio-ekonomi dengan kelulusan ilmiah dalam mengambil tuntutan-penuntut universiti. Melalui buku ini, kami telah membantu memupuk dan meningkat lagi kesedaran rakyat terhadap peranan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Melalui *Protektor?* kami mengkritik tanggapan dan amalan yang buta terhadap pemimpin, atas landasan bahawa amalan sedemikian adalah bercanggah dengan cita-cita sebuah masyarakat demokratik dan progresif yang kesetiaan terangnya seharusnya terletak kepada Tuhan jua sepertimana yang terlahir di dalam Rukunegara. Di dalam buku terakhir kami *One God, Many Paths*, kami meneroka nilai-nilai rohaniyah bersama yang wujud di kalangan agama-agama di Malaysia serta kami cuba menimbulkan pentingnya amalan kesederhanaan, toleransi dan belas kasihan.

Falsafah asas Aliran adalah berlandaskan nilai-nilai rohaniyah. Kami tidak berpegang kepada sistem Kapitalis dan tidak pula berpaut kepada sosialis sepertimana yang kami telah tegaskan berulang-kali sejak tahun 1977. Tidak pula kami menganjurkan sebuah negara Islam. Kami selalu menyuarakan perlunya wujud suatu susunan masyarakat yang adil di mana nilai-nilai rohaniyahlah yang membimbing manusia di dalam perhubungan politik, ekonomi dan budaya mereka (sila rujuk *Basic Beliefs* kami). Ianya sebuah masyarakat di mana rakyatnya hidup bersama di dalam harmoni dan adil.

Bilamana dasar-dasar dan perisytiharan kerajaan di-terangkan sebagai mahu memupuk nilai-nilai yang sama, kami adalah tidak teragak-agak menyuarakan sokongan kami kepada kerajaan. Terbukti sudah banyak kali kami berbuat demikian. Sebagai contoh, kami telah mengalu-alukan ucapan Tahun Baru oleh Perdana Menteri di tahun 1978, dalam mana beliau menekankan pentingnya dihapuskan amalan rasuah

dan haloba, sepertimana juga kami mengalu-alukan ucapan selepas Pilihanraya Umum beliau di masa lalu yang menyerukan tanggungjawab para pemimpin terhadap rakyat miskin dan dhaif, dan pengakuan bahawasanya kemakmuran Malaysia ini untuk semua rakyat tidak kira keturunannya, serta penerimaan beliau tentang peranan sah pembangkang (lihat *Star* 25hb. Julai 1978). Yang terpentingnya kami telah berkali-kali membuat kenyataan menentang sebarang amalan fanatik dalam agama. Kamilah yang mula-mula sekali membuat komen memuji pihak polis atas ketegasannya bertindak ke atas perosak-perosak yang membinasakan beberapa berhala dewa-dewa Hindu di kuil Hindu, Kerling. Kami telah menunjukkan, berpandukan sumber-sumber ajaran Islam, betapa perosakan sebegini adalah bertentangan dengan ajaran Islam (*Star* 24hb Ogos 1978, *Echo* 2hb September 1978). Baru-baru ini kami juga telah mengutuk perbuatan ganas di Batu Pahat oleh sekumpulan orang-orang fanatik agama (*Star*, 19hb Oktober 1980).

Adalah atas kesedaran betapa pentingnya hubungan baik antara agama, maka Aliran telah menyarankan penubuhan sebuah majlis antara-agama yang akan bertanggungjawab menguruskan isu-isu sensitif (*Echo*, *Star* 23hb Disember 1977, *Utusan Malaysia* 1hb Januari 1980). Kami benar-benar bangga bahawa pihak kerajaan kini telah membuat keputusan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menggalak dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan yang bersabit dengan fahaman antara agama supaya perpaduan negara dapat dicapai kelak. Jawatankuasa ini terletak di bawah Lembaga Perpaduan Negara dan mempunyai wakil dari berbagai agama. Untuk makluman pihak tuan saya telah dilantik menduduki jawatankuasa ini selaku presiden Aliran. Sebelum ini lagi, di bulan Jun 1979, Aliran telah memainkan peranannya meminta kerajaan menubuhkan sebuah badan petugas di bawah Timbalan Menteri Penerangan bagi mengkaji nilai-nilai bersama yang terdapat di kalangan budaya-budaya di negara kita. Badan petugas ini telah bertukar-tukar fikiran dengan ahli Jawatankuasa Aliran.

Jelaslah, dari segi harmoni antara agama dan perpaduan negara, Aliran telah mencuba seberapa terdaya bagi merapatkan kaum-kaum atas nilai-nilai antara mereka. Di dalam dialognya dengan pihak-pihak tertentu kerajaan Aliran mendapati adanya pemimpin-pemimpin yang mengakui sumbangan Aliran di lapangan ini. Mereka itu menghargai yang Aliran merupakan unsur positif dalam usaha negara mendapatkan perpaduan kaum, walaupun setengah daripada pandangan Aliran mengenai beberapa isu adalah berbeda dengan pendirian Kerajaan.

Kami tidak menafikan bahawa di dalam beberapa hal yang berhubung dengan kemaslahatan orang ramai kami telah mengambil pendirian yang mungkin tidak disenangi oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan. Di antaranya termasuklah pandangan kami mengenai perancangan ekonomi, demokrasi, kejujuran dalam hal ehwal umum, perpaduan rakyat dan sebagainya. Tetapi teguran-teguran ini dibuat dengan ikhlas untuk faedah negara keseluruhannya. Teguran-teguran disuarakan berasaskan nilai-nilai yang tercatat di dalam Rukunegara dan juga berdasarkan tradisi ajaran-ajaran agama negara kita. Teguran-teguran dibuat demi perpaduan cita abadi kita bersama iaitu ke arah mencapai kebenaran dan keadilan.

Sistem politik kita membenarkan kita membuat teguran sedemikian; perlembagaan kita menjamin hak ini. Seperti-mana yang dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.B. Tan Sri Ghazali Shafie baru-baru ini bahawa mengkritik kerajaan bukanlah suatu kesalahan (*Star* 18hb Oktober 1980) Hadith ada menyatakan "suatu pengucapan yang menyerukan keadilan yang dibuat kepada seorang pemimpin merupakan jihad yang paling mulia".

Pada hemat kami, kami tidaklah melakukan sebarang kesalahan dengan hanya membuat teguran ke atas isu-isu tertentu oleh kerana selama ini kami juga bersikap sama kritis terhadap parti pembangkang samada mengkritik pembangkang-pembangkang bukan Melayu mengenai soal bahasa dan pembangunan negara ataupun terhadap pembangkang dari kaum Melayu mengenai soal agama dan perpaduan

negara. Tentu mereka ini tidak senang dengan pandangan kami. Maka, dengan ini tidak dapat disangsikan lagi tentang pendirian kami yang tidak memihak mana-mana parti di dalam masyarakat Malaysia.

Kedua-duanya, baik pihak pembangkang mahu pun kerajaan, tidak perlu bimbang kerana kami bukanlah ingin mengambil bahagian di dalam proses pilihanraya. Kami bukan berlumba untuk mendapatkan kuasa dan kedudukan. Tidak pula kami mengembelingkan (mobilise) orang ramai. Kami tidak juga bercita mahu menjadi calon-calon, atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau pun Ahli Parlimen.

Peranan yang tidak memihak mana-mana parti politik, tidak mengambil bahagian dalam pilihanraya, yang dimainkan oleh Aliran semenjak tiga tahun yang lalu, adalah penting bagi masa depan negara kita. Maka, dengan sebab inilah kami seharusnya diberi peluang untuk meneruskan peranan ini. Sebagai satu badan berbagai kaum, kami telah berusaha dan berjaya menentang secara waras atau intelektual, kedua-dua cauvinisme keagamaan orang-orang Melayu dan komunisme orang-orang bukan Melayu. Parti-parti politik yang terpaksa menjaga kedudukan pilihanraya mereka tidak berupaya berbuat demikian. Jika sebuah parti Melayu menentang cauvinisme orang-orang Melayu, akan timbul kekuatiran ia akan kehilangan sokongan orang-orang Melayu, demikian juga jika sebuah parti bukan Melayu cuba membendung perkauman bukan Melayu mungkin akan kehilangan sokongan di kalangan pengundinya. Namun adalah perlu bahawa daya penarik cauvinisme, sama ada dari pihak orang-orang Melayu mahu pun dari pihak bukan Melayu, dihapuskan — supaya orang-orang Melayu dan bukan Melayu yang rasional dan waras dapat menguasai sokongan majoriti rakyat. Jika tidak, akan hancurlah negara kelak. Aliran setidak-tidaknya mampu melahirkan suasana intelektual yang akan membolehkan mereka yang menghargai harmoni dan persefahaman antara kaum berganding bahu menyumbangkan khidmat. Peranan kami selama tiga tahun kebelakangan ini membuktikan yang kami telah berusaha dan sanggup memikul tugas ini.

Maka, adalah demi kepentingan negara, kami merayu
teruskan pendaftaran persatuan kami.

Terima kasih.

Yang Ikhlas,

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden,
Aliran Kesedaran Negara

30hb Oktober 1980

CADANGAN MEMBATALKAN PENDAFTARAN ALIRAN

(Kenyataan Akhbar)

Pada 17hb Oktober, 1980, Persatuan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) sebuah pergerakan reformasi berbagai kaum, yang ditubuhkan pada tahun 1977 telah menerima sepucuk surat daripada Pendaftar Pertubuhan, Malaysia, meminta persatuan ini menunjukkan sebab-sebab kenapa ia tidak seharusnya dibatalkan pendaftarannya menjelang 10hb November, 1980. Sebuah kenyataan yang saya buat selaku Presiden Aliran mengenai kenaikan elaun-elaun kakitangan awam telah dikatakan menjadi sebab yang akan membuatkan Aliran akan dibatalkan pendaftarannya. Kenyataan saya itu tersiar dalam sebuah akhbar tempatan yang berbahasa Inggeris — the *Star* — bertarikh 9hb Oktober, 1980.

Pihak Pendaftar berpendapat yang kenyataan itu boleh mengelirukan orang ramai. Beliau berpandangan Aliran "boleh dipergunakan untuk maksud-maksud yang memutarbalikkan atau yang bertentangan dengan keamanan" dan hanya berusaha hendak mencapai tujuan-tujuan, lain daripada tujuan-tujuan yang terdapat dalam perlembagaannya.

Di dalam kenyataan saya, saya telah menyentuh empat perkara penting —

a) bahawa, oleh kerana kenaikan kos hidup telah menjadi justifikasi menaikkan elaun-elaun, pihak kerajaan

sewajarnya pula meminta pihak majikan-majikan sektor swasta mempertimbang kenaikan gaji pekerja-pekerja mereka sama

- b) kakitangan awam yang berpendapatan rendah memerlukan pemberian elaun dan kemudahan pinjaman yang lebih baik sebab situasi inflasi lebih menjejaskan mereka daripada golongan yang berpendapatan tinggi,
- c) bahawa, oleh kerana kakitangan awam mendapat subsidi yang besar, maka adalah lebih wajar menambahkan subsidi bagi perumahan murah, pelajaran, kesihatan dan alat-alat pertanian dan
- d) bahawa elaun-elaun telah diberi pada ketika memuncaknya sungutan-sungutan terhadap kecekapan perkhidmatan awam.

Aliran kebingungan kenapa kenyataan tunggal sebegini telah dijadikan alasan untuk membuat keputusan penting yakni membatalkan pendaftaran sesebuah pertubuhan. Lagi pun, kenyataan kami semata-mata menyuarakan semula hujjah-hujjah yang sudah pun disentuh oleh persatuan-persatuan pengguna, penulis-penulis akhbar, pengulas-pengulas sosial dan pemimpin-pemimpin politik sejak kenaikan gaji bulan Julai 1980. Teguran-teguran itu tidak pula dianggap mengelirukan rakyat atau pun memudaratkan keamanan.

Lebih pentingnya, kenyataan Aliran mengenai kenaikan elaun itu adalah benar-benar selaras dengan tujuan yang tercatat di dalam perlembagaannya iaitu memupuk suatu perasaan bernegara yang sama dan fahaman yang tulen mengenai pembangunan selaras dengan cita-cita Rukunegara. Tidak akan tercapai perasaan bernegara yang sama jika jurang perbezaan yang ketara di antara sektor-sektor dan kelas-kelas masyarakat tidak dirapatkan. Tidak pula kita dapat mencapai pembangunan sepertimana yang dikehendaki di dalam Rukunegara yang berbunyi "sebuah masyarakat adil di mana kemakmuran negara dibahagikan dengan adil dan saksama". Sukar hendak difahami kenapa sebuah pertubuhan hendak dibatalkan pendaftarannya bilamana apa yang dilakukan oleh

bertubuhan itu hanya hendak mengaitkan soal pemberian
kepada perkhidmatan awam dengan Rukunegara.

Sebenarnya, dalam masa tiga tahun yang lalu, seminar-seminar, penerbitan-penerbitan dan kenyataan-kenyataan
dijelentakan oleh Aliran adalah merupakan usaha memberi makna
kepada prinsip-prinsip dan cita-cita Rukunegara. Seminar
pertama kami mengenai demokrasi di Malaysia yang berlang-
gung pada bulan Disember 1977 dan diresmikan oleh bekas
Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, adalah selaras
dengan ikrar di dalam Rukunegara iaitu mengekalkan cara
hidup yang demokratik, sementara seminar kami di bulan
Mac 1980 yang bertajuk "Belief in God." (Percaya kepada
Tuhan) adalah usaha sedemikian yang julung-julung kali
diadakan di negara kita untuk memberi makna kepada
prinsip pertama Rukunegara. Beberapa hari yang lalu, Hakim
Besar Malaya, Raja Tan Sri Azlan Shah, meresmikan seminar
kami mengenai "Rasuah" yang mempunyai kaitan langsung
dengan prinsip kelima Rukunegara iaitu "Kesopanan dan
Kesusilaan".

Serupalah jua, buku-buku dan risalah kami adalah ber-
tujuan membina keadaan-keadaan psikologikal yang perlu
untuk menjalinkan perpaduan negara yang menjadi tujuan
terbesar Rukunegara. Maka, di dalam "The Universalism of
Islam" (Kesejagatan Islam) dan "Islam yang Tulen" kami
telah menegur amalan fanatik dalam agama dalam masyarakat
Melayu sepertimana juga kami telah mendedahkan kelemahan
amalan cauvinisme di kalangan orang-orang bukan Melayu di
dalam "The Merdeka University: the real issues" (Universiti
Merdeka: isu-isu sebenar).

Peranan Aliran dalam memupuk suatu kesedaran ber-
negara bersama adalah juga diakui oleh segolongan dalam
kerajaan sendiri. Kerana sudah sekian lama kami telah
menyarankan peri pentingnya mengenali dan menyebarkan
nilai-nilai bersama yang terdapat di antara kaum-kaum;
dewasa ini wujud suatu badan petugas kerajaan mengenai
nilai-nilai yang sama yang pula membuat hubungan-hubungan
dengan kami. Aliranlah yang mula mencadangkan pe-
nubuhan sebuah majlis antara agama. Kini pihak kerajaan

sudah pun menubuh sebuah jawatankuasa antara agama di bawah naungan Lembaga Perpaduan Negara. Aliran menjadi ahli jawatankuasa ini.

Dalam masa kami sedang giat melibatkan diri di dalam rancangan-rancangan demi untuk perpaduan negara, maka kami sungguh tidak menduga apabila datangnya cadangan hendak membatalkan pendaftaran Aliran. Oleh itu, di samping menghantar surat penjelasan kami kepada pihak Pendaftar Pertubuhan, kami mengambil keputusan menulis juga kepada Perdana Menteri yang senantiasa amat mengambil berat tentang perpaduan negara. Kami telah juga mengutus sepucuk surat kepada Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri; kami sebenarnya telah berusaha menemui beliau pada 21hb Oktober. Kami masih berharap dapat menemui beliau bagi menjelaskan kedudukan kami. Dua orang ahli jawatankuasa kami — Eusuf Izzudin dan Azmi Khalid — telahpun berhubung dengan Pendaftar Pertubuhan pada 25hb Oktober.

Akhirnya, cadangan membatalkan pendaftaran persatuan kami adalah tidak menasabah dalam konteks perkembangan politik dan sosial sekarang. Kini semakin bangkit amalan fanatik dalam agama, begitu juga fahaman perkauman orang-orang bukan Melayu; maka semakin perlu adanya suatu tenaga intelektual berbagai-kaum di dalam masyarakat kita bagi menentang gejala-gejala perosak ini. Tenaga sedemikian tidak seharusnya terlibat di dalam politik kepartian atau pengembelian politik supaya ia dapat menentang kedua-dua anasir tadi tanpa memperhiraukan sokongan-sokongan untuk pilihanraya. Sebagai sebuah badan berbilang-kaum yang bukan sahaja tidak memihak ke mana-mana parti dan tidak terlibat di dalam proses pilihanraya, malahan melarang ahli-ahli politik dari memegang jawatan-jawatan penting di dalamnya, maka Aliran mempunyai hak dan kelayakan untuk memikul tugas ini.

Kami tidak pernah inginkan kedudukan atau kuasa, tidak pula ganjaran atau pengiktirafan. Apa yang kami pinta ialah hak untuk wujud supaya dapat kami menyumbangkan khidmat ke arah tercapainya Malaysia yang bahagia dan ber-satu.

PERHATIAN YANG WAJAR

(Kenyataan Akhbar)

Aliran mengalu-alukan kenyataan Pendaftar Pertubuhan bahawa beliau sedang mengkaji jawapan kami kepada surat beliau yang mencadangkan pembatalan pendaftaran Aliran. Kami merasa gembira juga bahawa Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ketua Setiausaha Kementerian sedang memberi perhatian yang wajar kepada perkara ini.

Aliran berharap bahawa pihak berkuasa akan memutuskan dengan secepat mungkin bahawa Aliran dibenarkan melanjutkan kedudukannya sebagai pertubuhan yang berdaftar yang berhak melaksanakan tujuan-tujuan yang termaktub dalam undang-undang tubuhnya.

Adalah nyata bahawa orangramai mahu Aliran dikekalkan. Ini terbukti dalam simpati dan sokongan yang disuarakan oleh semua pihak. Sokongan ini yang mengatasi batasan-batasan kaum dan parti menunjukkan bahawa Aliran adalah pergerakan yang benar-benar berbilang kaum dan benar-benar bebas daripada ikatan-ikatan parti. Ini juga menunjukkan bahawa orangramai menghargai pentingnya perbincangan yang rasional tentang persoalan-persoalan masyarakat yang bertujuan meninggikan lagi darjat kesedaran sosial. Akhir sekali, sokongan orangramai membuktikan bahawa masyarakat Malaysia sendiri merasai keperluan sebuah pergerakan yang cuba melibatkan orangramai dalam proses pemikiran yang mendalam tentang masa depan negara tanpa menghiraukan soal menang kalah dalam pilihanraya.

Aliran mengucapkan terima kasih kepada orangramai atas sokongan mereka. Pada masa lampau Kerajaan kita pernah memberi pertimbangan kepada perasaan orangramai sekiranya perasaan itu membina. Ini adalah sikap yang sesuai

dengan sistem demokrasi. Sebuah kerajaan yang memberi pertimbangan yang wajar kepada perasaan orang ramai yang berakar umbi dalam kebenaran dan keadilan pasti akan dianggap sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, mulia dan kukuh.

12hb November, 1980

Jawatankuasa

SURAT DARI PENDAFTAR

25hb November, 1980

KENYATAAN SEKSYEN 13(2) AKTA PERTUBUHAN, 1966

Saya merujuk surat tuan bertarikh 30.10.80 yang dihantar ke Jabatan ini serta disebar secara meluas kepada akhbar-akhbar dan orang ramai. Penjelasan tuan terhadap kenyataan yang dibuat adalah mengaitkan kepada unsur Rukunegara yang mana idea yang tuan dukungi ialah "di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama". Tuan juga telah menerangkan antara lain mengenai aktiviti yang dilakukan oleh tuan dan ahli-ahli Aliran yang mana ada menyatakan mempunyai hubungan dan kaitan dengan Rukunegara yang berdasarkan kepada tujuan Aliran "The aim of Aliran shall be to promote genuine understanding of development, modernisation and the creation of a common sense of nationhood in accordance with the aspirations of the Rukunegara".

2. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian tuan yang mana rekod di Jabatan ini menunjukkan pada 28.11.78 tuan telah membuat permohonan meminda undang-undang pendaftaran Aliran antara lain termasuklah juga pindaan ke tujuan-tujuan dan objek kepada: "The aims of Aliran shall be to promote a common sense of nationhood and the genuine understanding of development in accordance with universal ethical values". Sebelum keputusan dibuat berkait dengan kenyataan seksyen 13(2) Akta Pertubuhan itu, sukacita

mendapat penjelasan tuan sebab-sebab mengapa pula mahu tukar perkataan-perkataan "with the aspirations of the Rukunegara" dengan "with universal ethical values". Dimanakah letaknya pegangan Aliran yang kononnya senantiasa menjunjung prinsip-prinsip Rukunegara sekiranya "Rukunegara" itu sendiri dibuang dan diganti dengan "universal ethical values".

Saya yang menurut perintah,

AHMAD KAMAL BIN MOHD. SAHAJA
Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia.

Menolong Pendaftaran Pertubuhan, P. Pinang, Kedah & Perlis,
Pendaftaran Pertubuhan,
Jalan Raya Northam,
JALAU PINANG.

ALIRAN DAN RUKUNEGARA

(Kenyataan Akhbar)

Saya baru saja menerima surat pihak Pendaftar yang meminta penerangan lanjut mengenai dasar-dasar Aliran — selepas saya membacanya di akhbar-akhbar.

Selepas mengambil langkah hendak membatalkan Aliran dengan alasan-alasan yang lemah yang mengakibatkan bantahan ramai, kini Pendaftar mencuba memesonkan pandangan orang ramai dengan membangkitkan suatu perkara yang sudah pun diselesaikan hampir-hampir 1½ tahun dulu.

Pindaan undang-undang tubuh Aliran yang dipersoalkan merupakan di antara pindaan-pindaan yang berjumlah kira-kira 12 kesemuanya yang dikemukakan kepada Pendaftar

pada 28hb November, 1978 untuk mendapat kelulusan. Setelah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pihak Pendaftaran Pulau Pinang pada bulan Disember 1978 dan Mei, 1979 kami telah bersetuju menggugurkan dua daripada pindaan yang kami cadangkan, satu daripada pindaan yang dipersoalkan itu. Selanjutnya, surat pihak Pendaftar bertarikh 28hb Jun, 1979 telah memaklumkan bahawa kesemua pindaan-pindaan lain yang kami kemukakan telah diluluskan. Maka sejak tarikh itu kami memperkirakan perkara ini telah pun selesai. Oleh itu adalah membingungkan bila Pendaftar membangkitkannya lagi dalam konteks pembatalan pendaftaran Aliran.

Walaubagaimanapun, dalam meminda dasar untuk merangkumi nilai-nilai etika sejagat Aliran adalah hanya mencuba memasukkan sama nilai-nilai lain seperti belas kasihan, kebenaran dan kejujuran kepada nilai-nilai sejagat yang sedia termaktub di dalam Rukunegara seperti keadilan, kebebasan dan perpaduan. Maka tidak timbul langsung soal hendak menyingkirkan Rukunegara. Di dalam Artikel III (5) undang-undang tubuh kami, termaktub dengan jelas sekali "Members shall not act in anyway inconsistent with the Constitution of Malaysia and the Rukunegara" (ahli-ahli tidak akan sekali-kali bertindak bercanggahan dengan Perlembagaan Malaysia dan Rukunegara). Di sini jelaslah bahwa bagi Aliran, Rukunegara begitu juga Perlembagaan Malaysia adalah meletakkan batasan-batasan tindakan masyarakat. Di samping itu jelas juga tiada percanggahan di antara nilai-nilai etika sejagat dengan aspirasi-aspirasi Rukunegara. Perlembagaan Negara kita yang berikrar ketaatan kepada negara tidak jua bercanggah dengan cita-cita piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Apa yang penting ialah: Bukankah kami bergerak selaras dengan cita-cita Rukunegara? Apakah kami telah menyimpang dari Perlembagaan Persekutuan? Apakah kami mematuhi undang-undang tubuh kita? Apakah kami telah menjelaskan dengan sewajarnya pendirian kami dalam soal kenaikan elaun-elaun?

Soal-soal ini tidak diperkirakan; sebaliknya pegawai-pegawai tertentu begitu berminat hendak mencari kesalahan Aliran semata-mata kerana sokongan yang kami perolehi. Keseluruhan sokongan yang kami terima adalah tulen dan ikhlas oleh kerana kedudukan kami yang tidak berupaya memaksa baik pun memujuk orang lain untuk memperkukuhkan kami. Andainya Aliran bukan pertubuhan berbilang kaum, bukan sederhana, bersikap memihak, bukan rasional dan tidak mematuhi undang-undang, kami tidak akan mendapat sokongan sebegini. Kerana inilah kami amat musykil tentang kini timbul pula usaha-usaha berterusan hendak mencacatkan imej kami. Kami telah mengambil langkah memberitahu beberapa orang pemimpin-pemimpin termasuk Perdana Menteri kita dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, yang kami mempunyai penuh harapan dan keyakinan, akan segala hal yang berlaku kepada Aliran.

Bagi pihak kami, kami akan terus bekerjasama dengan Pendaftar Pertubuhan-Pertubuhan sehinggalah penyelesaian yang saksama dapat dicapai. Sebenarnya kami telah menawarkan kerjasama kepada Pendaftar sejak 30hb Oktober, lagi. Dalam pada itu, kami juga berharap pihak anasir-anasir tertentu tidak akan menjalankan manipulasi-manipulasi terhadap Aliran demi menjaga nama baik kerajaan.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

7hb November 1980

**JAWAPAN KEPADA PENDAFTAR:
PENJELASAN TENTANG RUKUNEGARA**

(Surat)

Terima kasih atas surat Tuan yang bertarikh 26hb November 1980.

Sepertimana Tuan sedia maklum, kesetiaan Aliran kepada Rukunegara disebutkan pada dua tempat dalam undang-undang tubuhnya. *Pertama*, pada tujuannya yang berbunyi, "the aims of Aliran shall be to promote a common

sense of nationhood and a genuine understanding of development in accordance with the aspirations of the Rukunegara. Kedua dalam Artikel III(5) yang berbunyi "Members shall abide by the provisions of this constitution and shall not in any way inconsistent with the aims and objects of Aliran or the Constitution of Malaysia and the Rukunegara". Istilah 'Rukunegara' ada pada kedua-dua fasal ini dalam undang-undang tubuh kami sejak Aliran ditubuhkan. Harus saya menerangkan penggunaan istilah 'Rukunegara' dalam kedua-dua konteks tadi.

Istilah 'Rukunegara' dalam fasal mengenai tujuan dikaitkan dengan konsep 'nationhood' dan 'development'. Dengan lain perkataan, 'Rukunegara' digunakan dalam lingkungan khusus dimana ia dihubungkan dengan kenegaraan dan pembangunan. Dalam Artikel III(5) pula, Rukunegara, bersama-sama dengan undang-undang tubuh kami dan perlembagaan Malaysia, dianggap sebagai garis-panduan yang menentukan tindak-tanduk ahli-ahli Aliran. Ahli-ahli Aliran dilarang bertindak diluar batasan-batasan perlembagaan Malaysia dan Rukunegara.

Fasal inilah yang memastikan kesetiaan dan ketaatan Aliran kepada Raja dan negara, Islam, kedudukan istimewa kaum bumiputra dan sebagainya kerana ia merangkumi perlembagaan Malaysia serta Rukunegara. Harus ditegaskan disini bahawa fasal ini tidak pernah dipinda. Lebih penting, tiada ada sebarang usaha pada bila-bila masa untuk meminda fasal tersebut.

Fasal ini kekal apabila mesyuarat agung Aliran yang kedua pada November 1978 membuat keputusan untuk meminda tujuannya daripada, "the aims of Aliran shall be to promote a common sense of nationhood and a genuine understanding of development in accordance with the aspirations of the 'Rukunegara' kepada "the aims of Aliran shall be to promote a common sense of nationhood and a genuine understanding of development in accordance with universal ethical values". Itulah sebabnya tidak benar dan tidak berasas tuduhan bahawa Aliran telah cuba menggugurkan istilah

Rukunegara' daripada undang-undang tubuhnya. Mereka yang membuat tuduhan ini telah lupa tentang Artikel III(5).

Tetapi, kenapa Aliran cuba menggantikan "cita-cita Rukunegara" dengan "nilai-nilai etika sejagat" dalam tujuannya pada bulan November 1978? Atas empat sebab yang akan diuraikan disini. *Pertama*, kerana Rukunegara sebagai garis-panduan bagi setiap ahli Aliran telahpun termaktub dalam artikel III(5). Oleh itu, menggantikan istilah Rukunegara dalam konteks 'nationhood' dan 'development' tidak membawa apa-apa kesan kepada 'Rukunegara'. *Kedua*, Rukunegara sendiri mengandungi nilai-nilai etika sejagat seperti kebebasan, keadilan dan perpaduan. Inilah kekuatan Rukunegara. Tetapi, dari segi "nationhood" dan "a genuine understanding of development", Aliran berpendapat, pada masa itu, bahawa nilai-nilai sejagat ini dapat ditambah-tokokkan dengan nilai-nilai yang lain yang kurang jelas dan itu dalam Rukunegara seperti belas-kasihan, kebenaran dan keutuhan. Tujuan kami hanya untuk memperluaskan bidang nilai-nilai etika sejagat. *Ketiga*, nilai-nilai etika sejagat tidak bertentangan sama sekali dengan kepentingan negara. Sekiranya nilai-nilai sejagat tidak sesuai dari segi kehendak-kehendak negara, sudah pasti Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat tidak akan menandatangani naskah-naskah antarabangsa yang mengandungi nilai-nilai sejagat. Sebagai contoh, piagam Bangsa-Bangsa Bersatu (BBB) dan pengisytiharan hak manusia (1948) berdasarkan pada nilai-nilai etika sejagat. Negara kita menjunjung tinggi piagam BBB. *Keempat*, nilai-nilai etika sejagat ini harus difahami dalam konteks dasar-dasar Aliran sendiri. Dasar pertama Aliran — sepertimana juga dengan Rukunegara — ialah kepercayaan pada Tuhan. Kepercayaan ini mengikut ahli-ahli falsafah Islam yang masyhur seperti Shah Walliyullah dan Muhammad Iqbal, bermakna bahawa sumber segala nilai-nilai etika sejagat ialah Tuhan. Dengan lain perkataan, kesetiaan kepada Tuhan boleh diertikan sebagai kesetiaan pada nilai-nilai etika sejagat. Ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa bagi kaum muslimin konsep 'nilai-nilai etika sejagat' tidak harus menimbulkan sebarang keraguan.

Saya dan setiausaha Aliran telah cuba menerangkan faktor-faktor ini kepada pegawai-pegawai pejabat pendaftaran pertubuhan di Pulau Pinang tetapi malangnya, mereka tidak dapat menerima hujjah-hujjah kami. Itulah sebabnya cadangan pindaan tersebut telah ditarik balik sama-sama dengan satu cadangan pindaan yang lain yang berkaitan dengan quorum.

Cadangan-cadangan pindaan yang selainnya telah diluluskan pada 28hb Jun 1979. Maka sejak tarikh itu kami memperkirakan perkara ini telahpun selesai. Oleh itu adalah membingungkan bilamana Tuan membangkitkannya lagi dalam konteks pembatalan pendaftaran Aliran.

Yang lebih penting, sebelum dan selepas cadangan pindaan yang dibincang tadi, Aliran menyusun segala rancangan-rancangannya berdasarkan cita-cita Rukunegara. Tiap-tiap forum dan seminar yang dianjurkan oleh Aliran termasuk seminar mengenai 'kepercayaan pada Tuhan' yang ulung kali diadakan di negara ini dan seminar mengenai 'demokrasi' dan 'rasuah' adalah buktinya. Begitu juga dengan buku-buku dan risalah-risalah yang diterbitkan oleh Aliran termasuk buku-buku mengenai bahasa dan pembentukan negara (*iaitu, The Merdeka University: the real issues*) dan universalisma Islam (*iaitu The Universalism of Islam*). Sikap Aliran terhadap Rukunegara harus dikaji berdasarkan kegiatan-kegiatan dan amalan-amalannya. Adakah kegiatan-kegiatan Aliran bertentangan dengan Rukunegara? Adakah amalan-amalannya bercanggah dengan prinsip-prinsip perlembagaan Malaysia?

Akhir kata, saya telah membuktikan bahawa istilah dan konsep Rukunegara tetap termaktub dalam undang-undang tubuh Aliran. Salah fahaman telah timbul kerana undang-undang tubuh kami tidak diselidiki dari sudut yang lebih menyeluruh.

Sekian, harap penjelasan ini dapat memuaskan Tuan. Sepertimana diterangkan dalam surat saya yang bertarikh 30hb Oktober 1980, Aliran sanggup bekerjasama dengan Pejabat Pendaftar pertubuhan.

Terima kasih.

KE MANA ALIRAN?

(Karangan)

Sejak kebelakangan ini, kewujudan Pejabat Pendaftar Pertubuhan telah mula dirasakan oleh pertubuhan-pertubuhan di dalam negara kita ini. Kepada umum, lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin pertubuhan, kecergasan pejabat tersebut adalah ketara. Berbagai persoalan timbul, sama ada pimpinan pejabat tersebut telah mempunyai tenaga baru atau pun ianya sebagai ekoran dari kejadian-kejadian yang berlaku di negara kita kebelakangan ini.

Pada hemat saya apa yang sedang berlaku adalah langkah-langkah pentadbiran biasa yang dilakukan oleh sebuah badan kerajaan. Pejabat Pendaftar Pertubuhan hanya melaksanakan undang-undang dalam bidang kuasa yang telah diperuntukkan kepadanya oleh Parlimen. Undang-undang yang digubal pula adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada rakyat umum. Kita tidak mampu di dalam amalan demokrasi negara, kepentingan golongan minoriti menjejaskan ketenteraman awam yang melibatkan majoriti. Atas dasar ini adalah wajar bagi pejabat tersebut mengambil langkah-langkah yang sesuai dalam usaha mengawasi dan mencegah kemungkinan timbulnya perkara-perkara yang ianya lebih tahu dari rakyat umum. Dalam usaha tersebut, adalah difahamkan bahawa begitu banyak pertubuhan yang telah dihubungi, tiap satunya diminta memenuhi peraturan-peraturan yang diperlukan oleh pejabat ini.

Yang menarik perhatian kita, terdapat pertubuhan tertentu yang melompat dan melatah dengan tindakan Pendaftaran Pertubuhan ini. Bantahan dibuat, peperangan di khbar berlaku di mana kerajaan telah dikecam. Sokongan dari lain-lain pertubuhan timbul mencurah-curah, turut marah dan menyalahkan kerajaan.

Persoalannya di sini adakah pemikiran masyarakat turut dibawa arus. Pada umumnya masyarakat akan menari mengikut gendang. Siapa yang lebih memukul gendangnya, maka rentak itu pulalah tarian yang ditarikan. Lebih lama pukulan gendangnya dimainkan, lebih ramai pula yang melompat di pentas untuk menari.

Sebagai bukti kepada pandangan ini, setakat tulisan ini dibuat, tidak kurang dari 16 pertubuhan telah melahirkan pendiriannya menyebelahi Aliran di dalam ketegangan yang sengaja diwujudkan di antara Aliran dengan Pendaftar Pertubuhan. Pertubuhan-pertubuhan tersebut yang telahpun mengeluarkan pendiriannya melalui akhbar-akhbar tempatan adalah seperti berikut:—

1. Persatuan Siswazah Selangor.
2. Persatuan Perlindungan Alam Sekitar.
3. Persatuan Orang-Orang Buta.
4. Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
5. Persatuan Pengguna Pahang.
6. Penang Hindu Sangam.
7. Union Of Employees Of Trade Union.
8. INSAN (Institute Of Social Analysis).
9. Kakitangan Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia.
10. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE).
11. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
12. Parti Tindakan Demokrat (DAP).
13. Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM).
14. Parti Sosialis Demokratik (SDP).
15. Pergerakan Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan.
16. Parti Islam Se Malaya (PAS) melalui kenyataan setiausaha agungnya.

Di samping itu terdapat sokongan-sokongan dari orang-orang perseorangan yang dibuat melalui akhbar-akhbar tempatan.

Soal yang menarik perhatian di sini, Aliran dan Presiden-nya Dr. Chandra Muzaffar telah mendapat perhatian umum dan menjadi begitu terkenal dalam tempoh masa yang singkat. Kepada penulis sokongan yang diperolehinya ini tidak semestinya menggambarkan bahawa perjuangan Aliran

sebenarnya difahami dengan mendalam oleh badan-badan tersebut.

Kepada penulis ada tiga kemungkinan yang menjadi faktor penentu kepada sokongan-sokongan tersebut:—

Sokongan diberikan kerana pemimpin badan-badan tersebut sebenarnya sama-sama tidak sehaluan dengan kerajaan.

Sokongan diberikan untuk mendapat publisiti yang diperolehi secara tidak langsung di atas kewujudan pertubuhannya apabila sama-sama masuk di dalam kancah pergolakan yang sedang mendapat perhatian umum.

Sokongan diberikan atas dasar yang benar-benar memahami perjuangan Aliran dan matlamat jangka panjangnya.

Penulis sangat tertarik dengan kenyataan Presiden Aliran Dr. Chandra Muzaffar yang menyatakan bahawa 'ada sebab-sebab lain di atas tindakan Pendaftar Pertubuhan itu', seperti yang dilaporkan oleh akhbar 'Malay Mail' (keratan belah) pada 14hb November 1980. Persoalannya sekarang apakah yang dapat difahamkan dengan perkataan 'ada sebab-sebab lain itu tadi'.

Dalam usaha memahami perkara ini secara lebih mendalam ada baiknya kalau dapat kita selami bersama sejarah pertubuhan Aliran itu sendiri serta segala rangkaianannya yang berkaitan.

Aliran telah didaftarkan pada bulan Ogos 1977 dengan tujuan untuk meningkatkan kefahaman yang jelas berhubung dengan pembangunan, modernisasi dan pengujudan satu masyarakat kenegaraan sesuai dengan hasrat Rukunegara.

Dalam usaha untuk mencapai tujuan tersebut Aliran telah menggariskan beberapa corak kegiatan seperti berikut:—

Menerbit dan mengadakan makalah-makalah, risalah, journal, bahan penerbitan dan buku-buku.

Menyusun dan menjalankan seminar, forum, konferansi, ceramah dan syarahan.

- c) Menyusun dan menjalankan kerja-kerja penyelidikan.
- d) Mengadakan perhubungan dengan lain-lain badan yang mempunyai tujuan dan matlamat yang sama.
- e) Menjalankan lain-lain aktiviti sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja Aliran dari masa ke masa bersesuaian dengan tujuan yang ditetapkan.

Perlembagaan asal Aliran juga di dalam Perkara Ceraian 1(b) menghadkan jumlah ahlinya hanya seramai tidak lebih dari 99 orang. Walau bagaimanapun perkara tersebut telah diminta oleh Pendaftar Pertubuhan untuk mansuhkan sewaktu ianya diluluskan.

Semasa Jawatankuasa Penaja Aliran menyampaikan permohonannya untuk didaftarkan, Pejabat Pendaftaran sedang di dalam proses mengkaji satu permohonan lain dari Jawatankuasa Penaja sebuah badan yang diberi nama Liga Reformasi yang pendaftarannya tidak diluluskan.

Liga Reformasi ini bertujuan untuk memajukan pengetahuan berhubung dengan hak asasi manusia, keadilan sosial, dan lain-lain keperluan untuk kemajuan di Malaysia dan dunia ketiga berdasarkan kepada kajian yang saintifik dan rasional mengenai sains kemasyarakatan dan kemanusiaan.

Dalam usaha untuk mencapai matlamatnya itu Liga Reformasi turut menggariskan beberapa corak kegiatan. Dari penelitian yang dibuat di dapati ianya adalah sama dengan ayat dengan garis kegiatan yang termaktub di dalam perlembagaan Aliran.

Dari segi keahliannya pula Perkara III Ceraian 1(b) menghadkan jumlah keahliannya kepada tidak lebih dari 1,000 orang. Dr. Chandra Muzaffar sendiri adalah Setiausaha Penaja kepada Liga Reformasi. Malah nama jawatankuasa penaja kedua-dua pertubuhan ini yang permohonan pendaftarannya berbeza di dalam lingkungan satu kedua-dua badan sahaja adalah hampir-hampir sama. Kedua-dua badan ini diasaskan di Pulau Pinang; Liga Reformasi beralamatkan Jalan Sungai Nibong, Bayan Baru, Pulau Pinang sementara Aliran beralamatkan Transfer Road (ketika itu) Pulau Pinang.

hari ini alamatnya adalah Jalan Mayang Pasir, Bayan
Pulau Pinang.

Liga Reformasi telah tidak diluluskan pendaftarannya
antara Aliran mendapat kelulusan pendaftaran. Ekoran
kelulusan ini pimpinan Aliran telah diambil alih oleh Dr.
Mudra Muzaffar, yang sebelumnya adalah Setiausaha Penaja
Liga Reformasi. Apakah ke semua perkara ini berlaku
kebetulan ataupun telah sedia ada satu 'master pro-
gramme' adalah perkara-perkara yang harus diikuti bersama
cara yang mendalam dan terperinci.

Pada 28hb November 1978, setelah lebih kurang se-
bulan Aliran bergerak, pindaan perlembagaan telah dilaku-
kan. Perkara yang menarik perhatian penulis dalam soal
pindaan ini ialah hasrat Aliran untuk meminda perkataan
'negara' dengan 'universal ethical values'. Walau bagaimanapun
sekali lagi pihak Pendaftar Pertubuhan tidak
luluskan pindaan tersebut.

Kepada orang biasa yang melihat kegiatan Aliran secara
biasa adalah sukar untuk di peringkat awal ini dapat
memahami rasional tindakan Pendaftar Pertubuhan kepada
pertubuhan tersebut. Sesuatu tindakan yang dibuat lebih-
lagi yang melibatkan undang-undang sudah semestinya
memerlukan bukti-bukti yang cukup sebelum sesuatu
keputusan dapat dibuat.

Dalam hubungan ini keadilan yang sewajarnya amatlah
penting. Bila bercakap tentang keadilan, ianya janganlah hanya
terpaku kepada kerajaan sahaja. Rakyat juga perlu adil
kepada kerajaan. Kerajaan perlu diberi masa dalam menjalankan
tugasnya. Sokong menyokong tanpa fahaman mendalam
hanya memperbesarkan masalah yang kecil.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat
seluruhannya. Kelemahan kerajaan dan kecuaianya akan
menjejaskan keadaan rakyat yang menyeluruh. Sekiranya
kerajaan lambat bertindak, kerajaan dipersalahkan, berbagai
macam dilemparkan di atas ketidakcekapan jentera kerajaan.

Apabila kerajaan mengambil sesuatu langkah awasan,
kerajaan juga dituduh sebagai tidak demokratik dalam tin-

dakannya. Yang perlu ditanya kembali apakah bertindak dalam bidang kuasa undang-undang itu dianggap tidak demokratik. Dalam perkara inilah ramai sekali yang terperangkap dengan konsep demokrasi, ianya seolah-olah menghalang kepada sesuatu tindakan untuk dilaksanakan.

Pada hakikat wujudnya sebuah kerajaan secara pilihan raya, kebebasan bergerak dan bersuara serta kebebasan berpersatuan adalah nikmat-nikmat yang tidak pernah dinikmati di bawah sistem banyak negara di dunia ini. Banyak yang tidak menyedari bahawa di bumi Malaysia ini kebebasan ini telah sama-sama dinikmati, walaupun kejujuran kerajaan dari segi amalan demokrasi sering dipersoalkan.

Sebenarnya warganegara Malaysia perlu berbangga bahawa sejarah menunjukkan inilah satu-satunya negara di dunia yang mengembalikan kuasa ke tangan rakyat walaupun kerajaan ala-tentera (MAGERAN) telah memegang tampuk pemerintah selepas peristiwa 13hb Mei 1969.

Kita lihat banyak sekali kerajaan di dunia yang dirampas kuasa pemerintahannya telah tidak lagi kembali kuasa pemerintah ke tangan awam ataupun rakyat, berbagai alasan diberikan dan kuasa terus dikekalkan, pilihanraya dan sistem berdemokrasi terus tinggal sebagai satu harapan yang tidak kunjung tiba.

Pada pandangan penulis, kesedaran itu perlu ada jika demokrasi di negara ini ingin hidup lama. Sekatan dan kawalan yang berlandaskan undang-undang walaupun dilaksanakan adalah bertujuan untuk menjamin bahawa demokrasi itu dapat dikekalkan lebih lama.

Kejadian-kejadian di dunia lain harus dijadikan pelajaran dan pengajaran kita di sini. Bukti telah banyak menunjukkan badan bercorak reformasi dan revolusi yang berjuang di atas topeng keadilan, bila berjaya memegang tampuk kuasa, bersikap lebih zalim dari kuasa yang ditentanginya sebelum itu.

Penulis berpendapat untuk menjamin tidak tercetusnya keadaan demikian di bumi Malaysia, pihak-pihak berkuasa kerajaan harus terus menggunakan bidang kuasa yang dihut

kan kepadanya untuk kepentingan rakyat umum dengan penuh keadilan. Kita tidak mampu membiarkan kepentingan kumpulan-kumpulan kecil di dalam pertubuhan tertentu menjejaskan ketenteraman awam golongan rakyat majoriti di negara ini.

Kita tidak mahu melihat lebih banyak peristiwa berdarah seperti 13hb Mei dan Batu Pahat berlaku, maka baru tindakan-tindakan mahu diambil.

Aliran dan pemimpinnya sendiri dalam hal ini perlu bersikap adil terhadap Pendaftar Pertubuhan. Masa yang cukup untuk siasatan dilakukan perlu diberi. Saat ini bukan matanya untuk mencari penyokong yang banyak. Pendaftar Pertubuhan mempunyai sebab-sebab yang dia lebih tahu berhubung dengan perkara-perkara yang sedang berlaku di dalam Aliran; jika tidak kepada pertubuhannya mungkin di kalangan ahli-ahlinya.

Dr. Chandra Muzaffar, Presiden Aliran sepatutnya mengambil sikap bekerjasama dengan kerajaan secara positif. Mungkin hasil kerjasama itu nanti akan dapat membersihkan Aliran sendiri dari unsur-unsur yang kurang sihat, sekiranya telah ada meresap masuk di dalam Aliran, tanpa disedari oleh Aliran selama hari ini.

23hb November, 1980
Mingguan Malaysia.

Jamal Nasir

JAWAPAN KEPADA KARANGAN JAMAL NASIR YANG BERJODOL 'KE MANA ALIRAN'

(Karangan)

Karangan Saudara Jamal Nasir yang berjudul 'Ke Mana Aliran?' yang disiarkan dalam Mingguan Malaysia (23hb November 1980) mengandungi beberapa kesilapan. Saya akan cuba membetulkannya di sini supaya orang ramai tidak terbelir tentang asal usul dan kegiatan-kegiatan Aliran. Jawapan ini berdasarkan pada tujuh soalan utama yang terdapat dalam tulisan beliau.

Apakah benar Aliran melompat dan melatah dengan tindakan Pendaftar Pertubuhan?

Aliran menerima surat mengenai pembatalan pendaftaran pada 17hb Oktober 1980 tetapi perkara ini dikemukakan kepada khalayak ramai hanya pada 7hb November — iaitu tiga hari sebelum tarikh yang ditetapkan oleh Pendaftar Pertubuhan untuk pembatalan pendaftaran. Antara 17hb Oktober dan 7hb November, Aliran telah cuba sedaya upaya menyelesaikan masalah ini melalui saluran-saluran pentadbiran tanpa melibatkan orang ramai. Malangnya usaha-usaha ini gagal. Mengemukakan masalah pendaftaran kepada orang ramai melalui akhbar-akhbar bukan sesuatu tindakan yang luarbiasa. Pertubuhan-pertubuhan yang lain yang tidak menghadapi cabaran yang sehebatnya seperti ABIM dan Gerakan Belia Bersatu juga membentangkan kes mereka kepada orang ramai. Apa yang dilakukan oleh Aliran tidak berbeza daripada tindakan-tindakan mereka. Dalam sebuah demokrasi orang ramai berhak mengetahui apa yang sedang berlaku, terutamanya kepada badan-badan awam kerana badan-badan ini bertindak atas nama orang ramai. Selain daripada membentangkan kesnya pada 7hb November, Aliran tidak membuat sebarang kenyataan akhbar atau komen sehingga 12hb November. Dalam kenyataan akhbar 12hb November, Aliran cuma mengucapkan terima kasih kepada berseorangan dan pertubuhan-pertubuhan yang menyuarakan sokongan mereka dan mengalu-alukan perhatian yang diberikan kepada jawapan Aliran oleh Pendaftar Pertubuhan serta Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ketua Setiausaha, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam hubungan ini petikan akhbar Malay Mail (14hb November) yang disebutkan oleh penulis Saudara Jamal Nasir sebenarnya adalah sebahagian daripada kenyataan akhbar Institut Analisa Sosial (INSAN) dan bukan daripada saya.

Ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa Aliran tidak harus dituduh mengadakan peperangan di akhbar ataupun melompat dan melatah. Sebuah pertubuhan yang sangat menunggu dengan penuh kesabaran selama tiga minggu

belum mengemukakan suatu perkara yang bersabit dengan survivalnya tidak harus dicapkan sedemikian.

Apakah sokongan kepada Aliran disebabkan oleh faktor-faktor yang diuraikan oleh Saudara Jamal Nasir?

Adalah jelas tiga faktor yang disebutkan oleh Saudara Jamal Nasir tidak berasas sama sekali. Sebenarnya ketiga-tiga faktor menunjukkan bahawa beliau tidak mengkaji dan menyelidiki persoalan Aliran secara mendalam. Namun demikian beliau berani membuat kesimpulan-kesimpulan berdasarkan pengetahuan yang cetek.

Kenapa Aliran mendapat sokongan daripada lebih kurang 22 orang berseorangan dan pertubuhan? Adakah ini kerana pengaruh Aliran yang terdiri daripada 55 ahli sahaja? Tidak. Pada hemat kami, sokongan Aliran disebabkan oleh tiga faktor yang berikut:

Sebab yang diberikan oleh Pendaftar Pertubuhan untuk membatalkan pendaftaran Aliran — iaitu ulasan saya terhadap kenaikan elaun kakitangan awam — adalah satu sebab yang begitu lemah. Bagi kebanyakan orang biasa mereka menganggapkan "sebab" itu sebagai satu dalih kerana banyak badan-badan yang lain juga telah mengkritik kenaikan elaun. Mereka merasa bahawa Aliran dibeza-bezakan dan dihukumkan dengan tidak adil. Oleh kerana ciri ketidakadilan begitu ketara, orang ramai membantah keputusan pendaftar.

Aliran adalah sebuah pertubuhan yang tidak menyebelahi mana-mana parti politik. Kebebasan dan perkecualian Aliran dibuktikan melalui tindakan-tindakannya. Itulah sebabnya beberapa pertubuhan-pertubuhan sanggup menyokong Aliran. Saya yakin sekiranya Aliran menyebelahi mana-mana pihak mungkin 70 peratus daripada badan-badan yang telah menyuarakan simpati mereka enggan memberi sokongan.

Selain daripada itu Aliran adalah sebuah pertubuhan yang berbilang kaum. Ini membolehkannya mendapat sokongan daripada pertubuhan-pertubuhan Melayu pada

satu pihak dan pertubuhan-pertubuhan bukan Melan pada pihak yang lain. Ini jarang berlaku di Malaya kerana kebanyakan pertubuhan-pertubuhan dikuasai oleh sesuatu kaum dan oleh itu sokongan mereka juga terbatas pada kaum-kaum tertentu.

- d) Sebagai pertubuhan yang tidak pernah bernaftu kuan Aliran dari saat pengasasannya telah memilih pendekatan kepada persoalan-persoalan yang lebih bersifat pendidikan. Ini bermakna bahawa dalam setiap perbincangan dan perbahasan tentang masalah-masalah negara dan kesengsaraan rakyat Aliran cuba menghadapinya dengan cara rasional, analitik dan sederhana. Pada keseluruhannya cara-cara inilah yang lebih digemari oleh masyarakat yang berfikir.
- e) Akhir sekali sokongan yang diberikan kepada Aliran dari satu segi bukan kerana Aliran semata-mata. Dengan cara tidak langsung, rakyat cuba menyampaikan sah keputusan penting kepada kerajaan — iaitu perbezaan pendapat, teguran-teguran dan kritikan-kritikan yang berdasarkan undang-undang negara harus dibenarkan.

Dengan lain perkataan orang ramai berpendapat bahawa *dissent* yang sah adalah penting dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen.

Apakah hubungan antara Liga Reformasi dan Aliran?

Dalam soal ini Saudara Jamal Nasir telah cuba mengelirukan pembaca-pembaca dengan niat yang jahat. Sekiranya beliau ingin wujud sebagai ahli sejarah tentang Aliran sekurang-kurangnya beliau harus menemui dan membincang asal usulnya dengan pegawai-pegawai Aliran sendiri. Adalah nyata bahawa butir-butir yang disalahgunakan oleh beliau itu datang daripada satu sumber tertentu. Seorang ahli sejarah harus membuktikan pandangan yang lebih luas.

Dalam tahun 1974 dan 1975 dalam beberapa ucapan-ucapan kepada pertubuhan-pertubuhan di Pulau Pinang saya telah membangkitkan perlunya pendidikan sosial dalam usaha mencapai perubahan masyarakat. Pendidikan sosial ini boleh

diadakan melalui tulisan-tulisan, ceramah-ceramah dan sebagainya. Antara insan yang tertarik dengan konsep pendidikan sosial ini adalah tiga orang kawan saya yang telah mengesyorkan bahawa satu badan harus dibentuk untuk mencapai matlamat ini. Mereka telah jemput saya dan kawan-kawan yang lain yang sealaran pendapat mengetuai badan ini. Tetapi kami terpaksa menolak jemputan mereka itu. Ini adalah kerana pada masa itu — Oktober 1975 — saya dan kawan-kawan saya giat berusaha menyusun undang-undang tubuh sebuah badan yang bernama Liga Reformasi. Permohonan Liga Reformasi untuk didaftarkan sebagai sebuah yayasan telah ditolak dan permohonan untuk mendaftarkannya sebagai satu persatuan dijalankan. Saya telah menasihatkan ketiga-tiga kawan tadi meneruskan usaha mereka. Mereka ini telah mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan badan yang dinamakan Aliran Kesedaran Negara. Dalam penggubalan perlembagaannya ataupun pendaftarannya saya tidak terlibat. Lebih khusus, mewujudkan Aliran sebagai satu pertubuhan adalah usaha mereka — iaitu Saudara Ismail Hashim, Ariffin Omar dan Siew Kam Poh. Permohonan mereka dihantar pada 11hb November, 1975. Ini boleh disahkan oleh Pejabat Pendaftar, Pulau Pinang.

Permohonan Liga Reformasi pula yang dibawah pimpinan Prof. Syed Hussein Alatas telah dikemukakan pada Pendaftar pada 30hb Disember 1975. Tetapi malangnya permohonan ini ditolak. Pejabat Pendaftar tidak memberi sebab-sebab; yang menjadi tandatanya di sini: apakah permohonan Liga ditolak kerana nama Alatas, seorang bekas ahli politik? Tiada ada undang-undang yang melarang bekas ahli-ahli politik mencebur diri dalam reformasi sosial. Lagipun Alatas adalah seorang tokoh yang telah banyak menyumbang kepada negara. Selepas peristiwa 13 Mei, beliau sebagai ahli Majlis Perundangan Negara telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan Rukunegara. Dari satu segi beliau lebih layak daripada kebanyakan warganegara yang lain untuk mengetuai badan reformasi kerana kedudukan beliau sebagai seorang ilmiawan yang terkenal di Dunia Ketiga.

Tetapi nasib Aliran jauh lebih baik. Permohonannya dilulus pada hujung Januari 1977. Kawan-kawan saya dalam

pertubuhan itu menjemput saya dan kawan-kawan yang lain menyertai Aliran. Kami menerima jemputan mereka walaupun matlamat Aliran berbeza daripada Liga. Liga lebih mengutamakan pembangunan pengetahuan berdasarkan pengkhususan-pengkhususan dalam bidang ilmu sains kemasyarakatan dan ilmu kemanusiaan sedangkan Aliran lebih mementingkan fahaman yang mendalam tentang pembangunan, modenisasi dan kenegaraan berdasarkan cita-cita Rukunegara. Pada masa itu kami yang mengenali Aliran telah mengundang beliau menyertai Aliran juga. Tetapi Aliran tidak dapat memasuki Aliran kerana perselisihan yang berlaku antara beliau dan saya serta rakan-rakan yang lain. Percanggahan antara dua pihak ini berkaitan dengan beberapa soal-soal mengenai konsep reformasi, matlamat perubahan sosial dan sebagainya. Sejak pertelingkahan itu tiada sebarang komunikasi antara Aliran dan Aliran atau saya. Dalam soal-soal peribadi pun tiada ada hubungan langsung. Saya percaya bahawa Cawangan Khas yang begitu cekap boleh mengesahkan perkara ini dengan mudah sahaja.

Akhirnya Aliran dilancarkan dengan resminya dalam Mesyuarat Agung pertamanya pada 12hb Ogos, 1977, dengan tujuh ahli yang berdaftar pada tarikh itu sebagai pengasas-pengasasnya. Inilah ahli-ahli yang nama-nama mereka disiarkan dalam akhbar-akhbar tempoh hari — Dr. Chandra Muzaffar, Ariffin Omar, Gan Teik Chee, Ismail Hashim, S. Subramaniam, Siew Kam Poh dan Nor Rashid.

Sekiranya kita membandingkan asal usul Aliran yang dibincangkan di sini dengan apa yang ceritakan oleh Saudara Jamal Nasir, kita dapat memahami sejauh mana beliau telah menyeleweng daripada kebenaran. Umpamanya beliau menanya (masa membincang tentang Liga dan Aliran) samada ini adalah satu 'master programme'. Tetapi dari penjelasan tadi apa yang berlaku adalah sesuatu yang ditentukan oleh kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang tidak dapat dielakkan oleh saya atau kawan-kawan saya.

Selain daripada itu beliau telah memalsukan beberapa butir-butir yang penting. Sebagai contoh, kata beliau "nama jawatankuasa penaja kedua-dua pertubuhan ini adalah

hampir-hampir sama". Untuk pengetahuan pembaca, jawatankuasa Aliran terdiri daripada Ismail Hashim, (Pengerusi) Ariffin Omar, (Setiausaha) Subramaniam a/l Krishnan, Leong Peng Meng dan Siew Kam Poh. Jawatankuasa Penaja Liga Reformasi pula terdiri daripada Syed Hussein Alatas, (Pengerusi) Chandra Muzaffar, (Setiausaha) Shaharuddin Maaruf, Gan Teik Chee dan Subramaniam a/l Sithambaram.

Satu lagi kesilapan yang dilakukan oleh Saudara Jamal Nasir dalam membanding Aliran dan Liga ialah dalam soal corak aktiviti kedua pertubuhan tadi. Beliau berpendapat bahawa corak aktiviti yang sama menunjukkan bahawa kedua-dua pertubuhan ini mempunyai suatu hubungan istimewa. Tetapi beliau tidak faham bahawa corak aktiviti-aktiviti yang digariskan itu adalah sama dengan aktiviti-aktiviti yang dicatitkan dalam perlembagaan berpuluh-puluh pertubuhan pendidikan di seluruh Tanah Air termasuk persatuan-persatuan akademik. Sudah tentu pertubuhan-pertubuhan yang ingin mendidik atau menambah pengetahuan akan menumpu perhatiannya kepada penerbitan buku, seminar, forum, ceramah, penyelidikan dan sebagainya.

Kesilapan yang terakhir telahpun dibincang iaitu salah fahaman si penulis tentang matlamat Liga dan Aliran. Saya telah menerangkan bagaimana matlamat-matlamatnya berbeza.

Ada satu dua perkara yang lain yang remeh-temeh yang saya sendiri malu membangkitkannya, seperti soal alamat. "56, Jalan Sungai Nibong, Bayan Baru" diberikan sebagai alamat kerana saya sebagai setiausaha penaja tinggal di sana pada masa itu (iaitu rumah yang disewakan). 12, Transfer Road adalah alamat Aliran kerana setiausaha penaja tinggal di situ ketika permohonan dibentangkan. Tetapi rumah itu telah diruntuhkan dan oleh kerana setiausaha Aliran tidak mempunyai alamat tetap waktu Aliran dilancarkan dengan resmi kami dinasihatkan oleh Penolong Pendaftar di Pulau Pinang menggunakan alamat presidennya – iaitu tempat kediaman saya kini, 58, Jalan Mayang Pasir, Bayan Baru. Apakah ini suatu perkara yang luarbiasa? Kenapa soal-soal begini harus dibangkitkan?

Kenapa Aliran cuba meminda perkataan 'Rukunegara' dengan 'nilai-nilai etika sejagat'?

Dalam soal ini juga si penulis cuba mengelirukan pembaca. Ketaatan dan kesetiaan Aliran kepada Rukunegara tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Dalam perlembagaan Aliran, kesetiaannya kepada Rukunegara disebut pada dua tempat — *Satu* dalam tujuan-tujuannya dan *kedua* dalam Fasal 3(5) di mana ahli-ahli dilarang bertindak dengan cara-cara yang bertentangan dengan perlembagaan Malaysia atau Rukunegara. Oleh kerana larangan ini telah dimasukkan dalam perlembagaan Aliran, kami telah cuba memperluaskan tujuan-tujuan Aliran dengan konsep nilai-nilai etika sejagat yang merangkumi segala nilai-nilai yang murni yang termaktub dalam Islam dan agama-agama selainnya. Sebagai contoh walaupun Rukunegara mengandungi beberapa nilai-nilai yang penting dalam kehidupan sesuatu masyarakat, satu nilai yang teragung yang diutamakan dalam setiap agama dan khususnya dalam Islam — iaitu nilai belas kasihan (*compassion*) tidak disebutkan. Itulah sebabnya kami mencadangkan pindaan. Tetapi walaupun pindaan ini tidak diterima Aliran terus bergiat berdasarkan prinsip-prinsip Rukunegara. Setiap buku dan risalah yang diterbitkan kami dan setiap seminar dan ceramah yang diadakan kami ditujukan kepada fahaman yang lebih mendalam tentang Rukunegara. Di antara pertubuhan-pertubuhan yang wujud di Malaysia termasuk badan-badan yang sering melaungkan keindahan Rukunegara, tiada ada suatu pertubuhan pun yang telah cuba memberi makna dalam ertikata yang benar kepada Rukunegara. Aliranlah pertubuhan yang tunggal yang mengadakan seminar mengenai kepercayaan kepada Tuhan iaitu prinsip pertama dalam Rukunegara. Dalam beberapa persoalan-persoalan masyarakat yang lain juga Aliran menggunakan Rukunegara sebagai kayu ukur dalam menentukan yang mana baik dan yang mana buruk.

Untuk membuktikan kepada pembaca bahawa si penulis ini kurang jujur harus saya merujuk kepada pindaan yang lain yang lebih penting yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung yang sama yang tidak disebutkan langsung dalam tulisan

beliau. Aliran telah meminda perlembagaannya untuk melarang ahli-ahli politik daripada memegang jawatan penyelarasan biro dan/atau menduduki jawatankuasa kerja Aliran. Tiap-tiap tahun selepas Mesyuarat Agung setiap penyelarasan dan ahli jawatankuasa dikehendaki menandatangani satu surat yang mengaku bahawa mereka bukan ahli mana-mana parti politik. Sejauhmana diketahui tiada seorang pun daripada 55 ahli Aliran yang terlibat dalam politik kepartian. Tetapi faktor yang penting ini disembunyikan dengan sengajanya supaya pembaca-pembaca mendapat satu gambaran yang palsu.

Apakah Aliran menafikan wujudnya kebebasan politik di Malaysia?

Aliran tidak perlu diajar oleh Saudara Jamal Nasir tentang wujudnya kebebasan politik di Malaysia jika dibandingkan dengan beberapa negara yang sedang membangun yang lain. Dalam tulisan-tulisan kami terutamanya dalam buku yang berjudul "Whither Democracy?" dan dalam ceramah-ceramah dan forum-forum, kami sentiasa menegaskan bahawa masih ada skop untuk menentang dan membantah di Malaysia. Wujudnya pembangkang yang cergas, badan-badan sukarela yang bebas dalam hal-hal tertentu, sistem kehakiman yang tidak dikawal oleh kuasa politik, akhbar-akhbar yang mengkritik dari semasa ke semasa — semuanya adalah bukti yang konkrit bahawa demokrasi berparlimen di Malaysia lebih subur dan sihat jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara lain di rantau ini. Dalam ucapan saya di jamuan Merdeka yang dianjurkan oleh Aliran perkara ini dibincangkan dan dilaporkan dalam akhbar 'Star' pada 31hb Ogos, 1980. Harus disebutkan juga bahawa dalam bulan April dan Mei dalam ceramah-ceramah kepada pelajar-pelajar kita di Kaherah dan London saya telah mempertahankan penting dan perlunya kita mencapai perubahan melalui saluran-saluran demokratik selagi saluran-saluran tersebut wujud.

Tetapi saya tidak menafikan bahawa Aliran inginkan satu keadaan di mana bidang kebebasan politik dapat diperluaskan lagi. Memandangkan kepada kuasa yang ada pada golongan yang memerintah, memandangkan kepada

kedudukan golongan ini yang begitu kuat dan kukuh, kami berpendapat peluang-peluang untuk perbincangan dan perbahasan boleh ditambahkan. Begitu juga dalam soal-soal masyarakat yang lain reformasi-reformasi harus diadakan. Sistem pemilikan dan pembahagian tanah kita boleh diperbaiki; sistem pasaran boleh diperbaiki; sistem perumahan kita boleh diperbaiki; sistem pendidikan kita boleh diperbaiki; sistem pengangkutan kita boleh diperbaiki. Apa salahnya jika satu badan yang tidak terlibat dalam persaingan untuk kuasa dan pangkat cuba melahirkan idea-idea untuk menafaatkan masyarakat kita? Selagi masyarakat Malaysia menyediakan peluang-peluang untuk perbincangan dan perbahasan yang sah, selama itulah kita dapat menjamin keamanan dan ketenteraman. Tetapi sekiranya segala saluran-saluran demokratik dihapuskan dan golongan yang menguasai negara adalah golongan yang bersikap 'kuku besi' pada saat itulah kita akan menuju ke kehancuran dan kemusnahan.

Adakah Aliran menjejaskan ketenteraman awam?

Mungkin hujah yang paling kotor dan kasar yang dikemukakan oleh Saudara Jamal Nasir ialah tentang "kumpulan-kumpulan dalam pertubuhan tertentu menjejaskan ketenteraman awam golongan rakyat majoriti". Kata Jamal lagi, "kita tidak mahu melihat peristiwa darah seperti 13 Mei dan Batu Pahat berlaku, maka baru itu tindakan-tindakan mahu diambil".

Kami ingin menanya Saudara Jamal dan dalang-dalang yang sembunyi di belakang tabir, adakah falsafah Aliran, pandangan-pandangannya, buku-bukunya, risalah-risalahnya, ceramah-ceramahnya, seminar-seminarnya dan segala kegiatan-kegiatannya merbahaya kepada negara? Aliran mencabar Saudara Jamal dan sesiapa pun membuktikan sepatah kata dan sebarang aktiviti yang mengancam keamanan negara. Apakah Saudara Jamal telah lupa bahawa Aliranlah yang mula-mula mengecam peristiwa Kerling berdasarkan lunas-lunas Islam? Apakah Saudara Jamal telah lupa bahawa Aliran mengutuk keganasan yang berlaku di Batu Pahat? Apakah Saudara Jamal sedar sepanjang tiga tahun Aliran

berjuang, segala tenaga dan fikirannya tertumpu pada masalah perpaduan? Risalah demi risalah, buku demi buku cuba memerangi fanatisme Melayu dan bukan-Melayu. Dapatkah Saudara Jamal menamakan satu badan yang lain di negara ini yang menentang chauvinisme bahasa di kalangan sebahagian daripada masyarakat Cina dan disamping itu membantah chauvinisme Melayu yang disampaikan melalui Islam oleh golongan-golongan tertentu? Usaha-usaha Aliran mempunyai satu matlamat sahaja: untuk menentukan bahawa orang Melayu dan bukan-Melayu yang waras dan rasional, yang bersikap toleran dan sederhana dapat bekerjasama dalam suasana harmonis buat selama-lamanya. Sebenarnya Aliran hanya meneruskan melalui saluran-saluran pendidikan cita-cita Allahyarham Datuk Onn Jaafar yang percaya bahawa perpaduan tidak bisa dicapai selagi kita memikir dan bertindak berdasarkan kepentingan kaum. Dalam tiga tahun yang lalu, Aliran telah membuktikan bahawa bumi dan iklim Malaysia masih sesuai untuk benih-benih perpaduan. Hanya mereka yang hidup mati atas politik perkauman yang akan menganggap Aliran sebagai ancaman kepada ketenteraman negara.

Apakah Aliran sanggup bekerjasama dengan Kerajaan?

Saudara Jamal menasihatkan Aliran bekerjasama dengan kerajaan. Aliran tidak memerlukan nasihat daripada Saudara Jamal. Dalam soal-soal kebangsaan, dalam tiap-tiap perkara yang berkaitan dengan kebaikan rakyat Aliran sanggup bekerjasama dengan kerajaan. Mencadangkan idea-idea adalah satu jenis kerjasama. Selain daripada itu Aliran terlibat secara langsung dalam dua projek penting yang dianjurkan oleh kerajaan. Satu, dalam usaha memastikan nilai-nilai bersama dalam kebudayaan-kebudayaan yang wujud di Malaysia dan kedua usaha memahami keadaan agama-agama yang ada di Malaysia. Dalam projek nilai-nilai bersama Aliran telah menyumbangkan banyak idea-idea kepada jawatankuasa petugas yang ditubuhkan oleh kerajaan. Dalam projek memahami agama-agama di Malaysia, harus disebutkan bahawa Aliranlah yang mula-mula mencadangkan satu majlis antara-agama yang bertujuan meninggikan kesedaran tentang

agama pihak yang lain. Kerajaan telahpun mendirikan jawatankuasa agama di bawah naungan Lembaga Perpaduan Negara di mana saya selaku Presiden Aliran dilantik sebagai anggotanya. Bukankah ini bukti kerjasama yang ketara?

Dalam hubungan ini saya ingin memberitahu kepada umum bahawa saya telah menawarkan kerjasama yang penuh kepada Pendaftar Pertubuhan dan kepada Ketua Setiausaha Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri (KDN). Untuk meyakinkan semua pihak, saya mengulangi di sini: Setiap naskah dan fail Aliran boleh diperiksa oleh pegawai-pegawai KDN atau pegawai-pegawai Cawangan Khas. Saya sendiri tidak khuatir tentang kebersihan ahli-ahli Aliran. Yang saya bimbang ialah kebersihan dan kejujuran mereka yang menafsirkan latarbelakang dan kegiatan-kegiatan Aliran.

Aliran ditubuhkan atas kebenaran dan keadilan; Aliran sanggup dikorbankan kerana mempertahankan kebenaran dan keadilan.

1hb Disember, 1980

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

BEBERAPA PENDAPAT YANG SALAH TENTANG ALIRAN

(Kenyataan Akhbar)

Saya terperanjat membaca teguran Encik Sanusi Junid mengenai Aliran dalam akhbar *The Star* (9 Dis. 1980).

Bahawa buku *Protector?* menyarankan 'Rukunegara' digantikan dengan 'nilai-nilai etika sejagat' adalah tidak benar; malahan *Protector?* tidak sekali-kali membincangkan Rukunegara atau pun nilai-nilai etika sejagat. Buku ini adalah mengenai konsep dan amalan taat buta dalam hubungan pemimpin dan yang dipimpin, dalam masyarakat Melayu semenjak zaman silam hingga ke masakini. Buku ini

kebanyakannya berasaskan kepada kajian ilmiah yang dibuat untuk suatu ijazah kedoktoran.

Protector? berada di pasaran Malaysia dan luar negeri sudah 10 bulan. Tiada tindakan diambil terhadap buku ini oleh kerana setiap orang yang waras akan bersetuju bahawa tiada apa yang tertulis di dalamnya yang bisa dianggap sebagai memudaratkan keselamatan negara. Tidak dapat dinafikan, buku ini merupakan suatu analisa yang mendalam mengenai kedudukan elit yang memerintah tetapi caranya ia disampaikan adalah tidak terkeluar dari batas-batas undang-undang. Maka memandangkan teguran yang dibuat oleh beliau, kita ingin tahu samada Encik Sanusi telah betul-betul meneliti kandungan buku ini.

Sebenarnya, kita juga meragui samada Encik Sanusi telah benar-benar meneliti perlembagaan Aliran. Kalau tidak kenapakah beliau memutar-belitkan pendirian kami mengenai Rukunegara? Telah berkali-kali kami jelaskan bahawa Rukunegara dan lebih lagi Perlembagaan Malaysia adalah menjadi bahagian hakiki perlembagaan Aliran. Kebenaran ini ketara termaktub di dalam Artikel III(5) di mana ahli-ahlinya dilarang sama-sekali bertindak "bercanggahan dengan Perlembagaan Malaysia dan Rukunegara". Dalam tempoh tiga tahun wujudnya Aliran tidak pernah ada sebarang usaha untuk meminda kalimat ini.

Hanya oleh kerana Perlembagaan Malaysia dan Rukunegara kukuh kedudukannya di dalam perlembagaan Aliran, maka kami telah mencuba di bulan November 1978 meminda Artikel II(1) yang berhubungan dengan tujuan-tujuan pertubuhan kami. Kami merasakan bahawa tujuan memupukkan suatu perasaan kenegaraan bersama dan suatu kefahaman tulen mengenai pembangunan "selaras dengan aspirasi-aspirasi Rukunegara" perlu ditukarkan kepada "selaras dengan nilai-nilai etika-etika sejagat". Dalam membincangkan perkara ini dengan pihak Pendaftar Pertubuhan-Pertubuhan, Pulau Pinang, kami telah memberikan empat alasan untuk pindaan yang dirancang itu. Di samping hakikatnya bahawa Rukunegara telahpun termaktub di dalam Artikel III(5), kami menyatakan cadangan kami itu hanya merupakan usaha hendak mengaitkan 'kenegaraan' dan 'pembangunan' dengan

nilai-nilai etika sejagat seperti belas-kasihan, kebenaran dan kejujuran, maka hasilnya akan mempertingkatkan lagi nilai-nilai yang sama yang sedia termaktub di dalam Rukunegara seperti kebebasan, keadilan dan perpaduan. Apakah nilai-nilai etika sejagat yang merupakan teras piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pengisytiharan Sejagat Hak-Hak Manusia — pernyataan-pernyataan ini Malaysia sendiri menyokongnya — bertentangan dengan kepentingan negara kita? Akhirnya, kami menjelaskan bahawa nilai-nilai ini perlu dilihat di dalam konteks 10 dasar-dasar asas Aliran. Sepertimana juga Rukunegara, dasar pertama kami ialah kepercayaan kepada Tuhan. Dasar ini ditakrifkan dari segi pautan kepada nilai-nilai etika sejagat — suatu pendirian yang diamalkan oleh ahli-ahli fikiran Islam seperti Shah Walliyullah dan Muhammad Iqbal, ahli-ahli fikir Kristian seperti St. Thomas Aquinas dan ahli-ahli fikir Hindu seperti Mahatma Gandhi.

Malangnya, pihak Pendaftar tidak dapat menerima penjelasan kami. Maka kami memutuskan menarik balik pindaan yang dirancang itu berserta lagi satu cadangan pindaan yang berhubung dengan korum. Kesemua pindaan-pindaan lain, yang dimajukan pada waktu yang sama, telah diluluskan pada 28hb Jun 1979. Maka, mengikut perkiraan kami, perkara ini sudah pun terselesai kira-kira 1½ tahun dahulu. Maka, tidaklah patut Encik Sanusi mengungkit-ungkitkan lagi perkara ini.

Apa yang lebih serius ialah dalam usaha berterusan oleh beliau hendak mencemarkan Aliran, beliau telah mengheretkan sama soal 'ketaatan kepada Raja'. Di sini pun beliau memperlihatkan kurang fahaman terhadap Rukunegara. Rukunegara itu terbahagi kepada dua bahagian: prinsip-prinsip dan matlamatnya. Ketaatan kepada Raja dan Negara adalah sebahagian daripada prinsip-prinsipnya, bukan sebahagian daripada tujuan atau aspirasi-aspirasinya. Aspirasi merujuk kepada keunggulan-keunggulan sejagat seperti 'perpaduan yang lebih erat, 'suatu cara hidup yang demokratik' sebuah 'masyarakat adil', suatu 'pendekatan yang liberal' dan sebuah 'masyarakat progresif'. Maka kami tidak boleh dituduh menyingkirkan. 'Ketaatan kepada Raja' daripada perlembagaan kami bilamana apa yang kami cuba

memindahkan di bulan Disember 1978 hanya "aspirasi Rukunegara" yang tidak bersangkut-paut dengan 'ketaatan kepada Raja' yang merupakan salah satu prinsip Rukunegara. Akan 'ketaatan kepada Raja', pendirian Aliran diperlihatkan pada Artikel III(5) yang menyatakan ikatan kami bukan sahaja kepada Rukunegara tetapi juga Perlembagaan Malaysia.

Berasaskan teguran, kecaman dan sindiran Encik Sanusi sepanjang tiga minggu yang lalu, kami berharap buat masa depan biarlah beliau lebih meneliti dahulu sebelum membuat apa-apa kenyataan.

Setiap orang, biar apa pun pangkatnya di dalam masyarakat, tidak akan terlepas daripada balasan, baik dari segi moral mahu pun undang-undang, jika ia melampaui batas-batas kebenaran. Bukankah dengan melempar tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ke atas kami — mula-mulanya, mengenai hal 'elaun-elaun', kemudian 'hubungan-hubungan (connections)', lepas itu 'rangkaian sokongan (network of support)', selanjutnya soal 'Rukunegara', berikutnya 'ketaatan kepada Raja!' kini buku 'Protector?' dan kaitannya dengan kalimah 'keselamatan' jua — merupakan perlakuan yang tidak sewajarnya datang dari sebuah kementerian yang memang terkenal dengan pimpinan yang berkewibawaan oleh Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Sayang sekali jika orang ramai mula membandingkan semuanya ini dengan sikap serigala terhadap anak biri-biri sepertimana tercerita di dalam salah sebuah cerita tauladan Aesop. Mengikut cerita kuno ini, seekor biri-biri sedang meminum dari tebing anak sungai; seekor serigala, yang berdiri di tebing yang lebih tinggi, menuduhnya mengotorkan air. Jawab biri-biri mempertahankan diri, "Bagaimana boleh berlaku demikian; aku hanya meminum dari tebing". Balas serigala, "Baiklah, tetapi tahun dulu engkau telah mencerca bapaku". "Tapi itu tak mungkin", jawab biri-biri, "Tahun dulu aku belum lagi dilahirkan". Serigala yang meradang, membidas, "Itu tak penting. Yang pentingnya aku telah memutuskan akan memakan kau".

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

15hb Disember, 1980

ALIRAN BIMBANG

(Kenyataan Akhbar)

Aliran terpaksa menyuarakan kebimbangannya terhadap usaha-usaha yang kurang jujur yang diselaraskan oleh pihak-pihak tertentu untuk mencemarkan nama baik organisasi dan Presidennya, Dr. Chandra Muzaffar, melalui makalah dan surat-surat yang disiarkan dalam sebuah akhbar harian Melayu di Pulau Pinang dan di sebuah akhbar Inggeris keluaran hari Ahad.

Makalah-makalah dan surat-surat tersebut mengandungi beberapa butir dan hujah yang palsu yang akan dijelaskan oleh Aliran demi kepentingan kebenaran dan keadilan. Adalah diharapkan bahwa akhbar-akhbar tersebut akan menghormati hak menjawab yang ada pada Aliran sebagai badan yang dituduh.

Aliran khuatir bahwa percubaan ini untuk memburukkan nama Aliran dan Presidennya ditujukan pada matlamat tertentu — iaitu untuk mengambil tindakan yang keras terhadap mereka tidak lama lagi.

28hb Disember, 1980

Jawatankuasa

JAWAPAN KEPADA BEKAS PENUNTUT USM

(Surat Kepada Pengarang)

Izinkan saya menyuarakan perasaan kecewa terhadap surat dari 'bekas penuntut USM'. Suratnya menunjukkan bahwa para pengajarnya — termasuk saya sendiri — telah gagal menanam benih kejujuran dalam hati sanubarinya.

Sebagai permulaan, harus saya mengatakan bahwa beliau tidak memahami peranan pengajian dan penyelidikan sains kemasyarakatan diuniversiti. Tujuannya bukan untuk

menyokong kerajaan atau menentangnya. Matlamat murni-nya adalah untuk mencari kebenaran dengan mengumpulkan bahan-bahan tentang sesuatu perkara dan mengkaji dan menyelidikinya supaya satu kesimpulan yang adil dapat dicapai. Adakalanya kesimpulan ini selaras dengan pandangan kerajaan; ada kalanya kesimpulan itu bertentangan dengan pandangan kerajaan. Sebagai contoh, pendapat kerajaan bahwa perkhidmatan awam kita lebih cekap daripada kebanyakan negara-negara sedang membangun yang lain boleh dibuktikan melalui penyelidikan; sebaliknya pendapat kerajaan bahwa rasuah telah dikawal mungkin tidak dapat dibuktikan melalui penyelidikan.

Saya sebagai seorang pensyarah dan penyelidik mengikuti lunas-lunas pengajaran dan penyelidikan yang disebutkan di atas. Berdasarkan kajian, saya dapat bersetuju dengan pendirian kerajaan bahwa warganegara dari semua kaum mesti menerima bahasa Melayu sebagai bahasa resmi yang tunggal dan Islam sebagai agama resmi. Lebih daripada itu, mereka mesti memahami kepincangan ekonomi dan sosial kebanyakan kaum bumiputra. Sepertimana dibuktikan dalam tulisan-tulisan dan ucapan-ucapan saya, ini adalah perkara-perkara yang amat penting bagi Aliran — perkara-perkara yang sering diperjuangkan oleh Aliran.

Tetapi, disamping itu, saya dapat menunjukkan juga melalui penyelidikan yang ilmiah bahwa taat buta kepada mana-mana pihak, termasuk golongan yang berkuasa, adalah bertentangan dengan nilai-nilai demokrasi dan Islam. Demokrasi memberi hak mengkritik kepada orang ramai agar kesalahan pemimpin dan penyelewengan pembesar dapat dibetulkan. Sistem beraja yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia berdasarkan pada prinsip-prinsip demokrasi. Itulah sebabnya tiada ada konsep 'taat buta' dalam perlembagaan kita.

Yang lebih penting, Islam menentang keras amalan 'taat buta'. Ketaatan kepada Illahi — iaitu asas dan inti agama kita — berdasarkan pada akal dan bukti-bukti yang ketara daripada alam semula jadi. Kita dilarang menerima Keesaan Tuhan secara membuta tuli. Sekiranya, 'taat buta' dilarang

dalam soal kepercayaan kepada Illahi, apatah lagi dalam soal pemimpin-pemimpin yang melakukan kesalahan secucuk dengan tabii manusia. Itulah sebabnya khalifah-khalifah teragung seperti Umar dan Ali sering dipersoalkan oleh rakyat biasa.

Dalam hubungan ini, harus ditegaskan bahwa saya telah memeluk Islam selepas tujuh tahun mengkajinya. Memang, pengetahuan saya tidak begitu mendalam; saya tidak pernah mengisytiharkan diri sebagai pakar Islam. Namun, tulisan-tulisan saya tentang Islam dimuatkan dalam majalah-majalah antarabangsa dan saya pernah dijemput memberi ceramah-ceramah tentang Islam di dalam dan di luar negeri. Saya masih belajar dan akan terus belajar tentang Islam.

'Bekas penuntut USM' tidak harus meragui tentang keikhlasan saya dan Aliran. Saya mencabar saudara menunjukkan setitik bukti daripada tulisan-tulisan dan ucapan-ucapan saya dan Aliran yang boleh disifatkan sebagai bertentangan dengan kepentingan Islam. Membuat tuduhan yang palsu melalui surat khabar tanpa menyebutkan nama bukan kelakuan yang diharapkan daripada seorang siswazah.

1hb Januari 1981

Dr. Chandra Muzaffar

JAWAPAN KEPADA SYED AHMAD WAFI

(Surat Kepada Pengarang)

Sukacita sekiranya tuan mengizinkan saya menarik perhatian pembaca kepada surat yang ditulis oleh Syed Ahmad Wafa mengenai Aliran yang disiarkan dalam *Bintang Timur* pada 27hb Disember 1980.

Setelah meneliti ucapan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkaitan dengan Aliran dan membaca surat Syed Ahmad Wafa, ingin saya terangkan di sini bahawa apa yang diperbincangkan oleh Tuan Syed, mengenai kedudukan

orang Melayu tidak disentuh langsung oleh Timbalan Menteri itu dalam ucapannya. Saya hairan dan ingin tahu apa maksud dan tujuan Tuan Syed menyeleweng dari tajuk asal. Tuan Syed mungkin mempunyai tujuan-tujuan tertentu; kalau ia pun mengapa memburuk-burukkan nama Aliran dengan begitu rupa tanpa usul periksa.

Untuk pengetahuan dan makluman Tuan Syed, Aliran sejak ia ditubuhkan tidak pernah menentang kedudukan orang-orang Melayu, Bahasa Malaysia sebagai bahasa resmi dan Raja-raja Melayu sepertimana Tuan Syed kata itu, tetapi Aliran telah dan sentiasa memperjuangkan yang baik untuk orang-orang Melayu, Bahasa Melayu dan Raja-raja Melayu.

Di sini ingin saya bawa perhatian sekalian kepada beberapa buku-buku terbitan Aliran dan juga kenyataan akhbar yang isi kandungannya mempertahankan dan memperjuangkan yang baik untuk kepentingan orang Melayu, Bahasa Melayu dan Raja-raja Melayu.

Buku terbitan Aliran yang berjudul 'Merdeka Universiti' jelas mempertahankan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa resmi dan pendapat tidak perlunya sebuah universiti seperti Merdeka Universiti ditubuhkan di Malaysia. Disamping itu Aliran ada juga membuat kenyataan akhbar menentang hal ini.

Sistem Kerajaan Beraja memang disokong oleh Aliran sepertimana yang diterangkan dalam buku terbitannya 'The Protector?'. Apa yang tidak disetujui Aliran ialah sikap rakyat taat setia kepada raja secara membuta tuli. Sikap ini juga tidak digalakkan malah ditentang dalam Islam.

Menyentuh tentang hak-hak keistimewaan orang Melayu ia disokong oleh Aliran. Apa yang tidak menyenangkan Aliran ialah hak-hak keistimewaan ini dipergunakan oleh segelintir orang Melayu yang berada dan berkuasa untuk kepentingan diri sendiri sahaja bukan untuk kepentingan orang Melayu amnya.

Aliran sentiasa memperjuangkan nasib golongan yang miskin (kebanyakan terdiri orang Melayu — pesawah, nelayan, penoreh getah dan lain-lain). Misalnya semasa

kemarau negara pada tahun 1977 Aliran mencadangkan supaya para petani yang malang itu diberi subsidi oleh kerajaan untuk mengurangkan keperluan mereka, dan semasa demonstrasi yang berlaku di Kedah bersabit dengan harga padi, Aliran juga menyokong langkah-langkah kerajaan memberi subsidi kepada petani-petani berkenaan. Aliran juga telah melaungkan pendapatnya menyokong langkah-langkah yang sepatutnya diambil untuk mengatasi keciciran di luar bandar (yang mana 3/4 murid-murid terdiri daripada murid-murid Melayu).

Dalam semua tulisan dan terbitannya Aliran menegaskan tentang perlunya pembaharuan dalam sistem tanah, pertanian dan pemasaran di luar bandar di mana majoriti penghuninya adalah orang-orang Melayu.

Aliran berjuang menentang semua yang salah dan tidak baik misalnya rasuah, tamak haluba dan gila kuasa yang akan membawa kepada penindasan orang-orang miskin yang kebanyakannya orang Melayu.

Berdasarkan huraian di atas, saya rasa sungguh tidak patut Tuan Syed mengucapkan ahli-ahli Aliran yang terdiri dari orang-orang Melayu sebagai pengkhianat bangsa.

Adalah diharap huraian di atas juga akan menghapuskan pandangan serong terhadap Aliran.

T. Zaitun Mahadi
Bendahari

14hb Januari, 1981

SIARAN RADIO 'SUARA REVOLUSI': ALIRAN MEMBANTAH

(Kenyataan Akhbar)

Aliran ingin tahu tujuan di sebalik laporan dalam akhbar *Utusan Malaysia/Bintang Timur* yang menyatakan bahwa Suara Revolusi Parti Komunis Malaya (MCP) telah menyuar-

kan sokongan kepada Aliran dalam perselisihannya dengan Pendaftaran Pertubuhan.

Kalaulah tujuannya hendak menunjukkan bahwa adanya hubungan tertentu di antara Aliran dan PKM, oleh kerana ia muncul pada detik waktu Pengerusi PKM membuat pengakuannya, maka wajarlah bagi kami menganggap kenyataan itu sebagai sangat tidak bertanggungjawab dan nakal. Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tentu mengetahui — sepertimana yang diketahui oleh setiap penuntut ilmu politik Malaysia — bahwa Suara Revolusi pernah pula menyatakan sokongannya kepada berbilang pertubuhan dan orang-orang berseorangan yang melibatkan diri mereka dalam isu-isu yang berkaitan dengan rakyat umum, sebagai sebahagian daripada strategi PKM mengeksploitasikan keluhan-keluhan masyarakat samada yang benar atau yang diada-adakan. Pegawai-pegawai kerajaan tertentu pun pernah menerima sokongan daripada 'Suara Revolusi'. Dapatkah Aliran menghalang 'Suara Revolusi' atau mana-mana pihak daripada menggunakan isu pembatalan pendaftaran untuk maksud tertentu mereka?

Adalah tak menasabah sama sekali menyarankan yang Aliran mempunyai kaitan dengan fahaman komunis ataupun pertubuhan-pertubuhan komunis. Kritikan-kritikan bernas atas teori dan amalan komunisme banyak terdapat di dalam penerbitan-penerbitan Aliran. Falsafah Aliran sendiri yang berpaut kuat kepada asas-asas rohaniah, jelas tidak menggalakkan sebarang pertalian dengan pihak-pihak yang berfahaman komunis. Kira-kira hampir setahun dulu pun Aliran sendiri telah menyuarakan peri pentingnya kita memina sikap berwaspada terhadap negeri China dan kuasa-kuasa besar lain.

Cubaan hendak mengaitkan Aliran dengan komunisme merupakan sama lucunya seperti usaha seorang pemimpin politik hendak mengaitkan Ketua Juruodit Negara dengan 'Suara Revolusi'. Jelaslah, mereka yang mahu memusnahkan Aliran menjadi begitu terdesak oleh kerana setiap tuduhan dan sindiran yang dibuat ternyata tidak benar. Seharusnya lah mereka ini berhenti berbuat demikian oleh kerana kita semua

adalah tertakluk kepada batasan-batasan moral juga undang-undang. Aliran tidak teragak mengambill tindakan undang-undang atas sesiapa pun yang membuat tuduhan yang palsu.

Sebab itulah Aliran merasai bahwa masanya telah tiba bagi Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri masuk campur dalam perkara ini supaya "bangsawan jenaka" ini kelak tidak akan berkesudahan menjadi suatu tragedi.

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

9hb Januari, 1981

ALIRAN MENJELASKAN

(Kenyataan Akhbar)

Ada beberapa hujjah-hujjah dan fakta-fakta dalam ucapan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berhubung dengan Aliran yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* 24hb Januari 1981 yang harus dibetulkan demi kepentingan kebenaran.

Pertama, tidak ada seorang pun pemimpin Aliran yang bekas pelopor parti Gerakan. Presiden Aliran, Dr. Chandra Muzaffar, Setiausahanya, Ariffin Omar, Bendaharinya, Tunku Zaitun Mahadi dan Penolong Setiausaha Gan Teik Chee tidak pernah melibatkan diri dalam politik kepartian. Sewaktu parti Gerakan ditubuhkan pada 1968, Dr. Chandra masih menjadi penuntut di Universiti, Ariffin dan Tunku Zaitun masih di bangku sekolah dan Gan menuntut undang-undang di London.

Lagi pun, pemimpin-pemimpin Aliran tidak percaya bahwa masalah-masalah masyarakat yang terpenting di Dunia Ketiga dapat diatasi melalui parti-parti politik. Ini adalah kerana struktur sosio-ekonomi yang tidak adil di negara-negara yang sedang membangun menghalang penyerahan politik yang bermakna. Dalam hubungan ini, bukan parti-parti politik yang membawa perubahan besar dalam

masyarakat diseluruh dunia tetapi kesedaran sosial seperti-
mana dibuktikan sepanjang sejarah manusia.

Kedua, Aliran tidak boleh disamakan dengan parti politik. Parti politik mengikut takrif yang diterima umum adalah badan yang terlibat dalam persaingan untuk mencapai kuasa. Samada sebuah parti politik meletakkan calon dalam pilihanraya atau tidak adalah soal yang kurang penting. 'Persaingan untuk mencapai kuasa' adalah ciri utama yang membezakan parti politik daripada badan-badan yang lain yang lazimnya disifatkan kumpulan-kumpulan berkepentingan (interest groups).

Kekeliruan tentang peranan Aliran mungkin timbul kerana belum ada badan yang mengisytiharkan diri sebagai badan reformasi sosial di negara kita. Tetapi jika kita mengaji sejarah negara-negara yang lain banyak contoh pergerakan-pergerakan yang bukan parti politik yang cuba membangkitkan kesedaran masyarakat dengan memperjuangkan kepentingan rakyat. Liga Filipina di Filipina, Muhammadiyah di Indonesia, Dravida Kalagam di India, Fabian Society di England dan Civil Rights movement di Amerika Syarikat adalah badan-badan reformasi sosial yang mengandungi gelanggang kuasa walaupun ada di antara mereka yang mempunyai hubungan yang rapat dengan parti-parti politik tertentu. Tetapi Aliran, sepertimana diketahui rakyat, benar-benar bebas daripada parti-parti politik.

Ketiga, adalah tidak adil jika kita mensifatkan merbahaya cara yang diamalkan Aliran untuk mengatasi masalah perkauman. Aliranlah badan yang ulung memujuk bukan Melayu memahami sejarah dan latarbelakang kemelayuan negara ini dan di samping itu, menerangkan kedudukan bahasa Melayu dan Islam sebagai bahasa dan agama resmi berdasarkan faktor-faktor yang rasional (Lihat *Dasar-Dasar* dan *Merdeka University: the real issues*). Adakah ini merbahaya kepada negara? Di kalangan orang Melayu pula, Aliran sentiasa menegaskan bahwa Islam sebagai al-Din yang mengandungi falsafah dan sistem etika yang sejagat (universal) tidak membenarkan perkauman dalam apa bentuk pun (Sura al-Baqara: 213, Sura Hujurat: 13). Itulah sebabnya

Nabi Muhammad s.a.w. telah melarang amalan 'assabiya'. Itulah sebabnya khalifah Ali Ibn Talib telah menasihatkan Gabornya jangan membeza-bezakan berdasarkan kaum. Apakah idea-idea ini merbahaya?

Sebenarnya, sejak 1975 (sebelum Aliran ditubuhkan) muda-mudi Islam di negara kita telah mula mengutuk perkauman berdasarkan hujjah-hujjah dari Islam. Pendekatan inilah yang dapat menarik perhatian bukan Islam kepada keagungan Islam yang universal. Dari segi itu kegiatan-kegiatan Aliran adalah satu sumbangan — bukan sekatan — kepada perpaduan.

Keempat, adalah tidak benar bahwa negara jahanam kerana kritikan para intelektual. Dalam sejarah tiada negara yang hancur kerana kritikan semata-mata. Biasanya kelemahan-kelemahan yang ada pada mereka yang berkuasa adalah punca utama kejatuhan sesuatu pemerintahan selain daripada keadaan masyarakat dalam saat-saat sejarah tertentu sepertimana dibuktikan pada beberapa jus daripada al-Quran. Sebagai contoh, samada pengkritik-pengkritik bekas Shah Iran dibenarkan bersuara atau tidak, sudah pasti rasuah dan penyalahgunaan kuasa beliau tidak reda. Malah, lebih bahaya jika pengkritik-pengkritik disekat kerana penyelewengan di kalangan yang memimpin tidak dapat didedahkan. Sekiranya, pengkritik-pengkritik demokratik terhadap pihak yang berkuasa di Saigon dalam tahun-tahun 60an di benarkan bergerak mungkin negara itu tidak ditawan oleh komunis pada 1975.

Pentingnya hak ini termaktub dalam Al-Quran (surah Ali-Imran: 104). Rasullallah juga pernah bersabda, "Sepatah perkataan tentang keadilan yang disuarakan di hadapan seorang pemimpin adalah jihad yang paling mulia" dan pada satu masa yang lain Baginda bersabda, "perbezaan pendapat dalam umatku adalah rahmat daripada Tuhan".

Kelima, Aliran kuat berpegang kepada pendapat bahwa "Dissent is on trial" (Kebebasan membantah itu sedang diuji — bukan "didakwa"). Kenyataan ini tidak bermakna bahwa kebebasan membantah telah hilang langsung. Itulah sebabnya buku 'Time-bombs' boleh diterbitkan. Ia hanya bermakna

bahwa kebebasan ini sedang menghadapi cabaran. Ini tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak. Dalam 10 tahun yang lalu, berbagai jenis sekatan telah dikenakan terhadap Parlimen, parti-parti politik, kesatuan-kesatuan pekerja, badan-badan profesional seperti majlis peguam, pelajar-pelajar, pensyarah-pensyarah dan rakyat biasa. Pandangan Aliran bahwa kebebasan hak membantah telah merosot berdasarkan fakta-fakta ini. Itulah sebabnya soal, 'Apakah batasan hak membantah?' timbul. Bukan sahaja Aliran yang menanya tetapi berpuluh-puluh badan-badan dan individu-individu yang lain sepertimana terbukti dalam ruangan-ruangan akhbar *Star* baru-baru ini bersabit dengan pendaftaran Aliran.

Oleh kerana Aliran memahami sifatnya hak membantah kami dapat membezakan kritikan daripada tuduhan palsu. Apa yang diperkatakan oleh Senator Rahmah Othman ialah tuduhan palsu yang harus dijawab. Menjawab tuduhan-tuduhan dan sindiran-sindiran yang tidak berasas bukan "melatah" namanya. Ini adalah hak rakyat dalam masyarakat demokratik. Inilah yang dimaksudkan dengan 'cara hidup demokratik' sepertimana tercatat dalam Rukunegara. Demokrasi harus diamalkan dari segi isi dan intinya bukan setakat kulit dan rupa semata-mata.

Hujah-hujah yang lain seperti hujah tentang Rukunegara telah pun dijawab dalam beberapa kenyataan-kenyataan akhbar sebelum ini. Di sini cuma satu perkara yang ingin kami menekankan: memang Aliran sentiasa membezakan kepentingan bumiputra yang sengsara daripada kedudukan bumiputra yang mewah. Bukankah ini yang dimaksudkan dengan 'hak istimewa orang Melayu'?

Akhir sekali, kami tidak memahami bagaimana Aliran boleh dianggap "sebagai seekor tikus yang sedang bermain di salah tempat". Sebagai sebuah pertubuhan yang bertujuan menegakkan fahaman yang tulen tentang kenegaraan dan pembangunan selaras dengan cita-cita Rukunegara setiap persoalan masyarakat yang berkaitan dengan perpaduan, keadilan, demokrasi, kebudayaan dan kemajuan (iaitu cita-cita Rukunegara) adalah hak perbincangan Aliran. Setiap

insan berhak "menyuruh kepada yang makruf" dan "mencegah yang mungkar". Ini adalah kewajibannya sebagai Khalifah Allah kepada Penciptanya.

Sesiapa yang berpandangan bahwa soal-soal politik, ekonomi dan sosial yang merangkumi kehidupan semua anggota masyarakat hanya boleh dibincang oleh ahli-ahli politik tidak menghormati lunas-lunas Islam dan prinsip-prinsip demokrasi.

24hb Januari, 1981

Jawatankuasa

PAS DAN ALIRAN?

(Kenyataan Akhbar)

Aliran menafikan sama sekali adanya kerjasama antara Aliran dan PAS. Tidak ada sebarang pertalian antara dua pertubuhan ini.

Matlamat dan perjuangan Aliran jauh berbeza daripada PAS. Aliran bukan parti politik dan tidak terlibat dalam persaingan untuk mencapai kuasa. Aliran adalah badan berbilang kaum dan agama yang cuba mereformasikan masyarakat berdasarkan nilai-nilai rohaniah yang bersumberkan kepercayaan pada Tuhan. Rukunegara menjadi panduan dalam perjuangan Aliran.

Sebagai pergerakan reformasi, Aliran tidak menghiraukan langsung soal pilihanraya atau kuasa politik.

Buku-buku Aliran dijual secara terbuka dan boleh dibeli di mana-mana kedai. Sekiranya ada ahli-ahli PAS yang tertarik dengan pandangan-pandangan tertentu Aliran, harus ditegaskan bahawa ada pemimpin-pemimpin UMNO juga yang tertarik pada hujjah-hujjah Aliran dalam soal-soal tertentu. Sebuah pergerakan yang menghasilkan idea-idea tidak dapat melarang mana-mana pihak daripada menggunakan idea-ideanya untuk tujuannya sendiri. Tetapi ini tidak akan

membawa apa-apa kesan terhadap Aliran kerana kami berazam mempertahankan kebebasan dan perkecualian kami dalam soal-soal yang berkaitan dengan politik kepertian.

4hb Februari, 1981

Dr. Chandra Muzaffar
Presiden

ALIRAN: JAWAPAN KAPADA AZRI

(Surat Kepada Pengarang)

Walaupun soal Aliran dan Rukunegara telah dijelaskan beberapa kali dalam tempuh dua bulan yang lalu, masih ada individu-individu yang tidak mahu menerima kebenaran.

Pertama, cadangan pindaan terhadap undang-undang tubuh Aliran yang diheboh-hebohkan itu telah diselesaikan dua tahun dulu. Cadangan untuk menggantikan 'Rukunegara' dengan 'universal ethical values' ditarik balik pada bulan Jun 1979. Kenapa soal ini diungkit semula? Ini yang dimaksudkan dengan permainan kotor. Jika ini menjadi sikapnya, apa kata saudara Azri, sekiranya pembaca-pembaca ungkit peristiwa 1974, bilamana seorang menteri kanan mengesyorkan supaya Malaysia mengujudkan 'sistem satu parti' iaitu satu cadangan yang jelas bertentangan dengan hasrat Rukunegara. Tetapi, pada hemat kami, tidak harus kita ungkit soal lama ini kerana kesetiaan menteri yang berkenaan kepada Rukunegara tidak boleh diragui berdasarkan pendiriannya dalam soal-soal yang lain. Begitu juga dengan Aliran yang telah membuktikan kesetiiaannya kepada Rukunegara melalui buku-buku dan risalah-risalah yang diterbitkannya. Justeru, setiap forum dan seminar yang diselolakan oleh Aliran ada kaitannya dengan Rukunegara.

Kedua, adalah ternyata bahawa mereka yang membidas Aliran dalam soal Rukunegara tidak pernah meneliti undang-undang tubuh Aliran atau Rukunegara. Artikel III(5) dalam undang-undang tubuh kami menjamin bahawa setiap ahli

mesti bertindak menurut Perlembagaan Malaysia dan Rukunegara. Oleh kerana adanya fasal ini Aliran cuba memperluaskan nilai-nilai etika sejagat yang terkandung dalam cita-cita Rukunegara. Ingat, cadangan pindaan ditujukan kepada cita-cita bukan prinsip-prinsip Rukunegara. Cita-citanya iaitu masyarakat bersatu, adil, liberal, demokratik, dan progresif adalah cita-cita 'universal'. Apa salahnya jika bidang cita-cita yang bersifat universal ini diperluaskan lagi untuk merangkumi nilai-nilai yang lain seperti kebenaran, belas-kasihan dan sebagainya? Ataupun adakah saudara Azri berpendapat bahawa Rukunegara sudah sempurna? Jika ini pendapatnya, beliau harus diingatkan bahawa bagi orang Islam hanya satu kitab yang benar-benar sempurna iaitu Al Quran al Karim.

Ketiga, saudara Azri memberi gambaran seolah-olah "universal ethical values" adalah satu ancaman kepada negara. Nilai-nilai etika sejagat adalah teras setiap agama. Dalam Islam salah satu daripada cara-cara untuk membuktikan ketaatan kepada Allah adalah melalui kesanggupan kita mengamalkan nilai-nilai etika dalam kehidupan harian kita. Apakah nilai-nilai etika ini? Nilai-nilai seperti kebenaran, kejujuran, ketabahan, belas-kasihan, keadilan, kebebasan, kesamaan, perpaduan dan sebagainya. Sekiranya nilai-nilai ini bertentangan dengan kepentingan negara, kita dapat membuat kesimpulan bahawa Islam dan agama-agama yang lain juga bertentangan dengan kepentingan negara.

Jelas sekali saudara Azri tidak memahami Islam. Beliau mengkritik Aliran membincang Islam kerana ahli-ahlinya terdiri dari berbagai agama. Jika pendapat beliau betul, kabinet dan Parlimen Malaysia tidak berhak membincang soal-soal yang bersabit dengan Islam. Seperti yang telah diterangkan oleh setiausaha Aliran, saudara Ariffin Omar, tempoh hari, hanya ahli-ahli Aliran yang beragama Islam yang membicarakan soal-soal yang berkaitan dengan Islam. Tetapi soal-soal Islam hanya sebahagian daripada masalah-masalah masyarakat yang dikaji dan dibincang oleh Aliran. Sekiranya saudara Azri membaca tulisan-tulisan Aliran, beliau akan sedar bahawa dalam tiga tahun yang lalu, kami telah memberi perhatian yang sama kepada demokrasi.

perpaduan, nilai-nilai bersama dan masalah-masalah seperti rasuah, jurang perbezaan dalam ekonomi dan perumahan. Di samping itu, Aliran telah menyelideki agama-agama yang lain juga seperti mana terbukti dalam buku "ONE GOD MANY PATHS". Buku ini adalah hasil daripada dialog antara agama yang diadakan pada bulan Mac 1980.

Kami tidak memahami bagaimana Azri sanggup membuat tuduhan-tuduhan yang palsu tentang kegiatan Aliran tanpa penyiasatan yang mendalam. Jika beliau sanggup menyiasat dengan pemikiran yang waras, beliau akan memahami siapa yang sebenarnya menodai kesucian Islam — Aliran, atau mereka yang memperjuangkan perkauman dan mengamalkan rasuah samping melaung-laungkan kesucian Islam.

16 Februari, 1981

Mohamed Osman
Ahli Jawatan Kuasa

CADANGAN ALIRAN KEPADA SANUSI

(Kenyataan Akhbar)

Dalam membuat kenyataan-kenyataan tak berasas terhadap Aliran, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Sanusi Md. Yusoff, sekali lagi menyalahgunakan kebebasan atau kekebalan (immunity) Parlimen — terutamanya bilamana perkara-perkara yang dinyatakan itu telahpun disentuh di dalam jawapan-jawapan kami di masa lampau. Kalaulah beliau yakin bahawa apa yang dituduhnya itu memang berasas, beliau boleh mengulangi kenyataannya di luar 'perlindungan' Parlimen. Atau pun, beliau boleh memohon supaya Seri Baginda Yang Di Pertuan Agong berkenankan untuk menghantar sebuah suruhanjaya selidik yang bebas, yang diketuai oleh para hakim kita yang arif bagi menyiasat kegiatan-kegiatan dan penulisan Aliran untuk memastikan bahawa ada kami telah melanggar undang-undang atau tidak.

Kalaulah beliau tidak sanggup menerima cadangan ini, maka makin mengesahkan pendapat umum jua bahawa tujuan sebenar disebalik langkah-langkah terhadap Aliran ialah hendak menghalang orang ramai daripada membangunkan kefahaman yang lebih mendalam tentang isu atau persoalan-persoalan asas yang dihadapi oleh negara.

Mereka yang memahami pendirian Aliran akan mendapati bahawa kami adalah menentang fahaman komunis sama ada dari Soviet, China atau pun dari sebarang jenis. Sokongan Suara Revolusi terhadap Aliran tidaklah patut ditakrifkan bahawa kami juga menyokong Suara Revolusi, sepertimana juga sokongan China terhadap ASEAN tidak patut dimengertikan yang ASEAN menyokong ideologi negeri China.

Demikianlah jua, barang siapa yang membaca dan memahami *Protector?* akan mendapati bahawa Aliran tidak mempersoalkan kedudukan raja-raja perlembagaan. Buku ini hanya menganalisis sikap dan dasar golongan elit Melayu sejak dari zaman dulu hingga sekarang. Aliran membangkitkan beberapa kelemahan golongan elit ini. Apakah golongan elit di dalam sebuah masyarakat demokratik membantah teguran demikian? Di dalam sebuah masyarakat demokratik, seandainya puak elit tidak seharusnya ditegur, seperti di dalam sebuah penulisan ilmiah seperti *Protector?*, maka tiada jaminan masa depan bagi kebebasan pengajian atau demokrasi berpalimen di negara ini.

25hb Februari, 1981

Jawatankuasa

BAB 2

PINDAAN-PINDAAN PADA AKTA PERTUBUHAN

Berikutan dengan krisis pembatalan pendaftaran Aliran, Kerajaan mengambil keputusan meminda Akta pertubuhan 1966. Pindaan-pindaan tersebut menyekat lagi kebebasan pertubuhan-pertubuhan. Malapunt tidak ditujukan terhadap Aliran semata-mata, adalah nyata bahawa pertubuhan kami adalah salah satu daripada sasaran pindaan-pindaan.

Oleh itu, Aliran memainkan peranan yang penting dalam bantahan terhadap pindaan-pindaan Akta. Bantahan ini dan reaksi orang ramai oleh dianggap sebagai peristiwa bersejarah dalam usaha rakyat mempertahankan hak-hak asasi mereka. Rayuan terhadap pindaan-pindaan yang dimuatkan di sini digubalkan oleh satu jawatankuasa penyelarasan yang terdiri daripada beberapa persatuan termasuk Aliran. Dalam penggubalan khususnya, Aliran mengambil bahagian yang cergas.

Satu kenyataan akhbar yang menerangkan kedudukan Aliran lepas Akta tersebut menjadi undang-undang juga disiarkan.

RAYUAN TERHADAP PINDAAN AKTA PERTUBUHAN 1966

pengantar

Pada minggu kedua bulan Mac 1981, akhbar-akhbar tempatan telah melaporkan bahawa kerajaan sedang mencancang untuk mengemukakan Rang Undang-Undang ke Parlimen bagi meminda Akta Pertubuhan 1966 dengan memberi kuasa penuh kepada Pendaftar Pertubuhan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ke atas pertubuhan-pertubuhan di Malaysia.

Pada 19hb Mac 1981, wakil-wakil dari 19 Pertubuhan yang bernesyuarat di Kuala Lumpur telah menandatangani satu Memoranda menyesali keputusan kerajaan mengemukakan Rang Undang-Undang tersebut. Wakil-wakil 19

pertubuhan itu juga memohon untuk bertemu dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad yang pada ketika itu Pemangku Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Tan Sri Ghazali Shafie bagi membincangkan isu tersebut. Pertubuhan-pertubuhan lain juga telah diseru untuk menyokong memoranda berkenaan.

Pada 4hb April 1981, wakil-wakil dari berbagai pertubuhan bertemu lagi di Kuala Lumpur untuk membincangkan cadangan Pindaan Akta Pertubuhan. Sehingga kini 29 pertubuhan lain telah turut menandatangani Memoranda 19 Mac lalu, dari itu, sejumlah 48 pertubuhan telah menyokong Memoranda tersebut. Selain dari Pertubuhan-pertubuhan berkenaan, terdapat pertubuhan-pertubuhan lain yang telah menyatakan sikap masing-masing menentang Rang Undang-undang termasuk parti-parti politik, persatuan-persatuan ikhtisas, persatuan-persatuan perniagaan, kesatuan-kesatuan Sekerja dan Majlis Peguam. Maka dapatlah disimpulkan bahawa terdapat bangkangan yang bertambah dan menyeluruh terhadap cadangan pindaan tersebut.

Sementara itu Rang Undang-Undang berkenaan telah diedarkan kepada ahli-ahli Parlimen dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada hari Rabu 8hb April 1981, beberapa hari sebelum berakhirnya sidang Parlimen sekarang. Jelas dari itu ianya hampir tidak memberikan waktu untuk diadakan perbincangan yang bermakna.

Ini sungguh dikesalkan kerana Rang Undang-Undang yang sebegitu penting yang merupakan satu percubaan untuk membataskan kebebasan bersuara dan kebebasan berkumpul haruslah memberi kesempatan untuk diperbincangkan oleh masyarakat dalam jangka waktu yang lebih lama, dan tidaklah diluluskan di Parlimen secara terburu-buru dalam tempoh satu atau dua hari sahaja.

Memandangkan kepada keadaan yang sebegitu mendesak, wakil-wakil pertubuhan yang menyokong Memoranda pertama tanggal 19 Mac 1981 telah bertemu di Kuala Lumpur untuk merangka dan mengemukakan Rayuan terhadap Pindaan Akta Pertubuhan 1966.

Cadangan Memberikan Kuasa Penuh Kepada Pendaftar.

Cadangan pindaan ini dirangka untuk memberikan Pendaftar Pertubuhan-Pertubuhan beberapa kuasa baru secara meluas sekali bagi membolehkannya mengawal sepenuhnya pentadbiran dan perjalanan semua pertubuhan.

Kuasa-Kuasa ini termasuklah perkara-perkara berikut:—

- i. Bidang kuasa Pendaftar yang penuh untuk mengarah dan memutuskan sesuatu perkara atas budibicaranya dan tertakluk *hanya* kepada pertimbangan Menteri sekiranya terdapat rayuan (Seksyen 2A(2), 9A(5), 13A(96), dan 18H)*.
- ii. Alasan baru menurut budibicara Pendaftar untuk membatalkan pendaftaran sesebuah persatuan kerana:
 - (a) Mengenenepikan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri dan peruntukan-peruntukan bersabit dengan sistem Raja Yang Berperlembagaan, Islam, agama-agama lain, Bahasa Kebangsaan, kedudukan orang-orang Melayu dan bumiputra lainnya, kepentingan yang sah bagi masyarakat lain dan *apa-apa perkara lain* (Seksyen 2A (1)).
 - (b) Bahawa 'pertubuhan politik' mengekalkan bukan warganegara sebagai anggota (Seksyen 18F (4)) atau menerima bantuan kewangan dari punca luar negeri (Seksyen 18G (3)).
- iii. Kuasanya untuk menentukan mana-mana pertubuhan-pertubuhan sebagai 'politik' (Seksyen 18D (6)).
- iv. Kuasanya untuk menggugurkan mana-mana pemegang jawatan, penasihat atau pekerja kerana alasan-alasan baru sepertimana yang dijelaskan menurut (Seksyen 9A (1) atau 13A (1)).
- v. Kuasa untuk melarang mana-mana 'gabungan atau hubungan diluar Persekutuan' (Seksyen 11A (3)) bah-

* Semua seksyen yang diperkatakan adalah seksyen di dalam Akta pindaan yang dicadangkan.

kan apa jua bentuk 'kommunikasi atau apa-apa jua urusan lain' (Seksyen 13A (1) (b)).

- vi. Kuasa mengarah pertubuhan untuk meminda peraturan dan perlembagaan berhubung dengan 'pemegang jawatan' (S 13A (1) (a) (c)) meminda tujuan serta apa-apa perkara lain (S 13A (2)).
- vii. Kuasa-kuasa pengecualian yang memungkinkan diskriminasi dan tindakan sewenang-wenang dalam memutuskan untuk:
 - (a) Membolehkan orang yang 'hilang kelayakan' untuk memegang jawatan. (S 9A (4));
 - (b) Membenarkan penggabungan dengan pertubuhan luar negeri (S 11A (1) dan (2));
 - (c) Membatalkan takrif 'pertubuhan politik' (S 18E);
 - (d) Membenarkan penerimaan bantuan kewangan dari punca luar negeri (S 18G (1)).

Kuasa-kuasa tersebut membolehkan pihak pendaftar untuk mengawal dan memberi arahan kepada semua pertubuhan-pertubuhan di Malaysia. Adalah sukar sekali untuk dipercayai bagaimana sebuah kerajaan yang mengamalkan prinsip demokrasi dapat menimbang kemungkinan memberikan kuasa yang begitu luas semata-mata kepada seorang pegawai kerajaan. Seorang individu atau pertubuhan yang melakukan sesuatu kesalahan boleh dihadapkan ke mahkamah dan didakwa. Tetapi cadangan-cadangan pindaan tersebut membataskan hak-hak pertubuhan dan memindahkan hak-hak itu kepada Pendaftar yang sesungguhnya tidak bertanggungjawab secara langsung kepada masyarakat.

Sebenarnya Pendaftar telahpun diberi kuasa yang berlebihan didalam Akta yang berjalan sekarang dalam melaksanakan tanggungjawab jabatannya. Isu-isu yang melewati bidang kuasanya telah diliputi oleh undang-undang lain yang wujud. Adalah satu kesalahan besar untuk terus menambah kuasa Pendaftar, kerana kuasa-kuasa secara meluas yang diberikan kepada Pendaftar adalah bercanggah dengan prinsip-prinsip asas Perlembagaan Malaysia dan Piagam Hak-Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Penafian Hak Untuk Merayu Ke Mahkamah

Pindaan-pindaan ini menetapkan bahawa tindakan Pendaftar sama sekali tidak boleh dicabar didalam mahkamah. Oleh kerana perkara ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta sebelumnya, sesuatu pertubuhan yang terbatal pendaftarannya masih dapat merujukkan perkara tersebut ke mahkamah. Penafian peluang ini bermakna, sekiranya sesuatu pertubuhan itu dibatalkan, ia hanya dibolehkan merayu kepada Menteri dan keputusannya "adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah". (S 2A (2), 13A, 18H). Ini meletakkan semua pertubuhan-pertubuhan berdaftar dalam kesulitan. Selagi seseorang itu dapat merayu kepada satu badan yang bebas dan berwibawa yang seharusnya merupakan sendi sistem demokrasi kita, maka sekurang-kurangnya ia dapat juga mengharapkan agar terlaksananya keadilan. Dengan menafikan peluang ini kepada pertubuhan-pertubuhan, mereka dipaksa menyerah kepada pertimbangan tokoh politik tertentu. Sekiranya tindakan eksekutif diletakkan di bawah pengawasan badan kehakiman, sistem demokrasi kita dapat diperkuatkan lagi. Dengan kefahaman yang sedemikianlah maka Perlembagaan Malaysia telah digubal, kerana sekiranya Parlimen itu dianggap berdaulat, kedudukan para Menteri tentulah tidak dianggap demikian.

Lantaran itu, cadangan-cadangan pindaan itu dari satu segi, telah bercanggah dan merendahkan Perlembagaan Persekutuan. Ini disebabkan kuasa-kuasa baru yang diberikan kepada Pendaftar akan membolehkannya menentukan perkara-perkara yang berkaitan dengan kuasa-kuasa Perlembagaan yang selama ini terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah-mahkamah Tertinggi. Dengan mencantumkan artikel (128 (2)) dalam Perlembagaan dengan bahagian (48 (1)) Courts of Judicature Act, hanya mahkamah sahaja yang boleh menentukan perkara-perkara yang berkaitan dengan Perlembagaan. Jadi pindaan ini dapat dianggap sebagai satu pencerobohan yang ketara ke atas doktrin pembahagian kuasa bahkan ia merupakan usaha merampas kuasa

mahkamah oleh cabang eksekutif kerajaan. Dari itu, kewibawaan kerajaan dengan sendirinya akan tercemar.

Penentuan "Pertubuhan Politik"

Keputusan untuk menetapkan pembahagian baru Pertubuhan-pertubuhan sebagai "Pertubuhan-Pertubuhan Politik" tidak akan membantu untuk menambahkan lagi kewibawaan kerajaan. Pertubuhan politik ditakrifkan sebagai pertubuhan yang berusaha untuk "mempengaruhi dengan apa jua cara dasar-dasar atau aktiviti-aktiviti atau mana-mana daripada dasar atau aktiviti, atau perjalanan, pengurusan atau pengendalian, Kerajaan Malaysia, atau mana-mana Kerajaan Negeri, atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau mana-mana jabatan atau agensi mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa itu". (Pindaan Seksyen 2).

Takrif tersebut mencerminkan kedangkalan faham tentang perjalanan sistem demokrasi itu sendiri. Untuk membuktikan betapa tidak logiknya konsep Pertubuhan politik ini, perlulah dianalisa hujah-hujah *disebalik itu*.

Setengah-setengah pemimpin kerajaan menekankan bahawa hanya ahli-ahli politik 'profesional' berhak untuk mengemukakan pandangan terhadap hal ehwal negara. Jika seseorang itu ingin mengkritik dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan maka ia sepatutnya menjadi ahli politik. Berdasarkan kepada ini, maka kumpulan-kumpulan yang bukan parti politik tetapi masih tetap menyuarakan isu-isu masyarakat setidak-tidaknya digolongkan sebagai pertubuhan-pertubuhan politik.

Pandangan ini adalah tidak tepat. Semua individu-individu dan kumpulan-kumpulan berhak untuk membincangkan hal ehwal negara. Mereka juga berhak untuk mempengaruhi dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan. Seseorang pengundi dalam sesuatu pilihanraya itu seolah-olah sedang memberikan pendapatnya mengenai dasar-dasar kerajaan. Seorang suri-rumah tangga yang menulis kepada akhbar mengadu tentang pungutan sampah dalam kawasan

rumahnya sebenarnya menegur kerja-kerja kerajaan. Sebuah badan persuratan yang berhasrat untuk terlibat dengan masyarakat dalam membahaskan soal-soal bahasa dan kebudayaan sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran kerajaan dalam isu berkenaan. Sebuah gerakan keagamaan yang melihat persoalan masyarakat – dari sudut etika turut sama memberikan penilaian terhadap dasar-dasar kerajaan. Sebuah persatuan perniagaan yang cuba mempengaruhi negara supaya melayani kepentingannya secara tidak langsung mengenakan pengaruhnya ke atas kerajaan. Kumpulan pengguna yang menuntut untuk mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan dengan lebih baik adalah terlibat secara langsung dengan dasar-dasar dan kegiatan-kegiatan kerajaan. Pertubuhan alam sekitar yang mengusahakan agar suasana persekitaran menjadi lebih selesa untuk kehidupan barang pasti cuba memberikan kesan ke atas kegiatan-kegiatan kerajaan. Akhirnya sebuah gerakan pembaharuan yang berusaha keras untuk mempererat hubungan antara kaum dan memperkokohkan keutuhan awam juga mestilah mempengaruhi dasar-dasar kerajaan demi kepentingan negara. Dengan demikian nyata sekali bahawa tugas mempengaruhi kerajaan pada teorinya adalah menjadi tanggungjawab setiap orang.

Adalah aneh sekali untuk menganggap golongan yang memainkan peranan membina termasuk usaha mempengaruhi dasar-dasar awam digolongkan sebagai 'Pertubuhan politik'. Di tempat-tempat lain di dunia ini golongan demikian digelar "interest-cum-pressure groups" atau kumpulan-kumpulan sosial. Sebahagian dari mereka mempunyai tujuan-tujuan yang terbatas manakala yang lainnya memperjuangkan kepentingan yang umum. Dengan meletakkan mereka sebagai 'pertubuhan-pertubuhan politik' sumbangan membina mereka selama ini cuba dinafikan.

Malah dilihat dari sudut praktiknya, pindaan yang dicadangkan amat sukar untuk dilaksanakan. Ia bermakna bahawa apabila sesebuah pertubuhan membuat teguran terhadap dasar-dasar negara dalam sesuatu isu, maka pada ketika itu ia akan menjadi "pertubuhan politik". Tetapi sesudah itu

ia akan kembali sebagai "pertubuhan biasa". 'Kelab-kelab perkhidmatan' mungkin terkecuali dari peraturan tersebut, akan tetapi sebilangan besar pertubuhan akan berbalik sebagai 'pertubuhan politik' dan 'pertubuhan biasa' menurut peraturan itu. Ini membuktikan betapa tidak rasionalnya pembahagian yang dicadangkan. Satu-satunya cara yang mungkin digunakan ialah menjalankan undang-undang mengikut pilihan atas budibicara pihak pendaftar. Sekiranya ini berlaku, prinsip keadilan pentadbiran jelas dipersendakan dan nama baik kerajaan tentulah terjejas.

Namun demikian kita dapat memahami mengapa parti-parti politik wujud sebagai satu kategori yang berasingan. Tidak seperti kumpulan-kumpulan sosial, sebuah parti politik adalah terlibat secara langsung dalam persaingan untuk merebut kekuasaan politik. Itu adalah ciri yang membedakan sebuah parti politik dengan pertubuhan lainnya. Hubungan antara parti-parti politik dan ahli-ahli politik di satu pihak, serta sebahagian besar anggota masyarakat yang terlibat dalam proses perubahan sosial boleh diibaratkan seperti hubungan guru dengan masyarakat. Meskipun guru adalah bertanggungjawab secara langsung, masyarakat secara umumnya dan ibubapa khususnya mestilah mengambil berat tentang soal pendidikan anak-anak mereka. Tidak diragukan lagi bahawa setengah ibubapa lebih mengambil berat tentang kemajuan pelajaran anak-anaknya daripada yang lain. Sungguh malang sekali jika seseorang guru mencabar ibubapa supaya ikut menyertai profession guru sekiranya ibubapa yang berkenaan ingin membincangkan pendidikan anak mereka. Adalah menyedihkan jika guru meminta supaya ibubapa sekurang-kurangnya mengisytiharkan diri mereka sebagai "guru-guru" sekalipun mereka tidak mengajar dan sekiranya tidak, mereka tidak seharusnya mengeluarkan pendapat mereka.

Inilah keadaan sebenarnya. Oleh kerana banyak pertubuhan tidak bersetuju untuk digolongkan sebagai 'pertubuhan politik' kerana kemungkinan besar akan dikelirukan dengan parti politik, mereka justeru itu akan enggan untuk mengemukakan pandangan terhadap dasar dan kegiatan Kerajaan. Akibatnya ialah penyertaan masyarakat

dalam soal-soal penting negara akan berkurangan. Perbincangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan persatuan-persatuan tertentu dan masyarakat juga pasti berkurangan. Hal yang sedemikian akan mendatangkan kesan buruk dan akan merugikan semua pihak.

Pertama, kumpulan-kumpulan sosial tidak dapat mengemukakan pandangan bebas terhadap apa-apa masalah yang tidak terikat dengan kepentingan kepartian. Parti-parti politik mungkin terbatas dalam keadaan-keadaan tertentu kerana terikat untuk menjaga kepentingan mendapat sokongan pengundi-pengundi. *Kedua*, pertubuhan-pertubuhan ini tidak lagi merupakan saluran berkesan untuk menyampaikan hasrat rakyat yang dapat dimanfaatkan bersama oleh Kerajaan sebagai maklum-balas dari rakyat. Sambutan rakyat yang dapat dikesan melalui pertubuhan-pertubuhan akan mencakup persoalan masyarakat secara meluas. Ini akan membantu Kerajaan dalam perencanaan, mengkaji semula dan menyesuaikan dasar-dasar yang dapat menjamin kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Sekatan-sekatan yang dikenakan ini lebih mengongkong pegawai-pegawai Kerajaan, guru-guru, dan pensyarah-pensyarah kerana mereka akan terpaksa menarik diri dari 'pertubuhan politik' kerana ia bersifat 'politik'. Dalam sesebuah negara membangun yang masih belum mempunyai ramai golongan berpendidikan tinggi, penarikan mereka dari kumpulan-kumpulan tersebut bermakna mutu perbincangan secara terbuka mengenai isu-isu sosial pasti akan menurun. Jika ini berlaku ia akan membawa kesan kepada kemampuan masyarakat seluruhnya dalam menggarap persoalan-persoalan serta menghadapi cabaran-cabaran utama dalam masyarakat.

Sekatan Ke Atas Perhubungan Dengan Pertubuhan Luar Negeri

Di dalam Akta Pertubuhan, Seksyen 13A yang telah dipinda dalam tahun 1972, mempunyai peruntukan yang memberi kuasa kepada Pendaftar untuk melarang sebarang pertubuhan daripada mempunyai sebarang gabungan atau

pun hubungan luar negeri. Pada pendapat kami, pindaan ini pun adalah keterlaluan.

Pindaan yang dicadangkan menjangkau lebih jauh dari ini dan memberikan kepada pendaftar kuasa yang menyeluruh menerusi Seksyen kecil 13A (1) (b) yang menghalang sesuatu pertubuhan "daripada mempunyai samada secara langsung atau pun tidak secara langsung, sebarang bentuk gabungan, hubungan komunikasi atau sebarang bentuk pakatan, dengan mana-mana pertubuhan lain di luar persekutuan atau dengan mana-mana pihak berkuasa, kerajaan atau sebaliknya, di dalam mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar persekutuan"

Dengan pindaan yang sedia ada, segala pertubuhan di Malaysia yang mempunyai hubungan atau pun gabungan dengan pertubuhan luar negeri mestilah memohon kepada Pendaftar untuk memulakan atau pun untuk meneruskannya. Ini adalah satu lagi langkah mundur. Ketika ini sebilangan besar daripada pertubuhan di Malaysia mempunyai pelbagai bentuk hubungan dengan kebanyakan pertubuhan luar negeri. Perhubungan seperti ini telah membantu dalam menjalinkan ikatan muhibbah antarabangsa. Daripada mengadakan sekatan dan pengawasan ke atas perhubungan begini, kerajaan seharusnya menggalakkan lagi usaha ke arah kerjasama antarabangsa.

Selanjutnya pertubuhan-pertubuhan tidak akan dibenarkan untuk menerima bantuan kewangan atau sumbangan daripada individu-individu atau pertubuhan-pertubuhan di luar negeri melainkan dengan kebenaran dari Pendaftar. Tindakan ini bukan sahaja memberi kesan terhadap perhubungan Antarabangsa malah lebih penting lagi ia akan menyekat kegiatan-kegiatan berbagai pertubuhan yang telah memberi sumbangan kepada kemajuan negara termasuklah sebahagiannya dari sumber-sumber luar negeri.

Selain dari itu, kesamaran makna berbagai istilah seperti 'pertalian', 'perhubungan', 'secara langsung mahupun tidak langsung' dan 'atau lain-lain bentuk perhubungan' akan mengganggu peranan yang seharusnya dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan. Umpamanya, adakah menerima sesuatu terbitan

atau pun surat dari luar negeri dimaksudkan sebagai perhubungan? Suatu prinsip utama dalam undang-undang ialah ketelitian atau pentakrifan yang jelas. Malangnya, hal ini tidak didapati di dalam pindaan-pindaan yang disyorkan.

Pembatalan Yang Dikenakan Keatas Penjenayah-Penjenayah, Tahanan-Tahanan Dan Lain-Lain.

Selanjutnya, menghilangkan kelayakan terhadap seseorang yang bersabit atas mana-mana kesalahan di bawah Akta tersebut ataupun undang-undang yang akan dikenakan denda tidak kurang dari dua ribu ringgit (\$2,000) atau penjara selama tidak kurang dari setahun (Seksyen 9A) daripada memegang mana-mana jawatan di dalam sesuatu pertubuhan berdaftar selama 5 tahun, walaupun setelah ia dibebaskan, adalah jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan. Di dalam undang-undang, sepertimana di dalam Islam dan lain-lain agama, seseorang yang telah dihukum atas kesalahannya mestilah diberi kebebasan menjalani kehidupan dan bergerak sama seperti lain-lain warganegara yang bebas. Malah lebih penting lagi seseorang yang ditahan ataupun kegiatannya disekat di bawah undang-undang Keselamatan (9A) tidak seharusnya dilarang daripada memegang jawatan di dalam pertubuhan berdaftar semata-mata kerana belum dibuktikan kesalahannya di dalam Mahkamah undang-undang, terutamanya di kalangan tahanan politik yang dinafikan hak untuk dibicarakan secara terbuka.

Kesimpulan

Kuasa menyeluruh yang diberikan kepada Pendaftar, sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas mereka yang pernah menjalani hukuman jenayah atau yang pernah ditahan, penafian hak untuk merujuk ke Mahkamah, menubuhkan pertubuhan-pertubuhan politik; pembatasan ke atas gabungan-gabungan antarabangsa, pertalian dan bantuan kewangan luar negeri dan memberatkan hukuman-hukuman, bukan sahaja akan memaksa kumpulan-kumpulan sosial mengambil sikap yang pasif, tetapi juga akan mempengaruhi kebebasan berpolitik dan tuntutan keadilan sosial.

Kebebasan berpolitik yang kian merosot merupakan sebahagian dari corak pemerintahan yang merbahaya. Selama lebih 10 tahun yang lalu, Parlimen, parti-parti politik, kesatuan sekerja, mahasiswa-mahasiswa, ahli-ahli akademik, golongan professional, akhbar dan warganegara biasa telah dikenakan sekatan-sekatan yang semakin bertambah.

Kita kini hampir di dalam keadaan untuk lebih mengagungkan lambang semata-mata meskipun tidak mempunyai makna lagi. Kongkongan ke atas kebebasan berpolitik tidak akan dapat menolong untuk mempertahankan sistem demokrasi dari ancaman totalitarianisme komunis. Kerana sesungguhnya, sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas pertubuhan sebenarnya adalah bentuk tindakan yang mudah diambil kesempatan oleh komunis untuk mempengaruhi rakyat bahawa sistem demokrasi kita adalah palsu dan ianya dipergunakan untuk mengekalkan kuasa golongan-golongan penguasa dengan mengorbankan kebebasan rakyat. Lagipun, apabila pertubuhan yang mewakili berbagai-bagai kepentingan diganggu dan dihalang daripada memainkan peranan yang wajar, individu dan kumpulan-kumpulan yang mempunyai rasa tanggungjawab ke atas kemajuan negara mungkin merobah dengan menjalankan kegiatan-kegiatan bawah tanah. Aktiviti-aktiviti begini tentunya akan mengugat kestabilan sosial.

Sepertimana kebebasan politik begitulah juga keadilan sosial. Di negara-negara yang membangun, peranan kumpulan-kumpulan sosial dalam menuntut keadilan sosial tidak dipertikaikan lagi. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan berbagai kumpulan di negara-negara maju dan yang sedang membangun telah lama menerima hakikat ini. Umpamanya didalam Laporan Suruhanjaya Brandt baru-baru ini yang berjudul "North-South Report" menjelaskan bahawa kumpulan-kumpulan tersebut selalunya akan dapat "menjamin dalam melaksanakan reformasi dalam berbagai bidang ekonomi dan sosial." Selanjutnya, pertubuhan-pertubuhan tersebut dapat membantu dalam mempelbagaikan usaha-usaha pembangunan, menggerakkan sumber-sumber dan dalam menjalankan kerja-kerja kebajikan secara kumpulan. Ia juga menyimpulkan: "Dalam usaha mencapai tujuan-

tujuan utama pembangunan, tidak ada sistem akan mampu mencapai tujuan dengan sempurna dan berkesan tanpa kerelaan dan penglibatan penuh rakyat."

Rayuan

Memandangkan akibat yang buruk sekiranya Cadangan Pindaan ini diteruskan, maka kami merayu kepada pihak Kerajaan supaya tidak meneruskan Cadangan untuk membatalkan Rang Undang-undang tersebut. Sebagai pilihan, pindaan tersebut boleh dirujukan kepada Jawatankuasa Khas Parlimen untuk membolehkan orang ramai memberi pandangan ke atas peruntukan berkenaan. Walaubagaimanapun, Kerajaan akan menunjukkan sikap terbuka yang tentunya akan dikagumi sekiranya Kerajaan bersetuju untuk menggugurkan samasekali Rang Undang-Undang tersebut. Ia akan membuktikan kepada rakyat bahawa sebagai sebuah negara demokrasi, Kerajaan bersedia untuk menyambut pendapat orang ramai lebih-lebih lagi jika pandangan tersebut adalah berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan.

April 1981

TENTANG PERSOALAN 'PERSATUAN POLITIK'

(Kenyataan Akhbar)

Dalam mesyuarat agung tergempar yang diadakan pada 4 Julai 1981 di Pulau Pinang, Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) telah memutuskan dengan sebulat suara bahawa ia tidak akan menentukan diri sebagai persatuan politik. Sekiranya, penentuan sedemikian dipaksa terhadap Aliran oleh Pendaftaran Pertubuhan, Aliran akan mengkaji segala implikasi dan akibat-akibatnya sebelum mengambil langkah-langkah selanjutnya.

Walau apa pun keputusan muktamadnya, Aliran berikrar meneruskan perjuangan luhurnya untuk meninggikan kesedaran masyarakat dengan tujuan mewujudkan negara

Malaysia yang adil, bebas dan bersatu yang berpandukan prinsip-prinsip etika dan berdasarkan pada nilai-nilai rohaniyah yang bersama.

Keputusan untuk mengekalkan kedudukan kita dipengaruhi oleh kesetiaan Aliran kepada cita-cita dan amalan-amalan demokratik. Dalam demokrasi, sebuah kumpulan warganegara yang cuba melahirkan kemasyghulannya demi kesejahteraan masyarakat tidak harus ditentukan sebagai persatuan politik. Ini adalah satu peraturan yang menghancurkan inti penyertaan dan perbahasan demokrasi.

Dengan mengekalkan kedudukan kini sebagai persatuan bukan politik, Aliran telah bertindak selaras dengan 117 persatuan yang lain yang mengambil keputusan yang sama juga. Adalah diharapkan bahawa khalayak ramai akan menghargai pendirian persatuan-persatuan ini yang merupakan satu usaha yang berani untuk mempertahankan kebebasan yang makin berkurangan di Malaysia.

Julai 1981

Jawatankuasa

